PARLIMEN KELIMA BELAS



LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)



PENGURUSAN HUTAN DAN IMPAK KEPADA ALAM SEKITAR DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM (KINI DIKENALI SEBAGAI KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM)

DR.20 TAHUN 2024



AHLI-AHLI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN PENGGAL KE 15

1. YB Datuk Wira Mas Ermieyati Samsudin [Masjid Tanah] ***-Pengerusi***
2. YB Puan Wong Shu Qi [Kluang] ***-Naib Pengerusi***
3. YB Tuan Syahredzan Johan [Bangi]
4. YB Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]
5. YB Dato' Adnan Abu Hassan [Kuala Pilah]
6. YB Dato' Mohd Isam Mohd Isa [Tampin]
7. YB Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
8. YB Tuan Ts. Zahir Hassan [Wangsa Maju]
9. YB Dr. Richard Rapu @ Aman Anak Begri [Betong]
10. YB Tuan Haji Azli Yusof [Shah Alam]
11. YB Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman Ku Ismail [Kubang Pasu]
12. YB Tuan Ahmad Tarmizi Sulaiman [Sik]
13. YB Datuk Ali Anak Biju [Saratok]
14. YB Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]
15. YBrs. Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin ***-Setiausaha PAC / Setiausaha Dewan Rakyat***

WAKIL TETAP KERAJAAN DALAM PAC

(EX-OFFICIO PAC PARLIMEN)

1. Jabatan Peguam Negara (AGC)
2. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
3. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
4. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
5. Jabatan Audit Negara (JAN)
6. Kementerian Ekonomi
7. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)



KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
INFOGRAFIK	
1. PENDAHULUAN	1
2. OBJEKTIF PROSIDING	2
3. SKOP DAN METODOLOGI	2
4. LATAR BELAKANG	7
5. KETERANGAN SAKSI	8
5.1 Keterangan Timbalan Ketua Audit Negara (TKAN) (Prestasi)	8
5.2 Keterangan Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar Dan Kelestarian Alam (NRECC)	11
a) Liputan Hutan dan Pelaporan Data Hutan Nasional	11
b) Pewartaan Perkampungan Orang Asli	13
c) Penubuhan Ladang Hutan	13
d) Pengurusan Projek Pembangunan Ladang Hutan	14
e) *Central Forest Spine* (CFS)	15
f) *Heart Of Borneo* (HoB)	15
g) Kesejahteraan Sosial Dan Hidupan Liar	16
h) Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)	18
i) Kesan Kepada Alam Sekitar – Kadar Pencemaran	19
j) Kesan Kepada Alam Sekitar – Tanah Runtuh dan Banjir	19
k) Rancangan Pengurusan Hutan (RPH)	20
l) Pengurusan Sumber Hutan	21
m) Pembangunan Hutan Asli	21
n) Penguatkuasaan Dan Pengurusan Sumber Hutan	25
o) Sistem Dan Teknologi Perhutanan	26
5.3 Keterangan Jabatan Hutan Sarawak (FDS)	27
a) Tadbir Urus Hutan Wilayah Sarawak	27
b) Litupan Hutan	28
c) Ladang Hutan	30
d) HoB Di Sarawak	32
e) RPH Di Sarawak	32
5.4 Keterangan Jabatan Perhutanan Sabah (SFD)	33
a) Tadbir Urus Hutan Negeri Sabah	33

PERKARA	MUKA SURAT
b) Ladang Hutan	36
c) HoB Di Sabah	37
d) RPH Di Sabah	40
6. Penemuan PAC	41
6.1 Unsur Nadir Bumi Bukan Radioaktif (NR-REE)	41
a) Jumlah Lombong Haram NR-REE	41
b) Kebenaran Perlombongan NR-REE Sedang Dikaji	42
c) Projek Rintis NR-REE Di Kawasan Ladang Hutan	43
d) Kadar Simpanan NR-REE Di Semenanjung Malaysia	45
e) Tatacara Perlombongan NR-REE	48
f) Akta Yang Perlu Dipinda Bagi Membolehkan Perlombongan NR-REE Di Kawasan HSK	49
6.2 Isu Pembalakan	50
a) Pembalakan Dilaksanakan Di Hutan Pengeluaran	50
b) Peratusan Hutan Perlindungan Dan Hutan Pengeluaran	52
c) Pembalakan Di Ulu Muda, Kedah	53
d) Proses Untuk Mendapatkan Lesen Pembalakan Di Sarawak	54
e) Pemantauan Penanaman Semula Di Sarawak	58
f) Catuan Tebangan Tahunan (CTT) Di Sarawak	59
g) Nilai Hasil Pembalakan Di Sarawak	60
h) Baki Kawasan Pembalakan Di Sarawak	62
i) Tindakan Yang Diambil Bagi Mengurangkan Kebergantungan Terhadap Aktiviti Pembalakan Di Sarawak	63
j) Manfaat Hasil Pembalakan Kepada Sosioekonomi Komuniti Setempat Di Sarawak	66
k) Jumlah Lesen Pembalakan Dan Keluasan Hutan Terlibat Di Sabah	69
l) Jumlah Hasil Aktiviti Pembalakan Di Sabah	70
6.3 Isu Penguatkuasaan	70
a) Pemantauan Dan Penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127]	70
b) Kelemahan Akta Pembangunan Mineral 1994 [Akta 525]	72
c) Isu Pencerobohan Hutan	74
d) Isu Tanah Runtuh Di Cameron Highland Dan Batang Kali	75
e) Penguatkuasaan Hutan Di Bawah Akta Perhutanan Negara Pindaan Tahun 2022 (A1667)	77
f) Tindakan Yang Diambil oleh SFD Bagi Menangani Isu Penebangan Haram	79
g) Kadar Denda Kesalahan Hutan	80

PERKARA	MUKA SURAT
6.4 Kesejahteraan Sosial Dan Hidupan Liar	81
a) Pewartaan Perkampungan Orang Asli	81
b) Pelan Pengurusan Hidupan Liar (WMP)	82
6.5 Ladang Hutan	83
6.5.1 Ladang Hutan Di Semenanjung Malaysia	83
a) Objektif Program Ladang Hutan	83
b) Syarat Penubuhan Ladang Hutan	85
c) Justifikasi Penetapan 153 Meter Padu Per Hektar Sebagai Ladang Hutan	87
d) 11 Spesies Tanaman Semula Ladang Hutan	88
e) Penanaman Kelapa Sawit Dalam Ladang Hutan Di Semenanjung Malaysia	89
f) Program Pembangunan Ladang Hutan (PPLH) Di Bawah Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK)	90
g) Daya Maju Ekonomi Ladang Hutan	92
6.5.2 Ladang Hutan Di Sarawak	95
a) Lesen Ladang Hutan – *License for Planted Forest* (LPF)	95
b) Sasaran Penanaman Ladang Hutan di Sarawak	96
c) Usaha Penanaman Semula Bagi Ladang Hutan di Sarawak	98
d) Tempoh Masa Pulangan Daripada Hasil Ladang Hutan Di Sarawak	98
e) Kajian Ladang Hutan Dan Spesies Pokok Ladang Hutan	99
6.6 Isu Berkaitan Perundangan Perhutanan	100
a) Definisi Litupan Hutan Berdasarkan Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO), Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN)	100
b) Keengganan Negeri Mengguna Pakai A1667	102
7. RUMUSAN PAC PARLIMEN	105
8. SYOR PAC PARLIMEN	107
GAMBAR PROSIDING	
GLOSARI	
AGENDA MESYUARAT	
LAPORAN PROSIDING (HANSARD)	
DOKUMEN PEMBENTANGAN	

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN BERHUBUNG PENGURUSAN HUTAN DAN IMPAK KEPADA ALAM SEKITAR DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM



Latar Belakang

- Perkara 74(2) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tadbir urus hutan adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri yang mempunyai hak mutlak ke atas hasil hutan.
- Setiap negeri mempunyai kuasa dan hak untuk menggubal undang-undang dan menguruskan dasar masing-masing.
- Kuasa eksekutif Kerajaan Persekutuan adalah kepada memberi nasihat, bantuan teknikal, latihan, penyelidikan dan pembangunan dalam sektor perhutanan kepada negeri-negeri.
- Majlis Tanah Negara (MTN) ditubuhkan pada 22 Januari 1958 sebagai platform kepada Kerajaan Persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri berbincang berkenaan dasar dan perundangan untuk memajukan dan mengawal penggunaan tanah bagi maksud perhutanan serta perlombongan, pertanian dan lain-lain dalam usaha untuk meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesanan pentadbiran tanah negara.



Penemuan PAC:

1 Unsur Nadir Bumi Bukan Radioaktif (NR-REE)

- Kadar simpanan NR-REE di Semenanjung Malaysia adalah sebanyak 16.2 juta tan yang bernilai RM810 bilion.
- Kebenaran perlombongan NR-REE sedang dikaji.
- Terdapat tujuh (7) kes perlombongan haram yang melibatkan lombong NR-REE.

2 Isu Pembalakan

- Lesen pembalakan dikeluarkan oleh kerajaan negeri.
- Pembalakan dalam Hutan Simpan Kekal (HSK) berlaku dalam hutan yang dikelaskan sebagai hutan pengeluaran.
- Catuan Tebangan Tahunan dilaksanakan setiap lima (5) tahun bagi memastikan kesemua negeri tidak melakukan pembalakan melebihi had keluasan di dalam hutan pengeluaran.



LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN BERHUBUNG PENGURUSAN HUTAN DAN IMPAK KEPADA ALAM SEKITAR DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

3 Isu Penguatkuasaan

- Akta Pembangunan Mineral 1994 [Akta 525] hanya terpakai ke atas perlombongan yang sah sahaja. Bagi aktiviti perlombongan haram, ia tertakluk di bawah kuasa pihak negeri.
- MTN pada tahun 2019 telah memutuskan bahawa bagi kes pencerobohan hutan baharu yang dikesan, tindakan terus boleh diambil. Manakala bagi kes-kes lama ia terpulang kepada kerajaan negeri untuk membuat keputusan sama ada memusnahkan atau memberi kebenaran.
- Pegawai-pegawai Perhutanan Persekutuan tidak mempunyai kuasa untuk menguatkuasakan Enakmen Perhutanan Negeri. Penguatkuasaan Enakmen Perhutanan Negeri hanya boleh dilakukan oleh para pegawai yang dilantik oleh kerajaan negeri yang berkaitan sahaja.




4 Kesejahteraan Sosial Dan Hidupan Liar

- Isu berkaitan tanah dan Orang Asli adalah dibawah bidang kuasa kerajaan negeri.
- Penguatkuasaan dalam mewajibkan pematuhan kepada Pelan Pengurusan Hidupan Liar belum dilaksanakan kerana pihak Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara masih menunggu penurunan kuasa Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127] daripada Jabatan Alam Sekitar.

5 Ladang Hutan

- Program Ladang Hutan telah diwujudkan untuk menampung bekalan mentah industri tempatan; mengurangkan tekanan untuk mendapatkan bahan mentah dari kawasan hutan asli terutamanya HSK; dan meningkatkan produktiviti kawasan tanah dengan pengeluaran yang lebih tinggi daripada hutan asli.
- Kelulusan bagi tujuan pembangunan ladang hutan diperolehi daripada kerajaan negeri.
- Penentuan keluasan kawasan yang dibenarkan atau had kawasan untuk dibangunkan ladang hutan dalam HSK ditentukan oleh Kerajaan Persekutuan.
- MTN pada tahun 2021 telah memutuskan supaya pelaksanaan moratorium kelulusan baharu penubuhan ladang hutan dalam HSK di Semenanjung Malaysia.



6 Isu Berkaitan Perundangan Perhutanan

- Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) mendefinisikan hutan ialah kawasan tanah dengan saiz hutan minimum 0.5 hektar yang ditumbuhi oleh pokok-pokok sekurang-kurangnya lima (5) meter tinggi dan 30 peratus litupan pokok.
- Buat masa ini, pihak Kementerian masih belum mengguna pakai definisi hutan oleh FAO dan akan menggunakan definisi ini bagi perancangan masa hadapan.
- Kebanyakan kerajaan negeri masih belum mengguna pakai Akta Perhutanan Negara Pindaan Tahun 2022 (A1667) kerana kerajaan negeri perlu menjalankan suatu siasatan awam sebelum sesuatu kawasan HSK boleh diwarta keluar serta melaksanakan penggantian serentak bagi kawasan HSK yang diwarta keluar.

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN BERHUBUNG PENGURUSAN HUTAN DAN IMPAK KEPADA ALAM SEKITAR DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM



Rumusan PAC Parlimen:



1. Perlombongan Unsur Nadir Bumi Bukan Radioaktif (NR-REE) tidak dibenarkan di dalam Hutan Simpan Kekal (HSK). Justeru, satu (1) projek rintis perlombongan NR-REE telah dijalankan di luar kawasan HSK di Kenering, Perak. Berikutan itu, panduan aktiviti perlombongan NR-REE di luar kawasan HSK telah diedarkan pada Disember 2023.

2. Akta Pembangunan Mineral 1994 [Akta 525] hanya terpakai ke atas aktiviti perlombongan yang sah sahaja. Sebarang tindakan perundangan terhadap aktiviti perlombongan haram tertakluk di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

3. Aktiviti pembalakan dalam HSK berlaku dalam hutan yang dikelaskan sebagai hutan pengeluaran sahaja melalui pendekatan lestari dan terpilih di mana, hanya saiz pokok tertentu sahaja yang boleh ditebang. Lesen pembalakan dikeluarkan oleh kerajaan negeri dan setiap negeri mesti mematuhi Catuan Tebangan Tahunan (CTT) bagi memastikan aktiviti pembalakan tidak melebihi had keluasan di dalam hutan pengeluaran. PAC telah dimaklumkan bahawa sehingga kini, CTT dipatuhi kesemua negeri sejak lebih 10 tahun lalu.

4. PAC dimaklumkan bahawa isu tanah runtuh dan isu pencerobohan hutan berlaku disebabkan kelemahan penguatkuasaan di peringkat negeri. Oleh itu, pindaan ke atas Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] telah dilaksanakan bagi menangani isu ini. Seksyen 3A, Akta Perhutanan Negara Pindaan Tahun 2022 (A1667) memperuntukkan bahawa kerajaan negeri boleh memberikan kuasa secara bertulis kepada mana-mana pegawai perhutanan Persekutuan untuk menjalankan penguatkuasaan. Namun, kebanyakan kerajaan negeri masih belum mengguna pakai A1667.

5. PAC mengambil maklum kenyataan Menteri NRES pada 30 April 2024 bahawa keengganan kebanyakan kerajaan negeri mengguna pakai A1667 mengakibatkan kegagalan dalam melaksanakan amalan piawaian standard seperti yang digariskan dalam akta. Ia disebabkan pewartaan dan pengurusan hutan di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Kuasa kerajaan negeri ini dinyatakan berdasarkan Perkara 74(2) Perlembagaan Persekutuan dan seksyen 7 serta seksyen 10, Akta 313.

6. Terdapat kelemahan dalam pelaksanaan penanaman semula Projek Pembangunan Ladang Hutan. Susulan itu, Mesyuarat Majlis Tanah Negara ke-79 yang bersidang pada tahun 2021 telah memutuskan supaya pelaksanaan moratorium kelulusan baharu penubuhan ladang hutan dalam HSK di Semenanjung Malaysia.

7. Kehilangan habitat merupakan punca utama konflik manusia-hidupan liar. Oleh sebab itu, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) akan mewajibkan pematuhan Pelan Pengurusan Hidupan Liar (WMP) bagi sebarang projek yang melibatkan habitat hidupan liar. Namun, penguatkuasaan dalam mewajibkan pematuhan kepada WMP belum dilaksanakan kerana pihak PERHILITAN masih menunggu penurunan kuasa Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127] daripada Jabatan Alam Sekitar.

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN BERHUBUNG PENGURUSAN HUTAN DAN IMPAK KEPADA ALAM SEKITAR DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM



Syor PAC Parlimen:

1. Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) perlu membentangkan kepada PAC dapatan daripada projek rintis perlombongan Unsur Nadir Bumi Bukan Radioaktif (NR-REE) di dalam kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) yang telah dijalankan serta butiran lengkap projek rintis berkenaanDisember 2023.

2. NRES perlu segera meminda Akta Pembangunan Mineral 1994 [Akta 525] supaya tindakan terhadap aktiviti perlombongan haram dapat dilaksanakan.

3. NRES perlu terus berusaha bagi mendapatkan komitmen daripada kerajaan negeri/wilayah untuk mengurangkan aktiviti pembalakan serta memfokuskan aktiviti ekopelancongan dan inisiatif perdagangan karbon supaya impak negatif dapat diminimumkan.

4. Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan Perhutanan Sabah (SFD) dan Jabatan Hutan Sarawak (FDS) bersama-sama pihak kerajaan negeri serta agensi yang terlibat dengan pengurusan perhutanan dan tanah perlu lebih aktif melaksanakan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan yang berkesan termasuk penggunaan teknologi terkini.

5. Lanjutan syor 8.4, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan kerajaan negeri juga perlu melaksanakan kajian keperluan perjawatan bagi memastikan sumber manusia mencukupi daripada segi bilangan dan berkemahiran untuk menjalankan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan secara konsisten serta efektif.

6. NRES perlu melaksanakan libat urus bersama kerajaan negeri untuk menggalakkan pemakaian Akta Perhutanan Negara Pindaan Tahun 2022 (A1667) supaya amalan piawaian standard digunakan seperti yang digariskan dalam akta.

7. NRES perlu memastikan Jabatan Alam Sekitar (JAS) segera melaksanakan penurunan kuasa Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127] kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) supaya pematuhan dan penguatkuasaan Pelan Pengurusan Hidupan Liar (WMP) dapat segera dilaksanakan bagi menangani konflik manusia-hidupan liar.



LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN BERHUBUNG PENGURUSAN HUTAN DAN IMPAK KEPADA ALAM SEKITAR DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

1. PENDAHULUAN

Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2022 mengenai Auditan Khas Pengurusan Hutan dan Impak kepada Alam Sekitar telah dibentangkan di Parlimen pada 22 November 2023. Pengauditan ini telah dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan hutan telah dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan untuk mengekalkan kawasan hutan yang mencukupi bagi kepentingan perkhidmatan ekosistem, konservasi kepelbagaian biologi, perlindungan alam sekitar, penggunaan sumber secara berkekalan dan pembangunan sosioekonomi.

LKAN berkenaan mendapati pengurusan hutan di Malaysia telah diurus secara berkekalan bagi memberi manfaat sosioekonomi dan mengekalkan kelestarian alam sekitar. Walau bagaimanapun, terdapat kes di mana kelemahan pengurusan hutan bagi aktiviti pembalakan, pembangunan ladang hutan, perlombongan dan kuari di dalam Hutan Simpan Kekal (HSK) telah memberi impak negatif kepada alam sekitar.

Berikutan itu, PAC telah memutuskan untuk memulakan prosiding berhubung isu ini dengan memanggil saksi daripada Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) [kini dikenali sebagai Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)], Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan Hutan Sarawak (FDS) dan Jabatan Perhutanan Sabah (SFD).

2. OBJEKTIF PROSIDING

Prosiding mengenai Pengurusan Hutan dan Impak Kepada Alam Sekitar diadakan untuk mengkaji dan meneliti sama ada pengurusan hutan dan impak kepada alam sekitar telah dilaksanakan secara berhemat, cekap dan berkesan melalui punca kuasa dan mandat yang diberikan kepada PAC Parlimen seperti berikut:

i. Peraturan Mesyuarat (PM) 77 (1)(c) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat (PPMDR);
ii. PM 83 (2) PPMDR;
iii. Arahan Perbendaharaan (AP) (Pindaan 2023) 301;
iv. AP (Pindaan 2023) 304 (a); dan
v. Seksyen 5(3)(d) Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2024: Organisasi Kementerian-Kementerian.

3. SKOP DAN METODOLOGI

3.1 Prosiding telah dibuat melalui pendekatan berikut:

i. memanggil pihak berkepentingan dalam isu kelemahan pengurusan hutan dan impak negatif kepada alam sekitar iaitu:

a. Datuk Nor Salwani binti Muhammad, Timbalan Ketua Audit Negara (TKAN) (Prestasi);
b. Haji Y Hamdan bin Mohd Dom, Pengarah Audit (Bahagian Audit Prestasi I);
c. Encik A S Sinarao a/l Nagayah@Nagaraju, Pengarah Audit Negeri [Jabatan Audit Negara Negeri Sembilan];
d. Dr. Ching Thoo a/l Kim, Ketua Setiausaha (KSU) NRECC;
e. Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang, Ketua Pengarah (KP) JPSM;
f. Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad, Pengarah FDS;
g. Encik Indra Purwandita bin Herry Sunjoto, Timbalan Ketua Konservator Hutan (Perancangan dan Pengurusan), SFD;
h. Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, KP Jabatan Alam Sekitar (JAS);
i. Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim, KP Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN);

j. Datuk Zamri bin Ramli, KP Jabatan Mineral dan Geosains (JMG);
k. Encik Mohd Zamri bin Mustajap, Timbalan Ketua Pengarah (TKP) (Pembangunan) Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA);
l. Encik Wan Ahmad Asmady bin Wan Md Din, Setiausaha Bahagian Kanan (SUBK) (Bahagian Kemajuan Industri Kayu Kayan, Tembakau dan Kenaf), Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK); dan
m. Encik Semilan Anak Ripot, Timbalan Pengarah (Pengurusan Hutan), FDS.

untuk memberi keterangan mengenai peranan dan penglibatan mereka dalam isu yang dibincangkan.

ii. menjemput *ex-Officio* PAC daripada agensi Kerajaan Persekutuan seperti Jabatan Peguam Negara (AGC), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), Jabatan Audit Negara (JAN), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Kementerian Ekonomi (KE) dan Jabatan Akauntan Negara (JANM) untuk menghadiri prosiding PAC Parlimen berhubung isu ini.

3.2 Prosiding yang telah diadakan adalah seperti berikut:

BIL.	TARIKH/ MASA	RUJUKAN PROSIDING	SAKSI
1.	12 Disember 2023/ 10.00 pagi	Bil. 10/2023	**Jabatan Audit Negara:** - Datuk Nor Salwani binti Muhammad, Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi); - Haji Y Hamdan bin Mohd Dom, Pengarah Audit (Bahagian Audit Prestasi I); dan - Encik A S Sinarao a/l Nagayah@Nagaraju, Pengarah Audit Negeri (JAN Negeri Sembilan).

2.	12 Disember 2023/ 11.25 pagi	Bil. 10(a)/2023	**Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim:** - Dr. Ching Thoo a/l Kim, Ketua Setiausaha; - Puan Norsham binti Abdul Latip, Setiausaha Bahagian (Bahagian Pengurusan Biodiversiti dan Perhutanan); dan - Dr. Khairul Naim bin Adham, Timbalan Setiausaha Bahagian (Bahagian Pengurusan Biodiversiti dan Perhutanan). **Kementerian Perladangan dan Komoditi:** - Encik Wan Ahmad Asmady bin Wan Md. Din, Setiausaha Bahagian Kanan (Bahagian Kemajuan Industri Kayu Kayan, Tembakau dan Kenaf). **Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia:** - Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang, Ketua Pengarah; dan - Dato' Mohd Rahim bin Rani, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi dan Teknikal). **Jabatan Hutan Sarawak:** - Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad, Pengarah Hutan Sarawak; - Encik Semilan Anak Ripot, Timbalan Pengarah (Bahagian Pengurusan Hutan); dan - Encik Jeremy Ayum Juan, Pemelihara Hutan (Unit Audit Dalam). **Jabatan Perhutanan Sabah:** - Encik Indra Purwandita bin Herry Sunjoto, Timbalan Ketua Konservator Hutan (Perancangan dan Pengurusan); dan - Puan Fong Pek Yee, Pemelihara Hutan. **Jabatan Alam Sekitar:** - Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah **Jabatan Mineral dan Geosains:** - Datuk Zamri bin Ramli, Ketua Pengarah. **Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara:** - Dato' Fakhrul Hatta bin Musa, Timbalan Ketua Pengarah (Konservasi). **Jabatan Kemajuan Orang Asli:** - Encik Mohd Zamri bin Mustajap, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan

3.	29 Januari 2024/ 11.35 pagi	Bil. 10(b)/2023	**Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim:** - Dr. Ching Thoo a/l Kim, Ketua Setiausaha; dan - Puan Norsham binti Abdul Latip, Setiausaha Bahagian (Bahagian Pengurusan Biodiversiti dan Perhutanan). **Kementerian Perladangan dan Komoditi:** - Encik Wan Ahmad Asmady bin Wan Md. Din, Setiausaha Bahagian Kanan (Bahagian Kemajuan Industri Kayu Kayan, Tembakau dan Kenaf). **Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia:** - Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang, Ketua Pengarah; dan - Dato' Haji Zahari bin Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Perancangan). **Jabatan Alam Sekitar:** - Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah; - Puan Mashitah binti Darus, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Perancangan); - Puan Nor Rashidah binti Mohd Ghazali, Ketua Penolong Pengarah Kanan (Bahagian Penilaian); dan - Encik Mohd Hisyam bin Abdullah, Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Penilaian). **Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara:** - Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim, Ketua Pengarah; dan - Encik Mohd Taufik bin Abdul Rahman, Pengarah (Bahagian Konservasi Hidupan Liar). **Jabatan Mineral dan Geosains:** - Datuk Zamri bin Ramli, Ketua Pengarah; dan - Encik Mohamed Hizam Abd Kadir, Timbalan Pengarah (Cawangan Penyelarasan Pelaksanaan Operasi). **Jabatan Perancangan Bandar dan Desa:** - TPr Dr. Alias bin Rameli, Ketua Pengarah. **Jabatan Kemajuan Orang Asli:** - Encik Mohd Zamri bin Mustajap, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan.

4.	29 Januari 2024/ 3.00 petang	Bil. 10(c)/2023	**Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim:** - Dr. Ching Thoo a/l Kim, Ketua Setiausaha; dan - Puan Norsham binti Abdul Latip, Setiausaha Bahagian (Bahagian Pengurusan Biodiversiti dan Perhutanan). **Kementerian Perladangan dan Komoditi:** - Encik Wan Ahmad Asmady bin Wan Md. Din, Setiausaha Bahagian Kanan (Bahagian Kemajuan Industri Kayu Kayan, Tembakau dan Kenaf). **Jabatan Hutan Sarawak:** - Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad, Pengarah Hutan Sarawak; - Encik Semilan Anak Ripot, Timbalan Pengarah (Bahagian Pengurusan Hutan); dan - Encik Jeremy Ayum Juan, Pemelihara Hutan (Unit Audit Dalam). **Jabatan Perhutanan Sabah:** - Encik Indra Purwandita bin Herry Sunjoto, Timbalan Ketua Konservator Hutan (Perancangan dan Pengurusan); dan - Puan Fong Pek Yee, Pemelihara Hutan. **Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia:** - Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang, Ketua Pengarah. **Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak:** - Encik Jack Anak Liam, Controller Kualiti Alam Sekitar Sarawak; dan - Encik Kenny Poon, Ketua Seksyen (Pematuhan dan Penguatkuasaan). **Sarawak Forestry Corporation:** - Encik Nickson Joseph Robi, Pegawai Hidupan Liar.

3.3 PAC Parlimen turut merujuk kepada dokumen-dokumen seperti berikut:

i. slaid pembentangan JAN dan NRECC pada 12 Disember 2023;
ii. slaid pembentangan NRECC, FDS serta SFD pada 29 Januari 2024; dan
iii. kenyataan akhbar Sinar Harian bertajuk "Contohi Perlis, Selangor terima pakai pindaan Akta Perhutanan 2022" pada 30 April 2024.

4. LATAR BELAKANG

Perkara 74(2) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tadbir urus hutan adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri yang mempunyai hak mutlak ke atas hasil hutan. Setiap negeri mempunyai kuasa dan hak untuk menggubal undang-undang dan menguruskan dasar masing-masing. Kuasa eksekutif Kerajaan Persekutuan adalah kepada memberi nasihat, bantuan teknikal, latihan, penyelidikan dan pembangunan dalam sektor perhutanan kepada negeri-negeri.

Sehubungan itu, Majlis Tanah Negara (MTN) telah ditubuhkan pada 22 Januari 1958 sebagai platform kepada Kerajaan Persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri berbincang berkenaan dasar dan perundangan untuk memajukan dan mengawal penggunaan tanah bagi maksud perhutanan serta perlombongan, pertanian dan lain-lain dalam usaha untuk meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesanan pentadbiran tanah negara. Perkara 91(3) Perlembagaan Persekutuan menetapkan supaya mesyuarat MTN hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam setahun.

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 11 November 2020 telah meluluskan Dasar Perhutanan Malaysia yang menyatakan bahawa Malaysia komited untuk terus mengekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keluasan tanah negara sebagai hutan dan litupan pokok. Objektif dasar adalah seperti berikut:

i. memastikan kawasan hutan yang mencukupi diuruskan melalui tadbir urus yang baik dan amalan terbaik untuk konservasi kepelbagaian biologi dan perkhidmatan ekosistem;
ii. memelihara, memulih dan mengurus kawasan HSK atau Hutan Simpan (HS) atau hutan kekal berdasarkan prinsip-prinsip Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (PHSB);
iii. menjamin sumber bahan mentah yang berterusan dari industri hutan asli dan hutan ladang bagi kelangsungan pembangunan industri berasaskan kayu dan bukan kayu;
iv. menggalakkan penyertaan masyarakat orang asli, orang asal dan tempatan dalam pemeliharaan, pemuliharaan dan perlindungan hutan; dan
v. memperkasakan pembangunan kapasiti; penyelidikan, dan pembangunan dan pengkomersialan; dan inovasi termasuk menyediakan sumber

manusia dan kewangan yang mencukupi bagi menambah baik pengurusan hutan dan penggunaan sumber hutan.

5. KETERANGAN SAKSI

Prosiding telah diadakan bagi mendapatkan keterangan dari semua pihak berkepentingan. Perkara yang dibincangkan secara umumnya diringkaskan seperti berikut:

5.1 Keterangan Timbalan Ketua Audit Negara (TKAN) (Prestasi)

Datuk Nor Salwani binti Muhammad, [TKAN (Prestasi)] dalam Pra-prosiding Bil. 10/2023 bertarikh 12 Disember 2023 memaklumkan penemuan audit seperti berikut:

(a) Pencapaian Output (Litupan Hutan)

Litupan hutan di Malaysia pada tahun 2016 ialah 18.24 juta hektar bersamaan dengan 55.2% menurun pada tahun 2021 iaitu 18.05 juta hektar bersamaan 54.6%.

(b) Pencapaian Output (Pewartaan)

Pewartaan HS kekal di Malaysia telah melebihi penyahwartaan dengan keluasan 39,868 hektar bagi tempoh 2016 sehingga 2021.

(c) Pencapaian Output (Rangkaian Ekologi)

Rangkaian ekologi ialah habitat hutan yang menyambung atau membolehkan pergerakan hidupan liar antara pulau hutan. Rangkaian ini merangkumi *Central Forest Spine* (CFS) di Semenanjung Malaysia dan inisiatif *Heart of Borneo* (HoB) di Wilayah Sabah dan Sarawak.

Sebanyak 145 strategi (41%) daripada 365 strategi CFS belum dilaksanakan. Bagi strategi HoB, sembilan (9) daripada 22 strategi tidak tercapai.

(d) Pencapaian Keberhasilan (Ekonomi)

Hasil hutan memberi impak positif kepada ekonomi terutamanya hasil negeri yang menyumbang kepada negara Malaysia sejumlah RM6.811 bilion bagi tahun 2016 sehingga 2021. Namun, terdapat penurunan dalam kutipan hasil hutan mengikut Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak dalam tempoh yang sama.

(e) Pencapaian Keberhasilan (Sosial)

Sebanyak 56,349 aduan konflik manusia-hidupan liar telah diterima bagi tempoh tahun 2016 sehingga 2021. Selain itu, sebanyak 2,562 kemalangan jalan raya yang melibatkan hidupan liar (*roadkill*) telah dilaporkan dalam tempoh tahun 2016 sehingga 2021. Kehilangan habitat merupakan punca utama kehidupan liar keluar daripada habitat asal sekali gus berpotensi untuk bertembung dengan manusia dan mewujudkan konflik manusia-hidupan liar.

(f) Pencapaian Keberhasilan (Alam Sekitar)

Sebanyak 49 kes aktiviti hutan di Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS). Selain itu, sebanyak 526 kes pelanggaran syarat *Environmental Impact Assessment* (EIA) di HSK yang berpunca daripada usaha hasil perlombongan, projek Pembangunan Ladang Hutan dan sebagainya. Perkara ini menyebabkan impak negatif kepada alam sekitar seperti pencemaran udara, pencemaran sumber air, runtuhan tanah dan banjir.

(g) Isu Pengurusan Aktiviti Perhutanan (Usahasil)

Sebanyak 25 kes ketidakpatuhan syarat lesen/EIA/aktiviti selepas penuaian, tiga (3) kes ketidakpatuhan garis panduan berkaitan, empat (4) kes ketidakpatuhan Perintah Peraturan Kualiti Alam Sekeliling, dua (2) kes ketidakpatuhan manual perhutanan berkaitan aktiviti usahasil dan satu (1) kes ketidakpatuhan Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia. Kesan kesemua ketidakpatuhan ini menjejaskan objektif pengurusan hutan secara berkekalan.

(h) Isu Pengurusan Aktiviti Perhutanan (Perlombongan)

Sebanyak sembilan (9) kes pelanggaran Akta Perhutanan Negara 1984 dan Akta Pembangunan Mineral 1994 bagi aktiviti perlombongan. Kesemua kes ini menyebabkan impak negatif kepada alam sekitar serta kecacatan kekal kepada kualiti hutan dan persekitarannya. Selain itu, kawasan perlombongan yang telah diteroka sukar dipulihkan kerana kesan yang terhasil menyebabkan impak besar kepada fungsi biodiversiti, ekosistem hutan dan dirian tinggal.

(i) Isu Pengurusan Aktiviti Perhutanan (Pengkuarian)

Sebanyak 18 kes pelanggaran Akta Perhutanan Negara 1984, Akta Pembangunan Mineral 1994, Akta Kualiti Alam Sekitar 1974, syarat EIA dan syarat lesen terhadap pelaksanaan aktiviti pengkuarian di dalam kawasan HSK. JAN mendapati 18 kes ini menyebabkan kawasan yang terlibat sukar dipulihkan serta alur air yang mengalir keluar daripada kawasan kerja terkesan.


5.2 Keterangan Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar Dan Kelestarian Alam (NRECC)

a) Liputan Hutan dan Pelaporan Data Hutan Nasional

Dr. Ching Thoo a/l Kim [KSU NRECC] dalam Prosiding Bil. 10(a)/2023 bertarikh 12 Disember 2023 dengan merujuk slaid pembentangan seperti di bawah:



Sumber : Slaid pembentangan NRECC pada 12 Disember 2023



Sumber : Slaid pembentangan NRECC pada 12 Disember 2023

memaklumkan terdapat trend penurunan bagi kawasan litupan hutan di Malaysia dan sasaran kawasan berhutan yang ditetapkan di Johor, Perak dan Sarawak tidak tercapai.

Di peringkat Persekutuan, usaha yang dilaksanakan bagi meningkatkan litupan hutan adalah seperti berikut:

i. memperkasakan perundangan perhutanan seperti pindaan Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] dengan memperkenalkan pendengaran awam, penggantian dan pewartaan serentak untuk kawasan diwarta keluar;
ii. mempergiat usaha ke arah mewartakan kawasan berhutan sebagai HSK/Hutan Tadahan Air (HTA)/Kawasan Terlindung Sepenuhnya (KTS) serta pewartaan kawasan Cadangan Hutan Simpanan Kekal (CHSK) khususnya yang terletak di kawasan CFS dan KSAS;
iii. tidak meluluskan Skim Pengendalian Melombong bagi aktiviti perlombongan dalam HSK, kawasan hutan perlindungan dan KSAS; dan
iv. menyediakan Insentif Kewangan bagi Konservasi Biodiversiti dan Hutan (EFT) kepada negeri-negeri yang mengambil usaha melindungi kawasan HTA dan kawasan perlindungan sedia ada serta menambah kawasan perlindungan yang baharu.

JAN mengesyorkan supaya pelaporan hutan nasional dilaksanakan secara tahunan. Namun, penyelarasan data hutan nasional memerlukan proses dan penelitian yang terperinci. Proses pengumpulan data kawasan berhutan melibatkan pengesahan daripada JPSM, FDS dan SFD sebagai pemilik data hutan-hutan tersebut.

Proses verifikasi dan pengesahan di peringkat Kementerian melibatkan analisis perubahan kepada hutan berdasarkan data yang diperoleh Jabatan Perhutanan ketiga-tiga wilayah. Proses verifikasi dan pengesahan ini mengambil masa yang lama dan dijalankan berterusan bagi membolehkan data tersebut digunakan sebagai data rasmi negara di peringkat nasional dan antarabangsa.

Buat masa ini, data hutan nasional dilaporkan setiap dua (2) tahun sekali. Di peringkat Semenanjung Malaysia, data hutan dikumpul dan diselaras secara tahunan. Manakala, di peringkat Sabah dan Sarawak, data hutan diselaras setiap dua (2) tahun sekali dengan pelaporan data nasional. Data yang

dilaporkan perlu diproses dengan berhati-hati bagi mengelakkan pelbagai implikasi kelak.

b) Pewartaan Perkampungan Orang Asli

Dr. Ching Thoo a/l Kim [KSU NRECC] dalam Prosiding Bil. 10(a)/2023 bertarikh 12 Disember 2023 memaklumkan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) tidak menetapkan sasaran pewartaan Kampung Orang Asli (KOA) dalam pelan strategik. Justeru, JAKOA telah menyediakan pelan strategik yang baharu iaitu Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli 2023-2026 yang berkuat kuasa pada bulan Mac tahun 2023.

Sebagai langkah ke hadapan, pihak JAKOA akan melaksanakan pelan strategik dan menangani isu berkaitan masyarakat Orang Asli dan pengurusan hutan di Semenanjung Malaysia melalui Jawatankuasa Bersama JPSM dan JAKOA yang telah diwujudkan sejak tahun 2012. Namun, pihak Kementerian berpandangan bahawa perkara melibatkan pewartaan KOA adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri (PBN).

c) Penubuhan Ladang Hutan

Dr. Ching Thoo a/l Kim [KSU NRECC] dalam Prosiding Bil. 10(a)/2023 bertarikh 12 Disember 2023 memaklumkan dapatan JAN bahawa baki seluas 100,482.69 hektar (47.1%) ladang hutan masih belum ditanam dan negeri Kelantan, Pahang serta Johor merekodkan keluasan kawasan belum ditanam tertinggi. Pihak Kementerian menegaskan bahawa penubuhan dan kelulusan ladang hutan adalah dibawah kuasa PBN.

Selain itu, projek pembangunan ladang hutan juga diluluskan oleh PBN dan melibatkan Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK) melalui Program Pembangunan Ladang Hutan (PPLH) bagi memastikan pengeluaran bekalan bahan mentah yang berkualiti dan berterusan kepada industri perkayuan negara.

Mesyuarat MTN ke-79 yang bersidang pada tahun 2021 telah memutuskan supaya pelaksanaan moratorium kelulusan baharu penubuhan ladang hutan dalam HSK di Semenanjung Malaysia.

Sehingga 31 Disember 2023, kawasan ladang hutan seluas 144,030.34 hektar (61%) dalam HSK telah ditanam. JPSM telah mengambil tindakan dengan menubuhkan Pasukan Petugas Khas untuk mengemas kini Prosedur Operasi Standard (SOP) Pembangunan Ladang Hutan dalam HSK di Semenanjung Malaysia bagi mengatasi isu pembangunan ladang hutan. JPSM juga telah memohon agar satu (1) kajian dijalankan dengan peruntukan RM2 juta di bawah *Rolling Plan* 5 (RP 5) RMKe-12 yang bertajuk "Pembangunan Ladang Hutan di dalam HSK di Semenanjung Malaysia terhadap Ekonomi, Sosial dan Alam Sekitar". Permohonan kajian ini akan dibentangkan untuk pertimbangan KE.

Sebagai langkah ke hadapan, draf SOP "Pembangunan Ladang Hutan dalam HSK" telah disediakan dan akan dibawa ke Persidangan Pengarah-pengarah Perhutanan Negeri untuk pertimbangan dan pemakaian di Semenanjung Malaysia. Selain itu, kertas pertimbangan bertajuk "Status Pembangunan Ladang Hutan dan Kesan Pengenaan Moratorium Kelulusan Baharu Penubuhan Ladang Hutan Terhadap Kerajaan Negeri" akan dibentangkan pada MTN ke-81 yang akan diadakan pada suku pertama tahun 2024.

d) Pengurusan Projek Pembangunan Ladang Hutan

Dr. Ching Thoo a/l Kim [KSU NRECC] dalam Prosiding Bil. 10(b)/2023 bertarikh 29 Januari 2024 memaklumkan pihak JAN mendapati terdapat lima (5) isu bagi Pengurusan Projek Pembangunan Ladang Hutan seperti berikut:

i. kelewatan memulakan penanaman bagi Johor, Kelantan, Pahang dan Perak;
ii. penanaman tidak mengikut spesies ladang hutan di Johor, Kedah, Kelantan, Pahang dan Selangor;
iii. rawatan silvikultur tidak memuaskan di Kelantan, Perak dan Sarawak;
iv. ketidakpatuhan terhadap syarat lesen, syarat permit, syarat EIA; dan
v. berlakunya impak negatif terhadap alam sekitar.

Pihak Kementerian turut memaklumkan perbezaan spesies yang diluluskan di peringkat negeri oleh kerajaan negeri masing-masing kerana kelulusan bagi penanaman spesies di kawasan ladang hutan merupakan bidang kuasa kerajaan negeri.

Sebagai langkah ke hadapan, Kerajaan Persekutuan melalui JPSM akan meneruskan peranan dalam memberikan nasihat teknikal dan menyelaraskan keseragaman pelaksanaan di lapangan melalui SOP yang telah ditetapkan.

e) *Central Forest Spine* (CFS)

Dr. Ching Thoo a/l Kim [KSU NRECC] dalam Prosiding Bil. 10(a)/2023 bertarikh 12 Disember 2023 memaklumkan terdapat strategi dan inisiatif yang digariskan di bawah Pelan Rangkaian Ekologi CFS (PIRECFS) 2010 tidak tercapai disebabkan oleh perkara seperti berikut:

i. peruntukan yang terhad;
ii. inisiatif dalam PIRECFS 2010 kurang berdaya laksana; dan
iii. kebanyakan maklumat kawasan rangkaian ekologi dalam PIRECFS 2010 tidak lagi menggambarkan keadaan sebenar di lapangan.

Berikutan itu, pelan tersebut telah dikaji semula oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) dan digariskan dalam PIRECFS 2022 yang telah diluluskan di Mesyuarat Rancangan Fizikal Negara pada 20 Julai 2022.

Sebagai langkah ke hadapan, PIRECFS 2022 merupakan kajian semula kepada pelan induk yang telah dihasilkan pada tahun 2010 dan merupakan dokumen terkini yang dirujuk mulai tahun 2022. PIRECFS 2022 mula dilaksanakan dari tahun 2022 hingga 2040.

f) *Heart Of Borneo* (HoB)

Dr. Ching Thoo a/l Kim [KSU NRECC] dalam Prosiding Bil. 10(a)/2023 bertarikh 12 Disember 2023 memaklumkan semakan semula ke atas HoB *Project Implementation Framework* (PIF) oleh Wilayah Sarawak sedang dalam peringkat akhir dan dijangka selesai pada tahun 2023.

Bagi Sabah, *Strategics Plan of Action The Hearts of Borneo Initiative* (2021-2023) telah selesai melalui semakan semula dan dilancarkan pada 2 Disember 2022 oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah. Bagi Sarawak pula, Mesyuarat *Heart of Borneo Technical Working Group* pada 11 September 2023 telah memutuskan supaya *Sarawak Heart of Borneo Initiative:* PIF *(Revised)* disemak semula dengan mengambil kira *Sarawak Post-Covid Development Strategy* 2030 dan siap pada suku kedua 2024.

Sebagai langkah ke hadapan, pelaksanaan HoB di Sabah dan Sarawak adalah berpandukan kepada dokumen tindakan dan pelaksanaan yang dibangunkan di peringkat wilayah masing-masing.

g) Kesejahteraan Sosial Dan Hidupan Liar

Tahap Kepuasan Komuniti Orang Asli

Dr. Ching Thoo a/l Kim [KSU NRECC] dalam Prosiding Bil. 10(b)/2023 bertarikh 29 Januari 2024 memaklumkan dapatan JAN bahawa 89 peratus responden kurang berpuas hati terhadap pengurusan hutan kerana menjejaskan kehidupan komuniti orang asli daripada aspek bekalan dan kualiti air serta sungai, ekonomi tempatan dan sosiobudaya.

Beliau turut memaklumkan setiap aktiviti pengusahasilan hutan perlu dilaksanakan Penilaian Impak Sosial (SIA) yang menjadi salah satu keperluan dalam Kriteria dan Petunjuk Malaysia untuk Pengurusan Hutan Mampan ataupun *Malaysian Criteria and Indicators for Sustainable Forest Management* (MC&I SFM). Penilaian ini dilaksanakan sebelum, semasa dan selepas aktiviti pengusahasilan hutan bagi menilai impak terhadap sosial, ekologi, alam sekitar dan ekonomi.

Selain itu, Jawatankuasa Bersama JPSM dan JAKOA telah dibentuk sejak 2012 bagi membincangkan isu-isu berkaitan masyarakat Orang Asli dan pengurusan hutan di Semenanjung Malaysia.

Sebagai langkah ke hadapan, aspek usaha wajar bagi mengurangkan impak kepada kesejahteraan sosial dan hidupan liar akan diteruskan di bawah pelaksanaan SIA dan Pelan Pengurusan Hidupan Liar [*Wildlife Management Plan* (WMP)] serta MC&I SFM.

JPSM juga melaksanakan pemantauan kualiti air sungai di dalam kawasan HSK secara berterusan bagi mendapatkan maklumat berkaitan kualiti air sungai yang jelas dan terperinci. Pemantauan ini dilaksanakan melalui kaedah automatik dengan penubuhan stesen Tetap Hidrologi dan kaedah manual dengan menggunakan peralatan hidrologi iaitu *multiparameter water quality probe* untuk menentukan Indeks Kualiti Air (IKA).

Konservasi dan Konflik Manusia-Hidupan Liar (Gangguan Hidupan Liar dan *Roadkill)*

Selain itu, **Dr. Ching Thoo a/l Kim [KSU NRECC]** memaklumkan dapatan JAN bahawa kes aduan berkaitan gangguan hidupan liar menunjukkan trend meningkat sebanyak 6,002 kes aduan (89%) iaitu daripada 6,741 kes aduan pada tahun 2016 kepada 12,743 kes aduan pada tahun 2021. Selain itu, terdapat sebanyak 2,562 kes *roadkill* dari tahun 2016 hingga 2021.

Bagi menangani isu-isu berkaitan konflik manusia dan hidupan liar, pasukan khas di peringkat negeri dan ibu pejabat PERHILITAN telah ditubuhkan pada tahun 2017. Pihak Kementerian juga telah membina lintasan hidupan liar di koridor ekologi yang dikenal pasti. Sejumlah 550 papan tanda lintasan hidupan liar telah dipasang di 180 lokasi titik panas (*hotspot)*, 37 set *transverse bar* telah dipasang bagi memperlahankan kenderaan dan 24 unit *solar amber light* telah dipasang untuk memberi peringatan kepada pemandu mengenai kawasan hidupan liar.

Sebagai langkah ke hadapan, pelaksanaan tindakan-tindakan yang digariskan di bawah *National Elephant Conservation Action Plan* (NECAP) 2.0 dan *Malayan Tapir Conservation Action Plan* (MATCAP) sebagai mitigasi bagi pengurusan konflik manusia-hidupan liar. Sejumlah RM10 juta juga telah diperuntukkan bagi inisiatif bantuan kerugian harta benda dan tanaman akibat serangan hidupan liar di bawah Belanjawan 2024.

Konservasi dan Konflik Manusia-Hidupan Liar (Kehilangan Habitat Asal)

Dr. Ching Thoo a/l Kim [KSU NRECC] turut memaklumkan bahawa kehilangan habitat asal berpunca daripada perubahan guna tanah dan pencerobohan kawasan.

Sehubungan itu, PERHILITAN akan mewajibkan pematuhan kepada WMP bagi sebarang projek yang melibatkan habitat hidupan liar. Dua (2) buah dokumen telah disediakan oleh PERHILITAN untuk menguatkuasakan WMP iaitu *Guidance Documents on Wildlife Impact Study for EIA* dan *Guidance Document for Preparation and Submission of Wildlife Management Plan in EIA.*

Walau bagaimanapun, penguatkuasaan dalam mewajibkan pematuhan kepada WMP akan dilaksanakan setelah isu-isu perundangan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127] dimuktamadkan.

h) Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)

Dr. Ching Thoo a/l Kim [KSU NRECC] dalam Prosiding Bil. 10(b)/2023 bertarikh 29 Januari 2024 memaklumkan dapatan JAN bahawa Garis Panduan KSAS 2017 tidak diguna pakai dan dilaksanakan sepenuhnya di peringkat negeri. Hal ini menyebabkan wujudnya aktiviti hutan seperti pembangunan ladang hutan, usahasil dan perlombongan di KSAS tanpa mengambil kira tahap kesensitifan kawasan berkenaan.

Sebagai tindakan, Garis Panduan Perancangan (GPP) Pemuliharaan dan Pembangunan KSAS 2017 telah dibangunkan oleh PLANMalaysia. Sehingga Disember 2022, status pemakaian GPP Pemuliharaan dan Pembangunan KSAS 2017 sudah mencapai 73 peratus seperti berikut:

i. tiga (3) buah negeri iaitu Perlis, Pulau Pinang dan Terengganu telah menerima pakai tanpa pindaan;
ii. lima (5) buah negeri iaitu Johor, Kelantan, Melaka, Perak dan Selangor telah menerima pakai dengan pindaan; dan
iii. tiga (3) buah negeri iaitu Kedah, Pahang dan Negeri Sembilan belum menerima pakai.

Di samping pemakaian GPP, penetapan KSAS telah diperincikan dalam Rancangan Struktur Negeri (RSN) dan Rancangan Tempatan Daerah (RTD) sebagai panduan dan mengawal pembangunan, termasuk di KSAS.

Walau bagaimanapun, memandangkan kuasa mentadbir tanah adalah di bawah PBN, maka garis panduan yang digubal di peringkat Persekutuan ada kalanya tidak dipatuhi sepenuhnya. Bidang kuasa Persekutuan hanya boleh mensyaratkan mana-mana pembangunan dalam KSAS perlulah merujuk kepada Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) untuk mendapatkan nasihat selaras dengan peruntukan subseksyen 22(2A)(c), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172].

Sebagai langkah ke hadapan, pindaan aktiviti dalam KSAS untuk mewujudkan keseragaman tahap dan kriteria KSAS dalam penyediaan Rancangan Fizikal

Negara Kelima akan dijalankan oleh pihak PLANMalaysia pada tahun 2024. Rangka kerja KSAS juga sedang disediakan untuk penyelarasan tahap dan kawasan KSAS di semua negeri serta dijangka dapat dimuktamadkan pada Jun 2024.

i) Kesan Kepada Alam Sekitar – Kadar Pencemaran

Dr. Ching Thoo a/l Kim [KSU NRECC] dalam Prosiding Bil. 10(a)/2023 bertarikh 12 Disember 2023 memaklumkan pencemaran berlaku disebabkan oleh projek pembangunan ladang hutan, aktiviti pembalakan serta perlombongan dan kuari. Justeru, NRECC menggunakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127] sebagai mekanisme undang-undang bagi mengawal pencemaran alam sekitar.

Selain itu, NRECC sedang melaksanakan pindaan ke atas Akta 127 dengan memberi penekanan terhadap elemen pencegahan pencemaran, penguatkuasaan undang-undang, kawalan alam sekitar bersepadu melalui penggunaan teknologi terbaik, pemantauan prestasi pelaporan yang lebih telus dan amalan pematuhan kendiri yang mantap.

Pindaan Akta 127 fasa 1 iaitu Rang Undang-Undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023 telah dibentangkan di Dewan Rakyat untuk Bacaan Pertama pada 16 November 2023. Bacaan Kedua dirancang pada tahun 2024.

j) Kesan Kepada Alam Sekitar – Tanah Runtuh dan Banjir

Dr. Ching Thoo a/l Kim [KSU NRECC] dalam Prosiding Bil. 10(a)/2023 bertarikh 12 Disember 2023 memaklumkan susulan daripada bencana Banjir Puing di Sungai Kupang, Baling, Kedah pada tahun 2022, satu (1) kajian pemetaan terperinci bencana geologi banjir puing di Sungai Kupang selesai dilaksanakan bagi mengumpul data untuk perancangan tindakan susulan bagi mengurangkan risiko kepada masyarakat. Justeru, JMG telah melaksanakan kajian pemetaan, analisis geomorfologi dan mitigasi ancaman bencana geologi berdasarkan komuniti di kawasan tadahan Sungai Kupang, Baling, Kedah.

Selain itu, *Early Warning System* (EWS) telah dipasang di dua (2) buah lokasi berhampiran di Sungai Kupang iaitu di Masjid Al-Falah, Kampung Iboi dan Masjid Al-Ittihadiah di Kampung Bok Bak. Program kesedaran pemantauan masyarakat terhadap bencana geologi turut dilaksanakan melalui Program

Risiko Bencana Berasaskan Komuniti di Surau Ittifaqiyah Kampung Iboi, Baling pada 4 Disember 2022.

JAS Kedah telah membuka satu (1) kertas siasatan bagi pertuduhan di bawah seksyen 34A(7) Akta 127 berdasarkan siasatan pada 18 Januari 2023. Kertas ini dilengkapkan dan dalam semakan Unit Pendakwaan, JAS Kedah bagi mendapatkan izin mendakwa daripada Timbalan Pendakwa Raya Negeri Kedah. Sebagai langkah ke hadapan, JPS turut membina struktur sabo di Sungai Iboi bagi mengurangkan impak banjir kepada penduduk kampung.

k) Rancangan Pengurusan Hutan (RPH)

Dr. Ching Thoo a/l Kim [KSU NRECC] dalam Prosiding Bil. 10(a)/2023 bertarikh 12 Disember 2023 memaklumkan terdapat Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) dan pemegang lesen *Forest Management Unit* (FMU) yang tidak melaksanakan kajian Semakan Separuh Penggal (SSP) RPH atau telah menjalankan kajian tersebut melangkaui tempoh ditetapkan.

Negeri Johor, Kedah, Kelantan, Pahang dan Terengganu telah selesai kajian SSP 2016-2025. Negeri Selangor pula telah menyediakan RPH baharu 2021-2030. JPSM akan melaksanakan pemantauan berterusan terhadap penyediaan RPH dan kajian SSP bagi semua JPN di Semenanjung Malaysia bagi memastikan matlamat dan objektif RPH dicapai dalam tempoh yang ditetapkan. Format panduan penyediaan RPH yang ditambah baik telah disediakan untuk dimuktamadkan dalam mesyuarat khas pengurusan pada awal tahun 2024.

Selain itu, SFD sedang merangka dan menyediakan *Statewide 25 Years Master Plan* bersepadu dengan mengambil kira RPH yang disediakan oleh setiap FMU dan dijangka dapat dilengkapkan pada suku keempat, tahun 2024.

l) Pengurusan Sumber Hutan

Dr. Ching Thoo a/l Kim [KSU NRECC] dalam Prosiding Bil. 10(b)/2023 bertarikh 29 Januari 2024 memaklumkan kelemahan dalam pengurusan RPH adalah disebabkan oleh empat (4) faktor:

i. kekurangan peruntukan kewangan;
ii. kaedah pengumpulan maklumat kurang berkesan;
iii. mekanisme pengukuran aktiviti bersifat umum dan tidak jelas; serta
iv. tindakan penyeliaan dan pemantauan tidak dibuat secara berkala dan teliti.

Pihak Kementerian berpandangan bahawa perkara ini memerlukan perancangan dan pemantauan di peringkat negeri. Kementerian melalui JPSM dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) akan terus membantu negeri-negeri dalam memberikan khidmat nasihat mengenai pengurusan dan penggunaan hutan.

JPSM telah menyediakan Panduan Penyediaan RPH (kemas kini 2023) dan telah dibentangkan di Persidangan Pengarah-pengarah Perhutanan Negeri Semenanjung Malaysia pada September 2023. Sebagai langkah ke hadapan, dokumen ini akan digunakan oleh semua JPN dalam penyediaan RPH yang baharu.

m) Pembangunan Hutan Asli

Usahasil

Dr. Ching Thoo a/l Kim [KSU NRECC] dalam Prosiding Bil. 10(b)/2023 bertarikh 29 Januari 2024 memaklumkan berlaku pelanggaran terhadap syarat EIA aktiviti selepas penuaian sebanyak 25 kes, ketidakpatuhan garis panduan tiga (3) kes; pelanggaran perintah peraturan EIA, empat (4) kes; ketidakpatuhan manual perhutanan, dua (2) kes; dan pelanggaran Pekeliling Ketua Pengarah JPSM, satu (1) kes.

Semakan audit bebas (MC&I) telah dilakukan oleh pihak Sirim QAS International Sdn. Bhd. ke atas JPN pada tahun 2023 dan masih mengekalkan pensijilan negeri masing-masing. Ini menunjukkan tahap pematuhan secara

berkala dan tindakan pembetulan telah dilaksanakan oleh jabatan perhutanan di negeri masing-masing.

Sebagai langkah ke hadapan, semua skim pensijilan akan diteruskan dan pengekalan pensijilan MC&I untuk tujuh (7) FMU di Semenanjung Malaysia telah dijadikan KPI JPSM pada tahun 2024 bagi memastikan pematuhan.

Perlombongan

Dr. Ching Thoo a/l Kim [KSU NRECC] turut memaklumkan berlaku pelanggaran aktiviti terhadap Akta Pembangunan Mineral 1994 [Akta 525], sebanyak lapan (8) kes; dan Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313], satu (1) kes.

Pihak Kementerian melalui JMG telah melaksanakan pengukuhan terhadap kawalan hakisan dan sedimentasi daripada aktiviti perlombongan melalui Skim Pengendalian Melombong di bawah seksyen 10 Akta 525 dan Peraturan-peraturan Pembangunan Mineral (Skim Pengendalian Melombong, Pelan dan Buku Rekod) 2007.

Selain itu, pihak JMG sedang menyediakan garis panduan baharu Pelan Reka Bentuk Hakisan dan Kawalan Kelodak untuk industri perlombongan menggunakan perkhidmatan kepakaran tempatan secara berfasa dan dijangka siap pada tahun 2025. Penambahbaikan proses kerja juga telah dilaksanakan di JMG melalui Surat Pekeliling Ketua Pengarah Bil.1/2018, 1/2020 dan 1/2021.

Sebagai langkah ke hadapan, JMG akan melaksanakan pindaan ke atas Akta 525 yang akan mengambil masa selama tiga (3) tahun untuk dilaksanakan secara berfasa. JMG juga akan melaksanakan pengasingan sub-unit pelesenan dan penguatkuasaan kepada dua (2) unit berasingan sebagai langkah semak dan imbang selaras dengan syor SPRM.

Kuari

Di samping itu, **Dr. Ching Thoo a/l Kim [KSU NRECC]** memaklumkan terdapat 18 pelanggaran aktiviti pengkuarian berlaku terhadap ketetapan Akta Kualiti Alam Sekeliling, Akta Perhutanan Negara dan juga Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual).

Susulan itu, JPN telah mengenakan syarat dalam Lesen Kecil Kuari dalam HSK supaya pengusaha kuari mendapatkan kelulusan Skim Kuari oleh JMG supaya aspek-aspek teknikal dapat dipantau oleh agensi teknikal yang berkaitan.

Bagi kuari yang telah mendapat kelulusan EIA, JAS akan memantau dan menguatkuasakan sebarang pencemaran mengikut syarat EIA yang juga merujuk kepada pematuhan Akta 127 dan peraturan-peraturan di bawahnya.

Bagi kesalahan di bawah Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 yang melibatkan kegagalan menguruskan buangan terjadual (minyak terpakai) dan ketidakpatuhan syarat EIA, pihak pemaju telah dikeluarkan Notis Arahan dan Kompaun. Selain itu, penambahbaikan Prosedur Tetap Operasi Penguatkuasaan EIA Edisi 2022 telah diguna pakai oleh JAS mengikut Arahan Pejabat 12/2022.

Sebagai langkah ke hadapan, pematuhan berkala dilaksanakan dengan menyediakan program tahunan atau berdasarkan aduan yang diterima oleh JAS serta melalui pemantauan kendiri oleh pihak penggerak projek. Operasi bersepadu penguatkuasaan juga akan dilaksanakan secara bersama oleh JAS, JMG dan JPN.

Restorasi

Selain itu, **Dr. Ching Thoo a/l Kim [KSU NRECC]** memaklumkan kelulusan kawasan hutan terosot yang dipulihkan hanya seluas 50.4 peratus berbanding sasaran 1,640 hektar. Manakala, pencapaian tanaman pokok pelbagai spesies hanya sebanyak 0.48 juta batang pokok berbanding sasaran 1.03 juta batang pokok.

Kerajaan telah meluluskan siling peruntukan berjumlah RM100 juta bagi RMKe-11 dan RMKe-12 untuk penanaman pokok di kawasan terosot seluas 1,640 hektar di bawah Program Restorasi, Tebus Guna dan Pemulihan Kawasan Hutan Terosot di Semenanjung Malaysia (3RSM). Sehingga 31 Disember 2023, sebanyak 1,107.9 hektar kawasan hutan terosot di Semenanjung Malaysia telah dipulihkan dengan penanaman sebanyak 650,779 batang pokok di bawah Program 3RSM.

Sebagai langkah ke hadapan, baki kawasan Program 3RSM seluas 532.1 hektar dijadual akan dilaksanakan pada tahun 2024 iaitu sebanyak 100 hektar, dan pada tahun 2025, sebanyak 432.1 hektar.

Tapak Ramsar Tasek Bera (TRTB)

Dr. Ching Thoo a/l Kim [KSU NRECC] memaklumkan tindakan pemantauan dan penguatkuasaan dalam kalangan ahli-ahli Unit Pengurusan TRTB tidak pernah dilaksanakan bagi tahun 2016 hingga tahun 2018. Selain itu, aktiviti pemantauan bagi tahun 2019 hingga 2021 hanya dijalankan sebanyak 18 kali sahaja dan mesyuarat Penyelarasan Aktiviti Penguatkuasaan Tapak RAMSAR hanya dilaksanakan sekali pada tahun 2020.

Pihak kementerian mendapati bagi tahun 2016 hingga 2018, sebanyak 67 rondaan dan pemantauan telah dilaksanakan oleh Unit Penguatkuasaan TRTB iaitu 25 kali 2016; 2017, 13 kali; dan 2018, 29 kali. Manakala, aktiviti pemantauan bagi tahun 2019 hingga 2021 adalah sebanyak 52 kali. Mesyuarat Penyelarasan Aktiviti Penguatkuasaan TRTB pula dilaksanakan sekali pada tahun 2020 disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Sebagai langkah ke hadapan, pemantauan dan penguatkuasaan TRTB sentiasa dilaksanakan dari semasa ke semasa dan diperkukuhkan melalui perwujudan Markas Taktikal bagi Operasi Bersepadu Khazanah (OBK) sejak tahun 2022. Di samping itu, enam (6) orang Renjer Komuniti telah ditempatkan di TRTB di bawah Program Perlindungan dan Rondaan Biodiversiti (BP3) untuk menjalankan kerja-kerja pemantauan dan rondaan di kawasan tersebut.

n) Penguatkuasaan Dan Pengurusan Sumber Hutan

Kertas Siasatan Bagi Kesalahan Hutan

Dr. Ching Thoo a/l Kim [KSU NRECC] dalam Prosiding Bil. 10(b)/2023 bertarikh 29 Januari 2024 memaklumkan bahawa bagi isu kertas siasatan bagi kesalahan hutan, sebanyak 3,586 kertas siasatan dibuka di sembilan (9) negeri, diaudit dari tahun 2016 hingga 2021 sebanyak 2,515 kes, manakala baki belum selesai sebanyak 1,071 kes.

JPSM telah mengambil tindakan dengan mewujudkan *management team-based investigation* (MTI) bagi mempercepatkan penyempurnaan kertas siasatan, termasuk kes-kes tertunggak yang belum selesai. Latihan berterusan juga akan diberikan kepada pegawai serbuan dan penyiasat di JPN.

Pihak Kementerian menjangkakan kadar penyelesaian kertas siasatan bagi kes kesalahan hutan dapat diselesaikan dengan penubuhan pasukan MTI.

Pencerobohan

Dr. Ching Thoo a/l Kim [KSU NRECC] dalam prosiding Bil. 10(b)/2023 bertarikh 29 Januari 2024 turut memaklumkan bahawa seluas 35,789.59 hektar dalam HSK yang melibatkan 851 lokasi di Malaysia telah diteroka secara haram bagi pelbagai aktiviti penempatan dan pertanian.

Susulan itu, JPSM telah mengambil beberapa tindakan seperti penubuhan Bilik Pemantauan Sumber Hutan (*War Room*); pemantauan melalui sistem *Forest Monitoring using Remote Sensing* (FMRS) dengan kerjasama Agensi Angkasa Malaysia (MYSA); dan pelaksanaan operasi bersepadu di lapangan dengan agensi di peringkat negeri.

Sebagai langkah ke hadapan, pemantauan dan pengekangan aktiviti pencerobohan HSK diteruskan setiap masa oleh JPSM dan semua JPN.

o) Sistem Dan Teknologi Perhutanan

Dr. Ching Thoo a/l Kim [KSU NRECC] dalam Prosiding Bil. 10(a)/2023 bertarikh 12 Disember 2023 memaklumkan pihak JAN mendapati JPN tiada rekod pemakluman atau maklum balas secara rasmi bagi laporan yang dikemukakan. Susulan itu, Bahagian Penguatkuasaan JPSM akan melaporkan kepada JPN mengenai penemuan awal kawasan terbuka dalam HSK melalui e-mel.

Kemudian, pihak JPN diminta untuk menjalankan semakan di lapangan untuk tujuan pengesahan dan tindakan mengikut prosedur yang ditetapkan serta diminta mengemukakan laporan berkaitan pelaporan *War Room* kepada JPSM untuk tujuan perekodan.

Selain itu, sistem perekodan laporan *War Room* telah diwujudkan oleh JPSM bagi menambah baik pengurusan rekod aktiviti *War Room*.

5.3 Keterangan Jabatan Hutan Sarawak (FDS)

a) Tadbir Urus Hutan Wilayah Sarawak


Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Pengarah FDS] dalam Prosiding Bil.10(c)/2023 bertarikh 29 Januari 2024 dengan merujuk slaid di bawah memaklumkan institusi-institusi yang mengurus dan mengawal selia sektor perhutanan termasuk alam sekitar di Wilayah Sarawak adalah seperti berikut:



Sumber: Slaid pembentangan FDS bertarikh 29 Januari 2024

Agensi-agensi perhutanan di Sarawak berpandukan peruntukan undang-undang di dalam *Forest Ordinance 2015, Sarawak Forest Policy 2019, Wild Life Protection Ordinance 199*8 dan *National Park and Nature Reserves 1998* bagi pengurusan hutan dan sumber hutan di Sarawak.

Selain itu, Sarawak masih mengekalkan 7.65 juta hektar atau lebih kurang 62 peratus kawasan litupan hutan di Sarawak. Daripada 7.65 juta hektar kawasan berhutan tersebut, enam (6) juta hektar adalah disasarkan untuk dijadikan sebagai HSK, dan seluas satu (1) juta hektar lagi untuk kawasan terlindung sepenuhnya yang meliputi taman negara, perlindungan hidupan liar dan kawasan rizab semula jadi.



Sumber: Slaid Pembentangan FDS bertarikh 29 Januari 2024

Sebagai menyahut komitmen negara dalam mengekalkan 50 peratus kawasan litupan hutan, Sarawak merupakan penyumbang yang terbesar dalam kawasan litupan hutan di Malaysia iaitu sebanyak 42.4 peratus daripada 18.05 juta hektar keseluruhan kawasan berhutan di Malaysia. Sarawak juga mempertahankan dan melestarikan kepelbagaian biologi serta ekosistem hutan melalui penambahbaikan dan pemerkasaan polisi sedia ada serta pelaksanaan pelbagai program pengurusan hutan secara lestari.

b) Litupan Hutan

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Pengarah FDS] dalam Prosiding Bil.10(c)/2023 bertarikh 29 Januari 2024 memaklumkan bahawa penurunan kawasan litupan hutan bagi tempoh 2016 hingga 2021 sebanyak 2.2 peratus adalah disebabkan oleh pembangunan ekonomi serta penempatan penduduk. Pembangunan ekonomi yang pesat menyumbang kepada pembukaan kawasan-kawasan hutan bagi aktiviti-aktiviti seperti pembangunan ladang-ladang pertanian untuk memastikan bekalan sumber makanan yang mencukupi, pembinaan projek hidroelektrik, pembinaan kawasan-kawasan perumahan dan perbandaran serta pewujudan dan pembesaran kawasan industri.

Bagi mengekalkan kawasan berhutan, FDS telah mengambil inisiatif untuk mewartakan kawasan-kawasan tersebut untuk dijadikan HSK dan kawasan

terlindung sepenuhnya. Kawasan berhutan yang lain seperti kawasan tanah kerajaan dan tanah berhak milik, dilaksanakan program-program penanaman pokok dan penubuhan ladang-ladang hutan.

Program Penghijauan Malaysia - *Greening Sarawak Campaign*

Kempen Penghijauan Sarawak telah dijalankan secara agresif bagi meningkatkan kawasan litupan hutan dan kawasan hijau di Sarawak. Program Penghijauan Malaysia yang telah dilancarkan secara serentak di seluruh negara pada 5 Januari 2021 mensasarkan untuk menanam 100 juta pokok dalam tempoh lima (5) tahun. Sebagai komitmen kepada program Penghijauan Malaysia sejak 5 Januari 2021 tersebut, kerajaan Sarawak melalui FDS komited untuk menanam 35 juta pokok melalui *Greening Sarawak Campaign.* Sehingga 31 Disember 2023, sejumlah 32,234,313 pokok telah ditanam dan merupakan rekod penanaman yang tertinggi di Malaysia.

Program Restorasi Pesisir Pantai

FDS juga sedang giat melaksanakan Program Restorasi Pesisir Pantai di mana sebanyak 767,389 pokok bakau dan lain-lain spesies pokok pesisir pantai telah ditanam.

Selain itu, bagi memastikan kawasan litupan hutan di Sarawak terjaga, Kerajaan Sarawak menerusi FDS telah mengambil beberapa langkah seperti berikut:

i. mempergiatkan usaha pemantauan dan penguatkuasaan kawasan hutan;
ii. mempergiatkan inisiatif pewartaan kawasan-kawasan HSK yang baharu. Sebagai contoh, dalam tempoh 2021 sehingga 2023, sebanyak 21.3 ribu hektar kawasan HSK telah diwartakan iaitu *Bakam Forest Reserve, Murum Protected Forest, Bajo Ujung Murut Protected Forest;*
iii. memperkenalkan Dasar Ekonomi Hijau yang mana Sarawak merupakan wilayah pertama di Malaysia menggubal undang-undang bagi mengawal selia aktiviti karbon di wilayahnya melalui sektor tanah dan perhutanan yang terkandung dalam pindaan Kanun Tanah Sarawak dan *Forest Ordinance* yang masing-masing diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada 18 dan 19 Mei 2022. Melalui pindaan berkenaan, aktiviti perdagangan karbon di Sarawak kini dapat dilaksanakan;
iv. menambah baik *Forest Ordinance Sarawak* bagi memantapkan lagi pengurusan hutan dan sumber hutan;

v. mewajibkan pensijilan *Forest Management Certification* (FMC) bagi semua lesen jenis jangka panjang. Pada masa kini, sejumlah 24 lesen dengan jumlah keluasan hutan sebanyak 2.05 juta hektar telah pun mendapat pensijilan FMC; dan
vi. memanfaatkan teknologi terkini dalam aktiviti pengurusan hutan.

c) Ladang Hutan

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Pengarah FDS] dalam Prosiding Bil.10(c)/2023 bertarikh 29 Januari 2024 memaklumkan antara faktor-faktor yang mempengaruhi kemajuan tanaman ladang hutan di Sarawak adalah seperti berikut:

i. penubuhan ladang sekitar 1990-an yang tidak produktif terutama sekali pada awal penubuhan ladang ini iaitu pemilihan spesies yang kurang sesuai;
ii. kos operasi ladang hutan yang tinggi di mana ia melibatkan kos-kos penubuhan, penuaian, penebangan dan pengangkutan;
iii. kekangan dalam penyelidikan iaitu kekurangan pakar penyelidik dalam melaksanakan penyelidikan kesesuaian spesies bagi sesuatu kawasan *(species matching)*;
iv. kekurangan tenaga buruh yang mana pada peringkat awal, penubuhan ladang-ladang hutan di Sarawak banyak bergantung kepada tenaga buruh asing dan sumber tenaga buruh asing; dan
v. konflik guna tanah yang mana isu-isu pertikaian mengenai tuntutan pemilikan kawasan oleh komuniti tempatan membantutkan kerja-kerja penanaman ladang hutan tersebut.

Kerajaan Sarawak melalui FDS telah melaksanakan beberapa inisiatif dan tindakan semasa untuk penambahbaikan. Tindakan semasa yang telah diambil adalah seperti berikut:

i. mempergiatkan usaha penanaman kawasan ladang hutan berdasarkan rekod keluasan penanaman ladang hutan telah meningkat 0.5 juta hektar pada tahun 2021 kepada 0.58 juta hektar pada tahun 2023;
ii. membatalkan lesen yang gagal memenuhi syarat-syarat lesen ladang hutan. Setakat ini, empat (4) lesen yang meliputi keluasan 0.33 juta hektar telah pun dibatalkan;

iii. mengeluarkan surat amaran dan surat peringatan kepada pelesen yang gagal mencapai kurang daripada 40 peratus sasaran yang ditetapkan. Setakat ini, 22 pelesen telah pun diberi surat amaran dan peringatan serta tunjuk sebab;

iv. menambah baik tadbir urus pengurusan ladang hutan di Sarawak dengan memantau dan mengaudit secara dekat melalui penggunaan teknologi terkini seperti *satellite imageries* dan *hyperspectral;*

v. penubuhan pusat penyelidikan khas bagi kerja-kerja kajian berkaitan ladang hutan dan spesies pokok ladang hutan. Sarawak telah menubuhkan *Industrial Forest Research Centre* (IFRC) di FDS; dan

vi. mempergiatkan usaha mendapat dana tambahan untuk penyelidikan berkaitan dengan penubuhan ladang hutan seperti dana tambahan sebanyak RM2 juta yang telah pun disalurkan di bawah RMKe-12 untuk kajian penggunaan teknologi Revolusi Industri 4.0 dan juga tambahan dana sebanyak RM4 juta untuk penubuhan *Centre of Excellence for Planted Forest Research and Developmen*t di bawah RMKe-12.

Bagi mendepani cabaran berkaitan penubuhan ladang hutan, Kerajaan Sarawak melalui FDS juga telah menetapkan beberapa hala tuju seperti berikut:

i. penggunaan spesies pokok ladang hutan yang sesuai *(high quality planting material)* setelah penyelidikan dan pemilihan yang tepat dilaksanakan terhadapnya;

ii. penubuhan kilang berskala kecil *(mini mill)* dalam kawasan lesen bagi mengurangkan kos operasi;

iii. menggalakkan penglibatan komuniti dalam sektor perladangan hutan dengan meminda undang-undang *The Forest Planted Rule 1997* bagi membenarkan kawasan kecil milik komuniti diberi lesen ladang hutan;

iv. mempergiatkan lagi usaha memudah cara (*facilitate)* pengilang untuk mengubahsuai mesin-mesin yang sedia ada milik mereka kepada mesin yang bersesuaian (*retooling)* bagi memproses kayu-kayu ladang; dan

v. mencari idea dan inovasi baharu bagi mempercepatkan proses penanaman seperti penggunaan Sarabom dan *seed blaster*.

d) HoB Di Sarawak

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Pengarah FDS] dalam Prosiding Bil.10(c)/2023 bertarikh 29 Januari 2024 memaklumkan bahawa Pelan Strategik KeTSA 2021-2025 (pelaksanaan inisiatif HoB) belum dikemas kini. Perkara ini telah pun dibawa dan dibincangkan semasa Mesyuarat HoB *Technical Working Group* yang telah diadakan pada 11 November 2023.

Mesyuarat tersebut telah membuat keputusan agar Sarawak HoB *Project Initiative Framework* (HoBPIF) disemak semula agar selaras dengan *Post COVID-19 Development Sarawak 2030* (PCDS2030) dan disiapkan pada suku kedua tahun 2024.

Justeru, satu (1) bengkel pemurnian akan dilaksanakan pada bulan Februari 2024 bagi mengemas kini serta melihat semula kandungan HoBPIF agar selaras dengan PCDS2030.

e) RPH Di Sarawak

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Pengarah FDS] dalam Prosiding Bil.10(c)/2023 bertarikh 29 Januari 2024 memaklumkan penemuan audit bagi isu RPH adalah seperti berikut:

i. kesemua *Forest Management Plan* (FMP) di peringkat FMU Wilayah Sarawak masih belum dikaji semula;
ii. lima (5) pelesen tidak menyatakan tempoh kajian FMP secara khusus; dan
iii. tempoh FMP pelesen yang tidak dikaji semula antara 15 hingga 30 tahun.

Punca ketiga-tiga perkara ini berlaku adalah disebabkan:

i. setiap lesen pembalakan jangka panjang memiliki dokumen lesen yang mengandungi FMP dan sentiasa dikemas kini apabila terdapatnya keperluan dan maklumat atau penemuan baharu daripada penyelidikan semasa;
ii. bagi kawasan pembalakan jangka masa panjang yang telah dikenal pasti sebagai FMU dan melaksanakan Pensijilan Pengurusan Hutan, pelesen dikehendaki menyediakan satu (1) rancangan pengurusan hutan yang lebih komprehensif dan dikaji semula setiap lima (5) tahun; dan

iii. bagi lesen jangka panjang yang tidak memenuhi kriteria-kriteria di bawah pensijilan hutan, Kajian Semula Pelan Pengurusan Hutan adalah bergantung kepada keperluan dan arahan semasa daripada FDS.

FDS telah mengambil tindakan seperti berikut bagi memperkasakan RPH di Sarawak iaitu:

i. semua pemegang lesen jangka panjang adalah diwajibkan untuk mendapatkan Pensijilan Pengurusan Hutan selewat-lewatnya pada tahun 2030. Ini bermakna FMP mereka juga turut disemak dan dipinda setiap lima (5) tahun; dan
ii. bagi memastikan semua pelesen yang berkaitan mendapat pensijilan FMC, Kerajaan Sarawak juga akan mengambil beberapa pendekatan iaitu tindakan untuk membatalkan lesen bagi yang gagal mendapatkan dan mengekalkan Pensijilan Pengurusan Hutan berkenaan.

5.4 Keterangan Jabatan Perhutanan Sabah (SFD)

a) Tadbir Urus Hutan Negeri Sabah

Encik Indra Purwandita bin Herry Sunjoto [Timbalan Ketua Konservator Hutan (Perancangan dan Pengurusan), SFD] dalam Prosiding Bil.10(c)/2023 bertarikh 29 Januari 2024 telah membentangkan latar belakang pengurusan hutan di Sabah seperti berikut:


<u>Litupan Hutan</u>

Sebagai ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN), Malaysia telah menerima pakai definisi hutan yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO), UN. Walau bagaimanapun, peratusan litupan hutan yang diguna pakai adalah sebanyak 30 peratus berbanding 10 peratus seperti yang dinyatakan FAO. Litupan hutan di Sabah sehingga kini adalah berkeluasan 4.7 juta hektar.

<u>Status Sumber Hutan Terkini</u>

Sabah masih mempunyai 64 peratus litupan hutan daripada keluasan tanah dengan pecahan 3.8 juta hektar merupakan *permanent forest estate* yang terdiri daripada 3.6 juta hektar HSK yang diwartakan di bawah Enakmen Hutan 1968. Kira-kira sebanyak 245,000 hektar telah diwartakan di bawah Enakmen Taman-taman Sabah dan sebanyak 28,957 hektar diwartakan sebagai

kawasan perlindungan hidupan liar di bawah Enakmen Hidupan Liar 1997. Maklumat terperinci adalah seperti berikut:



Sumber: Slaid Pembentangan SFD bertarikh 29 Januari 2024

Pengurusan Hutan Mampan (SFM)

Dasar *Sustainable Forest Management* telah diterima pakai sejak tahun 1997, di mana amalan ini telah menggantikan kaedah pembalakan jangka masa pendek kepada sistem pengurusan hutan berkonsepkan pelbagai guna dengan tempoh pengurusan 50 sehingga 100 tahun melalui penganugerahan *Sustainable Forest Management License Agreement* (SFMLA). Bagi tujuan pelaksanaan kawasan HS di Sabah telah pun dibahagikan kepada 27 FMU yang mana diurus oleh Jabatan Perhutanan dan diurus oleh pihak swasta. Setakat Disember 2023, terdapat 43 lesen SFM yang telah diluluskan kepada pihak swasta dengan jumlah keluasan 1.5 juta hektar dan lebih kurang 780,000 hektar adalah diurus terus oleh Kerajaan Negeri.

Penggunaan Tanah Hutan Kawasan Lesen SFM

Bagi tujuan pelaksanaan SFM, kawasan FMU di Sabah perlu dizonkan kepada lima (5) zon utama dan menyediakan FMP atau Pelan Pengurusan Hutan. Secara keseluruhannya, zon hutan asli di Sabah meliputi kawasan 318,000 hektar bersamaan 25 peratus yang mana berlakunya aktiviti penuaian hutan melalui pembalakan secara *Reduced Impact Logging* bagi kawasan yang terosot nilai. Bagi kawasan terosot vegitasi, ia dipulihkan melalui aktiviti silvikultur dan restorasi hutan.

Zon-zon hutan yang terlibat dengan penggunaan tanah hutan kawasan lesen SFM adalah seperti berikut:

i. zon ladang hutan berkeluasan kira-kira 600,000 hektar. Namun, *net plantable area* adalah kira-kira 445,000 hektar. Sehingga kini, keluasan yang telah ditanam adalah 175,255 hektar;
ii. zon konservasi berkeluasan 109,750 hektar khas untuk perlindungan biodiversiti, perlindungan tadahan air dan perlindungan tanah. Zon ini tidak ditakrifkan sebagai kawasan terlindung sepenuhnya dan masih hutan produksi;
iii. zon komuniti berkeluasan 7,391 hektar bersamaan kira-kira 0.6 peratus khas untuk menyokong aktiviti perhutanan sosial bagi masyarakat setempat;
iv. zon perhutanan tani (*agroforestry) b*erkeluasan kira-kira 196,000 hektar bersamaan 16 peratus; dan
v. terdapat kawasan HS kelas dua atau *commercial forest* yang belum dizonkan kira-kira 295,000 hektar.

Pencapaian Pengurusan Hutan

Bagi pensijilan FMC, secara keseluruhan terdapat kira-kira 280,000 hektar yang dipersijilkan di Sabah. Sabah juga telah mencapai beberapa pengiktirafan dalam pengurusan hutan seperti *Kinabalu Park World Heritage* (75,000 hektar), *Kinabalu UNESCO Global Geoparks* (475,000 hektar), *Crocker Range Biosphere Reserve* (350,000 hektar), *Lower Kinabatangan-Segama Wetlands Ramsar Site* (78,000 hektar) dan *Important Bird Area* iaitu terdapat 15 bahagian berkeluasan kira-kira 870,000 hektar.

Usaha wajar telah dilaksanakan ke atas keluaran hutan melalui pelaksanaan *Sabah Timber Legality Assurance System* sejak tahun 2009 di mana pengauditan ini telah dilaksanakan oleh *accredited third party auditor*. Setakat Disember 2023, seluas 1.1 juta hektar operasi penuaian hutan atau pembalakan di HS produksi dan tanah kerajaan telah dipersijilkan dan sebanyak 141 kilang telah mematuhi proses usaha wajar tersebut.

Statistik Kesalahan Hutan

Dalam aspek penguatkuasaan hutan Sabah, lima (5) kategori kesalahan hutan telah dikenal pasti. Peningkatan kapasiti penguatkuasaan yang berterusan menunjukkan bahawa dari tahun 2014 sehingga sekarang terdapat trend penurunan.

b) Ladang Hutan

Encik Indra Purwandita bin Herry Sunjoto [Timbalan Ketua Konservator Hutan (Perancangan dan Pengurusan), SFD] dalam Prosiding Bil.10(c)/2023 bertarikh 29 Januari 2024 memaklumkan bahawa isu berkaitan penubuhan ladang hutan dalam penemuan audit menyatakan terdapat 40 peratus kawasan yang telah diusahasil masih belum ditanam. Maklum balas dan tindakan jabatan adalah seperti berikut:

i. statistik yang dilaporkan LKAN merupakan *gross area* pada tahun 2021 dan tindakan penanaman sebenar selepas pengauditan sehingga 15 Disember 2023 mendapati kemajuan penanaman seluas 175,255 hektar iaitu peningkatan sebanyak 12,000 hektar sejak laporan atau auditan oleh JAN pada 2021;
ii. pelan tindakan bagi pelaksanaan *Forest Plantation Development* untuk tempoh 2022 sehingga 2036 bagi memastikan 400,000 hektar kawasan HS yang telah pun dikenal pasti untuk ladang hutan boleh ditanam sepenuhnya;
iii. mewujudkan Jawatankuasa Pemandu khas bagi tujuan pemantauan dan penyelarasan kemajuan ladang hutan;
iv. mengadakan sesi konsultasi dengan pemegang taruh dijalankan sebanyak dua (2) kali setiap tahun seperti *Sabah Timber Industries Association* (*upstream* dan *downstream)* dan *Timber Association of Sabah (upstream);*
v. bekerjasama dengan pihak PERKESO pada tahun 2023 bagi menangani isu kekurangan pekerja di sektor ladang hutan;
vi. memperkasakan R&D melalui kerjasama dengan institut penyelidikan tempatan seperti FRIM dan *Borneo Forestry Cooperative*;
vii. menyediakan buku panduan pengurusan tapak semaian yang memberi panduan kepada semua pelesen SFMLA dalam menubuhkan ladang hutan;
viii. melaksanakan transformasi sistem kutipan royalti balak yang dijalankan secara atas talian bagi memberi impak positif dari aspek kutipan hasil dan memudahkan pihak pelesen membayar royalti; dan
ix. membatalkan dua (2) lesen SFMLA yang gagal mematuhi syarat-syarat perjanjian iaitu pada tahun 2021 dan 2022 meliputi kawasan lebih kurang 500,000 hektar.

Bagi perancangan masa hadapan, SFD membuat tindakan seperti berikut:

i. memperkasakan pelaksanaan *Action Plan on Forest Plantation Development* 2022 hingga 2036 dengan kerjasama dengan pelbagai pihak termasuk pihak swasta;
ii. menilai dan memantau kemajuan penubuhan ladang hutan secara suku tahunan melalui Jawatankuasa Pemandu yang telah ditubuhkan*;* dan
iii. melaksanakan sistem pemantauan penilaian melalui transformasi digital dengan mewujudkan aplikasi *iForSabah* dan *GeoForest*. Bagi aplikasi *GeoForest*, NRECC telah meluluskan peruntukan sebanyak RM3.5 juta di bawah RMKe-12.

c) HoB Di Sabah

Encik Indra Purwandita bin Herry Sunjoto [Timbalan Ketua Konservator Hutan (Perancangan dan Pengurusan), SFD] dalam Prosiding Bil.10(c)/2023 bertarikh 29 Januari 2024 memaklumkan bahawa pengauditan oleh pihak JAN menemukan tiga (3) daripada lapan (8) sasaran output HoB tidak tercapai. Selain itu, terdapat dua (2) daripada lapan (8) sasaran keberhasilan HoB juga tidak tercapai.

Sasaran Output - Tambahan 400,000 hektar Kawasan Terlindung Sepenuhnya (KTS) bagi mencapai 30% KTS menjelang tahun 2025

Bagi sasaran output tambahan 400,000 hektar KTS, untuk mencapai 30 peratus kawasan terlindung sepenuhnya menjelang tahun 2025, LKAN 2021 menyatakan bahawa hanya 163,366 hektar yang dicapai dalam RMKe-11 sehingga 2021. LKAN hanya mengambil kira pencapaian pada tahun 2021 iaitu di mana keluasan pada waktu itu hanyalah 1.9 juta. Sementara dalam *Sabah Policy* 2018, pencapaian 30 peratus itu adalah menjelang 2025.

Setakat Disember 2023, Kerajaan Sabah telah pun mewartakan KTS, kawasan tambahan seluas 69,607 hektar. Ini menjadikan jumlah keseluruhan KTS kepada 2.01 juta ataupun 27 peratus.

Bagi perancangan masa hadapan, Kerajaan Sabah akan meneruskan usaha mengenal pasti kawasan hutan yang mempunyai nilai biodiversiti kritikal dengan meliputi kawasan HS dan tanah kerajaan bagi mencapai 30 peratus KTS menjelang tahun 2025.

Sasaran Output - Pembinaan Enam (6) Pos Lapangan Luar Untuk Tujuan Pemantauan

Bagi isu sasaran output pembinaan enam (6) pos kawalan luar, hanya empat (4) yang dilaporkan telah pun dibina. Ketidakcapaian ini berpunca daripada peruntukan HoB yang diluluskan melalui KETSA di bawah RMKe-11 hanya berjumlah RM28,700,900 berbanding permohonan asal berjumlah RM41,567,000. Ini menyebabkan terdapat kekurangan dana dan jabatan perlu memberi keutamaan kepada pelaksanaan aktiviti/ program serta menangguhkan aktiviti yang tidak menjadi keutamaan termasuk pembinaan pos kawalan luar dan pembelian kenderaan.

Setakat ini, SFD telah pun memohon baki peruntukan pada RMKe-12 ini dan telah diluluskan oleh pihak NRECC berjumlah RM12,866,000 dan dua (2) pos kawalan luar yang tertangguh telah dilaksanakan melibatkan pos kawalan luar di Serudong yang telah siap pada bulan Ogos 2023 dan pos kawalan luar di daerah Ulu Segama yang dijangka siap pada Mac 2024.

Sebagai langkah ke hadapan, satu (1) kertas cadangan akan dikemukakan kepada Kerajaan Persekutuan menerusi NRES bagi permohonan kesinambungan pelaksanaan Program HoB dalam RMKe-13 khasnya bagi pemuliharaan biodiversiti. SFD juga sedang membangunkan sistem pemantauan untuk memperkasakan penguatkuasaan melalui aplikasi dan teknologi terkini seperti *Smart Patrol* bagi tujuan perkongsian maklumat mengenai pos kawalan luar yang sedang dibina dan telah dibina.

Sasaran Output – Perolehan Enam (6) Unit Kenderaan Untuk Tujuan Pemantauan

Bagi sasaran output perolehan enam (6) unit kenderaan untuk tujuan pemantauan, hanya tiga (3) unit yang telah dibuat perolehan pada RMKe-11 diakibatkan kekurangan dana. Walau bagaimanapun, pada tahun 2023, pihak jabatan telah membuat perolehan satu (1) unit kenderaan.

Sebagai langkah ke hadapan, pihak jabatan merancang untuk melaksanakan perolehan dua (2) kenderaan tambahan pada tahun 2024 tertakluk kepada ketersediaan baki peruntukan. Di samping itu, jabatan sedang meningkatkan kapasiti dengan keberkesanan rondaan lapangan dengan latihan risikan secara bersama dengan agensi seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan

Hidupan Liar Sabah, WWF Malaysia, Panthera dan TRAFFIC *Wildlife Justice Commission.*

Sasaran Output Dan Sasaran Keberhasilan - Penghasilan Tujuh (7) Pelan Pengurusan Konservasi

Auditan JAN mendapati bahawa hanya dua (2) Pelan Pengurusan Konservasi Hutan yang disediakan berbanding tujuh (7) pelan yang disasarkan. Ini disebabkan jabatan menghadapi kekangan untuk membuat pelantikan juru perunding tempatan yang berdaftar dengan Sistem ePerunding pada RMKe-11. Justeru, Jabatan Perhutanan telah menggunakan tenaga profesional dalaman untuk penyediaan dan pelan pengurusan tersebut serta mengambil masa.

Setakat ini, pelan tersebut telah tersedia bagi Hutan Simpan Ulu Segama-Malua. Bagi utara Gunung Rara dan Pensiangan, draf akhir sedang disediakan dan dimuktamadkan selepas mendapatkan input *peer review* daripada pihak berkepentingan di Sabah. Manakala bagi Hutan Simpan Crocker Range dan Hampuan, pengumpulan maklumat sedang dijalankan dan dijangka akan dilengkapkan pada suku ketiga tahun 2025.

Secara umumnya bagi pelaksanaan HoB, Sabah akan meneruskan pelaksanaan Pelan Strategi Tindakan Sabah 2021-2030 bagi pelaksanaan HoB dengan bantuan teknikal dan kewangan dari Kerajaan Persekutuan. Justeru, permohonan peruntukan akan dibuat bagi tujuan ini. Di samping itu, jabatan akan meluaskan kerjasama dengan pemegang taruh dan komuniti bagi melaksanakan pelan strategi tersebut yang dijangka akan memberikan impak terutamanya kepada pembangunan sosioekonomi di kawasan yang dikenal pasti mempunyai risiko. Jabatan juga akan melaksanakan *adaptive management approach* terutama bagi konservasi spesies terancam, selaras dengan hasil penyelidikan dan ekspedisi saintifik yang dibiayai melalui Program HoB sebagai contoh *The Red List of Sabah Endemic Trees.*

d) RPH Di Sabah

Encik Indra Purwandita bin Herry Sunjoto [Timbalan Ketua Konservator Hutan (Perancangan dan Pengurusan), SFD] dalam Prosiding Bil.10(c)/2023 bertarikh 29 Januari 2024 memaklumkan bahawa SFD sedang merangka dan menyediakan *State-Wide 25 Years Master Plan* yang bersepadu dengan mengambil kira dan mengintegrasi FMP yang disediakan oleh 43 SFMLA yang juga merujuk kepada maklumat penyelidikan berkaitan dengan *biodiversity critical area.* Pelan ini akan disediakan dan dijangka siap pada suku keempat tahun 2024.

Sebagai langkah ke hadapan, Jabatan akan melaksanakan sepenuhnya *State-Wide 25 Years Master Plan* dengan konsep *Large Landscape Approach* serta membuat semakan dan penjajaran semula ke atas FMP yang telah disediakan oleh pihak SFMLA terdahulu bagi menjamin fungsi ekologi *biodiversity critical area* tidak terjejas oleh pembangunan sosioekonomi.

Proses pembangunan *State-Wide 25 Years Management Plan* akan mengintegrasikan semua maklumat penyelidikan dan ekspedisi saintifik yang dibiayai oleh Program HoB dengan memasukkan elemen integrasi *high conservation value* meliputi kawasan yang mempunyai nilai biodiversiti yang kritikal dari aspek flora dan fauna. Melalui analisa yang telah dijalankan, terdapat 10 kawasan kritikal biodiversiti yang telah dikenal pasti di Sabah yang akan diberikan tumpuan. Sabah akan melaksanakan pengurusan hutan dengan *adaption of Large Landscape Approach.*

6. PENEMUAN PAC

Berdasarkan empat (4) prosiding yang diadakan membabitkan isu pengurusan hutan dan impak kepada alam sekitar, PAC memfokuskan penemuan jawatankuasa ini kepada isu-isu seperti berikut:

6.1 Unsur Nadir Bumi Bukan Radioaktif (NR-REE)

Berdasarkan kenyataan daripada Datuk Zamri bin Ramli [KP JMG], jumlah NR-REE di Semenanjung Malaysia adalah sebanyak 16.2 juta tan yang bernilai RM810 bilion. Menurut beliau juga, NR-REE merupakan produk daripada perlombongan timah yang berlaku di Semenanjung Malaysia. Prosiding dimaklumkan berhubung status NR-REE seperti berikut:

a) Jumlah Lombong Haram NR-REE

Datuk Zamri bin Ramli [KP JMG] dalam Prosiding Bil. 10(a)/2024 bertarikh 12 Disember 2023 memaklumkan bahawa terdapat tujuh (7) kes perlombongan haram yang melibatkan lombong NR-REE. Satu (1) kes di luar HS iaitu di Jelebu, Negeri Sembilan. Manakala, enam (6) kes yang melibatkan HSK seperti berikut:

i. Kedah – Kompartmen 12 Hutan Simpan Bukit Enggang;
ii. Pahang – Kompartmen 411 Hutan Simpan Ulu Jelai serta Kompartmen 484 dan 485, Hutan Simpan Ulu Jelai; dan
iii. Perak – Kompartmen 23 Hutan Simpan Kenderong, Kompartmen 346 Hutan Simpan Bintang Hijau serta Kompartmen 167 Hutan Simpan Sungai Piah.

*"**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Boleh dapat ini tak— Mungkin saya tak pasti kalau ada kementerian ada dia punya data itu. Data jumlah dalam tempoh 2016 ke 2021, jumlah perlombongan haram yang dilakukan ini. Maksudnya lima tahun punya inilah data. Ada tak?*

***Datuk Zamri bin Ramli [Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia]:** Sekarang ini kita ada data yang terkini ini perlombongan— yang ada dekat saya sekarang ini, perlombongan haram yang melibatkan lombong NR-REE, kita ada tujuh sekarang ini. Enam melibatkan hutan simpanan kekal dan satu di luar hutan simpanlah.*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Boleh bagi spesifik di mana?*

Datuk Zamri bin Ramli [Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia]: *Yang Berhormat Pengerusi, saya sebutkan ini. Kes yang melibatkan lombong nadir bumi di dalam hutan simpanan kekal dulu. Di Kedah satu, di Kompartmen 12 Hutan Simpan Bukit Enggang. Di Pahang ada dua: Lipis di Kompartmen 411 Hutan Simpan Ulu Jelai; dan yang kedua adalah di Kompartmen 484 dan 485, Hutan Simpan Ulu Jelai. Manakala di Perak ada tiga iaitu di Kompartmen 23 Hutan Simpan Kenderong, Kompartmen 346 Hutan Simpan Bintang Hijau dan di Kuala Kangsar di Kompartmen 167 Hutan Simpan Sungai Piah. Dan yang luar hutan simpan adalah di Jelebu, Negeri Sembilan."*

[Muka surat 37-38, Laporan Prosiding Bil. 10(a)/2023 bertarikh 12 Disember 2023]

b) Kebenaran Perlombongan NR-REE Sedang Dikaji

Dr. Ching Thoo a/l Kim [KSU NRECC] dalam Prosiding Bil. 10(b)/2023 bertarikh 29 Januari 2024 memaklumkan bahawa polisi sekarang tidak membenarkan perlombongan NR-REE dalam kawasan HSK. Namun, dalam Mesyuarat Menteri Besar yang lepas, NRECC telah diminta untuk mengkaji bagi membenarkan perlombongan dalam kawasan HSK.

Justeru, NRECC melalui JMG sedang mengkaji aspek kawal selia yang lebih efektif sebelum membenarkan perlombongan NR-REE dalam kawasan HSK kerana aktiviti ini akan menjejaskan alam sekitar. Di samping itu, NRECC juga telah melaksanakan satu (1) projek rintis perlombongan NR-REE di luar kawasan HSK.

*"**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** ... Ini persoalan yang besar dari segi pendapatan negara dan negeri iaitu REE. REE ini seluruh negara, di Kedah I am very sure, but negeri-negeri lain pun sama. Dia kebanyakan REE ini duduk dalam hutan simpan kekal dan setakat ini kita tidak ada lagi kaedahnya macam mana hendak ambil REE daripada hutan simpan kekal. Ini jabatan hutan yang kepala dalam benda inilah.*

Oleh sebab kalau kita tidak ambil, rugi besar, dia berbilion-bilion. Satu negeri sampai RM4 bilion, RM40 bilion. Negeri lain semua campur-campur, beratus bilionlah seluruh negara dan kalau kita tak ambil ia memang rugi. Jadi persoalannya, bagaimanakah, apakah perancangan yang sedang dibuat oleh pihak jabatan hutan untuk kita tentukan bahawa REE ini dapat kita ambil daripada hutan kekal yang ada

di seluruh negara hari ini? Itu sahaja, ini termasuk jabatan geologi jugalah kan, yang jaga mineral. Terima kasih Yang Berhormat Naib Pengerusi.

Dr. Ching Thoo a/l Kim [Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam]: *Mungkin hendak jawab itu soalan yang last sekali, Yang Berhormat. Yang Berhormat, dari segi polisi Yang Berhormat, sekarang ini memang tidak dibenarkan untuk melombong REE dalam kawasan hutan simpan kekal, itu polisi all right. Walau bagaimanapun, ada but dan if dekat situlah. Dalam Mesyuarat Menteri Besar yang lepas, kami diminta untuk melihat jugalah ruang-ruang untuk membenarkan perlombongan dalam kawasan HSK, okey.*

Dengan teknologi yang ada sekarang ini, mungkin kawasan yang footprint itu sudah tidak besar lagi sudah. Kami melalui JMG, kami melihat isu ini, apakah bentuk kawal selia yang lebih efektif kalau kita hendak benarkan perlombongan berlaku di kawasan HSK sebab ia akan menjejaskan sumber air kita, kalau ada. Isu alam sekitar yang akan timbul macam-macamlah. Yang berlaku di Kedah Yang Berhormat, itu dalam kawasan HSK yang kita tahulah kan? Okey.

...

Kami di peringkat kementerian, kita telah buat satu pilot project di luar kawasan HSK. Kita lihat kesannya kepada sumber air, macam mana dan ecological, itu yang kita akan buat. So, polisi dia, perlombongan kawasan HSK sekarang masih tidak dibenarkan."

[Muka surat 20 - 21, Laporan Prosiding Bil 10(b)/2023 bertarikh 29 Januari 2024]

c) Projek Rintis NR-REE Di Kawasan Ladang Hutan

Datuk Zamri bin Ramli [KP JMG] dalam Prosiding Bil. 10(b)/2023 bertarikh 29 Januari 2024 menjelaskan bahawa cadangan untuk mengadakan projek rintis perlombongan NR-REE di dalam kawasan HSK akan diputuskan pada bulan Januari dan Februari 2024 dengan kos berjumlah RM5 juta.

Bagaimanapun, projek rintis NR-REE di kawasan ladang hutan telah dilaksanakan di Kenering, Perak seluas 216 ekar. Berdasarkan audit dan SOP yang telah dilaksanakan, pihak JMG mendapati perlombongan NR-REE tidak menjejaskan alam sekitar termasuklah daripada segi isu-isu yang melibatkan perhutanan dan air bawah tanah.

Susulan itu, pihak NRECC telah mengedarkan SOP Malaysia pada Disember 2023 sebagai panduan kepada kerajaan-kerajaan negeri untuk memulakan aktiviti perlombongan NR-REE di luar kawasan HSK.

*"**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Tetapi apa tindakan yang pantas dan cepat untuk kita dapat NR-REE ini dilaksanakan oleh pihak kementerian sebab dia amat rugi kalau kita buat lambat. Negara-negara lain macam Indonesia is doing – working so hard on this area. Kalau kita tertinggal then kita rugi dari segi peluang-peluang. Ini disebabkan oleh EV.*

...

***Datuk Zamri bin Ramli [Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia]:** ... Berkenaan dengan kebolehlaksanaan penerokaan REE di hutan simpan kekal. Memang ada cadangan untuk kita mengadakan projek perintis dahulu di kawasan hutan simpan kekal dan perkara ini akan diputuskan dalam bulan Januari dan Februari inilah. Berapa kawasan itu dan kementerian melalui FRIM akan mengetuai jabatan hutan, JMG juga melihat kawasan mana yang sesuai dijadikan projek perintis.*

Apa yang telah kita buat di kawasan luar hutan simpan kekal, di kawasan ladang hutan di Kenering. Apa yang kita dapat adalah ia tidak menjejaskan alam sekitar.

***Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Lagi sekali Datuk Ketua Pengarah, di mana yang you buat itu?*

***Datuk Zamri bin Ramli [Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia]:** Di Kenering.*

***Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Kenering di mana?*

***Datuk Zamri bin Ramli [Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia]:** Di Gerik, Perak.*

***Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Oh, Perak.*

***Datuk Zamri bin Ramli [Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia]:** Daripada audit yang kita lakukan dan juga SOP yang telah kita terbitkan, dipanggil SOP NR-REE di Perak, result yang kita dapat, ia tidak menjejaskan alam sekitarlah. Termasuklah dari segi isu-isu yang melibatkan perhutanan dan juga dari segi ground water. Itu yang kita dapat tetapi melalui pemantauan yang – makna pemantauan yang diketuai oleh JMG bersama sepuluh agensilah, yang ketatlah, itu yang kita buat. Akan tetapi di kawasan itu Yang Berhormat, adalah di kawasan ladang hutan.*

Bagi – untuk itu, kementerian telah pun mengedarkan SOP Malaysia pada Disember 2023 dan SOP ini merupakan sebagai panduan kepada kerajaan-kerajaan negeri untuk memulakan aktiviti REE tetapi bukan di hutan simpan untuk itu. Akan tetapi untuk hutan simpan kekal ini kita dalam kajian untuk dibuat projek perintis dahulu untuk melihat adakah terjejas dari segi ekosistem hutan dan dari segi regime air itu.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Mungkin ladang hutan itu dia lain sedikit kut nah? Tak sama yang betul-betul hutan simpan kekal? Berapa keluasan tanah itu yang dibuat?*

Datuk Zamri bin Ramli [Jabatan Mineral dan Geosains]: *Okey, yang diluluskan EIA sebanyak 5,000 ekar tapi yang dibuat untuk projek perintis itu adalah sebanyak 216 ekar. Akan tetapi kita pun dah – tetapi kita keluarkan di peringkat produk itu adalah di peringkat bahan mentah, maknanya carbonate."*

[Muka surat 21 - 22, Laporan Prosiding Bil 10(b)/2023 bertarikh 29 Januari 2024]

...

"Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: *Kos kajian perintis itu agak-agaknya berapa? Jumlah berapa?*

...

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: *RM5 juta."*

[Muka surat 30, Laporan Prosiding Bil 10(b)/2023 bertarikh 29 Januari 2024]

d) Kadar Simpanan NR-REE Di Semenanjung Malaysia

Datuk Zamri bin Ramli [KP JMG] dalam Prosiding Bil. 10(b)/2023 bertarikh 29 Januari 2024 memaklumkan bahawa kadar simpanan NR-REE di Semenanjung Malaysia adalah sebanyak 16.2 juta tan yang bernilai RM810 bilion iaitu 20 peratus daripada keseluruhan rantaian industri NR-REE. Antara kawasan simpanan NR-REE tertinggi terdapat di negeri-negeri berikut:

i. Terengganu sebanyak 7.2 juta tan, berjumlah RM362 bilion.
ii. Kelantan sebanyak 2.6 juta tan, berjumlah RM130 bilion.

iii. Perak sebanyak 1.7 juta tan, berjumlah RM85 bilion.
iv. Kedah sebanyak 1.2 juta tan, berjumlah RM56 bilion.

"Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: *Okey. Jadi, sebelum kita pergi ke soalan lain yang ditanya oleh YB Kubang Pasu tadi tentang REE ini, boleh saya tahu berapa simpanan kita ada seluruh Malaysia? REE ini?*

Datuk Zamri bin Ramli [Jabatan Mineral dan Geosains]: *Okey, sekarang ini simpanan kita, dipanggil resource, adalah sebanyak 16.2 juta tan dan kalau ikut dari segi kadar, 20 peratus daripada keseluruhan rantaian adalah sebanyak RM810 bilion. 20 peratus daripada keseluruhan rantaian industri REE itu sendiri.*

Datuk Zamri bin Ramli [Jabatan Mineral dan Geosains]: *20 peratus daripada keseluruhan rantaian. Nilai daripada 20 peratus. Yang dikira lima tan per ekar. Itu yang paling konservatif.*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *Boleh tolong terangkan sekali lagi sebab tidak berapa fahamlah.*

Datuk Zamri bin Ramli [Jabatan Mineral dan Geosains]: *Sekarang ini simpanan kita REE, resouce, sumber adalah 16.2 juta metric ton bernilai RM810 bilion.*

...

RM. Pada kadar rantaian, 20 peratus daripada keseluruhan rantaian RE itu. Maknanya 20 peratus ini adalah di peringkat raw tapi kalau kita proses, dia akan dapat 100 peratus tapi kira 20 peratus. Pengiraan 20 peratus. Mengambil kira lima...

...

tan per ekar. Kalau kita lombong, kita akan dapat lima tan per ekar. Itu paling konservatif yang paling rendah.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *That means your extraction 20 per cent-lah?*

Datuk Zamri bin Ramli [Jabatan Mineral dan Geosains]: *Yes.*

...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Daripada jumlah.*

Datuk Zamri bin Ramli [Jabatan Mineral dan Geosains]: *Yes.*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *Itu Semenanjung sahaja ke seluruh negara? Sabah dan Sarawak?*

Datuk Zamri bin Ramli [Jabatan Mineral dan Geosains]: *Untuk – sekarang ini kita mengambil kira Semenanjung sahaja itu. Kenapa Semenanjung? Sebab apa, REE yang ada itu merupakan daripada tin belt itu. Sebab apa kita Malaysia dahulu, kita world's largest pengeluar timah daripada luluhawa timah itu, ia menghasilkan another minerals, REE.*

Akan tetapi apa yang saya nak tegaskan dekat sini, REE yang dikeluarkan daripada – dikenali sebagai jerapan lempung ataupun ion adsorption clay ini, ia tidak terikat dengan peruntukan atomic dia sebab dia punya thorium itu less than one becquerel. Ia dalam keadaan biasalah. Dalam keadaan normal."

[Muka surat 23 - 24, Laporan Prosiding Bil *10*(b)/2023 bertarikh 29 Januari 2024]

...

"Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: *... Juga soalan kepada JMG iaitu simpanan RE ini, majoritinya di kawasan mana di Semenanjung Malaysia ini?*

Datuk Zamri bin Ramli [Jabatan Mineral dan Geosains]: *Saya jawab yang last. Majoriti yang tertinggi adalah di Terengganu. Okey.*

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: *Kedua?*

Datuk Zamri bin Ramli [Jabatan Mineral dan Geosains]: *Lepas itu...*

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: *Yang negeri lain?*

Datuk Zamri bin Ramli [Jabatan Mineral dan Geosains]: *Kedua di Kelantan. Saya semak saya punya kejap. Kejap, kejap saya tengok ini. Okey, saya bagi. Kalau kita tengok yang paling tinggi adalah di Terengganu sebanyak 7.2 juta tan, berjumlah RM362 bilion. Kedua adalah di Kelantan sebanyak 2.6 juta tan, berjumlah RM130 bilion – saya round figure ya. Ketiga adalah di Perak, RM85 bilion, 1.7 juta tan. Kalau Kedah – Kedah adalah 1.2 juta tan sebanyak RM56 bilion. Itu yang kita kira lima tan per ekar. Tapi kalau apa yang kita dapat sekarang ini, itu lima tan per ekar itu adalah*

yang paling konservatiflah. Tapi apa yang JMG buat dan melalui kaedah susulan Projek RMKe-12 yang dibagi kepada Kementerian Ekonomi, kita akan dapat 17 tan hingga 39 tan per ekar..."

[Muka surat 27 - 28, Laporan Prosiding Bil 10(b)/2023 bertarikh 29 Januari 2024]

e) Tatacara Perlombongan NR-REE

Datuk Zamri bin Ramli [KP JMG] dalam Prosiding Bil. 10(b)/2023 bertarikh 29 Januari 2024 menjelaskan bahawa dari sudut perundangan, aktiviti perlombongan adalah dibawah bidang kuasa kerajaan negeri. Namun, pihak JMG yang akan mengeluarkan lesen melombong iaitu Skim Pengendalian Melombong [*Operating Mining Scheme* (OMS)] selaras dengan Akta Pembangunan 1994. OMS hanya akan dikeluarkan apabila EIA diluluskan dan aktiviti perlombongan dijalankan di luar kawasan HSK. Selain itu, permohonan bagi lesen import dan eksport (AP) bagi tujuan mengeksport NR-REE masih di bawah Kerajaan Persekutuan.

*"**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Jadi, bagaimana kalau ada kerajaan negeri, mereka terus menjalankan aktiviti perlombongan RE ini? Adakah ini melanggar undang-undang Kerajaan Pusat dan apa tindakan yang boleh diambil kalau kerajaan negeri yang melakukannya?*

***Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]:** Dari segi tatacara.*

***Datuk Zamri bin Ramli [Jabatan Mineral dan Geosains]:** Okey, dari segi tatacara perlombongan, dari segi exploration, mining lease ataupun exploration – mining lease, semua dikeluarkan oleh kerajaan negeri. Maknanya, exploration is – kalau dari segi perundangan, kita panggil pengeluaran tenement, adalah di bidang kuasa kerajaan negeri. Tapi bila kerajaan negeri – untuk itu exploration sebab dalam exploration hanya kerajaan negeri akan tahu berapa jumlah terukur dan sebagainyalah. Tapi selepas itu, peranan Kerajaan Pusat adalah – sebab dalam kerajaan negeri dia ada Jawatankuasa Sumber Mineral, lepas itu untuk mengeluarkan mining lease, MMK-lah bawa. Tapi lepas itu, dia perlukan di peringkat dasar adalah di – JMG, dia punya Akta Pembangunan 1994 itu adalah OMS.*

Kalau tak ada, tak dikeluarkan OMS, dari segi pembangunan perlombongan itu. Tapi OMS itu perlu dikeluarkan...

***Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** OMS itu apa?*

Datuk Zamri bin Ramli [Jabatan Mineral dan Geosains]: *Skim Pengendalian Melombong (Operating Mining Scheme).*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Lesen melombonglah?*

Datuk Zamri bin Ramli [Jabatan Mineral dan Geosains]: *Ya, untuk pembangunan. Tapi OMS hanya dikeluarkan bila EIA itu diluluskan dan dasar macam mana diberitahu oleh Dr. KSU tadi, kita tidak akan keluarkan OMS di kawasan hutan simpan kekal. Itu dasar. Satu lagi, walaupun kerajaan negeri buat – maknanya, kalau dia ini, dia tak ada OMS. Satu lagi, AP itu. AP masih lagi di bawah Kerajaan Pusat untuk eksport. Lesen eksport."*

[Muka surat 29, Laporan Prosiding Bil 10(b)/2023 bertarikh 29 Januari 2024]

f) Akta Yang Perlu Dipinda Bagi Membolehkan Perlombongan NR-REE Di Kawasan HSK

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [KP JPSM] dalam Prosiding Bil. 10(b)/2023 bertarikh 29 Januari 2024 menjelaskan bahawa dua (2) akta perlu dipinda bagi membolehkan perlombongan NR-REE dilaksanakan dalam kawasan HSK seperti berikut:

i. Enakmen Mineral Negeri

Enakmen Mineral Negeri sedia ada menyatakan lesen perlombongan [*mining license* (ML)] tidak boleh dikeluarkan dalam kawasan simpanan (*reserve)* termasuklah kawasan HSK. Ia hanya dibenarkan di kawasan tanah milik.

ii. Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313]

Tiada peruntukan yang membolehkan lesen dikeluarkan untuk tujuan perlombongan dalam Akta 313 sedia ada.

*"**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Apa pindaan yang perlu dibuat? Maksudnya, apa akta yang perlu buat pindaan?*

...

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: *Yang Berhormat Naib Pengerusi, boleh saya tambah sikit daripada KSU? Pindaan itu melibatkan dua akta. Pertamanya, Enakmen Mineral Negeri sebab Enakmen Mineral Negeri yang sedia ada ini menyatakan mining license (ML) tidak boleh dikeluarkan dalam kawasan reserve. Dia hanya kawasan tanah milik ataupun tanah ini ya. Maknanya, tak membenarkan dalam kawasan reserve, termasuk hutan simpan kekal, tak boleh dalam enakmen. Dalam yang present punya akta ataupun Enakmen Mineral Negeri.*

Malahan dalam Akta Perhutanan Negara [Akta 313] juga menyatakan tak ada provision yang membolehkan lesen dikeluarkan untuk tujuan perlombongan. Tak boleh. Maknanya kedua-dua enakmen dan juga akta ini dia complement each other. Jadi aktiviti perlombongan dalam HSK pada saya tak boleh nak dibuat secara legal lagi berdasarkan perundangan yang ada sehingga dibuat pindaan."

[Muka surat 30 - 31, Laporan Prosiding Bil 10(b)/2023 bertarikh 29 Januari 2024]

6.2 Isu Pembalakan

a) Pembalakan Dilaksanakan Di Hutan Pengeluaran

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [KP JPSM] dalam Prosiding Bil. 10(a)/2023 bertarikh 12 Disember 2023 memaklumkan bahawa lesen pembalakan dikeluarkan oleh kerajaan negeri. Kerajaan Persekutuan hanya memberi nasihat kepada kerajaan negeri dalam aspek garis panduan untuk pembalakan.

HSK terbahagi kepada dua (2) kategori iaitu hutan perlindungan dan hutan pengeluaran. Pembalakan dalam HSK berlaku dalam hutan yang dikelaskan sebagai hutan pengeluaran. Aktiviti pembalakan telah dijalankan melalui pendekatan lestari dan terpilih di mana, hanya pokok-pokok yang besar sahaja ditebang.

Selain itu, Catuan Tebangan Tahunan (CTT) juga dibuat setiap lima (5) tahun untuk setiap negeri bagi memastikan kesemua negeri tidak melakukan pembalakan melebihi had keluasan di dalam hutan pengeluaran. Sehingga kini, CTT dipatuhi kesemua negeri lebih 10 tahun.

*"**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** ... Saya percaya ada negeri yang dia tebang balak lebih daripada kuota dia. Ada? Federal tak boleh buat apa-apa, betul tak? Saya nak clear on this matter-lah, because ada berlaku. Saya*

tak tahu macam mana perkara ini boleh kita selesaikan tetapi ini ia mengambil masa yang panjang.

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: *... Berkait dengan pembalakan, pun sama. Negeri yang tentukan siapa yang nak diluluskan untuk dapatkan pembalakan. Lesen pun dikeluarkan oleh negeri. Kita pun di peringkat Federal, kita tak campur tangan.*

Cumanya, dari segi garis panduan untuk pembalakan, kita ada garis-garis panduan yang mesra alam, contohnya, secara berimpak rendah. Yang itu garis panduan tadbir urus yang baik dari segi pembalakan. Yang itu, di Federal, kita bagi nasihat kepada state. Alhamdulillah, kebanyakan state dia terima pakai. Termasuk dari segi pelaksanaan pensijilan pengurusan hutan, pembalakan dalam hutan simpanan kekal. Memang semua negeri melaksanakan pensijilan pengurusan hutan dengan ada standard kriteria indicator yang tetap diterima di peringkat antarabangsa. Itu memang daripada Federal, kita tentukan dan dilaksanakan di seluruh negeri.

Dari segi pembalakan itu sendiri, kalau ikut rekod kita, YB, memang tak ada melebihi. Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi dan Ahli PAC sekalian, untuk tujuan pembalakan dalam hutan simpanan kekal ini, dia berlaku dalam hutan yang kita kelaskan sebagai hutan pengeluaran. Hutan simpanan kekal apabila diwartakan— contohnya di Semenanjung tadi, kita ada 43.6 peratus kawasan berhutan ataupun kawasan hutan simpanan kekal. Kita ada ini. Dan dibahagikan atau dikategorikan kepada dua. Satu, hutan perlindungan dan satu, hutan pengeluaran.

Perlindungan ini di bawah akta kita di bawah seksyen 10. Memang tak ada pembalakan berlaku. Perlindungan ini untuk kawasan tadahan air, kawasan simpanan hutan dara, kawasan penyelidikan, pendidikan— ada 10 kategori dia.

Satu kategori lagi adalah hutan pengeluaran yang mana dijalankan pembalakan dan pembalakan dijalankan bukan secara tebang habis tetapi melalui pendekatan secara sustainable forest management yang kita katakan secara terpilih ataupun memilih. Hanya pokok-pokok yang besar sahaja yang ditebang. Untuk pembukaan bagi satu-satu tahun pun kita tetapkan Catuan Tebangan Tahunan, kup, annual coupe dia. Maknanya, setiap negeri tidak boleh melebihi had keluasan dalam hutan pengeluaran tadi untuk dibalak.

Penetapan annual coupe tadi, Catuan Tebangan Tahunan, dibuat setiap lima tahun untuk setiap negeri. Alhamdulillah, kalau ikut, kita— dan kita pantau setiap tahun dan di peringkat kita di ibu pejabat, kementerian pun kita pantau. Negeri-negeri melaporkan kemajuan pembalakan setiap suku tahun kepada kita dan kita tahu trend

dia. Maknanya, melebihi atau tidak. Apabila menghampiri kup ataupun had tahunan yang ditetapkan, kita akan alert negeri supaya jangan melebihi. Alhamdulillah, berdasarkan pemantauan, mekanisme yang ada, memang saya rasa rekod lebih daripada 10 tahun, memang tak ada negeri yang melebihi daripada had catuan tadi, Catuan Tebangan Tahunan yang kita tetapkan dalam hutan simpanan kekal."

[Muka surat 38-40, Laporan Prosiding Bil. 10(a)/2023 bertarikh 12 Disember 2023]

b) Peratusan Hutan Perlindungan Dan Hutan Pengeluaran

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [KP JPSM] dalam Prosiding Bil. 10(a)/2023 bertarikh 12 Disember 2023 memaklumkan bahawa 60 peratus daripada 5.7 juta hektar HS adalah Hutan Pengeluaran dan baki 40 peratus adalah Hutan Perlindungan.

*"**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Soalan saya ringkas sahaja. Saya nak mohon KP respons sedikit. Daripada jumlah hutan yang kita ada, berapa peratus adalah hutan perlindungan? Berapa peratus adalah hutan pengeluaran okey?*

***Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]:** ... Saya boleh bagi untuk Semenanjung lah. Mungkin Puan Norsham kalau ada untuk Malaysia. Untuk Semenanjung daripada 5.7 juta ataupun lebih kurang 40 peratus kawasan perlindungan, 60 peratus pengeluaran."*

[Muka surat 45, Laporan Prosiding Bil. 10(a)/2023 bertarikh 12 Disember 2023]

Selain itu, **Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Pengarah FDS]** dalam prosiding yang sama memaklumkan bahawa Hutan Pengeluaran di Sarawak adalah enam (6) juta hektar dan Hutan Perlindungan adalah sejuta hektar.

Manakala, **Encik Indra Purwandita bin Herry Sunjoto [Timbalan Ketua Konservator Hutan (Perancangan dan Pengurusan), SFD]** menyatakan bahawa hutan Pengeluaran di Sabah adalah 48 peratus dan 52 peratus adalah Hutan Perlindungan.

*"**Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]:** Kalau Sarawak kita memang lah target kita at least enam juta hektar untuk pengeluaran dan satu juta hektar untuk TPA, Totally Protected Area...*

...

Encik Indra Purwandita bin Herry Sunjoto [Jabatan Perhutanan Sabah]: *Baik YB Bayan. Untuk Sabah pula 52 peratus di bawah perlindungan conservation. 48 peratus untuk pengurusan hasilanlah."*

[Muka surat 46, Laporan Prosiding Bil. 10(a)/2023 bertarikh 12 Disember 2023]

c) Pembalakan Di Ulu Muda, Kedah

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [KP JPSM] dalam Prosiding Bil. 10(b)/2023 bertarikh 29 Januari 2024 menjelaskan apabila sesuatu kawasan HSK diwartakan di bawah Akta 313 ataupun Enakmen Perhutanan Negeri, Pengarah Perhutanan Negeri bertanggungjawab untuk mengelaskan kawasan HSK tersebut sebagai "hutan perlindungan" ataupun "hutan pengeluaran".

Bukan kesemua kawasan di Hutan Ulu Muda, Kedah merupakan kawasan hutan tadahan air. Selain itu, aktiviti pembalakan di Hutan Ulu Muda hanya dijalankan di kawasan yang telah diluluskan untuk tujuan usaha hasil di kawasan hutan pengeluaran dalam HSK.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *... Soalan pertama adalah isu Ulu Muda. Kita tahu bahawa Ulu Muda itu menyalurkan air kepada 90 per cent Kedah, Perlis dan 80 peratus Penang. Ini water security. Jadi, bolehkah jelaskan tentang apakah allegations Sahabat Alam Malaysia yang bahawa ada pembalakan haram di Ulu Muda? Saya dengar kenyataan daripada Menteri Besar memang kata tidak adalah. Akan tetapi mungkin boleh dapat sedikit update daripada kementerian...*

...

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: *Terima kasih YB atas soalan yang telah dikemukakan. Pertamanya isu berkaitan dengan Ulu Muda, Kedah. Okey, sebenarnya untuk kawasan-kawasan hutan simpan kekal, apabila ia diwartakan sebagai HSK atau secara ringkasnya hutan simpan kekal (HSK) di bawah Akta 313 ataupun Enakmen Perhutanan Negeri, tanggungjawab pertama Pengarah Perhutanan untuk mengelaskan kawasan hutan itu sebagai sama ada "hutan perlindungan" ataupun "hutan pengeluaran". Production or protection forest.*

Kedua, hutan pembalakan atau hutan pengeluaran akan ada aktiviti-aktiviti pengeluaran hasil hutan terutamanya pembalakan, usaha hasil hutan, kayu-kayu yang ada di situ. Pengeluaran, ya. Bagi hutan perlindungan, semua ada disebut sebelum ini, tidak akan ada pembalakan.

Bagi Hutan Ulu Muda, berdasarkan maklumat yang saya dapat dari Kedah, bukan keseluruhan kawasan Ulu Muda itu adalah hutan perlindungan. Sebahagian besarnya adalah hutan pengeluaran. Sebab apabila diwartakan sebagai hutan tadahan air, ia perlu diwartakan di bawah Enakmen Perhutanan Negeri ataupun akta kita sebagai kawasan hutan tadahan air.

Untuk Negeri Kedah, bukan keseluruhan Ulu Muda itu adalah kawasan hutan tadahan air. Aktiviti pembalakan kalau berlaku pun di Ulu Muda terlibat dengan kawasan-kawasan yang telah diluluskan untuk tujuan usaha hasil di kawasan hutan pengeluaran. Jadi itu untuk berkaitan dengan Ulu Muda. Jadi pembalakan kalau sekiranya berlaku atau ada di sana adalah berlaku dalam kawasan hutan pengeluaran dalam HSK..."

[Muka surat 46 - 47, Laporan Prosiding Bil 10(b)/2023 bertarikh 29 Januari 2024]

d) Proses Untuk Mendapatkan Lesen Pembalakan Di Sarawak

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Pengarah FDS] dalam Prosiding Bil.10(c)/2023 bertarikh 29 Januari 2024 memaklumkan bahawa Wilayah Sarawak tidak mengamalkan sistem tender terbuka untuk pemilikan kawasan-kawasan konsesi di Wilayah Sarawak tetapi ia terbuka kepada umum untuk memohon bagi kawasan-kawasan kosong yang dikenal pasti.

Pemohon perlu memenuhi semua syarat yang ditetapkan terutamanya keupayaan syarikat daripada segi keupayaan kewangan, peralatan dan pengalaman serta membayar semua percukaian dan yuran yang ditetapkan. Kemudian, pihak FDS akan memproses semua data, dokumen dan merujuk kepada agensi-agensi lain yang berkaitan dengan pemilikan tanah, status tanah dan sebagainya sebelum diangkat kepada Yang Amat Berhormat Premier Sarawak untuk kelulusan.

Bagi kawasan pemilikan tanah persendirian, bilik komuniti dan sebagainya, terdapat jawatankuasa khas yang dibentuk di kerajaan negeri yang mana ahli jawatankuasa tersebut terdiri daripada agensi-agensi di Wilayah Sarawak. Jawatankuasa khas ini berperanan untuk memberi ulasan tentang sesuatu kawasan, sama ada kawasan tersebut boleh diberi lesen pembalakan atau sebaliknya.

*"**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Cuma nak, saya tak berapa tahu fasal industri pembalakan ini. Boleh tak menerang sedikit, memberi gambaran proses*

perolehan pembalakan itu sendiri. Sekarang dimaklumkan bahawa ada 52 syarikat yang buat pembalakan. Jadi, proses perolehan untuk mendapat permit bab-bab industri pembalakan ini macam mana? Boleh cerita sedikit tidak?

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: *Proses untuk mendapatkan lesen? Macam mana?*

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: *How does the process works? Kalau misalnya kat situ ada kawasan untuk pembalakan, adakah proses perolehan itu kerajaan akan pamerkan di surat khabar, contohnya? Ada 40,000 hektar untuk pembalakan ke, atau macam mana?*

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: *Concession, oh. Pemilikan konsesi balak lah. Sebab kita di Sarawak tidak mengamalkan sistem tender terbuka untuk pemilikan kawasan-kawasan konsesi di negeri Sarawak. Ianya terbuka kepada sesiapa sahaja– boleh memohon mereka mengetahui ada kawasan-kawasan yang kosong sebenarnya di Sarawak ini. Mereka boleh memohon dan kita di peringkat jabatan akan memproses semua data, dokumen yang ada dan juga kita merujuk kepada agensi-agensi lain juga lah yang berkenaan dengan pemilikan tanah, status tanah dan sebagainya diproses di peringkat jabatan. Sebab itu kita akan angkatkan permohonan tersebut kepada menteri. Ia banyak di peringkat menteri. Kami kalau untuk jabatan, kementerian kami adalah terus kepada Yang Amat Berhormat Premier sendiri lah. So, beliau mempunyai kuasa untuk menentukan kawasan-kawasan tersebut sama ada diberi lesen pembalakan ataupun sebagainya. Tetapi bagi kawasan-kawasan pemilikan sendiri, tanah sendiri, bilik komuniti dan sebagainya, ada satu jawatankuasa khas yang dibentuk di kerajaan negeri yang mana ahli jawatankuasanya terdiri daripada kebanyakan semua agensi-agensi di negeri Sarawak. Mereka yang akan memberi komen tentang sesuatu kawasan tersebut, sama ada kawasan tersebut boleh diberi lesen pembalakan ataupun tidak.*

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: *Adakah itu membawa erti seseorang individu itu boleh memiliki tanah, hutan...*

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: *Boleh.*

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: *Boleh. Maknanya ada hutan-hutan simpan kekal dimiliki oleh individu?*

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: *Boleh.*

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: *Boleh dibelilah maknanya? Boleh dimiliki?*

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: *Boleh dimiliki. Boleh dimiliki dengan syarat ia memenuhi semua syarat yang ditetapkan oleh lesen dokumen tersebut dan juga mereka membayar semua percukaian dan juga yuran-yuran yang telah pun kita tetapkan. Boleh.*

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: *Soalan berikutnya, syarikat yang nak menjalankan pembalakan ini yang memohon konsesi itu ada syarat-syarat utama tak yang perlu dipenuhi sebelum kelayakan itu diberikan kepada mereka?*

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: *Ya, sudah pasti kita akan melihat keupayaan syarikat tersebut untuk melaksanakan. Kita akan melihat dari segi financial year, dari segi keupayaan machineries, dari segi pengalaman. Sebab kita sekarang ini– sebab ini sekarang peringkat dah lama pembalakan. Mungkin kita dah dapat mengenal pasti sebenarnya mana-mana syarikat yang mempunyai keupayaan. Sebab kita tidak mahu mana-mana syarikat yang tidak ada keupayaan, tak ada pengalaman bila melaksanakan operasi pembalakan ini, mereka akan merosakkan ekosistem hutan kawasan kita."*

[Muka surat 18-19, Laporan Prosiding Bil. 10(c)/ 2023 bertarikh 29 Januari 2024]

Selain itu, **Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Pengarah FDS]** turut memaklumkan bahawa pada peringkat awal, lesen pembalakan yang diperoleh tidak mewajibkan pihak pelesen untuk menanam semula kerana pihak pelesen telah dikenakan cukai 'ses' oleh pihak Kerajaan yang mana sumber kewangan daripada cukai 'ses' ini digunakan pihak FDS untuk menanam semula kawasan-kawasan tersebut.

Walau bagaimanapun, kaedah ini tidak begitu efektif disebabkan ketidakseimbangan pembahagian semula hasil cukai 'ses' untuk penanaman semula. Justeru, satu arahan telah dikeluarkan pada tahun 2019 dipanggil *DF Circular* yang mensyaratkan semua pelesen, sama ada yang lama atau baharu untuk menanam semula. Pihak FDS juga akan membuat pemeriksaan di lapangan untuk memastikan penanaman semula oleh pihak pelesen telah dilaksanakan terlebih dahulu sebelum kelulusan pembaharuan lesen atau permit untuk beralih ke blok pembalakan yang lain diberikan.

"Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: *Terima kasih. Saya ada soalan susulan. Di dalam pemberian lesen balak yang asal itu, adakah syarat-syarat penanaman semula itu dimestikan dalam lesen pembalakan yang awal itu? Sebab yang saya nampak, trend dia adalah company-company ini dia tidak mahu tanam dan banyaklah alasan dia.*

Mungkin salah satu daripada alasannya ialah kitaran semula pembalakan. 25 tahun kemudian, balak yang dia tak tebang itu dah tumbuh balik. Kenapa nak tanam? Itu adalah salah satu daripadanya lah. Saya dengarlah, tetapi itulah– soalan saya ialah adakah syarat-syarat penanaman semula itu dimestikan kepada syarikat yang mendapat pembalakan peringkat pertama itu?

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: *... Memang pada peringkat awal, pengeluaran lesen hutan– ini lesen hutan. Bukan ladang hutan ya.*

Lesen pembalakan tidak diwajibkan pihak pelesen untuk menanam semula sebab dalam sistem percukaian yang telah pun kita buat daripada awal dulu, memang terdapat– ada satu komponen iaitu ses lah. Kita panggil ses, yang kerajaan mencukai pihak pelesen ini dan sumber kewangan daripada ses inilah yang digunakan untuk kerajaanlah terutama sekali untuk jabatan hutan untuk menanam semula kawasan-kawasan tersebut.

Akan tetapi, memang kita lihat kaedah ini tidak begitu efektif sebenarnya. Tidak begitu efektif sebab dari segi pembahagian semula revenue itu untuk kita melaksanakan tugas itu tidak seimbang. Disebabkan itu, I think pada tahun 2019– apabila saya jadi pengarah lah. Kita telah mengeluarkan satu arahan. Kita panggil DF Circular kepada semua pelesen.

Semua pelesen sekarang ini– tak kiralah lesen yang telah dikeluarkan oleh pengarah dahulu ke ataupun yang baharu, mesti menanam. So sekarang ini, setiap pelesen– setiap pokok yang ditebang, kita ada formula lah. Setiap volume yang mana, berapakah equivalent they have to plant back?

Inilah pun kita laksanakan. Sekarang ini untuk kita melihat dari segi pembaharuan lesen ataupun juga untuk kita mengeluarkan permit untuk mereka berpindah ke blok-blok pembalakan yang lain. Ini ada teknikal lah.

Mereka mesti membuat penanaman ini terlebih dahulu dan pihak kami akan membuat pemeriksaan di lapangan untuk memastikan pihak-pihak pelesen ini telah pun melaksanakan tugasan mereka sebelum kita memberi kelulusan sama ada untuk pembaharuan lesen ataupun memberi permit to enter coupe-lah. Kita panggil permit to enter coupe untuk mereka beralih kepada blok-blok pembalakan yang lain. Itu jawapan saya."

[Muka surat 12-13, Laporan Prosiding Bil. 10(c)/ 2023 bertarikh 29 Januari 2024]

e) Pemantauan Penanaman Semula Di Sarawak

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Pengarah FDS] dalam Prosiding Bil.10(c)/2023 bertarikh 29 Januari 2024 memaklumkan bahawa terdapat tiga (3) bahagian iaitu bahagian pelesenan; bahagian perancangan dan pengurusan hutan; serta bahagian restorasi dan industri hutan yang berurusan antara satu sama lain untuk memantau pelaksanaan program penanaman semula. Walau bagaimanapun, pelaksanaan pemantauan di lapangan dilaksanakan oleh pejabat hutan di wilayah masing-masing.

"Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Macam tadi, ada dimaklumkan pemantauan dari segi penanaman semula sejak tuan mengambil alih sejak daripada 2019, betul? Pemantauan itu dijalankan oleh pegawai-pegawai di bawah agensi yang terbabit.*

Jadi, mereka ada buat laporan dan siapa yang memantau dari segi laporan, maksudnya counter-check balik? Ada tak SOP ataupun prosedur untuk menyemak semula laporan yang diberikan oleh ini, so that macam ada– maksudnya, ada pemantauan yang sebenarnya dilakukan oleh pihak agensi ataupun kerajaan negeri terhadap tanaman semula ini.

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: *Okey. Untuk menanam pokok-pokok di kawasan yang telah pun di balak lah, degraded area. Ini adalah proses dalaman Jabatan Hutan Sarawak.*

Kita, di Sarawak di peringkat ibu pejabat— dan juga di ibu pejabat kita mempunyai banyak bahagian, kita ada 12 bahagian ya. So, bahagian yang di dalam ibu pejabat kita selain daripada bahagian pelesenan, juga kita mempunyai bahagian perancangan dan pengurusan hutan, bahagian industrial forest and restoration. Ini adalah empat bahagian yang secara berurusan antara satu sama lain untuk memantau pelaksanaan program menanam semula inilah.

Tetapi di peringkat pelaksanaannya, ia dilaksanakan oleh pejabat hutan kami di wilayah— di wilayah-wilayah. Kita mempunyai banyak wilayah dari Kuching, Sibu, Miri, Bintulu, sampailah ke Limbang. Pelaksanaan untuk memeriksa di lapangan adalah dilaksanakan oleh pegawai-pegawai kami di wilayah dan ia akan dipantau di pihak ibu pejabat oleh bahagian-bahagian yang saya sebutkan tadi."

[Muka surat 14, Laporan Prosiding Bil. 10(c)/ 2023 bertarikh 29 Januari 2024]

f) Catuan Tebangan Tahunan (CTT) Di Sarawak

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Pengarah FDS] dalam Prosiding Bil.10(c)/2023 bertarikh 29 Januari 2024 memaklumkan bahawa CTT di Sarawak telah ditetapkan oleh MTN melalui pengiraan jumlah kawasan yang dibenarkan untuk pembalakan bagi tempoh masa lima (5) tahun. Buat masa ini, CTT bagi Sarawak adalah seluas 120,000 hektar.

Encik Semilan Anak Ripot [Timbalan Pengarah (Pengurusan Hutan), FDS] dalam prosiding yang sama, menjelaskan konsep CTT yang mana jumlah Hutan Pengeluaran yang ada di Sarawak dibahagikan dengan 25 tahun untuk mendapatkan anggaran saiz bagi setiap kawasan. Setiap kawasan mempunyai produktiviti ataupun *Mean Annual Increment* yang berbeza.

*"**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Tadi Tuan Pengarah ada share tentang Annual Allowable Cut. Boleh terangkan sedikit tentang polisi tersebut sebab kita nak tahulah bagaimana ia how it works?*

***Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]:** Annual Allowable Cut ini adalah satu yang telah pun— bukannya satu yang inilah ketetapan yang dibuat oleh Majlis Tanah Negara di mana dalam Majlis Tanah Negara ini semualah semua negeri daripada Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Kita membuat pengiraan masing-masing tentang berapakah jumlah kawasan yang kita benarkan untuk dibuat pembalakan untuk jangka masa lima tahun. Selalunya dalam RMK lah. Untuk Sarawak is 135,000 hektar. I don't know the Peninsular is— berapa ya?*

***Encik Semilan Anak Ripot [Jabatan Hutan Sarawak]:** Sarawak, 120. Can I add in...[Tidak jelas]*

***Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]:** 120? 120.*

***Encik Semilan Anak Ripot [Jabatan Hutan Sarawak]:** Can I add in? So, konsep AAC yang ditanya Yang Berhormat, dia kurang lebih macam ini. Total PFE yang ada di Sarawak, yang productive forest di bagi dengan kurang lebih 25 tahun. Dalam masa 25 tahun ada lah saiz suatu kawasan itu. Selepas suatu kawasan itu, ianya berbeza tentang produktiviti ataupun Mean Annual Increment ataupun dengan kata lain macam duit kita di bank lah..."*

[Muka surat 22-23, Laporan Prosiding Bil. 10(c)/ 2023 bertarikh 29 Januari 2024]

Selain itu, **Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Pengarah FDS]** dalam prosiding yang sama turut menjelaskan hanya 48,000 hektar telah ditebang pada tahun 2023 selepas pelaksanaan pensijilan. Penebangan yang dibenarkan di Sarawak adalah hanya empat (4) hingga lima (5) batang pokok dalam satu (1) hektar berbanding sembilan (9) hingga 12 pokok sebelum pensijilan. Di samping itu, proses-proses *enrichment planting* dan juga penanaman di kawasan-kawasan tersebut sedang dipergiatkan.

*"**Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]:** ... Last year only 48,000 hektar daripada 4 juta itu. Hanya kita buat 48,000 hektar sahaja sebab kita sekarang ini telah pun melaksanakan pensijilan hutan. Dulu kita benarkan. Kalau sebelum pensijilan mungkin dalam sembilan hingga 12 pokok dalam satu hektar. Apabila pelaksanaan pensijilan ini, kita hanya benarkan empat hingga lima pokok dalam satu hektar. Di samping itu, kita mempergiatkan proses-proses enrichment planting dan juga penanaman di kawasan-kawasan yang tersebut. Saya harap ini dapat menjawab soalan Yang Berhormat."*

[Muka surat 21, Laporan Prosiding Bil. 10(c)/ 2023 bertarikh 29 Januari 2024]

g) Nilai Hasil Pembalakan Di Sarawak

Encik Semilan Anak Ripot [Timbalan Pengarah (Pengurusan Hutan), FDS] dalam Prosiding Bil.10(c)/2023 bertarikh 29 Januari 2024 memaklumkan jumlah hasil daripada kutipan cukai penjualan kayu balak pada tahun 2021 kira-kira RM314 juta, tahun 2022 kira-kira RM326 juta, tahun 2023 kira-kira RM340 juta, tahun 2019 dan 2018 kira-kira RM300 juta.

Manakala, jumlah hasil eksport kayu balak adalah sebanyak kira-kira RM3.5 bilion dan ia disasarkan untuk mencapai nilai RM8 bilion pada tahun 2030 selaras dengan PCDS 2030.

***"Encik Semilan Anak Ripot [Jabatan Hutan Sarawak]:** Untuk tahun 2020, kita mengutip kurang lebih– daripada RPC (revenue premium message) yang dikutip dari balak yang dikeluarkan daripada kawasan PFE dan state land. Total around RM314,420.21 for 2021. 2022 is around RM326 million, 2023 is around RM340 million. Okey yang 2019, 2018 saya tiada data sini. But around RM300 million.*

***Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Ini adalah kutipan hasil oleh kerajaan negeri, dia bukan nilai balak tersebut, kan?*

Encik Semilan Anak Ripot [Jabatan Hutan** Sarawak**]: *Bukan, ini adalah hasil daripada kutipan cukai dari balak yang dijual.*

...

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: *Saya ingat mungkin maksud Yang Berhormat adalah dari segi nilai hasil barangan tersebut, kan? Kami ada data sebenarnya tentang eksport earning, bila dia ada eksport. Ini dibuat oleh pihak STIDC. It's about RM3.5 billion. Kita punya target by 2030 dalam PCDS 2030, we try to achieve RM8 billion daripada hasil-hasil timber ini."*

[Muka surat 17-18, Laporan Prosiding Bil. 10(c)/ 2023 bertarikh 29 Januari 2024]

Selain itu, **Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Pengarah FDS]** dalam prosiding yang sama memaklumkan bahawa pensijilan merupakan satu keperluan pasaran bagi negara-negara di Eropah, Jepun dan sebagainya yang hanya menerima produk hasil pembalakan yang mempunyai sijil untuk memasuki pasaran mereka. Justeru, FDS menggalakkan supaya pihak pengeksport memperoleh pensijilan menjelang 2030 bagi mengelakkan kenaan cukai eksport yang tinggi.

"Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: *... Ini berkenaan mengenai eksport balak tersebut. Okey. Sekiranya, sebahagian daripada company tersebut tidak memiliki FMC certificate tadi, adakah ia akan memberi kesan kepada nilai eksport pada keseluruhannya? Macam kita nak eksport ke pasaran Eropah di European Union. Mereka ini very strict dia orang. Saya fikir, kalau kita tak memiliki kesemua company yang ada FMC ini, mungkin mereka akan mengenakan sekatan.*

Jadi, macam mana dengan pasaran Jepun pula? Adakah mereka strict? Sesiapa yang tak ada FMC ini, dia takkan beli. Kalau ada certificate ini, saya rasa nilai dia tadi di pasaran antarabangsa adalah jauh lebih tinggi daripada yang tak ada certificate. Jadi, di manakah kedudukan Sarawak pada isu ini? Does it affect the export value of our timber FMC certificate tadilah?

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: *... Memang betul. Saya memang sependapat dengan pandangan Yang Berhormat bahawa pensijilan ini merupakan satu keperluan masa depan yang sangat-sangat diperlukan oleh market, pasaran ya. Mungkin pada satu ketika dahulu, ia bukan merupakan satu keperluan, mana-mana pihak boleh memperoleh balak-balak sama ada ia dipersijilkan ataupun tidak dipersijilkan. Tetapi untuk masa akan datang, market itu sendiri yang akan memberi satu tekanan kepada loggers untuk mereka*

mendapatkan persijilan. Di masa akan datang, mungkin kebanyakan negara terutama Eropah, Japan dan sebagainya, mereka akan memerlukan hanya produk-produk yang ada sijil untuk memasuki pasaran mereka. Sebab itu kita di Sarawak sangat selalu memberi maklumat ini kepada pembalakan kita supaya have to be ready. Kita telah tetapkan ada satu ini kita tetapkan by 2030 semua mesti dipersijilkan. Sekarang ini mungkin ada pasaran yang masih tidak memerlukan persijilan, India, Taiwan dan sebagainya. Ada lagilah market-market ini tetapi mungkin masa akan datang ini tidak akan berlakulah. Tetapi bagi negeri kitalah di Sarawak, kita telah pun tetapkan dari segi mana-mana— untuk menggalakkan pensijilan inilah, mana-mana pihak yang membuat eksport kayu balak ini keluar daripada Sarawak yang tidak memiliki pensijilan ini kita kenakan export rate yang tinggi, 130 cubik per meter.

Manakala yang ada sijil hanya macam biasa ya RM65, separuh. So, itu memberi satu tekananlah kepada pelesen. Kalau hendak eksport, we have to pay more. Sebab mereka sekarang ini dalam proses untuk mendapatkan pensijilan. Memang kita akui untuk memperoleh pensijilan ini it's not easy work. It took them three to four years process untuk mereka mendapatkan pensijilan. Di Sarawak, kita bukan juga melihat dari segi marketlah, dari segi untuk di-market-kan tetapi kita hendak lihat kawasan-kawasan hutan kita diurus dengan baik. Ada satu standard yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Sebab itu kita guna— MTCC is affiliate to the PEFC yang ibu pejabat di Geneva yang mana PEFC ini adalah satu sijil yang digunakan oleh kebanyakan negara di dunia ini. Apabila ia dah dipersijilkan maknanya negara tersebut diperakui mempunyai pengurusan hutan yang baik mengikut standard-standard yang telah pun ditetapkan. Itu yang kalau kamilah di negeri Sarawak kita hendak dapatkan satu pengiktirafan tersebut bahawa hutan-hutan kita diiktiraf mengikut standard yang telah pun diguna pakai oleh skim pensijilan antarabangsa. Terima kasih."

[Muka surat 32-33, Laporan Prosiding Bil. 10(c)/ 2023 bertarikh 29 Januari 2024]

h) Baki Kawasan Pembalakan Di Sarawak

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Pengarah FDS] dalam Prosiding Bil.10(c)/2023 bertarikh 29 Januari 2024 memaklumkan sehingga kini terdapat baki kira-kira dua (2) juta hektar kawasan yang boleh dimohon oleh orang awam bagi tujuan mendapatkan konsesi pembalakan.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: *... Dalam perancangan kerajaan negeri, berapa keluasan yang masih available untuk dipohon konsesi pembalakan?*

...

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: *Oleh sebab setiap rakyat Malaysia itu berhak untuk memohonkan? Jadi, makluman ini berapa kawasan lagi yang available untuk rakyat Malaysia ataupun rakyat di negeri Sarawak untuk memohon.*

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: *... Okey, saya bagi roughly sebab I don't have the figure. Kawasan lesen kita lebih kurang empat juta yang telah pun dilesenkan sama ada untuk lesen jangka panjang, jangka pendek lesen yang telah pun dipersijilkan juga kawasan-kawasan ladang hutan. Dia banyak kategori lesen-lesen ini lah. All in all is about four miliion. So, kita ada 7.65 juta hektar. Tolak lah kawasan satu juta hektar NCR, mungkin tak boleh. Mereka juga boleh memohon sebenarnya ini untuk di balak. So, maknanya this is about balance is about two million. Kat mana yang dia ada kosong itu, kena cari sendiri lah."*

[Muka surat 19-20, Laporan Prosiding Bil. 10(c)/ 2023 bertarikh 29 Januari 2024]

i) Tindakan Yang Diambil Bagi Mengurangkan Kebergantungan Terhadap Aktiviti Pembalakan Di Sarawak

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Pengarah FDS] dalam Prosiding Bil.10(c)/2023 bertarikh 29 Januari 2024 memaklumkan bahawa strategi Kerajaan Sarawak adalah mengurangkan kadar tebangan serta merancang semula keseimbangan antara pembangunan dan kelestarian alam bagi memastikan kemampanan ladang hutan dan mencapai hasil sebanyak RM8 bilion menjelang tahun 2030. Kerajaan Sarawak juga telah memfokuskan industri ekopelancongan dan inisiatif karbon bagi mengurangkan kebergantungan kepada hasil pembalakan.

*"**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Susulan pembalakan tadi yang dikeluarkan lesen adalah sebanyak lebih kurang 4.09 juta hektar. Ini adalah kesemuanya 76 lesen yang dikeluarkan. Sebagai gambaran kita semua, keluasan negeri Kedah adalah kurang daripada satu juta hektar. Kawasan balak yang ada di Sarawak ini lebih empat juta hektar. Jadi yang saya faham hari itu, semasa PAC yang pertama kita mungkin mengurangkan kebergantungan kepada hasil balak untuk negeri Sarawak. Tetapi tadi Tuan Pengarah memberitahu bahawa kita target RM8 juta menjelang tahun 2030.*

...

RM8 bilion menjelang tahun 2030. Jadi, banyak yang kita nak capai dalam masa lebih kurang enam tahun ini. Saya ingat hari itu kita makin berkurangan bergantung tetapi nampaknya target kita lebih tinggi lagi. Jadi, tidakkah itu menampakkan arah hala tuju yang saya rasa mungkin tidak— not sustainable. Minta komen sustainability of the RM8 bilion menjelang tahun 2030 itu.

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: *Biar saya jelaskanlah tentang ini. Memanglah daripada awal dari dahulu lagi kawasan lesen. Kawasan yang telah pun dilesenkan it's about 2 million cubic metre keseluruhannya. Memang daripada segi strategi Kerajaan Sarawak pada masa ini kita untuk mengurangkan kadar tebangan. So, kita lihat daripada segi rekod-rekod yang kita adapun. Kalau kita lihat pada 2020, kita boleh menghasilkan 6 hingga 8 juta cubic meter. Apabila kita membuat perancangan semula bahawa kita perlu nak seimbangkan balik dari segi pembangunan dan juga kelestarian alam ini dan kita telah pun merangka bahawa Sarawak perlu mengurangkan kebergantungan kepada hasil pembalakan menebang pokok dan sebagainya.*

Juga kita melihat bagaimana kita melihat hutan untuk satu sumber yang lain selain daripada menebang pokok. Sebab itu kalau kita lihat daripada segi rekod kita, isi padu penebangan yang kita laksanakan sekarang ini sangat-sangat menurun. Daripada lapan juta, lima juta, empat juta. Last year is only 2.2 million cubic metre. Itu apabila kita membuat unjuran, 2.2 million cubic metre adalah sustainable untuk paling awal pun 15 tahun. Kalau kita dapat RM320 juta revenue daripada hasil balak dengan 2.2 juta cubic metre. That is very good also untuk sustainable.

Selain daripada itu, bagaimana kita nak dapatkan RM8 billion? Kan contradict. So, kita melihat perhutanan ini dari segi revenue yang lain. Forest beyond the timber. Sebab itu kita sekarang lebih kepada how we want to make a hutan ini dari segi ecotourism. Banyak agensi sekarang ini mempromosikan kawasan-kawasan hutan untuk rekreasi dan juga bagaimana kita nak bawa pelancong-pelancong luar untuk melihat kawasan-kawasan hutan. Is it dari segi tourism?

Kedua, kita juga dari segi karbon sekarang ini inisiatif. That is why kita dah menggubal undang-undang kita. Menggubal Kanun Tanah dan juga sebagainya untuk membolehkan kita melaksanakan perdagangan karbon..."

[Muka surat 20-21, Laporan Prosiding Bil. 10(c)/ 2023 bertarikh 29 Januari 2024]

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Pengarah FDS] dalam prosiding yang sama memaklumkan bahawa Sarawak melaksanakan inisiatif karbon sebagai usaha untuk menangani isu perubahan iklim serta menambah

pendapatan melalui perdagangan karbon. Walau bagaimanapun, perkara ini masih dibincangkan diperingkat kerajaan negeri dan Persekutuan.

"Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: *Tadi ada disebut mengenai RUU pasal carbon trading itu. Untuk makluman PAC, mungkin kita nak minta pencerahanlah daripada Sarawak pasal RUU yang dibuat itu, carbon trading itu sebab Semenanjung belum buat lagi. Federal belum buat lagi. Mungkin Sarawak boleh dijadikan sebagai satu contohlah supaya dia boleh ditambahkan di seluruh Malaysia. Saya rasa Sabah sudah tetapi nampaknya sebab isu tadi ada RM8 bilion itu. Macam mana boleh mendapat unjuran RM8 bilion itu padahal tebangan kita berkurangan?*

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: *... Seterusnya, daripada segi karbon. Sebabnya mungkin kita sekarang belum nampak sebenarnya what is dollar and cents from carbon ini lah. Tetapi kita lihat dia punya potensinya adalah sangat-sangat baik apabila kita melihat daripada segi keadaan semasa sekarang inilah yang telah pun banyak dibincangkan di peringkat antarabangsa bahawa karbon ini. Usaha-usaha, inisiatif-inisiatif karbon ini adalah merupakan salah satu daripada usaha untuk menangani climate change, mitigasi perubahan iklim. Di mana kawasan-kawasan hutan dipercayai boleh mengurangkan [Disampuk] karbon di udara. Jadi, mana-mana kawasan yang kita ada, kita cuba preserve. Cuba preserve supaya ia nya dapat menyerap karbon-karbon, menyimpan karbon ini dalam sama ada dalam pokok dan juga di bawah tanah. Ini yang kita dapat perdagangkan kepada pihak yang memerlukan terutama sekali negara-negara yang industri. Even Singapore sekarang, they are very aggressive to come to Sarawak. Bertanya tentang certificate carbon ini. Cuma kami agak inilah sebab betullah seperti Yang Berhormat cakap, hanya Sarawak sahaja yang telah membina platform inilah.*

Kita masih lagi berbincang di peringkat sama ada kerajaan negeri dan juga Persekutuanlah mengenai perkara ini. Kalau saya nak memberi penerangan tentang perdagangan karbon ini, I think this is one of the subject matter. Saya telah pun membincangkan. Kami telah memberi presentasi ini pada Jumaat yang lepas kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di kementerian beliau tentang forest carbon project di Sarawak. I think it took us about one hour lah untuk ini nak bagi. Kami boleh memberi secara— kalau dimintalah untuk memberi secara detail tentang apa what is the carbon initiative, perundangan dan juga sebagainya."

[Muka surat 21-22, Laporan Prosiding Bil. 10(c)/ 2023 bertarikh 29 Januari 2024]

j) Manfaat Hasil Pembalakan Kepada Sosioekonomi Komuniti Setempat Di Sarawak

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Pengarah FDS] dalam Prosiding Bil.10(c)/2023 bertarikh 29 Januari 2024 memaklumkan bahawa hasil pembalakan juga diperuntukkan untuk pembangunan pembelajaran iaitu sebahagian hasil pembalakan diserahkan kepada Yayasan Sarawak untuk digunakan bagi tujuan pelajaran anak-anak Sarawak. Daripada aspek pembangunan, hasil daripada pembalakan juga akan dibahagikan kepada semua pejabat residen dan juga pejabat-pejabat daerah termasuk Jabatan Hutan untuk melaksanakan projek-projek pembangunan komuniti.

"Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: *Helo. Ini tanya juga berkenaan dengan pembalakan. Setahu saya, semasa pembalakan dijalankan ada certain portion ataupun sebahagian daripada hasil balak tersebut akan dibagi ataupun diperuntukkan untuk projek CSR komuniti setempat. Di Saratok ada saya rasa, mereka ada buat jambatan. Jadi, kalau pada keseluruhannya di Sarawak, berapa banyak kutipan khas ini yang telah dikutip? Adakah penduduk setempat ataupun komuniti setempat di kawasan tersebut pada keseluruhannya mendapat balik duit ataupun kutipan khas yang sepatutnya untuk mereka itu? Kutipan apa jenis nama saya pun tidak berapa pasti. Mungkin ses yang tadi. Saya pun tidak pasti. Tetapi macam manakah kutipan itu dibuat, berapa banyak dan adakah ia sudah dibagi semula kepada penduduk setempat?*

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: *Okey, terima kasih Yang Berhormat. Di Sarawak, untuk pencukaian ia mempunyai banyak pecahan. Selain daripada yang royalti itu, yang besar itu cukai balak, kita juga mempunyai kita panggil ses lah, ses yang kita pungut. Apa yang dibangunkan oleh Yang Berhormat tadi adalah ses untuk pembangunan. Memang ada satu portion yang kita – RM10 ya? RM10 untuk setiap satu kubik. I don't have a data here but kita ada maklumat ini.*

Di Sarawak ia ada satu jawatankuasa ses yang diketuai sendiri oleh Yang Amat Berhormat Premier dan juga ahli-ahli jawatankuasa. I think yang kebanyakannya Yang Berhormat ADUN lah yang duduk di dalam jawatankuasa tersebut. Kita menerima semua projek pembangunan masyarakat setempat. Selalunya pihak residen dan juga pejabat daerah lah yang akan datang dengan cadangan-cadangan projek di kawasan masing-masing. Hasil daripada inilah yang akan dibahagikan kepada semua pejabat residen dan juga pejabat-pejabat daerah termasuk juga Jabatan Hutan untuk kita melaksanakan projek-projek ke pembangunan komuniti.

Di samping itu juga, dalam satu portion daripada cukai yang kita laksanakan, ada satu ses yang kita panggil ses pembelajaran, pembangunan pembelajaran. RM50 untuk satu kubik yang kita ambil untuk kita serahkan kepada Yayasan Sarawak. Ini agak besar sebenarnya, agak besar yang melibatkan sekarang ini mungkin pungutannya adalah mungkin dah RM1 bilion lah dalam tempoh beberapa tahun yang lalu. Kita dah mungkin menerima RM1 bilion yang mana hasil ini kita pulangkan balik kepada anak-anak Sarawak untuk pendidikan, scholarship. Apalagi untuk memberi mungkin peluang free education by 2026 ya seperti yang diumumkan oleh YAB Premier kamilah. So, hasilnya kita pulangkan balik especially untuk anak-anak Sarawak lah, untuk pelajaran mereka. Terima kasih."

[Muka surat 16-17, Laporan Prosiding Bil. 10(c)/ 2023 bertarikh 29 Januari 2024]

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Pengarah FDS] dalam prosiding yang sama menjelaskan FDS berusaha mengurus kawasan-kawasan hutan supaya aktiviti pembalakan dan ladang hutan dapat meningkatkan sosioekonomi penduduk setempat. Daripada segi ekonomi, hasil-hasil pembalakan akan dipastikan dapat memberi manfaat kepada rakyat dan negeri Sarawak. Daripada segi alam sekitar pula, keseimbangan alam akan dipastikan dengan kawalan penebangan pokok-pokok di kawasan hutan. Daripada segi sosial, hasil yang telah dipungut oleh kerajaan telah dipulangkan balik kepada kerajaan negeri bagi tujuan pembangunan-pembangunan di sesebuah kawasan seperti pembinaan jalan, pembinaan klinik dan sebagainya. Daripada segi pendidikan, semua anak Sarawak akan mendapat pendidikan percuma sehingga ke peringkat universiti menjelang tahun 2026. Daripada segi infrastruktur, jalan-jalan yang pada asalnya jalan-jalan pembalakan yang digunakan untuk mengeluarkan hasil-hasil pembalakan kini telah dinaik taraf kepada jalan-jalan utama.

***"Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Ini– soalan berkenaan dengan socio economy benefit. Keuntungan sosioekonomi penduduk setempat selama ini daripada aktiviti pembalakan, ladang hutan. Apakah pandangan Tuan Pengarah mengenai status pencapaian kita untuk mengangkatkan sosioekonomi penduduk setempat yang terlibat di dalam pembalakan ladang hutan, apa-apa yang terlibat dengan hutan di Sarawak ini. Sebab yang saya nampak lah, yang keuntungan untuk penduduk setempat memang mungkin tidak mencapai kepuasan kita lah.*

Dalam survey tersebut mengatakan 89 peratus penduduk setempat memang tak puas hati. Jadi, hutan adalah resources yang besar untuk Sarawak dan yang pertama patut mendapat keuntungan daripada hutan tersebut adalah orang yang berdekatan dengan hutan tersebut. Itu pandangan saya. Jadi, apakah pandangan

Tuan Pengarah mengenai apakah keuntungan kepada penduduk setempat, pembalakan balak ladang hutan yang kita telah buat selama ini? Itu soalan cepu emas itu. [Ketawa]

Datu Haji Hamden bin Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: *Soalannya direct tetapi sangat sukar untuk dijawab sebenarnya. [Ketawa] Mengenai tentang keseluruhan bagaimana– adakah sektor perhutanan terutama sekali pembalakan memberi benefit kepada sosioekonomi penduduk tempatan. Kami di Jabatan Hutan sedaya upaya untuk mengurus kawasan-kawasan hutan ini dari segi tiga pillar itulah; untuk memastikan dari segi ekonomi, hasil-hasil ini dapat memberi manfaat kepada rakyat dan negeri Sarawak lah.*

Keduanya adalah dari segi environment lah. Dari segi environment, keseimbangan, kita tak lah nak tebangkan kawasan hutan semua keseluruhannya. Kita nak balance supaya masyarakat ini dapat kelestarian untuk di masa akan datang. Yang ketiganya adalah dari segi sosial. Sosial tadi inilah. Adakah perhutanan ataupun sektor perhutanan yang kita uruskan ini dapat memberi benefit kepada sosial penduduk di kawasan tersebut. Memang kalau kita lihat secara keseluruhannya kita hendaklah mendapatkan hasil-hasil daripada hutan ini bukan sahaja dari segi hasil pembalakan itu sendiri tetapi juga hasil-hasil yang lain. Dari segi ecotourism-nya, dari segi manfaat-manfaat yang lainnya. Dari segi kebaikan ekosistem hutan itu sendiri. Okey.

Kita lihatlah hasil yang telah pun dipungut oleh kerajaan telah pun dipulangkan balik kepada kerajaan negeri. Kerajaan negeri memberi balik hasil-hasil ini kepada pembangunan-pembangunan di sesebuah kawasan. Pembinaan jalan, pembinaan klinik dan sebagainya. Mungkinlah ia tidak sebegitu spesifik dan detil kepada penduduk sesuatu tempat sebab negeri Sarawak adalah sebuah negeri yang sangat besar. Kita boleh lihatlah bagaimana hasil-hasil ini kita dapat serahkan balik kepada penduduk Sarawak terutama sekali dari segi pendidikan lah.

Saya boleh nampak dari segi pendidikanlah yang kalau saya inilah sebab sekarang ini hasil-hasil ses hutan ini telah pun dapat dinikmati oleh anak-anak Sarawak sendiri. I think almost all of them can get the— kalau tidak scholarships sepenuhnya, at least a pinjaman— separuh pinjaman untuk pendidikan ke universiti. Seperti itulah yang telah pun dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Premier kami bahawa pada tahun depan— no, tahun 2026, semua anak Sarawak akan mendapat pendidikan percuma sehingga ke peringkat universiti. Itu adalah hasil yang kita yang dapat nak tengoklah.

Keduanya, dari segi infrastruktur yang telah pun dibina oleh pembangunan, sektor perhutanan inilah. Jalan-jalan pembalakan yang pada asalnya adalah jalan-jalan pembalakan yang digunakan untuk mengeluarkan hasil-hasil pembalakan. Sekarang ini merupakan jalan-jalan utama apabila ia telah pun di-upgrade ya, oleh pihak-pihak

kerajaanlah— telah membuka kawasan-kawasan tersebut untuk pembangunan ekonomi yang lain. Sebab kawasan-kawasan yang belum dibuka untuk oleh jalan-jalan pembalakan kita boleh lihat memang agak lambat pembangunan di kawasan tersebut, memang agak lambat.

Apabila kawasan-kawasan itu telah dibuka oleh jalan pembalakan sebagainya, dan kita boleh lihat bagaimana kerajaan masuk ya, untuk membangunkan atau upgrade mana-mana kawasan tersebut untuk pembangunan keseluruhan Sarawak. Itu sahaja yang saya dapat jawab. Mudah-mudahan ia dapat sedikitlah memberi ini. Terima kasih."

[Muka surat 24-26, Laporan Prosiding Bil. 10(c)/ 2023 bertarikh 29 Januari 2024]

k) Jumlah Lesen Pembalakan Dan Keluasan Hutan Terlibat Di Sabah

Encik Indra Purwandita bin Herry Sunjoto [Timbalan Ketua Konservator Hutan (Perancangan dan Pengurusan), SFD] dalam Prosiding Bil.10(c)/2023 bertarikh 29 Januari 2024 memaklumkan sejumlah 43 lesen jangka masa panjang sedang beroperasi dan telah diluluskan untuk pembalakan yang melibatkan kawasan seluas 1.5 juta hektar.

*"**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** ... Jadi, untuk beberapa tahun ini ataupun kalau ada statistik terkini, berapa lesen yang masih aktif untuk pembalakan di Sabah dan berapa syarikat yang terlibat dalam aktiviti pembalakan ini?*

***Encik Indra Purwandita bin Herry Sunjoto [Jabatan Perhutanan Sabah]:** Terima kasih, YB. Setakat ini, lesen jangka masa panjang yang beroperasi dan telah diluluskan berjumlah 43 lesen. So, ini yang long term license lah, 50 to 100 years. Ya. Itu sebab pengurusan hutan ini di tiga wilayah mempunyai perbezaan lah. Mungkin di Semenanjung lain, di Sarawak lain dan di Sabah pun lain.*

Jadi, di Sabah ini kita lebih kepada yang tadi itu, SMFLA. Dia dibahagikan kepada management unit (FMU) dan setiap FMU ini tadi telah pun di– itulah. Kalau ada permohonan dan disemak oleh jawatankuasa yang tertentu dan jika dibenarkan dan berpuas hati, kita memberi kelulusan lesen lah.

***Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Jadi, berapa...*

***Encik Indra Purwandita bin Herry Sunjoto [Jabatan Perhutanan Sabah]:** Setakat ini, ada 43 lah YB, yang jangka masa panjang.*

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: *Berapa hektar yang kita sudah memberi kelulusan untuk menjalankan aktiviti tersebut?*

Encik Indra Purwandita bin Herry Sunjoto [Jabatan Perhutanan Sabah]: *Total licensed area, 1.5 juta hektar. Total licensed area."*

[Muka surat 49, Laporan Prosiding Bil. 10(c)/ 2023 bertarikh 29 Januari 2024]

l) Jumlah Hasil Aktiviti Pembalakan Di Sabah

Encik Indra Purwandita bin Herry Sunjoto [Timbalan Ketua Konservator Hutan (Perancangan dan Pengurusan), SFD] dalam Prosiding Bil.10(c)/2023 bertarikh 29 Januari 2024 memaklumkan jumlah kutipan hasil aktiviti pembalakan di Sabah telah menyumbang sebanyak 50 peratus kepada hasil negeri sehingga pertengahan tahun 1990an. Namun, di hujung tahun 1990an nilai ini menurun dengan drastik. Dalam tempoh lima (5) tahun yang lepas, sumbangan kepada hasil negeri hanya tiga (3) peratus iaitu kira-kira sebanyak RM150 juta hingga RM170 juta setahun.

"Puan Wong Shu Qi [Timbalan Pengerusi PAC]: *Jadi, saja nak tahu pengutipan hasil aktiviti pembalakan di wilayah Sabah jumlahnya berapa setiap tahun agak-agaknya?*

Encik Indra Purwandita bin Herry Sunjoto [Jabatan Perhutanan Sabah]: *Okey untuk makluman YB, in the past kami contribute 50 percent of the state revenue until mid 90s. Tetapi apabila di hujung 90-an ini, kami drop very drastically and for the past five years, actually we only contribute three percent of the state revenue dan consistently around RM150 to RM170 million per annum for the past five years."*

[Muka surat 54, Laporan Prosiding Bil. 10(c)/ 2023 bertarikh 29 Januari 2024]

6.3 Isu Penguatkuasaan

a) Pemantauan Dan Penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127]

Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar [KP JAS] dalam Prosiding Bil. 10(a)/2024 bertarikh 12 Disember 2023 memaklumkan bahawa pihak JAS telah meningkatkan pemantauan dan penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127]. Tindakan undang-undang juga telah diambil ke atas pihak yang melanggar Akta 127 dan pindaan terhadap Akta 127 akan

dilaksanakan pada tahun 2024 untuk meningkatkan jumlah denda dan penjara bagi pelanggaran akta ini.

*"**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Terima kasih YB Pengerusi. Saya nak pergi ke slaid nombor 18 iaitu tentang isu tujuh—sorry tak tahu sama ada kita ikut ini kah. Tapi yang isu tujuh. Tentang kadar pencemaran. Sebab kalau kita tengok dalam laporan LKAN itu, dia kata di situ pencemaran berlaku disebabkan – di sini pun ada, disebabkan oleh projek pembangunan ladang hutan, aktiviti pembalakan, perlombongan dan kuari. Jadi, kita dah tahu kenapa dia berlaku. Saya tengok respons daripada sini adalah untuk pinda akta dan sebagainya which is good dan diperlukan. Tapi kita juga kena akui bahawa akta ini hanya memberi punca kuasa itu sahaja. Tetapi masalahnya juga kita perlu lihat bagaimana pemantauan dan juga penguatkuasaan yang kita laksanakan.*

Jadi dalam feedback ataupun maklum balas yang diberikan ini tak nampak di sini apa dia tindakan yang akan diambil untuk isu ini dari segi penguatkuasaan dan juga pemantauan supaya isu pencemaran ini kita dapat tangani. Sebab kalau kita pinda akta pun tapi kalau kita punya penguatkuasaan, kalau ada lah kelemahan dan saya rasa mungkin kita boleh akui ada kelemahan sebab itu dijadikan isu. Apa tindakan yang akan diambil dari aspek penguatkuasaan dan juga pemantauan ini. Terima kasih.

***Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar [Jabatan Alam Sekitar]:** ... Betul apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Memang daripada segi aspek pemantauan dan penguatkuasaan itulah sebenarnya apa yang kita usahakan oleh JAS sendiri dan kalau mengikut rekod kita daripada tahun— saya ada rekod ini dari tahun 2015 sehingga 2023, memang kalau kita lihat graf yang saya boleh tunjukkan kemudianlah kalau Yang Berhormat nak tengok nanti, memang ada peningkatan daripada segi bilangan penguatkuasaan yang kita buat. Macam tahun ini pun sehingga kini, kita telah pun membuat pemeriksaan kepada sebanyak 1,414 aktiviti penguatkuasaan kita.*

Pada tahun sebelum ini adalah 1,530 dan daripada tindakan penguatkuasaan tersebut, kita mendapati kalau bagi projek-projek yang melibatkan hutan ini, 82 peratus mematuhi daripada segi peruntukan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 termasuk pematuhan kepada syarat-syarat kelulusan laporan EIA dan yang tidak patuh ada 18 peratus. Jadi Yang Berhormat, kalau graf ini saya boleh tunjuk memang ada peningkatan. Memang kita buat dan tindakan undang-undang yang kita ambil contoh kompaun mahkamah, perintah berhenti kerja. Memang kita ada rekod ini semua Yang Berhormat.

Kalau Yang Berhormat berminat, kita boleh kemukakan kemudianlah ataupun kalau yang tahun lepas, kita boleh rujuk juga laporan tahunan, laporan-laporan kualiti alam sekeliling yang kita sediakanlah. Boleh juga merujuk ke website dan juga Facebook kita pun boleh Yang Berhormat. Memang kita laporkan setiap hari. Setiap kes tindakan mahkamah yang selesai memang kita laporkan.

Jadi daripada segi pemantauan dan penguatkuasaan itu, memang kita teruskan Yang Berhormat. Saya memberi jaminan kat sini memang kita akan pertingkatkan setiap tahun tetapi ada kekangan juga. Yang kita sebutkan termasuk dari segi perundangan ini yang mana dalam cadangan kita untuk pindaan fasal 1 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang telah pun disebut kali pertama pada 16 November yang lepas dan Insya-Allah akan disebut kali kedua saya ingat pada sidang akan datang, mungkin suku tahun pertama yang mana kita sekarang ini untuk kes-kes EIA, EIA. Maksimum hukuman di mahkamah adalah RM500,000 atau lima tahun penjara atau kedua-duanya sekali tetapi dalam pindaan ini, kita telah mohon supaya kesalahan yang berkaitan dengan EIA ini termasuk di kawasan hutan ini, sehingga RM1 juta atau penjara tidak lebih lima tahun— mandatori penjara tadi."

[Muka surat 33-35, Laporan Prosiding Bil. 10(a)/2023 bertarikh 12 Disember 2023]

b) Kelemahan Akta Pembangunan Mineral 1994 [Akta 525]

Datuk Zamri bin Ramli [KP JMG] dalam Prosiding Bil. 10(a)/2024 bertarikh 12 Disember 2023 memaklumkan bahawa Akta Pembangunan Mineral 1994 [Akta 525] hanya terpakai ke atas perlombongan yang sah sahaja di mana sekiranya aktiviti perlombongan itu melanggar Akta 525, denda sebanyak RM100,000 dan penjara tidak lebih daripada lima (5) tahun boleh dikenakan.

Bagi aktiviti perlombongan haram, ia tertakluk di bawah kuasa pihak negeri. Justeru, pihak JMG ingin meminda Akta 525 yang kini dalam semakan Penasihat Undang-undang (PUU) NRECC, supaya aktiviti lombong haram dimasukkan di bawah penguatkuasaan akta ini. Pada masa sama, pihak JMG mengeluarkan pekeliling Ketua Pengarah Galian untuk memastikan semua lombong mematuhi garis panduan yang ditetapkan serta penghasilan Laporan Audit *Sustainable Development Indicators* yang disediakan oleh jurutera perunding setiap enam (6) bulan.

*"**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Saya nak bertanya tentang isu yang ke-10 pasal perlombongan. Audit mendapati kelemahan dalam pengurusan aktiviti perlombongan dan kita lihat adanya berlaku kelemahan antara agensi dan coordinate antara jabatan dan agensi terbabit. Ada juga kurangnya*

pemantauan daripada pihak yang sepatutnya untuk pastikan bahawa aktiviti perlombongan itu dijalankan dalam kawasan yang diberikan lesen sahaja kerana ada banyak tempat yang buat aktiviti perlombongan itu, dia melebihi kawasan yang dia bagi.

Jadi, kenapa berlaku demikian dan ini bukan baru dalam empat, lima tahun ini tapi ia telah berlarutan sejak sekian lama dan bagaimana— kalau boleh kongsikan. Bagaimanakah— kongsikan pemantauan yang dibuat dan dia punya— kalau dia melanggar peraturan tersebut, apakah dia punya hukuman.

Datuk Zamri bin Ramli [Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia]: *... Berkenaan dengan perlombongan di kawasan yang dibenarkan. Mengikut Akta Pembangunan Mineral 1994, akta ini terpakai hanya untuk perlombongan yang sah sahaja. Maknanya kalau lombong haram itu, dia tidak di bawah Akta Pembangunan Mineral 1994 dan dia tertakluk kepada pihak berkuasa negeri. Di bawah Akta Pembangunan Mineral 1994, sekiranya dia melanggar apa yang dibenarkan itu, denda sebanyak RM100,000 dan juga penjara tidak lebih daripada lima tahun. Itu yang di bawah Akta Pembangunan Mineral 1994.*

Yang berlaku sekarang ini, kebanyakan lombong-lombong yang didapati lombong haram adalah di bawah kuasa pihak berkuasa negerilah, PTG dan itu sebabnya JMG kita nak ubah Akta Pembangunan Mineral, Akta 525 ini supaya lombong haram itu juga dimasukkan sebahagian daripada penguatkuasaan di bawah akta tersebut.

...

kita mengeluarkan pekeliling Ketua Pengarah Galian untuk memantau juga supaya semua lombong yang dijalankan, yang telah mendapat DOMS dia mematuhi garis panduan yang ditetapkan dan kita dipanggil sebagai Laporan Audit SDI atau Sustainable Development Indicators yang disediakan oleh jurutera perunding setiap enam bulan. Yang ini yang kita kuatkuasakan ini di bawah peraturan di bawah Akta Pembangunan 1994 tetapi cuma terpakai untuk yang di bawah kawalan Akta Pembangunan Mineral 1994 je. Untuk yang pindaan itu masih dalam semakan PUU di peringkat NRECC lagi..”

[Muka surat 36-37, Laporan Prosiding Bil. 10(a)/2023 bertarikh 12 Disember 2023]

c) Isu Pencerobohan Hutan

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [KP JPSM] dalam Prosiding Bil. 10(b)/2023 bertarikh 29 Januari 2024 menjelaskan bahawa isu pencerobohan telah dibawa ke Mesyuarat MTN pada tahun 2019. MTN telah memutuskan bagi kes pencerobohan baharu yang dikesan, tindakan terus boleh ambil. Manakala bagi kes-kes lama ia terpulang kepada kerajaan negeri untuk membuat keputusan sama ada memusnahkan atau memberi kebenaran.

*"**Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]:** Berbalik kepada tadi, pencerobohan. Tadi untuk penempatan, yang kedua untuk mengusahakan tanaman. Menceroboh untuk dapat tanah, usaha tanaman. Sama ada tanam dengan sawit, ada yang tanam durian dan ada yang menjalankan pertanian kebun sayur − ceroboh.*

Itu maklumat yang kita kumpulkan, kita laporkan. Yang kita kumpul dan kita laporkan. Sebenarnya perkara ini sudah kita bawa kepada mesyuarat Majlis Tanah Negara pada tahun 2019 untuk kita highlight kepada semua kerajaan negeri data-data ataupun maklumat yang kita dah kumpulkan di peringkat pihak Persekutuan dan membentangkan kepada kerajaan negeri, di mana kawasan-kawasan yang di negeri masing-masing terlibat dengan penerokaan untuk negeri alert dan terus ambil tindakan ke atas aktiviti yang berlaku, sudah berlaku pun di atas tanah.

Keputusan pun dah diperoleh pada 2019 lepas dan semua negeri mengambil tindakan susulan atas perkara-perkara yang diputuskan oleh MTN. Baiknya dalam keputusan MTN 2019 juga, untuk pencerobohan baharu yang dikesan, terus boleh ambil tindakan. Maknanya tindakan terus melalui penguatkuasaan tanpa maaf, lebih kurang macam itulah ayatnya.

Akan tetapi untuk kes-kes lama tadi, yang sudah ada kampung, durian dia mungkin sudah berbuah ataupun tanaman dia sudah hendak keluarkan hasil seperti durian, yang itu terpulang kepada kerajaan negeri sama ada hendak buat keputusan musnahkan tanaman tadi, musnahkan rumah ataupun nak bagi kebenaran. Kalau mungkin perkampungan, kalau ada negeri yang hendak warta keluar, boleh warta keluar tetapi menggantikan dengan kawasan lain.

Itu antara opsyen yang boleh dibuat oleh kerajaan negeri yang telah diangkat melalui mesyuarat MTN 2019, Yang Berhormat. Jadi betul, pertamanya penjelasan sedikit beza antara pencerobohan dan juga pembalakan haram yang mana memang tujuan dia tebang-tebang ambil kayu, terus dia bawa keluar terus dan dia tidak masuk lagi kawasan itu. Itu pembalakan haram, berbeza dengan pencerobohan..."

[Muka surat 26 - 27, Laporan Prosiding Bil 10(b)/2023 bertarikh 29 Januari 2024]

d) Isu Tanah Runtuh Di Cameron Highland Dan Batang Kali

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [KP JPSM] dalam Prosiding Bil. 10(b)/2023 bertarikh 29 Januari 2024 menjelaskan bahawa tanah runtuh yang berlaku di Cameron Highlands itu adalah sebahagiannya kawasan terlibat dengan HSK yang telah diceroboh oleh pengusaha kebun dan tindakan pengusiran telah pun diambil oleh JPN Pahang.

*"**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Isu yang ketiga, tanah runtuh di Cameron Highlands yang baru-baru ini berlaku. Apa puncanya? Kenapa dikatakan illegal farming dan sebagainya, dan juga Batang Kali di mana meragut nyawa lebih daripada 30 orang. Jadi apakah tindakan kementerian untuk memastikan bahawa isu ini tidak berlaku lagi?*

***Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: ...** berkaitan dengan di Cameron Highlands, landslide ya? Sebenarnya apa yang berlaku di Cameron Highlands itu adalah sebahagiannya kawasan terlibat dengan hutan simpan kekal telah diceroboh oleh pihak-pihak pengusaha kebun dan telah pun diambil tindakan pengusiran sebelum ini oleh tindakan di peringkat negeri. Telah mengambil tindakan penguatkuasaan.*

Cumanya berlaku lagi ataupun dengan keadaan mungkin intensiti hujan yang tinggi menyebabkan berlakunya runtuhan di kawasan tersebut. Akan tetapi ingin saya maklumkan bahawa kawasan itu telah dijalankan tindakan penguatkuasaan sebelum ini dan pemantauan juga dilakukan oleh pihak Jabatan Perhutanan Negeri Pahang."

[Muka surat 46 - 48, Laporan Prosiding Bil 10(b)/2023 bertarikh 29 Januari 2024]

Selain itu, **Datuk Zamri bin Ramli [KP JMG] dalam prosiding Bil. 10(b)/2023 bertarikh 29 Januari 2024** menjelaskan bahawa tanah runtuh yang berlaku di Batang Kali berpunca daripada hujan yang lebat di kawasan yang mempunyai sudut kecerunan yang tinggi dan kawasan berkenaan merupakan kawasan bekas runtuhan. Pada masa sama, tiada pemantauan dan penguatkuasaan

yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa seperti pejabat tanah, JPN dan sebagainya ke atas pembangunan di kawasan berkenaan.

*"**Datuk Zamri bin Ramli [Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia]:** Di Batang Kali, isu yang berlaku adalah – apa yang saya hendak highlight ini dari segi penguatkuasaan. Sekarang ini macam di Cameron Highlands pun sama juga. Macam KP JPSM beritahu tadi intensiti hujan kalau kita tengok dari segi ini, dia 0.5 tetapi hari yang berlaku itu adalah 126 mililiter per day.*

Itu yang kami buat inilah, buat pemantauan dan kawasan yang itu memang terdedah – sudut dia lebih daripada 35 darjah. Kalau kita ikut daripada Geotechnical Engineering Control Office, Hong Kong, lebih daripada 35 dan ke atas, dia berkerentanan tinggi untuk berlakunya runtuhan.

Yang berlaku sekarang adalah dari segi penguatkuasaan. Di Batang Kali pun sudut itu pun, sudut kecerunan itu tinggi. Lebih daripada 25 darjah. 25 darjah dan above adalah kawasan yang sensitif. Adalah peranan yang perlu dimainkan di peringkat pihak berkuasa negeri sendiri. Maknanya pihak Pejabat Tanah dan sebagainya. Di peringkat Jabatan Teknikal, kita bagi nasihat melalui OAC dan sebagainya.

Apa yang berlaku di Batang Kali sama juga, dari segi – bila dia buat resort dan sebagainya, mana macam mana encroachment dia, dari segi dia punya aliran dan dari segi tanda-tanda berlakunya – biasanya kalau dari segi kita pemantauan JBIS selama 30 tahun, rekod kita. Sekiranya kawasan itu adalah kawasan yang cerun semula jadi, dia akan menunjukkan tanda-tanda. Tapi kalau kawasan itu engineered slope, dia akan sekali saja. Yang itu yang perlu di – maknanya, operator yang terlibat di kawasan-kawasan cerun pun perlu didedahkan tanda-tanda berlakunya tanah runtuh.

Di Batang Kali isu dia, kawasan tersebut adalah kawasan – ini from the technical point of view-lah, merupa kawasan bekas runtuhan, from geological point of view. Maknanya, kawasan runtuhan yang telah berlaku 10,000 tahun dulu. Maknanya, kawasan itu bukanlah- batu itu intact dekat situ. Maknanya, yang dibangunkan itu adalah kawasan yang memang fragile dan ada aliran air bawah tanah juga yang mengganggu..."

[Muka surat 48 - 49, Laporan Prosiding Bil 10(b)/2023 bertarikh 29 Januari 2024]

e) Penguatkuasaan Hutan Di Bawah Akta Perhutanan Negara Pindaan Tahun 2022 (A1667)

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [KP JPSM] dalam Prosiding Bil. 10(b)/2023 bertarikh 29 Januari 2024 menjelaskan bahawa pegawai-pegawai di peringkat Kerajaan Persekutuan tidak mempunyai kuasa untuk menguatkuasakan Enakmen Perhutanan Negeri. Penguatkuasaan Enakmen Perhutanan Negeri hanya boleh dilakukan oleh para pegawai yang dilantik oleh kerajaan negeri yang berkaitan sahaja.

Bagaimanapun pada tahun 2021, pihak Kementerian telah mengemukakan cadangan pindaan Akta Perhutanan Negara dan telah pun diluluskan oleh Parlimen sebagai A1667. Seksyen 3 telah dibuat pindaan supaya negeri-negeri mewartakan pegawai-pegawai Persekutuan untuk membolehkan pegawai-pegawai Persekutuan menguatkuasakan enakmen ataupun akta di peringkat negeri.

Namun, hanya negeri Perlis sahaja yang telah menerima pakai akta tersebut selepas A1667 diluluskan di Parlimen. Justeru, Kerajaan Persekutuan melalui JPSM telah mengambil pendekatan dengan melaksanakan penguatkuasaan bersepadu bersama kerajaan negeri.

*"**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** ... Kedua adalah penguatkuasaan. Penguatkuasaan kepada pencerobohan, ladang hutan, penguatkuasaan terhadap semua isu-isu kesejahteraan sosial dan hidupan liar ini, adakah ia di bawah negeri atau di bawah Federal? Mohon penjelasan.*

...

***Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]:** ... Kedua untuk penguatkuasaan, sebenarnya kita pegawai-pegawai di peringkat Federal iaitu Kerajaan Persekutuan memang kita tidak ada kuasa untuk enforce akta ataupun Enakmen Perhutanan Negeri. Akta Perhutanan Negara [Akta 313] adalah akta ibu yang digubal di peringkat Parlimen dan pemakaiannya dibuat oleh pihak berkuasa negeri masing-masing ataupun Dewan Undangan Negeri akan terima pakai Akta 313, Akta Perhutanan Negara. Apabila kerajaan negeri menerima pakai, Akta Perhutanan Negara akan menjadi Enakmen Perhutanan Negeri.*

Dalam Enakmen Perhutanan Negeri, untuk enforce atau kuat kuasa Enakmen Perhutanan Negeri adalah pegawai-pegawai yang dilantik, diwartakan di bawah

Enakmen Perhutanan Negeri. Maknanya kalau di Kedah, pegawai-pegawai perhutanan yang diwartakan di bawah enakmen itu, mereka yang berkuasa untuk enforce akta itu dan begitu juga di negeri-negeri lain. Maknanya, bukan semua pegawai hutan yang ada di Semenanjung boleh menguatkuasakan akta ataupun enakmen di negeri yang lain. Dia hanya boleh buat di negeri dia sahaja.

Bagi pegawai-pegawai Federal, Persekutuan memang tidak diwartakan buat masa ini. Itu sebab pada tahun 2021, pihak kementerian telah mengemukakan cadangan pindaan Akta Perhutanan Negara dan telah pun diluluskan oleh Parlimen sebagai Akta 1667 di mana di bawah seksyen 3 akta tersebut telah dibuat pindaan supaya negeri-negeri mewartakan pegawai-pegawai Federal untuk membolehkan pegawai-pegawai Federal menguatkuasakan enakmen ataupun akta di peringkat negeri.

Jadi buat masa sekarang ini YB, memang selepas akta atau pindaan tadi diluluskan oleh Parlimen, hanya satu atau dua negeri sahaja yang telah melulus atau menerima pakai akta iaitu negeri Perlis yang telah menerima pakai. Yang lain-lain belum lagi. Dalam proses untuk pewartaan. Jadi maknanya dengan negeri tidak menerima pakai lagi, maknanya pegawai-pegawai Federal masih lagi tidak boleh menjalankan penguatkuasaan di peringkat negeri.

Akan tetapi apa yang kita lakukan, approach yang dibuat oleh Federal iaitu Kerajaan Persekutuan melalui JPSM, kita membuat aktiviti secara bersepadu. Apabila di peringkat JPSM menerima sesuatu aduan, contohnya berlaku kecurian REE di kawasan suatu tempat di mana-mana negeri, ataupun berlakunya pembalakan haram di negeri tertentu, apabila kita terima maklumat tersebut dan pasukan penguatkuasaan daripada ibu pejabat akan pergi ke negeri bersama-sama dengan pegawai di peringkat negeri dan untuk menjalankan siasatan, serbuan ataupun tangkapan. Disebabkan tadilah, punca kuasa.

Kita kalau kita pergi secara bersendirian tanpa pegawai negeri, kita tidak ada kuasa untuk tangkap ataupun untuk sita jentera-jentera yang terlibat dalam aktiviti dilakukan di negeri. Jadi approach kita, kita buat bersama apabila sesuatu kesalahan hutan yang dilaporkan, kita akan turun bersama dengan pegawai-pegawai negeri untuk enforce akta ataupun enakmen di peringkat negeri..."

[Muka surat 46 - 48, Laporan Prosiding Bil 10(b)/2023 bertarikh 29 Januari 2024]

f) Tindakan Yang Diambil oleh SFD Bagi Menangani Isu Penebangan Haram

Encik Indra Purwandita bin Herry Sunjoto [Timbalan Ketua Konservator Hutan (Perancangan dan Pengurusan), SFD] dalam Prosiding Bil.10(c)/2023 bertarikh 29 Januari 2024 memaklumkan bahawa aktiviti penebangan haram telah dilakukan oleh warga tempatan dan warga asing. Namun, isu keselamatan menjadi halangan utama SFD dalam menangani isu penebangan haram kerana warga asing yang melaksanakan aktiviti penebangan haram turut membawa senjata. Oleh sebab itu, SFD telah melaksanakan latihan risikan dengan bekerjasama dengan Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM), PDRM dan Polis Antarabangsa (INTERPOL).

*"**Encik Indra Purwandita bin Herry Sunjoto [Jabatan Perhutanan Sabah]:** ... mengenai pembalakan haram. Dari aspek perundangan, Yang Berhormat. Sebenarnya istilah pembalakan haram ini tidak wujud di dalam enakmen. Dia lebih kepada penebangan haram. Kalau di dalam enakmen kita lah, penebangan haram. Jadi, itu sebab kalau kita boleh tengok slaid tadi [Merujuk kepada slaid], kita rujuk balik slaid yang berkenaan itu.*

Takrifan mengenai kesalahan hutan itu mengikut Enakmen Hutan Sabah, kita – penebangan tanpa kelulusan lah. Dia bukan pembalakan haram. Saya fikir, perkara ini pun berlaku juga di JPSM dan juga di Sarawak. Takrifan pembalakan haram itu sebetulnya a very general dan agak susah untuk ditakrifkan lah. Tetapi dari segi perundangan untuk kami mengambil tindakan, apabila kita buat tangkapan dan pendakwaan di mahkamah YB, kita tak dakwa 'so and so telah pun melakukan kesalahan pembalakan haram'.

So, apa yang– pertuduhan yang kita akan buat adalah dia melakukan penebangan secara haram di hutan simpan ini pada tarikh sekian dan melibatkan berapa jumlah batang yang ditebang lah. Jadi, apa yang– kegusaran, kerisauan Yang Berhormat tadi betul. Statistik kesalahan hutan itu bukan saja dilakukan oleh local tetapi juga oleh orang asing. Jadi, yang orang asing ini sebetulnya lebih kritikal, melibatkan kawasan hutan bakau.

Jadi, kita antara – Sabah ini merupakan wilayah yang mempunyai bakau yang agak luas lah di Malaysia. Saya rasa, antara yang terluas lah. Jadi, antara yang prone area dicerobohi ataupun dicuri kayu bakau adalah di pantai timur dan bersempadan dengan directly open sea with Philippines.

Isu kami adalah keselamatan, sebab mereka ini datang dengan senjata dan kita telah pun sebenarnya ada kerjasama ESSCOM, PDRM dan juga– itu sebab tadi, antara kerjasama kami adalah latihan risikan. Kalau YB alert dalam slaid tadi itu, latihan risikan dengan pihak PDRM. In fact, dengan Interpol sebab kita tidak tahu apa yang berlaku beyond the boundary..."

[Muka surat 48-49, Laporan Prosiding Bil. 10(c)/ 2023 bertarikh 29 Januari 2024]

g) Kadar Denda Kesalahan Hutan

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [KP JPSM] dalam Prosiding Bil. 10(c)/2023 bertarikh 29 Januari 2024 memaklumkan bahawa kadar denda yang dikenakan bagi kesalahan hutan di Semenanjung Malaysia dan Sarawak adalah rendah, berjumlah dari RM168,000 hingga ke RM1 juta. Kadar denda bagi kesalahan hutan akan ditentukan oleh Mahkamah dan wang berkenaan akan disalurkan ke Kerajaan Persekutuan. Manakala di Sabah, Mahkamah Alam Sekitar yang akan menguruskan kes kesalahan hutan.

"Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: *Saya ada satu soalan. Jadi, itu untuk revenue. Jadi untuk itu fine berapa kes yang di mahkamah yang kamu berjaya untuk mendapatkan pampasan untuk semua hutan-hutan ini ya.*

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: *Actually kalau fine ini YB, sorry to say here lah. Fine not to the state, dia pergi ke federal, sebab mahkamah kita mahkamah federal. Jadi actually penalti kita tak banyak, saya rasa kalau ikut statistik ini pun nampak various lah. Dari RM1 juta sehingga ke RM168,000. Kebanyakan kita jatuh hukuman kebanyakan. Memang kalau penalti fine ini, terus terang kami sendiri pun agak kecewa sebab kita nak yang seberat-seberatnya. Tetapi yang memutuskan bukan pendakwa, yang memutuskan adalah Tuan Hakim ataupun Majistret.*

Jadi ini lah sebetulnya mungkin di Sarawak dan juga di Peninsular mempunyai senario yang sama juga dan kalau di Sabah kami sebetulnya dipanggil Mahkamah Alam Sekitar sebetulnya. Mungkin YB pun ada dengar ini. Sekarang ini lebih fokus, kes-kes itu jarang yang tertangguh. Biasanya dua tiga kali tangguh selepas itu dia jatuh hukum. Terima kasih."

[Muka surat 54, Laporan Prosiding Bil. 10(c)/ 2023 bertarikh 29 Januari 2024]

6.4 Kesejahteraan Sosial Dan Hidupan Liar

a) Pewartaan Perkampungan Orang Asli

Encik Mohd Zamri bin Mustajap [TKP (Pembangunan) JAKOA] dalam Prosiding Bil. 10(b)/2023 bertarikh 29 Januari 2024 menjelaskan bahawa sehingga 31 Disember 2023, sebanyak 268 buah KOA telah diwartakan, yang meliputi kawasan seluas 63,672 hektar. Selain itu, sebanyak 272 buah KOA telah diukur tetapi belum mendapat pewartaan daripada kerajaan-kerajaan negeri.

Isu berkaitan tanah dan Orang Asli adalah dibawah bidang kuasa kerajaan negeri. Justeru, sesi libat urus JAKOA dan kerajaan negeri sentiasa diadakan bertujuan untuk mendapatkan pewartaan di KOA. Pada masa sama, JAKOA telah menerima peruntukan sejumlah RM5 juta bagi tahun 2024 daripada MOF untuk melaksanakan kerja-kerja ukur tanah bagi tujuan pewartaan KOA.

*"**Encik Mohd Zamri bin Mustajap [Jabatan Kemajuan Orang Asli]:** ... Untuk makluman Yang Berhormat Naib Pengerusi dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat PAC, sehingga 31 Disember 2023, sebanyak 268 kawasan ataupun kampung Orang Asli telah diwartakan, yang meliputi kawasan seluas 63,672 hektar. Sebanyak 272 kampung kita telah ukur tetapi belum mendapat pewartaan daripada kerajaan-kerajaan negeri.*

Jadi, tugas di peringkat kami JAKOA ialah kita memohon peruntukan daripada MOF untuk kerja-kerja ukur dan kita mohon kepada kerajaan-kerajaan negeri supaya kawasan-kawasan tersebut diwartakan. Walau bagaimanapun, seperti mana isu-isu berkaitan dengan hutan, isu-isu Orang Asli ini juga sama juga, kita Federal dan isu tanah ialah melibatkan kerajaan-kerajaan negeri. Jadi, kita sentiasa mengadakan engagement ataupun sesi libat urus berjumpa dengan kerajaan negeri, menghantar permohonan dan sebagainya untuk mendapatkan pewartaan di kawasan-kawasan Orang Asli.

Jadi, usaha-usaha ini memang berterusan. Macam tahun lepas, kita ada dapat peruntukan RM5 juta, kita sudah ukur 30 kawasan dan tahun ini MOF juga memberi peruntukan kepada kita sebanyak RM5 juta juga. Kita akan melaksanakan kerja-kerja ukur bagi tujuan pewartaan kepada tanah-tanah Orang Asli. Itu sahaja, terima kasih."

[Muka surat 44 - 45, Laporan Prosiding Bil 10(b)/2023 bertarikh 29 Januari 2024]

b) Pelan Pengurusan Hidupan Liar (WMP)

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim [KP PERHILITAN] dalam Prosiding Bil. 10(b)/2023 bertarikh 29 Januari 2024 menjelaskan bahawa konflik manusia-hidupan liar berpunca daripada kehilangan habitat. Justeru, pihak PERHILITAN mengambil inisiatif untuk mewajibkan pematuhan WMP (yang akan menjadi salah satu komponen dalam EIA) ke atas pihak yang ingin membuka kawasan yang melibatkan habitat hidupan liar.

Jika WMP tidak dipatuhi, pihak PERHILITAN boleh mengambil tindakan. Namun, penguatkuasaan dalam mewajibkan pematuhan kepada WMP belum dilaksanakan kerana pihak PERHILITAN masih menunggu penurunan kuasa Akta 127 daripada KP JAS yang akan dilaksanakan pada tahun ini.

*"**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** ... Jadi, di sini kita dimaklumkan bahawa PERHILITAN akan mewajibkan pematuhan kepada Wildlife Management Plan tetapi dalam slaid yang dibentangkan prosiding lalu, di sini kita dimaklumkan bahawa penguatkuasaan mewajibkan pematuhan kepada WMP hanya boleh dilaksanakan setelah penurunan kuasa Akta Kualiti Alam Sekeliling diterima daripada Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar. Jadi, boleh jelaskan tak kenapa belum dilaksanakan? Paling penting sekali, bagaimana mewajibkan pematuhan kepada WMP ini boleh membantu situasi konflik sekarang? Kerana saya sudah banyak kali bangkit juga dalam Dewan. Daerah Kluang boleh jadi night safari dah, tiap-tiap malam memang free. Kalau kita letak gate di sekeliling daerah Kluang, masuk bayar saja, boleh tengok apa-apa hidupan liar, tepi jalan boleh, sudah boleh saksi.*

Jadi, apa penyelesaian jangka masa panjang untuk selesaikan isu ini? Kerana memang jadi gangguan dan gajah itu bukan sahaja di luar bandar dah. 10 minit daripada pusat bandar. Di tempat yang saya biasa pergi mendaki gunung pun sudah boleh jumpa gajah. Memang night safari. Jadi, bagaimana pematuhan pelan ini boleh selesaikan? Sila bagi sikit pencerahan.

***Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim [Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara]:** ... Dari segi WMP ini kan, dulu memang kita – satu ketika dulu banyak berlaku bila dibuka kawasan apabila semua ini, banyak berlaku gangguan hidupan liar. Kita orang pun tak tahu. Tiba-tiba orang cakap gajahlah, harimaulah, apa babilah, tapir semua turun. So, jadi kita berbincang dan kita dapati bahawa salah satu cara kita kena terbitkan, buatkan Wildlife Management Plan-lah. Di mana kalau ada mana-mana company-kah apa semua nak buka kawasan untuk yang melibatkan habitat hidupan liar, dia perlu siapkan Wildlife Management Plan yang mana benda ini kita memang dah bincang dengan pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS). Maknanya,*

salah satu komponen dia, dalam EIA itu kena ada WMP. Jika dia tak cukup syarat itu, kita akan laporkan pada JAS, JAS akan beritahu bahawa projek itu tak boleh dijalankan sehingga setelah selesai.

Cuma untuk penurunan kuasa itu, kita sedang berbincang dan kita percaya pada tahun ini benda ini akan dilaksanakanlah. Cuma sekarang ini tak adalah. Maknanya, PERHILITAN dia tak ada kuku lagi. Jadi, esok bila benda ini dah turunkan kuasa, maknanya kita Jabatan PERHILITAN boleh ambil tindakanlah, mana-mana mereka yang tidak mematuhi. Saya rasa ini satu benda yang sangat bagus dan inilah future kita punya Malaysia MADANI kita ini untuk hidupan liar. Kalau tidak, mana lagi? Dia tak ada tempat dah. Semua ini – semua benda ini ialah saya ingat ini bukan rahsia. Semua orang pun tahu. Dah kalau tak ada kuasa, mana binatang ini nak letak? Kalau kita bunuh, nanti dunia akan ban Malaysia.

Jadi, ini sekarang kita – apa yang PERHILITAN buat dengan kerjasama dengan perhutanan dengan JAS, dengan JMG sekali, macam mana kita dalam masa yang sama, kita nak ambil REE, dalam masa yang sama, kita nak selamatkan hidupan liar. Itu pun ada isu juga itu. So, kita kena tengok banyak benda ini. Karang kalau kita terlampau ambil banyak sangat REE, dah binatang keluar balik. Harimau keluar balik, babi keluar balik, tapir keluar balik. Dah mana nak letak balik benda ini? So, kita kena tengoklah dari segi sudut tapi ini apa yang kita bincang. Berbalik pada tadi, saya rasa jawapan dia ialah nanti JAS akan buat benda itu dalam tahun ini. Terima kasih."

[Muka surat 50 - 52, Laporan Prosiding Bil 10(b)/2023 bertarikh 29 Januari 2024]

6.5 Ladang Hutan

6.5.1 Ladang Hutan Di Semenanjung Malaysia

a) Objektif Program Ladang Hutan

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [KP JPSM] dalam Prosiding Bil. 10(b)/2023 bertarikh 29 Januari 2024 menjelaskan bahawa bahan mentah kayu diperlukan untuk industri dan mempunyai permintaan untuk kegunaan domestik dan luar negara. Justeru, Program Ladang Hutan telah diwujudkan untuk menampung bekalan mentah industri tempatan; mengurangkan tekanan untuk mendapatkan bahan mentah dari kawasan hutan asli terutamanya HSK; dan meningkatkan produktiviti kawasan tanah dengan pengeluaran yang lebih tinggi daripada hutan asli.

Pihak JPSM juga memaklumkan bahawa aktiviti tebangan dibuat secara *selective management* (saiz pokok tertentu sahaja dibenarkan tebang) dan kawasan yang dibersihkan akan ditanam dengan spesies-spesies tertentu.

*"**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** ... Jadi, boleh minta pihak kementerian atau jabatan menjelaskan, apa objektif asalnya kita ada pembangunan ladang hutan ini?*

***Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]:** ... Jadi, sebenarnya untuk tujuan ataupun objektif penubuhan ladang hutan ini sebenarnya secara ringkasnyalah ya dalam – untuk ini. Sebabnya, bahan mentah kayu ini memang diperlukan untuk industri dan ada permintaan ya untuk kegunaan-kegunaan domestik kayu dan Malaysia ini sebagai sebuah negara yang mempunyai keluasan berhutan, perlulah memanfaatkan sumber yang ada untuk tujuan keperluan tempatan dan juga memasarkan – memenuhi keperluan luar negara.*

Untuk itu, sumber yang sedia ada adalah hutan asli dan bagi mengurangkan tekanan kepada mendapatkan bahan mentah daripada sumber hutan asli dan juga untuk meningkatkan produktiviti daripada suatu kawasan tanah dengan pengeluaran yang lebih tinggi daripada hutan asli, maka satu program ladang hutan dirasakan wajar untuk menampung bekalan mentah untuk keperluan industri tempatan. Kalau mengikut rekod, dalam pengurusan kita untuk sumber hutan asli, aktiviti tebangan yang kita lakukan bukan secara tebang habis. Kita laksanakan secara – Sorry – selective management. Maknanya, kayu-kayu yang bersaiz tertentu sahaja dibenarkan tebang. Dari segi produktivitinya, terhad. Dalam pengurusan sekarang ini, kita lebih kurang dalam 85 meter padu satu hektar berbanding dengan kita buat secara ladang hutan, kawasan yang telah dibersihkan ditanam dengan spesies-spesies tertentu yang cepat membesar.

In terms of productivity, tentunya ia melebihi daripada pengeluaran daripada kayu hutan asli. Mengikut anggaran, kalau spesies-spesies tertentu itu boleh mencapai 200 meter padu satu hektar. Sasarannya, untuk satu hektar kawasan yang ditanam dengan spesies-spesies ladang hutan. Saya percaya dengan kuantiti yang sebegitu, ia akan dapat menampung keperluan industri itu sendiri dan seterusnya memberi – mengurangkan tekanan untuk kita membuka atau menjalankan aktiviti usaha hasil di kawasan-kawasan hutan asli, terutamanya di kawasan-kawasan yang telah kita wartakan sebagai hutan simpanan kekal. Sebagai hutan simpanan kekal, ya.

Sebab kawasan berhutan kita di Semenanjung ini ada pelbagai status. Kawasan hutan yang telah diwartakan dan di bawah Akta 133 yang menjadi sebagai hutan simpanan kekal. Ada kawasan-kawasan yang diwartakan di bawah enakmen – di

bawah Akta PERHILITAN sebagai Taman Negara dan ada juga kawasan-kawasan yang tak diwartakan di bawah –masih lagi pentadbiran negeri sebagai hutan tanah kerajaan. Jadi, ada banyak status kawasan berhutan ini ada dan saya percaya itulah untuk kawasan-kawasan yang melibatkan di luar HSK dan juga luar Taman Negara, memang kita tak adakan pembalakan secara tebang habis, kecuali yang tanah-tanah kerajaan yang terlibat dengan pembangunan. Di situ akan ada tebang habislah untuk itu, untuk dibersihkan untuk tujuan pembangunan. Terima kasih Yang Berhormat."

[Muka surat 13 - 14, Laporan Prosiding Bil 10(b)/2023 bertarikh 29 Januari 2024]

b) Syarat Penubuhan Ladang Hutan

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [KP JPSM] dalam Prosiding Bil. 10(b)/2023 bertarikh 29 Januari 2024 menjelaskan bahawa kelulusan bagi tujuan pembangunan ladang hutan diperolehi daripada kerajaan negeri. Penentuan keluasan kawasan yang dibenarkan atau had kawasan untuk dibangunkan ladang hutan dalam HSK ditentukan oleh Kerajaan Persekutuan. Berdasarkan keputusan MTN pada 2012, kawasan yang dibenarkan untuk dibuka dalam HSK bagi tujuan pembangunan ladang hutan adalah lebih kurang seluas 439 ribu hektar.

Selain itu, hanya kawasan yang dikategorikan sebagai hutan pengeluaran dibenarkan untuk tujuan penubuhan ladang hutan. Namun, hutan pengeluaran yang beraltitud tinggi tidak digalakkan untuk penubuhan ladang hutan.

Di samping itu, penubuhan ladang hutan juga tidak akan dilaksanakan dalam kawasan hutan perlindungan, kawasan tadahan air, kawasan hutan tebus guna tanah, kawasan untuk simpanan hidupan liar dan hutan simpanan hutan dara.

JPSM telah menyediakan Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan yang menjelaskan kriteria-kriteria kawasan untuk penubuhan ladang hutan tetapi pemakaian pekeliling berkenaan tertakluk kepada kerajaan negeri atau PBN.

*"**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Jadi, boleh saya tahu tak, apabila kementerian atau jabatan meluluskan satu permohonan untuk tubuhkan ladang hutan, apa kriterianya? Ada apa-apa kriteria untuk meluluskan permohonan tersebut tak?*

***Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Sebagaimana yang telah*

dijelaskan oleh Yang Berbahagia Dr. KSU tadi, sebenarnya untuk tujuan pembangunan ladang hutan ini adalah diluluskan oleh pihak kerajaan negeri. Kami di peringkat Kerajaan Persekutuan telah membawa kepada Majlis Tanah Negara, satu platform yang telah disebutkan tadi untuk menentukan keluasan yang boleh dibenarkan ataupun cap-lah. Kita hadkan kawasan-kawasan untuk dibangunkan ladang hutan dalam hutan simpanan kekal.

Sebagaimana yang telah diputuskan dalam MTN pada tahun 2012 yang lepas, kawasan yang dibenarkan untuk dibuka dalam hutan simpanan kekal untuk tujuan pembangunan ladang hutan adalah seluas 439 ribu hektar lebih kurang. Ataupun hampir kepada 440 ribu. Jadi, tidak melebih daripada itu. Maknanya, kalau 440 ribu hektar itu, daripada berbanding dengan keluasan tanah ataupun keluasan hutan yang ada di Semenanjung ini, dia tak capai – tidak melebihi 10 per cent-lah saya percaya, daripada keluasan hutan simpanan kekal. Jadi, kita kawal dari segi pembukaan.

Untuk kelulusan daripada kerajaan negeri, pihak berkuasa negeri yang akan meluluskan kepada pihak-pihak syarikat ataupun mana-mana pengusaha ladang untuk tujuan membangunkan kawasan-kawasan ladang hutan.

Di peringkat jabatan sendiri, kita ada sediakan Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan yang menjelaskan kriteria-kriteria kawasan untuk penubuhan – yang itu hanya panduan yang dikeluarkan di peringkat Persekutuan. Dari segi negeri, negeri akan menentukanlah kawasan-kawasan yang sebenar di mana untuk dibangunkan sebagai ladang hutan.

***Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Jadi, garisan panduan itu kalau pihak negeri tidak ikut pun tak ada apa-apa tindakan yang akan diambillah?*

***Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]:** Ya, sama sebagaimana disebut oleh Yang Berhormat Pengerusi tadi. Kita sebagai penasihat – mungkin nasihat teknikal kepada negeri dan kuasa akhir mutlaknya kerajaan negeri yang akan menentukan sama ada nak melaksanakan sepenuhnya ataupun ambil sebahagian ataupun tidak melaksana langsung.*

***Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Jadi, ini bermakna bahawa walaupun mungkin kementerian atau pihak Kerajaan Pusat menggalakkan pengusaha ladang hutan memilih tapak seperti yang jatuh ke dalam kategori hutan terosot, tetapi akhirnya kalau tapak yang dipilih bukan hutan terosot ada kemungkinan diluluskan oleh pihak negeri untuk dibangunkan sebagai ladang hutan.*

Dr. Ching Thoo a/l Kim [Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam]: *Boleh kan?*

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: *Ada kemungkinan. Cumanya yang selalunya di peringkat negeri, kita pun macam Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia kita ada juga libat urus dengan semua jabatan perhutanan negeri.*

Pertamanya, penubuhan ladang hutan takkan berlaku dalam kawasan hutan perlindungan, catchment area, kawasan hutan tebus guna tanah, kawasan untuk simpanan hidupan liar, virgin jungle reserves (VJR), yang itu selalunya tak akan berlakulah. Apa yang kita benarkan adalah untuk kawasan-kawasan yang terlibat ataupun dikategorikan sebagai hutan pengeluaran (production forest).

Even untuk kawasan-kawasan production forests pun ada beberapa kriteria, maknanya kawasan yang terlalu tinggi, tidak juga akan kita galakkan. Maknanya, steep slopes atau kawasan yang altitudnya tinggi. Kita pun tidak menggalakkan untuk negeri memberikan kelulusan ataupun kebenaran ataupun kawasan-kawasan tersebut dipilih untuk tujuan ladang hutan."

[Muka surat 14 - 16, Laporan Prosiding Bil 10(b)/2023 bertarikh 29 Januari 2024]

c) Justifikasi Penetapan 153 Meter Padu Per Hektar Sebagai Ladang Hutan

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [KP JPSM] dalam Prosiding Bil. 10(b)/2023 bertarikh 29 Januari 2024 menjelaskan bahawa bermula tahun 70-an, JPSM telah mengadakan kerjasama dengan FAO untuk melaksanakan Inventori Hutan Nasional (NFI) yang pertama di peringkat Semenanjung Malaysia sahaja. NFI dilaksanakan setiap 10 tahun sekali bagi melakukan pengelasan kawasan hutan seperti hutan miskin, hutan sederhana dan hutan yang kaya.

Kawasan hutan miskin dikelaskan sebagai 153 meter padu per hektar dan ia ditetapkan sebagai syarat untuk dijadikan ladang hutan.

*"**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Okey, ada satu soalan lagi berkenaan ladang hutan ini daripada saya. Jadi, saya dimaklumkan ada satu nombor iaitu saya nak minta penjelasan. 153 meter padu untuk memilih ladang hutan itu. Bagaimana kita, reach the conclusion, kita tetapkan nombor ini?*

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: *... Okey, sebenarnya di peringkat kita di Semenanjung Malaysia, kita ada melaksanakan sejak tahun 70-an lagi. Kita ada mengadakan kerjasama dengan Food and Agriculture Organization (FAO) di bawah UN untuk menjalankan Inventori Hutan Nasional yang pertama, first National Forest Inventory − tetapi untuk Semenanjunglah, dalam peringkat Semenanjung sahaja.*

NFI ini – atau singkatannya NFI dilaksanakan setiap 10 tahun sekali. Dalam NFI inilah dikelaskan status atau kategori kawasan hutan. Hutan miskin, hutan sederhana (moderate) dan hutan yang kaya dan ada beberapa pengelasan di bawah NFI.

Pada ketika itu, kawasan hutan miskin dikelaskan sebagai 153 meter padu. Itu yang kita gunakan. Pada ketika itu juga, saya percaya inventori yang dibuat atau pengelasan ia bergantung pada keseluruhan kawasan itu yang dibanci satu hektar. Maknanya, 153 meter padu per hektar kawasan untuk keseluruhan pokok yang ada di dalam satu-satu kawasan. Jadi. itu yang digunakan kriteria pada ketika itu dan kita bawa kategori hutan miskin itu dengan isi padu yang sebegitu. Terima kasih."

[Muka surat 16 - 17, Laporan Prosiding Bil 10(b)/2023 bertarikh 29 Januari 2024]

d) 11 Spesies Tanaman Semula Ladang Hutan

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [KP JPSM] dalam Prosiding Bil. 10(b)/2023 bertarikh 29 Januari 2024 menjelaskan bahawa Pekeliling Ketua Pengarah JPSM mengesyorkan lapan (8) spesies tanaman semula ladang hutan. Kini pekeliling yang telah dikeluarkan oleh KPK menggariskan 11 spesies tanaman semula ladang hutan melalui mekanisme pembiayaan yang dikeluarkan oleh KPK.

Bagaimanapun, pihak industri boleh menanam spesies tanaman yang tidak tersenarai dalam Pekeliling KP JPSM dan KPK jika ia mendapat permintaan dari pasaran. Ini kerana tiada peraturan yang tidak membenarkan mana-mana spesies baharu ditanam sebagai ladang hutan.

"***Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]:*** *... Jadi, dari segi spesies sebenarnya kalau mengikut panduan daripada kita yang dikeluarkan oleh JPSM melalui Pekeliling Ketua Pengarah sebelum ini, spesies yang kita syorkan pada ketika itu mengikut pekeliling, ada lapan. Jelas dalam pekeliling itu seboleh-bolehnya sebagai panduan sahaja, bukan rigid lapan spesies itu sahaja. Sekarang dengan pekeliling yang terbaru ataupun melalui mekanisme pembiayaan yang dikeluarkan oleh KPK, sudah jadi sebelas, bertambah.*

Jadi, pada pihak jabatan, spesies ini hanya sebagai panduan. Tetapi dalam ketika pelaksanaan penanaman itu hendak dilaksanakan, sekiranya pihak industri memerlukan spesies yang sebelum ini tidak tersenarai pun dalam Pekeliling KP yang ada lapan ataupun di bawah MPC ada sebelas, saya percaya kalau industri perkayuan memerlukan spesies itu yang sebelum ini tidak mempunyai pasaran tetapi sekarang melalui teknologi yang ada, dengan permintaan yang ada, mungkin spesies itu dia jadi ada demand dan kalau hendak dibuat secara ladang, boleh. Tidak ada peraturan yang tidak membenarkan mana-mana spesies baharu yang untuk ditanam sebagai ladang hutan.

Jadi, itu saya rasa pegangan kita, lebih kepada siapa yang hendak guna dan apa hendak digunakan produk itu, kayu itu. Katakan sekarang ini mungkin ada spesies mahang yang kita tidak tebang dan tidak ada pasaran pun nilai tetapi kalau ada dengan new technology dan spesies itu mempunyai demand, permintaan yang tinggi dan pada saya tidak ada masalah untuk menanam sebab ada pengguna, permintaan atas kayu itu.

Jadi, dari segi species-wise ini tidak – pada saya, bukan suatu yang ini. Selagi ia memenuhi untuk tujuan keperluan industri, yang utama kita industri dan keperluan kita sebagai pengguna. Jadi, itu yang saya rasa yang kunci utama kita perlu peganglah untuk tujuan dari segi – Of course-lah, untuk spesies-spesies yang bukan industri, macam tadi untuk Musang King dan sebagainya ataupun spesies durian hibrid yang tidak termasuk yang kayunya tidak digunakan untuk tujuan yang itu, tidak sepatutnya digunakan sebagai ladanglah..."

[Muka surat 40 - 43, Laporan Prosiding Bil 10(b)/2023 bertarikh 29 Januari 2024]

e) Penanaman Kelapa Sawit Dalam Ladang Hutan Di Semenanjung Malaysia

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [KP JPSM] dalam Prosiding Bil. 10(c)/ 2023 bertarikh 29 Januari 2024 menjelaskan bahawa pada dasarnya, penanaman kelapa sawit di Semenanjung Malaysia adalah dibenarkan untuk tempoh tertentu. Walau bagaimanapun, kebenaran penanaman ini tertakluk kelulusan kerajaan negeri dan perlu melalui proses yang sah untuk permit penggunaan seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 23, Akta 313.

"Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: *... Untuk Semenanjung, kalau kebenaran untuk tanaman sawit itu adalah case by case. Kes terpencil. Saya bagi contoh tadi di Johor. Tetapi ada juga bagi kes-kes di Semenanjung ini kawasan-kawasan terdapat sawit itu disebabkan kawasan itu asalnya diteroka, dan ditanam dengan sawit. Jadi, dalam keadaan*

kerajaan negeri untuk mempertimbangkan sebelum tindakan memusnahkan sawit itu dijalankan, kerajaan negeri ada yang memberi kebenaran supaya sawit itu dibenarkan tempoh tertentu. Ada juga dalam kes-kes tertentu, kerajaan negeri memberikan permit penggunaan. Sebab dalam akta sedia ada kita, Akta Perhutanan Negara (Akta 313) ada klausa di bawah seksyen 43 tidak silap saya, untuk membenarkan memberi permit penggunaan. Jadi, maknanya sawit itu dibenarkan dan ia melalui proses yang sah untuk permit penggunaan.

Jadi, ada juga kes di mana kawasan itu asalnya kawasan tanah kerajaan yang diteroka ada sawit dan kerajaan mewartakan kawasan itu kemudiannya sebagai hutan simpan kekal. Jadi, sawit itu ada awal lagi sebelum kawasan itu diwartakan sebagai hutan simpan kekal. Jadi itu kes-kes kita di Semenanjung terutamanya untuk sawit dalam hutan simpanan kekal, terima kasih.

Tetapi dalam hakikatnya, untuk program ladang hutan memang spesies sawit itu tidak termasuk dalam spesies yang kita ini. Dia lebih kepada tadi untuk membantu pihak-pihak pengusaha yang diberi kebenaran untuk menjalankan– kita namakan sebagai modal awal. Sama ada untuk tujuan penanaman atau membayar balik pinjaman yang telah dibuat oleh kerajaan negeri sebelum untuk penubuhan ladang sawit ataupun ladang hutan pada awal penubuhannya pada 1980-an, terima kasih."

[Muka surat 53, Laporan Prosiding Bil. 10(c)/ 2023 bertarikh 29 Januari 2024]

f) Program Pembangunan Ladang Hutan (PPLH) Di Bawah Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK)

Encik Wan Ahmad Asmady bin Wan Md. Din [SUBK (Bahagian Kemajuan Industri Kayu Kayan, Tembakau dan Kenaf), KPK] dalam Prosiding Bil. 10(b)/2023 bertarikh 29 Januari 2024 menjelaskan bahawa terdapat satu (1) program iaitu PPLH di bawah KPK yang dilaksanakan untuk memenuhi keperluan industri perkayuan. Anggaran sebanyak 20 juta hingga 30 juta kubik meter diperlukan oleh industri setiap tahun. Walau bagaimanapun, bekalan di sektor tempatan ataupun domestik tidak mencukupi dan hanya tujuh (7) hingga sembilan (9) juta kubik meter sahaja yang dapat dibekalkan.

PPLH menyediakan dana pinjaman kepada industri perkayuan ataupun sektor perladangan bagi penanaman 11 spesies pokok yang telah diluluskan di kawasan HSK ataupun tanah milik persendirian syarikat perladangan. 11 jenis spesies tersebut ialah getah, akasia, laran, batai, *khaya*, *eucalyptus*, *paulownia*, binuang, sentang, jati dan buluh.

Untuk tempoh tahun 2005 sehingga 2020, di bawah PPLH 1.0, KPK telah memperuntukkan sejumlah RM1 bilion untuk pinjaman tersebut yang mana perlu dibayar balik bermula pada tahun 2024. Manakala, bagi PPLH 2.0 yang diperkenalkan dalam tempoh RMKe-12 iaitu tahun 2021 sehingga 2025, jumlah dana yang telah diterima adalah sebanyak RM150 juta sehingga kini.

Untuk penanaman ladang hutan yang PPLH 1.0, anggaran bagi tempoh pokok matang ialah 15 tahun dan terdapat tebangan awal pokok yang telah dilaksanakan. Sehingga kini, tebangan awal yang diperoleh adalah 400 ribu meter padu dan baki akan dilaksanakan dalam tempoh yang akan datang.

*"**Encik Wan Ahmad Asmady bin Wan Md. Din [Kementerian Perladangan dan Komoditi]:** ... Di bawah KPK, kita ada satu program, kita panggil Program Pembangunan Ladang Hutan (PPLH) yang mana Program Pembangunan Ladang Hutan ini dilaksanakan untuk kita memenuhi kehendak industri perkayuan. Disebabkan setiap tahun kita anggarkan sebanyak 20 juta hingga 30 juta kubik meter diperlukan oleh industri manakala bekalan sektor tempatan ataupun domestik tidak mencukupi. Sehingga kini, kita cuma dapat membekalkan cuma dalam tujuh hingga sembilan juta kubik meter sahaja. Sebab itu kita memperkenalkan PPLH, yang mana PPLH ini kita menyediakan dana pinjaman. Dana pinjaman kepada industri perkayuan ataupun sektor perladangan untuk mereka menanam pokok-pokok kayu berdasarkan kepada 11 spesies yang telah kita luluskan, yang mana 11 spesies tersebut kita tanam.*

Ia adalah tertakluk kepada kerajaan negeri dan juga kepada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak. Kita perlu mendapatkan kelulusan mereka dahulu baru boleh pokok-pokok yang berkenaan ditanam di – sama ada di dalam hutan simpanan kekal (HSK) ataupun di dalam tanah-tanah persendirian milik syarikat perladangan yang berkenaan. Untuk tempoh 2005 sehingga 2020, kita telah memperuntukkan sebanyak RM1 bilion untuk pinjaman tersebut, yang mana perlu dibayar balik bermula pada tahun 2024 bagi syarikat berkenaan. Ini adalah PPLH 1.0, manakala bagi PPLH 2.0 yang kita perkenalkan dalam tempoh RMKe-12 iaitu tahun 2021 sehingga 2025, sehingga kini kita telah menerima sebanyak 150 juta, yang mana kita telah terima pada tahun 2021, 2023 dan 2022 – 2024.

Jadi, kita terima sebanyak RM150 juta untuk pinjaman bagi pelaksanaan PPLH 2.0. Jadi, itu maksud untuk pembangunan – Program Pembangunan Ladang Hutanlah. Sekiranya dapat menjawab persoalan oleh YB.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: *Yang economic viability itu, adakah membuat kajian mengenai pulangan dia? Sebab ada yang dah dipotong, ditebang. Jadi, adakah return dia setimpal dengan investment dia?*

Encik Wan Ahmad Asmady bin Wan Md. Din [Kementerian Perladangan dan Komoditi]: *Untuk penanaman ladang hutan yang PPLH 1.0, kita anggarkan tempoh pokok itu matang adalah 15 tahun. Jadi, penebangan telah – tebangan awal memang telah ada dilaksanakan, sesetengah pokok, terutama ada pokok-pokok yang cepat tumbuhlah, yang mana telah mencecah 10 tahun mereka ada buat tebangan. Sehingga kini, kita telah mendapat tebangan awal dalam 400 ribu cubic metre yang telah ditebang, manakala seterusnya akan dilaksanakan dalam tempoh yang akan datanglah. Sebab kayu ini seelok-eloknya kita kena biarkan dia tempoh yang lama. Kalau kita tebang dalam tempoh yang awal, pokok itu kecil. Jadi, bila pokok kecil, maksudnya pokok – cubic metre itu akan kecillah. Tak banyak dan tidak memenuhi kehendak industri perkayuan."*

[Muka surat 36 - 37, Laporan Prosiding Bil 10(b)/2023 bertarikh 29 Januari 2024]

...

"Encik Wan Ahmad Asmady bin Wan Md. Din [Kementerian Perladangan dan Komoditi]: *Ya, spesies. Berkenaan spesies sebenarnya di bawah Program Pembangunan Ladang Hutan kita ada 11 spesies terdiri daripada getah, akasia, laran, batai, khaya, eucalyptus, paulownia, binuang, sentang, jati dan buluh.*

Okey, daripada 11 spesies yang tersebut ini adalah spesies-spesies yang diluluskan untuk Program Pembangunan Ladang Hutan yang mana saya difahamkan di bawah ladang hutan cuma spesies yang tertentu sahaja yang boleh ditanam. Manakala, yang selebih daripada itu adalah ditanam di bawah ladang mereka sendiri..."

[Muka surat 39, Laporan Prosiding Bil 10(b)/2023 bertarikh 29 Januari 2024]

g) Daya Maju Ekonomi Ladang Hutan

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [KP JPSM] dalam Prosiding Bil. 10(b)/2023 bertarikh 29 Januari 2024 menjelaskan bahawa sebelum penswastaan, ladang hutan dilaksanakan oleh Kerajaan atau JPN seperti di Chikus, Perak; Bukit Enggang, Kedah dan Ulu Sedili, Johor. Kajian daya maju ekonomi telah dilaksanakan ketika itu dan didapati pulangan pelaburan adalah tinggi. Namun, setelah dasar penswastaan dilaksanakan, semua ladang

kerajaan telah diserahkan kepada syarikat swasta yang telah menebang pokok yang ditanam oleh Kerajaan atau JPN dan digantikan dengan spesies baru.

Selain itu, pembangunan ladang hutan turut dilaksanakan di beberapa buah negara luar seperti New Zealand dan Finland, membuktikan ia boleh dilaksanakan dan berdaya maju. Namun, di Semenanjung Malaysia, syarikat yang mendapat kelulusan untuk melaksanakan ladang hutan kurang berpengalaman yang menyebabkan kerja-kerja tanaman semula tergendala. NRECC telah mengangkat isu ini kepada MTN pada tahun 2019 dan susulan itu, terdapat peningkatan daripada segi penanaman di kawasan-kawasan yang sebelum ini terbiar. Pada tahun 2019, lebih kurang 100,000 hektar telah ditanam tetapi dalam tempoh dua tahun selepas keputusan moratorium ladang hutan diperkenalkan oleh MTN pada 2021, data menunjukkan peningkatan sebanyak 44,000 hektar (14%).

*"**Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]:** ... Jadi, sebenarnya untuk ladang hutan sebelum dibuat penswastaan, sebenarnya ladang hutan dimulakan ditanam oleh kerajaan ataupun jabatan-jabatan perhutanan negerilah, kerajaan yang invest tanah. Itu ada di Chikus, Perak. Ada di Kedah, Bukit Enggang. Ada di Johor. Kalau di Johor itu di Ulu Sedili. YB tahu di Ulu Sedili yang dibuat oleh kerajaan.*

Pada ketika itu, memang kajian economic viability itu dibuat. Kalau ikutkan ROI itu memang tinggilah, maknanya viable, boleh. Itu sebab projek itu diteruskan di beberapa negeri. Tetapi apabila diswastakan, kerajaan membuat dasar penswastaan semua ladang-ladang ditubuhkan ini diserahkan kepada pihak pengusahalah, diswastakan. Syarikat-syarikat yang meneruskan perladangan hutan sama ada tebang apa yang telah ditanam oleh kerajaan sebelum ini dan menggantikan dengan spesies baharu.

...

Dari segi – soalan daripada YB Saratok tadi dari segi economic viability memang ada betul, dah dibuat sebelum ini. Untuk ladang hutan ini pun bukan Malaysia sahaja. Saya percaya kalau kita pergi New Zealand dan banyak negara barat, Finland, memang ia buat ladang hutan. Apa yang kita buat sekarang, same practice sebenarnya. Tapi, menunjukkan di sana ada daya maju, kebolehdayaan – kebolehlaksanaan itu ada di sana dan memang dilaksanakan di negara-negara barat terutamanya dari segi perladangan hutan. Memang dah dibuktikan dari segi viability.

Cumanya dari segi kita Semenanjung mungkin bezanya dari segi pengalaman pihak syarikat yang mendapat kelulusan untuk melaksanakan itu. Mungkin tak ada pengalaman yang banyak, mungkin menyebabkan tergendala kerja-kerja tanaman.

Dari segi tanaman yang dijalankan, saya percaya selepas pihak kementerian membawa isu ini kepada MTN pada tahun 2019, paper moratorium diangkat 2021 tak silap saya – menunjukkan ada peningkatan dari segi penanaman di kawasan-kawasan yang sebelum ini terbiar. Kalau dilaporkan sebelum ini lebih kurang 100,000 yang ditanam tetapi dalam tempoh dua tahun selepas keputusan moratorium ladang hutan diperkenalkan oleh MTN menunjukkan peningkatan sebanyak 44,000 hektar ataupun lebih kepada hampir 14 peratus saya percaya peningkatan berbanding dua tahun sebelum ini.

Jadi, ada progress, menampakkan ada peningkatan, kesungguhan daripada pihak pengusaha dan kita jangkakan pada masa akan datang pun akan ada pertambahan lagilah dan pihak kementerian melalui JPSM, kita akan monitor apa status pembangunan ladang hutan berdasarkan kelulusan yang telah dibuat oleh pihak negeri ini. Perkara ini juga seperti mana disebut dalam pembentangan Dr. KSU tadi, akan kita bentangkan dalam next MTN yang dijadualkan pada first quarter tahun ini untuk kita bentangkan semula kepada pihak MTN status pembangunan ladang hutan selepas keputusan moratorium itu diperkenalkan pada 2021. Jadi, itu dalam tindakan di peringkat kementerian saya percaya..."

[Muka surat 40 - 43, Laporan Prosiding Bil 10(b)/2023 bertarikh 29 Januari 2024]

Selain itu, **Encik Wan Ahmad Asmady bin Wan Md. Din [SUBK (Bahagian Kemajuan Industri Kayu Kayan, Tembakau dan Kenaf), KPK]** dalam prosiding yang sama menjelaskan bahawa kebanyakan syarikat yang memohon dana pinjaman di bawah PPLH merupakan syarikat besar dan mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh. Syarikat-syarikat ini memiliki ladang berkeluasan hampir di antara 100 hektar hingga 2000 hektar.

***"Encik Wan Ahmad Asmady bin Wan Md. Din [Kementerian Perladangan dan Komoditi]:** Okey, viability. Berdasarkan kepada rekod kami, kebanyakan syarikat yang memohon untuk mendapatkan pinjaman ini adalah syarikat-syarikat besar. Maksudnya mereka memang mampu untuk menampung pinjaman yang berkenaan dan sehingga tempoh yang berkenaan.*

Jadi itu adalah berdasarkan daripada rekod kamilah sebab kebanyakannya syarikat-syarikat yang besar yang memang kalau berdasarkan rekod kedudukan kewangan mereka, mereka memang mampu dan mereka sendiri yang memohon untuk

mendapatkan pinjaman yang berkenaan. Maksudnya syarikat-syarikat berkenaan mempunyai ladang yang besar. Mereka memiliki hampir 1,000 hektar, 100 hektar, ada yang 2,000 hektar.

Jadi mereka ini sebenarnya kira macam mengambil kesempatan daripada dana yang kerajaan sediakan. Berbanding dengan mereka gunakan dana mereka sendiri. Ini berdasarkan kepada rekod yang kita ada. Itu adalah berkenaan orang kata viability."

[Muka surat 38, Laporan Prosiding Bil 10(b)/2023 bertarikh 29 Januari 2024]

6.5.2 Ladang Hutan Di Sarawak

a) Lesen Ladang Hutan – *License for Planted Forest* (LPF)

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Pengarah FDS] dalam Prosiding Bil.10(c)/2023 bertarikh 29 Januari 2024 memaklumkan bahawa FDS telah mengeluarkan sebanyak 56 lesen ladang hutan yang dikenali sebagai *License for Planted Forest* (LPF). Namun, empat (4) lesen telah dibatalkan menjadikan sebanyak 52 lesen yang masih sah beroperasi sehingga kini, melibatkan sejumlah 2.28 juta hektar yang mana 1.09 juta hektar berstatus HSK dan 1.19 juta hektar adalah kawasan tanah negeri.

Selain itu, LPF tidak melibatkan Tanah Hak Adat Bumiputera (NCR). Sekiranya terdapat kawasan NCR dalam kawasan LPF, kawasan NCR tersebut akan dikeluarkan dari kawasan LPF.

"Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: *... Setakat ini, sebenarnya kita telah pun mengeluarkan lesen sebanyak 56 lesen ladang hutan (LPF). Tetapi seperti yang saya maklumkan tadi, ada empat lesen yang telah pun kita batalkan.*

Jadi keseluruhan lesen ladang hutan yang ada, yang masih sah beroperasi sehingga kini adalah 52 lesen LPF ya, License for Planted Forest yang meliputi keluasan sejumlah 2.28 juta hektar. Okey 2.28 juta hektar, di mana 52 peratus daripada kawasan LPF tersebut adalah terletak di kawasan tanah berstatus hutan simpan kekal dan selebihnya 1.19 juta hektar adalah kawasan tanah negeri.

Mengenai tanah NCR tadi, sebenarnya tidak ada kawasan tanah NCR yang termasuk dalam kawasan LPF. Jika terdapatlah kawasan tanah-tanah NCR yang disahkan oleh pihak kerajaan, terutama sekali pihak Land and Survey, terdapat dalam kawasan tersebut dan pihak pemilik tanah NCR tersebut dapat

mengemukakan dokumen mengesahkan tentang pemilikan kawasan-kawasan tanah NCR di dalam kawasan ladang hutan.

Maka dari segi undang-undangnya, kita akan mengeluarkan kawasan-kawasan tersebut kepada kawasan LPF tersebut. Terima kasih."

[Muka surat 12, Laporan Prosiding Bil. 10(c)/ 2023 bertarikh 29 Januari 2024]

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Pengarah FDS] turut menjelaskan sejumlah 52 lesen yang dikeluarkan tidak bermaksud sebanyak 52 syarikat memiliki lesen tersebut memandangkan terdapat juga syarikat yang memiliki dua (2) ataupun tiga (3) lesen.

*"**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Jadi, saya ada satu soalan kerana tadi menyebut bahawa sekarang lesen pembalakan yang masih ada, yang sah adalah 52. Jadi, boleh saya tahu berapa syarikat yang terlibat? Maksudnya, 52 syarikat ke ataupun ada syarikat yang memiliki beberapa keping lesen pembalakan?*

...

***Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]:** Saya ada senarai di sini tetapi 52 lesen ini bukan bermakna ada 52 syarikat. Ada syarikat yang mempunyai dua ataupun tiga lesen. So, mungkin pelesen ataupun syarikat ini kurang daripada 52."*

[Muka surat 13, Laporan Prosiding Bil. 10(c)/ 2023 bertarikh 29 Januari 2024]

b) Sasaran Penanaman Ladang Hutan di Sarawak

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Pengarah FDS] dalam Prosiding Bil.10(c)/2023 bertarikh 29 Januari 2024 memaklumkan daripada jumlah 2.28 juta hektar yang telah ditetapkan untuk kawasan ladang hutan, sasaran penanaman ladang hutan hanya satu (1) juta hektar disebabkan beberapa kekangan kawasan yang dikenal pasti antaranya kawasan yang berkecerunan 45 darjah, kawasan yang sensitif, kawasan yang berada bersebelahan dengan sungai-sungai, kawasan yang mungkin mempunyai nilai estetik serta kawasan *buffer zone* yang ditetapkan dalam *Tree Planting Plan*.

*"**Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]:** ... Daripada 2.28 juta hektar yang telah pun kita tetapkan untuk ladang hutan ini, target untuk ladang hutan untuk ditanam hanyalah satu juta hektar sebab tidak semua kawasan*

yang telah pun kita lesen itu, 2.28 juta hektar itu dapat ditanam. Kawasan-kawasan yang berkecerunan 45 degree, kawasan-kawasan yang sensitif, kawasan-kawasan yang berada di bersebelahan dengan sungai-sungai, kawasan-kawasan yang mungkin mempunyai nilai-nilai estetik seperti juga kawasan-kawasan buffer zone kita akan kenal pasti di dalam Tree Planting Plan (TPP) kita tidak akan dapat ditanam.

Maknanya, daripada 2.28 juta ini hanya satu juta hektar sahaja yang akan kita benarkan untuk ladang hutan. Ini adalah untuk kita memberi peluang sebenarnya kepada pelesen untuk mengenal pasti kawasan tersebut mana yang dapat ditanam daripada 2.28 juta hektar tersebut. Saya harap ini dapat memberi gambaran.

Puan Wong Shu Qi [Ahli PAC]: *Boleh saya sahkan? Kerana saya confuse sikit. Jadi, 2.28 juta hektar diizinkan menjalankan aktiviti pembalakan.*

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]*: Betul.*

Puan Wong Shu Qi [Ahli PAC]: *Tetapi hanya satu juta hektar yang boleh ditanam balik dan dijadikan sebagai kawasan ladang hutan, betul?*

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: *2.28 juta adalah kawasan yang kita bagi lesen untuk ladang hutan, okey? Daripada 2.28 juta itu, hanya satu juta yang telah dikenal pasti is plantable area. Manakala selebihnya adalah kawasan yang unplantable area.*

Puan Wong Shu Qi [Ahli PAC]*: Jadi, pokok di sana masih boleh ditebang dan hasilkan sebagai balaklah?*

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]*: Ya.*

Puan Wong Shu Qi [Ahli PAC]*: So, dia boleh jalankan pembalakan tetapi tidak payah tanam balik?*

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: *Tidak, tidak. Bukan. Maksudnya satu juta hektar ini adalah merupakan kawasan ladang hutan. Kalau kawasan ladang hutan sistem penebangannya adalah secara clear-felling sebab ia mewujudkan satu kawasan ladang. Manakala selebihnya yang tidak dijadikan sebagai kawasan ladang tadi dalam kawasan tersebut, kita tidak benarkan. Dia kena ikut skim pembalakan bersistematik yang lain yang mana kita dah ada Forest Management Plan, follow the Forest Management Plan sendiri."*

[Muka surat 15-16, Laporan Prosiding Bil. 10(c)/ 2023 bertarikh 29 Januari 2024]

c) Usaha Penanaman Semula Bagi Ladang Hutan di Sarawak

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Pengarah FDS] dalam Prosiding Bil.10(c)/2023 bertarikh 29 Januari 2024 memaklumkan terdapat pertambahan kawasan penanaman daripada 520,000 hektar pada tahun 2021 kepada 580,000 hektar pada tahun 2023. Pertambahan ini adalah hasil daripada inisiatif FDS yang mengehendaki semua pelesen supaya melaksanakan penanaman secara agresif di kawasan masing-masing dalam tempoh tiga (3) tahun.

"Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *... Saya nak menyentuh tentang isu nombor dua, penubuhan ladang hutan. Yang nombor satu itu mempergiatkan usaha penanaman ladang hutan, pertambahan kawasan daripada 50,000— 52,000 hektar ya? Tahun 2021? Betulkah 5.2? Ertinya 52,000 hektar lah ya, kepada 58 ataupun 580,000 juta – 2023, satu penambahan dekat banyak peratus itu. Kenapa dia peningkatan begitu tinggi Datu?*

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: *Terima kasih Yang Berhormat. Tentang pertambahan kawasan penanaman yang saya sebutkan dalam pembentangan saya iaitu daripada 520,000 pada tahun 2021 kepada 58,000— 580,000 hektar pada tahun 2023. Ada pertambahan dalam 200,000 hektar. Memang agak besar tapi disebabkan— inilah yang kita lihatlah hasil inisiatif kita secara agresif ya apabila kita memanggil semua pelesen untuk mereka membuat— melihat semula pelan penanaman mereka inilah dalam tempoh tiga tahun ini, kita telah pun memaklumkan kepada pelesen supaya mereka melaksanakan secara agresif penanaman di kawasan masing-masing.*

Kalau tidak, kita akan mengambil tindakan sama ada kita gantungkan lesen mereka ataupun kita akan tarik balik lesen. Kita akan melihat progress planting pelesen-pelesen ini. Sebab itu kita lihat sekarang ini pelesen-pelesen ini agak giat melaksanakan penanaman pokok-pokok di kawasan masing-masinglah."

[Muka surat 28-29, Laporan Prosiding Bil. 10(c)/ 2023 bertarikh 29 Januari 2024]

d) Tempoh Masa Pulangan Daripada Hasil Ladang Hutan Di Sarawak

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Pengarah FDS] dalam Prosiding Bil.10(c)/2023 bertarikh 29 Januari 2024 menjelaskan tempoh masa untuk mendapatkan pulangan dari ladang hutan ialah lapan (8) tahun, 12 tahun atau 15 tahun bergantung kepada produk yang dihasilkan dari ladang hutan. Sehubungan itu, kerajaan negeri membenarkan sebahagian kawasan ladang

hutan untuk dibuat ladang kelapa sawit supaya hasil berkenaan boleh digunakan semula oleh pelesen untuk penubuhan ladang hutan.

*"**Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]:** Kalau di Sarawak, mengikut polisi yang penubuhan ladang dulu, 30 tahun yang lampaulah, kita benarkan 20 peratus daripada keseluruhan gross area untuk ladang kelapa sawit, 20 percent. Kalau kita lihat kalau 2.1 million is mean 500,000 sepatutnya boleh dibenarkan. Tetapi yang actual figure that we have now is about 174,000 sahaja. Tidak sampailah 20 percent. So, kita benarkan ini dulu apabila kerajaan melihat penubuhan ladang hutan ini memerlukan satu kos yang besar.*

Kedua, gestation period untuk mendapatkan pulangan daripada ladang hutan mungkin dalam– paling lambat pun lapan tahun, 12 tahun ataupun 15 tahun. Bergantung kepada produk yang kita nak hasilkan daripada ladang hutan itu. Berbanding dengan kelapa sawit. Kelapa sawit mungkin dalam empat lima tahun dah dapat hasil. So that's why kerajaan negeri membenarkan certain portion of these kawasan ladang ini untuk dibuat ladang kelapa sawit dan hasil itu sepatutnya digunakan semula oleh pelesen untuk penubuhan ladang. To plough back the investment to plough back dia punya hasil untuk penubuhan ladang. Ini hanya dibenarkan untuk satu cycle, 25 years. After 25 years, they have to kembali balik kepada– jadikan kawasan itu balik kepada ladang hutan. That is the policy yang telah ditubuhkan, kalau Sarawak."

[Muka surat 53, Laporan Prosiding Bil. 10(c)/ 2023 bertarikh 29 Januari 2024]

e) Kajian Ladang Hutan Dan Spesies Pokok Ladang Hutan

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Pengarah FDS] dalam Prosiding Bil.10(c)/2023 bertarikh 29 Januari 2024 menjelaskan bahawa FDS menjalankan kajian berhubung ladang hutan dan spesies pokok ladang hutan melalui penubuhan pusat penyelidikan khas iaitu *Industrial Forest* Research *Centre* (IFRC) dan kolaborasi dengan negara luar seperti Vietnam, China dan Indonesia.

***"Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: ...** Keduanya, saya nak bertanya tentang spesies yang akan ditanam ataupun pokok-pokok yang dia akan ditanam dalam ladang hutan ini. Disebutkan nombor lima itu, penubuhan pusat penyelidikan khas bagi kajian ladang hutan dan spesies pokok ladang hutan oleh Industrial Forest Research Centre.*

Adakah kajian ini sedang berjalan ataupun belum berjalan ataupun sudah pun mendapat hasil daripada kajian berkenaan? Saya percaya dalam senarai spesies

yang mungkin akan dikenal pasti itu dia akan termasuk juga Timber Latex Clone (TLC) yang mana kita tanam pokok ni dia— batang dia luruslah. Dia tak banyak branches. This is hard laboratory research punya klon ya.

Dan, selepas enam, tujuh tahun dia boleh ditoreh, dapat susu. Kemudian 15 tahun, boleh ditebang dan dapat hasil yang baik daripada balaklah. Itu yang saya faham tentang TLC ini. Mohon pencerahan daripada Datu. Terima kasih.

…

***Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]:** ... Dari segi spesies, ladang hutan ini dia banyak spesies sebenarnya. Kalau di Semenanjung ada 11 spesies yang kita benarkan ya.*

Begitu juga di Sarawak, banyak spesies. Yang paling popular adalah Acacia Mangium, Eucalyptus, kelempayan – apa lagi? Benuang dan banyak spesies-spesiesnya dan memang kita buat kajian. Kita buat kajian di pusat penyelidikan kami, Industrial Forest Research Centre (IFRC) dan juga kita berkolaborasi dengan pihak luar, dengan Vietnam; China dan; juga Indonesia."

[Muka surat 28-29, Laporan Prosiding Bil. 10(c)/ 2023 bertarikh 29 Januari 2024]

6.6 Isu Berkaitan Perundangan Perhutanan

a) Definisi Litupan Hutan Berdasarkan Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO), Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN)

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [KP JPSM] dalam Prosiding Bil. 10(a)/2023 bertarikh 12 Disember 2023 memaklumkan bahawa FAO mendefinisikan hutan ialah kawasan tanah dengan saiz hutan minimum 0.5 hektar yang ditumbuhi oleh pokok-pokok sekurang-kurangnya lima (5) meter tinggi dan 30 peratus litupan pokok. Walau bagaimanapun, pokok sawit tidak dikira sebagai kawasan berhutan dan tidak dimasukkan dalam statistik sebagai kawasan litupan hutan. Buat masa ini, pihak Kementerian masih belum mengguna pakai definisi hutan oleh FAO dan akan menggunakan definisi ini bagi perancangan masa hadapan.

*"**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Terima kasih Pengerusi. Saya nak tanya kepada Dr. KSU atau KP. Apabila kita cakap tentang litupan hutan, bolehkah takrifkan litupan hutan? Adakah ladang-ladang seperti kelapa sawit dikategorikan sebagai litupan*

hutan atau tanaman-tanaman pertanian? Adakah dia dikira sebagai litupan hutan— tanaman durian dan sebagainya? Boleh bagi penjelasan?

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: *Okay, terima kasih kepada YB. Litupan hutan ini dia tidak termasuk kawasan-kawasan pertanian, tak termasuk kelapa sawit terutamanya. Tetapi untuk macam— bila Perdana Menteri menyata komitmen 50 peratus kawasan berhutan, kawasan berhutan itu termasuk juga dengan kawasan-kawasan pokok, ya. Kawasan-kawasan pokok yang pertanian, macam pokok getah contohnya. Getah termasuk sebagai kawasan berhutan dan dia diterima oleh FAO dalam definisi yang dikeluarkan oleh FAO, satu badan di bawah United Nation lah. Tetapi sawit memang tak termasuk dalam definisi kawasan-kawasan hutan. Jadi dalam statistik kita, bila kita keluarkan laporan untuk Semenanjung, 43.4 peratus tak termasuk kawasan sawit.*

Kalau untuk makluman Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi dan juga Ahli-ahli PAC sekalian, kalau mengikut definisi FAO –simple dia punya definisi kawasan berhutan. Satu kawasan yang melebihi 0.5 hektar yang mana ditumbuh dengan pokok, pokok tadi dia mature umur matang dia boleh mencapai lima meter tinggi dan dari segi kanopi, at least 30 percent. Maknanya, bukan 0.5 hektar tadi dipenuhi 100 persen dengan pokok— mesti ada pokok. Memadai 30 peratus sahaja daripada 0.5 hektar, lebih kurang dua padang bola lah lebih kurang ya— dua atau tiga padang bola –yang 30 percent sahaja kanopi pokok tu ada dalam kawasan tadi dan boleh didefinisikan sebagai kawasan berhutan.

Itu definisi FAO yang mana sekarang ini kita –untuk laporan kita tak gunakan itu lagi. Maknanya masih lagi broad kita punya kawasan berhutan kita tetapi kita ke arah itu. Selepas ini mungkin di peringkat dalam jawapan kita pun ada— kita akan membuat, memohon projek di bawah RP5 untuk menentukan litupan hutan kita tadi yang menepati definisi FAO. Sekiranya *exercise* itu selesai nanti, dan saya percaya kita akan dapat kawasan yang lebih daripada apa yang kita laporkan sekarang ini, kawasan berhutan di Malaysia.*"*

[Muka surat 22-23, Laporan Prosiding Bil. 10(a)/2023 bertarikh 12 Disember 2023]

Selain itu, **Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [KP JPSM]** dalam prosiding yang sama memaklumkan pihak JPSM juga telah membuat permohonan peruntukan daripada KE bagi proses mengenal pasti kawasan yang boleh dikategorikan sebagai litupan hutan bersama-sama Agensi Angkasa Malaysia (MYSA).

*"**Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]:** ... apakah juga rancangan daripada pihak kerajaan untuk memastikan bahawa kita punya, mungkin pocket-pocket land ataupun public park yang boleh mencapai status yang disebutkan tadi, kawasan litupan yang disebutkan oleh kementerian tadi, yang boleh dikategorikan sebagai kawasan litupan hutan juga? Macam di Taman Tugu itu. Boleh dijadikan sebagai satu sasaran. Yang kecil-kecil itu. Terima kasih.*

***Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]:** ... sebenarnya ada sebut tadi memang di peringkat saya di JPSM di Semenanjung memang kita membuat permohonan di dalam RMK untuk mendapatkan bajet daripada kerajaan, terutamanya Kementerian Ekonomi– ada di sini, untuk kita buat exercise kenal pasti bersama dengan MYSA nanti, satu agensi di bahawa Kementerian MOSTI. Untuk kenal pasti kawasan-kawasan yang di luar atau hutan simpanan kekal yang melitupi, memasuki ataupun definisi kawasan berhutan untuk kita ambil kira termasuk kawasan di tugu tadi ataupun mana-mana kawasan juga yang tanah-tanah milik yang kita boleh jadikan ataupun masuk di* bawah pelaporan litupan hutan kita."

[Muka surat 29-32, Laporan Prosiding Bil. 10(a)/2023 bertarikh 12 Disember 2023]

b) Keengganan Negeri Mengguna Pakai A1667

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [KP JPSM] dalam Prosiding Bil. 10(a)/2023 bertarikh 12 Disember 2023 memaklumkan bahawa HSK diwartakan oleh kerajaan negeri berdasarkan Perkara 74(2) Perlembagaan Persekutuan dan seksyen 7 serta seksyen 10, Akta 313.

Namun, kebanyakan kerajaan negeri masih belum mengguna pakai A1667 kerana kerajaan negeri perlu menjalankan suatu siasatan awam sebelum sesuatu kawasan HSK boleh diwarta keluar serta melaksanakan penggantian serentak bagi kawasan HSK yang diwarta keluar.

*"**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Okey, soalan susulan. Apabila kita katakan hutan simpanan kekal yang diwartakan, dia biasanya diwartakan oleh State atau Federal? Kerana kita pun ada simpanan kekal Federal dan kita pun simpanan kekal State kan?*

***Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]:** Itu tadi dalam di peringkat awal saya maklumkan di bawah Perlembagaan 74(2) adalah bidang Kuasa Negeri dan negeri— apabila di peringkat Federal, kita menyediakan dasar dan juga menyediakan akta. Akta ibu yang kita untuk*

menguruskan perhutanan dipanggil Akta Perhutanan Negara yang digubal pada tahun 1984 dan dipanggil sebagai Akta 313. Tetapi, negeri menerima pakai. Setakat ini, semua negeri menerima pakai yang Akta 313 dan ia menjadi Enakmen Perhutanan Negeri apabila ia dipakai oleh kerajaan negeri.

Di dalam Akta Perhutanan Negara ada memperuntukkan negeri untuk mewartakan mana-mana tanah kawasan berhutan untuk dijadikan sebagai hutan simpanan kekal di bawah seksyen 10, seksyen 7 Akta Perhutanan Negara untuk mewartakan. Jadi, maknanya pewartaan itu berlaku di negeri. Masing-masing negeri— setiap negeri akan mewartakan. Dia kenal pasti kawasan tanah yang untuk diwartakan sebagai hutan simpanan kekal dan keluasan yang diwartakan disiarkan dalam warta itu, kita akan gunakan sebagai keluasan yang kita register sebagai kawasan berhutan kita. Walaupun di dalam kawasan itu ada waterbody, ada jalan, yang itu kita assume atau ambil kira sebagai kawasan berhutan juga.

Bagi Wilayah Persekutuan sama. Untuk Wilayah Persekutuan pun ada akta atau enakmen perhutanan untuk Wilayah Persekutuan dan kawasan-kawasan di Wilayah Persekutuan di Bukit Nenas, di Sungai Besi juga diwartakan di bawah Akta Perhutanan di peringkat Wilayah Persekutuan."

[Muka surat 23-24, Laporan Prosiding Bil. 10(a)/2023 bertarikh 12 Disember 2023]

...

*"**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Sebelum masuk ke ladang hutan, kerana dah disebut ada resistance daripada pihak negeri. Jadi, apa pandangan setiap negeri apabila berunding isu ini dalam Majlis Tanah Negara sebenarnya?*

***Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]:** Dia resistance ini Yang Berhormat, dalam bila sesuatu pindaan itu dikemukakan, diluluskan oleh Parlimen, dia meliputi banyak pindaan. Saya ambil contoh pindaan yang dibuat, diluluskan oleh Parlimen baru-baru ini meliputi 62 fasal pindaan. Penguatkuasaan memperuntukkan kuasa kepada pegawai Federal dan yang isu utama ialah tentang mewujudkan ataupun memperkenalkan public hearing. Itu dan juga penggantian serentak kawasan yang diwarta keluar diganti dengan kawasan yang sama luas atau lebih luas. Itu yang saya tengok resistance sedikit.*

Untuk lain untuk tingkatkan kompaun untuk take a denda, penjara ditingkatkan. Itu tidak ada masalah state. Tetapi apabila menyentuh kepada perlunya adakan penyiaran awam atau pun pendengaran awam dan perlunya penggantian serentak sekiranya state nak warta keluar untuk tujuan pembangunan ataupun untuk aktiviti-

aktiviti lain. Itu yang saya kata ada resistance sedikit di peringkat negeri lah yang saya dapat capture melalui mesyuarat-mesyuarat yang saya hadiri sebelum ini.

Jadi, itu yang saya rasa di peringkat negeri yang dia mempertimbangkan menyebabkan belum diterima pakai lagi. Mungkin dalam proses di peringkat negeri. Ada progress dan kita pihak kementerian, saya percaya kita sentiasa mengambil engagement dengan state untuk state terima pakai pindaan yang kita dah luluskan di peringkat Parlimen baru-baru ini."

[Muka surat 25-26, Laporan Prosiding Bil. 10(a)/2023 bertarikh 12 Disember 2023]

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [KP JPSM] dalam prosiding yang sama turut memaklumkan bahawa setiap kerajaan negeri akan menetapkan sasaran kawasan berhutan masing-masing dan komited untuk menyokong dasar-dasar yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan.

*"**Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]:** ... berkenaan dengan sasaran yang ditetapkan oleh negeri. Contoh, macam Selangor, dia menetapkan 30 percent kawasan hutan simpan kekal. Bagaimana pula dengan di negeri-negeri yang lain? Adakah negeri lain ini mempunyai juga sasaran yang tertentu? Supaya akhirnya apabila digabungkan kesemuanya, kita akan boleh atau kerajaan boleh mencapai sasaran kita mengekalkan yang 50 percent itu. Jadi, kita bimbang. Kerana, tempat-tempat seperti di Selangor, mungkin di Johor— Melaka memang dah tak ada dah tempat kawasan hutan yang boleh. Dah memang dah tak ada dah kawasan itu. Hanya yang tinggal ialah negeri-negeri yang banyak hutan seperti di Sabah, Sarawak, mungkin di Pahang, Kelantan. Tetapi, kalau mereka makin lama makin mengurangkan kawasan yang berhutan ini, akhirnya kita tidak dapat mengekalkan 50 percent sebagaimana yang disasarkan itu.*

***Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]:** ... Negeri dia kena commit sendiri berapa hasrat dan saya percaya negeri pun ada tanggungjawab sosial dia masing-masing untuk mengekalkan atau menambahkan kawasan berhutan yang ada negeri-negeri masing-masing. Jadi yang itu memang kita alu-alukan dan saya percaya rakan daripada Sarawak tadi sudah sebut memang negeri akan ada komitmen untuk menyokong dasar-dasar ataupun perkara-perkara yang ditetapkan oleh pihak kementerian."*

[Muka surat 29-31, Laporan Prosiding Bil. 10(a)/2023 bertarikh 12 Disember 2023]



RUMUSAN & SYOR JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN

7. RUMUSAN PAC PARLIMEN

PAC Parlimen merumuskan perkara-perkara berikut:

7.1 Perlombongan Unsur Nadir Bumi Bukan Radioaktif (NR-REE) tidak dibenarkan di dalam Hutan Simpan Kekal (HSK). Justeru, satu (1) projek rintis perlombongan NR-REE telah dijalankan di luar kawasan HSK di Kenering, Perak. Berikutan itu, panduan aktiviti perlombongan NR-REE di luar kawasan HSK telah diedarkan pada Disember 2023.

7.2 Akta Pembangunan Mineral 1994 [Akta 525] hanya terpakai ke atas aktiviti perlombongan yang sah sahaja. Sebarang tindakan perundangan terhadap aktiviti perlombongan haram tertakluk di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

7.3 Aktiviti pembalakan dalam HSK berlaku dalam hutan yang dikelaskan sebagai hutan pengeluaran sahaja melalui pendekatan lestari dan terpilih di mana, hanya saiz pokok tertentu sahaja yang boleh ditebang. Lesen pembalakan dikeluarkan oleh kerajaan negeri dan setiap negeri mesti mematuhi Catuan Tebangan Tahunan (CTT) bagi memastikan aktiviti pembalakan tidak melebihi had keluasan di dalam hutan pengeluaran. PAC telah dimaklumkan bahawa sehingga kini, CTT dipatuhi kesemua negeri sejak lebih 10 tahun lalu.

7.4 PAC dimaklumkan bahawa isu tanah runtuh dan isu pencerobohan hutan berlaku disebabkan kelemahan penguatkuasaan di peringkat negeri. Oleh itu, pindaan ke atas Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] telah dilaksanakan bagi menangani isu ini. Seksyen 3A, Akta Perhutanan Negara Pindaan Tahun 2022 (A1667) memperuntukkan bahawa kerajaan negeri boleh memberikan kuasa secara bertulis kepada mana-mana pegawai perhutanan Persekutuan untuk menjalankan penguatkuasaan. Namun, kebanyakan kerajaan negeri masih belum mengguna pakai A1667.

7.5 PAC mengambil maklum kenyataan Menteri NRES pada 30 April 2024 bahawa keengganan kebanyakan kerajaan negeri mengguna pakai A1667 mengakibatkan kegagalan dalam melaksanakan amalan piawaian standard

seperti yang digariskan dalam akta. Ia disebabkan pewartaan dan pengurusan hutan di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Kuasa kerajaan negeri ini dinyatakan berdasarkan Perkara 74(2) Perlembagaan Persekutuan dan seksyen 7 serta seksyen 10, Akta 313.

7.6 Terdapat kelemahan dalam pelaksanaan penanaman semula Projek Pembangunan Ladang Hutan. Susulan itu, Mesyuarat Majlis Tanah Negara ke-79 yang bersidang pada tahun 2021 telah memutuskan supaya pelaksanaan moratorium kelulusan baharu penubuhan ladang hutan dalam HSK di Semenanjung Malaysia.

7.7 Kehilangan habitat merupakan punca utama konflik manusia-hidupan liar. Oleh sebab itu, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) akan mewajibkan pematuhan Pelan Pengurusan Hidupan Liar (WMP) bagi sebarang projek yang melibatkan habitat hidupan liar. Namun, penguatkuasaan dalam mewajibkan pematuhan kepada WMP belum dilaksanakan kerana pihak PERHILITAN masih menunggu penurunan kuasa Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127] daripada Jabatan Alam Sekitar.

8. SYOR PAC PARLIMEN

Bagi tujuan penambahbaikan PAC Parlimen mengesyorkan perkara-perkara seperti berikut:

8.1 Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) perlu membentangkan kepada PAC dapatan daripada projek rintis perlombongan Unsur Nadir Bumi Bukan Radioaktif (NR-REE) di dalam kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) yang telah dijalankan serta butiran lengkap projek rintis berkenaan.

8.2 NRES perlu segera meminda Akta Pembangunan Mineral 1994 [Akta 525] supaya tindakan terhadap aktiviti perlombongan haram dapat dilaksanakan.

8.3 NRES perlu terus berusaha bagi mendapatkan komitmen daripada kerajaan negeri/wilayah untuk mengurangkan aktiviti pembalakan serta memfokuskan aktiviti ekopelancongan dan inisiatif perdagangan karbon supaya impak negatif dapat diminimumkan.

8.4 Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan Perhutanan Sabah (SFD) dan Jabatan Hutan Sarawak (FDS) bersama-sama pihak kerajaan negeri serta agensi yang terlibat dengan pengurusan perhutanan dan tanah perlu lebih aktif melaksanakan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan yang berkesan termasuk penggunaan teknologi terkini.

8.5 Lanjutan syor 8.4, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan kerajaan negeri juga perlu melaksanakan kajian keperluan perjawatan bagi memastikan sumber manusia mencukupi daripada segi bilangan dan berkemahiran untuk menjalankan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan secara konsisten serta efektif.

8.6 NRES perlu melaksanakan libat urus bersama kerajaan negeri untuk menggalakkan pemakaian Akta Perhutanan Negara Pindaan Tahun 2022 (A1667) supaya amalan piawaian standard digunakan seperti yang digariskan dalam akta.

8.7 NRES perlu memastikan Jabatan Alam Sekitar (JAS) segera melaksanakan penurunan kuasa Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127] kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) supaya pematuhan dan penguatkuasaan Pelan Pengurusan Hidupan Liar (WMP) dapat segera dilaksanakan bagi menangani konflik manusia-hidupan liar.

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN



GAMBAR PROSIDING


PENGERUSI
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN
PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA


SALWANI
YBHG. DATUK NOR SALWANI BINTI MUHAMMAD
TIMBALAN KETUA AUDIT NEGARA (PRESTASI)
JABATAN AUDIT NEGARA
PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA


MOHD RIDZA
YBHG. DATO' INDERA MOHD RIDZA BIN AWANG
PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA


11
DATU HAJI HAMDEN BIN HAJI
MOHAMMAD
HAMDEN
PARLIMEN
MALAYSIA


INDRA
PARLIMEN
MALAYSIA



PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA


PENGERUSI
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN
Y.B. DATUK WIRA MAS ERMIEYATI
BINTI SAMSUDIN
AHLI PARLIMEN MASJID TANAH
NAIB PENGERUSI
PARLIMEN
MALAYSIA


PARLIMEN
MALAYSIA



GLOSARI

GLOSARI

3RSM	Program Restorasi, Tebus Guna dan Pemulihan Kawasan Hutan Terosot di Semenanjung Malaysia
A1667	Akta Perhutanan Negara Pindaan Tahun 2022
AGC	Jabatan Peguam Negara
Akta 127	Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974
Akta 313	Akta Perhutanan Negara 1984
Akta 525	Akta Pembangunan Mineral 1994
AP	Arahan Perbendaharaan
CFS	*Central Forest Spine*
CTT	Catuan Tebangan Tahunan
EIA	*Environmental Impact Assesment*
FAO	Pertubuhan Makanan dan Pertanian
FDS	Jabatan Hutan Sarawak
FMC	*Forest Management Certification*
FMP	*Forest Management Plan*
FMU	*Forest Management Unit*
FRIM	Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia
HoB	*Heart of Borneo*
HS	Hutan Simpan
HSK	Hutan Simpan Kekal
HTA	Hutan Tadahan Air
IFRC	*Industrial Forest Research Centre*
JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
JAN	Jabatan Audit Negara
JANM	Jabatan Akauntan Negara
JAS	Jabatan Alam Sekitar
JMG	Jabatan Mineral dan Geosains
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
JPN	Jabatan Perhutanan Negeri
JPS	Jabatan Pengairan dan Saliran
JPSM	Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia

KE	Kementerian Ekonomi
KOA	Kampung Orang Asli
KP	Ketua Pengarah
KPK	Kementerian Perladangan dan Komoditi
KSAS	Kawasan Sensitif Alam Sekitar
KSU	Ketua Setiausaha
KTS	Kawasan Terlindung Sepenuhnya
LKAN	Laporan Ketua Audit Negara
LPF	Lesen Ladang Hutan
MC&I	*Malaysian Criteria and Indicators*
MOF	Kementerian Kewangan Malaysia
MTN	Majlis Tanah Negara
MYSA	Agensi Angkasa Malaysia
NFI	Inventori Hutan Nasional
NRECC	Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim
NRES	Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
NR-REE	Unsur Nadir Bumi Bukan Radioaktif
OMS	Skim Pengendalian Melombong
PAC	Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara
PBN	Pihak Berkuasa Negeri
PCDS2030	*Post COVID-19 Development Sarawak 2030*
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PERHILITAN	Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara
PIF	*Project Implementation Framework*
PIRECFS	Pelan Rangkaian Ekologi CFS
PLANMalaysia	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
PM	Peraturan Mesyuarat
PPLH	Program Pembangunan Ladang Hutan
PPMDR	Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat
RPH	Rancangan Pengurusan Hutan
SFD	Jabatan Perhutanan Sabah
SFM	*Sustainable Forest Management*
SOP	Prosedur Operasi Standard

SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
SSP	Semakan Separuh Penggal
TKAN	Timbalan Ketua Audit Negara
TRTB	Tapak Ramsar Tasek Bera
UN	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
War Room	Bilik Pemantauan Sumber Hutan
WMP	Pelan Pengurusan Hidupan Liar



AGENDA MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN

LAMPIRAN A

MESYUARAT PRA PROSIDING JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PARLIMEN KELIMA BELAS
BIL. 10 TAHUN 2023
BERTEMPAT DI BILIK JAWATANKUASA 1
TINGKAT 2, BLOK UTAMA, BANGUNAN PARLIMEN

TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
12.12.2023/ **Selasa/** **10.00 pagi**	**PRA PROSIDING** **BIL. 10 TAHUN 2023:** "Auditan Khas Pengurusan Hutan dan Impak kepada Alam Sekitar" *(LKAN 2022 - Auditan Khas Pengurusan Hutan dan Impak kepada Alam Sekitar)*	**JABATAN AUDIT NEGARA:** Yang Berbahagia Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi, Ketua Audit Negara

LAMPIRAN A

MESYUARAT PROSIDING
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PARLIMEN KELIMA BELAS
BERTEMPAT DI BILIK JAWATANKUASA 1
TINGKAT 2, BLOK UTAMA, BANGUNAN PARLIMEN

TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
12.12.2023/ Selasa/ 11.00 pagi	**PROSIDING BIL. 10(A) TAHUN 2023:** "Auditan Khas Pengurusan Hutan dan Impak kepada Alam Sekitar" *(LKAN 2022 - Auditan Khas Pengurusan Hutan dan Impak kepada Alam Sekitar)*	**KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM:** YBrs. Dr. Ching Thoo a/l Kim, Ketua Setiausaha **JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA:** YBhg. Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang, Ketua Pengarah **JABATAN PERHUTANAN SABAH:** YBhg. Datuk Frederick Kugan, Ketua Konservator Hutan **JABATAN HUTAN SARAWAK:** YBhg. Datu Haji Hamden Bin Haji Mohammad, Pengarah

LAMPIRAN A

MESYUARAT PROSIDING
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PARLIMEN KELIMA BELAS
BERTEMPAT DI BILIK JAWATANKUASA 1
TINGKAT 2, BLOK UTAMA, BANGUNAN PARLIMEN

TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
29.01.2024/ Isnin/ 10.00 pagi	**PROSIDING BIL. 10(B) TAHUN 2023:** "Auditan Khas Pengurusan Hutan dan Impak kepada Alam Sekitar" *(LKAN 2022 - Auditan Khas Pengurusan Hutan dan Impak kepada Alam Sekitar)*	**KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN DAYA GUNA AWAM:** YBhg. Dr. Ching Thoo a/l Kim, Ketua Setiausaha **JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA:** YBhg. Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang, Ketua Pengarah **JABATAN ALAM SEKITAR:** YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah **JABATAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR DAN TAMAN NEGARA (PERHILITAN):** YBhg. Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim, Ketua Pengarah **JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS MALAYSIA:** YBhg. Datuk Zamri bin Ramli, Ketua Pengarah **JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI:** YBhg. Datuk Hjh. Sapiah binti Dato' Mohd Nor, Ketua Pengarah

LAMPIRAN A

MESYUARAT PROSIDING
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PARLIMEN KELIMA BELAS
BERTEMPAT DI BILIK JAWATANKUASA 1
TINGKAT 2, BLOK UTAMA, BANGUNAN PARLIMEN

TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
29.01.2024/ Isnin/ 2.30 petang	**PROSIDING BIL. 10(C) TAHUN 2023:** "Auditan Khas Pengurusan Hutan dan Impak kepada Alam Sekitar" *(LKAN 2022 - Auditan Khas Pengurusan Hutan dan Impak kepada Alam Sekitar)*	**KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN DAYA GUNA AWAM:** YBhg. Dr. Ching Thoo a/l Kim, Ketua Setiausaha **JABATAN PERHUTANAN SABAH:** YBhg. Datuk Frederick Kugan, Ketua Konservator Hutan **JABATAN HUTAN SARAWAK:** YBhg. Datu Haji Hamden Bin Haji Mohammad, Pengarah



LAPORAN PROSIDING (HANSARD)



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Selasa, 12 Disember 2023

Bil 10 / 2023

MESYUARAT
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA

Pra Prosiding:
"Auditan Khas Pengurusan Hutan dan Impak Alam Sekitar" (LKAN 2022 – Auditan Khas Pengurusan Hutan dan Impak kepada Alam Sekitar

Jabatan Audit Negara
YBhg. Datuk Nor Salwani binti Muhammad
Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi) (Sektor Audit Prestasi)

PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1,
TINGKAT 2 BLOK UTAMA, BANGUNAN PARLIMEN,
PARLIMEN MALAYSIA

SELASA, 12 DISEMBER 2023

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] - *Pengerusi*
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang] - *Naib Pengerusi*
YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]
YB. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]
YB. Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]
YB. Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]
YB. Datuk Ali anak Biju [Saratok]
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]

Tidak Hadir *[Dengan Maaf]*

YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]
YB. Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Wangsa Maju]
YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]

URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkefli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Encik Amirul Ashyraaf bin Zulkifle [Penolong Setiausaha (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Jabatan Perkhidmatan Awam

Encik Muhammad Fikri bin Karmajaman [Ketua Penolong Pengarah]

Jabatan Peguam Negara

Tuan Zawawi bin Ghazali [Ketua Unit Tanah, Pihak Berkuasa Tempatan dan Jawatankuasa Khas Negara)]
Puan Fatin Afiqah binti Mohamed Shah [Peguam Persekutuan]

Kementerian Kewangan Malaysia
Encik Azize bin Taib [Ketua Seksyen (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]
Puan Nadeema binti Kamaruddin [Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]
Encik Nurul Allbiirr bin Nordin [Penolong Setiausaha Kanan (Pegawai Ketua Pengarah I)]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
Puan Suzana binti Alias [Ketua Cawangan (Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan)]
KPKPj Khairul Nurrahim Ashadi bin Abdullah [Timbalan Pengarah Sektor Pentadbiran Siasatan (Bahagian Siasatan)]

Kementerian Ekonomi
Encik Che Kodir bin Baharum [Pengarah (Bahagian Ekonomi Alam Sekitar dan Sumber Asli)]

Jabatan Akauntan Negara
Datin Rozita binti Aminuddin [Ketua Penolong Pengarah Kanan (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA))]

SAKSI

Jabatan Audit Negara
YBhg. Datuk Nor Salwani binti Muhammad [Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi) (Sektor Audit Prestasi)]
YBrs. Tuan Haji Y Hamdan bin Mohd Dom [Pengarah Audit (Bahagian Audit Prestasi I)]
YBrs. Dr. Sarimah binti Umor [Timbalan Pengarah (Bahagian Susulan Audit)]
Encik A S Sinarao a/l Nagayah @ Nagaraju [Pengarah Audit Negeri [JAN Negeri Sembilan)]
Puan Nurhafiza binti Marsidi [Penasihat Undang-Undang (Unit Khidmat Nasihat Undang-undang)]
Encik Hamzah bin Azhan [Peguam Persekutuan (Unit Khidmat Nasihat Undang-undang)]
Encik Eezwan Hafidz bin Ismail [Penolong Pengarah Audit (Bahagian Audit Prestasi I)]
Encik Rasdi bin Mohamed Razali [Pegawai Khas Pejabat Ketua Audit Negara]
Puan Siti Anisah binti Abdul Rafie [Ketua Unit (Unit Komunikasi Korporat)]
Encik Mohd Faez bin Fauzi Pegawai Khas Pejabat Ketua Audit Negara]
Encik Hasbullah bin Ahmad Juruiring Pejabat Ketua Audit Negara]
Encik Luqmanul Hakim bin Ab Ghaffar [MyStep (Unit Komunikasi Korporat)]
Encik Mas Affendi bin Masarudin [Pegawai Khas (Pejabat Ketua Audit Negara)]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS, PENGGAL KEDUA

Selasa, 12 Disember 2023

Bilik Jawatankuasa 1, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

[Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan selamat datang dan juga selamat pagi kepada semua. Yang Berhormat Naib Pengerusi PAC Parlimen *on time,* Yang Berhormat Wong Shu Qi yang— Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli Parlimen PAC ke-15, ahli-ahli ex-officio PAC yang terdiri dari Jabatan Peguam Negara. AG, ada? Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, SPRM, Kementerian Ekonomi dan juga Jabatan Akauntan Negara. Terima kasih kerana hadir pada mesyuarat pada pagi ini. Hadir di hadapan PAC pada Mesyuarat pra-prosiding pada hari ini adalah yang pertamanya Yang Berbahagia Datuk Nor Salwani binti Muhammad, Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi) mewakili Yang Berbahagia Datuk Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi, Ketua Audit Negara yang mempunyai hal ketentuan yang tidak dielakkan pada pagi ini. Keduanya Yang Berusaha Tuan Haji Y Hamdan bin Mohd Dom, Pengarah Audit. Terima kasih Datuk Timbalan Ketua Audit Negara dan pegawai dari Jabatan Audit Negara kerana hadir dalam mesyuarat pada pagi ini.

Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat sekalian, hari ini PAC akan memulakan prosiding bagi isu auditan khas pengurusan hutan dan impak kepada alam sekitar yang dilaporkan di dalam Ketua Audit Negara bagi tahun 2022, auditan khas pengurusan hutan dan impak kepada alam sekitar pada jam 11.00 pagi. Untuk makluman, pengauditan ini telah pun dijalankan meliputi tempoh bagi tahun 2016 hinggalah 2021 untuk menilai sama ada pengurusan hutan telah dilaksanakan dengan berhemah, cekap dan berkesan untuk mengekalkan kawasan hutan yang mencukupi bagi kementerian perkhidmatan ekosistem, konservasi, kepelbagaian biologi, perlindungan alam sekitar, penggunaan sumber secara berkekalan dan pembangunan sosial ekonomi.

Pihak Jabatan Audit Negara telah mendapati secara keseluruhannya pengurusan hutan di Malaysia telah diuruskan secara berkekalan bagi memberi

manfaat sosial ekonomi dan mengekalkan kelestarian alam sekitar berdasarkan skop pengauditan. Bagaimanapun terdapat kes di mana kelemahan pengurusan hutan bagi aktiviti pembalakan, pembangunan ladang hutan, perlombongan dan juga kuari di dalam hutan simpan kekal telah pun memberi impak negatif kepada alam sekitar berdasarkan sampel audit yang disemak terhadap sembilan negeri.

Justeru, saya berharap Ahli-ahli PAC dapat menggunakan Mesyuarat ini sepenuhnya untuk bertanyakan kepada Yang Berbahagia Datuk Timbalan Ketua Audit Negara dan juga pasukannya bagi memahami isu ini dengan lebih mendalam dan pada masa yang sama saya berharap Datuk Timbalan Ketua Audit Negara juga boleh berkongsi soalan-soalan yang patut ditanyakan oleh Ahli-ahli PAC ini kepada sesi selepas ini terutama sekali saksi-saksi Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim yang akan hadir pada 11.00 pagi nanti. Kebetulan sama dengan Saratok punya portfolio sebelum ini ya. Jadi...

Seorang Ahli: *[Tidak jelas]*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *[Ketawa]* Sebelum itu saya tanpa membuang masa, saya mempersilakan pertamanya Yang Berbahagia Datuk Nor Salwani binti Muhammad, Timbalan Ketua Audit Negara untuk memulakan pembentangan. Dipersilakan Yang Berbahagia Datuk. Terima kasih.

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi) (Sektor Audit Prestasi), Jabatan Audit Negara]: Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* salam Malaysia Madani, salam sejahtera. Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin, Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Yang Berhormat Datuk Wong Shu Qi, Naib Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Yang Berhormat Datuk-datuk, Tuan-tuan, Ahli Jawatankuasa PAC, wakil-wakil daripada agensi pusat, tuan, puan, pengarah-pengarah audit yang dihormati sekalian.

Saya mulakan dengan satu *line* ayat. *"Lindungi hutan kita untuk imbangi ekosistem dan alam semula jadi". So,* itulah yang akan kita bentangkan pada pagi ini. Yang Berbahagia Datuk, Tuan, Puan, YB Ahli Mesyuarat yang dihormati sekalian, izinkan saya menyampaikan taklimat ringkas mengenai auditan khas pengurusan hutan dan impak kepada alam sekitar yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit negara (LKAN) tahun 2022 yang dibentangkan pada 22 November 2023.

Kalau kita tengok kat sini, ada Laporan Ketua Audit Negara tahun 2022. Ini adalah di peringkat *federal* dan di sebelah saya ada sembilan laporan hutan negeri. *So,* yang kita rujuk pada pagi ini *basically* adalah yang melibatkan peringkat *federal* dan sembilan yang berkenaan adalah *detail* berkaitan setiap negeri. *So,* sekiranya ia berbangkit melibatkan negeri, kita akan merujuk kepada laporan untuk setiap negeri.

Yang dalam laporan *federal* adalah ringkasan kepada yang dilaporkan di peringkat negeri.

So YB Datuk, Tuan, Puan yang dihormati sekalian, *so* sebagaimana yang kita sedia maklum, Malaysia merupakan sebuah negara tropika yang meliputi keluasan tanah seluas kira-kira 33 juta hektar. Dasar Perhutanan Malaysia yang diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN) ke-78 pada 29 Januari 2021 menetapkan bahawa sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keluasan tanah negara dikekalkan sebagai hutan dan liputan pokok. Kalau kita lihat kepada Laporan Ketua Audit Negara, ia kita perincikan latar belakang secara *detail* dalam muka surat 2.

So, bagi tujuan pengauditan terhadap auditan pengurusan hutan dan impak kepada alam sekitar, ia dilaksanakan untuk menilai sama ada pengurusan hutan dilaksanakan dengan berhemah, cekap dan berkesan. Itulah yang kita katakan pengauditan prestasi yang dijalankan di Jabatan Audit Negara. *So,* kawasan hutan yang mencukupi perlu dikekalkan bagi kepentingan perkhidmatan ekosistem, konservasi, kepelbagaian biologi, perlindungan alam sekitar, penggunaan sumber secara berkekalan dan pembangunan sosial ekonomi.

Jadi skop kita adalah meliputi pengauditan dari tahun 2016 hingga 2021 sebagaimana yang dinyatakan oleh YB Pengerusi tadi meliputi sembilan negeri. *So,* sembilan negeri berkenaan ada kita bawa laporan bersama kita pada pagi ini. *So,* pengauditan dilaksanakan melalui semakan fail, lawatan tapak dan temu bual, analisis data, cerapan imej satelit dan juga khidmat pakar perunding. *So* kita dalam kata lain, kita merujuk kepada pakar-pakar yang berkenaan, bukan sahaja dalaman tetapi pihak-pihak dalam industri yang berkenaan.

Sedikit latar belakang. Secara amnya terdapat 95 jabatan atau agensi Persekutuan dan agensi negeri yang terlibat dalam mengendalikan pengurusan hutan. Kementerian jabatan utama adalah Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan Perhutanan Negeri, Jabatan Perhutanan Sabah yang kita kenali sebagai JPS dan Jabatan Hutan Sarawak (JHS). Bagaimanapun, usaha bagi memastikan pelaksanaan pengurusan hutan ini dapat berjalan dengan baik turut melibatkan peranan dan fungsi tanggungjawab bersama pelbagai jabatan dan agensi di peringkat Persekutuan mahupun di peringkat negeri.

Seterusnya— slaid seterusnya. Bagi tujuan rumusan audit. Saya mulakan pembentangan kami dengan rumusan audit. Sebagaimana yang telah kita bentangkan semasa Laporan Ketua Audit Negara pada 22 November 2023 lalu, secara keseluruhannya dapat dirumuskan bahawa pengurusan hutan di Malaysia telah diurus secara berkekalan bagi memberi manfaat sosioekonomi dan

mengekalkan kelestarian alam sekitar. Liputan hutan setakat 31 Disember 2021 adalah selaras dengan komitmen negara untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keluasan tanah negara sebagai kawasan berhutan. *So* kalau kita tengok di sini, Semenanjung Malaysia 43.2 peratus, Sabah 63.6 peratus, Sarawak 61.4 peratus.

■1010

Secara *average*-nya, ianya adalah mencapai ataupun mengekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keluasan tanah negara.

Sektor perhutanan juga memberi impak yang positif terhadap aspek ekonomi. Bagaimanapun, terdapat kes di mana kelemahan dalam pengurusan aktiviti pembangunan ladang hutan, pembalakan, perlombongan dan kuari di kawasan Hutan Simpanan Kekal, yang kita namakan HSK. Ianya telah memberi impak negatif kepada aspek sosial dan alam sekitar.

Seterusnya, pencapaian output berdasarkan litupan hutan, pewartaan, projek pembangunan ladang hutan serta rangkaian ekologi. Aspek yang menunjukkan impak negatif adalah litupan hutan, jika kita tengok di skrin... *[Merujuk pada paparan di skrin]* Pewartaan, projek pembangunan ladang hutan dan rangkaian ekologi. Kita boleh merujuk secara *detail*-nya dalam LKAN pada muka surat 6.

Saya ringkaskan di sini ialah, pertamanya, litupan hutan di Malaysia adalah sebanyak 55.2 peratus bersamaan 18.24 juta hektar pada tahun 2016 bertambah kepada 54.6 peratus bersamaan 18.05 juta hektar pada tahun 2021. Ianya selaras dengan komitmen negara untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keluasan tanah negara dengan litupan kawasan berhutan. Bagaimanapun, litupan hutan menunjukkan trend menurun iaitu 55.2 peratus pada tahun 2016 seperti yang dinyatakan pada skrin... *[Merujuk pada paparan di skrin]*

Kedua, pewartaan hutan simpan kekal di Malaysia telah melebihi penyahwartaan seluas 39,868 hektar bagi tempoh 2016 sehingga 2021.

Ketiganya, rangkaian ekologi adalah merupakan habitat hutan yang menyambung atau membolehkan pergerakan hidupan liar antara pulau hutan. Rangkaian ini merangkumi *Central Forest Spine* (CFS) di Semenanjung Malaysia dan inisiatif *Heart of Borneo* (HoB) di Wilayah Sabah dan Sarawak. Sehingga tahun 2021, sebanyak 145 strategi atau 41 peratus daripada 356 strategi CFS belum dilaksanakan. Manakala lima daripada 16 sasaran HoB ataupun *Heart of Borneo* Wilayah Sabah tidak tercapai serta HoB Wilayah Sarawak pula tidak tercapai...

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Ahli PAC]: Datuk, minta maaf.

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [Jabatan Audit Negara]: Ya.

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Ahli PAC]: Sebab tadi Datuk maklumkan yang strategi *Central Forest Spine* belum dilaksana, lepas itu strategi

Heart of Borneo tidak tercapai, apa perbezaan antara belum laksana dengan tidak tercapai, ya? Kalau boleh bagi itu sikit. Tak faham saya.

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [Jabatan Audit Negara]: Yang kita nyatakan tadi, merangkumi ini, yang tidak tercapai— HoB Sabah dan Sarawak tidak tercapai. *So,* berdasarkan dia punya sasaran, tidak mencapai empat daripada enam sasaran yang ditetapkan. Itu maksud dia tak tercapai, YB.

Tadi merujuk kepada CFS ataupun *Central Forest Spine* di Semenanjung Malaysia, ini dikatakan belum dilaksanakan. Maknanya, perkara ini belum dilaksanakan. Kita merujuk kepada muka surat 27. *So,* perkara ini belum lagi dilaksanakan, YB.

Saya rasa tunjuk— boleh tunjukkan slaid berkenaan? *[Merujuk kepada Sekretariat]* Slaid untuk LKAN muka surat 27. Ataupun ini— saya rasa yang ini lebih senang, YB. *[Merujuk pada paparan di skrin]* Ini berkenaan dengan pencapaian output yang YB sebutkan tadi.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Apa perbezaan antara ini?

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [Jabatan Audit Negara]: Ini melibatkan pelaksanaan yang belum dibuat. Yang keduanya, sasaran dah ada tapi tak capai.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Tapi yang *41 percent* itu maknanya belum laksana. Belum laksana, *zero*, kan? Kalau belum laksana, maknanya *zero*-lah, kan?

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [Jabatan Audit Negara]: Ya.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *So,* kalau dia *41 percent,* maknanya adakah itu HoB itu?

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [Jabatan Audit Negara]: Sekejap, ya.

Encik A S Sinarao a/l Nagayah @ Nagaraju [Jabatan Audit Negara]: YB Datuk, boleh saya bagi penerangan sedikit? Okey, yang berkenaan dengan CFS ini, yang ini adalah strategi di Semenanjung Malaysia.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Sebelum itu, saya minta maaf, ya.

Encik A S Sinarao a/l Nagayah @ Nagaraju [Jabatan Audit Negara]: Okey.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Boleh tak kenalkan diri? Sebab, kita tak ada data nama Tuan siapa, daripada mana.

Encik A S Sinarao a/l Nagayah @ Nagaraju [Jabatan Audit Negara]: Okey, saya A Sinarao Nagayah @ Nagaraju, Ketua Pasukan. *So,* untuk yang...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Sekejap.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Daripada hutan atau daripada Audit Negara juga?

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [Jabatan Audit Negara]: Encik Sinarao adalah Ketua Pasukan Audit yang menjalankan pengauditan.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, *alright.*

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [Jabatan Audit Negara]: Encik Sinarao, sila.

Encik A S Sinarao a/l Nagayah @ Nagaraju [Jabatan Audit Negara]: Okey, untuk status kemajuan ini, seperti mana yang telah diterangkan dalam muka surat Rajah 9, *so*, benda ini lebih kepada penerangan strategi pelaksanaan kemajuan berdasarkan pelan induk CFS itu sendiri. *So,* dalam ini, kita kategorikan berapa *percent* yang siap, yang sedang dilaksanakan. Yang 145 atau 41 *percent* itu adalah yang belum dilaksanakan. Maknanya, masih belum dimulakan lagilah.

Untuk yang *Heart of Borneo* pula, yang itu adalah inisiatif di peringkat Sabah dan Sarawak untuk— dia ada pecahkan dalam dua bentuk pula. Pencapaian itu adalah dalam bentuk *output* dan *outcome.* Yang itu ada perbezaan dialah. Perbezaan apa yang belum dilaksanakan. Untuk HoB ini, dia tidak tercapai dan belum tercapai. Dia punya definisi untuk Semenanjung, dia guna terma belum dilaksanakan. Di Sabah dan Sarawak, dia berdasarkan— kita letak capai dan tidak dicapai.

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [Jabatan Audit Negara]: Kita merujuk kepada...

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Nampaknya Ahli PAC ini masih lagi keliru.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Bagi dalam bahasa yang mudah untuk penjelasan itu. Kita ini *background* macam-macam.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Kalau saya boleh tanya. Kalau belum laksana itu *41 percent,* belum laksana, maknanya adakah sasaran tercapai? Ataupun macam mana? Yang satu lagi, kalau strategi *Heart of Borneo* itu tidak tercapai tetapi berapa *percent* pula yang sudah dilaksana? Kenapa dia ada perbezaan? Jadi, kita nak bandingkan dua-dua pun tak boleh *because it is different term.*

Encik A S Sinarao a/l Nagayah @ Nagaraju [Jabatan Audit Negara]: Boleh saya tambah lagi? Untuk yang CFS ini, dia punya tempoh pelaksanaan adalah dari tahun 2010 hingga tahun 2025. *So*, yang ini adalah status dia sehingga tahun 2021. *So*, dia ada lagi tempoh pelaksanaan dia sehingga tahun 2025. *So,*

berdasarkan pencapaian ini, di peringkat kementerian, dia telah membuat kajian semula untuk melihat semula sejauh mana, kenapa pelaksanaan ini belum dilaksanakan. Yang itu ada dalam detil dalam maklum balas. Untuk detil apa status sekarang ini, kita boleh tanya pada pihak kementerianlah selepas ini.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi, boleh minta pencerahan tidak, Datuk? Kita semua ini *layman.* Dalam bidang hutan ini, *layman*. Kita pakar-pakar lain. *[Ketawa] So,* kita nak minta pencerahan sikitlah.

Tadi disebut strategi *Central Forest Spine* belum laksana, kita gunakan terma ini di Semenanjung. *Confirm*?

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [Jabatan Audit Negara]: Betul, YB.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Satu lagi, strategi *Heart of Borneo,* kita pakai *term 'tidak tercapai'*. Kenapa kita pakai *term* yang berbeza antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak?

Satu lagi saya nak minta pencerahan. Di atas itu ditulis, *"Pewartaan 39,868 hektar lebihan masuk warta"*. Boleh bagi pencerahan sikit tak dua benda ini? Terima kasih banyak.

■1020

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Sebelum itu Datuk, *following up* dengan apa yang Datuk Wira— Dato' Kubang Pasu maklumkan tadi. Berkenaan dengan *term* ini, yang digunakan ini *term* Jabatan Audit sendiri yang gunakan ataupun ini *term* yang digunakan oleh *auditee?*

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [Jabatan Audit Negara]: YB, untuk *term* yang kita nyatakan itu adalah *term* yang digunakan oleh *auditee*. Ianya melingkungi belum melaksana ataupun tidak tercapai. Kami di Jabatan Audit Negara merujuk kepada *term* atau pengukuran yang digunakan. *So,* dalam kes *Central*— SCF ini, dia menggunakan belum dilaksanakan sebab perkara tersebut belum berakhir lagi tempohnya belum berakhir. Manakala *Heart of Borneo* dinyatakan status tidak tercapai. Ianya dibuat berdasarkan maklum balas yang kita terima daripada dua pihak berkenaan.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Why don't we standardized*, selaraskan supaya kita semua faham, kan? Bukan kata kita tapi yang lain juga. *Why don't we standardized* Sabah Sarawak dan Semenanjung *use term* yang sama?

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Itu kita boleh cadangkan.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Boleh cadangkan? *[Ketawa]*

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [Jabatan Audit Negara]: Terima kasih YB. Saya rasa kita— pihak kita boleh rujuk kepada kementerian berkenaan lah sebab ini. Terima kasih YB. Tapi kami akan tengok lah, melihat dua perkara itu. Tapi *basically* kedua-duanya adalah daripada pihak kementerian dan juga pihak agensi berkenaan. Terima kasih.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Pengerusi, bolehkah Datuk— bolehkah saya tanya berapakah peratus projek ladang hutan kerana kita tahu projek ladang hutan itu berada di dalam hutan simpanan kekal ya. Jadi, hutan simpanan kekal dikeluarkan sedikit untuk projek ladang hutan. *So,* total berapa peratus dah daripada hutan simpan kekal?

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [Jabatan Audit Negara]: Boleh paparkan di skrin. Sekejap YB, kita akan paparkan di skrin mengenai projek ladang hutan. *So* YB, berdasarkan pertanyaan YB tadi ini adalah ladang— peratus ladang hutan yang inisiatif kerajaan mengurangkan kebergantungan kepada hutan asli dan bekalan kayu yang berterusan. *So,* ini melibatkan pembangunan ladang hutan yang ditanam 0.8 juta hektar, belum ditanam 0.69 juta hektar.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Tadi *total* hutan simpanan kekal itu berapa juta hektar?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [Jabatan Audit Negara]: Kalau saya sebelum– *team* boleh cari ya, tapi sebelum itu berdasarkan kepada Data Hutan Nasional, litupan kawasan berhutan Malaysia secara umum yang saya maklum adalah merangkumi kawasan hutan simpan seluas 10.68 juta hektar ataupun 32.3 peratus. Kita akan bagi data, ada? Boleh paparkan data?

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Mengikut rumusan Audit, liputan hutan bagi tahun 2021 seluas 18.05 juta hektar. Itu betul, kan? Itu termasuk hutan simpan kekal, apa lagi ya— liputan hutan itu maksudnya apa? Dia punya takrifan?

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [Jabatan Audit Negara]: Kita merujuk kepada di muka surat— carta 1, Kawasan Berhutan dan Tidak Berhutan di Malaysia Bagi Tahun 2020. Ini data yang kita dapat YB. *So*, kawasan tidak berhutan 15.02 juta hektar, kawasan berhutan 18.05 juta hektar, berdasarkan laporan kita di latar belakang.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Datuk Pengerusi, nak– ini CFS balik. Muka surat 28 LKAN, rajah 9 Status Kemajuan Pelaksanaan Strategi Pelan Induk CFS. Saya lihat ada satu negeri ini, dia lah yang bawa *down* semuanya ini kan. Sebab dia ada 6.6 peratus sahaja tapi strategi ada 136 strategi berbanding dengan yang lain. Katakan Selangor 13 strategi sahaja, yang ini 136 strategi. Maknanya lebih

100 daripada orang lain, kan? *So,* apa maksud ini? Kenapa begini? Kenapa banyak sangat dan apa sebenarnya yang berlaku ini?

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [Jabatan Audit Negara]: Minta ketua pasukan *detail*-kan. Encik Sinarao.

Encik A S Sinarao a/l Nagayah @ Nagaraju [Jabatan Audit Negara]: Kalau strategi ini, okey seperti mana yang kita— Datuk maklum tadi, dia berkenaan dengan pergerakan habitat ya, menyambungkan satu-satu kawasan hutan dengan satu lagi kawasan hutan. *So*, kalau kita tengok dalam Semenanjung Malaysia ini, yang warna hijau itu adalah kita punya kawasan *forest cover*.

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [Jabatan Audit Negara]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Besar sikit, sikit.

Encik A S Sinarao a/l Nagayah @ Nagaraju [Jabatan Audit Negara]: Boleh tak kita rajah, ha okey. Atau kita tunjuk rajah 8.

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [Jabatan Audit Negara]: Rajah, rajah.

Encik A S Sinarao a/l Nagayah @ Nagaraju [Jabatan Audit Negara]: Ha, okey okey. Kalau kita *understanding* ya. *So,* yang ini kalau yang warna hijau muda itu adalah kita punya *forest cover.* Yang warna biru itu adalah untuk rangkaian utama, maknanya dia akan ada inisiatif-inisiatif untuk menyambungkan antara satu hutan dengan satu hutan. *Because of* kita punya hutan di Semenanjung Malaysia ini lebih kepada kawasan yang tengah-tengah ini yang untuk Pahang. *That's why* yang dia punya ini inisiatif yang untuk di Pahang itu lebih tinggi berbanding dengan negeri-negeri yang lain. *So,* kalau kita dah turun ke bawah itu *will be*– kawasan macam Selangor itu, dah ada banyak pembangunan. *So,* inisiatif dia— dia punya hutan-hutan itu dah kurang. *So, that's why* yang dia punya inisiatif itu kurang.

Apa yang dalam CFS ini dia hendak *cover* dari sudut *connectivity* dia. Maknanya untuk pergerakan hidupan liar, antara pulau dengan pulau. *So,* kalau kita tengok contoh-contoh inisiatif dia, contoh dia akan buat pengambilan tanah, dia akan buat pewartaan, dia akan *reserve*-kan kawasan *reserve* perlindungan, mewujudkan pembangunan untuk memperkukuhkan laluan hidupan liar. *So,* yang itulah antara inisiatif-inisiatif yang dia buat lah. *So,* berbanding dengan yang negeri-negeri yang memang tidak ada hutan tu, inisiatif itu kurang sedikit.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Okey. Bilanya banyak sangat itu, *is it realistic? Is it achievable?*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *25* ya? *This* strategi kan?

Encik A S Sinarao a/l Nagayah @ Nagaraju [Jabatan Audit Negara]: Ya, betul.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Ni 2024 dah dekat.

Encik A S Sinarao a/l Nagayah @ Nagaraju [Jabatan Audit Negara]: Tapi daripada kajian semula pelan induk rangkaian ini, kementerian bersama dengan PLANMalaysia dia dah buat *revision* pada 20 Julai 2022. *So,* dia macam dah *extend* sehingga tahun 2040. Dia ada dah strategi yang baharu lah. Nanti kita boleh dapatkan *update* daripada *auditee* nanti. *So,* kalau kita tengok daripada pelan induk sendiri, maknanya dia pecahkan dalam tiga kategori utama iaitu sangat penting, maknanya memerlukan tindakan segera. Lepas itu yang sederhana, yang boleh dilaksanakan secara sederhana dan hijau ialah perlu kajian terperinci sebelum pelaksanaan. *So,* dia ada inisiatif-inisiatif yang baharu lah.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Minta teruskan.

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [Jabatan Audit Negara]: Okey, terima kasih YB. Seterusnya berkaitan dengan pencapaian *output.* Kalau kita lihat di sini ada kita telah terangkan tadi. Seterusnya, slaid seterusnya. Seterusnya, slaid 5 berkenaan dengan pencapaian keberhasilan.

Pencapaian keberhasilan dinilai berdasarkan kepada aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar melibatkan empat perkara iaitu industri perhutanan, kesejahteraan masyarakat dan hidupan liar, kawasan sensitif alam sekitar serta kesan kepada alam sekitar.

■1030

Aktiviti perhutanan memberi impak positif kepada ekonomi negara dan menyumbang kepada hasil negeri. Laporan penyata kewangan dan belanjawan negeri seperti mana yang telah dibentangkan kepada Dewan Rakyat ataupun Dewan Negeri telah menetapkan sasaran kutipan hasil hutan bagi negeri masing-masing. Sehubungan itu, hasil hutan merupakan salah satu sumber hasil kepada kerajaan negeri yang menyumbang kepada negara Malaysia sejumlah RM6.811 bilion bagi tahun 2016 sehingga 2021. Bagaimanapun, perlu diperhatikan juga bahawa kutipan hasil hutan tersebut mengikut wilayah menunjukkan trend penurunan dalam tempoh berkaitan seperti mana yang dipaparkan di sini. *So*, kita paparkan mengenai Sarawak, Semenanjung dan Sabah. Ketiga-tiganya menunjukkan trend penurunan.

Seterusnya penilaian terhadap kesejahteraan masyarakat dan hidupan liar juga menunjukkan operasi pengurusan hutan telah memberi impak yang negatif. Adalah didapati bahawa sejumlah 56,349 aduan kehidupan liar ataupun aduan hidupan liar diterima dari tempoh tahun 2016 sehingga 2021 melibatkan haiwan seperti kera, babi hutan, musang pandan, gajah, beruk dan lain-lain. Seperti kita perincikan dalam muka surat 41, carta 28. Selain itu sejumlah 2,562 kes *roadkill* dilaporkan dalam tahun 2016 sehingga 2021. Kehilangan habitat punca utama yang

menyebabkan kehidupan liar keluar daripada habitat asal yang berpotensi untuk bertembung dengan manusia dan mewujudkan konflik manusia-hidupan liar. Ini kita terangkan dalam muka surat 43 dalam Laporan Ketua Audit Negara.

Kalau kita merujuk kepada pencapaian keberhasilan impak alam sekitar pula, semakan mendapati berlaku 49 kes atau aktiviti di kawasan sensitif alam sekitar dan 526 kes pelanggaran terhadap syarat kelulusan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) daripada aktiviti usaha hasil perlombongan, projek PLH ataupun Projek Ladang Hutan pencerobohan dan sebagainya. Perkara ini memberi impak negatif kepada alam sekitar seperti pencemaran udara, pencemaran sumber air, runtuhan tanah dan banjir. Semuanya kita perincikan dalam Laporan Ketua Audit Negara muka surat 51 sehingga muka surat 55.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi, boleh saya minta pencerahan sikit Datuk, boleh tak?

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [Jabatan Audit Negara]: Baik YB.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Disebutkan tadi dan kita lihat di graf itu, terdapat penurunan daripada *revenue* dan diperolehi daripada hutan dari semua negeri dan juga termasuk Semenanjung. Sarawak nampak dia turun mendadak daripada 2019, 2018 kepada 2021. Apakah sebabnya? Kita dapati Sabah dia naik sikit. 2020 sampai 2021. Ini mungkin pasal pandemik kot. Lebih kurang tambakan hutan ini. Lagi satu apa dia dan apakah kriteria yang digunakan untuk kita tetapkan setiap negeri ini diberikan dia punya catuanlah, *limit*-kan yang balak boleh ditebang. Saya dulu dalam kerajaan negeri selalu melihat perkara-perkara ini.

Lagi satu berhubung dengan ladang hutan ini, apakah dasar kita apa ini ladang hutan? Saya di Kedah pun ada juga ladang hutan menjadi kontroversi pelbagai yang kita dengar dan juga baru-baru ini. Apakah dasar kita tentang ladang hutan? Kadang-kadang dia tebang hutan, dia nak buat ladang tetapi ladang tak jadi. Kadang-kadang dia jadi benda lain. *So*, macam mana dasar kita? Terima kasih Datuk Wira Pengerusi.

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [Jabatan Audit Negara]: Terima kasih YB. Jika kita melihat kepada laporan kita, kita berdasarkan data. Pertamanya kalau kita tengok graf yang pertama itu berdasarkan penyata kewangan. *So*, mungkin YB pertanyaan yang eloklah untuk dikemukakan kepada pihak *auditee* sekejap lagi di jam seterusnya. Itu memang kita di JAN pun sentiasa bertanyalah tetapi soalan yang tepat. Mungkin daripada pihak *auditee* ataupun kementerian berkenaan. Isu...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Bagi negeri yang pendapatan hasil tahunannya tak tinggi, dia tak banyak sumber. Hutan ini ataupun balak dia menjadi salah satu sumber kewangan yang *significant* pada negeri-negeri

tersebutlah. Macam Sabah, Sarawak itu saya nampak *because* dia ada *oil and gas*. *So*, dia boleh pertahankan jaga hutan dan sebagainya. Boleh dapat pencerahan tak?

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [Jabatan Audit Negara]: Boleh kita *share slide* hasil? Ada? YB saya *share*-kan *slide* hasil hutan mengikut negeri?

Tuan Haji Y Hamdan bin Mohd Dom [Jabatan Audit Negara]: Sedikit YB ya. Sebenarnya itu tujuan ladang hutan sebenarnya untuk mengembalikan hasil hutan sebab di hutan asli itu gunakan usul hasil yang telah ditebang, manakala bila dah selesai itu ditanam untuk tujuan ladang hutan tadi untuk menambah balik hasil tetapi ada isu-isu di ladang hasil jugalah untuk ladang hutan jugalah untuk kita perhatikan. Cuma biasa daripada segi ekonomi tadi, kalau kita lihat di sini...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Contoh buat *monitoring* tak? Bila dia tebang hutan dia nak buat ladang hutan. Adakah kita *monitor* pantau supaya dia betul-betul laksanakan ladang hutan ini? *[Disampuk]* Tak kiralah dari mana pun. Semua di...

Tuan Haji Y Hamdan bin Mohd Dom [Jabatan Audit Negara]: Sepatutnya YB tetapi telah kita paparkan isu-isu bahawa ada yang bertanam tadi dan ada juga ada ditanam dengan spesies lain-lain. Jadi, itu merupakan satu ancaman jugalah kepada pembangunan ladang hutan.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Kalau ditanam dengan getah, adakah itu dianggap sebagai sama dia punya kesan dia dengan hutan-hutan yang *[Tidak jelas]*.

Tuan Haji Y Hamdan bin Mohd Dom [Jabatan Audit Negara]: Kita *concern* yang tanam di selain contohnya kelapa sawit ada tanam. Durian, nanas merupakan contoh-contoh spesies tanaman yang tidak...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Kalau nanas ini dia tidak ada apa bantulah?

Tuan Haji Y Hamdan bin Mohd Dom [Jabatan Audit Negara]: Ia ada berlaku.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Pasal nanas ini rendah ya. Getah mungkin bolehlah juga kan.

Tuan Haji Y Hamdan bin Mohd Dom [Jabatan Audit Negara]: Cuma kalau getah tetapi ada yang tak menjadi tanaman berkenaan. Maknanya tak *follow* kepada jadual yang sepatutnya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Jadi, banyak negeri yang tak ikut dia punya kriteria lah kan? Dia mesti *something equivalent or* entahlah. Jauh sangat beza dia daripada segi menjaga alam sekitar.

Tuan Haji Y Hamdan bin Mohd Dom [Jabatan Audit Negara]: Tadi yang berkaitan dengan hasil tadi kalau kita tengok daripada segi— contohnya maknanya

yang bergantung tinggi kepada hasil contohnya negeri lah. Contoh Kelantan. Daripada carta ini dah kita tunjukkan dan pengurangan yang drastiklah daripada contohnya negeri Johor pengeluaran yang tinggi kepada hasil hutan. Daripada 2016 hingga 2021, carta kita.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Datuk Wira Pengerusi, saya ingin tanya iaitu ditunjuk di dalam *slide* ini, keberhasilan Johor yang turun secara mendadak yang paling tinggi. *Percentage* yang paling tinggi. Apa sebab ataupun ada apa penerangan daripada jabatan berkenaan di peringkat negeri tak?

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [Jabatan Audit Negara]: Terima kasih YB. Kalau kita melihat kat sini pengurangan tertinggi adalah Johor. Salah satu puncanya adalah moratorium yang di Johor dan juga di Selangor. Dua negeri tersebut ada moratorium sendiri.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Tetapi Kedah pun tinggi juga ini. 44 peratus Kedah dari Johor.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Apa moratorium itu?

Encik A S Sinarao a/l Nagayah @ Nagaraju [Jabatan Audit Negara]: Okey YB. Mungkin saya tambah. Salah satu punca penurunan ini. Setiap hasil ini salah satu punca utama adalah *because of pandemic*-lah. Kedua ada *certain* negeri contohnya Johor dengan Selangor mengenakan moratorium untuk tempoh 25 tahun. Tak ada penebanganlah. Tak ada penebangan untuk usaha hasil. *So*, *that's why* yang automatik kita nampak ada pengurangan. *[Disampuk]* Dia tak bagi tebang.

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [Jabatan Audit Negara]: YB, apabila dia tak lagi tebang, maknanya hasilnya berkurang. Itu maksud saya berkaitan dengan moratorium.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Dato' Kubang Pasu, ada yang nak tanya ke?

■1040

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Saya nak tanya sikitlah. Saya ingat ini berlaku bukan sahaja satu dua negeri, saya ingat kebanyakan negeri. Orang tebang hutan ini secara *illegal*. Memang banyak. Apakah pemantauan yang kita laksanakan? Kadang-kadang kita tahu situ tak ada lesen, tetapi kita tengok kayu balak turun banyak dalam sungai. *So*, apa kita punya— itu pun masalah besar bagi negara kita. Dari segi penguatkuasaan itu, *I think there is something* yang kita kena lihatlah. Dia memberi kesan kepada saiz hutan kita. Dalam masa yang sama, kita tak dapat hasil dari apa yang ditebang. Memang banyak berlaku. Boleh dapat pencerahan tak?

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [Jabatan Audit Negara]: YB, kita di Jabatan Audit Negara— saya rasa soalan itu tepat dikemukakan kepada kementerian berkenaanlah. Mungkin selepas ini kementerian boleh menjelaskan.

Satu lagi *concern* kita, berkenaan dengan penanaman pokok bukan spesies ladang hutan pun ada yang ditanam. Tetapi, di negeri, dia boleh meluluskan tanaman tersebut seperti mana yang— contohnya, durian diluluskan oleh kerajaan negeri, walaupun ia bukan ladang hutan. Dan juga ada durian yang tidak diluluskan oleh kerajaan negeri. *So*, peringkat ini adalah tertakluk kepada kerajaan negeri.

Satu lagi saya nak menjawab kepada soalan YB tadi berkenaan dengan pokok yang— pokok getah, contohnya. Pokok getah adalah spesies ladang hutan. Tetapi, beberapa pokok yang lain macam kita kata durian, walaupun tidak ladang hutan tetapi mendapat kelulusan, adalah *legal*. Tetapi, ada di negeri-negeri tertentu tidak mendapat kelulusan, contohnya, adalah tidak *legal* dari segi perundangan. *So*, dia tertakluk kepada negeri. Detil, kita ada nyatakan dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk setiap negeri, YB.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Tak adakah panduan daripada Jabatan Hutan peringkat Persekutuan untuk mengawal benda-benda yang macam ini? Dia perlu ada garis panduan, kan? *In fact*, catuan pun kita guna dan kita ikut panduan daripada Kerajaan Persekutuan. Kalau nak buat ladang hutan, boleh tidak dia tebang balak ini tetapi dia kena syarat dia jenis inilah. Macam getah boleh tanam, yang lain tak boleh. Perlu diadakan pemantauan. Kalau tidak, dia tebang balak, dia tanam nanas, kita tak boleh buat apa. *So, at the end of the day, we defeat the purpose*. Terima kasih.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Datuk Timbalan boleh menjawab soalan ini. Lepas itu, saya minta Datuk Timbalan selesaikan semua *presentation*. Sebab, masa tinggal lagi 15 minit.

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [Jabatan Audit Negara]: Okey, baik, YB. Kita di dalam Rajah 39— saya ringkaskan— proses pembangunan ladang hutan di Semenanjung Malaysia. *So*, perkara ini kita detilkan dalam muka surat 109. Mungkin, jika ada masa di akhir ini, kita cuba jelaskan. Jika tidak, YB boleh merujuk kepada proses melibatkan pembangunan ladang hutan yang skop yang boleh diambil kira dan juga proses-proses yang terlibat. Sebab, apa yang dinyatakan, ditanya tadi ada diperincikan dalam muka surat 109.

So, saya mohon izin untuk teruskan menyelesaikan apa yang perlu diselesaikan dan sekiranya ada masa, kita akan menjelaskan soalan-soalan yang berbangkit.

So, seterusnya berkaitan dengan pencapaian isu pengurusan aktiviti perusahaan perhutanan. Slaid 6 ya, berkaitan dengan isu pengurusan. *So,* dalam kes ini, apabila kita merujuk kepada slaid berkenaan, Pengarah Perhutanan Negeri adalah bertanggungjawab bagi memastikan pemantauan dan pengawalan sentiasa dijalankan ke atas aktiviti supaya setiap garis panduan, syarat dan peraturan yang ditetapkan adalah dipatuhi. *That's why* setiap negeri, kita ada laporan sendiri berkaitan dengan perhutanan di negeri masing-masing. Sembilan negeri yang kita nyatakan di sini.

So, merujuk kepada aktiviti usahasil hutan dan impak kepada alam sekitar adalah didapati berlaku 25 kes ketidakpatuhan syarat lesen EIA aktiviti selepas penuaian, tiga kes ketidakpatuhan garis panduan berkaitan, empat kes ketidakpatuhan Perintah Peraturan Kualiti Alam Sekeliling, dua kes ketidakpatuhan manual perhutanan berkaitan aktiviti usahasil dan satu kes ketidakpatuhan Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia. Semuanya kita gariskan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang kita nyatakan daripada muka surat 43 sehinggalah muka surat 70 yang menjelaskan terhadap perkara-perkara yang kita nyatakan dalam slaid ini. Kesannya, menjejaskan objektif pengurusan hutan secara berkekalan.

Seterusnya, slaid tujuh, berkaitan dengan isu pengurusan aktiviti perhutanan yang melibatkan perlombongan. Aktiviti perlombongan boleh menyebabkan kesan yang ketara ke atas persekitaran sosial, biologi dan fizikal tapak serta kawasan sekitarnya yang memerlukan langkah mitigasi yang luas dan berkesan. Pematuhan kepada garis panduan Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia dan garis panduan EIA mengenai perlombongan akan memastikan aktiviti yang memberi kesan dapat dirancang dan dilaksanakan dengan betul.

Bagaimanapun, berdasarkan semakan Jabatan Audit Negara ke atas aktiviti perlombongan ini, terdapat sembilan kes perlanggaran Akta Perhutanan Negara 1984 dan Akta Pembangunan Mineral 1994 bagi aktiviti perlombongan. Penemuan ini memberi impak negatif kepada alam sekitar serta kecacatan kekal di kawasan tersebut. Ia juga menyukarkan pemulihan kawasan perlombongan yang telah diteroka kerana kesan yang terhasil menyebabkan impak besar kepada fungsi biodiversiti, ekosistem hutan dan dirian tinggal.

Seterusnya, slaid lapan. Sebelum itu, kesan daripada perkara yang perlombongan. Perlombongan tadi, kesan yang ketara adalah impak negatif kepada alam sekitar serta kecacatan kekal kepada kualiti hutan dan persekitarannya yang ingin kita tekankan di sini.

Seterusnya, slaid lapan. Slaid lapan berkenaan dengan pengkuarian. Berdasarkan perundangan utama yang mengawal operasi pengkuarian di Malaysia

adalah Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 yang menerangkan berkaitan dengan pelupusan tanah dan permit berkaitan. Manakala kaedah-kaedah kuari negeri telah digubal di bawah peruntukan 14 Kanun Tanah Negara 1965 sebagai salah satu rujukan dan panduan yang digunakan dengan objektif untuk mengawal tatacara operasi pengkuarian.

Seterusnya, semakan lanjut mendapati berlaku kes iaitu 18 kes perlanggaran Akta Perhutanan Negara 1984 dan Akta Pembangunan Mineral 1994, Akta Kualiti Alam Sekitar 1974, syarat EIA dan syarat lesen terhadap pelaksanaan aktiviti pengkuarian di dalam kawasan hutan simpan kekal. Penemuan ini juga memberi impak yang negatif yang mana keadaan kawasan tersebut sukar dipulihkan. Ia juga memberi kesan kepada alur air yang mengalir keluar daripada kawasan kerja.

So, kita tunjukkan dekat sini, YB, berkenaan dengan kesan daripada aktiviti pengkuarian. Boleh *share* gambar? *[Merujuk kepada Sekretariat]* Kalau kita tengok, gambar pertama adalah binaan takungan dalam sungai menyebabkan air keruh dan bacaan TSS serta NTU sampel air sungai melepasi had yang ditetapkan yang berlaku di Bukit Tapah, Perak. *[Merujuk pada paparan di skrin]*

■1050

Kedua, adalah berlaku di Hutan Simpan Kekal Koh Moi, Kedah. *Sediment basin* tidak diselenggara menyebabkan pencemaran daripada perlombongan pasir. Gambar ketiga daripada Gunung Pulai, Johor di mana aktiviti kuari di hutan tadahan air yang telah diwartakan dalam tahun 2008. Ini antara contoh yang ditemui oleh Jabatan Audit Negara.

So, boleh saya teruskan YB? Seterusnya adalah hasil daripada penemuan audit Jabatan Audit Negara mengesyorkan empat perkara berikut. Bagi memastikan projek objektif pengurusan hutan secara berkekalan tercapai, pihak Audit mengesyorkan NRECC, JPSM JHS, JPS dan agensi terlibat dalam pengurusan hutan mengambil langkah bagi tujuan penambahbaikan. Antaranya adalah seperti berikut:

(i) NRECC dan kementerian, jabatan, agensi terlibat menjalankan kajian dan penilaian kejayaan program pembangunan ladang hutan dari aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar serta kajian kesan jangka panjang terhadap tahap kemerosotan ekosistem, spesies, tanaman dan risiko bencana alam serta kesan negatif terhadap alam sekitar dan masyarakat;

(ii) NRECC, JPSM, JHS dan JPS melaksanakan proses pengumpulan dan verifikasi data kawasan berhutan nasional secara tahunan dengan mewujudkan pangkalan data yang

lengkap mengenai hutan simpan kekal, kawasan perlindungan dan hutan tanah kerajaan;

(iii) NRECC meningkatkan kerjasama antara kerajaan negeri dengan menyediakan hala tuju dan pelan tindakan bagi pelaksanaan pengurusan hutan secara berkekalan melalui tadbir urus yang baik dan amalan terbaik;

(iv) JPSM, JHS, JPS dan agensi penguatkuasa terlibat meningkatkan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan secara bersepadu bagi memastikan setiap projek pembangunan di kawasan berhutan memenuhi syarat pembangunan yang ditetapkan termasuk aspek pematuhan alam sekitar; dan

(v) akhir sekali menggunakan data geospatial teknologi perhutanan, *hyperspectral* dan *war room* secara optimum dalam pengurusan hutan serta pemantauan pembangunan di kawasan berhutan bagi mengatasi kekurangan sumber manusia di lapangan.

Itu sahaja YB pembentangan daripada kami di Jabatan Audit Negara. Sekian, terima kasih.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Terima kasih Datuk Timbalan Ketua Audit Negara. Saya bukakan kepada Ahli Parlimen PAC untuk bertanyakan soalan. Terima kasih.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Datuk Pengerusi, boleh kah saya tanya Datuk. Sampel ini—pensampelan yang kita audit bukan semua hutan *you* pergi kan? Jadi, berapa peratus yang diaudit daripada masalah-masalah yang kita nampak ini?

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [Jabatan Audit Negara]: Dikhabarkan—*share* sampel macam mana pemilihan sampel. Sekejap YB kita akan paparkan di sini. Ini adalah berkaitan dengan pensampelan audit yang dilaksanakan. Bagi bilangan fail lesen aktiviti adalah 382 daripada 3,658. Keluasan kita 0.51 juta hektar daripada 4.27 hektar, *so* ini adalah bagi usahasil. Manakala bagi pembangunan ladang hutan, perlombongan dan kuari adalah seperti yang dinyatakan di sini.

Encik A S Sinarao a/l Nagayah @ Nagaraju [Jabatan Audit Negara]: Untuk tambahan ada soalan tadi YB berkenaan dengan ladang hutan tadi *versus* di dalam HSK. Peratus itu adalah yang kita papar tadi dalam 4.4 peratus dalam hutan HSK. Contohnya dalam Semenanjung Malaysia, keluasan dia adalah 213,000. Kita boleh rujuk dalam rajah 5 muka surat 21, yang itu adalah pecahan-pecahan yang lebih *detail* lah berkenaan dengan kawasan ladang hutan di dalam HSK.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Pengerusi saya ada satu soalan juga. Di dalam *sampling* ini yang kita buat adakah membuat *sampling* terhadap kesan sosioekonomi kepada penduduk tempatan– Orang Asli, Orang Asal di Sabah, Sarawak. Adakah Orang Asli ataupun Orang Asal Sabah, Sarawak ini ada mendapat keuntungan daripada projek hutan, ladang hutan, *whatever the* hutan-hutan masuk hutan ini lah? Ada tak buat *sampling* kepada sosioekonomi mereka ini?

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [Jabatan Audit Negara]: Okey terima kasih YB. Merujuk kepada soalan YB mungkin kita boleh berkongsi berkaitan dengan penghasilan pencapaian keberhasilan sosial. Kalau kita tengok dekat sini adalah satu dan juga kita lihat kepada 188 responden yang kita buat soal selidik dalam muka surat 24, *sorry* muka surat 37.

So saya *share* di sini YB berkenaan dengan rajah 11 dan juga carta 24 jumlah responden temu bual tahap kepuasan komuniti Orang Asli dan Orang Asal. Dalam laporan muka surat 37 Laporan Ketua Audit Negara. *So,* dalam kata lain kita juga membuat meneliti tahap kepuasan Orang Asli dan Orang Asal dinilai berdasarkan kepada penilaian impak sosial aktiviti keberhasilan hutan yang terdiri daripada tiga aspek iaitu bekalan dan kualiti air serta sungai, ekonomi tempatan dan juga sosiobudaya.

Ianya melibatkan 188 responden. Mereka telah memberi maklum balas terhadap tahap persetujuan pernyataan berkaitan dengan operasi pengurusan hutan. Rumusannya saya baca di (C) ini; secara keseluruhannya didapati 89 peratus responden bersetuju bahawa aktiviti pengusaha hasilan hutan telah menjejaskan ketiga-tiga aspek tersebut, sebanyak 7.4 peratus memberi respons tidak setuju. Ada juga yang tak setuju. Manakala 14.5 peratus tidak pasti dengan jawapan yang nak diberikan. So, kita ringkaskan dalam rajah 11. Terima kasih YB.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Maknanya hampir 90 peratus memang tidak puas hati lah.

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [Jabatan Audit Negara]: Betul YB.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Satu peratusan yang amat tinggi, ya.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Datuk Pengerusi.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Sebab isu ini *international issue*. Saya dari Sarawak. *[Ketawa]* Saya tahu, saya faham semua isu-isu ini. *International issues* sampai ke semua lah, masyarakat antarabangsa, NGO semua terlibat di dalam isu ini untuk Orang Asli lah, Orang Asal dalam perhutanan ini. Jadi, saya rasa Laporan Audit Khas ini adalah amat bertepatan sekali lah sebab ini tak pernah dibuat. *I think this is the first time* kita buat khas untuk pengurusan hutan ini. Jadi, satu laporan yang memang komprehensif. *It is up to us to pick up the points there and then to make it better or whatever.*

But it is a congratulation to Jabatan Audit Negara sebab membuat satu laporan yang amat lengkap. *But there are lot issues here. Thank you. That is my* pandangan saya lah. Saya bekas Timbalan Menteri Sumber Asli dahulu. Jadi, hutan ini bawah kementerian saya. Jadi, jawapan dulu yang ditanya tadi itu kebanyakan saya yang jawab dulu di Parlimen. *[Ketawa]*

■1100

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Okey terima kasih Datuk Wira. Nak tanya pasal *sampling* khususnya di Selangor, okey. Ada tak Bukit Cerakah— saya tak tahu dia punya ini ke apa, tak ingat dah ya. Pasal hutan simpan ini di mana *and then* punya ladang hutan. Bukit Cerakah dan Meru, *is that part of your sampling or not?* Sebab kita— saya mendapatkan aduan banyak daripada penduduk-penduduk di situ di mana babi hutanlah, apa lah, semua-semua ini datang bukan sahaja di pinggiran-pinggiran, tapi *homestay* pun dia pergi.

Sebab saya lihat kepada *you* punya *Dashboard AG* ini 13 dalam tindakan. Ada juga yang saya sebutkan tadi di situ banjir lumpur pun bila hujan, banjir lumpur. Dulu tak pernah-pernah tetapi bilanya tempat itu dah terang, dekat bukit itu dah terang, sekarang rumah orang kena banjir lumpur. *Is that your sampling* ada dibuat di situ? Sebab Selangor *you* kata tak banyak kan, yang hutan ini kan? Terima kasih.

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [Jabatan Audit Negara]: Okey, jemput Encik Sinarao. Sila.

Encik A S Sinarao a/l Nagayah @ Nagaraju [Jabatan Audit Negara]: Okey untuk yang Selangor itu, memang fokus dia kita lebih kepada aktiviti-aktiviti pengkuarian dengan ada projek ladang hutan pun ada satu sahaja. *So,* aktiviti pengkuarian memang kita ada masukkan ke dalam isu LKAN negeri untuk disusul tetapi secara *general* dia, memang sekiranya ada je aktiviti, apa-apa aktiviti perhutanan di dalam kawasan hutan, memang akan ada kesan satu, dari sudut alam sekitar. Kedua dari sudut gangguan habitat dia. *So,* itulah yang akan ada hidupan liar itu keluar daripada habitat asal itu, dah sampai ke kampung. *So,* memang itu— memang kita tak boleh nak elaklah.

So, memang kalau ada pembangunan, memang akan ada impak. Impak itu impak negatif seperti mana yang kita laporkan. Dari sudut hidupan liar pun, akan ada peningkatan. Memang Selangor pun antara negeri-negeri yang melaporkan aduan konflik hidupan liar yang tertinggi jugalah di antara negeri-negeri.

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [Jabatan Audit Negara]: Suka saya nak menambah yang YB Kapar sebut tadi. Berkaitan dengan maklumat yang kami ada berkaitan dengan hutan pendidikan iaitu *update* pada Mac 2021, hutan pendidikan ada dua, 128 kawasan yang terdiri daripada Taman Eko-Rimba 123 dan yang lima hutan taman negeri. *So,* data ini berdasarkan tahun 2021. *So,* mungkin YB

boleh merujuk kepada kementerian data terkinilah. Itu adalah maklumat yang saya ada. Kategori Taman Eko-Rimba dengan hutan taman negeri adalah hutan pendidikan. Kategori hutan pendidikan. Terima kasih YB.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey terima kasih Datuk Timbalan. Cuma saya nak tanya, ada apa-apa tak perkara lagi yang Datuk Timbalan dan yang lain nak minta untuk kita tolong bagi perhatian ataupun ada yang nak untuk kita tanyakan pada *next* prosiding nanti. Yang patut kita bagi penumpuan ataupun yang patut kita *highlight*-lah.

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [Jabatan Audit Negara]: Terima kasih YB. *Concern* kita adalah berkenaan dengan status *AG Dashboard*. Boleh paparkan *AG Dashboard* tadi.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Sebab saya tengok ada 13 lagi itu. Itu agak banyak dan agensi yang terlibat 100 lebih kan?

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [Jabatan Audit Negara]: Ya.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *So, how* nak buat pemantauan dan juga pemerhatian itu agak berat itu saya kira.

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [Jabatan Audit Negara]: Yang ini YB. Ini *federal.* Kalau YB tengok di negeri, ada lagi. Macam— kalau sembilan negeri ada dalam tindakan yang kuning itu *[Merujuk kepada slaid pembentangan]* maknanya dia perlu ambil tindakan 103.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: 103.

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [Jabatan Audit Negara]: *So,* kalau YB Saratok nak pantau yang Sarawak, boleh rujuk kepada LKAN Sarawak. Kita boleh bagilah yang LKAN Sarawak dan merujuk kepada isu yang sedang *outstanding.*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Yang ini ada ke dalam kita punya slaid. Tak ada kan?

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [Jabatan Audit Negara]: Dalam slaid tak ada. Yang kita bentang adalah *federal.*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ya ke?

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [Jabatan Audit Negara]: Tapi sekiranya ada keperluan...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Boleh bagi kita tak rumusan ini?

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [Jabatan Audit Negara]: Boleh, boleh.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Boleh bagi segeralah.

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [Jabatan Audit Negara]: Boleh YB. Terutamanya yang ini, status— tapi nasib baik tiada yang merahlah YB. Cuma dalam tindakan itu 116. Kita harap perkara ini, di negeri ini dapat— dan juga *federal* dapat diambil tindakanlah sebab yang selesai baru 30 daripada keseluruhan 146.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Okey, ini soalan berkenaan dengan semasa membuat audit. Adakah pihak Audit Negara mendapat kerjasama yang penuh daripada kerajaan-kerajaan negeri semasa membuat audit tersebut? Adakah mereka macam nak menyembunyikan data-data tertentu? Maksud sayalah. Ada keterbukaan kepada data-data itu *accessible* kepada pihak audit, pada pandangan pihak audit.

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [Jabatan Audit Negara]: Saya serah kepada pasukan.

Encik A S Sinarao a/l Nagayah @ Nagaraju [Jabatan Audit Negara]: Okey untuk pandangan saya, untuk setiap negeri memang memberi kerjasama yang penuhlah. Hanya dari sudut verifikasi data itu di peringkat negeri, memang kita terima sehingga 2021. Hanya kita ada *limitation* di peringkat kementerian, pasal proses di kementerian ini, dia akan *verify* data ini dua tahun sekali. *So,* data terkini ataupun data hutan nasional yang kita ada *available* untuk di *website* ataupun untuk pelaporan antarabangsa, data dia hanya sehingga tahun 2020. *So, that's why* salah satu syor kita untuk di peringkat kementerian untuk laksanakan benda ini secara tahunan. Sekarang praktisnya...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Saya nak *emphasize on* YB Saratok punya itu. Memanglah sebab bila *federal* pergi ke *state* untuk— itu adalah agensi *federal,* betul tak, di *state.* Bagaimana dengan hubungan dengan kerajaan negeri? Adakah kerajaan negeri membantu? Dia bukan agensi tau, kerajaan negeri.

Encik A S Sinarao a/l Nagayah @ Nagaraju [Jabatan Audit Negara]: Kerajaan negeri memang membantu.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: YB Datuk Wira, saya tadi simpan soalan ini. *Very simple* mengenai isu pengurusan aktiviti perhutanan pengkuarian. Pertemuan tadi Datuk Timbalan Ketua sebut ada 18. Apa jenis-jenis perlanggaran dan apa tindakan yang telah diambil ataupun sedang diambil? Terima kasih.

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [Jabatan Audit Negara]: Boleh paparkan, ada di skrin. YB, kalau kita melihat kepada— ini contoh gambar yang ini kan. Berkenaan dengan Hutan Simpan Kekal Bukit Tapah, Koh Moi, Kedah dan juga Gunung Pulai, Johor. Ini antara perkara-perkara yang inilah di mana binaan takungan dalam sungai menyebabkan air keruh dan bacaan yang tadi, yang ada kita sebutkan

tadi. Ini antaranya dan biasanya apabila kita bangkitkan pemerhatian itu, terus yang mana yang boleh buat tindakan, dia buat tindakan. Tapi biasanya selepas isu tersebut dibangkitkan. *So,* yang— dan isu berkaitan dengan aktiviti kuari, pasir menyumbang kepada kemerosotan kualiti alam sekitar yang juga merujuk kepada *as* Hutan Simpan Kekal Koh Moi, Kedah.

Pada 16 April 2019, pihak UUM telah membuat aduan mengenai pencemaran air sungai dan mendapan kelodak dalam Sungai Sintok yang mengalir melalui kawasan UUM kepada Jabatan Pengairan dan Saliran. *So,* apabila Audit menyemak laporan siasatan JPS berkenaan, pada bulan Mei 2019 mendapati kejadian pencemaran tersebut akibat daripada perlombongan pasir yang kita paparkan di sinilah. *So,* dia bukan di sini sahaja tapi kesan dia kepada bawahnya. Dalam kejadian Sungai Sintok telah dipenuhi dengan kelodak tanah dan pasir yang menyebabkan berlakunya pencemaran air dan menimbulkan kelodak di dasar sungai. *So,* perkara ini kita perincikan dalam Laporan Ketua Audit Negara peringkat negeri Kedah. Kalau YB, Kedah kan?

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Ya saya orang Kedah.

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [Jabatan Audit Negara]: *So,* YB boleh rujuk kepada laporan kami sekiranya...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Kawasan saya ini Kubang Pasu lah itu. Janganlah kata apa... *[Mesyuarat riuh]*

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [Jabatan Audit Negara]: *So,* sekiranya YB ini, kita boleh serahkan kepada YB laporan.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Saya tengok Datuk Timbalan Ketua, saya nampak kita punya pengauditan ini, kita buat berdasarkan kepada laporan yang diterima. *In this case, UUM complaint* kan?

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [Jabatan Audit Negara]: Ya.

■1110

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Adakah kita ada *audit plan* dibuat secara berjadual? Bukan menunggu orang *complaint* baru kita pergi. Sebenarnya, *this is just the tips of the iceberg.* Kalau kita pergi *check* semua, lagi banyak. Cumanya, yang ini kebetulan orang *complaint,* baru kita dapat laporan ini. Ada tak pelan audit itu yang dapat dilihat secara menyeluruh? Bukan secara aduan tetapi secara berjadual. Ataupun *whatever compliance audit or whatever.* Terima kasih.

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [Jabatan Audit Negara]: Terima kasih, YB. Dari segi pemantauan, saya rasa urusan tersebut adalah tugas dan tanggungjawab kementerian mahupun kerajaan negerilah. *So,* kami di Jabatan Audit

Negara, kami— ini adalah salah satu— kali pertama kami hasilkan buku asing pengurusan hutan. Sebelum ini, kita banyak buku tebal, YB. *So,* ini ialah salah satu inovasi ataupun penambaikan yang kita jalankan, lebih komprehensif. Dari segi pemantauan, ianya adalah tugas dan tanggungjawab kementerian berkenaan. Kita dengan sumber yang— ini saja yang kami ada, sumber yang ada. Kami hanya melaporkan dan menghasilkan.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Saya faham, Datuk. Kita bukan minta Ketua Audit Negara pergi buat kerja ini. Cuma, dalam cadangan kepada negeri dan juga jabatan ini ataupun Kerajaan Persekutuan di dalam— selepas laporan ini, dibuat syor cadangan kepada negeri dan Persekutuan supaya dibuat audit secara *schedule* ataupun berjadual *rather than waiting for the complaint to come.* Mungkin nanti Audit Negara boleh buat. Kalau kita buat, *depa* tak mahu dengar. Terima kasih.

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [Jabatan Audit Negara]: Inisiatif yang bagus, YB. Kami akan beri perhatian. Terima kasih, YB.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Alright, okay.* Saya rasa dah pukul 11.11. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Datuk Timbalan Ketua Audit Negara dan semua yang datang hadir membantu untuk sesi pra-prosiding pada hari ini. Semoga apa yang kita dapat bincangkan pada hari ini dapat kita bawakan dalam prosiding sebentar lagi. Saya ucapkan sekali lagi terima kasih kepada Datuk Timbalan dan mohon sampaikan salam takzim kepada Ketua Audit Negara.

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [Jabatan Audit Negara]: Terima kasih. Terima kasih, YB.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Itu saja. Kita tangguhkan pada waktu yang lain. Terima kasih.

Datuk Nor Salwani binti Muhammad [Jabatan Audit Negara]: Kami di Jabatan Audit Negara ingin mengucapkan terima kasih kepada YB dan semua Ahli PAC, YB-YB sekalian atas kerjasama dan komitmen dan juga atas panduan dan juga soalan-soalan yang membina yang kami boleh tambah baik pengauditan kami di masa hadapan. Terima kasih.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 11.14 pagi]



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Selasa, 12 Disember 2023

Bil 10(a) / 2023

MESYUARAT
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA

Prosiding:
"Auditan Khas Pengurusan Hutan dan Impak Alam Sekitar" (LKAN 2022 – Auditan Khas Pengurusan Hutan dan Impak kepada Alam Sekitar)

Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim
YBhg. Dr. Ching Thoo a/l Kim
Ketua Setiausaha

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
YBhg. Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang
Ketua Pengarah

Jabatan Hutan Sarawak
YBhg. Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad
Pengarah

Jabatan Perhutanan Sabah
YBrs. Encik Indra Purwandita bin Herry Sunjoto
Penolong Kanan Ketua Konservator Hutan

PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1,
TINGKAT 2 BLOK UTAMA, BANGUNAN PARLIMEN,
PARLIMEN MALAYSIA

SELASA, 12 DISEMBER 2023

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] - *Pengerusi*
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang] - *Naib Pengerusi*
YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]
YB. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]
YB. Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]
YB. Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]
YB. Datuk Ali anak Biju [Saratok]
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]

Tidak Hadir *[Dengan Maaf]*

YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]
YB. Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Wangsa Maju]
YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]

URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkefli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Encik Amirul Ashyraaf bin Zulkifle [Penolong Setiausaha (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Jabatan Perkhidmatan Awam

Encik Muhammad Fikri bin Karmajaman [Ketua Penolong Pengarah]

Jabatan Peguam Negara

Tuan Zawawi bin Ghazali [Ketua Unit Tanah, Pihak Berkuasa Tempatan dan Jawatankuasa Khas Negara)]
Puan Fatin Afiqah binti Mohamed Shah [Peguam Persekutuan]

Kementerian Kewangan Malaysia
Encik Azize bin Taib [Ketua Seksyen (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]
Puan Nadeema binti Kamaruddin [Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]
Encik Nurul Allbiirr bin Nordin [Penolong Setiausaha Kanan (Pegawai Ketua Pengarah I)]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
Puan Suzana binti Alias [Ketua Cawangan (Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan)]
KPKPj Khairul Nurrahim Ashadi bin Abdullah [Timbalan Pengarah Sektor Pentadbiran Siasatan (Bahagian Siasatan)]

Kementerian Ekonomi
Encik Che Kodir bin Baharum [Pengarah (Bahagian Ekonomi Alam Sekitar dan Sumber Asli)]

Jabatan Akauntan Negara
Datin Rozita binti Aminuddin [Ketua Penolong Pengarah Kanan (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA))]

Jabatan Audit Negara
YBrs. Tuan Haji Y Hamdan bin Mohd Dom [Pengarah Audit (Bahagian Audit Prestasi I)]
Encik A S Sinarao a/l Nagayah @ Nagaraju [Pengarah Audit Negeri [JAN Negeri Sembilan)]
Encik Eezwan Hafidz bin Ismail [Penolong Pengarah Audit (Bahagian Audit Prestasi I)]

SAKSI

Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim
YBhg. Dr. Ching Thoo a/l Kim [Ketua Setiausaha]
Puan Norsham binti Abdul Latip [Setiausaha Bahagian (Bahagian Pengurusan Biodiversiti dan Perhutanan)]
YBrs. Dr. Khairul Naim bin Adham [Timbalan Setiausaha Bahagian (Pengurusan Biodiversiti) (Bahagian Pengurusan Biodiversiti dan Perhutanan)]

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
YBhg. Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia]
YBhg. Dato’ Mohd Rahim bin Rani [Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Bahagian Operasi dan Teknikal)]

Jabatan Hutan Sarawak
YBhg. Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Pengarah Hutan Sarawak]
Encik Semilan Anak Ripot [Timbalan Pengarah (Bahagian Pengurusan Hutan)]
Encik Jeremy Ayum Juan [Pemelihara Hutan (Bahagian Unit Audit Dalam)]

Jabatan Perhutanan Sabah
YBrs. Encik Indra Purwandita bin Herry Sunjoto [Penolong Kanan Ketua Konservator Hutan]
Puan Fong Pek Yee [Pemelihara Hutan (Pejabat Ketua Konservator Hutan)]

Jabatan-Jabatan di bawah Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim

YBhg. Datuk Zamri bin Ramli [Ketua Pengarah (Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia)]

YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar [Ketua Pengarah Alam Sekitar (Jabatan Alam Sekitar)]

YBhg. Dato' Fakhrul Hatta bin Musa (Timbalan Ketua Pengarah (Konservasi) (Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN)]

Jabatan Kemajuan Orang Asli

YBrs. Encik Mohd Zamri bin Mustajap [Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan]

Kementerian Perladangan dan Komoditi

YBrs. Encik Wan Ahmad Asmady bin Wan Md Din [Setiausaha Bahagian Kanan (Bahagian Kemajuan Industri Kayu Kayan, Tembakau dan Kenaf (KTK)]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS, PENGGAL KEDUA

Selasa, 12 Disember 2023

Bilik Jawatankuasa 1, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.25 pagi

[Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okay. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Selamat pagi dan juga selamat datang saya ucapkan pada Naib Pengerusi PAC Parlimen, YB Wong Shu Qi; Ahli-ahli Parlimen Ahli PAC Ke-15, Ahli-ahli ex-officio PAC yang terdiri daripada Jabatan Peguam Negara, JPA, Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, SPRM, Kementerian Ekonomi dan juga Jabatan Akauntan Negara. Terima kasih kerana hadir dalam mesyuarat prosiding pada pagi ini.

Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat sekalian, hari ini PAC Parlimen akan mendengar keterangan dan juga penjelasan berhubung dengan isu Auditan Khas Pengurusan Hutan dan Impak Kepada Alam Sekitar yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi Tahun 2022 (Auditan Khas Pengurusan Hutan dan Impak Kepada Alam Sekitar).

Jadi, hadir di hadapan PAC pada pagi ini ialah yang pertamanya, Yang Berbahagia Dr. Ching Thoo a/l Kim, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC); Yang Berbahagia Dato' Indera Mohd. Ridza bin Awang, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia; Yang Berbahagia Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad, Pengarah Hutan Sarawak Jabatan Hutan Sarawak; Yang Berusaha Encik Indra Purwandita bin Herry Sunjoto, Penolong Kanan Ketua Konservator Hutan Jabatan Perhutanan Sabah yang mewakili Yang Berbahagia Datuk Frederick Kugan, Ketua Konservator Hutan Jabatan Perhutanan Sabah. Ada? Ada? Mana? Tak nampak. Boleh angkat tangan ya? Tak perasan. Okay, terima kasih.

Yang Berbahagia Datuk Zamri bin Ramli, Ketua Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia; Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar Jabatan Alam Sekitar; Yang Berbahagia Dato' Fakhrul Hatta bin Musa, Timbalan Ketua Pengarah (Konservasi) Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) yang mewakili Yang Berbahagia Datuk Abdul Kadir bin Abu Hashim, Ketua Pengarah Jabatan PERHILITAN; Yang Berusaha Encik

Mohd Zamri bin Mustajap, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan (Jabatan Kemajuan Orang Asli) yang mewakili Yang Berbahagia Datuk Hajah Sapiah binti Dato' Mohd. Noor, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli– ada ya? Yang Berusaha Encik Wan Ahmad Asmady bin Wan Md Din, Setiausaha Bahagian Kanan (SUBK) Bahagian Kemajuan Industri Kayu Kayan, Tembakau dan Kenaf Kementerian Perladangan dan Komoditi, ha okay. Yang Berusaha Encik Khairul Anuar bin Abd. Rashid, Pengarah Bahagian Audit Jabatan Pengairan dan Saliran, ya?

Untuk makluman Yang Berbahagia Dr. KSU NRECC, Yang Berbahagia Datuk-Datuk Ketua Pengarah dan juga semua saksi yang hadir. Sebentar tadi Yang Berbahagia Datuk Timbalan Ketua Audit Negara, Datuk Salwani telah pun memberikan taklimat terperinci berhubung dengan pengauditan yang dilakukan terhadap pengurusan hutan dan impak kepada alam sekitar sebagaimana yang telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2022. Jadi, tanpa membuang masa saya dengan ini menjemput Yang Berbahagia Dr. Ching Thoo a/l Kim, KSU NRECC untuk memulakan pembentangan. Dipersilakan.

Dr. Ching Thoo a/l Kim [Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim]: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin, Pengerusi PAC; Yang Berhormat Puan Wong Shu Qi, Naib Pengerusi PAC; Yang Berbahagia Datuk Timbalan KAN, Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli Jawatankuasa PAC, ketua-ketua jabatan, pegawai kanan kementerian dan jabatan serta tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Izinkan kami dari NRECC yang tadi diumum akan bertukar nama lagi, Yang Berhormat. Tapi yang itu belum sah lagi.

[Ketawa]

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, sekejap. Sebelum itu, saya nak pesan pada semua Ahli PAC untuk *jot down*, ambil perhatian apa juga yang disampaikan oleh Datuk KSU sebab dia punya *presentation* ada 28 muka surat ini. Jadi, kita tak payah *interject* dulu ya. Kita selesaikan semua pembentangan, *then* baru kita tanya soalan ya. *Alright*, terima kasih.

■1130

Dr. Ching Thoo a/l Kim [Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim]: Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Jabatan Audit yang telah membuat pengauditan terhadap pengurusan hutan dan impak kepada alam sekitar yang telah dibentangkan di Parlimen pada November yang lepas. Kita berpandangan bahawa laporan yang telah dihasilkan ini sangat penting kerana ia boleh memberi impak bukan sahaja kepada aspek pengurusan perhutanan

tetapi juga memberi impak kepada sektor perladangan agrokomoditi, perancangan guna tanah negara serta pengurusan alam sekitar secara amnya.

Seperti mana yang Datuk Pengerusi sebutkan tadi, saya ada pegawai-pegawai teknikal saya untuk nanti memberikan jawapan ataupun penjelasan lanjut jika ada. Sebab isu-isu yang kami akan bentang ini dia agak sedikit isu-isu yang bersifat teknikal. Hutannya dan sebagainya. Pembentangan saya pada pagi ini ialah untuk mengemukakan maklumat dan jawapan yang terkini mengenai isu-isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Siri 1 2022. Skop pembentangan saya menjurus kepada 13 isu yang berstatus dalam tindakan yang dilaporkan dalam LKAN yang merangkumi komponen-komponen seperti berikut.

Pertama, isu yang dilaporkan oleh Ketua Audit Negara. Kedua, status tindakan semasa dan yang terakhir *way forward*. Saya mulakan dengan *slide* yang pertama. Sebagai latar belakang, saya ingin menarik perhatian semua Ahli Mesyuarat kepada Perkara 74(2) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa hutan adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Bidang kuasa Kerajaan Persekutuan melalui NRECC, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan FRIM adalah dalam memberikan nasihat teknikal melalui pengurusan dan pembangunan hutan secara menjalankan penyelidikan dan khidmat latihan. Di Sabah dan Sarawak, NRECC memberikan bantuan teknikal kepada Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak berdasarkan peruntukan di bawah Perkara 95E(4) Perlembagaan Persekutuan.

Seperti mana semua sedia maklum, dahulunya terdapat dua kementerian yang berbeza iaitu KeTSA dan KASA. Namun, dengan pembentukan NRECC pada 3 Disember 2022, komponen dan fungsi berkaitan dengan pengurusan sumber asli, air, tenaga, alam sekitar dan perubahan iklim digabungkan di bawah satu kementerian yang sama. Keputusan pergabungan ini membolehkan semua isu berbangkit dapat dilihat dengan secara menyeluruh dan lebih holistik.

Saya mengambil perhatian bahawa skop pengauditan bagi LKAN auditan khas ini adalah bagi tempoh 2016 hingga 2021 yang melibatkan KeTSA, KASA, MPIC, dan semua negeri. Johor, Kedah, Kelantan, Pahang, Perak, Selangor, Sabah, Sarawak dan Terengganu. Menyedari bahawa pengurusan dan pemeliharaan hutan adalah tanggungjawab kolektif Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri, Majlis Tanah Negara diwujudkan di bawah Perlembagaan Persekutuan sebagai platform untuk Kerajaan Persekutuan dan negeri berbincang perkara-perkara berkaitan dasar perhutanan dan pengurusan hutan di Malaysia. Pengusahasilan hutan misalnya dikawal melalui catuan tebangan tahunan yang diluluskan oleh MTN untuk setiap Rancangan Malaysia.

Selain itu, terdapat beberapa keputusan dasar penting yang akan diputuskan secara bersama dengan penglibatan kerajaan negeri melalui MTN seperti pelaporan data hutan nasional, kawalan untuk aktiviti perlombongan dalam hutan simpanan kekal, kawalan pembangunan utiliti dan bukan utiliti, kawalan pembangunan di kawasan hutan tadahan air, dasar melestarikan aktiviti penanaman sawit, pindaan Akta Perhutanan Negara 1984 [*Akta 313*], penggubalan Dasar Perhutanan Malaysia, pelaksanaan moratorium pembangunan ladang hutan dan tindakan penguatkuasaan ke atas aktiviti penerokaan haram dalam kawasan hutan simpanan kekal.

Untuk makluman Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa pelbagai tindakan telah diambil oleh kementerian sejak tahun 2020 hingga kini dalam menambah baik pengurusan hutan di Malaysia. Ingin dijelaskan bahawa di peringkat Persekutuan, usaha dan inisiatif yang lebih proaktif dan tegas telah dilaksanakan melalui jabatan dan agensi di bawah NRECC dalam menyokong pelaksanaan pengurusan hutan secara berkekalan ataupun *sustainable forest management* (SFM). Antara langkah-langkah yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut.

Pertama, Dasar Perhutanan Malaysia. Pada Mac 2021 iaitu satu bentuk polisi di peringkat nasional berasaskan prinsip-prinsip pemuliharaan sumber asli dan pembangunan sosioekonomi. Dasar ini menyaksikan penyatuan kali pertamanya semua negeri di Malaysia dalam bidang pengurusan hutan negara yang telah menjangkau usia lebih 120 tahun. Pendekatan inklusif telah diambil oleh kementerian dalam pembangunan dasar ini yang melibatkan ketiga-tiga wilayah iaitu Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Keterangkuman dasar-dasar hutan di kementerian ini menggariskan komitmen bersama ke arah mencapai pembangunan mampan.

Kedua, meminda Akta Perhutanan Negara 1984 dengan membentangkan Rang Undang-undang Perhutanan Negara 2022 yang telah diluluskan oleh Parlimen pada tahun 2022. Pindaan ini bertujuan menambah baik dan memantapkan pengurusan kawasan-kawasan HSK dan penguatkuasaan hutan. Secara amnya, pindaan ke atas akta ini bertujuan mengawal proses pewartaan keluar dan penggantian HSK, memantapkan penguatkuasaan hutan bagi membanteras kegiatan pengambilan hasil hutan tanpa kebenaran dan meningkatkan kadar denda dan hukuman serta penalti tambahan bagi membendung kesalahan hutan yang merosakkan alam sekitar. Secara prinsipnya, NRECC tidak menggalakkan pengeluaran atau penyahwartaan mana-mana kawasan tanah daripada HSK. Ia bertujuan memastikan kelangsungan fungsi HSK dalam menjamin kestabilan alam sekitar, memastikan sumber makanan, jaminan bekalan air, bekalan oksigen serta menyimpan stok karbon yang penting untuk mengimbangi perubahan iklim dunia.

Ketiga, melancarkan Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2022-2030 pada 24 Oktober 2023. Dasar ini mengambil kira keperluan semasa di peringkat kebangsaan dan kerangka kepelbagaian biologi antarabangsa iaitu *Kunming-Montreal Global Biodiversity Framework.* Memandangkan pengurusan kepelbagaian biologi adalah semakin kompleks memerlukan pendekatan yang lebih dinamik dan menyeluruh. DKBK 2022-2030 telah dibentangkan dalam Mesyuarat Pertama Majlis Biodiversiti Negara pada 22 Mac 2023. Langkah ini bertujuan untuk menggalakkan sesi libat urus dan perkongsian tanggungjawab dalam memulihara biodiversiti dan memangkin perubahan transformatif ataupun *transformative change.*

Selain itu, NRECC turut terlibat secara aktif dalam penyediaan Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN4), Rancangan Fizikal Zon Pesisiran Pantai Negara (Jilid 2), Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (PIRECFS) 2022 yang diterajui oleh Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan PLANMalaysia. RFN4 telah menyasarkan sekurang-kurangnya 50 peratus kawasan zon berhutan hingga 2040 di Semenanjung Malaysia. Manakala, PIRECFS 2022 pula merupakan kajian semula pelan induk yang telah dihasilkan pada tahun 2010 dan merupakan dokumen terkini yang dirujuk melalui tahun 2022.

Saya juga ingin menarik perhatian bahawa tempoh pengauditan yang dijalankan di atas tahun 2016 hingga 2021 turut merangkumi tempoh masa di mana seluruh negara melalui fasa pandemik COVID-19. Berdasarkan keputusan-keputusan terdahulu dan data-data yang baharu yang telah dicapai melalui MTN dan MBN serta langkah-langkah yang telah diambil di peringkat Kerajaan Persekutuan sehingga kini, diharap dapat memberikan gambaran serta isyarat yang jelas bahawa Kerajaan Persekutuan melalui kementerian ini serta jabatan dan agensi di bawahnya serta kementerian dan jabatan lain di peringkat Persekutuan dan negeri telah sedaya upaya dan terus komited dalam mengurus, melindungi dan memelihara hutan dan kepelbagaian biologi ketika ini, walaupun berada dalam tempoh yang sukar selain menyedari bidang kuasa di peringkat Persekutuan dan pengurusan hutan negara yang terhad.

■1140

So, izinkan saya untuk meneruskan dengan isu-isu penemuan Audit. Kita pergi ke slaid yang kesembilan.

Susulan daripada pembentangan Laporan Ketua Audit Negara, di peringkat NRECC, penyelarasan bersama jabatan dan NRECC berkaitan telah dilaksanakan bagi membincangkan satu tindakan yang akan diambil terhadap auditan yang berkenaan.

Isu yang pertama, litupan hutan. Audit mendapati terdapat trend penurunan bagi kawasan litupan hutan di Malaysia dan sasaran kawasan berhutan yang

ditetapkan di peringkat negeri seperti Johor, Perak dan Sarawak didapati masih tidak tercapai. Audit juga mengesyorkan supaya laporan hutan nasional dibuat secara tahunan.

Di peringkat Persekutuan, usaha-usaha yang dilaksanakan bagi meningkatkan litupan hutan adalah seperti berikut—

Pertama, memperkasakan perundangan perhutanan seperti pindaan pada Akta 313 dengan memperkenalkan pendengaran awam, penggantian dan pewartaan serentak untuk kawasan diwarta keluar.

Kedua, mempergiatkan usaha ke arah mewartakan kawasan berhutan sebagai HSK, Hutan Tadahan Air (HTA) dan Kawasan Terlindung Sepenuhnya (KTS) serta pewartaan kawasan cadangan HSK khususnya yang terletak di kawasan CFS dan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS).

Ketiga, tidak meluluskan skim pengendalian melombong bagi aktiviti perlombongan dalam HSK, kawasan hutan perlindungan dan KSAS serta menyediakan insentif kewangan bagi konservasi biodiversiti dan hutan ataupun EFT kepada negeri-negeri yang mengambil usaha melindungi kawasan HTA dan kawasan perlindungan sedia ada serta menambah kawasan lindungan yang baharu.

Secara umumnya, ingin dijelaskan bahawa penyelarasan data hutan nasional memerlukan proses dan penelitian yang terperinci. Proses pengumpulan data kawasan berhutan melibatkan pengesahan daripada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak sebagai pemilik data hutan-hutan tersebut. Proses verifikasi dan pengesahan di peringkat kementerian melibatkan analisis perubahan kepada hutan berdasarkan data yang dikeluarkan oleh jabatan perhutanan ketiga-tiga wilayah tersebut.

Proses verifikasi dan pengesahan ini dilakukan secara berterusan bagi membolehkan data tersebut digunakan sebagai data rasmi negara di peringkat nasional dan antarabangsa. Proses ini mengambil masa yang lama untuk dilaksanakan dan dibuat. Buat masa ini, data hutan nasional tersebut dilaporkan setiap dua tahun sekali. Perkara ini dapat menghasilkan data yang dihasilkan adalah mematuhi prinsip di bawah Kerangka Kerja Perubahan Iklim Bangsa-bangsa Bersatu (UNFCCC) iaitu *Transparency, Accuracy, Completeness, Comparability, Consistency* (TACCC) sebelum dimuktamadkan dan seterusnya diguna pakai sebagai data rasmi.

Di peringkat kementerian, semua maklumat dan data yang diperolehi daripada ketiga-tiga wilayah, berdasarkan keperluan dan format laporan semasa, telah disimpan dalam bentuk *Microsoft Excel* bagi rujukan dan kegunaan dalaman. Manakala data hutan nasional telah diterbitkan dan dipaparkan dalam laman web NRECC.

Sebagai *way forward*, buat masa ini, di peringkat Semenanjung, data hutan dikumpul dan diselaras secara tahunan. Manakala bagi Sabah dan Sarawak, data diselaras setiap dua tahun sekali dengan pelaporan data hutan nasional.

NRECC mengambil perhatian ke atas syor yang telah digariskan melalui LKAN tersebut dengan mengambil kira kesediaan pemilik data hutan daripada ketiga-tiga wilayah. Ingin dimaklumkan bahawa maklumat berkaitan data hutan nasional yang tidak dilaporkan memerlukan perundingan yang panjang dengan ketiga-tiga wilayah dan memerlukan proses-proses tertentu sebelum dapat dimuktamadkan sebagai data rasmi negara. Sekiranya data yang dilaporkan tidak diproses dengan berhati-hati, ia boleh mengundang kepada pelbagai implikasi di kemudian hari.

Saya pergi kepada isu yang kedua, pewartaan kampung Orang Asli. Isu yang dibangkitkan ialah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) tidak menetapkan sasaran dalam pelan strategik. Untuk perkara ini, JAKOA telah menyediakan pelan strategik yang baharu iaitu Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli 2023-2026 yang berkuat kuasa pada bulan Mac 2023. Sebagai *way forward*, pihak JAKOA akan melaksanakan pelan strategik ini dan satu jawatankuasa bersama telah dibentuk bersama JPSM sejak tahun 2012 bagi menangani isu berkaitan masyarakat Orang Asli dan pengurus hutan di Semenanjung Malaysia. Namun, NRECC berpandangan perkara melibatkan pewartaan kawasan KOA ini berada di bawah bidang kuasa pihak berkuasa negeri yang mana seperti juga kawasan hutan simpanan kekal.

Isu seterusnya, isu penubuhan ladang hutan. Sebanyak 47.8 peratus ataupun bersamaan 0.48 juta hektar kawasan ladang hutan masih belum ditanam. Itu antara isu audit. Beberapa kelemahan telah dikenal pasti seperti pembukaan kawasan hutan bagi tujuan ladang hutan tanpa aktiviti penanaman semula yang boleh menjejaskan objektif sebenar penubuhan ladang hutan. NRECC berpandangan bahawa perkara ini melibatkan penubuhan ladang hutan berada di bawah bidang kuasa kerajaan negeri di mana kelulusan ditentukan oleh pihak berkuasa negeri.

Selain daripada projek pembangunan ladang hutan yang ditubuhkan oleh pihak berkuasa negeri, pembangunan ladang hutan negeri ini turut melibatkan Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK) melalui Program Pembangunan Ladang Hutan (PPLH).

Berdasarkan maklum balas pada 16 Jun 2023, JPSM akan melaksanakan Kajian Impak Pembangunan Ladang Hutan di dalam HSK di Semenanjung Malaysia terhadap impak ekonomi, sosial dan alam sekitar. Buat masa ini, moratorium penubuhan ladang hutan sedang dilaksanakan bagi kelulusan terbaharu penubuhan ladang hutan dalam HSK di Semenanjung selaras dengan keputusan Majlis Tanah Negara ke-79 pada 2021.

Sebagai *way forward*, peruntukan sebanyak RM2 juta dipohon bagi melaksanakan Kajian Impak Pembangunan Ladang Hutan di dalam Hutan Simpan Kekal di Semenanjung Malaysia terhadap ekonomi, sosial dan alam sekitar dalam *rolling plan* kelima RMKe-12.

Isu yang keempat...

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Pengerusi, boleh saya tanya?

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Kita— YB, tadi kita dah bagi tahu, kita selesaikan dahulu.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Oh, okey, baik.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Sebab ada banyak *pages* hari ini. *Then, you just take note*. Lepas itu, nanti baru kita *throw the questions*. Okey, teruskan.

Dr. Ching Thoo a/l Kum [Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim]: Terima kasih. Isu keempat tentang *Central Forest Spine*. Terdapat strategi dan inisiatif yang digariskan di bawah Pelan Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (PIRECFS) 2010 tidak tercapai.

Tahap pencapaian yang rendah adalah berpunca daripada beberapa faktor. Pertama, peruntukan yang terhad dan inisiatif yang digariskan dalam PIRECFS 2010 kurang berdaya laksana. Selain itu, kebanyakan maklumat kawasan Rangkaian Ekologi berdasarkan PIRECFS 2010 tidak lagi menggambarkan keadaan sebenar di lapangan.

Untuk makluman Yang Berhormat, berikutan strategi inisiatif yang digariskan dalam PIRECFS 2010 kurang berdaya laksana, pelan tersebut telah dikaji semula oleh PLANMalaysia dan digariskan dalam PIRECFS 2022 yang telah diluluskan di Mesyuarat Majlis Rancangan Fizikal Negara pada 20 Julai 2022.

■1150

Sebagai *way forward* PIRECFS 2022 merupakan kajian semula kepada pelan induk yang telah dihasilkan pada tahun 2010 dan merupakan dokumen terkini yang dirujuk mulai tahun 2022. Tempoh pelaksanaan PIRECFS 2022 adalah dari tahun 2022 hingga tahun 2040.

Seterusnya saya bergerak ke isu Heart of Borneo. Isu yang dibangkitkan bahawa semakan semula ke atas *Heart of Borneo Project Implementation Framework* oleh Wilayah Sarawak sedang dalam peringkat akhir dan dijangka selesai pada tahun 2023. Kedua-dua wilayah telah mengkaji semula pelan tindakan ini yang masing-masing tamat pada tahun 2022. Bagi Sabah, *Strategics Plan of Action The Heart of Borneo Initiative 2021-2030* telah selesai melalui semakan semula dan dilancarkan pada 2 Disember 2022 oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah. Manakala bagi Sarawak, Mesyuarat *Heart of Borneo Technical*

Working Group pada 11 September 2023 telah memutuskan supaya *Sarawak Heart of Borneo Initiative Project Implementation Framework (Revised)* disemak semula dengan mengambil kira *Sarawak Post-COVID-19 Development Strategy* 2030 dan dijangka siap pada suku kedua 2024.

Sebagai *way forward,* pelaksanaan *Heart of Borneo* bagi Sabah dan Sarawak adalah berpandukan kepada dokumen-dokumen tindakan dan pelaksanaan yang dibangunkan di peringkat wilayah masing-masing.

Isu seterusnya isu tentang konservasi dan konflik hidupan liar. Isu yang dibangkitkan ialah supaya Jabatan PERHILITAN mewajibkan pematuhan kepada *Wildlife Management Plan* (WMP) bagi sebarang projek yang melibatkan habitat hidupan liar. Tindakan— PERHILITAN merupakan salah satu agensi yang dijemput oleh Jabatan Alam Sekitar untuk memberi ulasan teknikal dalam mana-mana projek pembangunan yang tertakluk kepada perintah EIA yang melibatkan pembukaan habitat hidupan liar, PERHILITAN telah menyediakan dokumen-dokumen yang diperlukan dalam menguatkuasakan WMP iaitu *Guidance Document on Wildlife Impact Study of EIA* dan *Guidance Document for Preparation and Submission of Wildlife Management Plan in EIA.*

Namun, penguatkuasaan dalam mewajibkan pematuhan kepada WMP hanya boleh dilaksanakan setelah penurunan kuasa Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 diterima daripada Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar. Sebagai *way forward* penyediaan draf Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Perwakilan Kuasa kepada Agensi-agensi) kini dalam tindakan Jabatan Alam Sekitar.

Isu yang ketujuh; kesan kepada alam sekitar, kadar pencemaran. Isu yang dibangkitkan pencemaran berlaku disebabkan oleh projek pembangunan, pengangkutan, pembalakan dan perlombongan dan kuari. Tindakan yang diambil— kalau pencemaran yang disebabkan oleh aktiviti pembalakan, penerokaan, tukar guna tanah atau perlombongan dikawal melalui Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127]. Akta ini merupakan mekanisme undang-undang bagi mengawal pencemaran alam sekitar.

Pindaan Akta 127 sedang dilaksanakan bagi memantapkan peranan dan fungsi dengan penekanan elemen pencegahan pencemaran, penguatkuasaan undang-undang, kawalan alam sekitar bersepadu melalui penggunaan teknologi terbaik, pemantauan prestasi dan pelaporan yang lebih telus serta amalan pematuhan kendiri yang lebih mantap.

Sebagai *way forward* Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023 yang merupakan pindaan kepada Akta 127 Fasa 1 telah dibentangkan di Dewan Rakyat untuk Bacaan Kali Pertama pada 16 November yang lepas. Bacaan kedua dirancang pada tahun 2024.

Isu kelapan; kesan kepada alam sekitar, bencana alam, tanah runtuh dan banjir. Satu kajian pemetaan terperinci bencana geologi banjir puing di Sungai Kupang, Baling sedang dilaksanakan bagi mengumpul data untuk perancangan tindakan susulan bagi mengurangkan risiko kepada masyarakat. Itu antara audit yang ditemui.

Tindakan susulan. Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) telah melaksanakan kajian pemetaan, analisis geomorfologi dan mitigasi ancaman bencana geologi berdasarkan komuniti di kawasan tadahan Sungai Kupang, Baling Kedah. Kajian ini merangkumi permodelan dan simulasi bencana geologi aliran puing, penghasilan peta zon dan peta pengurusan bencana geologi aliran puing serta kaedah-kaedah mitigasi berstruktur dan tidak berstruktur.

Pemasangan *Early Warning System* (EWS) telah dibuat di dua lokasi berhampiran di Sungai Kupang iaitu di Masjid Al Falah Kampung Iboi dan Masjid Al-Ittihadiah di Kampung Bok Bak. Di samping itu, program kesedaran pemantauan masyarakat terhadap bencana geologi turut dilaksanakan melalui Program Risiko Bencana Berasaskan Komuniti di Surau Ittifaqiyah Kampung Iboi, Baling pada 4 Disember 2022.

JAS Kedah telah membuka satu kertas siasatan bagi pertuduhan di bawah seksyen 34A(7) Akta 127 berdasarkan kepada siasatan pada 18 Januari 2023. Kertas ini telah dilengkapkan dan kini dalam tindakan semakan Unit Pendakwaan Jabatan Alam Sekitar Kedah bagi mendapatkan izin mendakwa daripada Timbalan Pendakwa Raya Negeri Kedah.

Sebagai *way forward* pihak JPS juga turut membina struktur sabo di Sungai Iboi bagi memastikan ataupun mengeluarkan impak banjir kepada penduduk kampung yang terlibat.

Kesembilan, rancangan pengurusan hutan. Isu yang ditimbulkan ialah terdapat kelemahan dalam pelaksanaan dan pengetahuan ke atas rancangan pengurusan hutan di negeri-negeri. Pihak Jabatan Perhutanan Negeri dan pemegang lesen *Forest Management Unit* (FMU) bagi semua negeri telah diaudit dan didapati tidak melaksanakan kajian semakan separuh penggal (SSP) rancangan pengurusan hutan atau telah menjalankan kajian tersebut melangkaui tempoh ditetapkan.

JPSM memaklumkan bahawa Johor, Kedah, Kelantan, Pahang dan Terengganu telah selesai kajian SSP 2016-2025. Manakala bagi Selangor telah menyediakan RPH baharu 2021-2030. Pemantauan secara berterusan dilaksanakan oleh JPSM terhadap penyediaan RPH dan kajian SSP bagi semua JPN di Semenanjung Malaysia bagi memastikan matlamat dan objektif RPH dicapai dalam tempoh yang ditetapkan. Format panduan penyediaan RPH yang ditambah baik

telah disediakan untuk dimuktamadkan dalam mesyuarat khas pengurusan pada awal tahun 2024.

Sementara itu bagi Sabah. Jabatan Perhutanan Sabah sedang merangka dan menyediakan *statewide 25-year Master Plan* bersepadu dengan mengambil kira FMP yang disediakan oleh setiap FMU. Dokumen ini dijangkakan dapat dilengkapkan pada suku keempat, tahun 2024.

Way forward pembentangan lanjut akan diberikan oleh Pengarah KP JPSM dan juga wakil Sabah dan Sarawak. Saya terus kepada isu seterusnya tentang perlombongan dalam hutan simpanan kekal. Isu yang hangat juga.

■1200

Isu yang ditimbulkan ialah terdapat perlanggaran aktiviti-aktiviti perlombongan di kawasan HSK yang boleh memberikan implikasi kepada pencemaran alur air, gangguan kawasan tanah dan pengurusan kualiti hidupan hutan. Kesan aktiviti perlombongan tapak kawalan pada kawasan kecerunan tinggi dan bebas sungai juga menyebabkan hakisan lebihan termasuk dalam air sungai memberikan impak kepada kehidupan akuatik. Berdasarkan kepada maklum balas JMG, pada 13 Januari 2023, JMG sedang menyediakan kertas cadangan bagi mewujudkan garis panduan baharu bagi pelan reka bentuk hakisan dan kawasan kawalan kelodak yang khusus untuk industri perlombongan.

Bagi status tindakan, pada masa ini, pengukuhan terhadap kawalan hakisan dan sedimentasi daripada aktiviti perlombongan dilaksanakan melalui Skim Pengendalian Melombong di bawah seksyen 10 Akta 525 dan Peraturan-Peraturan Pembangunan Mineral (Skim Pengendalian Melombong, Pelan dan Buku Rekod) 2007 yang khusus memberi penekanan kepada langkah-langkah pengawalan alam sekitar termasuk rancangan kawalan pencemaran, pengawasan dan luar jangkaan. JMG dalam tindakan perbincangan dengan Jabatan Alam Sekitar bagi memperjelas bidang kuasa yang sepadan dengan keperluan JMG supaya pencemaran atau kerosakan alam sekitar akibat aktiviti-aktiviti perlombongan dapat dikawal dengan lebih berkesan.

Susulan dasar semasa kerajaan yang tidak menggalakkan perkhidmatan perunding luar, JMG sedang membangunkan garis panduan, pelan reka bentuk hakisan dan kelodak untuk industri perlombongan menggunakan perkhidmatan kepakaran tempatan. Garis panduan ini dijangka, disiapkan dalam tempoh dua tahun melalui penyelarasan bersama agensi teknikal lain seperti JAS dan JPS dan pemain-pemain industri seperti pihak pengurusan negeri. Sebagai *way forward,* pindaan Akta 525 yang berkaitan urusan import, eksport dan matriks perbandingan kini dalam semakan penasihat undang-undang NRECC dan dijadualkan mengambil tempoh

tiga tahun kerana ia melibatkan kajian semula yang menyeluruh serta melalui pelbagai peringkat penggubalan undang-undang.

Isu seterusnya tentang restorasi hutan. Isu yang dibangkitkan ialah tentang kelemahan dalam pengurusan restorasi hutan. Setakat 31 Disember 2021, pencapaian kawasan hutan terosot yang dipulihkan hanya seluas 827 hektar atau 50.4 peratus berbanding sasaran 1,640 hektar. Manakala pencapaian tanaman pokok pelbagai spesies hanya sebanyak 0.48 juta pokok atau 44.6 peratus berbanding sasaran 1.03 juta pokok.

Terdapat isu yang melibatkan negeri yang dibangkitkan dalam audit iaitu di Pahang, Johor dan Selangor. Sebagai status tindakan, mulai 2017 sehingga November 2023, program 3RSM *Restoration, Rehabilitation* dan *Reclamation* di Semenanjung Malaysia telah berjaya memulihkan seluas 1,103.9 hektar kawasan hutan terosot berbanding sasaran 1,640 hektar. Program restorasi ini juga dibantu oleh Jabatan Perhutanan Negeri melalui peruntukan pembangunan atau wang amanah negeri masing-masing.

Bagi negeri Pahang, program restorasi tidak tercapai disebabkan kekangan sumber peruntukan kewangan negeri dan kekangan keupayaan pegawai perhutanan. Perkara ini telah diambil tindakan di mana pihak ibu pejabat JPSM akan mengeluarkan tender bagi projek restorasi di Pahang pada tahun 2024. Bagi Johor, tender bagi aktiviti restorasi di bawah program 3RSM telah dikeluarkan melibatkan kawasan seluas 50 hektar di Hutan Simpan Gunung Arong melalui peruntukan Persekutuan pada bulan September 2023.

Bagi negeri Selangor, aktiviti rawatan dan penyelenggaraan di Kompartmen 100 HS Raja Musa dilaksanakan pada Disember 2023. Sebanyak 60 kursus yang berkaitan dengan program restorasi telah dilaksanakan pada tahun 2023 oleh JPSM dan JPN untuk meningkatkan keupayaan serta kapasiti dalam melaksanakan program restorasi. JPSM telah melantik pihak FRIM untuk membangunkan garis panduan Regim Silvikultur Hutan Terosot.

Isu seterusnya berkaitan dengan Tapak RAMSAR Tasek Bera. Isu yang dibangkitkan berkaitan dengan kelemahan dalam pengurusan Tapak RAMSAR Tasek Bera. Semakan awal Pelan Pengurusan Bersepadu Tasek Bera 2016-2026 pada tahun 2023 adalah supaya ia selari dengan Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2022-2030 yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 18 Oktober 2023. Ia termasuk mengambil kira sasaran lapan DKBK yang menggariskan keperluan untuk mengukuhkan keberkesanan pengurusan kawasan perlindungan termasuk kawasan berkepentingan biodiversiti seperti tapak RAMSAR. Proses semakan dibuat secara berterusan sebelum dimuktamadkan pada tahun 2026.

Seterusnya isu berkaitan dengan sistem dan teknologi perhutanan. Pihak audit telah membangkitkan akan ketiadaan rekod pemakluman ataupun maklum balas rasmi daripada JPN terhadap laporan yang dikemukakan. Bahagian Penguatkuasaan Hutan JPSM telah menggunakan e-mel sebagai medium rasmi kepada JPN untuk melaporkan penemuan awal kawasan terbuka dalam HSK. JPN diminta menjalankan semakan di lapangan untuk tujuan pengesahan dan tindakan mengikut prosedur yang ditetapkan, seterusnya mengemukakan laporan kepada *war room* di ibu pejabat JPN untuk tujuan perekodan. JPSM telah menambah baik dari aspek pengurusan rekod aktiviti *war room* melalui pewujudan sistem perekodan laporan *war room* yang telah diguna pakai sejak awal tahun 2023.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli Mesyuarat, itu tadi isu-isu yang telah dibangkitkan oleh pihak audit kepada NRECC yang berstatus kuning dan kami di sini sedia memberi maklumat tambahan sekiranya dibangkitkan. Okey, sekian terima kasih.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berbahagia Dr. KSU. Jadi, saya bukakan kepada Ahli-ahli PAC untuk mula bertanyakan soalan dan juga untuk mendapatkan penjelasan daripada pihak NRECC dan juga yang lain. Saya buka. Terima kasih. Tadi Bayan Baru ada nak bertanyakan soalan? Dah hilang. Okey.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey, mungkin kita bermula dengan isu pertama. Terima kasih kepada Datuk Wira Pengerusi. Jadi, dalam slaid ke-10, nombor ke-10, isu pertama liputan hutan. Dr. KSU juga menyatakan bahawa sasaran kawasan berhutan yang ditetapkan untuk tiga negeri iaitu Johor, Perak dan Sarawak tidak tercapai. *So,* boleh menjelaskan secara terperinci satu negeri ke satu negeri kenapa tidak tercapai? Apa masalah di belakang isu ini? Ada apa-apa kekangan tak?

Dr. Ching Thoo a/l Kim [Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim]: Boleh saya jemput KP saya untuk bagi penjelasan. YB boleh ya. Silakan Dato'.

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Jadi untuk menjawab persoalan tadi, sebenarnya di peringkat Federal*,* kita di Persekutuan sebenarnya kita tak ada tetapkan sasaran spesifik, sasaran kawasan hutan bagi setiap negeri. Sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Yang Berbahagia Dr. KSU di awal pembentangan tadi mukadimah, mengikut Perlembagaan Malaysia di bawah Perkara 74(2), tanah, hutan adalah bidang kuasa mutlak negeri.

Jadi, sebenarnya di peringkat *Federal* kita hanya lebih kepada menyediakan dasar perundangan, menyelaras, menyeragamkan dan itu pun tertakluk kepada negeri untuk menerima pakai dasar-dasar dan juga akta yang digubal di peringkat *federal.* Saya ambil contoh pada tahun lepas, kita telah di peringkat *federal* telah meluluskan pindaan Akta Perhutanan Negara 1984 yang mana telah diluluskan dan diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang di-Pertuan Agong dan diberikan rujukan A1667.

■1210

Apabila dah diluluskan di Parlimen, sepatutnya di peringkat negeri terima pakai akta itu. Tetapi, sehingga kini, negeri yang telah guna pakai hanya Perlis— ada beberapa negeri sahajalah yang terima pakai. Negeri lain masih dalam pertimbangan dan saya percaya dalam proses untuk terima pakai.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Boleh beritahu secara spesifik tak negeri mana yang dah mula pakai?

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: Perlis. Selangor memang di awal lagi sebab kebanyakan pindaan akta itu kita menggunakan Selangor. Terutamanya berkaitan *public hearing*, syarat untuk mengenakan atau mengadakan pendengaran awam sebelum sesuatu kawasan itu diwarta keluar. Selangor yang terawal buat. Negeri lain, setakat ini belum lagi. Tetapi, Perak ada menyatakan bahawa akan menerima pakai tapi setakat ini belum dibawa lagi ke Dewan Undangan Negeri untuk diterima pakai. Jadi, itu *constraint,* saya percaya di peringkat kita Federal. Dari segi dasarnya masih dan juga akta masih diperlu diguna pakai peringkat negeri menjadi enakmen negeri masing-masing.

Dalam konteks litupan hutan tadi, kita di peringkat Federal memang mempunyai sasaran. Malahan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah membuat pengumuman ketika menghadiri sidang *Rio de Janeiro 1992 Summit* untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50 *percent*, 50 peratus daripada keluasan tanah negara sebagai kawasan berhutan dan juga diliputi dengan pokok. Itu komitmen di peringkat *Federal*.

Tetapi, dari segi sasaran negeri memang tak ada, sebab pada ketika 1992 itu memang litupan kawasan berhutan kita melebihi 52 peratus. Jadi, maknanya status quo— kalau negeri status quo dengan kawasan berhutan yang ada, maknanya kita punya komitmen 50 *percent* tadi boleh dikekalkan. Sehingga kini, walaupun komitmen tadi dah buat lebih daripada 40 tahun, saya percaya untuk statistik kita, sebagaimana yang telah dilapor ke dalam LKAN, di Malaysia ini masih lagi ada 54.48 peratus litupan kawasan berhutan. Masih kekal dengan komitmen kita.

Tapi, perkara ini, dari segi *Federal*, memang kita dah ditetapkan. Contohnya tadi, Johor *at least* mesti 30 *percent* litupan hutan atau Selangor 30 peratus. Itu bukan *Federal* yang tetapkan. Macam saya kata tadi, dia berbalik kepada Perlembagaan. Hak mutlak adalah negeri. Kalau negeri membuat keputusan untuk membangunkan kawasan hutan, itu pun kita di peringkat Persekutuan, kita tak ada kuasa untuk menyekat negeri membangunkan kawasan-kawasan berhutan yang ada.

Jadi, untuk menjawab soalan YB tadi, memang kita tidak menyasarkannya tetapi perkara itu datang daripada negeri sendiri. Negeri yang menyatakan komitmen ini untuk menetapkan. Contohnya, di Selangor, ditetapkan *at least 30 percent* kawasan tanah di Selangor dilitupi kawasan berhutan. Jadi, agensi di negeri mempunyai aspirasi untuk mencapai matlamat yang ditetapkan oleh negeri. Jadi, perkara yang sama berlaku di negeri-negeri lainlah.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey. Boleh saya simpulkan bahawa Kerajaan Persekutuan sebenarnya hanya ada satu komitmen untuk seluruh negara iaitu sekurang-kurangnya 50 peratus dikekalkan sebagai hutan simpanan kekal tetapi tak ada sasaran di peringkat negeri? Betul?

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: Ya, dia boleh macam itu.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Jadi, setiap negeri boleh...

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: Sebenarnya, 50 *percent* tadi bukan hutan simpanan kekal. Kawasan berhutan.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Kawasan berhutan.

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: Dan juga litupan dan kawasan yang berhutan dan tanam pokoklah.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey. Jadi, tak ada sasaran untuk setiap negeri. Jadi, apa masalah sekarang adalah kalau setiap negeri mereka nak memajukan kawasan mereka, tanah mereka dan tidak selaraskan, apa peranan boleh Kerajaan Persekutuan mainkan di sini? Kerana, tanah itu bidang kuasa negeri.

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: Untuk menjawab soalan YB tadi, saya rasa— sebenarnya ada beberapa platform kita di peringkat Persekutuan yang boleh kita mainkan. Pertamanya, dari segi Majlis Tanah Negara. Satu forum yang disebut oleh Yang Berbahagia Dr. KSU tadi yang sebagai platform untuk membincangkan peranan antara *state* dan juga *Federal.*

Selain daripada Majlis Tanah Negara, ada juga satu platform yang lain di bawah Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) yang mana kedua-dua majlis tadi

dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan keahliannya oleh Yang Amat Berhormat Menteri-menteri Besar, Premier dan juga Ketua Menteri lah.

Dalam MPFN, contohnya, ada satu komitmen telah dinyatakan untuk menyasarkan untuk Semenanjung tingkatkan kawasan berhutan kepada 50 peratus di Semenanjung yang mana sekarang ini untuk kita di Semenanjung, 43.4 peratus kawasan berhutan. Jadi, dengan adanya agenda nasional seperti itu, jadi sekarang ini di peringkat Federal dan juga negeri, kita ke arah bagaimana untuk mencapai sasaran tadi. Jadi, ada sasaran, ada matlamat yang nak dicapai dan kebanyakan agensi akan ke arah untuk mencapai agenda nasional tersebut.

Kita di peringkat Persekutuan juga melalui platform Majlis Tanah Negara, kita juga *monitor*, pantau kedudukan kawasan-kawasan berhutan yang ada di Semenanjung. Apabila isu-isu kritikal, kita akan bawa kertas-kertas yang bersesuaian kepada Majlis Tanah Negara— *alert paper* ataupun kertas untuk keputusan— untuk dilaksanakan di peringkat semua negerilah. Jadi, saya percaya itu peranan di peringkat kementerian. Kita monitor keseluruhan kawasan berhutan dan sekiranya ada isu-isu yang perlu diputuskan bersama di peringkat negeri, pihak kementerian akan membawa *paper* itu kepada platform-platform yang bersesuaian terutamanya Majlis Tanah Negara ataupun majlis-majlis yang lainlah yang berkaitan.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Saya dengarlah penjelasan daripada Tuan berkenaan dengan perkara tersebut susulan daripada soalan daripada Naib Pengerusi.

Apabila *state* kuasa penuh dan tidak ada perundangan yang boleh menguatkuasakan Federal kepada apa juga yang dilakukan oleh *state,* saya melihat perkara itu akan *back to square one.* Dia akan berlaku saja. Contoh, ada lebih daripada 100 lebih agensi yang terlibat dalam apa yang dilakukan oleh— dalam Laporan Ketua Audit Negara. Daripada 146 tindakan susulan, selesai hanya 30 sahaja, dalam tindakan 116. Terlalu banyak perkara yang harus diberikan perhatian dan juga tindakan. Jadi, ini memerlukan satu perkara yang sangat konkrit.

Kita faham kekangan yang ada di peringkat kementerian dan juga agensi di Federal. Tetapi, saya nak bertanya, adakah perlu untuk kita lihat semula tentang perkara ini supaya ada tanggungjawab ataupun perundangan yang konkrit lagi supaya kita dapat menjaga hutan dan alam sekitar ini dengan lebih baik lagi?

Dr. Ching Thoo a/l Kim [Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim]: Mungkin sedikit— *I think* di bawah kami ini, banyak aspek yang terlibat dengan bidang kuasa negerilah. Hutan, satu. Air, Yang Berhormat, sumber air. Ia berkaitan dengan hutan juga. Yang Berhormat *aware* isu yang berlaku dalam *state* dua-dua negeri di utara, kan? Kami di Persekutuan, bila berlaku begitu, kita *respect* dekat situ.

Seperti juga yang dibangkitkan Audit juga, hutan melibatkan pencemaran kepada sumber air, kepada kualiti hidup. Sebab itulah, Yang Berhormat, kita ada platform-platform di peringkat Persekutuan yang kita bawa seperti Majlis Sumber Air Negara, PM*Chair* dan beberapa lagi. Tapi, dia lebih kepada isu *fundamental*— kuasa negeri. Walaupun di peringkat kementerian—

Contohlah, kalau nak buka ladang hutan. Dia perlukan kelulusan daripada EIA, JAS. Itu kuasa yang ada di peringkat Persekutuan tapi *we have*— *the limitation* itu ada dekat situ untuk nak kuat kuasa. *So that* melibatkan juga isu yang lebih besar. *That one* mungkin perlu kepada pindaan Perlembagaan Persekutuan, kalau itu yang dibuat, Yang Berhormat. Isu yang lebih besarlah. Tapi, memang kami *aware* dan kami ambil langkah-langkah yang boleh kami lihat untuk mengekang apa yang dibangkitkan Yang Berhormat tadi.

Saya jemput mungkin Pengarah Sarawak nak tambah.

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: Terima kasih Dr. KSU. Terima kasih juga Yang Berhormat Datuk Pengerusi untuk memberi saya peluang untuk ini.

Komitmen negara adalah satu keutamaanlah sebenarnya dan untuk semua negeri-negeri bersepakat untuk mencapai apa yang telah ditetapkan oleh negara, lebih-lebih lagi apabila Perdana Menteri kita telah pun memberi satu komitmen kepada negara luar bahawa kita Malaysia mesti memastikan 50 peratus daripada kawasan tanah kita akan berhutan.

■1220

Itu komitmen yang telah pun ditetapkan oleh negara. Jadi, apa— bagaimana untuk semua negeri-negeri ini untuk memastikan komitmen ini akan tercapai. Oleh itu, kita mempunyai satu platform, Majlis Tanah Negara contohnya di mana semua negeri-negeri di sana bersepakat bahawa kita akan mengambil tindakan bersama dan untuk memastikan keutamaan negara ini kita capai.

Kalau dari segi kelitupan hutan ini– sebab itu kita kena daripada isu yang dibangkitkan oleh pihak Audit ini lah, terdapat trend penurunan kawasan litupan hutan di Malaysia. Kalau kita lihat trend itu memang ada, ya. Tapi isu yang dibangkitkan lebih kepada kawasan yang diwartakan. Ini ada perbezaan sebenarnya kawasan litupan hutan dengan kawasan yang diwartakan sebagai kawasan hutan kekal.

Kalau kita lihat dari kawasan litupan hutan, saya bagi contoh Sarawak saja lah. Sebab Sarawak disebut di sini sasaran kawasan berhutan ditetapkan— di Sarawak tidak tercapai. Sebenarnya salah sebenarnya kenyatan itu. Saya minta maaf lah. Yang sebenarnya mungkin kawasan yang diwartakan sebagai kawasan hutan simpan kekal. Sebab prosesnya panjang. *It takes* kadang-kadang 20 tahun

kalau ada isu lah. Sebab itu kita kena lihat juga dari segi masyarakat yang mendiami kawasan-kawasan itu. Banyak isu-isu yang dibangkitkan, kita kena ambil sensitif dengan itu.

Sebab itu kawasan hutan yang sebenarnya kawasan yang berhutan tu melebihi— kalau kami di Sarawak 7.65 juta hektar. 62 peratus kawasan hutan. Kawasan Sarawak adalah hutan. 62 peratus masih lagi tapi kawasan hutan simpan kekal itu yang belum dicapai untuk kita wartakan. *It is still in progress* sebenarnya. Dulu waktu audit dia buat kita hanya mencapai 3.9 juta. Sekarang dah empat juta lebih. Ini pun *last week* kita dah pun mewartakan 13,000 lebih hektar hutan yang baharu sebagai kawasan hutan. Di sini ada satu– saya kena bagitahu lah. Ini adalah komitmen kita bersama di setiap negeri.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Saya minta Jabatan Audit Negara tolong respons sikit sebab ini dia kata yang salah itu tadi.

Tuan Haji Hamdan bin Mohd Dom [Ex-officio, Jabatan Audit Negara]: Datuk Wira YB, kalau merujuk kepada Jadual 7 laporan kita, kita tidak menyatakan Sarawak tak capai. Tengok pada Jadual 7.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Muka surat berapa ya itu?

Tuan Haji Hamdan bin Mohd Dom [Ex-officio, Jabatan Audit Negara]: Muka surat 8. Muka surat 8, nombor 9 itu Sarawak— sasaran tidak ditetapkan dan kita pun –pencapaian pun tidak berkaitan lah.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Jadi yang mana yang Tuan kata salah itu? Yang daripada Sarawak ini? Elemen yang mana? *Which* ini?

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: Okay, kawasan litupan hutan, kawasan litupan hutan ini yang berhutan lah.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Yang sebut kata Jabatan Audit salah itu yang mana?

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: Yang salah itu adalah kawasan— apabila disebut kawasan hutan yang kawasan berhutan tidak tercapai, salah sebenarnya. Kawasan yang –sebetulnya adalah kawasan yang diwartakan sebagai hutan simpan kekal.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Dia sebut di mana? Boleh nyatakan disebut di mana?

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: Di dalam ini isu pertama ini telah pun disebutkan kawasan berhutan ditetapkan di Johor, Perak dan Sarawak tidak tercapai.

Tuan Haji Hamdan bin Mohd Dom [Ex-officio, Jabatan Audit Negara]: Itu— kita tak keluar *statement* itu.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okay, tahu. Dia sebut di dalam *page* mana? Dalam Laporan Ketua Audit ini? Boleh nyatakan secara spesifik *page* mana ataupun rajah dalam mana yang salah Jabatan Audit ini.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Cari dulu lah ya. Cari dulu nanti *update* kita balik. Okey, saya *open*-kan kepada soalan lain.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Terima kasih Pengerusi. Saya nak tanya kepada Dr. KSU atau KP. Apabila kita cakap tentang litupan hutan, bolehkah takrifkan litupan hutan? Adakah ladang-ladang seperti kelapa sawit dikategorikan sebagai litupan hutan atau tanaman-tanaman pertanian? Adakah dia dikira sebagai litupan hutan— tanaman durian dan sebagainya? Boleh bagi penjelasan?

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: Okay, terima kasih kepada YB. Litupan hutan ini dia tidak termasuk kawasan-kawasan pertanian, tak termasuk kelapa sawit terutamanya. Tetapi untuk macam— bila Perdana Menteri menyata komitmen 50 peratus kawasan berhutan, kawasan berhutan itu termasuk juga dengan kawasan-kawasan pokok, ya. Kawasan-kawasan pokok yang pertanian, macam pokok getah contohnya. Getah termasuk sebagai kawasan berhutan dan dia diterima oleh FAO dalam definisi yang dikeluarkan oleh FAO, satu badan di bawah United Nation lah. Tetapi sawit memang tak termasuk dalam definisi kawasan-kawasan hutan. Jadi dalam statistik kita, bila kita keluarkan laporan untuk Semenanjung, 43.4 peratus tak termasuk kawasan sawit.

Kalau untuk makluman Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi dan juga Ahli-ahli PAC sekalian, kalau mengikut definisi FAO –*simple* dia punya definisi kawasan berhutan. Satu kawasan yang melebihi 0.5 hektar yang mana ditumbuh dengan pokok, pokok tadi dia *mature* umur matang dia boleh mencapai lima meter tinggi dan dari segi kanopi, *at least 30 percent.* Maknanya, bukan 0.5 hektar tadi dipenuhi 100 persen dengan pokok— mesti ada pokok. Memadai 30 peratus sahaja daripada 0.5 hektar, lebih kurang dua padang bola lah lebih kurang ya— dua atau tiga padang bola –yang *30 percent* sahaja kanopi pokok tu ada dalam kawasan tadi dan boleh didefinisikan sebagai kawasan berhutan.

Itu definisi FAO yang mana sekarang ini kita –untuk laporan kita tak gunakan itu lagi. Maknanya masih lagi *broad* kita punya kawasan berhutan kita tetapi kita ke arah itu. Selepas ini mungkin di peringkat dalam jawapan kita pun ada— kita akan membuat, memohon projek di bawah RP5 untuk menentukan litupan hutan kita tadi yang menepati definisi FAO. Sekiranya *exercise* itu selesai nanti, dan saya percaya

kita akan dapat kawasan yang lebih daripada apa yang kita laporkan sekarang ini, kawasan berhutan di Malaysia.

Saya ambil contoh di sekitar yang hampir dengan kita adalah Bukit Tugu— kawasan tugu di belakang kita, berhampiran kita ini. Kalau ikutkan memang dia dah termasuk hutan, kan. Daripada definisi *0.5 hectare* di mana pokok matang ini boleh mencapai lima meter tinggi dan *30 percent canopy.* Saya percaya di depan Parlimen ini, kawasan tugu dan juga kawasan botani depan itu memang termasuk di bawah definisi itu yang mana sekarang ini kita tidak kira pun sebagai kawasan litupan hutan. Jadi, perkara itu kita akan perbaiki dalam masa hadapan melalui projek yang kita mohon dalam RP5 ataupun di bawah RMKe-13 akan datang.

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Tanah individu.

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: Termasuk tanah individu lah. Apabila disebut kawasan berhutan ini, dia bukan sahaja kawasan hutan simpanan kekal, dia juga meliputi kawasan individu. Macam tadi saya sebut di bukit— kawasan tugu. Bukan kawasan hutan simpanan kekal yang mana kita tak masuk dalam data kita lah dan ada juga kawasan-kawasan milik individu yang kawasannya tanahnya berhutan lah yang boleh diambil kira sebagai litupan hutan di Semenanjung dan juga di Malaysia. Terima kasih.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Okey, soalan susulan. Apabila kita katakan hutan simpanan kekal yang diwartakan, dia biasanya diwartakan oleh *State* atau *Federal*? Kerana kita pun ada simpanan kekal *Federal* dan kita pun simpanan kekal *State* kan?

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: Itu tadi dalam di peringkat awal saya maklumkan di bawah Perlembagaan 74(2) adalah bidang Kuasa Negeri dan negeri— apabila di peringkat *Federal*, kita menyediakan dasar dan juga menyediakan akta. Akta ibu yang kita untuk menguruskan perhutanan dipanggil Akta Perhutanan Negara yang digubal pada tahun 1984 dan dipanggil sebagai Akta 313. Tetapi, negeri menerima pakai. Setakat ini, semua negeri menerima pakai yang Akta 313 dan ia menjadi Enakmen Perhutanan Negeri apabila ia dipakai oleh kerajaan negeri.

Di dalam Akta Perhutanan Negara ada memperuntukkan negeri untuk mewartakan mana-mana tanah kawasan berhutan untuk dijadikan sebagai hutan simpanan kekal di bawah seksyen 10, seksyen 7 Akta Perhutanan Negara untuk mewartakan. Jadi, maknanya pewartaan itu berlaku di negeri. Masing-masing negeri— setiap negeri akan mewartakan. Dia kenal pasti kawasan tanah yang untuk diwartakan sebagai hutan simpanan kekal dan keluasan yang diwartakan disiarkan dalam warta itu, kita akan gunakan sebagai keluasan yang kita *register* sebagai

kawasan berhutan kita. Walaupun di dalam kawasan itu ada *waterbody*, ada jalan, yang itu kita *assume* atau ambil kira sebagai kawasan berhutan juga.

Bagi Wilayah Persekutuan sama. Untuk Wilayah Persekutuan pun ada akta atau enakmen perhutanan untuk Wilayah Persekutuan dan kawasan-kawasan di Wilayah Persekutuan di Bukit Nenas, di Sungai Besi juga diwartakan di bawah Akta Perhutanan di peringkat Wilayah Persekutuan.

■1230

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi, *just a* susulan daripada soalan dari Bayan Baru tadi kepada Ketua Pengarah Perhutanan. Buat pewartaan kenalah dibuat oleh kerajaan negeri?

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: Ya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Tetapi kita di peringkat *Federal* kita ada akta?

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: Betul.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Dan negeri terikat dengan akta ini?

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: Tidak.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Tak terikat?

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: Tidak terikat. Sebab akta yang digubal di bawah...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Jadi, kalau tak terikat akta itu apa dia punya kesan kepada negeri?

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: Betul. Sebab dia akta itu akta ibu. Akta ibu maknanya dia *template* untuk negeri terima pakai.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Kalau negeri tidak terima pakai?

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: Itu tadi di peringkat awal tadi saya beritahu. Kita telah membuat pindaan kepada akta yang diluluskan oleh Parlimen.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *So*, kena *go another step?* Kalau tidak, tak guna kita ada akta tetapi negeri tak mahu ikut kecuali Persekutuan sahajalah.

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: Saya boleh sebut bila Akta 313 ini diluluskan oleh Parlimen pada 1984

atau 1983 dan pada ketika itu semua negeri terima pakai akta itu dan menjadi enakmen negeri masing-masing. Cumanya bila dia buat pindaan kali pertama 1993 pun sama. Pindaan itu juga diterima pakai oleh negeri dan yang kali kedua, pindaan yang dibuat pada tahun lepas, yang itu hanya ada sedikit *resistance* daripada *state.* Bila saya kata *resistance*...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Ertinya dia tidak ada undang-undang negeri kena ikut tetapi dia atas kerelaan untuk menerima akta. Betul? *That is the situation* lah kan?

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: Betul. Itu sebabnya tadi sebab selalunya negeri-negeri ini dia pegang kepada Perlembagaan tadi 74(2). Apabila sesuatu isu dibawa kepada Majlis Tanah Negara dan menyentuh bidang kuasa negeri, di situlah negeri-negeri akan bersuara menyatakan bahawa dia tak nak *Federal* atau ini mencampuri urusan yang memang dalam Perlembagaan memang bidang kuasa negeri. Itu yang memang sukarlah.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Jadi, sepanjang masa kita bagi panduan je lah?

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: Ya. Itu sebab kita...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Okey. *The next one* Tuan Pengerusi, saya nak sentuh pasal tadi. Ladang hutan.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Sebelum masuk ke ladang hutan, kerana dah disebut ada *resistance* daripada pihak negeri. Jadi, apa pandangan setiap negeri apabila berunding isu ini dalam Majlis Tanah Negara sebenarnya?

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: Dia *resistance* ini Yang Berhormat, dalam bila sesuatu pindaan itu dikemukakan, diluluskan oleh Parlimen, dia meliputi banyak pindaan. Saya ambil contoh pindaan yang dibuat, diluluskan oleh Parlimen baru-baru ini meliputi 62 fasal pindaan. Penguatkuasaan memperuntukkan kuasa kepada pegawai *Federal* dan yang isu utama ialah tentang mewujudkan ataupun memperkenalkan *public hearing*. Itu dan juga penggantian serentak kawasan yang diwarta keluar diganti dengan kawasan yang sama luas atau lebih luas. Itu yang saya tengok *resistance* sedikit.

Untuk lain untuk tingkatkan kompaun untuk *take a* denda, penjara ditingkatkan. Itu tidak ada masalah *state*. Tetapi apabila menyentuh kepada perlunya adakan penyiaran awam atau pun pendengaran awam dan perlunya penggantian serentak sekiranya *state* nak warta keluar untuk tujuan pembangunan ataupun untuk aktiviti-aktiviti lain. Itu yang saya kata ada *resistance* sedikit di peringkat negeri lah yang saya dapat *capture* melalui mesyuarat-mesyuarat yang saya hadiri sebelum ini.

Jadi, itu yang saya rasa di peringkat negeri yang dia mempertimbangkan menyebabkan belum diterima pakai lagi. Mungkin dalam proses di peringkat negeri. Ada *progress* dan kita pihak kementerian, saya percaya kita sentiasa mengambil *engagement* dengan *state* untuk *state* terima pakai pindaan yang kita dah luluskan di peringkat Parlimen baru-baru ini.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Alright*. Terima kasih. Saratok, lepas itu Shah Alam ya.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Terima kasih Datuk Wira Pengerusi. Dato' Indera, apa khabar? *[Ketawa]* Saya dulu di KeTSA.

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: Angkat tangan. *[Ketawa]*

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Jadi, soalan-soalan yang Dato' Indera jawab, saya jawab dahulu. *[Ketawa]* Walau bagaimanapun, kita ada isu satu lagi iaitu isu pelaporan hutan nasional. Isu akta tadi itu memang kita akui memang setiap negeri ada dia punya autonomi sendiri dan tak ada negeri yang akan lepaskan autonomi tersebut. Itu memang kenyataan. Tetapi mengatasi masalah tersebut—bukan masalah. Untuk melancarkan lagi kita punya proses perhutanan ini, kita perlu dalam syor tersebut adalah pelaporan hutan nasional secara tahunan. Di Sabah Sarawak dua tahun sekali. Jadi, untuk Sabah Sarawak, adakah kekangan untuk membuat laporan secara tahunan sebab untuk negara Malaysia, pelaporan kita ini untuk internasional, memang kita kena buat tahunan.

Jadi, kalau *Malaysian Report*, memang kita kena *combine* campur Sabah, Sarawak punya data. Sebab Sabah, Sarawak adalah merupakan sebahagian besar daripada hutan yang ada kita sekarang ini. Jadi, kalau Sabah Sarawak tak buat tiap tahun, macam tertinggal. Jadi, macam mana kedudukan Sabah Sarawak sekarang ini? Adakah bersedia untuk membuat laporan secara tahunan dan apakah kekangan yang melibatkan laporan itu mungkin belum dapat dibuat dan *what is the commitment from* Sabah Sarawak supaya laporan ini selaras dengan laporan antarabangsa? Sebab kita *Malaysian Report*. *So*, *this is very important.*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ini saya minta Sarawak komen *and also* Sabah lah. Ada wakil Sabah kan?

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: Ada.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ada? Okey.

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: Terima kasih Datuk Pengerusi. Terima kasih Datuk Ali. *Well of course* soalan ini memang satu yang sangat kita alu-alukan sebenarnya untuk kami *but* kekangan, memang kekangan. Kalau di Sarawak, 7.65 juta hektar kawasan keluasannya. *I think almost*

double daripada apa yang di Peninsular. Kawasan yang agak luas. Dua kali ganda Semenanjung. Lebih kurang.

Daripada segi *manpower*, kita memang agak berkurangan untuk inilah. Untuk mengawal selia tetapi itu tidak menjadi satu halangan yang besar lah sebab kita sekarang ini kena cuba nak mengguna pakai semula teknologi yang ada untuk kita memastikan sama ada pengurusan dan juga pemuliharaan dapat dilaksanakan. Jadi, memang daripada segi kenapa kita agak kesediaan untuk membuat data untuk secara *annual* ini agak sukar sikit. Mungkin usaha satu adalah daripada segi kosnyalah. *It's very costly.* Kedua, adalah daripada segi sumber manusia tadi. Itu tadilah untuk kita.

Kita tidak boleh nak membuat memberi data yang tidak tepat untuk negara. Kita tidak berani untuk memberi satu data secara tergesa-gesa sebab ia perlu memerlukan satu penelitian yang betul sebab kita kena membuat penganalisaan secara manual, secara *ground thruthing,* yang pertama. Kedua, adalah menggunakan secara *geospatial* dan sebagainya. *Geospatial* ini yang agak singkat lah kalau kita nak dapatkan data itu. Lihat daripada *aerial photo* atau pun *image satellite* dan sebagainya. Mungkin kita dapat tetapi kita kena lihat secara lebih *detail* melalui *ground thruthing*.

Juga kami untuk sebelum membuat pelaporan, kita kena buat *check* dengan semua agensi yang terlibat dengan guna tanah. Sebab kalau Sarawak daripada segi status penggunaan tanah juga agak dinamik. *We have to check with the land and survey* dengan JUPEM, dengan yang menggunakan M-FICORD, *Ministry of Food Industry* dengan RISDA, SALCRA dan juga dengan Jabatan Pertanian dan sebagainya. Kita nak kena pastikan semua data mereka ini sebab mereka yang akan membuka kawasan-kawasan hutan dan juga kawasan-kawasan yang berkaitan dengan hutan. Jadi, untuk memastikan data ini tepat. Kami nak pastikan semua data daripada agensi ini adalah tepat juga. Itu mungkin *explanation* sayalah.

Encik Indra Purwandita bin Herry Sunjoto [Jabatan Perhutanan Sabah]: *Assalamualaikum warahmatullahi* Datuk Wira Pengerusi dan juga Datuk Ali. Bagi Sabah pula, kekangan kita adalah hampir serupa dengan Sarawak. Cuma isu di sini yang ingin kami tambah di sini adalah *just matter for reporting* memang data itu memang kita boleh lapor. Isunya adalah *validation and verified*. Sebab ini data negara. Macam Datu Pengarah Sarawak katakan tadi. *Once* kita lapor melalui UNFCC ataupun BTR ataupun BUR, kita tak boleh tarik balik. Jadi, isunya sekarang adalah untuk siapa yang akan *verify* dan siapa yang akan *validate*.

Jadi, dalam konteks Sabah ini, kami mendapat bantuan. Kami ada MOU dengan MYSA, *Malaysian Space Agency*. Jadi, kapasiti kami pun bergantung kepada kapasiti MYSA. *So*, dalam konteks ini kami *realign* dengan keperluan

kementerian di mana pelaporan UNFCC dan BTR ataupun BUR dalam setiap dua tahun sekalilah. *So, to be consistent,* itu yang kita lakukan.

■1240

Walau bagaimanapun, dengan mengambil kira input daripada Jabatan Audit Negara, Sabah sebetulnya kami bersedia juga untuk melaporkan secara tahunan, *provided* MYSA boleh *verified* data kami. Isunya di sini adalah kawasan berhutan yang bukan hutan simpanan kekal. Sebab, untuk makluman Datuk Wira Pengerusi dan juga Ahli PAC, data berhutan ini meliputi hutan simpanan kekal, hutan tanah kerajaan dan juga hutan tanah bermilik. Jadi, dua sektor ini— hutan di tanah kerajaan dan hutan di tanah bermilik ini— setiap tahun dia berubahlah seperti yang dikatakan oleh Datu Pengarah Sarawak tadilah. Ini tahun dia hutan, tahun depan dia dah *open* jadi kelapa sawit.

So, dari segi pelaporan ini, kami gunakan *satellite imagery,* serupa dengan Sarawak. Tetapi, dalam— ini agak teknikal jugalah sebab dia *raster vector data,* kan? *So*, dia perlu *verified* di lapangan, *ground truthing. So,* ini mengambil masa, Yang Berhormat Datuk Wira dan juga Dato' Ahli. Itu respons kami.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, terima kasih. Sebelum saya bagi pada Shah Alam, saya nak tanya pada Dr. KSU. Bagaimana Dr. KSU nak meng-*integrate*-kan semua pelaporan-pelaporan ini untuk dijadikan sebagai laporan tahunan daripada kementerian?

Dr. Ching Thoo a/l Kim [Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim]: Soalan itu mudah tetapi jawapan dia agak sukar sikitlah. *[Ketawa]* Itulah, Yang Berhormat Datuk Wira, Semenanjung mungkin tidak ada isulah. Kita dah buat setiap tahun. Tetapi, itulah, kita mungkin kami perlu duduk dengan Sarawak, mungkin kita boleh *share* apa yang kami buat di Semenanjung yang boleh juga kita ke arah *yearly reporting* itulah. *As we know, I* pun setuju juga, kalau data itu tak di-*validate* dan tak di-*verify* betul-betul, *once* kita dah *submit* di peringkat UNFCCC itu agak sukarlah.

Tetapi, *we will try our best.* Kalau dapat itu, memang dapat *every year*-lah. Dan kami di kementerian, kami cuba membantu Sabah, Sarawak ke arah itu, Yang Berhormat. Okey.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Shah Alam.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Ya, terima kasih Datuk Wira Pengerusi.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Shah Alam. Lepas itu, Kapar ya. Memang Shah Alam awal tadi. Lepas itu, Kapar. Okey, *then* Bangi.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Tadi, dalam penerangan dari Jabatan Audit mengatakan bahawa dari segi sudut Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* belum dilaksana 145 *over* 356. Makna, baru 41 *percent* baru dilaksana. Kemudian, satu lagi yang strategi *Heart of Borneo,* sembilan *out of* 22 tidak tercapai. Tadi kami ada timbulkan persoalanlah kenapa ada dua penilaian yang berbeza. Jadi, kita nak minta penjelasan itu daripada pihak kementerian dan juga jabatan. Kenapakah ada dua penilaian yang berbeza? Itu yang pertama.

Keduanya ialah dari segi untuk nak mencapai sasaran tersebut, mesti dia ada *timeline,* kan? Jadi, dari segi— *timeline* ini mungkin panjang dan sudah tentu ada interim. Maksudnya, untuk tempoh-tempoh tertentu, ada beberapa sasaran yang perlu dicapai dan sebagainya. Jadi, dari segi *timeline* tersebut, adakah dia berkadar dengan sasaran tersebut ataupun dia lari daripada sasaran supaya pencapaian itu dapat dilakukan?

Ketiganya ialah berkenaan dengan sasaran yang ditetapkan oleh negeri. Contoh, macam Selangor, dia menetapkan 30 *percent* kawasan hutan simpan kekal. Bagaimana pula dengan di negeri-negeri yang lain? Adakah negeri lain ini mempunyai juga sasaran yang tertentu? Supaya akhirnya apabila digabungkan kesemuanya, kita akan boleh atau kerajaan boleh mencapai sasaran kita mengekalkan yang 50 *percent* itu. Jadi, kita bimbang. Kerana, tempat-tempat seperti di Selangor, mungkin di Johor— Melaka memang dah tak ada dah tempat kawasan hutan yang boleh. Dah memang dah tak ada dah kawasan itu. Hanya yang tinggal ialah negeri-negeri yang banyak hutan seperti di Sabah, Sarawak, mungkin di Pahang, Kelantan. Tetapi, kalau mereka makin lama makin mengurangkan kawasan yang berhutan ini, akhirnya kita tidak dapat mengekalkan 50 *percent* sebagaimana yang disasarkan itu.

Selain daripada itu, apakah juga rancangan daripada pihak kerajaan untuk memastikan bahawa kita punya, mungkin *pocket-pocket land* ataupun *public park* yang boleh mencapai status yang disebutkan tadi, kawasan litupan yang disebutkan oleh kementerian tadi, yang boleh dikategorikan sebagai kawasan litupan hutan juga? Macam di Taman Tugu itu. Boleh dijadikan sebagai satu sasaran. Yang kecil-kecil itu. Terima kasih.

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Shah Alam atas soalan yang dikemukakan. Tiga soalan. Soalan pertama berkaitan CFS dengan HOB. Cuma, saya akan jawab yang CFS lah.

Jadi, untuk makluman Yang Berhormat, untuk CFS ini, yang dirujuk melalui pengauditan dibuat oleh Jabatan Audit Negara, adalah berdasarkan Pelan Induk Rangkaian Ekologi 2010 yang mana pada ketika itu ada 37 koridor ekologi yang telah

dikenal pasti dan ada 356 inisiatif yang perlu dilaksanakan. Cumanya—PLANMalaysia, saya percaya tidak ada bersama kita pada hari ini. Pelan induk itu disediakan oleh PLANMalaysia. *So*, dia di bawah satu agensi yang bukan di bawah kementerian ini. Tetapi, Kabinet telah meluluskan supaya pelaksanaan pelan induk itu dimandatkan kepada Kementerian NRE pada ketika itu, yang mana sekarang ini di bawah NRECC lah dan Jabatan Perhutanan sebagai pelaksana utama dan disokong oleh pelbagai agensi lain dalam melaksanakan PIRE ataupun Pelan Induk Rangkaian Ekologi.

Daripada 356 inisiatif itu, banyak tempoh daripada 2010 hingga 2025 dan tentunya pelaksanaan secara berfasa dan bergantung pada keupayaan kewangan yang diluluskan oleh kerajaan melalui rancangan lima tahun Malaysia, RP yang diluluskan. Berdasarkan analisa kita, apabila kita melaksanakan, ada daripada strategi atau inisiatif-inisiatif yang termasuk dalam perancangan atau pelan induk 2010 tadi yang tak berapa tepat, yang tak boleh, yang tak ada daya laksana. *So*, makna disebut dalam pembentangan awal oleh Yang Berbahagia Dato' Dr. KSU tadi, tak boleh laksana. Maknanya, status guna tanah itu berbeza dah. Kita tak boleh nak laksana dah perkara itu.

Saya ambil contoh. Misal kata untuk pengambilan balik tanah yang mana—sebenarnya CFS ini dia untuk menggabungkan ataupun mencantumkan balik kawasan-kawasan hutan yang terpisah yang mana yang tengah-tengah itu dah ada pembangunan, sama ada sekarang ini statusnya tanah kerajaan ataupun tanah milik yang dah jadi ladang sawit ataupun apa-apa pertanian lain dan juga aktiviti guna tanah yang lain.

Jadi, antara inisiatif yang digariskan di bawah inisiatif itu adalah untuk membuat pengambilan balik tanah untuk jadi kawasan. Jadi, saya rasa itu satu yang sukarlah, sebab melibatkan bebanan kewangan kepada kerajaan terutama Kerajaan *Federal,* sekiranya perkara itu, inisiatif tadi nak dilaksanakan. Jadi, itu antara faktor-faktor yang saya percaya bila disebut daya laksana tadi, yang tak boleh nak laksana. Satu contoh. Jadi, itulah yang mempengaruhi rendahnya pencapaian.

Untuk kita dalam melaksanakan projek CFS ini, di peringkat awal diperuntukkan RM100 juta dan disambung melalui RMK berikutnya. Jadi, dibuat secara berfasa melalui *value management* yang kita laksanakan untuk projek yang melebihi RM50 juta. Jadi, ada prioriti yang telah digariskan mengikut rancangan Malaysia dan yang itu kita laksanakan, pertamanya, mengikut kemampuan kewangan dan, kedua, melalui aktiviti-aktiviti yang boleh dilaksanakan yang mempunyai daya laksana. Apa yang tak daya laksana itu yang memang termasuk yang tak capai tadilah, yang rendahnya.

Bagaimanapun, melalui kajian semula yang telah dibuat oleh PLANMalaysia yang menghasilkan PIRECFS yang terbaru 2022, isu-isu itu dah diatasi, saya percaya, dah diambil kira. Maknanya, yang tak daya laksana itu dikeluarkan dan ditambah daripada 37 koridor ekologi, sekarang ini dah jadi 39. Kalau dulu 5.3 juta hektar kawasan CFS, sekarang ini dah bertambah jadi 6.71 juta hektar. Bertambah luas dan tentunya banyak lagi inisiatif-inisiatif tambahan.

■1250

Baiknya dalam PIRECFS 2022 sekarang ini ada dinyatakan keperluan kewangan. Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi dan Ahli, keperluan untuk melaksanakan PIRECFS 2022 adalah sebanyak RM3.14 bilion. Jadi, bayangkan untuk laksanakan itu dengan kos yang telah dinyatakan dalam pelan itu sendiri. Jadi, berbalik kepada kemampuan kewangan kerajaan sama ada boleh membiayai dengan kos sebanyak itu ada tidak. Tentunya kalau boleh membiayai, saya percaya melalui kerjasama semua agensi, penglibatan semua pihak saya percaya untuk melaksanakan PIRECFS ini bukan sahaja NRECC, melibatkan agensi-agensi di kementerian lain juga. Saya percaya perkara itu boleh dilaksanakan. Tetapi banyak perkara-perkara yang menghalang ketidakcapaian yang PIRECFS 2010 yang mana disebut yang ditanya oleh Yang Berhormat tadi. Itu yang pertama untuk CFS. Untuk HoB mungkin rakan saya daripada Sabah atau Sarawak akan sentuh.

Kedua berkaitan dengan sasar negeri untuk kawasan berhutan. Saya dah jawab tadi memang kita tak ada sasarkan kepada negeri untuk tetapkan. Negeri dia kena *commit* sendiri berapa hasrat dan saya percaya negeri pun ada tanggungjawab sosial dia masing-masing untuk mengekalkan atau menambahkan kawasan berhutan yang ada negeri-negeri masing-masing. Jadi yang itu memang kita alu-alukan dan saya percaya rakan daripada Sarawak tadi sudah sebut memang negeri akan ada komitmen untuk menyokong dasar-dasar ataupun perkara-perkara yang ditetapkan oleh pihak kementerian.

Bagi yang ketiga berkaitan dengan langkah-langkah di peringkat kementerian untuk sama ada ini dan sebenarnya ada sebut tadi memang di peringkat saya di JPSM di Semenanjung memang kita membuat permohonan di dalam RMK untuk mendapatkan bajet daripada kerajaan, terutamanya Kementerian Ekonomi– ada di sini, untuk kita buat *exercise* kenal pasti bersama dengan MYSA nanti, satu agensi di bahawa Kementerian MOSTI. Untuk kenal pasti kawasan-kawasan yang di luar atau hutan simpanan kekal yang melitupi, memasuki ataupun definisi kawasan berhutan untuk kita ambil kira termasuk kawasan di tugu tadi ataupun mana-mana kawasan juga yang tanah-tanah milik yang kita boleh jadikan ataupun masuk di

bawah pelaporan litupan hutan kita. Jadi, itu respons saya Yang Berhormat. Mungkin Datu Hamden.

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: Terima kasih untuk soalan yang YB Shah Alam mengenai Heart of Borneo. Heart of Borneo adalah satu inisiatif yang agak lama dah, 16 tahun telah ditandatangani oleh Menteri kita lah iaitu satu inisiatif yang menggabungkan tiga negara; Malaysia, Brunei Darussalam dan juga Indonesia yang mana (adalah) *vision*-nya adalah satu sahaja. *One conservation vision* iaitu konservasi *transboundary*. Satu *vision* yang agak besar yang cuba nak dicapai untuk tiga negara ini lah. Tapi memang banyak isu yang berbangkit apabila ketiga-tiga negara– kita tahu bahawa kalau hutan ini kadang-kadang sekarang ini melangkaui *global issue* ini apabila berlakunya jerebu contohnya. Jerebu, kebakaran hutan dan sebagainya. HoB ini merupakan salah satu platform (lah) untuk kita membincangkan tentang masalah bagaimana untuk mengatasi, mungkin kalau agak sensitif perkara ini. Tetapi *at least* ada satu platform untuk perbincangan di peringkat pegawai.

Untuk Sarawak kita mempunyai *Project Implementation Framework* (PIF) kita sendiri. Walaupun kita Malaysia ini sebagai satu negara untuk menandatangani inisiatif ini, tetapi di antara Sabah dan Sarawak kita juga mempunyai *framework* yang berlainan. Sabah mempunyai *framework* sendiri. Sarawak mempunyai sendiri. Begitu juga dengan CFS tadi. *CFS is totally different from HoB*. Cuma konsep dia sama lah. Sebab itu kita tak dapat nak samakan lah dari segi status-status tadi lah mengapa seperti yang YB tanya tadi— mengapa dia tak sama. Sebab *framework* dia memang tak sama. Apa yang kita laksanakan di Sabah dan juga di Sarawak *totally different.*

Di Sarawak kita mempunyai– *pillar* dia ada lima *pillar*. SFM satu, yang bawah Jabatan Hutan Sarawak. *Pillar* yang *kedua ecotourism based on culture, adventure and nature*. Itu di bawah Kementerian Pelancongan Negeri. Kadang-kadang di luar bidang kuasa kita juga lah. Ketiga adalah *conservation of biological diversity*. Banyak agensi lain yang juga terlibat dalam aktiviti-aktiviti program di bawah Heart of Borneo. Keempat *sustainable land use agriculture*. Ini adalah aktiviti-aktiviti ekonomi dan bagaimana kita nak *align*-kan prinsip-prinsip *conservation* ini dalam pembukaan atau pembangunan ekonomi terutama sekalinya *agriculture*. Kelima adalah *community-based rural poverty eradication*. Bagaimana program-program inisiatif Heart of Borneo ini boleh digunakan untuk memastikan ataupun *at least* mengurangkan kadar kemiskinan penduduk terutamanya sekali kawasan penduduk-penduduk yang mendiami kawasan-kawasan pedalaman. Sebab kawasan HoB ini adalah kawasan yang agak jauh iaitu bersempadan dengan Indonesia, Kalimantan.

Untuk makluman untuk di Sarawak kita walaupun dah 16 tahun program ini dilaksanakan, kita memang agak serius untuk melaksanakan, untuk kita memberi pelaporan di peringkat kebangsaan. Kita melaporkan segala aktiviti program kita bagi pihak Malaysia. Kami Sabah dan Sarawak akan memberi pelaporan bagi pihak Malaysia kepada ketiga-tiga negara ini. Itulah komitmen kita untuk memastikan bahawa apa yang telah kita meterai di peringkat *Federal* akan kita laksanakan di peringkat negeri.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Kapar.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Okey terima kasih Datuk Wira. Slaid 11. Nak habis lah *kot* isu satu ini. Saya merujukkan kepada perenggan yang terakhir itu. Kementerian mengambil perhatian syor LKAN supaya pelaporan Data Hutan Nasional dibuat setiap tahun dengan mengambil kira kesediaan pemilik data hutan kepada tiga-tiga wilayah.

Saya melihat tadi, dengar-dengar tadi, saya rasa Sabah dan Sarawak sepatutnya– ya lah memang lah ada masalah tapi boleh lah *insya-Allah* Sarawak dah kaya dah. Boleh lah tak cukup duit kah, tak cukup orang apa semua, boleh diatasinya. Saya– zaman dulu jadi ada lah sekejap jadi Ahli Lembaga MPOCC dan di antara propaganda yang diuar-uarkan oleh Kesatuan Eropah dan sebagainya ialah supaya mereka tidak ambil minyak kelapa sawit adalah kerana Orang Utan di Borneo itu dah habis dah. Semua hutan-hutan ditebang.

Jadi kalau ada pelaporan ini menunjukkan ianya stabil peringkat nasional sebab kalau Sarawak sahaja yang *announced to the world* mungkin tak lah berapa meyakinankan. Dia kena *national level* sebab saya rasa hutan ini kebanyakannya majoriti yang dekat dalam Sarawak. *The biggest area* kan? *Acreage* kan? Sebab Sarawak itu besar sikit, Sabah ada sikit. *So. I think you have all the reasons* kenapa kena buat setiap tahun. Itu sahaja lah Pengerusi. Saya rasa *way forward*. *You can do it.*

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: *Insya-Allah* kita akan ambil maklum. *Insya-Allah.*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Thank you*. YB Bangi. Bangi selepas itu Kubang Pasu.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Terima kasih YB Pengerusi. Saya nak pergi ke slaid nombor 18 iaitu tentang isu tujuh—*sorry* tak tahu sama ada kita ikut ini kah. Tapi yang isu tujuh. Tentang kadar pencemaran. Sebab kalau kita tengok dalam laporan LKAN itu, dia kata di situ pencemaran berlaku disebabkan – di sini pun ada, disebabkan oleh projek pembangunan ladang hutan, aktiviti pembalakan, perlombongan dan kuari. Jadi, kita dah tahu kenapa dia berlaku. Saya tengok respons daripada sini adalah untuk pinda akta dan sebagainya *which is good* dan

diperlukan. Tapi kita juga kena akui bahawa akta ini hanya memberi punca kuasa itu sahaja. Tetapi masalahnya juga kita perlu lihat bagaimana pemantauan dan juga penguatkuasaan yang kita laksanakan.

Jadi dalam *feedback* ataupun maklum balas yang diberikan ini tak nampak di sini apa dia tindakan yang akan diambil untuk isu ini dari segi penguatkuasaan dan juga pemantauan supaya isu pencemaran ini kita dapat tangani. Sebab kalau kita pinda akta pun tapi kalau kita punya penguatkuasaan, kalau ada lah kelemahan dan saya rasa mungkin kita boleh akui ada kelemahan sebab itu dijadikan isu. Apa tindakan yang akan diambil dari aspek penguatkuasaan dan juga pemantauan ini. Terima kasih.

Dr. Ching Thoo a/l Kim [Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim]: Yang Berhormat saya jemput KP JAS untuk beri pemaklumannya. Silakan.

Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar [Jabatan Alam Sekitar]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Yang Berbahagia Dr. KSU NRECC, Datuk-datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

■1300

Betul apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Memang daripada segi aspek pemantauan dan penguatkuasaan itulah sebenarnya apa yang kita usahakan oleh JAS sendiri dan kalau mengikut rekod kita daripada tahun— saya ada rekod ini dari tahun 2015 sehingga 2023, memang kalau kita lihat graf yang saya boleh tunjukkan kemudianlah kalau Yang Berhormat nak tengok nanti, memang ada peningkatan daripada segi bilangan penguatkuasaan yang kita buat. Macam tahun ini pun sehingga kini, kita telah pun membuat pemeriksaan kepada sebanyak 1,414 aktiviti penguatkuasaan kita.

Pada tahun sebelum ini adalah 1,530 dan daripada tindakan penguatkuasaan tersebut, kita mendapati kalau bagi projek-projek yang melibatkan hutan ini, 82 peratus mematuhi daripada segi peruntukan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 termasuk pematuhan kepada syarat-syarat kelulusan laporan EIA dan yang tidak patuh ada 18 peratus. Jadi Yang Berhormat, kalau graf ini saya boleh tunjuk memang ada peningkatan. Memang kita buat dan tindakan undang-undang yang kita ambil contoh kompaun mahkamah, perintah berhenti kerja. Memang kita ada rekod ini semua Yang Berhormat.

Kalau Yang Berhormat berminat, kita boleh kemukakan kemudianlah ataupun kalau yang tahun lepas, kita boleh rujuk juga laporan tahunan, laporan-laporan kualiti alam sekeliling yang kita sediakanlah. Boleh juga merujuk ke *website* dan juga

Facebook kita pun boleh Yang Berhormat. Memang kita laporkan setiap hari. Setiap kes tindakan mahkamah yang selesai memang kita laporkan.

Jadi daripada segi pemantauan dan penguatkuasaan itu, memang kita teruskan Yang Berhormat. Saya memberi jaminan kat sini memang kita akan pertingkatkan setiap tahun tetapi ada kekangan juga. Yang kita sebutkan termasuk dari segi perundangan ini yang mana dalam cadangan kita untuk pindaan fasal 1 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang telah pun disebut kali pertama pada 16 November yang lepas dan *Insya-Allah* akan disebut kali kedua saya ingat pada sidang akan datang, mungkin suku tahun pertama yang mana kita sekarang ini untuk kes-kes EIA, EIA. Maksimum hukuman di mahkamah adalah RM500,000 atau lima tahun penjara atau kedua-duanya sekali tetapi dalam pindaan ini, kita telah mohon supaya kesalahan yang berkaitan dengan EIA ini termasuk di kawasan hutan ini, sehingga RM1 juta atau penjara tidak lebih lima tahun— mandatori penjara tadi.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Mandatori?

Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar [Jabatan Alam Sekitar]: *Yes* dan ada kesalahan-kesalahan yang lain yang melibatkan pencemaran air di hulu takat pengambilan air, yang itu kita minta sampai RM10 juta pun ada.

Jadi Yang Berhormat, selain daripada itu, saya juga nak sebut juga. Memang saya ingat elok juga Yang Berbahagia Dr. KSU saya sebut juga, daripada segi kekangan kakitangan. Setiap tahun punca pencemaran ini meningkat. Bukan kita cerita pembangunan di kawasan hutan sahaja tetapi pembangunan industri yang kami perlu tampung daripada segi penguatkuasaan pemantauan. Kemudian, kenderaan yang kami perlu buat pemeriksaan daripada segi pelepasan. Kalau saya nak cerita memang panjang lebar daripada segi bidang tugas JAS ini daripada segi penguatkuasaan pencemaranlah. Tetapi hari ini kita bercerita berkenaan dengan kawasan hutanlah.

Jadi, yang hutan ini kalau kita lihat aktiviti yang melibatkan di kawasan hutan, pertama adalah pembalakan. Aktiviti untuk mendapatkan kayu balak. Kedua, perlombongan. Ini termasuklah macam-macam perlombongan. Ketiga, daripada segi kuari dan yang keempat adalah pembangunan ladang hutan. *So,* ini adalah empat aktiviti yang memang kita kawal melalui mekanisme EIA.

EIA ini perlu saya sebut juga untuk fahaman. EIA adalah *Environmental Impact Assessment* yang mana tujuan dia ada dua. Pertama, mengenal pasti apakah impak-impak yang akan berlaku sekiranya sesuatu projek pembangunan dijalankan. Yang kedua, kajian EIA perlu mengenal pasti apakah langkah-langkah mitigasi dan langkah-langkah kawalan yang perlu diambil. *So,* inilah berkait dengan apa yang kita bincang tadi. Selain daripada EIA, langkah-langkah kawalan yang perlu diambillah. Yang ini yang berkait dengan pemantauan yang perlu dibuat oleh JAS dan juga

dengan kerjasama agensi-agensi yang berkaitan di bawah NRECC dan juga di bawah kerajaan negeri juga. Terima kasih.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Kita akan berakhir pada jam 1.30. Ada 25 minit lagi. Saya nak bertanya tentang isu yang ke-10 pasal perlombongan. Audit mendapati kelemahan dalam pengurusan aktiviti perlombongan dan kita lihat adanya berlaku kelemahan antara agensi dan *coordinate* antara jabatan dan agensi terbabit. Ada juga kurangnya pemantauan daripada pihak yang sepatutnya untuk pastikan bahawa aktiviti perlombongan itu dijalankan dalam kawasan yang diberikan lesen sahaja kerana ada banyak tempat yang buat aktiviti perlombongan itu, dia melebihi kawasan yang dia bagi.

Jadi, kenapa berlaku demikian dan ini bukan baru dalam empat, lima tahun ini tapi ia telah berlarutan sejak sekian lama dan bagaimana— kalau boleh kongsikan. Bagaimanakah— kongsikan pemantauan yang dibuat dan dia punya— kalau dia melanggar peraturan tersebut, apakah dia punya hukuman.

Dr. Ching Thoo a/l Kim [Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim]: YB, saya minta KP JMG jawab ya.

Datuk Zamri bin Ramli [Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi PAC. Berkenaan dengan perlombongan di kawasan yang dibenarkan. Mengikut Akta Pembangunan Mineral 1994, akta ini terpakai hanya untuk perlombongan yang sah sahaja. Maknanya kalau lombong haram itu, dia tidak di bawah Akta Pembangunan Mineral 1994 dan dia tertakluk kepada pihak berkuasa negeri. Di bawah Akta Pembangunan Mineral 1994, sekiranya dia melanggar apa yang dibenarkan itu, denda sebanyak RM100,000 dan juga penjara tidak lebih daripada lima tahun. Itu yang di bawah Akta Pembangunan Mineral 1994.

Yang berlaku sekarang ini, kebanyakan lombong-lombong yang didapati lombong haram adalah di bawah kuasa pihak berkuasa negerilah, PTG dan itu sebabnya JMG kita nak ubah Akta Pembangunan Mineral, Akta 525 ini supaya lombong haram itu juga dimasukkan sebahagian daripada penguatkuasaan di bawah akta tersebut.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey setakat ini, apa usaha yang telah dibuat oleh pihak JMG untuk masukkan peruntukan? Maksudnya aktiviti perlombongan secara haram itu. Maksudnya dimasukkan juga ke dalam bidang kuasa JMG.

Datuk Zamri bin Ramli [Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia]: Okey sekarang ini untuk pengetahuan Yang Berhormat Pengerusi PAC, sekarang ini kita telah membuat jadual perbandingan matriks kuasa-kuasa di peringkat negeri dan

juga di peringkat Persekutuan dan perkara ini dalam semakan PUU tapi dalam masa yang sama juga untuk makluman Pengerusi PAC, kita mengeluarkan pekeliling Ketua Pengarah Galian untuk memantau juga supaya semua lombong yang dijalankan, yang telah mendapat DOMS dia mematuhi garis panduan yang ditetapkan dan kita dipanggil sebagai Laporan Audit SDI atau *Sustainable Development Indicators* yang disediakan oleh jurutera perunding setiap enam bulan. Yang ini yang kita kuatkuasakan ini di bawah peraturan di bawah Akta Pembangunan 1994 tetapi cuma terpakai untuk yang di bawah kawalan Akta Pembangunan Mineral 1994 je. Untuk yang pindaan itu masih dalam semakan PUU di peringkat NRECC lagi.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Boleh dapat ini tak— Mungkin saya tak pasti kalau ada kementerian ada dia punya data itu. Data jumlah dalam tempoh 2016 ke 2021, jumlah perlombongan haram yang dilakukan ini. Maksudnya lima tahun punya inilah data. Ada tak?

Datuk Zamri bin Ramli [Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia]: Sekarang ini kita ada data yang terkini ini perlombongan— yang ada dekat saya sekarang ini, perlombongan haram yang melibatkan lombong NR-REE, kita ada tujuh sekarang ini. Enam melibatkan hutan simpanan kekal dan satu di luar hutan simpanlah.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Boleh bagi spesifik di mana?

Datuk Zamri bin Ramli [Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia]: Okey.

■1310

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Juga, saya ingin minta *update*-lah. Macam mana status REE di hutan simpanan kekal? Sebab, jawapan Menteri di Parlimen baru-baru ini mengatakan dibenarkan. Jadi, apa sebenarnya sekarang ini? Masa dua tahun dulu, kita tak benarkan tapi sekarang nampaknya dibenarkan. Jadi, macam mana SOP dia? Adakah dibenarkan sekarang ataupun tidak?

Dr. Ching Thoo a/l Kim [Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim]: Mungkin saya boleh jawab Yang Berhormat. Dalam mesyuarat Menteri Besar, Ketua Menteri yang lepas, memang dasar memang tidak dibenarkan. Tapi, dalam mesyuarat tersebut, YAB PM mintalah kami melihat. Boleh libatkan dengan bersyarat. Sebab, melihatkan kepada kemajuan teknologi sekarang ini, yang boleh lihat—

Kami di peringkat kementerian, kami melihat kepada projek-projek yang boleh dikira sebagai projek perintislah. Kita dah buat satu— yang ini mungkin di luar HSK— di Perak. Kesan perlombongan kepada sumber air, *for example*. Mungkin dapat dijadikan sebagai contohlah. Itu yang kami lihat sekarang ini.

Tentang SOP itu, Yang Berhormat, dah disediakan oleh pihak JMG dan kita pun dah edar kepada negeri pun untuk guna pakai. Sebelum, semasa dan selepas perlombongan, apa yang perlu dibuat perkara itu.

Datuk Zamri bin Ramli [Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia]: Yang Berhormat Pengerusi, saya sebutkan ini. Kes yang melibatkan lombong nadir bumi di dalam hutan simpanan kekal dulu. Di Kedah satu, di Kompartmen 12 Hutan Simpan Bukit Enggang. Di Pahang ada dua: Lipis di Kompartmen 411 Hutan Simpan Ulu Jelai; dan yang kedua adalah di Kompartmen 484 dan 485, Hutan Simpan Ulu Jelai. Manakala di Perak ada tiga iaitu di Kompartmen 23 Hutan Simpan Kenderong, Kompartmen 346 Hutan Simpan Bintang Hijau dan di Kuala Kangsar di Kompartmen 167 Hutan Simpan Sungai Piah. Dan yang luar hutan simpan adalah di Jelebu, Negeri Sembilan.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Negeri Sembilan ada dua?

Datuk Zamri bin Ramli [Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia]: Ada satu— Jelebu. Ini yang direkodkan ini.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Tak ada dalam rekod lagi banyaklah?

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Datuk Wira, sikit. Saya nak tanya tentang Akta 127. Adakah ia terpakai kepada semua negeri? Sebab, saya kurang faham apa yang disebut oleh Menteri dalam jawapan kepada soalan Parlimen saya. Selangor seolah-olah tak terpakai. Betulkah? Nak faham sikit.

Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar [Jabatan Alam Sekitar]: Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 terpakai kepada semua negeri di Malaysia. Semua negeri termasuk Sabah dan Sarawak.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, Kubang Pasu. Lepas itu Betong.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, saya tengok masalah hutan ini bermacam-macamlah. Saya lihat banyak punca-punca. Tapi saya ingat punca yang menjadi perkara utama, saya ingat, tanah *state* punya, hutan *state* punya. Yang membuat dasar untuk mencapai matlamat-matlamat yang tertentu, Kerajaan Persekutuan. *So,* punca kuasa *is* kita tak *sure* tapi yang kita nampak *clear* ialah *state* mempunyai kuasa yang lebih besar terhadap hutan dan tanah ini.

Saya percaya ada negeri yang dia tebang balak lebih daripada kuota dia. Ada? Federal tak boleh buat apa-apa, betul tak? Saya nak *clear on this matter*-lah, *because* ada berlaku. Saya tak tahu macam mana perkara ini boleh kita selesaikan tetapi ini ia mengambil masa yang panjang.

Cumanya, saya nak bertanya sedikit, Datuk Wira Pengerusi, mengenai Rancangan Pengurusan Hutan (RPH) dan juga SSP. Mula-mula kita *dok* cari *menatang* apa SSP ini... *[Ketawa]* Orang Kedah ini semua *menatang*. *[Ketawa]* Lepas itu RPH, kan? Cari-cari, rupanya senang saja.

Kita tengok dalam *table* itu... *[Merujuk pada slaid pembentangan]* Kita tengok negeri Johor okey, Kedah okey— Kedah ini baguslah. Kelantan pun okey, Negeri Sembilan okey. Kita tengok Pulau Pinang dan negeri Selangor. Dia dah selesaikan RPH tapi KSSP itu dia tak disiapkan. Ertinya, dia semakan separuh penggal itu— apa sebabnya dan apa yang perlu mereka lakukan? Itu satu.

Saya tahu pihak Pengerusi iaitu Datuk Wira, Pengerusi kita, tak mahu bercakap lagi *pasai* ladang hutan ini *pasai* dia banyak cerita lagi. Mungkin kita akan bincang kemudian. Tapi, saya juga nak tanya juga *pasai* dalam laporan itu dia sebut 47.8 peratus tidak ditanam semula. Apa tindakan Jabatan Hutan dan jabatan-jabatan yang berkenaan untuk menyelesaikan isu ini? Ini satu peratus yang amat tinggi.

Isu-isu lain itu kemudianlah— pokok getah, pokok kelapa sawit. Dan saya daripada getah dulu, Lembaga Getah Malaysia. Jadi, pokok getah memang kira macam hutan. Pokok dia boleh buat jadi *timber*, daun dia pun rendang tak macam kelapa sawit. Sebab itu kelapa sawit tak masuk dalam kategori ladang hutan.

Setakat itu sahaja pertanyaan saya, Datuk Wira Pengerusi.

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: Terima kasih Yang Berhormat Kubang Pasu atas tiga soalan yang dikemukakan. Yang pertama berkaitan dengan kuasa negerilah, saya percaya, berkaitan dengan kuasa negeri. Memang saya rasa itu memang kekangan kita di peringkat *Federal*. Bila hal tanah hutan ini, memang kuasa mutlak itu pada tangan negeri. Dalam hal ehwal pembalakan, nak warta keluar kawasan itu, nak warta masuk, maknanya atas keputusan negeri itu sendiri. *Federal* memang kita tak ada kuasalah, kita tak sentuh kuasa-kuasa untuk negeri.

Berkait dengan pembalakan, pun sama. Negeri yang tentukan siapa yang nak diluluskan untuk dapatkan pembalakan. Lesen pun dikeluarkan oleh negeri. Kita pun di peringkat *Federal*, kita tak campur tangan.

Cumanya, dari segi garis panduan untuk pembalakan, kita ada garis-garis panduan yang mesra alam, contohnya, secara berimpak rendah. Yang itu garis panduan tadbir urus yang baik dari segi pembalakan. Yang itu, di *Federal*, kita bagi nasihat kepada *state. Alhamdulillah*, kebanyakan *state* dia terima pakai. Termasuk dari segi pelaksanaan pensijilan pengurusan hutan, pembalakan dalam hutan simpanan kekal. Memang semua negeri melaksanakan pensijilan pengurusan hutan dengan ada standard kriteria *indicator* yang tetap diterima di peringkat antarabangsa. Itu memang daripada *Federal*, kita tentukan dan dilaksanakan di seluruh negeri.

Dari segi pembalakan itu sendiri, kalau ikut rekod kita, YB, memang tak ada melebihi. Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi dan Ahli PAC sekalian, untuk tujuan pembalakan dalam hutan simpanan kekal ini, dia berlaku dalam hutan yang kita kelaskan sebagai hutan pengeluaran. Hutan simpanan kekal apabila diwartakan— contohnya di Semenanjung tadi, kita ada 43.6 peratus kawasan berhutan ataupun kawasan hutan simpanan kekal. Kita ada ini. Dan dibahagikan atau dikategorikan kepada dua. Satu, hutan perlindungan dan satu, hutan pengeluaran.

Perlindungan ini di bawah akta kita di bawah seksyen 10. Memang tak ada pembalakan berlaku. Perlindungan ini untuk kawasan tadahan air, kawasan simpanan hutan dara, kawasan penyelidikan, pendidikan— ada 10 kategori dia.

Satu kategori lagi adalah hutan pengeluaran yang mana dijalankan pembalakan dan pembalakan dijalankan bukan secara tebang habis tetapi melalui pendekatan secara *sustainable forest management* yang kita katakan secara terpilih ataupun memilih. Hanya pokok-pokok yang besar sahaja yang ditebang. Untuk pembukaan bagi satu-satu tahun pun kita tetapkan Catuan Tebangan Tahunan, kup, *annual coupe* dia. Maknanya, setiap negeri tidak boleh melebihi had keluasan dalam hutan pengeluaran tadi untuk dibalak.

Penetapan *annual coupe* tadi, Catuan Tebangan Tahunan, dibuat setiap lima tahun untuk setiap negeri. *Alhamdulillah*, kalau ikut, kita— dan kita pantau setiap tahun dan di peringkat kita di ibu pejabat, kementerian pun kita pantau. Negeri-negeri melaporkan kemajuan pembalakan setiap suku tahun kepada kita dan kita tahu trend dia. Maknanya, melebihi atau tidak. Apabila menghampiri kup ataupun had tahunan yang ditetapkan, kita akan *alert* negeri supaya jangan melebihi. *Alhamdulillah*, berdasarkan pemantauan, mekanisme yang ada, memang saya rasa rekod lebih daripada 10 tahun, memang tak ada negeri yang melebihi daripada had catuan tadi, Catuan Tebangan Tahunan yang kita tetapkan dalam hutan simpanan kekal.

■1320

Jadi, boleh saya katakan dari segi pembukaan kawasan itu dia rendah daripada kup/coupe ataupun had dan dia tak ada melebihi lah, sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Perkara ini pun kita laporkan dalam jawapan-jawapan Parlimen oleh Yang Berhormat Menteri lah apabila soalan-soalan berkaitan dengan pembukaan kawasan ini ditanya di Parlimen. Itu yang...

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Pengerusi, satu soalan.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Kejap. Bagi Betong dulu. Selepas itu YB Bayan Baru ya. Ada, ada tambahan?

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: Tadi tak habis lagi– ada soalan tadi yang berkaitan dengan RPH tadi,

kan? RPH atau SSP. RPH adalah rancangan pengurusan hutan yang pihak negeri sendiri akan untuk tadbir urus— menguruskan kawasan-kawasan hutan yang telah diwartakan sebagai hutan simpanan kekal. Contohnya Selangor, dia ada keluasan mungkin dalam 300,000 hektar. So, macam mana dia nak *manage* kawasan itu dalam tempoh 10 tahun ke depan. Itu rancangan pengurusan hutan secara umum lah yang setiap negeri buat.

Dalam tahun kelima sepatutnya menjalankan kajian semula SSP tadi lah— disebut SSP (semakan separuh penggal) ya dalam rancangan pengurusan yang disediakan. Jadi...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Every 10 years* ya*? Every 10 years?*

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: Setiap 10 tahun. Tempoh perancangan 10 tahun dan tahun kelima SSP lah.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Oh, okey.

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: Tidak ada— bukan mandatori tetapi kalau perlu ada perubahan dan kena buat SSP lah. Bergantung pada masing-masing punya ini. Tetapi kebanyakan kita galakkan pada negeri untuk menjalankan SSP lah, kajian semula tahun kelima. Mungkin ada perubahan atas— apabila lima tahun pertama pelaksanaan apa yang dirancang tidak mengikut perancangan dia dan tentunya kena kajian semula lah sebab tak ikut perancangan lima tahun pertama. Tetapi kalau mengikut dan tidak ada keperluan untuk dikaji semula dan saya rasa tidak ada keperluan pun untuk kita buat ini. Jadi, itu perkara ini dan kalau ikut rekod kita, kebanyakan negeri dah mencukupi. Ada yang sepatutnya melaksana, sudah pun laksana. Ada yang terlepas itu memang dia dah buat yang baharu. Jadi, tidak timbul untuk membuat SSP dia bagi negeri-negeri yang tiga tadi lah seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, ya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Terima kasih Dato' Ketua Pengarah. Saya nak tambah dari segi isu lapan ni, Yang Berhormat Datuk Wira. Dalam isu lapan, status tindakan pemasangan *early warning system*. Kita buat di Baling, di Yan pun ada, Datuk Wira Pengerusi.

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: Betul, betul.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Early warning system* kita tambah. Di Yan pun kita buat selepas peristiwa berlaku pada Ogos 2021. Terima kasih.

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: Betul, betul YB sebab EWS ini dia ada pelbagai agensi juga. Mungkin

yang itu pelaporan daripada JMG. Kita daripada JPSM pun kita ada buat juga melalui bajet yang kita terima. Jadi, mungkin dari segi pelaporan itu tak termasuk lah, ya. Okay, terima kasih YB atas isu.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okay, Betong.

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: Terima kasih Datuk Wira Pengerusi. Saya ada tiga persoalan tapi dua itu mungkin tambahan lah. Yang pertama itu— mungkin ketiga-tiganya saya fokus kepada Sarawak lah. Yang pertama ialah mengenai Heart of Borneo yang telah dibangkitkan. Saya nak tahu sama ada ada maklumat kah tentang inisiatif dan strategi yang dimaksudkan tak tercapai itu– mungkin ada bagi negeri Sarawak sekiranya boleh dijelaskan.

Soalan yang kedua itu mungkin telah dibangkitkan oleh Kubang Pasu tadi mengenai ladang hutan dan bagi Sarawak, sekiranya ada— boleh tak bagi kita maklumat syarikat-syarikat yang terlibat yang gagal melaksanakan kerja-kerja ataupun projek penanaman hutan ini dan sejauh manakah pencapaian penanaman hutan itu yang dikatakan tidak mencapai sasaran.

Akhir sekali ialah mengenai pengurusan hutan. Seperti yang kita maklum, bahawa Sarawak ini 62 peratus adalah litupan hutan dan yang uniknya, kebanyakannya adalah tanah NCR iaitu Tanah Adat Bumiputera. Persoalannya ialah yang pertama, berapakah ataupun adakah lagi berlakunya insiden pembalakan haram? Sekiranya ada, berapa seriuskahnya dan yang keduanya, bagi pengeluaran lesen balak ini saya difaham yang pertama Lesen T ini untuk tanah kerajaan *(state land),* itu tak ada isu lah. Tapi yang Lesen OT itu ialah untuk Tanah NCR dan saya tahu ianya perlu persetujuan daripada tuan punya tanah dan juga ketua-ketua masyarakat setempat.

Yang jadi isu ialah ada kes-kes tertentu di mana Lesen OT tersebut dikeluarkan juga walaupun ada tentangan dan tidak persetujuan daripada tuan punya tanah ataupun ketua masyarakat ataupun wakil rakyat di kawasan-kawasan tersebut. Mungkin kawasan saya pernah berlaku. Mungkin kawasan rakan saya Saratok pun ada berlaku dan minta penjelasan sekiranya kes-kes ini masih ada lagi berlaku. Sekian, terima kasih Datuk Wira Pengerusi.

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: Terima kasih YB. Itu sebab saya akan menjawab lah. Sebab kebanyakan semua soalan ini di Sarawak, kes-kes Sarawak. Pertama sekali tadi adalah Heart of Borneo. Apakah dalam audit isu yang dibangkitkan perkara yang tidak tercapai. Saya ingat ada satu perkara yang tidak tercapai kita adalah satu *expedition* lah. Kalau berdasarkan PIF kita, sepatutnya kita mencapai 12 *expedition*. Maknanya, setiap tahun kita perlu melaksanakan satu *scientific expedition* di hutan di Sarawak.

Tapi kita telah membuat hanya sembilan, sembilan *expedition*. Ini yang telah dibangkitkan dalam laporan ini lah. Memang kita cuba sedaya upaya untuk melaksanakan *expedition* ini. *Expedition* ini adalah satu yang sangat penting. Kalau boleh kita melibatkan ketiga-tiga negara, pada yang awal kita buat— Brunei Darussalam, Indonesia dan juga Malaysia termasuk juga para penyelidik kita daripada *Peninsular* ini lah untuk bersama-sama kami di Sarawak membuat ekspedisi ini di kawasan-kawasan pedalaman melibatkan satu kos yang agak besar sebenarnya. Sebab satu *expedition* memerlukan sekurang-kurangnya 100 orang pegawai dan juga penyelidik lah untuk menyelidik sesuatu kawasan itu.

Sebab itu, banyak lah halangan-halangan lah yang kita hadapi terutama sekali bila COVID-19. Bila COVID-19 berlaku dua tahun lah kita tidak boleh buat lah dan untuk melaksanakan ini kita banyak membuat persediaan-persediaan. Tapi *alhamdulillah* lah kita sekarang ini dah cuba balik— *pick up* balik. *Even* tahun ini kita dah buat laksanakan dua ekspedisi ini untuk kita *cover back* lah ekspedisi ini.

Yang itu ladang hutan. Ladang hutan adalah satu— salah satu daripada inisiatif yang telah pun dilaksanakan oleh Kerajaan Sarawak untuk kita *try to* tidak–kebergantungan kepada *natural forest* untuk sumber balak. Kita telah pun melaksanakan sumber— perladangan hutan ini sejak 1997. Maknanya lebih daripada 30 tahun lah kita telah— dari segi perancangannya. Memang banyak masalah yang kita hadapi, walaupun *target* kita untuk Sarawak satu juta hektar untuk kita dapatkan ladang hutan supaya kawasan-kawasan hutan asli kita tidak dibalak lagi di masa akan datang. *So,* kita *target* lah *at least one million.*

Tapi sekarang ini, untuk makluman kita hanya dapat menanam 568,000 hektar. Lebih daripada setengah juta lah yang telah pun kita tanam walaupun agak masa yang panjang. Sebab di awal penubuhannya, banyak masalah yang timbul terutama sekali pokok-pokok yang kita tanam kita tak— yang kita inginkan. Dia tidak tumbuh. Jenis biji-biji benih yang kita dah dapati tidak sesuai di tanah Sarawak.

Jadi, banyak kajian-kajian yang telah dilaksanakan. Kita banyak lah sekarang ini banyak benih-benih daripada luar negara— Vietnam, Indonesia, China yang kita bawa masuk untuk kita *test*. Sekarang ini kita dah agak— dari segi produktiviti per hektar telah pun meningkat. Kalau dulu satu hektar mungkin 60 kubik per meter sahaja produktivitinya daripada ladang hutan. Sekarang ini sudah meningkat 95. Sekurang-kurangnya kalau yang baik adalah 150 atau 200 kubik meter per hektar. Dengan adanya *planting material* yang baik, *insya-Allah* kita akan mendapatkan ladang hutan yang baik lah. Itu kita akan cuba lagi untuk memperbaiki apa-apa kelemahan-kelemahan kita dalam penubuhan ladang hutan ini.

Ketiga tadi adalah pengurusan hutan tanah-tanah adat yang – selepas disebutkan oleh YB— Yang Berhormat tadi tentang itu.

■1330

Memang benar kita sekarang ini Sarawak polisi sektor perhutanan telah pun berubah sebenarnya. Maknanya kita lebih tidak begitu menitikberatkan lagi pembalakan di kawasan-kawasan hutan kekal. Kita sekarang ini telah menurunkan kadar penebangan. Kalau dulu Sarawak menghasilkan lapan juta, enam juta cubic meter (m^3) setahun hasil lepas. Sekarang ini sebabkan polisi kita, *I think that one is* memang *purposely*-lah *the policy* Sarawak untuk mengurangkan pembalakan penebangan. Sekarang ini lesen yang kita ada telah pun berkurangan melebihi 50 peratus daripada lima tahun yang lepas. Dulu 400 lebih lesen telah pun dikeluarkan. Sekarang hanya tinggal 166. Lebih daripada separuhlah kita telah *cancel*-kan dan juga batalkan.

Juga kadar penerbangan hutan kita sekarang ini memang agak rendah. Ada dua juta hektar cubic meter (m^3). Itulah yang kita anggarkan untuk *sustainable level*. Kalau kita nak dapatkan hasil untuk *sustainable level* mungkin sampai 10 ataupun 15 tahun, Sarawak hanya boleh mengeluarkan dua juta atau 2.4 juta cubic meter (m^3). untuk kita dapatkan *sustainable*. Tetapi kebanyakan kawasan-kawasan NCR. Memang NCR kita ada mengeluarkan lesen sebenarnya atas permohonan pemilik tanah sendiri. Kerajaan tidak akan mengeluarkan lesen-lesen kalau pemiliknya tidak memohon. Kalau dia pemiliknya tidak memohon. Memang tanah-tanah NCR ada pemilik yang memohon sebab apabila mereka membuka kawasan ini untuk kawasan perladangan contohnyalah kelapa sawit dan sebagainya. Mereka akan memohon kepada Jabatan Hutan untuk dikeluarkan lesen.

Kita apabila nak membuat proses pemprosesan ini, memang ada agak teliti sebenarnya. *Sometimes takes one year*. Itu bila dah lama sangat, orang dah bising juga. Kita kena merujuk dengan banyak pihak M-FICORD, *Ministry of Food Industry* dan juga *communal forest* ini, *development* ini. Kita akan merujuk. Mereka yang lebih membuat rakan dialog dengan pihak-pihak NCR ini lah. Kita kena rujuk kepada pihak-pihak pembangunan SALCRA dan sebagainya yang membuka kawasan ini. *So*, banyak permohonan proses yang kita laksanakan.

Dengan *task force,* untuk kita meluluskan lesen-lesen OT ini pun ada satu *task force* yang ditubuhkan di peringkat kerajaan negeri dan bukan Pejabat Pengarah Hutan yang memberi kelulusan. *It's a task force*. Diketuai oleh Timbalan Menteri sendiri yang mana *task force* ini dihadiri oleh semua agensi yang berkenaan dengan tanah dan juga perhutanan di Sarawak. Memberi komen sama ada lesen ini boleh dikeluarkan ataupun tidak.

Memang akan ada perkara-perkara berbangkit kemudianlah sebab tanah milik NCR ini dimiliki oleh ramai orang. Kadang-kadang beratus dan beribu. Kita akan selidiklah kalau ada *complaint* mengenai ketidakpuasan dan sebagainya. kita akan

suspend all the lesen lah. Kalau betul kita akan tarik balik lesen itu. Memang berlaku sebenarnya. Kita tidak akan menghalang lah apabila pemohon memohon tanah-tanah NCR mereka untuk dibuka untuk pembangunan. Kita akan keluarkan lesen.

Saya ingat itu tiga soalan yang telah pun dikemukakan ini. Terima kasih.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Kejap Bayan Baru, lepas itu Saratok.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Terima kasih. Soalan saya ringkas sahaja. Saya nak mohon KP respons sedikit. Daripada jumlah hutan yang kita ada, berapa peratus adalah hutan perlindungan? Berapa peratus adalah hutan pengeluaran okey? Itu soalan pertama.

Soalan kedua adalah sebenarnya satu *request*-lah. Kita tahu bahawa Jabatan Alam Sekitar ini kita— pentinglah. Sangat penting kerana kita nak menuju kepada menangani masalah *climate change*. Kita tahu bahawa masalah hutan ini ada banyak aktiviti haram. Perlombonganlah, pelbagai— langgarlah peraturan. Jadi, bolehkan JAS bagi satu tindakan yang maksudnya semua *enforcement*, aktiviti *enforcement* yang dijalankan supaya PAC ini tahu bahawa adakah betul-betul kita serius untuk menjalankan kerja-kerja *enforcement* ini sebab banyak sangat isu-isu dalam hutan. Ada yang perhutanan haram. Lombong haram. Ladang hutan tidak ditanam. Ladang hutan tanam macam-macam yang tidak dibenarkan. *All sort of things happening in the forest area* dan kita tidak mempunyai...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *I think* yang untuk JAS itu terlalu banyak itu. *So*, boleh kita minta untuk waktu lain...

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Ya. Boleh.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: ...Untuk Jabatan Alam Sekitar lakukan waktu.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Ini tak boleh diselesaikan dalam sesi ini lah. Sebab *I think we need to have a spirit of* tiada hari tanpa tangkapan. Setiap hari memang ada langgaran kan? Tetapi tiada hari tanpa tangkapan. Kita kena tangkap hari-hari. Barulah ada *deterrence* punya— dia ada *deterrence* baru orang tahu bahawa jangan main-main dengan JAS ini. Terima kasih.

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: Terima kasih Yang Berhormat Bayan Baru atas soalan. Saya rasa soalan untuk saya itu *straight forward* lah. Berapa keluasan atau peratusan kawasan perlindungan dan juga pengeluaran? Saya boleh bagi untuk Semenanjung lah. Mungkin Puan Norsham kalau ada untuk Malaysia. Untuk Semenanjung daripada 5.7 juta ataupun lebih kurang 40 peratus kawasan perlindungan, 60 peratus pengeluaran. 60 *percent* pengeluaran, *production*— 40 *percent*.

Cumanya melalui inisiatif yang dibuat oleh pihak kementerian menyediakan EFT kepada negeri dan saya percaya negeri-negeri selepas ini akan tambah lagilah kawasan-kawasan untuk dijadikan kawasan perlindungan. Jadi, mungkin akan ada pertambahan selepas ini. Untuk Malaysia saya tak pastilah kalau— Setiausaha pun tak ada. Mungkin itu untuk Semenanjung lah YB Pengerusi. Mungkin yang...

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Kalau Sarawak?

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: Kalau Sarawak kita memang lah *target* kita *at least* enam juta hektar untuk pengeluaran dan satu juta hektar untuk TPA, *Totally Protected Area. It's a national park, wildlife sanctuary* dan juga *nature reserves.* Kita cuba nak besarkan lagilah *national park* yang kita ada. *I think Sarawak is a— I think we have* paling banyak *national park*. 62 *national park*s di seluruh negeri Sarawak. Terlalu banyak.

Kalau YB cakap tadi setiap hari ada tangkapan itu mungkin saya tak begitu setujulah sebab *it's not good actually* kalau untuk pelaporan. Kalau bab hutan. Kawasan hutan. Malaysia ini menjadi tumpuan sebenarnya. Kita merupakan salah sebuah negara yang masih mempunyai hutan dan yang perlu dilindungi dan kita sedaya upaya untuk memantau kawasan-kawasan hutan ini. Kalau di Sarawak lah. Saya bagi contoh di Sarawak lah. Kita sekarang ini rekod kesalahan hutan memang drastik turun. Memang drastik turun. Kita 24/7 melaksanakan pemantauan dan memang tak elok sebenarnya kalau setiap hari ada tangkapan. Sebab ini akan di-*captured by outsider* sebagai bahawa kita mempunyai banyak sangat.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Tak. Maksudnya ialah *your statement* itu maksudnya tak bagus untuk pelaporan betul tak?

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: Tak bagus.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Maksudnya benda depan mata pun tutup je lah?

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: Tak begitu. Kira betullah pemantauan sangat-sangat— *enforcement have to be effective.*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey.

Encik Indra Purwandita bin Herry Sunjoto [Jabatan Perhutanan Sabah]: Baik YB Bayan. Untuk Sabah pula 52 peratus di bawah perlindungan *conservation*. 48 peratus untuk pengurusan hasilanlah.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Tuan Pengerusi. Susulan daripada soalan daripada Betong tadi. Memang Sarawak mengambil langkah yang baik lah untuk mengurangkan kebergantungan kepada hasil hutan di dalam ekonomi negeri. Namun begitu, kalau kita melihat daripada keseluruhan kawasan tanaman semula hutan ini, Sarawak 478,000 hektar belum ditanam. Sabah lebih 100,000.

Semenanjung baru 80,000 hektar. Maknanya Sabah dengan Sarawak merupakan yang terbesarlah. Lebih daripada 80 ataupun 90 peratus yang hutan yang tak ditanam ini yang sepatutnya ditanam. Ini melibatkan karbon kredit yang amat besarlah. Impak dia kepada karbon kredit kita.

Jadi, ada yang ditanya oleh Betong tadi. Kita nak juga senarai syarikat-syarikat yang tidak patuh kepada peraturan tersebut penanaman semula ini sebab isu ini memang dah lama dah. Lebih 10 tahun dah. Saya pun ADUN dulu. *So*, banyak syarikat yang memang dia sambil lewa masa nak tanam lah. Itu memang kita tengok dululah. Jadi, kalau ada syarikat-syarikat tersebut yang tidak patuh, yang *big one*.

■1340

Jadi, kita nak senarai syarikat tersebutlah. Sebab, saya rasa PAC boleh panggil syarikat tersebut untuk membuat penjelasan. Kita menolong *Forestry Department* Sarawak untuk *enforce* ini tadi. *[Ketawa]* Untuk syarikat tersebut. Itu yang satu tadi.

Kedua, soalan saya, ialah kategori lesen balak jangka panjang ini. Jumlah kawasan balak jangka panjang ini adalah empat juta hektar. Ini berapa kali ganda negeri Melaka ini. Dan ada 12 *company* yang memiliki lebih 100,000 hektar lesen balak jangka panjang. Jadi, adakah ini akan dikurangkan di masa akan datang? Sebab, polisi negeri Sarawak tadi mengurangkan kebergantungan kepada hasil balak untuk negeri. Jadi, saya ingin tahu jugalah, apakah masa depan untuk empat juta hektar ini? Akan berkekalan? Sebab, dia jangka masa panjang.

And then, yang ketiga adalah berkenaan dengan pemberian lesen balak kepada individu yang ada tanah NCR di kawasan tanah NCR. Jadi, saya ingin tanya satu kes sahajalah yang di antara Betong dengan Saratok iaitu di kawasan Rimbas. Ada lesen balak situ dah lama dah. Memang mendapat bantahan daripada semua penduduk di Rimbas dan Kerian. *My area.* Jadi, nampaknya lesen itu masih dihidupkan. Jadi, saya tak tahu macam mana dapat dihidupkan semula sedangkan bantahan daripada penduduk di semua kawasan tersebut. Mungkin dua tiga orang sahaja yang nak, mungkin ada kepentingan, tetapi yang kebanyakan penduduk memang tak setuju. Tetapi, lesen itu masih diaktifkan juga.

Mungkin *that one very specific*. Mungkin tak boleh jawab di sinilah. Mungkin... *[Ketawa]* Mungkin PAC akan datang boleh jawab. Ataupun secara bertulis kepada— oh, dah bertulis pula. *[Ketawa]* Sekian sahaja, terima kasih. Ada tiga itu.

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: Terima kasih YB Datuk daripada Saratok. Soalan yang pertama tadi tentang senarai-senarai pelesen-pelesen *Licence for Planted Forests* (LPF). Memang kita mempunyai senarai. Ada banyak, ramai sebenarnya. Bukan hanya pelesen-pelesen besar.

Even company-company kecil pun sekarang ini sudah banyak yang kita telah keluarkan lesen-lesen ini untuk mereka yang nak menubuhkan ladang-ladang hutan ini.

Kita di peringkat jabatan memang melihat dalam masa setahun dua ini tentang pelaksanaan penubuhan ladang hutan ini. Memang agak *slow.* Memang *slow*. Kita sekarang ini *try* untuk memastikan semua pelesen-pelesen ini yang telah pun diberi lesen ini untuk melaksanakan penubuhan ini dengan ini. Kita memang sekarang ini memanggil mereka. (Kalau) Sebelum pihak YB tengah nak panggil pun, kita dah panggil dah sebenarnya untuk mereka memberi tunjuk sebab mengapa mereka tidak dapat melaksanakan ladang-ladang ini.

Memang banyak sebabnya. Salah satu, kalau saya nak sebut, tentang *labor*, tenaga-tenaga kerja. Dulu, pada awal-awal penubuhan, ramai tenaga kerja daripada Indonesia yang digunakan. Sebab, ramai orang tempatan tak nak bekerja tentang ini ladang hutan. Sekarang ini dah *labor* dah tak ada dah. Indonesia semua dah balik. *So*, itu salah satu. Banyaklah sebenarnya.

Tetapi, kita akan mengambil tindakan sebenarnya. Kita pun telah pun mengeluarkan beberapa surat, notis kepada beberapa *company* yang tidak melaksanakan penubuhan ini. Sebab, ada klausa yang dalam *license agreement*, sesiapa pelesen yang *abandon,* tidak mempedulikan ataupun tidak melaksanakan ladang-ladang, mereka boleh kita tarik balik. Sekarang ini, ialah, dari segi *legal*-lah, kita mesti mengeluarkan *at least* tiga kali notis tentang ini untuk mereka memberi penjelasan dan sebagainya sebelum kita menarik balik lesen-lesen ini.

Kedua tadi tentang— apa tadi?

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Hutan balak jangka masa panjang itu, empat juta hektar itu.

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: Oh. Untuk kawasan hutan jangka masa panjang, sekarang ini kita dah *impose* semua pelesen-pelesen yang mempunyai lesen jangka panjang, mereka mesti wajib untuk mengambil pensijilan, *certification*, sama ada MTCC, PSC dan sebagainya. Mereka mesti. Dan kita telah bagi satu jangka masa sehingga 2025, *those* yang *license* yang tidak melaksanakan ataupun mendapat mencapai pensijilan ini, kerajaan boleh menarik balik. Dan kita harapkanlah— sekarang ini kita dah mencapai dua juta hektar kawasan yang telah pun dipersijilkan. Dua juta hektar. Separuh dah. Masih separuh lagi belum lagi capai. Kita lihatlah dalam masa dua tahun ini jika mereka tidak juga dapat melaksanakan pensijilan ini, mendapat pensijilan ini, kita boleh mengambil tindakan kemudiannya untuk kita menarik balik dan sebagainya.

Satu lagi tentang kes yang itu, kes yang agak— saya kena *check*-lah, YB. Saya pun tak ingat lagi kes ini. *I have to check.* Sebab, kalau saya ingat, kawasan

ini dah walaupun lesen dia masih ada tetapi tak dilaksanakan penebangan dan sebagainya. *I don't know. I have to check first*.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Dia tak laksanakan penebangan sebab bantahan daripada penduduk setempat. Tetapi, lesennya di-*renew*. Selalu di-*renew*.

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: *Okay, I double check.*

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: *So,* ini *very specific*-lah. *You don't have to respond now*.

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: *I will check that one.*

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: *Okay*, *thank you*.

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: *Thank you*.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Saya rasa Ahli-ahli PAC sudah selesai bertanyakan soalan, walaupun kita kena ekstra 16 minit ya.

Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Dr. KSU dan semua yang hadir pada hari ini. Dr. KSU dan semua yang hadir yang memberikan penjelasan. Cuma, saya difahamkan oleh Ahli-ahli PAC saya, mereka masih lagi belum berpuas hati dengan penjelasan dan juga jawapan yang diberikan. Maka, untuk itu, kita akan aturkan satu lagi— bukan satu lagi sesi. Ada sesi lain yang kita perlukan kepada penjelasan taklimat yang sedalamnya. Yang pertamanya berkenaan dengan ladang hutan dan yang keduanya— ladang hutan itu termasuklah kuari dan sebagainya, REE dan sebagainya, perlombongan dan sebagainya. Sesi yang kedua tentang Sabah dan Sarawak.

Untuk itu, saya harap semuanya bersedia kembali termasuklah Jabatan Alam Sekitar sebagaimana yang telah diminta oleh Bayan Baru sebentar tadi... *[Disampuk]* Dan juga PERHILITAN tentang apa juga haiwan yang telah pun hampir pupus... *[Disampuk]* Ha, terpupus. Okey?

Saya nak buat minggu depan tetapi saya difahamkan ramai yang bercuti. Ke nak minggu depan? *[Ketawa]* Tak ya? Kalau minggu depan PAC pun, ramai yang tak ada. Okey, jadi kita mulakan, kita sambung pada tahun baru, tahun hadapan, *insya-Allah*. Saya harap semua pihak dapat membuat persiapan dan persediaan untuk sesi yang kita akan inilah supaya Ahli-ahli PAC saya semua bersedia dan gembiralah dengan penjelasan dan berpuas hati.

Untuk itu, saya tangguhkan mesyuarat prosiding kita pada hari ini pada jam 1.48 tengah hari kepada tahun depan, *insya-Allah*. Terima kasih.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.48 tengah hari]



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Isnin, 29 Januari 2024

Bil. 10(b) / 2023

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Prosiding:
Auditan Khas Pengurusan Hutan dan Impak kepada Alam Sekitar
(LKAN 2022 – Auditan Khas Pengurusan Hutan dan Impak kepada Alam Sekitar)

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
YBhg. Dr. Ching Thoo a/l Kim
Ketua Setiausaha

PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BIL. 10(B) TAHUN 2023

BILIK JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

ISNIN, 29 JANUARI 2024

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang] *- Naib Pengerusi*
YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]
YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]
YB. Sim Tze Sin [Bayan Baru]
YB. Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Wangsa Maju]
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]
YB. Datuk Ali anak Biju [Saratok]
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]
YB. Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]

Tidak Hadir *[Dengan Maaf]*
YB. Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] *- Pengerusi*
YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]

URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Penolong Setiausaha, Seksyen Jawatankuasa Pilihan (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]
Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha Kanan, Seksyen Jawatankuasa Pilihan (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]
Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkefli [Juruaudit, Seksyen Jawatankuasa Pilihan (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]
Encik Amirul Ashyraaf bin Zulkifle [Penolong Setiausaha, Seksyen Jawatankuasa Pilihan (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Jabatan Peguam Negara
Puan Azlin Sabtu [Ketua Unit Bahagian Penasihat]

Jabatan Perkhidmatan Awam
Encik Muhammad Fikri bin Karmajaman [Ketua Penolong Pengarah]

Kementerian Kewangan
Puan Nadeema binti Kamaruddin [Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Encik Nurul Allbirr bin Nordin [Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]
Encik Azize bin Taib [Ketua Seksyen (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Jabatan Akauntan Negara
Puan Zyerullida binti Shaharudin [Akauntan WA54]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
Tuan Mohd Azmir bin Aziz [Pegawai Siasatan P48 (Siasatan)]
Encik Fadlyzal bin Mohd Zain [Penolong Pesuruhjaya (Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan)]

Kementerian Ekonomi
Che Kodir bin Baharum [Pengarah (Ekonomi Alam Sekitar dan Sumber Asli)]

Jabatan Audit Negara
Encik Eezwan Hafidz bin Ismail [Juruaudit (Bahagian Audit Prestasi I)]
Encik Mohd Nazrin bin Nasron [Penolong Juruaudit (Bahagian Audit Prestasi I)]

SAKSI

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
YBhg. Dr. Ching Thoo a/l Kim [Ketua Setiausaha]
Puan Norsham binti Abdul Latip [Setiausaha Bahagian (Bahagian Pengurusan Biodiversiti dan Perhutanan)]

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
YBhg. Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Ketua Pengarah]
YBhg. Dato' Haji Zahari bin Ibrahim [Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Perancangan)]

Jabatan Alam Sekitar
YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar [Ketua Pengarah]
Puan Mashitah binti Darus [Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)]
Puan Nor Rashidah binti Mohd Ghazali [Ketua Penolong Pengarah Kanan (Bahagian Penilaian)]
Encik Mohd Hisyam bin Abdullah [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Penilaian)]

Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara
YBhg. Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim [Ketua Pengarah]
Encik Mohd Taufik bin Abdul Rahman [Pengarah (Bahagian Konservasi Hidupan Liar)]

Jabatan Mineral dan Geosains
YBhg. Datuk Zamri bin Ramli [Ketua Pengarah]
Encik Mohamed Hizam Abd Kadir [Timbalan Pengarah (Cawangan Penyelarasan Pelaksanaan Operasi)]

Jabatan Kemajuan Orang Asli
Encik Mohd Zamri bin Mustajap [Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)]

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)
YBrs. TPr Dr. Alias bin Rameli [Ketua Pengarah]

Kementerian Perladangan dan Komoditi
Encik Wan Ahmad Asmady bin Wan Md. Din [Setiausaha Bahagian Kanan (Bahagian Kemajuan Industri Kayu Kayan, Tembakau dan Kenaf)]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BIL. 10(B) TAHUN 2023

BILIK JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

ISNIN, 29 JANUARI 2024

Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.35 pagi

*[Yang Berhormat Puan Wong Shu Qi **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi]: Jadi, sudah boleh kita mulakan prosiding pagi ini? Pengerusi tidak ada. Okey, boleh ya? Salam sejahtera dan selamat datang saya ucapkan kepada Yang Berhormat ahli-ahli PAC Parlimen Kelima Belas, ahli-ahli ex officio PAC terdiri daripada Jabatan Peguam Negara – ada ya? Okey, Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Kementerian Ekonomi dan Jabatan Akauntan Negara.

Terima kasih kerana hadir dalam mesyuarat pagi ini. Untuk makluman semua, YB Pengerusi PAC mempunyai urusan di kawasan beliau dan akan tiba lewat sedikit. Sehubungan itu, saya telah diminta untuk mempengerusikan mesyuarat pada pagi ini terlebih dahulu. Yang Berhormat ahli-ahli mesyuarat sekalian, hari ini PAC Parlimen akan menyambung prosiding berhubung isu Auditan Khas Pengurusan Hutan dan Impak Kepada Alam Sekitar yang dilaporkan dalam *Laporan Ketua Audit Negara 2022*. Auditan Khas Pengurusan Hutan dan Impak Kepada Alam Sekitar.

Ini adalah prosiding kedua membabitkan Auditan Khas Pengurusan Hutan dan Impak Kepada Alam Sekitar. Dalam prosiding pertama yang diadakan pada 12 Disember 2023, PAC telah mendengar keterangan dan penjelasan daripada Yang Berbahagia Dr. Ching Thoo a/l Kim, KSU Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam; Yang Berbahagia Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia; Yang Berbahagia Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad, Pengarah Hutan Sarawak, Jabatan Hutan Sarawak; Yang Berusaha Encik Indra Purwandita Herry Sunjoto, Penolong Kanan Ketua Konservator Hutan, Jabatan Perhutanan Sabah yang mewakili Yang Berbahagia Datuk Frederick Kugan, Ketua Konservator Hutan, Jabatan Perhutanan Sabah.

Yang Berbahagia Datuk Zamri bin Ramli, Ketua Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia; Yang Berbahagia Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar, Jabatan Alam Sekitar; dan Yang Berbahagia Dato' Fakhrul Hatta bin Musa, Timbalan Ketua Pengarah (Konservasi), Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) yang mewakili Yang Berbahagia Datuk Abdul Kadir bin Abu Hashim, Ketua Pengarah Jabatan PERHILITAN. Yang Berusaha Encik Mohd Zamri bin Mustajab, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Jabatan Kemajuan Orang Asli yang mewakili Yang Berbahagia Datuk Hajah Sapiah binti Dato' Mohd Nor, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli.

Yang Berusaha Encik Wan Ahmad Asmady bin Wan Md. Din, Setiausaha Bahagian Kanan, Bahagian Kemajuan Industri Kayu-Kayan, Tembakau dan Kenaf, Kementerian Perladangan dan Komoditi; dan Yang Berusaha Puan Siti Khuzaimah binti Abdul Wahab, Timbalan Pengarah Bahagian Audit Prestasi, Jabatan Pengairan dan Saliran. Sepuluh orang saksi dalam prosiding yang lalu.

Lanjutan daripada prosiding berkenaan, PAC ingin mendapatkan lanjut berhubung perkara-perkara seperti berikut pada hari ini:

(i) penubuhan ladang hutan;
(ii) kesejahteraan sosial dan hidupan liar;
(iii) kawasan sensitif alam sekitar;
(iv) pengurusan sumber hutan;
(v) pembangunan hutan asli;
(vi) pengurusan projek pembangunan ladang hutan; dan
(vii) penguatkuasaan dan pemantauan sumber hutan.

Sehubungan itu, hadir di hadapan PAC bagi memberi penjelasan dan keterangan pada hari ini adalah Yang Berbahagia Dr. Ching Thoo a/l Kim, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam; Yang Berbahagia Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia; Yang Berbahagia Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar; Yang Berbahagia Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim, Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN); Yang Berbahagia Datuk Zamri bin Ramli, Ketua Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia; Yang Berusaha TPr. Dr. Alias bin Rameli, Ketua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa; dan Yang Berusaha Encik Mohd Zamri bin

Mustajab, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Jabatan Kemajuan Orang Asli yang mewakili Yang Berbahagia Datuk Hajah Sapiah binti Dato' Mohd Nor, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli.

■1140

Jadi tanpa membuang masa, saya menjemput Yang Berbahagia Dr. Ching Thoo untuk memulakan pembentangan khasnya sambung apa yang kita belum siapkan, dibentangkan dalam prosiding yang lalu. Silakan Dr. Sekian, terima kasih.

Dr. Ching Thoo a/l Kim [Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam]: Terima kasih Yang Berhormat Naib Pengerusi PAC, wakil-wakil daripada jabatan kerajaan, Jabatan Peguam Negara, Kementerian Ekonomi, Jabatan Akauntan Negara, SPRM dan sebagainya. Yang Berhormat ahli jawatankuasa PAC, Yang Berbahagia Datuk-Datuk, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian. Salam sejahtera, selamat pagi dan salam Malaysia MADANI.

Pertamanya, kami dari Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), dahulu NRECC, Yang Berhormat. Dahulu kita bentang itu, sekarang kita sudah pecah dua sudah− kerana pihak PAC dapat menjemput kami untuk memberi kesempatan untuk kali keduanya bagi menjelaskan hal-hal berkaitan dengan pengurusan hutan di Malaysia. Secara jujurnya kami berpandangan bahawa laporan LKAN ini sangat penting kerana ia memberi implikasi bukan sahaja kepada aspek pengurusan perhutanan, ia juga menyentuh impak sektor perdagangan agrikomoditi, perancangan guna tanah negara dan juga pengurusan alam sekitar secara amnya.

Seperti mana yang telah dijelaskan oleh Naib Pengerusi PAC, pagi ini saya bersama dengan saya; Ketua Pengarah JPSM, Ketua Pengarah JAS, Ketua Pengarah JMG, Ketua Pengarah PLANMalaysia, Ketua Pengarah PERHILITAN dan juga wakil-wakil daripada JAKOA dan KPK yang akan membantu nanti kalau ada soalan-soalan yang berbentuk teknikal.

Untuk pagi ini Yang Berhormat, saya akan menyentuh tujuh perkara yang telah disebut oleh Yang Berhormat yang menyentuh ladang hutan, kesejahteraan sosial dan hidupan liar, kawasan sensitif alam sekitar, sumber hutan, hutan asli, ladang hutan, dan juga penguatkuasaan dan pemantauan sumber hutan.

Sedikit Yang Berhormat mengenai latar belakang kepada Perkara 74(2) Perlembagaan Persekutuan– ini penting Yang Berhormat. Kita kena terangkan bahawa bidang kuasa hutan terletak di bawah kerajaan negeri. Itu perlu juga diminitkan dahulu. Bidang kuasa kami melalui NRES, JPSM dan FRIM lebih terhad

kepada memberikan khidmat teknikal melalui pengurusan dan pemuliharaan hutan serta menjayakan aspek penyelidikan dan khidmat institusi latihan.

Saya mengambil perhatian bahawa dalam skop pengauditan bagi LKAN oleh JAN ini, bagi tempoh tahun 2016 sehingga 2021, melibatkan sembilan buah negeri; Johor, Kedah, Kelantan, Pahang, Perak, Selangor, Sabah, Sarawak dan Terengganu. Dalam tempoh tersebut, skop auditan lebih kepada Kementerian NRECC yang kini berpecah dua kepada Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) dan fungsi utiliti telah dipindahkan kepada Kementerian Peralihan Tenaga dan Daya Guna Awam (KPTDGA) mulai 12 Disember 2023.

Kita tahu bahawa pengurusan dan pemeliharaan hutan adalah tanggungjawab kolektif di antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri, maka diwujudkan Majlis Tanah Negara (MTN) di bawah Kerajaan Persekutuan sebagai platform utama untuk kerajaan negeri dan Persekutuan berbincang mengenai perkara-perkara dasar perhutanan dan pengurusan hutan di Malaysia.

Sejak MTN ditubuhkan, beberapa keputusan dasar penting melibatkan pengurusan hutan telah diputuskan bersama melibatkan kerajaan negeri dan Persekutuan seperti Catuan Tebangan Tahunan (CTT), Dasar Perhutanan Malaysia yang telah digubal pada tahun 2021 dan penggubalan Rang Undang-undang Perhutanan Negara (Pindaan) 2022, jelas menunjukkan keprihatinan Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri dalam menjaga dan menguruskan khazanah negara yang tidak ternilai ini.

Saya pergi kepada isu-isu yang ditimbulkan dalam laporan audit. Kami di peringkat kementerian telah membuat mesyuarat penyelarasan melibatkan semua jabatan dan agensi bagi melihat maklum balas ke atas tujuh skop penemuan audit yang akan dibentangkan pada pagi ini.

Saya pergi kepada isu yang pertama, penubuhan ladang hutan. Antara perkara yang dilaporkan oleh LKAN melibatkan dua isu besar. Pertama, seluas 100,482.69 hektar hutan yang belum ditanam. Itu yang pertama. Kedua, kawasan yang belum ditanam yang tertinggi dicatatkan di Kelantan, Pahang dan Johor. Ingin ditegaskan bahawa perkara melibatkan penubuhan ladang hutan berada di bawah pihak berkuasa negeri. Oleh yang demikian, kelulusan juga diberikan oleh pihak berkuasa negeri.

Selain itu projek pembangunan ladang hutan yang diluluskan oleh PBN pembangunan ladang hutan negara turut melibatkan Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK) melalui Program Pembangunan Ladang Hutan (PPLH) bagi

memastikan pengeluaran bekalan bahan mentah yang berkualiti dan berterusan kepada industri perkayuan negara. Saya terus kepada tindakan.

Buat masa ini moratorium penubuhan ladang hutan sedang dilaksanakan bagi kelulusan baharu penubuhan ladang hutan dalam HSK di Semenanjung, selaras dengan keputusan Majlis Tanah Negara ke-79 pada tahun 2021. Sehingga 31 Disember 2023, 61 peratus kawasan ladang hutan dalam HSK telah ditanam. Di peringkat JPSM, satu pasukan petugas khas telah ditubuhkan untuk mengemas kini SOP penubuhan ladang hutan dalam HSK di Semenanjung Malaysia bagi mengatasi isu pembangunan ladang hutan.

Selain itu JPSM juga telah memohon satu projek di bawah RP5 RMKe-12 bertajuk *"Kajian Impak Pembangunan Ladang Hutan di dalam HSK di Semenanjung Malaysia terhadap Ekonomi, Sosial dan Alam Sekitar"*, melibatkan peruntukan berjumlah RM2 juta. Cadangan ini akan diangkat untuk kelulusan Kementerian Ekonomi. Sebagai *way forward*, draf SOP Pembangunan Ladang Hutan dalam HSK telah disediakan dan akan dibawa ke Persidangan Pengarah-pengarah Perhutanan Negeri untuk pertimbangan dan pemakaian di Semenanjung Malaysia.

Sebagai tambahan, satu kertas pertimbangan bertajuk *Status Pembangunan Ladang Hutan dan Kesan Pengenaan Moratorium Kelulusan Baharu Penubuhan Ladang Hutan Terhadap Kerajaan Negeri* juga akan dibentangkan pada Mesyuarat Majlis Tanah Negara ke-81 yang akan diadakan pada suku pertama tahun ini.

Saya bergerak kepada isu yang kedua, kesejahteraan sosial dan hidupan liar. Di bawah isu ini, dua perkara telah disentuh. Pertama, tahap kepuasan komuniti Orang Asli dan yang kedua, konservasi dan konflik hidupan liar. Isu pertama merujuk kepada dapatan soal selidik di mana 89 peratus responden kurang berpuas hati terhadap pengurusan hutan kerana menjejaskan kehidupan komuniti orang asli daripada aspek bekalan dan kualiti air serta sungai, ekonomi tempatan dan sosiobudaya.

Untuk makluman semua, setiap aktiviti pengusahasilan hutan perlu dilaksanakan Penilaian Impak Sosial (SIA) yang menjadi salah satu keperluan dalam Kriteria dan Petunjuk Malaysia untuk Pengurusan Hutan Mampan ataupun *Malaysian Criteria and Indicators for Sustainable Forest Management* (MC&I SFM). Penilaian ini dilaksanakan sebelum, semasa dan selepas aktiviti pengusahasilan hutan bagi menilai impak terhadap sosial, ekologi, alam sekitar dan ekonomi.

Selain itu, Jawatankuasa Bersama JPSM dan JAKOA telah dibentuk sejak 2012 bagi membincangkan isu-isu berkaitan masyarakat Orang Asli dan pengurusan hutan di Semenanjung Malaysia.

Sebagai *way forward*, aspek *due diligence* bagi mengurangkan impak kepada kesejahteraan sosial dan hidupan liar akan diteruskan di bawah pelaksanaan SIA dan *Wildlife Management Plan* (WMP) serta MC&I (SFM).

■1150

Selain itu, JPSM secara berterusan melaksanakan pemantauan kualiti air sungai di dalam kawasan HSK bagi mendapatkan maklumat berkaitan kualiti air sungai yang jelas dan terperinci. Pemantauan ini akan dilaksanakan melalui kaedah automatik dengan penubuhan Stesen Tetap Hidrologi dan kaedah manual dengan menggunakan peralatan hidrologi iaitu *multiparameter water quality probe* untuk menentukan indeks kualiti air ataupun IKA.

Saya bergerak isu yang kedua di bawah topik yang sama iaitu kesejahteraan sosial dan hidupan liar yang berkaitan dengan konservasi dan konflik hidupan liar. Terdapat dua isu utama yang dibangkitkan. Pertama, gangguan hidupan liar dan kes *roadkill* dan yang kedua, kehilangan habitat asal. Untuk yang pertama, LKAN melaporkan kes aduan gangguan hidupan liar menunjukkan trend meningkat. Sebanyak 6,002 kes pada tahun 2016 kepada 12,743 kes pada tahun 2021. Selain itu, sebanyak 2,562 kes *roadkill* juga telah direkodkan dari tahun 2016 hingga 2021. Satu tindakan pasukan khas ataupun *task force* di peringkat negeri dan ibu pejabat PERHILITAN telah ditubuhkan pada tahun 2017 bagi menangani isu-isu berkaitan konflik manusia dan hidupan liar.

Selain itu, lintasan hidupan liar ataupun *viaduct* telah dibina di koridor ekologi yang dikenal pasti, 550 papan tanda lintasan hidupan liar telah dipasang di 180 lokasi *hotspot*, 37 set *transverse* bar telah dipasang bagi memperlahankan kenderaan dan 24 unit *solar amber light* telah dipasang untuk memberi peringatan kepada pemandu mengenai kawasan hidupan liar. Sebagai *way forward*, antara langkah mitigasi yang telah dilaksanakan termasuk melaksanakan tindakan-tindakan yang digariskan di bawah *National Elephant Conservation Action Plan* (NECAP*) 2.0* dan *Malayan Tapir Conservation Action Plan* (MATCAP).

Ingin dimaklumkan juga bahawa buat pertama kalinya di bawah Belanjawan 2024, kementerian telah diperuntukkan RM10 juta bagi inisiatif bantuan kerugian harta benda dan tanaman akibat serangan hidupan liar. Pada masa sekarang, garis

panduan sedang digubal dan dijangka dapat dimuktamadkan pada bulan Mac tahun 2024.

Isu yang kedua, melibatkan kehilangan habitat asal berikutan perubahan guna tanah dan pencerobohan kawasan berhutan. Sebagai status tindakan, Jabatan PERHILITAN akan mewajibkan pematuhan kepada *Wildlife Management Plan* (WMP) bagi sebarang projek yang melibatkan habitat hidupan liar. Untuk itu, PERHILITAN telah menyediakan dua dokumen utama. Pertama, *Guidance Document on Wildlife Impact Study for EIA* (WIS) dan yang kedua, *Guidance Document for Preparation and Submission of Wildlife Management Plan* (WMP) *in EIA*. Sebagai *way forward*, penguatkuasaan mewajibkan pematuhan kepada WMP akan dilaksanakan setelah isu-isu perundangan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127] dimuktamadkan kelak.

Saya akan bergerak ke isu yang ketiga, kawasan sensitif alam sekitar ataupun KSAS. LKAN melaporkan Garis Panduan KSAS 2017 tidak diguna pakai dan dilaksanakan sepenuhnya di peringkat negeri. Hal ini menyebabkan wujudnya aktiviti hutan seperti pembangunan ladang hutan, usahasil dan perlombongan di KSAS tanpa mengambil kira tahap kesensitifan kawasan berkenaan. Status tindakan; Garis Panduan Perancangan (GPP) Pemuliharaan dan Pembangunan KSAS 2017 telah dibangunkan oleh PLANMalaysia. Sehingga Disember 2022, status penerimapakaian GPP ini sudah mencapai 73 peratus seperti berikut.

(i) tiga negeri iaitu Perlis, Pulau Pinang dan Terengganu telah menerima pakai tanpa pindaan;

(ii) lima negeri, Johor, Kelantan, Melaka, Perak dan Selangor telah menerima pakai dengan pindaan, dan

(iii) tiga negeri Kedah, Pahang dan Negeri Sembilan belum menerima pakai.

Di samping pemakaian GPP tersebut, penetapan kawasan KSAS telah diperincikan dalam Rancangan Struktur Negeri (RSN) dan Rancangan Tempatan Daerah (RTD) sebagai panduan dan mengawal pembangunan, termasuk di kawasan KSAS. Walau bagaimanapun, memandangkan kuasa mentadbir tanah adalah di bawah pihak berkuasa negeri, maka garis panduan yang digubal di peringkat Persekutuan ada kalanya tidak dipatuhi sepenuhnya. Bidang kuasa Persekutuan hanya boleh mensyaratkan mana-mana pembangunan dalam kawasan KSAS perlulah merujuk kepada Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) untuk

mendapatkan nasihat selaras dengan peruntukan subseksyen 22(2A)(c), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172].

Sebagai *way forward*, pindaan aktiviti dalam KSAS untuk mewujudkan keseragaman tahap dan kriteria KSAS dalam penyediaan Rancangan Fizikal Negara Kelima akan dijalankan oleh pihak PLANMalaysia pada tahun ini. Selain itu, rangka kerja KSAS sedang disediakan untuk penyelarasan tahap dan kawasan KSAS di semua negeri dan dijangka dapat dimuktamadkan pada Jun 2024.

Saya bergerak kepada isu yang keempat, pengurusan sumber hutan. Jabatan Audit mendapati kelemahan dalam pengurusan Rancangan Pengurusan Hutan (RPH) ataupun *Forest Management Plan* berlaku disebabkan oleh empat faktor:

(i) kekurangan peruntukan kewangan;

(ii) kaedah pengumpulan maklumat kurang berkesan;

(iii) mekanisme pengukuran aktiviti bersifat umum dan tidak jelas; dan

(iv) tindakan penyeliaan dan pemantauan tidak dibuat secara berkala dan teliti.

Status tindakan. Kementerian berpandangan perkara ini memerlukan perancangan dan pemantauan di peringkat negeri. Kementerian melalui JPSM dan FRIM akan meneruskan membantu negeri dalam memberikan khidmat nasihat mengenai pengurusan dan penggunaan hutan. Sebagai langkah penambahbaikan, JPSM telah menyediakan Panduan Penyediaan Rancangan Pengurusan Hutan (Kemaskini 2023) dan telah dibentangkan di Persidangan Pengarah-pengarah Perhutanan Negeri Semenanjung Malaysia pada September 2023. Dokumen ini akan digunakan oleh Jabatan-jabatan Perhutanan Negeri dalam penyediaan RPH yang baharu.

Isu yang kelima, pembangunan hutan asli. Di bawah tajuk ini, terdapat lima perkara yang disentuh oleh LKAN iaitu usahasil, perlombongan, kuari, restorasi dan tapak RAMSAR Tasek Bera. Untuk yang pertama, usahasil. Audit mendapati berlaku pelanggaran terhadap syarat EIA aktiviti selepas penuaian sebanyak 25 kes, ketidakpatuhan garis panduan tiga kes; pelanggaran perintah peraturan EIA, empat kes; ketidakpatuhan manual perhutanan, dua kes; dan pelanggaran Pekeliling Ketua Pengarah JPSM, satu kes.

Status tindakan. Semakan audit bebas (MC&I) telah dilakukan oleh pihak Sirim QAS International Sdn. Bhd. ke atas jabatan perhutanan negeri pada tahun

2023 dan masih mengekalkan pensijilan negeri masing-masing. Ini menunjukkan tahap pematuhan dan tindakan pembetulan telah dilaksanakan oleh jabatan perhutanan di negeri masing-masing. Selain itu, pematuhan secara berkala terus dijalankan oleh jabatan hutan di negeri masing-masing. Sebagai *way forward*, bagi memastikan pematuhan, semua skim pensijilan akan diteruskan pada tahun-tahun mendatang dan pengekalan pensijilan MC&I untuk tujuh *Forest Management Unit* (FMU) di Semenanjung telah dijadikan KPI JPSM pada tahun 2024.

■1200

Bagi isu yang kedua, penemuan audit terhadap pengurusan aktiviti perlombongan di kawasan HSK mendapati terdapat berlaku sembilan pelanggaran aktiviti terhadap Akta Pembangunan Mineral 1994 (lapan kes) dan Akta Perhutanan Negara 1984 (satu kes).

Status tindakan. JPSM dan JMG akan terus membantu kerajaan negeri dalam memberikan khidmat nasihat mengenai perkara ini. Sebagai maklumat tambahan, pada masa ini pengukuhan terhadap kawalan hakisan dan sedimentasi daripada aktiviti perlombongan dilaksanakan melalui Skim Pengendalian Melombong di bawah seksyen 10 [Akta 525] dan Peraturan-peraturan Pembangunan Mineral (Skim Pengendalian Melombong, Pelan dan Buku Rekod) 2007.

Selain itu, JMG dalam tindakan menyediakan garis panduan baharu pelan reka bentuk hakisan dan kawalan kelodak untuk industri perlombongan yang akan disiapkan secara berfasa. Untuk fasa pertama, penyediaan laporan peraturan Pelan Kawalan Hakisan dan Kelodak oleh konsultan termasuk surat kelulusan Skim Pengendalian Melombong mengikut *best management practices* yang dijangka siap pada 15 Disember 2024. Kedua, garis panduan lengkap pelan reka bentuk hakisan dan kawalan kelodak untuk industri perlombongan yang dijangka siap pada 15 Disember 2025, selaras dengan keperluan agensi berkaitan seperti JPS dan JAS.

Sebagai tambahan, penambahbaikan proses kerja di JMG juga telah dilaksanakan. Pertama, Surat Pekeliling Ketua Pengarah Bil. 1/2018 mengenai keperluan penubuhan jawatankuasa di peringkat JMG negeri bagi kelulusan SKSPM. Kedua, Surat Pekeliling Ketua Pengarah Bil. 1/2020 mengenai kelulusan SKSPM di peringkat ibu pejabat bagi kawasan sensitif perlombongan. Ketiga, Surat Pekeliling Ketua Pengarah Bil. 1/2021 mengenai keperluan audit kendiri, kemampanan dan kebertanggungjawaban lombong dan kuari oleh pihak konsultan.

Sebagai *way forward,* JMG akan melaksanakan pindaan ke atas Akta Pembangunan Mineral 1994 yang akan mengambil masa selama tiga tahun untuk

dilaksanakan. Ia akan dibuat secara berfasa. Selain itu, JMG juga akan melaksanakan pengasingan subunit pelesenan dan penguatkuasaan kepada dua unit berasingan sebagai langkah *checks and balances* selaras dengan syor SPRM.

Untuk yang ketiga, mengenai kuari. Semakan audit mendapati berlaku 18 pelanggaran aktiviti pengkuarian terhadap ketetapan Akta Kualiti Alam Sekeliling, Akta Perhutanan Negara dan juga Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual).

Status tindakan. Untuk makluman, pada masa ini Jabatan Perhutanan Negeri telah mengenakan syarat dalam Lesen Kecil Kuari dalam HSK supaya pengurusan kuari mendapatkan kelulusan Skim Kuari oleh JMG supaya aspek-aspek teknikal seperti rancangan pembangunan kuari, kerja peletupan, *crushing and screening* dapat dipantau oleh agensi teknikal yang berkaitan.

Bagi kuari yang telah mendapat kelulusan EIA. JAS memantau dan menguat kuasa sebarang pencemaran mengikut syarat EIA yang juga merujuk kepada pematuhan Akta 127 dan peraturan-peraturan di bawahnya. Bagi kesalahan di bawah Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 yang melibatkan kegagalan menguruskan buangan terjadual minyak terpakai dan ketidakpatuhan syarat EIA, pihak pemaju telah dikeluarkan notis arahan dan kompaun. Lawatan susulan oleh JAS negeri mendapati pihak pemaju telah mematuhi syarat-syarat kelulusan laporan EIA dan Akta Kualiti Alam Sekeliling serta peraturan-peraturan di bawahnya. Sebagai tambahan, penambahbaikan Prosedur Tetap Operasi Penguatkuasaan EIA Edisi 2022 telah diguna pakai oleh JAS mengikut Arahan Pejabat 12/2022.

Sebagai *way forward*, pematuhan berkala dilaksanakan dengan menyediakan program tahunan atau berdasarkan aduan yang diterima oleh JAS serta melalui pemantauan kendiri oleh pihak penggerak projek. Selain itu, operasi bersepadu penguatkuasaan akan dilaksanakan secara bersama oleh JAS, JMG dan juga Jabatan Perhutanan Negeri. Maaf ya, slaid dia *jump* sikit.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Seterusnya.

Dr. Ching Thoo a/l Kim [Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam]: Kuari sudah. Restorasi. Okey.

Audit mendapati kelulusan kawasan hutan terosot yang dipulihkan hanya seluas 50.4 peratus berbanding sasaran 1,640 hektar. Manakala pencapaian tanaman pokok pelbagai spesies hanya sebanyak 0.48 juta pokok berbanding sasaran 1.03 juta pokok.

Status tindakan. Kerajaan telah meluluskan siling peruntukan berjumlah RM100 juta bagi RMKe-11 dan RMKe-12 untuk penanaman pokok di kawasan terosot seluas 1,640 hektar di bawah Program Restorasi, Tebus Guna dan Pemulihan Kawasan Hutan Terosot di Semenanjung Malaysia (3RSM). Sehingga 31 Disember 2023, sebanyak 1,107.9 hektar kawasan hutan terosot di Semenanjung Malaysia telah dipulihkan dengan penanaman sebanyak 650,779 pokok di bawah Program 3RSM.

Sebagai *way forward*, baki kawasan Program 3RSM seluas 532.1 hektar dijadual akan dilaksanakan pada tahun 2024 iaitu sebanyak 100 hektar, dan 2025 sebanyak 432.1 hektar.

Isu kelima berkaitan dengan Tapak RAMSAR Tasek Bera. Penemuan audit mendapati bahawa tindakan pemantauan dan penguatkuasaan dalam kalangan ahli-ahli Unit Pengurusan Tapak RAMSAR Tasek Bera tidak pernah dilaksanakan bagi tahun 2016 hingga tahun 2018. Kedua, aktiviti pemantauan bagi tahun 2019 hingga 2021 hanya dijalankan sebanyak 18 kali sahaja. Ketiga, Mesyuarat Penyelarasan Aktiviti Penguatkuasaan Tapak RAMSAR hanya dilaksanakan sekali pada tahun 2020.

Status tindakan. Bagi tahun 2016-2018, sebanyak 67 rondaan dan pemantauan telah dilaksanakan oleh Unit Penguatkuasaan Tapak Ramsar Tasek Bera (UPTRTB) iaitu 25 kali 2016; 2017, 13 kali; dan 2018, 29 kali. Manakala aktiviti pemantauan bagi tahun 2019-2021 adalah sebanyak 52 kali. Mesyuarat Penyelarasan Aktiviti Penguatkuasaan TRTB dilaksanakan sekali pada tahun 2020 disebabkan oleh kawalan PKP.

Way forward. Pemantauan dan penguatkuasaan TRTB sentiasa dilaksanakan dari semasa ke semasa dan diperkukuhkan melalui perwujudan Markas Taktikal bagi Operasi Bersepadu Khazanah (OBK) sejak tahun 2022. Di samping itu, enam orang Renjer Komuniti telah ditempatkan di TRTB di bawah Program Perlindungan dan Rondaan Biodiversiti (BP3) untuk menjalankan kerja-kerja pemantauan dan rondaan di kawasan tersebut.

Saya bergerak kepada isu yang keenam. Pengurusan Projek Pembangunan Ladang Hutan.

■1210

Terdapat lima penemuan audit iaitu:

(i) kelewatan memulakan penanaman bagi Johor, Kelantan, Pahang dan Perak;

(ii) penanaman tidak mengikut spesies ladang hutan di Johor, Kedah, Kelantan, Pahang dan Selangor;

(iii) rawatan silvikultur tidak memuaskan di Kelantan, Perak dan Sarawak;

(iv) berlaku ketidakpatuhan terhadap syarat lesen, syarat permit, syarat EIA; dan

(v) berlakunya impak negatif terhadap alam sekitar.

Status tindakan. Maklum balas untuk perkara ini adalah sama seperti maklum balas yang telah diberikan untuk isu berkaitan pembangunan hutan yang dibentangkan di bawah isu pertama tadi. Sebagai maklumat tambahan, terdapat perbezaan spesies yang diluluskan di peringkat negeri oleh kerajaan negeri masing-masing kerana kelulusan bagi penanaman spesies di kawasan ladang hutan merupakan bidang kuasa kerajaan negeri. Peranan Kerajaan Persekutuan adalah dalam memberikan khidmat teknikal sahaja.

Way forward. Kerajaan Persekutuan melalui JPSM akan meneruskan peranan dalam memberikan nasihat teknikal dan menyelaraskan keseragaman pelaksanaan di lapangan melalui SOP yang telah ditetapkan.

Isu ketujuh dan isu yang terakhir; penguatkuasaan dan pengurusan sumber hutan. Terdapat dua perkara yang disentuh iaitu kertas siasatan yang bagi kesalahan hutan dan isu pencerobohan. Bagi yang pertama, audit mendapati kertas siasatan dan kesalahan hutan, terdapat 3,586 kertas siasatan dibuka di sembilan negeri, diaudit dari tahun 2016 hingga 2021 sebanyak 2,515 kes, manakala baki belum selesai sebanyak 1,071 kes.

Status tindakan. Di peringkat ibu pejabat, JPSM telah mewujudkan *management team-based investigation* (MTI) bagi mempercepatkan penyempurnaan kertas siasatan, termasuk kes-kes tertunggak yang belum selesai,

Selain itu, latihan berterusan diberikan kepada pegawai serbuan dan penyiasat di Jabatan Perhutanan di peringkat negeri. Sebagai *way forward,* kadar penyelesaian kertas siasatan bagi kes kesalahan hutan dijangka dapat diselesaikan dengan penubuhannya pasukan MTI.

Bagi isu pencerobohan, audit mendapati seluas 35,789.59 hektar dalam HSK yang melibatkan 851 lokasi di Malaysia telah diteroka secara haram bagi pelbagai aktiviti penempatan dan pertanian.

Status tindakan. Bagi, pemantauan aktiviti ini, JPSM telah mengambil beberapa tindakan iaitu:

(i) penubuhan Bilik Pemantauan Sumber Hutan *(War Room);*

(ii) pemantauan melalui sistem *Forest Monitoring using Remote Sensing* (FMRS) dengan kerjasama Agensi Angkasa Malaysia (MYSA); dan

(iii) pelaksanaan operasi bersepadu di lapangan dengan agensi di peringkat negeri.

Sebagai *way forward,* pemantauan dan pengekangan aktiviti pencerobohan HSK diteruskan setiap masa oleh JPSM dan jabatan-jabatan hutan di peringkat negeri. Sekian, terima kasih.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Terima kasih Dr. Ching Thoo, KSU kementerian. Jadi, saya buka untuk ahli-ahli PAC tanya soalan dan saya cadangkan kalau boleh, kita ikut isulah. Kalau tidak, *confused* sikit. Juga, saya minta ahli-ahli PAC kalau boleh, kita simpan soalan berkenaan Sabah/Sarawak untuk sesi petang nanti. Tetapi kita sekarang boleh fokus kepada isu yang depan kitalah. Okey, kalau *tak* ada, saya bermula dengan soalan ladang hutan dulu ya. Isu pertama dengan isu enamlah, yang berkenaan tentang ladang hutan. Jadi, boleh minta pihak kementerian atau jabatan menjelaskan, apa objektif asalnya kita ada pembangunan ladang hutan ini?

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Naib Pengerusi PAC, seterusnya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian**.** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Jadi, sebenarnya untuk tujuan ataupun objektif penubuhan ladang hutan ini sebenarnya secara ringkasnyalah ya dalam– untuk ini. Sebabnya, bahan mentah kayu ini memang diperlukan untuk industri dan ada permintaan ya untuk kegunaan-kegunaan domestik kayu dan Malaysia ini sebagai sebuah negara yang mempunyai keluasan berhutan, perlulah memanfaatkan sumber yang ada untuk tujuan keperluan tempatan dan juga memasarkan– memenuhi keperluan luar negara.

Untuk itu, sumber yang sedia ada adalah hutan asli dan bagi mengurangkan tekanan kepada mendapatkan bahan mentah daripada sumber hutan asli dan juga untuk meningkatkan produktiviti daripada suatu kawasan tanah dengan pengeluaran yang lebih tinggi daripada hutan asli, maka satu program ladang hutan dirasakan wajar untuk menampung bekalan mentah untuk keperluan industri tempatan. Kalau mengikut rekod, dalam pengurusan kita untuk sumber hutan asli, aktiviti tebangan yang kita lakukan bukan secara tebang habis. Kita laksanakan secara – *[Berdeham] Sorry – selective management.* Maknanya, kayu-kayu yang bersaiz tertentu sahaja dibenarkan tebang. Dari segi produktivitinya, terhad. Dalam pengurusan sekarang ini, kita lebih kurang dalam 85 meter padu satu hektar berbanding dengan kita buat secara ladang hutan, kawasan yang telah dibersihkan ditanam dengan spesies-spesies tertentu yang cepat membesar.

In terms of productivity, tentunya ia melebihi daripada pengeluaran daripada kayu hutan asli. Mengikut anggaran, kalau spesies-spesies tertentu itu boleh mencapai 200 meter padu satu hektar. Sasarannya, untuk satu hektar kawasan yang ditanam dengan spesies-spesies ladang hutan. Saya percaya dengan kuantiti yang sebegitu, ia akan dapat menampung keperluan industri itu sendiri dan seterusnya memberi – mengurangkan tekanan untuk kita membuka atau menjalankan aktiviti usaha hasil di kawasan-kawasan hutan asli, terutamanya di kawasan-kawasan yang telah kita wartakan sebagai hutan simpanan kekal. Sebagai hutan simpanan kekal, ya.

Sebab kawasan berhutan kita di Semenanjung ini ada pelbagai status. Kawasan hutan yang telah diwartakan di bawah Akta 313 yang menjadi sebagai hutan simpanan kekal. Ada kawasan-kawasan yang diwartakan di bawah enakmen – di bawah Akta PERHILITAN sebagai Taman Negara dan ada juga kawasan-kawasan yang tak diwartakan– masih lagi di bawah pentadbiran negeri sebagai hutan tanah kerajaan. Jadi, ada banyak status kawasan berhutan ini dan saya percaya itulah untuk kawasan-kawasan yang melibatkan di luar HSK dan juga luar Taman Negara, memang kita *tak* adakan pembalakan secara tebang habis, kecuali yang tanah-tanah kerajaan yang terlibat dengan pembangunan. Di situ akan ada tebang habislah untuk itu, untuk dibersihkan untuk tujuan pembangunan. Terima kasih Yang Berhormat.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Jadi, boleh saya tahu tak, apabila kementerian atau jabatan meluluskan satu permohonan untuk tubuhkan

ladang hutan, apa kriterianya? Ada apa-apa kriteria untuk meluluskan permohonan tersebut tak*?*

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Yang Berbahagia Dr. KSU tadi, sebenarnya untuk tujuan pembangunan ladang hutan ini adalah diluluskan oleh pihak kerajaan negeri. Kami di peringkat Kerajaan Persekutuan telah membawa kepada Majlis Tanah Negara, satu platform yang telah disebutkan tadi untuk menentukan keluasan yang boleh dibenarkan ataupun *cap-lah.* Kita hadkan kawasan-kawasan untuk dibangunkan ladang hutan dalam hutan simpanan kekal.

Sebagaimana yang telah diputuskan dalam MTN pada tahun 2012 yang lepas, kawasan yang dibenarkan untuk dibuka dalam hutan simpanan kekal untuk tujuan pembangunan ladang hutan adalah seluas 439 ribu hektar lebih kurang. Ataupun hampir kepada 440 ribu. Jadi, tidak melebih daripada itu. Maknanya, kalau 440 ribu hektar itu, daripada berbanding dengan keluasan tanah ataupun keluasan hutan yang ada di Semenanjung ini, dia tak capai – tidak melebihi *10 per cent*-lah saya percaya, daripada keluasan hutan simpanan kekal. Jadi, kita kawal dari segi pembukaan.

■1220

Untuk kelulusan daripada kerajaan negeri, pihak berkuasa negeri yang akan meluluskan kepada pihak-pihak syarikat ataupun mana-mana pengusaha ladang untuk tujuan membangunkan kawasan-kawasan ladang hutan.

Di peringkat jabatan sendiri, kita ada sediakan Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan yang menjelaskan kriteria-kriteria kawasan untuk penubuhan – yang itu hanya panduan yang dikeluarkan di peringkat Persekutuan. Dari segi negeri, negeri akan menentukanlah kawasan-kawasan yang sebenar di mana untuk dibangunkan sebagai ladang hutan.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Jadi, garisan panduan itu kalau pihak negeri tidak ikut pun tak ada apa-apa tindakan yang akan diambillah?

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: Ya, sama sebagaimana disebut oleh Yang Berhormat Pengerusi tadi. Kita sebagai penasihat – mungkin nasihat teknikal kepada negeri dan kuasa akhir mutlaknya kerajaan negeri yang akan menentukan sama ada nak melaksanakan sepenuhnya ataupun ambil sebahagian ataupun tidak melaksana langsung.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Jadi, ini bermakna bahawa walaupun mungkin kementerian atau pihak Kerajaan Pusat menggalakkan pengusaha ladang hutan memilih tapak seperti yang jatuh ke dalam kategori hutan terosot, tetapi akhirnya kalau tapak yang dipilih bukan hutan terosot ada kemungkinan diluluskan oleh pihak negeri untuk dibangunkan sebagai ladang hutan.

Dr. Ching Thoo a/l Kim [Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam]: Boleh kan?

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: Ada kemungkinan. Cumanya yang selalunya di peringkat negeri, kita pun macam Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia kita ada juga libat urus dengan semua jabatan perhutanan negeri.

Pertamanya, penubuhan ladang hutan takkan berlaku dalam kawasan hutan perlindungan, *catchment area*, kawasan hutan tebus guna tanah, kawasan untuk simpanan hidupan liar, *virgin jungle reserves* (VJR), yang itu selalunya tak akan berlakulah. Apa yang kita benarkan adalah untuk kawasan-kawasan yang terlibat ataupun dikategorikan sebagai hutan pengeluaran (*production forest*).

Even untuk kawasan-kawasan *production forests* pun ada beberapa kriteria, maknanya kawasan yang terlalu tinggi, tidak juga akan kita galakkan. Maknanya, *steep slopes* atau kawasan yang altitudnya tinggi. Kita pun tidak menggalakkan untuk negeri memberikan kelulusan ataupun kebenaran ataupun kawasan-kawasan tersebut dipilih untuk tujuan ladang hutan.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey, ada satu soalan lagi berkenaan ladang hutan ini daripada saya. Jadi, saya dimaklumkan ada satu nombor iaitu saya nak minta penjelasan. 153 meter padu untuk memilih ladang hutan itu. Bagaimana kita, *reach the conclusion*, kita tetapkan nombor ini?

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Teknikal betul soalan ini.

[Ketawa]

Okey, sebenarnya di peringkat kita di Semenanjung Malaysia, kita ada melaksanakan sejak tahun 70-an lagi. Kita ada mengadakan kerjasama dengan Food and Agriculture Organization (FAO) di bawah UN untuk menjalankan Inventori Hutan Nasional yang pertama, *first National Forest Inventory* − tetapi untuk Semenanjunglah, dalam peringkat Semenanjung sahaja.

NFI ini – atau singkatannya NFI dilaksanakan setiap 10 tahun sekali. Dalam NFI inilah dikelaskan status atau kategori kawasan hutan. Hutan miskin, hutan

sederhana (*moderate*) dan hutan yang kaya dan ada beberapa pengelasan di bawah NFI.

Pada ketika itu, kawasan hutan miskin dikelaskan sebagai 153 meter padu. Itu yang kita gunakan. Pada ketika itu juga, saya percaya inventori yang dibuat atau pengelasan ia bergantung pada keseluruhan kawasan itu yang dibanci satu hektar. Maknanya, 153 meter padu per hektar kawasan untuk keseluruhan pokok yang ada di dalam satu-satu kawasan. Jadi. itu yang digunakan kriteria pada ketika itu dan kita bawa kategori hutan miskin itu dengan isi padu yang sebegitu. Terima kasih.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Terima kasih, jadi maknanya digalakkan pilih hutan miskin untuk jadi ladang hutan tetapi terpulang kepada pihak negeri masing-masing.

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: Tak semestinya dia kena cari kawasan 153 meter padulah. Tapi kalau ada yang kawasan yang kurang daripada 153 itu lebih sesuailah. Cumanya untuk tujuan ladang hutan ini selalunya dari segi *cost-effective* ia kena satu kawasan yang sama luas ataupun kawasan setempat *in one area.* Disebabkan kalau *patches* dan dari segi *management* untuk kawasan itu akan sukar kepada pihak pengusaha.

Jadi, selalunya dia akan pilih satu kawasan mungkin 2,000 ekar ataupun mengikut keluasan yang dibenarkan oleh kerajaan negeri. Di situ akan mudah membuat rancangan pembangunan ladang dan juga aktiviti-aktiviti pemantauan dan kerja-kerja susulan seterusnya. Jadi, kalau hendakkan kawasan yang kurang daripada 153 – nak cari dalam satu kawasan *1,000* hektar ataupun *2,000* hektar memang sukarlah untuk cari kawasan yang sebegitu.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey, terima kasih. Saya menjemput YB Kubang Pasu.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* Yang Berhormat Naib Pengerusi PAC, Yang Berbahagia Dr. KSU, Yang Berbahagia Dato' Ketua Pengarah Jabatan Hutan dan semualah yang hadir.

Saya ada beberapa perkara yang nak saya nak mendapatkan pencerahan. Pertamanya berhubung dengan isu yang ketiga iaitu Kawasan Sensitif Alam Sekitar ataupun KSAS. Nampaknya isu ini agak besar jugalah sebab kuasa terhadap hutan dan tanah semua ini di bawah kerajaan negeri. Banyak yang kita lihat semenjak 2017 garis panduan dibuat, banyak negeri yang tidak mengikuti garis panduan.

Negeri Perlis, Pulau Pinang, Terengganu terima pakai tanpa pindaan. Ia ikut 100 peratuslah. Boleh pula. Negeri ini ia boleh ikut. Kemudian menerima pakai dengan pindaan, Johor, Kelantan, Melaka, Perak, Selangor. Tak tahulah apa pindaannya. Kemudiannya belum menerima pakai sudah lima tahun, nak masuk enam tahun – dekat enam tahun kan? Kedah, Negeri Sembilan, Pahang belum menerima pakai.

Persoalan saya ialah apakah pendekatan, kaedah, tindakan – tindakan itu ia bunyi kuatlah sebab kerajaan negeri ini, kami punya kuasa nak ambil tindakan. *Federal* tak boleh ambil tindakan. Kaedah dan pendekatan yang berkesan dan dapat diterima; apa yang boleh kita lakukan di peringkat Persekutuan? Itu persoalan yang pertama. Untuk menentukan bahawa negeri-negeri ini semuanya mestilah mengikuti garis panduan yang telah kita telah buat tahun 2017. Itu soalan yang pertama.

Kemudian dalam isu ketiga disebutkan – saya tak tahu yang mana – okey, isu ketiga juga, isu tiga mengenai disebut Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN). Saya banyak kali terlibat mewakili Menteri Besar dalam mesyuarat MPFN. *So,* saya tahu apa yang berlaku. Sebenarnya dalam MPFN ini ialah memberi nasihat kepada negeri sama ada nak buat EIA atau tidak. Macam nak buat pulau di Pulau Pinang – pulau-pulau tambahan di Pulau Pinang dan sebagainya. Kalau lebih 100 ekar kita nak bangun, kena dapat EIA.

Saya pasti ada negeri yang tak ikut nasihat MPFN. Ada juga negeri yang tak bawa langsung kepada MPFN. Begitu juga dengan masalah hutan ini, tidak dibawa kepada MPFN dan macam mana MPFN boleh nak bagi nasihat. Yang ini ia bukannya saya rasa satu cara, kaedah yang terbaiklah untuk kita nak kita jaga hutan simpan kita ini sebab dia orang tak bawa.

Sesetengah negeri masa – ia bergantung Kerajaan Pusat siapa – negeri ini pembangkang. Ia tak peduli. Dia buat sendiri ikut dia. Dia kata dia peduli apa. Saya tahu ini berlaku sebelum ini. Apakah cara mungkin pihak Jabatan Perhutanan dan juga kementerian dapat memikirkan cara, pendekatan yang paling berkesan untuk menangani isu ini dengan cara konsultasi untuk mendapatkan kerjasama yang baik daripada peringkat kerajaan negeri? Saya ingat itu cara yang bolehlah. Ia tak boleh cara tindakan. Ia tidak akan mengikuti sebab tanah, hutan adalah kerajaan negeri.

■1230

Saya duduk dalam Exco kerajaan negeri dua penggal, saya tahu ini hak kerajaan negeri yang tidak boleh buat apa-apa. Seterusnya, isu ketujuh mengenai pencerobohan. Ini masalah yang besar, ia memang berlaku pencerobohan ini.

Kadang-kadang siapa hendak larat jaga hutan, hutan ini besar. Dia masuk, dia pergi tebang balak, kita tahu dia ceroboh bila ada hujan lebat dari bukit, balak-balak turun. Ya, macam berlaku di tempat-tempat tertentu. *"Oh, ada orang tebang balak di atas*."

Saya tidak menyalahkan sesiapa dalam hal ini. Saya tidak menyalahkan Jabatan Hutan dan sebagainya tetapi kita perlu fikirkan cara macam mana kita hendak buat pemantauan ini yang lebih berkesan. Satunya, saya difahamkan bahawa tenaga kerja Jabatan Hutan ini tidak mencukupi, itu boleh diberi pencerahan kepada kita *sat* lagi. Bagi menjaga hutan yang begitu besar di seluruh negara. Kedah pun banyak – besar hutannya dan di Pahang lagi besar. Adakah itu satu fakta bahawa kita tidak mempunyai tenaga kerja untuk membuat pemantauan dan penguatkuasaan bagi hutan-hutan kita? Dan kalau itu faktanya, maka kita perlu cari jalan untuk tambahkan.

Ini satu aset yang besar bagi negara. Kita boleh belanja banyak dalam benda-benda lain, yang ini patut diberikan juga penekanan ya, Yang Berhormat Naib Pengerusi. Kita lihat *up to 31st December 2021*, dekat 36,000 hektar dalam hutan simpanan kekal yang dicerobohi di 851 lokasi. Persoalannya, dia ceroboh, dia ambil balak *free*. Apa tindakan kita selanjutnya kepada orang yang menceroboh? Adakah kita dapat tangkap orang yang menceroboh ini ataupun tidak? Kalau dapat, apakah tindakan yang kita ambil terhadap mereka ini? Seterusnya Yang Berhormat Naib Pengerusi, sedikit sahaja.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: YB.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Bagi dia *answer* dahulu.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Okey. *[Tidak jelas]* ...dulukah atau hendak buat sekali?

Seorang Ahli: Jawab dahulu, lupa nanti ini.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Lupa. *[Ketawa]* Okey, jawab dahulu *satgi* saya tanya. Okey, silakan.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Mungkin bagi pihak kementerian jawab dahululah, tiga soalan tersebut.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Silakan. Saya ingat macam pembentangan tadi.

Dr. Ching Thoo a/l Kim [Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam]: Mungkin soalan Yang Berhormat yang kedua-dua tadi menyentuh fungsi PLANMalaysia, KP ada dekat sini. Saya jemput KP jawab ya, boleh?

TPr Dr. Alias bin Rameli [Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia]: Okey, Yang Berhormat Naib Pengerusi dan juga ahli PAC semua. Berhubung dengan dua persoalan tadi, yang pertama tadi berkaitan tindakan di bawah kuasa-kuasa *Federal*. Kita faham tadi, saya hendak menggunakan poin yang sama di bawah MPFN tadi itu yang ada kuasa memberi nasihat dan juga persetujuan di situ kan? Cuma kita faham bahawa kuasa kalau tanah tadi 74(2) *is* di bawah negeri, Perancangan Bandar dan Desa ini lebih bawah lagi. Maksudnya, di bawah *Concurrent List*, Senarai Bersama.

Maksudnya, banyak yang *Executive power* itu di bawah pihak berkuasa negeri dan lebih lagi bila tanah, lagi sukar untuk kitalah. Cuma kita nampak ada ruang dari sudut Majlis Perancangan Fizikal Negara untuk memberi nasihat dan kita telah banyak bincang dengan di peringkat AGC sendiri bahawa *the* terma *of the* nasihat itu sewajarnyalah perlu dipatuhi oleh pihak berkuasa negeri sekiranya ada permohonan projek-projek pembangunan tertentu di peringkat negeri ataupun di peringkat pihak berkuasa tempatan, itu yang pertama.

Berhubung dengan Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN), memang telah disenaraikan ada beberapa – hanya lima sahaja projek-projek yang komponennya yang dibawa untuk mendapat persetujuan ataupun pandangan ataupun nasihat daripada MPFN.

Yang pertama, yang melibatkan pembangunan melebihi 100 hektar, satu. Yang keduanya, 10,000 penduduk. Ketiganya, *coastal reclamation*. Yang keempat, berkaitan dengan *mega infrastructure project.* Yang kelima, kalau ini lereng bukit, pembangunan di lereng bukit, di kawasan sensitif alam sekitar yang diwartakan di dalam rancangan pemajuan.

Jadi, berhubung ada negeri-negeri yang sebelum ini tidak bawa kepada MPFN, memang berlaku, Yang Berhormat Naib Pengerusi dan juga ahli-ahli PAC. Tetapi dalam tahun lepas telah ada satu keputusan di Federal Court untuk satu kes di Sunway City di Pulau Pinang yang di akhir menjelaskan bahawa mana-mana projek yang terkandung di dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa, perlu diikuti dan perlu melalui proses untuk diberi pertimbangan di dalam Mesyuarat MPFN. Selepas itu, saya ingat bulan Jun tahun lepas, tidak ada lagi negeri yang berani untuk tidak bawa kertas ini kepada – lebih-lebih lagi yang melibatkan kawasan sensitif alam sekitar kepada Majlis Perancangan Fizikal Negara. Terima kasih.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Sudah habis semuakah, belum? Okey, Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan.

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: Untuk isu ketujuh tadi, Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat, atas soalan.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Satu sahaja lagi, *the last one*. Selepas itu, saya simpan petang ini pula. Ini persoalan yang besar dari segi pendapatan negara dan negeri iaitu REE. REE ini seluruh negara, di Kedah *I am very sure, but* negeri-negeri lain pun sama. Dia kebanyakan REE ini duduk dalam hutan simpan kekal dan setakat ini kita tidak ada lagi kaedahnya macam mana hendak ambil REE daripada hutan simpan kekal. Ini jabatan hutan yang kepala dalam benda inilah.

Oleh sebab kalau kita tidak ambil, rugi besar, dia berbilion-bilion. Satu negeri sampai RM4 bilion, RM40 bilion. Negeri lain semua campur-campur, beratus bilionlah seluruh negara dan kalau kita tak ambil ia memang rugi. Jadi persoalannya, bagaimanakah, apakah perancangan yang sedang dibuat oleh pihak jabatan hutan untuk kita tentukan bahawa REE ini dapat kita ambil daripada hutan kekal yang ada di seluruh negara hari ini? Itu sahaja, ini termasuk jabatan geologi jugalah kan, yang jaga mineral. Terima kasih Yang Berhormat Naib Pengerusi.

Dr. Ching Thoo a/l Kim [Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam]: Mungkin hendak jawab itu soalan yang *last* sekali, Yang Berhormat. Yang Berhormat, dari segi polisi Yang Berhormat, sekarang ini memang tidak dibenarkan untuk melombong REE dalam kawasan hutan simpan kekal, itu polisi *all right*. Walau bagaimanapun, ada *but* dan *if* dekat situlah. Dalam Mesyuarat Menteri Besar yang lepas, kami diminta untuk melihat jugalah ruang-ruang untuk membenarkan perlombongan dalam kawasan HSK, okey.

Dengan teknologi yang ada sekarang ini, mungkin kawasan yang *footprint* itu sudah tidak besar lagi sudah. Kami melalui JMG, kami melihat isu ini, apakah bentuk kawal selia yang lebih efektif kalau kita hendak benarkan perlombongan berlaku di kawasan HSK sebab ia akan menjejaskan sumber air kita, kalau ada. Isu alam sekitar yang akan timbul macam-macamlah. Yang berlaku di Kedah Yang Berhormat, itu dalam kawasan HSK yang kita tahulah kan? Okey.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Yang di Sik itukah?

Dr. Ching Thoo a/l Kim [Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam]: Kami di peringkat kementerian, kita telah buat satu *pilot project* di luar kawasan HSK. Kita lihat kesannya kepada sumber air, macam mana dan *ecological,*

itu yang kita akan buat. *So*, polisi dia, perlombongan kawasan HSK sekarang masih tidak dibenarkan.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Tetapi apa tindakan yang pantas dan cepat untuk kita dapat NR-REE ini dilaksanakan oleh pihak kementerian sebab dia amat rugi kalau kita buat lambat. Negara-negara lain macam Indonesia *is doing – working so hard on this area.* Kalau kita tertinggal *then* kita rugi dari segi peluang-peluang. Ini disebabkan oleh EV.

Dr. Ching Thoo a/l Kim [Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam]: Kalau untuk itu, saya jemput KP JMG untuk bagi sedikit teknikal ya, Yang Berhormat. Silakan, KP.

Datuk Zamri bin Ramli [Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia]: Okey, terima kasih Dr. KSU. Yang Berhormat Naib Pengerusi PAC, Yang Berhormat ahli-ahli PAC. Berkenaan dengan kebolehlaksanaan penerokaan REE di hutan simpanan kekal. Memang ada cadangan untuk kita mengadakan projek perintis dahulu di kawasan hutan simpanan kekal dan perkara ini akan diputuskan dalam bulan Januari dan Februari inilah. Berapa kawasan itu dan kementerian melalui FRIM akan mengetuai jabatan hutan, JMG juga melihat kawasan mana yang sesuai dijadikan projek perintis.

Apa yang telah kita buat di kawasan luar hutan simpanan kekal, di kawasan ladang hutan di Kenering. Apa yang kita dapat adalah ia tidak menjejaskan alam sekitar.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Lagi sekali Datuk Ketua Pengarah, di mana yang *you* buat itu?

Datuk Zamri bin Ramli [Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia]: Di Kenering.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Kenering di mana?

Datuk Zamri bin Ramli [Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia]: Di Gerik, Perak.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Oh, Perak.

Datuk Zamri bin Ramli [Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia]: Daripada audit yang kita lakukan dan juga SOP yang telah kita terbitkan, dipanggil SOP NR-REE di Perak, *result* yang kita dapat, ia tidak menjejaskan alam sekitarlah. Termasuklah dari segi isu-isu yang melibatkan perhutanan dan juga dari segi *ground water*. Itu yang kita dapat tetapi melalui pemantauan yang – makna pemantauan

yang diketuai oleh JMG bersama sepuluh agensilah, yang ketatlah, itu yang kita buat. Akan tetapi di kawasan itu Yang Berhormat, adalah di kawasan ladang hutan.

■1240

Bagi – untuk itu, kementerian telah pun mengedarkan SOP Malaysia pada Disember 2023 dan SOP ini merupakan sebagai panduan kepada kerajaan-kerajaan negeri untuk memulakan aktiviti REE tetapi bukan di hutan simpan untuk itu. Akan tetapi untuk hutan simpanan kekal ini kita dalam kajian untuk dibuat projek perintis dahulu untuk melihat adakah terjejas dari segi ekosistem hutan dan dari segi *regime* air itu.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Mungkin ladang hutan itu dia lain sedikit kut *nah*? Tak sama yang betul-betul hutan simpanan kekal? Berapa keluasan tanah itu yang dibuat?

Datuk Zamri bin Ramli [Jabatan Mineral dan Geosains]: Okey, yang diluluskan EIA sebanyak 5,000 ekar tapi yang dibuat untuk projek perintis itu adalah sebanyak 216 ekar. Akan tetapi kita pun dah – tetapi kita keluarkan di peringkat produk itu adalah di peringkat bahan mentah, maknanya *carbonate*.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey. Jadi, sebelum kita pergi ke soalan lain yang ditanya oleh YB Kubang Pasu tadi tentang REE ini, boleh saya tahu berapa simpanan kita ada seluruh Malaysia? REE ini?

Datuk Zamri bin Ramli [Jabatan Mineral dan Geosains]: Okey, sekarang ini simpanan kita, dipanggil *resource,* adalah sebanyak 16.2 juta tan dan kalau ikut dari segi kadar, 20 peratus daripada keseluruhan rantaian adalah sebanyak RM810 bilion. 20 peratus daripada keseluruhan rantaian industri REE itu sendiri.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Zamri bin Ramli [Jabatan Mineral dan Geosains]: 20 peratus daripada keseluruhan rantaian. Nilai daripada 20 peratus. Yang dikira lima tan per ekar. Itu yang paling konservatif.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Boleh tolong terangkan sekali lagi sebab tidak berapa fahamlah.

Datuk Zamri bin Ramli [Jabatan Mineral dan Geosains]: Sekarang ini simpanan kita REE, *resource*, sumber adalah 16.2 juta *metric ton* bernilai RM810 bilion.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* RM?

Datuk Zamri bin Ramli [Jabatan Mineral dan Geosains]: RM. Pada kadar rantaian, 20 peratus daripada keseluruhan rantaian RE itu. Maknanya 20 peratus ini

adalah di peringkat *raw* tapi kalau kita proses, dia akan dapat 100 peratus tapi kira 20 peratus. Pengiraan 20 peratus. Mengambil kira lima...

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *Sorry*...

Datuk Zamri bin Ramli [Jabatan Mineral dan Geosains]: ...tan per ekar. Kalau kita lombong, kita akan dapat lima tan per ekar. Itu paling konservatif yang paling rendah.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *That means your extraction 20 per cent*-lah?

Datuk Zamri bin Ramli [Jabatan Mineral dan Geosains]: *Yes.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Extraction 20 per cent*-lah?

Datuk Zamri bin Ramli [Jabatan Mineral dan Geosains]: *Yes.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Daripada jumlah.

Datuk Zamri bin Ramli [Jabatan Mineral dan Geosains]: *Yes.*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Itu Semenanjung sahaja ke seluruh negara? Sabah dan Sarawak?

Datuk Zamri bin Ramli [Jabatan Mineral dan Geosains]: Untuk – sekarang ini kita mengambil kira Semenanjung sahaja itu. Kenapa Semenanjung? Sebab apa, REE yang ada itu merupakan daripada *tin belt* itu. Sebab apa kita Malaysia dahulu, kita *world's largest* pengeluar timah daripada luluhawa timah itu, ia menghasilkan *another minerals*, REE.

Akan tetapi apa yang saya nak tegaskan dekat sini, REE yang dikeluarkan daripada – dikenali sebagai jerapan lempung ataupun *ion adsorption clay* ini, ia tidak terikat dengan peruntukan *atomic* dia sebab dia punya *thorium* itu *less than one becquerel.* Ia dalam keadaan biasalah. Dalam keadaan normal.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Tidak ada *significant level of radioactive? Do you know I mean?*

Datuk Zamri bin Ramli [Jabatan Mineral dan Geosains]: *Significant.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Dia lulus, lulus. Tidak macam Lynas.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Akan tetapi dahulu dekat Bukit Merah, kenapa ia menjadi toksik pula? *I thought it's the same deposits?*

Datuk Zamri bin Ramli [Jabatan Mineral dan Geosains]: *Actually, no*. *Bukit Merah actually from the byproduct from the* amang. *It's a mineral-based. What* –

macam Lynas punya. Akan tetapi yang kita hendak usahakan ini adalah daripada jerapan ion. Ia *different*. Ia ada dua yang menghasilkan REE ini, ada dua *types*.

Satu *from mineral-based which is* maknanya yang boleh menghasilkan radioaktif, yang kedua adalah berdasarkan daripada lempung. Itu sebabnya kalau kita tengok ia macam *clay, clay*.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Jadi kalau kita membandingkan dengan negara ASEAN lain, penghasilan RE kita bagaimana? *High quality*-kah dan juga penghasilan itu lebih tinggi *per hectare*-kah macam mana? Perbandingan dengan negara lain?

Datuk Zamri bin Ramli [Jabatan Mineral dan Geosains]: Okey, kalau ikut dari segi perbandingan dari segi apa yang JMG buat, daripada makmal punya keputusan dan kita buat perbandingan dengan China, *because the technology of REE* ini kan, semua ada dekat China-lah.

Okey, di Malaysia ini kenapa – maknanya banyak *investors especially from China is because* kita punya kualiti itu tinggi. Kita ada NdPR (neodymium and praseodymium) itu yang menghasilkan *super magnet* untuk EV berbanding dengan negara lain. Akan tetapi REE ini dia dihasilkan di kawasan-kawasan Khatulistiwa sahajalah.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Jadi kes yang tadi sebut tadi, YB Kubang Pasu pun tanya, sama ada perlombongan yang sedia ada di Kedah itu berlaku di Sik, ke mana dan berapa keluasan itu?

Datuk Zamri bin Ramli [Jabatan Mineral dan Geosains]: Okey, mengikut Akta Pembangunan Mineral 1994, kawasan yang dilombong secara haram ia tidak terikat dengan kita punya peraturan. Jadinya, itu di bawah PTG. Jadi kita tidak ada *enforce*-kan tapi bila kita ambil, kita ambil sampel itu, kita akan buat ujian makmal menunjukkan bahawa sampel itu memang tinggi NdPr, itu sebabnya orang curi.

Akan tetapi peruntukan kita tidak ada itu. Itu sebabnya kita hendak pinda ini sebab ia tidak meliputi perlombongan haram. Yang halal sahaja kita kuatkuasakan.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Saya ingat kalau kita hendak halalkan, kena buat cepat. Kalau tidak haram punya masuk banyak. *[Ketawa]*

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey, soalan satu lagi berkenaan REE ini...

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: Yang Berhormat Naib Pengerusi, saya ada jawapan tadi untuk satu soalan daripada Kubang Pasu.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey, jawab dahulu.

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: Berkaitan dengan pencerobohan. Jadi mungkin saya boleh betulkan dahulu Yang Berhormat Kubang Pasu. Sebenarnya pencerobohan ini berbeza dengan pembalakan haram. Pembalakan haram ini memang lebih ambil kayu, dia curi kayu, bawa keluar dan dia jual terus sama ada proses, belah di kilang ataupun dia jual terus kepada kilang. Berbeza dengan pencerobohan.

Figure yang dilaporkan 35,000 ataupun hampir 36,000 adalah kawasan yang terlibat dengan pencerobohan tanah hutan simpanan kekal.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Pencerobohan itu dia buat apa dalam itu? Dia tak ambil balak?

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: Pencerobohan ini ada banyak kategori. Perkampungan pun ada. Kalau di Kedah itu kampung pun ada di dalam hutan simpanan kekal. Maknanya, dia ceroboh tanah hutan simpan kekal untuk buat perumahan. `

Di Selangor pun ada. Baru-baru ini ada kes kawasan apabila ECRL punya projek untuk melalui ke Pantai Klang dan berlaku aktiviti penguatkuasaan dilakukan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk meruntuhkan binaan-binaan yang terdapat sepanjang laluan ECRL. Itu hutan simpan kekal yang telah diceroboh sebelum ini untuk penempatan. Itu contoh-contoh pencerobohan yang melibatkan tanah-tanah hutan simpan kekal di Kedah, di Selangor baru-baru ini, ya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Di Kedah saya tahu di mana. *[Ketawa[*

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: Ya. Di Langkawi ada, banyak tempat. *[Ketawa]*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Orang miskin. Orang-orang miskin. *[Ketawa]*

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: Berbalik kepada tadi, pencerobohan. Tadi untuk penempatan, yang kedua untuk mengusahakan tanaman. Menceroboh untuk dapat tanah, usaha tanaman. Sama ada tanam dengan sawit, ada yang tanam durian dan ada yang menjalankan pertanian kebun sayur − ceroboh.

Itu maklumat yang kita kumpulkan, kita laporkan. Yang kita kumpul dan kita laporkan. Sebenarnya perkara ini sudah kita bawa kepada mesyuarat Majlis Tanah Negara pada tahun 2019 untuk kita *highlight* kepada semua kerajaan negeri data-data ataupun maklumat yang kita dah kumpulkan di peringkat pihak Persekutuan dan membentangkan kepada kerajaan negeri, di mana kawasan-kawasan yang di negeri masing-masing terlibat dengan penerokaan untuk negeri *alert* dan terus ambil tindakan ke atas aktiviti yang berlaku, sudah berlaku pun di atas tanah.

Keputusan pun dah diperoleh pada 2019 lepas dan semua negeri mengambil tindakan susulan atas perkara-perkara yang diputuskan oleh MTN. Baiknya dalam keputusan MTN 2019 juga, untuk pencerobohan baharu yang dikesan, terus boleh ambil tindakan. Maknanya tindakan terus melalui penguatkuasaan tanpa maaf, lebih kurang macam itulah ayatnya.

Akan tetapi untuk kes-kes lama tadi, yang sudah ada kampung, durian dia mungkin sudah berbuah ataupun tanaman dia sudah hendak keluarkan hasil seperti durian, yang itu terpulang kepada kerajaan negeri sama ada hendak buat keputusan musnahkan tanaman tadi, musnahkan rumah ataupun nak bagi kebenaran. Kalau mungkin perkampungan, kalau ada negeri yang hendak warta keluar, boleh warta keluar tetapi menggantikan dengan kawasan lain.

Itu antara opsyen yang boleh dibuat oleh kerajaan negeri yang telah diangkat melalui mesyuarat MTN 2019, Yang Berhormat. Jadi betul, pertamanya penjelasan sedikit beza antara pencerobohan dan juga pembalakan haram yang mana memang tujuan dia tebang-tebang ambil kayu, terus dia bawa keluar terus dan dia tidak masuk lagi kawasan itu. Itu pembalakan haram, berbeza dengan pencerobohan.

Untuk penguatkuasaan, sama ada untuk tujuan menghalang pembalakan haram ataupun menghalang pencerobohan, betullah sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Kubang Pasu tadi, memerlukan tenaga anggota kita. Di peringkat jabatan, memanglah sekarang ini banyak persaraan-persaraan pegawai kita yang lama, yang berkhidmat dan tidak ada penggantian.

■1250

Dari segi pengisian itu, kalau saya di ibu pejabat ini mungkin tak sampai 90 peratus, dalam 70 ke 85 peratus, antara *range* itu. Di negeri-negeri pun sama. Jadi, memang diakui anggota kita memang dari segi pengisiannya banyak kelompangan di situ dan tentunya kita untuk mengisi kekosongan jawatan itu perlukan daripada pihak berkuasa meluluslah. Kalau macam di peringkat *Federal* ini daripada JPA dan

di peringkat negeri daripada pentadbiran negeri masing-masing untuk tujuan pengisian kekosongan jawatan.

Langkah-langkah untuk mengatasi isu-isu pencerobohan, pembalakan haram memang disebut dalam slaid kitalah. Kita ada beberapa kaedah, menggabungkan kaedah-kaedah rondaan secara konvensional yang kita buat sebelum ini dengan kita integrasikan teknologi yang ada sekarang ini sama ada *drone,* menggunakan imej satelit dan sebagainya. Itu kita lakukan sekarang ini bersama dengan rondaan bersepadu dengan pelbagai agensi yang terlibat untuk rondaan, terutamanya di bawah PERHILITAN, PDRM dan kita jugalah, JPSM-lah untuk meronda kawasan-kawasan hutan yang *prone,* terdedah kepada pencerobohan-pencerobohan sama ada untuk tujuan pencerobohan haram tadi, ambil balak ataupun untuk hidupan liar. Jadi, itu penjelasan saya Yang Berhormat, atas isu nombor tujuh tadi. Terima kasih.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey, terima kasih. Jadi, saya balik ke isu REE dulu kerana tadi kita bincang berkenaan REE itu. Jadi, boleh saya tahu sekiranya kementerian berhasrat untuk mengizinkanlah hasilan REE ini, berapa lama kita perlu buat perubahan iaitu perlukah kita buat pindaan ke atas undang-undang? Jadi, kalau kita nak buat pindaan itu, berapa lama baru boleh dilakukan? Juga soalan kepada JMG iaitu simpanan REE ini, majoritinya di kawasan mana di Semenanjung Malaysia ini?

Datuk Zamri bin Ramli [Jabatan Mineral dan Geosains]: Saya jawab yang *last*. Majoriti yang tertinggi adalah di Terengganu. Okey.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Kedua?

Datuk Zamri bin Ramli [Jabatan Mineral dan Geosains]: Lepas itu...

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Yang negeri lain?

Datuk Zamri bin Ramli [Jabatan Mineral dan Geosains]: Kedua di Kelantan. Saya semak saya punya kejap. Kejap, kejap saya tengok ini. Okey, saya bagi. Kalau kita tengok yang paling tinggi adalah di Terengganu sebanyak 7.2 juta tan, berjumlah RM362 bilion. Kedua adalah di Kelantan sebanyak 2.6 juta tan, berjumlah RM130 bilion – saya *round figure* ya. Ketiga adalah di Perak, RM85 bilion, 1.7 juta tan. Kalau Kedah – Kedah adalah 1.2 juta tan sebanyak RM56 bilion. Itu yang kita kira lima tan per ekar. Tapi kalau apa yang kita dapat sekarang ini, itu lima tan per ekar itu adalah yang paling konservatiflah. Tapi apa yang JMG buat dan melalui kaedah susulan Projek RMKe-12 yang dibagi kepada Kementerian Ekonomi, kita akan dapat 17 tan hingga 39 tan per ekar. Itu sebabnya RE ini satu yang...

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Zamri bin Ramli [Jabatan Mineral dan Geosains]: 39 tan. Kalau di Kenering itu ya, Kenering lebih kurang dalam 30 hingga 40 tan. Itu – kenapa kita ambil lima tan per ekar, kan? *It's a conservative.* Maknanya, itu bagi tujuan untuk sebagai perkiraan kerajaan mengambil sebagai sumber kekayaan baru negara. Itu sebabnya pindaan peruntukan perundangan perlu. Sebab apa? Dalam REE ini – sebab kita dah *third generation*, dulu kalau kita melombong kita pakai *open cast. Then, the second one is tunnelling. The third one* ini kita tak perlu nak buat apa pun. Kita *just put the injectionary.*

So, maknanya dia punya penebangan hutan itu kurang daripada *five per cent* saja. *Just* untuk kita nak dapatkan *fragment solution* itu. *But, what we need* adalah penguatkuasaan, mereka yang *competent*. Penguatkuasaan REE ini adalah dia tak boleh ambil daripada bekas-bekas inilah tapi dia mesti orang yang pakar untuk buat penguatkuasaan sebab dia melibatkan *saturated ion adsorption clay* itu*.* Maknanya, formula untuk kita masukkan itu, yang itu kita perlu *control.* Kalau kita boleh mematuhi itu dan kita boleh ini, kita boleh ini. Tapi bagaimanapun kita kena tengok *pilot project* yang dirancang oleh kementerian ya, Dr. KSU. Di projek perintis yang belum kita ini lagilah. Kita akan tunggu YB Menteri. Kita perlukan kewangan juga. Itu yang penting. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*. Itu modal besar. Untung besar.

Datuk Zamri bin Ramli [Jabatan Mineral dan Geosains]: Ya, untung besar.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Jadi, bagaimana kalau ada kerajaan negeri, mereka terus menjalankan aktiviti perlombongan RE ini? Adakah ini melanggar undang-undang Kerajaan Pusat dan apa tindakan yang boleh diambil kalau kerajaan negeri yang melakukannya?

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: Dari segi tatacara.

Datuk Zamri bin Ramli [Jabatan Mineral dan Geosains]: Okey, dari segi tatacara perlombongan, dari segi *exploration, mining lease* ataupun *exploration – mining lease,* semua dikeluarkan oleh kerajaan negeri. Maknanya, *exploration is* – kalau dari segi perundangan, kita panggil pengeluaran *tenement,* adalah di bidang kuasa kerajaan negeri. Tapi bila kerajaan negeri – untuk itu *exploration* sebab dalam *exploration* hanya kerajaan negeri akan tahu berapa jumlah terukur dan sebagainyalah. Tapi selepas itu, peranan Kerajaan Pusat adalah – sebab dalam

kerajaan negeri dia ada Jawatankuasa Sumber Mineral, lepas itu untuk mengeluarkan *mining lease*, MMK-lah bawa. Tapi lepas itu, dia perlukan di peringkat dasar adalah di – JMG, dia punya Akta Pembangunan 1994 itu adalah OMS.

Kalau tak ada, tak dikeluarkan OMS, dari segi pembangunan perlombongan itu. Tapi OMS itu perlu dikeluarkan...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: OMS itu apa?

Datuk Zamri bin Ramli [Jabatan Mineral dan Geosains]: Skim Pengendalian Melombong *(Operating Mining Scheme*)*.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Lesen melombonglah?

Datuk Zamri bin Ramli [Jabatan Mineral dan Geosains]: Ya, untuk pembangunan. Tapi OMS hanya dikeluarkan bila EIA itu diluluskan dan dasar macam mana diberitahu oleh Dr. KSU tadi, kita tidak akan keluarkan OMS di kawasan hutan simpanan kekal. Itu dasar. Satu lagi, walaupun kerajaan negeri buat – maknanya, kalau dia ini, dia tak ada OMS. Satu lagi, AP itu. AP masih lagi di bawah Kerajaan Pusat untuk eksport. Lesen eksport.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey, jadi berkenaan perubahan undang-undang kalau kita nak hasilkan REE ini?

Dr. Ching Thoo a/l Kim [Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam]: YB, mungkin sikit YB. Soalan polisi, YB. Ada dua perkara besar, YB. Isu yang satu itu, kajian perintis. Kami nak minta duit untuk buat tahun ini juga, YB. YB, dia melibatkan dua dasar besar, YB. Satu, Akta Mineral. Satu, Akta Perhutanan. YB pun tahulah, kalau nak pindaan akta YB, kalau nak *go total amendment, will take years*-lah*,* YB.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Lambatlah nak buat duit. *[Ketawa]* Sampai bagi orang lain buat dulu.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Kos kajian perintis itu agak-agaknya berapa? Jumlah berapa?

Dr. Ching Thoo a/l Kim [Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam]: Ada tak? Ada *estimation* tak? *[Merujuk kepada pegawai]*

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: Itu hari minta RM5 juta, tak silap saya. RM5 juta.

Dr. Ching Thoo a/l Kim [Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam]: RM5 juta, YB. RM5 juta.

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: RM5 juta.

Dr. Ching Thoo a/l Kim [Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam]: Kami akan cuba dapatkanlah, YB. Yang itu.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dr. Ching Thoo a/l Kim [Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam]: *So*, mungkin kita buat *is* NOC tahun ini, RM5 juta *and then* – yang *concern*-nya adalah pindaan kepada akta yang ada sekarang ini. Dua akta besar. Enakmen di negeri pun perlu dibuat pindaan, YB nanti.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Apa pindaan yang perlu dibuat? Maksudnya, apa akta yang perlu buat pindaan?

Dr. Ching Too a/l Kim [Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam]: Akta Pembangunan Mineral di bawah JMG. Akta...

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: Perhutanan Negara.

Dr. Ching Too a/l Kim [Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam]: Akta Perhutanan Negara di bawah JPSM. Dua akta besar bagi membolehkan antara lain perlombongan di kawasan HSK berlaku.

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: Yang Berhormat Naib Pengerusi, boleh saya tambah sikit daripada KSU? Pindaan itu melibatkan dua akta. Pertamanya, Enakmen Mineral Negeri sebab Enakmen Mineral Negeri yang sedia ada ini menyatakan *mining license* (ML) tidak boleh dikeluarkan dalam kawasan *reserve*. Dia hanya kawasan tanah milik ataupun tanah ini ya. Maknanya, tak membenarkan dalam kawasan *reserve,* termasuk hutan simpanan kekal, tak boleh dalam enakmen. Dalam yang *present* punya akta ataupun Enakmen Mineral Negeri.

■1300

Malahan dalam Akta Perhutanan Negara *[Akta 313]* juga menyatakan tak ada *provision* yang membolehkan lesen dikeluarkan untuk tujuan perlombongan. Tak boleh. Maknanya kedua-dua enakmen dan juga akta ini dia *complement each other*. Jadi aktiviti perlombongan dalam HSK pada saya tak boleh nak dibuat secara *legal* lagi berdasarkan perundangan yang ada sehingga dibuat pindaan.

Berbeza dengan kuari. Dalam laporan ada juga disebut kuari dalam satu... *[Tidak jelas]*. Kuari dalam Akta 313 ataupun Enakmen Perhutanan Negeri ada *provision* yang membolehkan lesen kecil dikeluarkan untuk mengeluarkan kuari. Itu

sebab sekarang ini ada lesen-lesen kuari dikeluarkan dalam hutan simpanan kekal. Tetapi tidak berlaku untuk perlombongan. *So*, tak ada *provision* yang membolehkan perlombongan dijalankan dalam untuk tujuan inilah. Jadi itu sebabkan untuk membolehkan selain daripada kajian, hasil daripada kajian nanti sama ada memberi kesan tidak kepada hidrologi, berkesan tidak kepada pokok-pokok yang sedia ada, kalau pokok mungkin makin cepat besar, positif. Maknanya aktiviti itu dibolehkan. Ataupun kualiti air, tak menjejaskan kualiti air.

Mungkin di peringkat kementerian atau jabatan kita akan kaji semula dasar yang sedia ada yang mana sekarang tidak membenarkan aktiviti perlombongan NRE dalam HSK. Penting untuk kajian itu dijalankan untuk menentukan apa kesannya kepada dirian hutan yang sedia walaupun Datuk KP JMG itu dia ada sebut *about five per cent* sahaja kerosakan. Tetapi dari segi air dan sebagainya kita perlu dapat maklumat lanjut sebelum pendirian itu kita *revise* balik. Saya rasa yang itu yang diperlukan bajet untuk tujuan laksanakan kajian. Kita faham negeri-negeri memang menunggu sangat untuk menjalankan aktiviti tersebut. Kedua langkah seterusnya adalah meminda akta tadilah, kedua-dua akta dan enakmen. Terima kasih.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Pengerusi saya nak tanya tentang − kita tahu bahawa ada contohnya, kalau kita ada banyak REE di bawah HSK. Di atas HSK dia adalah hutan ladang. Maksudnya dia ada tanaman, hutan ladang dan sebagainya, di bawah ada REE. Bolehkah dia buat *concurrent*. Maksudnya di atas masih berlaku perladangan hutan dan di bawah itu lombong untuk REE. Bolehkah itu berlaku *concurrent*?

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: Dari segi pentadbirannya sukar sebab dia akan berlaku dua pihak di dalam kawasan yang sama. Jadi sekiranya pokok-pokok ditanam oleh pengusaha ladang, sedangkan dalam masa yang sama pengusaha REE juga untuk menjalankan aktiviti di kawasan yang sama. Akan menjadi konflik sekiranya pokok-pokok yang ditanam tadi akan rosak. Jadi di situ akan ada konflik. Kita jabatan pun nanti akan mungkin mengambil risiko jugalah kepada siapa kesalahan tadi nak dibuat. Begitu juga sebaliknya di pihak REE nanti takutnya pengusaha ladang yang *collect* hasil REE yang dikeluarkan daripada itu. Sebab mereka berada di kawasan yang sama. Jadi, saya rasa untuk tujuan pentadbiran saya rasa sebaik-baiknya satu operator di satu kawasan yang inilah.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Tapi masalahnya hutan ladang itu sepatutnya adalah untuk menjaga hutan simpan kekal. Maksudnya dia pokok kena

ada, kena tanam supaya dia kekal sebagai hutan simpan. Tetapi sekarang ada REE, jadi macam mana. Jadi, adakah maksudnya *licence* dibagi kepada seorang untuk aktiviti ladang hutan pada masa yang sama, orang itu pun boleh melombong dan disyaratkan bahawa dia kena tanam pokok. Bolehkah macam itu dijalankan?

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: Kalau pengalaman di Kedah, saya rasa itu Kedah berlaku di kawasan Bukit Enggang disebabkan operator yang sama. Kedua-duanya pengusaha ladang itu adalah daripada MB Inc. (MBI) dan syarikat yang dibenarkan untuk menjalankan *exploration* untuk REE pun MB Inc. Itu pengusaha sama saya rasa boleh diselaraskan.

Tetapi bagi kawasan-kawasan lain yang bukan sebegitu saya rasa tadi konfliklah kan. Akan jadi isu nanti untuk menjalankan dua aktiviti berlainan di kawasan yang sama. Jadi sukar sikitlah untuk tujuan kawalan.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Pengerusi...

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Ada soalan tentang REE lagi tak?

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Ya, saya nak...

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: REE lagi ya?

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Ya. Fasal REE.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Kita siapkan soalan REE dahulu.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Okey mengenai REE, berkaitanlah. Kita lihat itu mungkin di antara sumber untuk negara akan datang. Tengok minyak pun, kalau PETRONAS mungkin dah kurang. Berkaitan dengan hutan inilah. *So,* yang masalahnya sekarang ini hutan kekal ini di atas, REE di bawah. Jadi apa *plan* pihak kementerian sebab dia kira dah adik-beradik kan, *conflicting* dia punya *interest* itu.

But for the interest of the nation, ada tak kementerian mencari tempat lain untuk *cover* kemungkinan yang tadi tempat REE ini hutannya mungkin terpaksa – kalau saya dengarlah tadi kan, kalau kita betul-betul nak REE di sana makna hutan *is going to be gone*. Betul kan? Dia tak boleh *concurrent* di sana kan?

Datuk Zamri bin Ramli [Jabatan Mineral dan Geosains]: Hutan tidak semesti – isu dia REE ini sekarang ini yang *third generation* dia tak memerlukan penebangan hutan.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Tak payah? *So, what is the issue*?

Datuk Zamri bin Ramli [Jabatan Mineral dan Geosains]: Dia cuma *less than five per cent*. *The issue is* macam mana kita nak kawal dia punya formula larutan yang diguna itu sama ada dia menjejaskan kesuburan tanah itu ataupun hutan itu ataupun dia mengganggu kepada rejim air. Itu dia punya isu utama itu.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *So*, yang tadi kata yang nak minta RM5 juta untuk buat *your pilot project* itu. Are you *confident that is a non-issue or the pilot project is going to* buktikan?

Datuk Zamri bin Ramli [Jabatan Mineral dan Geosains]: Itu yang kita nak tahu. Sekarang ini di – boleh saya jelaskan? Sebab apa yang dibuat di Kenering, *pilot project* itu dia bukan hutan simpan kekal. Dia ladang getah dan kita ada juga *independent checker* daripada LGM yang mengatakan pokok getah dia kalau dulu ada masalah, sekarang ini jadi subur sebab kita guna *ammonia sulphate*.

Begitu juga dengan ini tak ada. Tapi sekarang ini bila kita buat cadangan untuk – ada cadangan untuk supaya ada juga projek perintis hutan simpanan kekal, kita nak melihat sama ada gangguan kepada hutan yang betul-betul hutan simpan kekallah dari segi air itu. Macam mana kita *control* supaya – sebab REE ini dilombong ya, di kawasan lima hingga tujuh meter sahaja. Setiap kali REE ini – *the beauty of REE* ini dia *less than a year.* Maknanya *the most promising* itu dalam enam hingga tujuh bulan. Lepas itu kita pindah, pindah. Sebab dia pakai *injection*, satu meter, satu meter dia pakai petak. Kalau YB − nanti kita melawat *pilot project* dekat Kenering itulah baru dapat dengan jelas. Kita masukkan larutan, tapi larutan itu yang kita nak *control*. Apa yang berlaku di Bukit Enggang, sebab dia nak cepat dia pakai asid... *[Disampuk]* Asid klorik. Jadinya, dia akan gangguan kepada rejim air – air tanah itu sebab ia *tarnished*.

Jadinya isu-isu yang sekarang ini bagaimana kita tengok *pilot project* yang akan ditentukan oleh kementerian nanti yang RM5 juta yang Datuk Ketua Pengarah JPSM beritahu tadi, keseluruhan termasuk juga flora dan fauna juga itu supaya kita ada satu – dari segi fakta sains mengatakan bahawa dia tidak menjejaskan – barulah ini. Sekarang ini, tak ada lagi yang model di hutan simpanan kekal tapi di kawasan hutan perladangan ada dah.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *Even* dekat luar negara tak ada model itu?

Datuk Zamri bin Ramli [Jabatan Mineral dan Geosains]: Okey, di China − Apa yang − waktu kami bentang di *select committee* dekat Parlimen juga yang dipengerusikan oleh Tuan Ibrahim Tuan Man, YB Yeo-kah – ada *share*-kan di China,

dia tak ada isu fasal alam sekitar sebenarnya. Apa yang berlaku yang dia *share*-kan pada kamilah adalah pada *literature review*.

Apa yang berlaku adalah dia *control* dia punya *ammonia sulphate* itu kan, dia punya kanopi itu jadi tebal. Dia tak sekata itu, sebab dia pakai *ammonia sulphate*. Jadinya dia punya kanopi itu yang ini nampak tebal betul, yang ini kurang. Maknanya *controlling* dari segi formula yang itu yang paling penting. Sebab kita pakai larutan untuk kita dapatkan mineral itu. Bukan kita pakai *blast* dan sebagainya. Kita tarik cuma REE sahaja.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey kalau tiada soalan lagi berkenaan REE, saya menjemput Yang Berhormat Saratok.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Terima kasih Timbalan Pengerusi, KSU dan Dato' Indera. Ini soalan yang sebenarnya saya tak sempat tanya ataupun jawab masa saya jadi KeTSA dahululah.

■1310

Soalan pertamalah, ini untuk pengetahuan semualah. Saya nampak, ini balik kepada isu nombor satu tadi, ladang hutan. Ia nampak macam daripada dulu lagi pun, perladangan hutan ini dia *tak* ditanam. Peratusan dia sama saja. Lima tahun, enam tahun, tujuh tahun, 10 tahun dulu masih lebih kurang 40 peratus itu memang *tak* ditanam. Pernahkah membuat kajian kenapa dia tak ditanam? Adakah syarikat yang menanam itu mempunyai – dapat keuntungan daripada projek ladang hutan itu? Adakah dia *economically viable?* Macam mana pulangan daripada segi kewangan dia? Adakah ada keuntungan ataupun tidak?

Kalau dia kos untuk menanam itu mahal daripada hasil jualan, memang dia orang tak nak tanam. Tapi macam mana rekod yang berjaya, kawasan yang berjaya itu? Adakah data-data daripada syarikat-syarikat ataupun konsesi yang menunjukkan ladang hutan ini memang menguntungkan? Sebab saya rasa besar kemungkinan syarikat yang diberi konsesi tidak mahu menanam semula sebab dia tak ada untung. Jadi, ini akan mengganggu yang kita *nak* buat berkekalan itu. Bekalan balak secara berkekalan. Itu yang pertama.

Kedua tadi adalah yang setahu saya *timber latex* itu adakah dia getah? *Timber latex* itu dikategorikan sebagai ladang hutan ya? *Timber latex.* Getah.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Ladang hutan ya? Oh*,* jadi tanam getah, *timber latex*-lah*.* Jadi, ladang hutanlah. Boleh toreh getah, boleh dapat *timber.*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Tapi *it's not viable also.*

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: *Is it viable? That is what I say.* Kedua adalah isu nombor dua tadi iaitu kesejahteraan masyarakat. Saya dapati 80 peratus masyarakat setempat mereka tidak puas hati, terutamanya Orang Asli. *My question,* apakah tindakan kerajaan negeri ataupun Pusat berkenaan dengan hak milik tanah Orang Asli di Semenanjung Malaysia? Sebab isu hak milik tanah Orang Asli ini memang daripada dulu lagi dan sangat susah nak diselesaikan sebab ia melibatkan enakmen, undang-undang negeri, Persekutuan dan kebanyakan kes-kes di mahkamah yang dibawa oleh Orang Asli ini, salah satu daripada kes Sagong Tasi ya, di mana kerajaan negeri tidak membuat *appeal.* Jadi, mereka diberi hak untuk tinggal di kawasan yang mereka minta itu.

Jadi, macam mana dengan hak milik tanah Orang Asli ini? Sebab negeri – setiap negeri lain; Kelantan lain, Terengganu lain. Jadi, dia melibatkan isu yang amat *complex.* Ini terpulanglah kepada Kerajaan Persekutuan, saya rasalah, untuk membuat garis panduan terhadap hak milik – hak tanah – hak milik tanah Orang Asli ini. Terima kasih. Ada dua tadi.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Boleh soalan – sambung*,* sambung.

Dr. Ching Thoo a/l Kim [Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam]: YB, boleh jawab dulu*,* YB? Boleh jawab tak*?* Panjang juga soalan. Nak jawab dulu. YB, tentang soalan ladang hutan YB, mungkin jemput juga rakan saya *from* KPK, sebab ia melibatkan KPK juga YB, ladang hutan ini kan ya, untuk bagi sedikit jawapan kepada soalan yang dibangkitkan oleh YB tadi itu.

Encik Wan Ahmad Asmady bin Wan Md. Din [Kementerian Perladangan dan Komoditi]: Okey. Terima kasih YB, YB Saratok, Timbalan Pengerusi PAC, Dr. KSU. Okey, berkenaan dengan Program Pembangunan Ladang Hutan, kita panggil...

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Maaf. Minta nama dan jawatan dari mana?

Encik Wan Ahmad Asmady bin Wan Md. Din [Kementerian Perladangan dan Komoditi]: Okey. Saya Wan Ahmad Asmady, Setiausaha Bahagian daripada Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK).

Okey. Di bawah KPK, kita ada satu program, kita panggil Program Pembangunan Ladang Hutan (PPLH) yang mana Program Pembangunan Ladang Hutan ini dilaksanakan untuk kita memenuhi kehendak industri perkayuan.

Disebabkan setiap tahun kita anggarkan sebanyak 20 juta hingga 30 juta kubik meter diperlukan oleh industri manakala bekalan sektor tempatan ataupun domestik tidak mencukupi. Sehingga kini, kita cuma dapat membekalkan cuma dalam tujuh hingga sembilan juta kubik meter sahaja. Sebab itu kita memperkenalkan PPLH, yang mana PPLH ini kita menyediakan dana pinjaman. Dana pinjaman kepada industri perkayuan ataupun sektor perladangan untuk mereka menanam pokok-pokok kayu berdasarkan kepada 11 spesies yang telah kita luluskan, yang mana 11 spesies tersebut kita tanam.

Ia adalah tertakluk kepada kerajaan negeri dan juga kepada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak. Kita perlu mendapatkan kelulusan mereka dahulu baru boleh pokok-pokok yang berkenaan ditanam di – sama ada di dalam hutan simpanan kekal (HSK) ataupun di dalam tanah-tanah persendirian milik syarikat perladangan yang berkenaan. Untuk tempoh 2005 sehingga 2020, kita telah memperuntukkan sebanyak RM1 bilion untuk pinjaman tersebut, yang mana perlu dibayar balik bermula pada tahun 2024 bagi syarikat berkenaan. Ini adalah PPLH 1.0, manakala bagi PPLH 2.0 yang kita perkenalkan dalam tempoh RMKe-12 iaitu tahun 2021 sehingga 2025, sehingga kini kita telah menerima sebanyak 150 juta, yang mana kita telah terima pada tahun 2021, 2023 dan 2022 – 2024.

Jadi, kita terima sebanyak RM150 juta untuk pinjaman bagi pelaksanaan PPLH 2.0. Jadi, itu maksud untuk pembangunan – Program Pembangunan Ladang Hutanlah. Sekiranya dapat menjawab persoalan oleh YB.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Yang *economic viability* itu, adakah membuat kajian mengenai pulangan dia? Sebab ada yang dah dipotong, ditebang. Jadi, adakah *return* dia setimpal dengan *investment* dia?

Encik Wan Ahmad Asmady bin Wan Md. Din [Kementerian Perladangan dan Komoditi]: Untuk penanaman ladang hutan yang PPLH 1.0, kita anggarkan tempoh pokok itu matang adalah 15 tahun. Jadi, penebangan telah – tebangan awal memang telah ada dilaksanakan, sesetengah pokok, terutama ada pokok-pokok yang cepat tumbuhlah, yang mana telah mencecah 10 tahun mereka ada buat tebangan. Sehingga kini, kita telah mendapat tebangan awal dalam 400 ribu *cubic metre* yang telah ditebang, manakala seterusnya akan dilaksanakan dalam tempoh yang akan datanglah. Sebab kayu ini seelok-eloknya kita kena biarkan dia tempoh yang lama. Kalau kita tebang dalam tempoh yang awal, pokok itu kecil. Jadi, bila

pokok kecil, maksudnya pokok – *cubic metre* itu akan kecillah. *Tak* banyak dan tidak memenuhi kehendak industri perkayuan.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Timbalan Pengerusi, saya setuju dengan YB Saratok. *Viability* itu, kalau seseorang dia *nak invest* dan tunggu 15 tahun, baru dia boleh tebang pokok, *I think* ini sudah – *business* dia *tak viable*-lah*, you know. [Ketawa] People cannot wait so long*-lah*.* Dia, dia mungkin ya – *how many 15 years we have*, betul? Jadi, ini adalah masalah pokok. Isu mengapa ladang hutan, *40 per cent* atau *almost 50 per cent tak* ada orang tanam atau mereka biarkan.

Jadi, bolehkah satu kajian di-*tie-kan* dengan pembalakan? Apabila mereka membalak sahaja, dia kena – dia perlu *tie together* dengan kontrak untuk tanam semula untuk ladang hutan. Kerana yang memang *make money is the* pembalakan (*logging*). Pembalakan *made obscene* – *you know,* terlalu – keuntungannya yang terlampau. Selepas itu, mereka biarkan sahaja. *So, I think that's the problem* ya. Okey.

Kedua adalah saya tadi dengar bahawa jenis-jenis spesies merupakan bidang kuasa siapa? Negerikah atau *Federal*? Sebab difahamkan ada 11 spesies yang ditentukan oleh *Federal*. Tetapi negeri, mereka luluskan spesies lain. Contohnya, durian, okey. Saya boleh fahamlah kenapa durian. Sebab mereka *viability.* Dia perlukan duit pusingan, *they need cash flow.* Dia nak tanamkah*,* dia nak *fulfill, but is it* bolehkah *limit* ke *certain percentage* supaya dia boleh ada *cash flow and at the same time,* dia tidak boleh tunggu 15 tahun. Dia perlukan sesuatu *to make it, to work.*

■1320

So, is there a way of leeway atau *compromise* supaya kita boleh jayakan ladang hutan supaya ia boleh penuh 100 *per cent.* Kalau tidak, kita ada bukit yang gondol walaupun dikira hutan simpan kekal tetapi ia gondol juga. Mohon penjelasan.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Minta jawab soalan yang semua berkenaan ladang hutan ini dulu. Nanti kita balik ke soalan yang ditanya oleh YB Saratok berkenaan isu kedua itu. Terima kasih.

Encik Wan Ahmad Asmady bin Wan Md. Din [Kementerian Perladangan dan Komoditi]: Okey, yang soalan pertama yang berkenaan *viability* tanam semula tadikah? Ataupun yang kedua, yang jenis spesies?

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *Viability* dulu.

Encik Wan Ahmad Asmady bin Wan Md. Din [Kementerian Perladangan dan Komoditi]: Okey, *viability.* Berdasarkan kepada rekod kami, kebanyakan

syarikat yang memohon untuk mendapatkan pinjaman ini adalah syarikat-syarikat besar. Maksudnya mereka memang mampu untuk menampung pinjaman yang berkenaan dan sehingga tempoh yang berkenaan.

Jadi itu adalah berdasarkan daripada rekod kamilah sebab kebanyakannya syarikat-syarikat yang besar yang memang kalau berdasarkan rekod kedudukan kewangan mereka, mereka memang mampu dan mereka sendiri yang memohon untuk mendapatkan pinjaman yang berkenaan. Maksudnya syarikat-syarikat berkenaan mempunyai ladang yang besar. Mereka memiliki hampir 1,000 hektar, 100 hektar, ada yang 2,000 hektar.

Jadi mereka ini sebenarnya kira macam mengambil kesempatan daripada dana yang kerajaan sediakan. Berbanding dengan mereka gunakan dana mereka sendiri. Ini berdasarkan kepada rekod yang kita ada. Itu adalah berkenaan orang kata *viability.*

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey, sebelum jawab soalan susulan. Boleh saya tanya, kalau memang syarikat besar itu mampu kenapa mereka tak tanam?

Encik Wan Ahmad Asmady bin Wan Md. Din [Kementerian Perladangan dan Komoditi]: Mereka memang tanam. Cuma bila kerajaan sediakan dana pinjaman, itu lagi menggalakkan mereka untuk menanam lebih banyak berbanding daripada mereka menanam sendirilah.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Bukan katanya ada 40 peratus yang belum ditanam lagi?

Encik Wan Ahmad Asmady bin Wan Md. Din [Kementerian Perladangan dan Komoditi]: Okey, ini sebenarnya kekeliruan yang berlakulah. Ia Program Pembangunan Ladang Hutan ini adalah khusus untuk dana pinjaman sahaja. Berbanding daripada program ladang hutan yang Kerajaan Persekutuan laksanakan.

Ini adalah *subset*-lah. Sebab di bawah Program Pembangunan Ladang Hutan ini sebenarnya hanya 53 peratus sahaja di dalam HSK, hutan simpanan kekal. Manakala, yang lain itu adalah di bawah ladang milikan mereka sendiri, bukan di bawah HSK. Yang mana kita bincangkan berkenaan pembangunan ladang hutan ini adalah merujuk kepada HSK. Itu adalah berdasarkan kepada LKAN.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: YB Pengerusi, boleh saya sentuh sikit? Saya dulu daripada Rubber Research Institute of Malaysia tapi saya tak jaga pokok. Saya jaga teknologi *but* saya *aware*-lah *about the R&D* yang berlaku di situ.

You see, tadi kita cerita fasal *economic viability,* 15 tahun baru nak dapat *income.* Tapi kita ada klon; *timber latex clone* (TLC) yang pokok getah ini memanglah enam tahun, tujuh tahun baru boleh menoreh tapi lebih cepat daripada 15 tahun tadi.

So, actually choice, pilihan terbaik untuk ladang hutan ini ialah sebenarnya tanam *timber latex clone.* Tujuh tahun ia *start...*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *Labour problem.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Labour problem, you* kena *resolve because at the end of the day after 15 years you* boleh tebang dapat *timber. That clone* memang *special for that. So, that during the period* sebelum ia matang kita boleh dapat susu getah yang boleh dijual. Isu *labour* itu *separate* isu *but now we are talking about what's the right thing to plant* dekat ladang hutan. Saya terlibat banyak dalam benda ini dulu masa *rubber research.* Terima kasih.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Minta respons.

Encik Wan Ahmad Asmady bin Wan Md. Din [Kementerian Perladangan dan Komoditi]: Okey, YB. Maklum balas yang kedua tadi tak jawab berkenaan spesies.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Ya, spesies.

Encik Wan Ahmad Asmady bin Wan Md. Din [Kementerian Perladangan dan Komoditi]: Ya, spesies. Berkenaan spesies sebenarnya di bawah Program Pembangunan Ladang Hutan kita ada 11 spesies terdiri daripada getah, akasia, laran, batai, khaya, eucalyptus, paulownia, binuang, sentang, jati dan buluh.

Okey, daripada 11 spesies yang tersebut ini adalah spesies-spesies yang diluluskan untuk Program Pembangunan Ladang Hutan yang mana saya difahamkan di bawah ladang hutan cuma spesies yang tertentu sahaja yang boleh ditanam. Manakala, yang selebih daripada itu adalah ditanam di bawah ladang mereka sendiri. Maksudnya daripada 11 tadi itulah. 11...

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Tapi, negeri ada bagi sikit untuk durian dan sebagainya kan?

Encik Wan Ahmad Asmady bin Wan Md. Din [Kementerian Perladangan dan Komoditi]: Tak ada. Di bawah Program Pembangunan Ladang Hutan ini, PPLH kita tak ada tanaman durian, tanaman yang macam *cash crop,* semua itu tak ada. Ia 11 itu sahaja saya sebut tadi.

Manakala, daripada 11 spesies tadi, seperti mana YB mana tadi, menyebut berkenaan dengan getah. Getah TLC, 60 peratus daripada penanaman 144,000 hektar PPLH ini adalah getah TLC. Disebabkan seperti mana yang – YB mana tadi?

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey, jadi...

Encik Wan Ahmad Asmady bin Wan Md. Din [Kementerian Perladangan dan Komoditi]: YB Kubang Pasu.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: ...sebelum masuk ke soalan YB Saratok berkenaan isu kesejahteraan sosial dan hidupan liar. Saya nak tanya sekali lagi berkenaan ladang hutan ini kerana tadi kita bincang tentang kenapa ada 39 peratus iaitu hampir 40 peratus belum ditanam lagi.

Jadi, tadi jawapan adalah kita sentuh isu tentang yang ladang hutan dalam hutan simpanan kekal sahaja. Tapi, di sini pun ada 39 peratus. Apa sebabnya belum ditanam ya? Maksudnya kalau itu bukan hutan simpanan kekal ia tak tanam pun tak apalah kan?

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: Okey, YB mungkin saya boleh tambah sikitlah. Pertama tadi yang soalan daripada YB Saratok tentang *economic viability.* Jadi, sebenarnya untuk ladang hutan sebelum dibuat penswastaan, sebenarnya ladang hutan dimulakan ditanam oleh kerajaan ataupun jabatan-jabatan perhutanan negerilah, kerajaan yang *invest* tanah. Itu ada di Chikus, Perak. Ada di Kedah, Bukit Enggang. Ada di Johor. Kalau di Johor itu di Ulu Sedili. YB tahu di Ulu Sedili yang dibuat oleh kerajaan.

Pada ketika itu, memang kajian *economic viability* itu dibuat. Kalau ikutkan ROI itu memang tinggilah, maknanya *viable,* boleh. Itu sebab projek itu diteruskan di beberapa negeri. Tetapi apabila diswastakan, kerajaan membuat dasar penswastaan semua ladang-ladang ditubuhkan ini diserahkan kepada pihak pengusahalah, diswastakan. Syarikat-syarikat yang meneruskan perladangan hutan sama ada tebang apa yang telah ditanam oleh kerajaan sebelum ini dan menggantikan dengan spesies baharu.

Dalam kes-kes tertentu, apabila peralihan itu dibuat daripada tanggungan kepada kerajaan, dialihkan kepada pihak swasta, tentunya pihak swasta memerlukan dana juga untuk membantu untuk membiayai semula, membayar balik pinjaman-pinjaman yang telah dibuat oleh kerajaan pada ketika itu.

Jadi di situlah timbul isu spesies yang berbeza atau selain daripada hutan ada juga negeri memberi kebenaran khas. Maksud kebenaran khas untuk menanam spesies tertentu. Ada negeri yang membenarkan sawit dan sebagainya. Tapi, *on*

conditional dengan tempoh tertentu sebab dia bertanggungjawab membayar balik bagi pihak kerajaan – pinjaman pihak kerajaan untuk membiayai ladang-ladang yang ditubuhkan sebelum ini.

Jadi *on conditional* – tadi saya kata kebenaran khas diberikan oleh kerajaan negeri. Itu tertakluk kerajaan negerilah sebab di awal bentang tadi dari segi spesies, kelulusan kerajaan negeri yang memberi kebenaran – ada kuasa untuk memberikan kepada ini.

Dari segi – soalan daripada YB Saratok tadi dari segi *economic viability* memang ada betul, dah dibuat sebelum ini. Untuk ladang hutan ini pun bukan Malaysia sahaja. Saya percaya kalau kita pergi New Zealand dan banyak negara barat, Finland, memang ia buat ladang hutan. Apa yang kita buat sekarang, *same practice* sebenarnya. Tapi, menunjukkan di sana ada daya maju, kebolehdayaan – kebolehlaksanaan itu ada di sana dan memang dilaksanakan di negara-negara barat terutamanya dari segi perladangan hutan. Memang dah dibuktikan dari segi *viability.*

Cumanya dari segi kita Semenanjung mungkin bezanya dari segi pengalaman pihak syarikat yang mendapat kelulusan untuk melaksanakan itu. Mungkin tak ada pengalaman yang banyak, mungkin menyebabkan tergendala kerja-kerja tanaman.

Dari segi tanaman yang dijalankan, saya percaya selepas pihak kementerian membawa isu ini kepada MTN pada tahun 2019, *paper moratorium* diangkat 2021 tak silap saya – menunjukkan ada peningkatan dari segi penanaman di kawasan-kawasan yang sebelum ini terbiar. Kalau dilaporkan sebelum ini lebih kurang 100,000 yang ditanam tetapi dalam tempoh dua tahun selepas keputusan moratorium ladang hutan diperkenalkan oleh MTN menunjukkan peningkatan sebanyak 44,000 hektar ataupun lebih kepada hampir 14 peratus saya percaya peningkatan berbanding dua tahun sebelum ini.

■1330

Jadi, ada *progress,* menampakkan ada peningkatan, kesungguhan daripada pihak pengusaha dan kita jangkakan pada masa akan datang pun akan ada pertambahan lagilah dan pihak kementerian melalui JPSM, kita akan *monitor* apa status pembangunan ladang hutan berdasarkan kelulusan yang telah dibuat oleh pihak negeri ini. Perkara ini juga seperti mana disebut dalam pembentangan Dr. KSU tadi, akan kita bentangkan dalam *next* MTN yang dijadualkan pada *first quarter* tahun ini untuk kita bentangkan semula kepada pihak MTN status pembangunan ladang

hutan selepas keputusan moratorium itu diperkenalkan pada 2021. Jadi, itu dalam tindakan di peringkat kementerian saya percaya.

Seterusnya, berkaitan dengan spesies ladang hutan tadi telah disentuh oleh pihak ini dan sebagaimana disebut oleh wakil daripada KPK tadi, dua isu berbeza dari segi ladang hutan, mungkin agak keliru sedikit. Banyak pembentangan ataupun berdasarkan laporan LKAN yang dibentangkan adalah *progress* tanaman dalam hutan simpan kekal. Itu ada *figure* yang ditunjukkan, daripada 439,000 hektar kawasan yang diluluskan oleh kerajaan negeri, ada kawasan yang tidak bertanam, itu berdasarkan ini.

Akan tetapi dalam satu aspek yang lain, sebab dalam hutan simpanan kekal ini dari segi tanah kawasan yang hendak ditanam, berbeza dengan KPK, dia membiayai untuk menjalankan tanam tadi, pembiayaan. Yang itu dana yang disediakan oleh KPK, membiayai program-program tanaman oleh pihak-pihak yang ingin memohonlah, terutamanya pengusaha-pengusaha. Kawasan-kawasan yang ditanam itu dibiayai melalui KPK sama ada pengusaha-pengusaha tadi yang diluluskan negeri yang menjalankan tanaman di dalam HSK mahupun pengusaha-pengusaha yang ada tanah persendirian. Mereka akan mohon kepada KPK untuk membiayai program penanaman iaitu isu yang inilah, yang saya percaya agak mengelirukan sedikit. Sebab HSK itu dari segi tanah itu sendiri, program penanaman HSK. Sedangkan untuk KPK tadi adalah untuk pembiayaan dalam HSK ataupun di luar HSK bagi pihak yang untuk menjalankan penanaman.

Jadi, dari segi spesies sebenarnya kalau mengikut panduan daripada kita yang dikeluarkan oleh JPSM melalui Pekeliling Ketua Pengarah sebelum ini, spesies yang kita syorkan pada ketika itu mengikut pekeliling, ada lapan. Jelas dalam pekeliling itu seboleh-bolehnya sebagai panduan sahaja, bukan *rigid* lapan spesies itu sahaja. Sekarang dengan pekeliling yang terbaru ataupun melalui mekanisme pembiayaan yang dikeluarkan oleh KPK, sudah jadi sebelas, bertambah.

Jadi, pada pihak jabatan, spesies ini hanya sebagai panduan. Tetapi dalam ketika pelaksanaan penanaman itu hendak dilaksanakan, sekiranya pihak industri memerlukan spesies yang sebelum ini tidak tersenarai pun dalam Pekeliling KP yang ada lapan ataupun di bawah MPC ada sebelas, saya percaya kalau industri perkayuan memerlukan spesies itu yang sebelum ini tidak mempunyai pasaran tetapi sekarang melalui teknologi yang ada, dengan permintaan yang ada, mungkin spesies itu dia jadi ada *demand* dan kalau hendak dibuat secara ladang, boleh. Tidak

ada peraturan yang tidak membenarkan mana-mana spesies baharu yang untuk ditanam sebagai ladang hutan.

Jadi, itu saya rasa pegangan kita, lebih kepada siapa yang hendak guna dan apa hendak digunakan produk itu, kayu itu. Katakan sekarang ini mungkin ada spesies mahang yang kita tidak tebang dan tidak ada pasaran pun nilai tetapi kalau ada dengan *new technology* dan spesies itu mempunyai *demand*, permintaan yang tinggi dan pada saya tidak ada masalah untuk menanam sebab ada pengguna, permintaan atas kayu itu.

Jadi, dari segi *species-wise* ini tidak – pada saya, bukan suatu yang ini. Selagi ia memenuhi untuk tujuan keperluan industri, yang utama kita industri dan keperluan kita sebagai pengguna. Jadi, itu yang saya rasa yang kunci utama kita perlu peganglah untuk tujuan dari segi – *Of course*-lah, untuk spesies-spesies yang bukan industri, macam tadi untuk Musang King dan sebagainya ataupun spesies durian hibrid yang tidak termasuk yang kayunya tidak digunakan untuk tujuan yang itu, tidak sepatutnya digunakan sebagai ladanglah. Jadi, komen ataupun penjelasan sedikit tentang isu atau persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey, *last* berkenaan ladang hutan ini. Jadi, negeri mana yang luluskan tanaman kelapa sawit antara enam negeri itu? Mana satu yang meluluskan?

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: Yang Berhormat Naib Pengerusi pun tahu, Johor ada.

[Ketawa]

Johor pun ada. *[Ketawa]* Oleh sebab Johor saya boleh cerita sebab saya pernah bekerja di Johor. Memang berdasarkan maklumat yang saya dapat pada ketika itu, memang tujuan untuk membiayai sebab bila ladang *compensatory* itu dibuat, diluluskan itu, kerajaan meminjam daripada ASEAN Development Bank (ADB) untuk membiayai program penanaman ladang hutan *compensatory* melibatkan enam negeri tidak silap saya. Kedah, Perak, Selangor, Pahang, Selangor. Compensatory Program dan semuanya pinjaman ADB.

Pinjaman ini maknanya kena bayar balik kepada ADB dan apabila di Johor selepas ditanam dengan *Acacia mangium* dan apabila penswastaan itu berlaku 1992 tidak silap saya, Dasar Penswastaan, Johor serah kepada satu syarikat untuk menjalankan, meneruskan program penanaman di Johor. Bagi membantu syarikat tadi membayar balik kepada ADB dan tadi saya kata dibenarkan, sawit. *One portion* daripada keluasan, bukan keseluruhan.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Apa nama syarikat itu?

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: *[Ketawa]* Saya tidak ingat yang itu, saya tidak ingat Yang Berhormat. *[Ketawa]* Akan tetapi itu yang kes-kes terpencil yang saya rasa inilah, melibatkan spesies yang di luar spesies. Saya percaya ada *condition* dia*,* maknanya bukan selama-lamanya spesies-spesies tertentu tadi yang bukan spesies hutan kalau dibenar pun, saya percaya di peringkat kerajaan negeri pun memberi tempoh-tempoh tertentu, mungkin *one cycle* atau dua *cycle*. Selepas itu, sepatutnya kawasan itu ditebang dan ditanam balik dengan spesies hutan sebagaimana projek asal ataupun matlamat asal untuk program ini.

Yang itu saya percaya yang berlaku sekarang ini dan seperti saya kata tadi semuanya atas kelulusan kerajaan negeri sebab tanah hutan di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan kita pantau dan kita dapatkan maklumat dari segi ini untuk tujuan ini.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey, terima kasih. Jadi, saya minta jawab soalan isu kedua itu yang tadi ditanya oleh YB Saratok berkenaan kesejahteraan sosial dan hidupan liar.

Encik Mohd Zamri bin Mustajap [Jabatan Kemajuan Orang Asli]: Terima kasih Yang Berhormat Naib Pengerusi. Nama saya Mohd Zamri bin Mustajap. Saya selaku Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan JAKOA. Terima kasih kepada Tuan KSU, terima kasih juga kepada Yang Berhormat Saratok. Saya pernah naik motor bersama Yang Berhormat Saratok semasa saya di Sarawak dahulu.

[Ketawa]

Jadi, YB lupa *kut*. *[Ketawa]*

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Encik Mohd Zamri bin Mustajap [Jabatan Kemajuan Orang Asli]: Ha, YB ini penakut. *[Ketawa]* Saya buat *wheelie* sedikit, dia sudah pegang, peluk saya belakang. *[Ketawa]* Okey, iklan ya, iklan, iklan.

Okey, merujuk kepada pertanyaan daripada Yang Berhormat Saratok, sebenarnya isu pewartaan Orang Asli ini memang satu isu yang hangatlah diperkatakan. Untuk makluman Yang Berhormat Naib Pengerusi dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat PAC, sehingga 31 Disember 2023, sebanyak 268 kawasan ataupun kampung Orang Asli telah diwartakan, yang meliputi kawasan seluas 63,672 hektar.

Sebanyak 272 kampung kita telah ukur tetapi belum mendapat pewartaan daripada kerajaan-kerajaan negeri.

Jadi, tugas di peringkat kami JAKOA ialah kita memohon peruntukan daripada MOF untuk kerja-kerja ukur dan kita mohon kepada kerajaan-kerajaan negeri supaya kawasan-kawasan tersebut diwartakan. Walau bagaimanapun, seperti mana isu-isu berkaitan dengan hutan, isu-isu Orang Asli ini juga sama juga, kita *Federal* dan isu tanah ialah melibatkan kerajaan-kerajaan negeri. Jadi, kita sentiasa mengadakan *engagement* ataupun sesi libat urus berjumpa dengan kerajaan negeri, menghantar permohonan dan sebagainya untuk mendapatkan pewartaan di kawasan-kawasan Orang Asli.

Jadi, usaha-usaha ini memang berterusan. Macam tahun lepas, kita ada dapat peruntukan RM5 juta, kita sudah ukur 30 kawasan dan tahun ini MOF juga memberi peruntukan kepada kita sebanyak RM5 juta juga. Kita akan melaksanakan kerja-kerja ukur bagi tujuan pewartaan kepada tanah-tanah Orang Asli. Itu sahaja, terima kasih.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Sedikit tambahan mengenai Orang Asli ini. Selain daripada pewartaan perkampungan Orang Asli, bagaimana dengan kawasan rayaunya? Ada tidak digazetkan? Sebab ada kes-kes yang Orang Asli ditahan kerana menceroboh hutan simpan. Itu ada juga kes. Yang kedua, berkaitan dengan pencerobohan jugalah. Aktiviti-aktiviti sukan lasak. Selalu ada tangkapan dibuat dan ada negeri-negeri yang mungkin berbeza dia punya syarat untuk memohon memasuki hutan simpan ini. Boleh jelaskan sedikit?

■1340

Encik Mohd Zamri bin Mustajap [Jabatan Kemajuan Orang Asli]: Terima kasih YB. Berkaitan dengan dua soalan pertama, berkaitan dengan isu kawasan rayau. Fokus JAKOA sekarang ini ialah untuk mengukuh pendapatan dahulu. Pendapatan dan kawasan ladang merekalah. Jadi, kalau kita hendak ukur kawasan rayau memang kita tidak dapat hendak tengok *border* dia, sempadan dia.

Kalau kita tanya sempadan, antara pokok itu dan pokok ini. Jadi memang sukar bagi kita hendak mendefinisikan kawasan rayau ini. Jadi ini memang akan mengambil masa tapi fokus JAKOA sekarang ini ialah kita selesaikan isu pendapatan dan kawasan ladang mereka.

Berkaitan dengan soalan aktiviti lasak ini, kita pun tidak dapat hendak halang. Kawasan-kawasan yang terlibat ini mungkin melibatkan kawasan-kawasan di luar daripada rizab kita. Di luar daripada penempatan dan sebagainya. Jadi apa yang kita

boleh buat, kita bagi nasihat. Selalunya mereka akan datang kepada kami kalau dia rujuk. Kalau dia merujuk maknanya kita selalunya akan menghalang mereka untuk masuk sebab dia akan merosakkan *infrastructure* yang kita telah buat. Terima kasih.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey, saya menjemput Bayan Baru.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Terima kasih Naib Pengerusi. Saya hendak tanya dua soalan. Soalan pertama adalah isu Ulu Muda. Kita tahu bahawa Ulu Muda itu menyalurkan air kepada *90 per cent* Kedah, Perlis dan 80 peratus Penang. Ini *water security*. Jadi, bolehkah jelaskan tentang apakah *allegations* Sahabat Alam Malaysia yang bahawa ada pembalakan haram di Ulu Muda? Saya dengar kenyataan daripada Menteri Besar memang kata tidak adalah. Akan tetapi mungkin boleh dapat sedikit *update* daripada kementerian.

Kedua adalah penguatkuasaan. Penguatkuasaan kepada pencerobohan, ladang hutan, penguatkuasaan terhadap semua isu-isu kesejahteraan sosial dan hidupan liar ini, adakah ia di bawah negeri atau di bawah *Federal*? Mohon penjelasan.

Encik Mohd Zamri bin Mustajap [Jabatan Kemajuan Orang Asli]: Okey.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Isu yang ketiga, tanah runtuh di Cameron Highlands yang baru-baru ini berlaku. Apa puncanya? Kenapa dikatakan *illegal farming* dan sebagainya, dan juga Batang Kali di mana meragut nyawa lebih daripada 30 orang. Jadi apakah tindakan kementerian untuk memastikan bahawa isu ini tidak berlaku lagi? Terima kasih, tiga soalan.

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: Terima kasih YB atas soalan yang telah dikemukakan. Pertamanya isu berkaitan dengan Ulu Muda, Kedah. Okey, sebenarnya untuk kawasan-kawasan hutan simpan kekal, apabila ia diwartakan sebagai HSK atau secara ringkasnya hutan simpanan kekal (HSK) di bawah Akta 313 ataupun Enakmen Perhutanan Negeri, tanggungjawab pertama Pengarah Perhutanan untuk mengelaskan kawasan hutan itu sebagai sama ada "hutan perlindungan" ataupun "hutan pengeluaran". *Production or protection forest*.

Kedua, hutan pembalakan atau hutan pengeluaran akan ada aktiviti-aktiviti pengeluaran hasil hutan terutamanya pembalakan, usaha hasil hutan, kayu-kayu yang ada di situ. Pengeluaran, ya. Bagi hutan perlindungan, semua ada disebut sebelum ini, tidak akan ada pembalakan.

Bagi Hutan Ulu Muda, berdasarkan maklumat yang saya dapat dari Kedah, bukan keseluruhan kawasan Ulu Muda itu adalah hutan perlindungan. Sebahagian besarnya adalah hutan pengeluaran. Sebab apabila diwartakan sebagai hutan tadahan air, ia perlu diwartakan di bawah Enakmen Perhutanan Negeri ataupun akta kita sebagai kawasan hutan tadahan air.

Untuk Negeri Kedah, bukan keseluruhan Ulu Muda itu adalah kawasan hutan tadahan air. Aktiviti pembalakan kalau berlaku pun di Ulu Muda terlibat dengan kawasan-kawasan yang telah diluluskan untuk tujuan usaha hasil di kawasan hutan pengeluaran. Jadi itu untuk berkaitan dengan Ulu Muda. Jadi pembalakan kalau sekiranya berlaku atau ada di sana adalah berlaku dalam kawasan hutan pengeluaran dalam HSK.

Kedua untuk penguatkuasaan, sebenarnya kita pegawai-pegawai di peringkat *Federal* iaitu Kerajaan Persekutuan memang kita tidak ada kuasa untuk *enforce* akta ataupun Enakmen Perhutanan Negeri. Akta Perhutanan Negara *[Akta 313]* adalah akta ibu yang digubal di peringkat Parlimen dan pemakaiannya dibuat oleh pihak berkuasa negeri masing-masing ataupun Dewan Undangan Negeri akan terima pakai Akta 313, Akta Perhutanan Negara. Apabila kerajaan negeri menerima pakai, Akta Perhutanan Negara akan menjadi Enakmen Perhutanan Negeri.

Dalam Enakmen Perhutanan Negeri, untuk *enforce* atau kuat kuasa Enakmen Perhutanan Negeri adalah pegawai-pegawai yang dilantik, diwartakan di bawah Enakmen Perhutanan Negeri. Maknanya kalau di Kedah, pegawai-pegawai perhutanan yang diwartakan di bawah enakmen itu, mereka yang berkuasa untuk *enforce* akta itu dan begitu juga di negeri-negeri lain. Maknanya, bukan semua pegawai hutan yang ada di Semenanjung boleh menguatkuasakan akta ataupun enakmen di negeri yang lain. Dia hanya boleh buat di negeri dia sahaja.

Bagi pegawai-pegawai *Federal*, Persekutuan memang tidak diwartakan buat masa ini. Itu sebab pada tahun 2021, pihak kementerian telah mengemukakan cadangan pindaan Akta Perhutanan Negara dan telah pun diluluskan oleh Parlimen sebagai Akta 1667 di mana di bawah seksyen 3 akta tersebut telah dibuat pindaan supaya negeri-negeri mewartakan pegawai-pegawai *Federal* untuk membolehkan pegawai-pegawai *Federal* menguatkuasakan enakmen ataupun akta di peringkat negeri.

Jadi buat masa sekarang ini YB, memang selepas akta atau pindaan tadi diluluskan oleh Parlimen, hanya satu atau dua negeri sahaja yang telah melulus atau menerima pakai akta iaitu negeri Perlis yang telah menerima pakai. Yang lain-lain

belum lagi. Dalam proses untuk pewartaan. Jadi maknanya dengan negeri tidak menerima pakai lagi, maknanya pegawai-pegawai *Federal* masih lagi tidak boleh menjalankan penguatkuasaan di peringkat negeri.

Akan tetapi apa yang kita lakukan, *approach* yang dibuat oleh *Federal* iaitu Kerajaan Persekutuan melalui JPSM, kita membuat aktiviti secara bersepadu. Apabila di peringkat JPSM menerima sesuatu aduan, contohnya berlaku kecurian REE di kawasan suatu tempat di mana-mana negeri, ataupun berlakunya pembalakan haram di negeri tertentu, apabila kita terima maklumat tersebut dan pasukan penguatkuasaan daripada ibu pejabat akan pergi ke negeri bersama-sama dengan pegawai di peringkat negeri dan untuk menjalankan siasatan, serbuan ataupun tangkapan. Disebabkan tadilah, punca kuasa.

Kita kalau kita pergi secara bersendirian tanpa pegawai negeri, kita tidak ada kuasa untuk tangkap ataupun untuk sita jentera-jentera yang terlibat dalam aktiviti dilakukan di negeri. Jadi *approach* kita, kita buat bersama apabila sesuatu kesalahan hutan yang dilaporkan, kita akan turun bersama dengan pegawai-pegawai negeri untuk *enforce* akta ataupun enakmen di peringkat negeri.

Itu untuk soalan kedua dan yang soalan ketiga berkaitan dengan di Cameron Highlands, *landslide* ya? Sebenarnya apa yang berlaku di Cameron Highlands itu adalah sebahagiannya kawasan terlibat dengan hutan simpan kekal telah diceroboh oleh pihak-pihak pengusaha kebun dan telah pun diambil tindakan pengusiran sebelum ini oleh tindakan di peringkat negeri. Telah mengambil tindakan penguatkuasaan.

Cumanya berlaku lagi ataupun dengan keadaan mungkin intensiti hujan yang tinggi menyebabkan berlakunya runtuhan di kawasan tersebut. Akan tetapi ingin saya maklumkan bahawa kawasan itu telah dijalankan tindakan penguatkuasaan sebelum ini dan pemantauan juga dilakukan oleh pihak Jabatan Perhutanan Negeri Pahang.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey, terima kasih.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Isu Batang Kali.

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: Isu Batang Kali itu di luar ini. Mungkin KP JMG boleh sebab itu tidak melibatkan kawasan hutan simpanan kekal. Mungkin maklumat daripada JMG, KP?

Datuk Zamri bin Ramli [Jabatan Mineral dan Geosains]: Di Batang Kali, isu yang berlaku adalah – apa yang saya hendak *highlight* ini dari segi penguatkuasaan. Sekarang ini macam di Cameron Highlands pun sama juga.

Macam KP JPSM beritahu tadi intensiti hujan kalau kita tengok dari segi ini, dia 0.5 tetapi hari yang berlaku itu adalah 126 mililiter *per day*.

Itu yang kami buat inilah, buat pemantauan dan kawasan yang itu memang terdedah – sudut dia lebih daripada 35 darjah. Kalau kita ikut daripada *Geotechnical Engineering Control Office*, Hong Kong, lebih daripada 35 dan ke atas, dia berkerentanan tinggi untuk berlakunya runtuhan.

Yang berlaku sekarang adalah dari segi penguatkuasaan. Di Batang Kali pun sudut itu pun, sudut kecerunan itu tinggi. Lebih daripada 25 darjah. 25 darjah dan *above* adalah kawasan yang sensitif. Adalah peranan yang perlu dimainkan di peringkat pihak berkuasa negeri sendiri. Maknanya pihak Pejabat Tanah dan sebagainya. Di peringkat Jabatan Teknikal, kita bagi nasihat melalui OSC dan sebagainya.

■1350

Apa yang berlaku di Batang Kali sama juga, dari segi – bila dia buat *resort* dan sebagainya, mana macam mana *encroachment* dia, dari segi dia punya aliran dan dari segi tanda-tanda berlakunya – biasanya kalau dari segi kita pemantauan JBIS selama 30 tahun, rekod kita. Sekiranya kawasan itu adalah kawasan yang cerun semula jadi, dia akan menunjukkan tanda-tanda. Tapi kalau kawasan itu *engineered slope*, dia akan sekali saja. Yang itu yang perlu di – maknanya, operator yang terlibat di kawasan-kawasan cerun pun perlu didedahkan tanda-tanda berlakunya tanah runtuh.

Di Batang Kali isu dia, kawasan tersebut adalah kawasan – ini *from the technical point of view*-lah, merupa kawasan bekas runtuhan, *from geological point of view*. Maknanya, kawasan runtuhan yang telah berlaku 10,000 tahun dulu. Maknanya, kawasan itu bukanlah- batu itu *intact* dekat situ. Maknanya, yang dibangunkan itu adalah kawasan yang memang *fragile* dan ada aliran air bawah tanah juga yang mengganggu. Di Cameron Highlands pula isu yang utama adalah dari segi pencerobohan sebab kita ada cadangkan dulu dari segi penguatkuasaan, pemeriksaan lesen dan sebagainya. Juga di Cameron Highlands, kita ada cadangkan juga dia bagi *soft loan* kepada pekebun-pekebun supaya dia dapat menjalankan pelan hakisan dan kelodak itu. Sebab dia kecil-kecil, dia tak mampu. Kita cadang dulu AgroBank masuk untuk membantu, barulah boleh sebab dia pecah kecil.

Cadangan ini pernah dikemukakan, dia bawah jawatankuasa yang dipengerusikan secara bersama antara Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri

Besar. Tapi sekarang ini tak diaktif lagilah. Maknanya, cadangan itu – pada kamilah, kami yang terlibat, perlu diaktifkan balik. Ditengok balik. Bagaimana pekebun kecil ini perlu dibantu dan juga dari segi penguatkuasaan itu. Sebab apa yang berlaku kalau macam Cameron Highlands itu dah setahun dah dan kawasan itu 4.31 ekar. Bukan kecil. Masih berlaku lagi. Kita tahu kawasan itu berkerentanan tinggi.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey, terima kasih. Sebelum kita tangguhkan prosiding ini, saya ada satu soalan lagi berkenaan konflik dengan hidupan liar. Jadi, di sini kita dimaklumkan bahawa PERHILITAN akan mewajibkan pematuhan kepada *Wildlife Management Plan* tetapi dalam slaid yang dibentangkan prosiding lalu, di sini kita dimaklumkan bahawa penguatkuasaan mewajibkan pematuhan kepada WMP hanya boleh dilaksanakan setelah penurunan kuasa Akta Kualiti Alam Sekeliling diterima daripada Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar. Jadi, boleh jelaskan tak kenapa belum dilaksanakan? Paling penting sekali, bagaimana mewajibkan pematuhan kepada WMP ini boleh membantu situasi konflik sekarang? Kerana saya sudah banyak kali bangkit juga dalam Dewan. Daerah Kluang boleh jadi *night safari* dah, tiap-tiap malam memang *free*. Kalau kita letak *gate* di sekeliling daerah Kluang, masuk bayar saja, boleh tengok apa-apa hidupan liar, tepi jalan boleh, sudah boleh saksi.

Jadi, apa penyelesaian jangka masa panjang untuk selesaikan isu ini? Kerana memang jadi gangguan dan gajah itu bukan sahaja di luar bandar dah. 10 minit daripada pusat bandar. Di tempat yang saya biasa pergi mendaki gunung pun sudah boleh jumpa gajah. Memang *night safari*. Jadi, bagaimana pematuhan pelan ini boleh selesaikan? Sila bagi sikit pencerahan.

Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim [Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara]: Terima kasih, YB Timbalan Pengerusi. YB-YB sekalian, Datuk-Datuk, tuan-tuan dan puan-puan, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam Malaysia MADANI. Terutama sekali, tahniahlah Kluang dianugerah dengan hidupan liar yang banyak. *[Ketawa]* Saya pernah dengar soalan ini. Tahun lepaskah, dua tahun lepas YB*. "Kalau nak datang nak tengok ini, datanglah ke Kluang. Malam-malam, siang pun ada.".* Saya ingat lagi itu. Tapi baik, saya ingat elok kita pergi pada benda paling asaslah. Kemudian saya akan naik, naik terus sampai ke WMP.

Hidupan liar ini dia mudah saja. *It is a straightforward.* Dia tak ada *rocket science* apa. Dia kalau dia tak diganggu, dia okey. Dia makan banyak, dia akan beranak banyak. Dia akan mula kacau orang bila dia ada anak kecil, bila dia cedera

ataupun dia dah tua. Itu asas dia. Asas dia. Kalau benda ini dia salah satu dia tak ada dan dia akan mula keluarlah.

Lagi satu, dari segi habitat, kalau habitat dia okey, dia okeylah. Tapi kalau habitat dia tak ada, dia mula keluarlah. Bila habitat dia tak ada – habitat ini tak kisahlah; hutankah, payakah, tasikkah, lalangkah, semakkah, itu semua habitat hidupan liarlah. Daripada gajah sampailah ke ular apa benda semualah. Jadi, bila habitat dia tak ada, dia akan mula keluarlah. Bila habitat tak ada, makanan dia pun tak ada. Bila makan dia pun tak ada, dia akan mula mencarilah. Sebab itu kita dengar kadang-kadang ada harimau makan – harimau ini dia jarang – harimau makanan utama dia biasanya rusa, babi, kijang tapi hari ini harimau makan ayam. Dulu musang makan ayam, kan? Ini kali harimau makan ayam. Jadi maksudnya, dia makanan dah tak ada. *Last* sekali, dia makan orang.

Jadi dalam konteks ini, PERHILITAN dipersalahkan. Tapi kita kena ingatlah bahawa dia punya isu-isu dia ialah isu habitat. Habitat ini biasa di *state* masing-masinglah. Itu yang paling utama. Jadi, kalau macam YB cakap tadi, mengganggu apa semua itu sebab di sebelah Johor, saya ingat Kluang pun dah tak banyak dia punya habitat ini dan dia macam satu macam pesta, bila tengok dia pindah sana, pindah sini. Tapi negatifnya mungkin kita boleh positifkanlah. Dia akan jadi ekopelanconganlah. Kalau kita buat dengan betul-betullah. Akan datang. Kalau kita buat dengan betul. Dia boleh mungkin jadi sumber penduduk di situ. Serupa juga di Gerik sana, di *highway* sana. Nak tengok gajah datanglah ke Gerik. Betul. Memang betul. Datanglah ke Gerik, memang betul.

Okey, saya dah terkeluar *kut* tapi tak apa kita masuk dalam balik ya. Dari segi WMP ini kan, dulu memang kita – satu ketika dulu banyak berlaku bila dibuka kawasan apabila semua ini, banyak berlaku gangguan hidupan liar. Kita orang pun tak tahu. Tiba-tiba orang cakap gajahlah, harimaulah, apa babilah, tapir semua turun. *So*, jadi kita berbincang dan kita dapati bahawa salah satu cara kita kena terbitkan, buatkan *Wildlife Management Plan*-lah. Di mana kalau ada mana-mana *company*-kah apa semua nak buka kawasan untuk yang melibatkan habitat hidupan liar, dia perlu siapkan *Wildlife Management Plan* yang mana benda ini kita memang dah bincang dengan pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS). Maknanya, salah satu komponen dia, dalam EIA itu kena ada WMP. Jika dia tak cukup syarat itu, kita akan laporkan pada JAS, JAS akan beritahu bahawa projek itu tak boleh dijalankan sehingga setelah selesai.

Cuma untuk penurunan kuasa itu, kita sedang berbincang dan kita percaya pada tahun ini benda ini akan dilaksanakanlah. Cuma sekarang ini tak adalah. Maknanya, PERHILITAN dia tak ada kuku lagi. Jadi, esok bila benda ini dah turunkan kuasa, maknanya kita Jabatan PERHILITAN boleh ambil tindakanlah, mana-mana mereka yang tidak mematuhi. Saya rasa ini satu benda yang sangat bagus dan inilah *future* kita punya Malaysia MADANI kita ini untuk hidupan liar. Kalau tidak, mana lagi? Dia tak ada tempat dah. Semua ini – semua benda ini ialah saya ingat ini bukan rahsia. Semua orang pun tahu. Dah kalau tak ada kuasa, mana binatang ini nak letak? Kalau kita bunuh, nanti dunia akan *ban* Malaysia.

Jadi, ini sekarang kita – apa yang PERHILITAN buat dengan kerjasama dengan perhutanan dengan JAS, dengan JMG sekali, macam mana kita dalam masa yang sama, kita nak ambil REE, dalam masa yang sama, kita nak selamatkan hidupan liar. Itu pun ada isu juga itu. *So*, kita kena tengok banyak benda ini. *Karang* kalau kita terlampau ambil banyak sangat REE, dah binatang keluar balik. Harimau keluar balik, babi keluar balik, tapir keluar balik. Dah mana nak letak balik binatang ini? *So*, kita kena tengoklah dari semua sudut tapi ini apa yang kita bincang. Berbalik pada tadi, saya rasa jawapan dia ialah nanti JAS akan buat benda itu dalam tahun ini. Terima kasih.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey, terima kasih. Kalau tak ada soalan lagi, kami menangguhkan mesyuarat Prosiding 3(B) – ketiga ini terlebih dahulu. Nanti kita sambung – okey, nanti kita sambung jam 3 untuk isu yang memberi tumpuan kepada Sabah dan Sarawak. *So*, kita semua, saksi dan juga ahli-ahli PAC boleh rehat dan makan tengah hari terlebih dahulu. Sekian, terima kasih.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.59 petang]



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Isnin, 29 Januari 2024

Bil. 10 (c) / 2023

MESYUARAT
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA

Prosiding:
Auditan Khas Pengurusan Hutan dan Impak kepada Alam Sekitar

(i) Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
YBhg. Dr. Ching Thoo a/l Kim
Ketua Setiausaha

PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

ISNIN, 29 JANUARI 2024

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] - *Pengerusi*
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang] - *Naib Pengerusi*
YB. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
YB. Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Wangsa Maju]
YB. Datuk Ali anak Biju [Saratok]
YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]
YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]
YB. Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]

Tidak Hadir *[Dengan Maaf]*

YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]
YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]

URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkefli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Encik Amirul Ashyraaf bin Zulkifle [Penolong Setiausaha (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Jabatan Peguam Negara

Puan Azlin binti Sabtu [Ketua Unit (Bahagian Penasihat)]

Jabatan Perkhidmatan Awam

Encik Muhammad Fikri bin Karmajaman [Ketua Penolong Pengarah (Perkhidmatan)]

Kementerian Kewangan

Encik Azize bin Taib [Ketua Seksyen (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]
Puan Nadeema Binti Kamaruddin [Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]
Encik Nurul Allbirr bin Nordin [Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Jabatan Audit Negara
Encik Eezwan Hafidz bin Ismail [Juruaudit (Bahagian Audit Prestasi 1)]
Encik Mohd Nazrin bin Nasronl [Penolong Juruaudit (Bahagian Audit Prestasi 1)]

Jabatan Akauntan Negara
Puan Zyerullida binti Shaharudin [Akauntan (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA))]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
Tn Mohd Azmir Bin Aziz [Pegawai Siasatan P48 (Bahagian Siasatan]
Encik Fadlyzal bin Mohd Zain [Penolong Pesuruhjaya (Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan)]

Kementerian Ekonomi
Encik Che Kodir bin Baharum [Pengarah (Bahagian Ekonomi Alam Sekitar dan Sumber Asli)]

SAKSI

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
YBhg. Dr. Ching Thoo a/l Kim [Ketua Setiausaha]
Puan Norsham binti Abdul Latip [Setiausaha Bahagian (Bahagian Pengurusan Biodiversiti dan Perhutanan)]

Jabatan Perhutanan Sabah
YBrs. Encik Indra Purwandita bin Herry Sunjoto [Timbalan Kanan Ketua Konservator Hutan (Perancangan dan Pengurusan)]
Puan Fong Pek Yee [Pemelihara Hutan (Pejabat Timbalan Ketua Konservator Hutan) (Perancangan dan Pengurusan)]

Jabatan Hutan Sarawak
YBhg. Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Pengarah]
Encik Semilan Anak Ripot [Timbalan Pengarah (Pengurusan Hutan)]
Encik Jeremy Ayum Juan [Pemelihara Hutan (Unit Audit Dalam)]

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
YBhg. Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Ketua Pengarah]

Kementerian Perladangan dan Komoditi
Encik Wan Ahmad Asmady bin Wan Md Din [Setiausaha Bahagian Kanan (Bahagian Kemajuan Industri Kayu Kayan, Tembakau dan Kenaf)]

Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak
Encik Jack Anak Liam [Controller Kualiti Alam Sekitar Sarawak (Pengurusan)]
Encik Kenny Poon [Ketua Seksyen (Pematuhan dan Penguatkuasaan)]

Sarawak Forestry Corporation
Encik Nickson Joseph (Pegawai Hidupan Liar)

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS, PENGGAL KEDUA

BILIK JAWATANKUASA 1,
PARLIMEN MALAYSIA, KUALA LUMPUR

ISNIN, 29 JANUARI 2024

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

[Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin
mempengerusikan Mesyuarat]

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan selamat datang saya ucapkan kepada Naib Pengerusi PAC Parlimen, YB Wong Shu Qi. Terima kasih kerana pagi tadi dapat mempengerusikan mesyuarat PAC. Saya mohon maaf atas ketidakhadiran saya disebabkan ada ketentuan lain dan Ahli-ahli Yang Berhormat Ahli PAC Parlimen ke-15, Ahli-ahli Ex-officio PAC daripada Jabatan Peguam Negara, JPA Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, SPRM, Kementerian Ekonomi dan juga Jabatan Akauntan Negara. Terima kasih kerana hadir pada mesyuarat pada petang ini.

Yang Berhormat ahli-ahli mesyuarat sekalian, hari ini PAC akan menyambung prosiding berhubung dengan isu Auditan Khas Pengurusan Hutan dan Impak kepada Alam Sekitar yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2022 Auditan Khas Pengurusan Hutan dan juga Impak kepada Alam Sekitar. Ini adalah prosiding ketiga membabitkan Auditan Khas Pengurusan Hutan dan Impak kepada Alam Sekitar selepas prosiding pertama yang telah pun diadakan pada 12 Disember 2023 dan juga prosiding kedua pada pagi tadi.

Untuk prosiding ketiga ini, PAC ingin mendapatkan beberapa maklumat lanjut berkenaan dengan hutan di Sabah dan juga Sarawak. Justeru, hadir di hadapan PAC pada petang ini yang akan memberikan keterangan dan juga penjelasan adalah Yang Berbahagia Dr. Ching Thoo a/l Kim, KSU Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam. Keduanya, Yang Berbahagia Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia. Ketiga, Yang Berbahagia Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad, Pengarah Jabatan Hutan Sarawak dan Yang Berusaha Encik Indra Purwandita bin Herry Sunjoto, Timbalan Ketua Konservator Hutan (Perancangan dan Pengurusan), Jabatan Perhutanan Sabah yang mewakili Datuk Frederick Kugan, Ketua Konservator Hutan, Jabatan Perhutanan Sabah.

Jadi, tanpa membuang masa, saya ingin mempersilakan Yang Berbahagia Dr. Ching Thoo a/l Kim untuk memulakan pembentangan. Kita minta Yang Berbahagia Dr. untuk selesaikan dulu pembentangan ya. Barulah kita akan bertanyakan soalan-soalan selanjutnya. Jadi, saya minta Ahli PAC untuk *alert* muka surat berapa dan sebagainya untuk bertanyakan soalan susulan nanti. Dipersilakan, terima kasih.

Dr. Ching Thoo a/l Kim [Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam]: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi PAC, Naib Pengerusi PAC, Ahli-ahli Yang Berhormat Ahli PAC semua, ketua-ketua jabatan, pegawai kanan kementerian dan jabatan, Yang Berbahagia Datuk-datuk, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian. Salam sejahtera, selamat petang dan salam Malaysia Madani.

Pada petang ini, untuk kali yang ketiganya kami dari Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) Yang Berhormat ya, untuk membentangkan maklum balas dan *way forward* kepada audit yang telah dilakukan. Petang ini bersama saya ialah Yang Berbahagia Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad, Pengarah Jabatan Hutan Sarawak dan juga Yang Berusaha Encik Indra Purwandita bin Herry Sunjoto, Timbalan Ketua Konservator Hutan Jabatan Perhutanan Sabah. Turut hadir ialah Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang, Ketua Pengarah JPSM, wakil daripada Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK), pegawai-pegawai daripada Jabatan Hutan Sarawak, Jabatan Perhutanan Sabah dan juga daripada kementerian menangani isu berkaitan hutan dan impak alam sekitar turut merentas pelbagai kementerian, jabatan dan agensi di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Pada petang ini, pembentangan masing-masing akan disampaikan oleh Jabatan Hutan Sarawak dan juga Jabatan Perhutanan Sabah melibatkan pelbagai khusus yang berkait dengan Sabah dan Sarawak dan terkandung dalam Laporan Ketua Audit Negara Siri 1 2022 Auditan Khas Pengurusan Hutan dan Impak pada Alam Sekitar melibatkan empat perkara. Pertama, penubuhan ladang hutan. Kedua, pengurusan sumber hutan. Ketiga, rangkaian ekologi dan yang keempat, litupan hutan.

Sebelum pembentangan dimulakan, izinkan saya untuk menarik perhatian semua kepada Perkara 74(2) di dalam Perlembagaan Persekutuan yang jelas memperuntukkan bahawa hutan adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Sementara bidang kuasa Kerajaan Persekutuan adalah lebih kepada memberi khidmat teknikal mengenai pengurusan dan pembangunan hutan serta menjalankan penyelidikan dan khidmat latihan.

Di Sabah dan Sarawak, kementerian ini memberikan bantuan teknikal kepada Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak berdasarkan

peruntukan di bawah Perkara 95E(4) Perlembagaan Persekutuan. Sedikit *info* dari segi aspek peruntukan. NRES turut menyalurkan peruntukan di bawah belanja pembangunan di bawah P.23 berjumlah RM122,050,030 di bawah RMKe-12 dan RM81,889,982 di bawah RMKe-11 kepada Jabatan Perhutanan Sabah. Manakala untuk Sarawak, peruntukan yang telah disalurkan iaitu RM36,636,050 di bawah RMKe-12 dan RM68, 699,110 di bawah RMKe-11 kepada Jabatan Hutan Sarawak.

Ingin dimaklumkan juga bahawa Majlis Tanah Negara telah ditubuhkan di bawah Perlembagaan Persekutuan sebagai platform Kerajaan Persekutuan dan negeri berbincang perkara-perkara berkaitan dasar perhutanan dan pengurusan hutan di Malaysia yang turut dihadiri Yang Amat Berhormat Premier Sarawak dan juga Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah.

Di peringkat kementerian, penyelarasan bersama Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak sering dilaksanakan berhubung pengurusan hutan di peringkat domestik dan antarabangsa. Ini jelas menunjukkan keprihatinan dan komitmen Kerajaan Persekutuan dan negeri dalam menjaga kawasan hutan negara secara mampan. Oleh itu, dengan izin Yang Berhormat Pengerusi, saya ingin menjemput Yang Berbahagia Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad, Pengarah Jabatan Hutan Sarawak untuk memberikan pembentangan dan diikuti oleh Yang Berusaha Encik Indra Purwandita, Timbalan Ketua Konservator Sabah bagi sektor Sabah. *So*, dipersilakan Datu.

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan selamat petang kepada Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati, Pengerusi PAC; Naib Pengerusi PAC, Ahli-ahli Yang Berhormat Ahli Jawatankuasa PAC, Yang Berbahagia KSU Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam, ketua-ketua jabatan, pegawai kanan kementerian dan jabatan serta tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Untuk petang ini, saya akan membentangkan isu-isu yang dibangkitkan oleh audit dalam Laporan Ketua Audit Negara yang berkenaan khusus berkenaan perhutanan di Sarawak. Terlebih dahulu saya ingin memaklumkan bersama saya adalah beberapa pegawai kami daripada Jabatan Hutan Sarawak dan juga bersama saya juga adalah *controller* NREB, *Natural Resources and Environmental Board*, Tuan Jack Liam ada bersama saya dan juga pegawai beliau. Kita juga ada wakil dari *Sarawak Forestry Corporation*, Encik Nickson yang mana *Sarawak Forestry Corporation* ini berfungsi lebih kurang macam Jabatan PERHILITAN lah di *Peninsular* ini.

Terlebih dahulu, kami ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada pihak Jabatan Audit Negara yang telah pun membuat pengauditan terhadap

pengurusan hutan dan impak kepada alam sekitar yang telah pun dibentangkan di Parlimen pada November 2023 yang lepas. *Next*. Berikut adalah skop pembentangan saya pada petang ini iaitu pertama sekali adalah pengenalan kepada tadbir urus hutan di negeri Sarawak. Kedua, mengenai isu dan permasalahan yang telah dibangkitkan di dalam *AG's Dashboard* ekoran daripada Laporan Ketua Audit Negara 2022 Siri 1 dan yang ketiga adalah tentang status tindakan semasa yang dilaksanakan oleh Sarawak dan juga yang terakhir adalah hala tuju Kerajaan Sarawak dalam menangani isu-isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat dan ahli mesyuarat sekalian, berikut adalah beberapa isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Auditan Khas Pengurusan Hutan dan Impak kepada Alam Sekitar khusus bagi Sarawak yang memerlukan penerangan lanjut pihak kami. Antara isu yang dibangkitkan adalah di bawah tajuk pencapaian output. Pertama adalah tentang litupan hutan. Kedua, tentang ladang hutan. Ketiga tentang rangkaian ekologi terutama sekali mengenai *Heart of Borneo*. Keempat, rancangan pengurusan hutan. *Next*.

■1510

Yang Berhormat dan Ahli Mesyuarat sekalian, berikut merupakan institusi yang mengurus dan mengawal selia sektor perhutanan di negeri Sarawak termasuk juga alam sekitar. Di Sarawak, sektor perhutanan adalah di bawah Kementerian Sumber Asli dan Pembangunan Bandar di mana kementerian ini disokong oleh agensi-agensi di bawahnya seperti Jabatan Tanah dan Survei Sarawak, Jabatan Hutan Sarawak yang bertanggungjawab dalam pengurusan dan konservasi hutan; Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar (NREB) yang bertanggungjawab secara langsung dalam pengurusan alam sekitar; *Sarawak Forestry Corporation* yang berperanan dalam mengurus kawasan terlindung sepenuhnya seperti taman negara, *sanctuary* hidupan liar dan *reserve* semula jadi. Di samping itu, agensi ini juga bertanggungjawab dalam pemeliharaan hidupan liar di Sarawak.

Yang kelima adalah Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak atau dipanggil STIDC yang berperanan dalam menyelaras sektor perkayuan dan merancang pembangunan industri yang berasaskan kayu. Manakala di bawah PUSAKA ini terdapat sebuah anak syarikat iaitu Harwood Timber Sdn. Bhd. di mana ia juga berperanan dalam membantu dalam pemantauan pergerakan rantaian kayu balak di Sarawak. *Next.*

Yang Berhormat dan Ahli Mesyuarat yang saya hormati sekalian, di negara kita Malaysia, perhutanan adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia Perkara 74 (2) seperti yang telah pun dimaklumkan lebih awal oleh KSU– Yang Berbahagia Dr. KSU tadi

ya. Dalam mengurus dan mentadbir hutan dan sumber hutan, agensi-agensi perhutanan di Sarawak berpandukan peruntukan undang-undang di dalam *Forest Ordinance, 2015, Sarawak Forest Policy 2019, Wild Life Protection Ordinance 199*8 dan *National Park and Nature Reserves 1998.*

Melestari khazanah hutan merujuk kepada usaha untuk mempertahankan dan melestarikan kepelbagaian biologi serta ekosistem hutan. Ini merangkumi amalan pengurusan hutan yang mampan, pemuliharaan habitat flora dan fauna serta penghindaran kegiatan menjejaskan khazanah hutan tersebut. Menerusi penambahbaikan dan pemerkasaan polisi sedia ada serta pelaksanaan pelbagai program pengurusan hutan secara lestari, setakat ini Sarawak masih mengekalkan 7.65 juta hektar atau lebih kurang 62 peratus kawasan litupan hutan di Sarawak.

Jadi, Sarawak merupakan penyumbang yang terbesar dalam kawasan litupan hutan di Malaysia iaitu sebanyak 42.4 peratus daripada 18.05 juta hektar keseluruhan kawasan berhutan di Malaysia. Ini adalah juga untuk menyahut komitmen negara dalam mengekalkan 50 peratus kawasan litupan hutan. Melalui komitmen tersebut, Kerajaan Sarawak juga telah menetapkan sasaran yang dinyatakan dalam Dasar Guna Tanah Sarawak 2012 di mana penetapan tujuh juta hektar tanah di Sarawak adalah kawasan berhutan. Daripada itu, seluas enam juta hektar adalah disasarkan untuk dijadikan sebagai hutan simpan kekal. Manakala, seluas satu juta hektar lagi untuk kawasan terlindung sepenuhnya yang meliputi taman negara, *sanctuary* hidupan liar dan kawasan *reserve* semula jadi.

Yang Berhormat-Yang Berhormat dan Ahli-ahli Mesyuarat semua, berikut adalah antara isu yang dibangkitkan oleh Audit di Sarawak seperti yang dinyatakan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2022 Siri 1. Isu yang pertama, pencapaian output tentang litupan hutan. Kita tidak menafikan penemuan audit tentang penurunan dan pengurangan kawasan berhutan di Sarawak iaitu sebanyak 2.2 peratus dalam tempoh 2016 hingga 2021 tersebut.

Pembukaan kawasan-kawasan berkenaan adalah untuk tujuan pembangunan ekonomi serta penempatan penduduk. Kegiatan ekonomi yang sangat pesat di Sarawak pada masa ini terpaksa memberi laluan kepada pembukaan kawasan-kawasan hutan berkenaan seperti untuk pembangunan ladang-ladang pertanian untuk memastikan bekalan sumber makanan yang mencukupi, pembinaan projek hidroelektrik, pembinaan kawasan-kawasan perumahan dan perbandaran, pewujudan dan pembesaran kawasan industri dan sebagainya.

Bagi mengekalkan kawasan berhutan, kita telah mengambil inisiatif untuk mewartakan kawasan-kawasan tersebut untuk dijadikan hutan simpan kekal dan kawasan terlindung sepenuhnya. Di samping itu, kawasan berhutan yang lain seperti kawasan tanah kerajaan (*state land*) dan tanah berhak milik, dilaksanakan program-

program penanaman pokok dan penubuhan ladang-ladang hutan. Oleh sebab itu, program-program seperti Penghijauan Malaysia atau di Sarawak yang dipanggil Kempen Penghijauan Sarawak telah dijalankan secara agresif bagi meningkatkan kawasan litupan hutan dan kawasan hijau di negeri ini.

Program Penghijauan Malaysia yang telah dilancarkan secara serentak di seluruh negara pada 5 Januari 2021 menyasarkan untuk menanam 100 juta pokok dalam tempoh lima tahun. Sebagai komitmen kepada program Penghijauan Malaysia sejak 5 Januari 2021 tersebut, Kerajaan Sarawak melalui Jabatan Hutan Sarawak komited untuk menanam 35 juta pokok melalui *Greening Sarawak Campaign.* Setakat 31 Disember 2023, sejumlah 32,234,313 pokok telah ditanam dan merupakan rekod penanaman yang tertinggi di Malaysia. Selain itu, Jabatan Hutan Sarawak juga sedang giat melaksanakan Program Restorasi Pesisir Pantai di mana sebanyak 767,389 pokok bakau dan lain-lain spesies pokok pesisir pantai juga telah ditanam setakat ini.

Yang Berhormat-Yang Berhormat dan Ahli Mesyuarat yang dihormati. Selain daripada itu, dalam menangani isu penurunan litupan hutan, Kerajaan Sarawak menerusi Jabatan Hutan Sarawak telah mengambil beberapa langkah bagi memastikan kawasan litupan hutan di Sarawak terjaga.

(i) mempergiatkan usaha pemantauan dan penguatkuasaan kawasan hutan; dan

(ii) mempergiatkan inisiatif pewartaan kawasan-kawasan hutan simpan kekal yang baharu. Sebagai contoh, dalam tempoh 2021 sehingga 2023, sebanyak 21.3 ribu hektar kawasan hutan simpan kekal telah diwartakan iaitu *Bakam Forest Reserve, Murum Protected Forest, Bajoh-Ujong Murud Protected Forest.*

Selain itu, kita juga memperkenalkan Dasar Ekonomi Hijau. Sarawak merupakan wilayah pertama di Malaysia menggubal undang-undang bagi mengawal selia aktiviti karbon di wilayahnya melalui sektor tanah dan perhutanan yang terkandung dalam pindaan Kanun Tanah Sarawak dan *Forest Ordinance* yang masing-masing diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada 18 dan 19 Mei 2022. Melalui pindaan berkenaan, aktiviti perdagangan karbon di Sarawak kini dapat dilaksanakan.

Seterusnya adalah menambah baik *Forest Ordinance Sarawak* bagi memantapkan lagi pengurusan hutan dan sumber hutan. Yang terakhir adalah kita juga mewajibkan pensijilan *Forest Management Certification* bagi semua lesen jenis jangka panjang. Pada masa kini, sejumlah 24 FMU dengan jumlah keluasan hutan sebanyak 2.05 juta hektar telah pun mendapat pensijilan *Forest Management Certification.*

Sebagai *way forward,* langkah-langkah dan strategi berikut akan dilaksanakan bagi memastikan kawasan hutan dapat dikekalkan.

(i) menambah baik atau meminda peraturan hutan (*forest rule*) yang mana akan dibentangkan di Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) dalam masa yang terdekat;

(ii) menubuhkan ladang hutan di dalam kawasan tanah negeri (*state land*) supaya ia dapat dikategorikan sebagai kawasan hutan kekal. Buat masa ini, kawasan berkenaan meliputi 1.19 juta hektar;

(iii) menggalakkan penglibatan komuniti dalam penubuhan ladang hutan dalam kawasan-kawasan milik persendirian dan juga tanah NCR dan;

(iv) memanfaatkan teknologi terkini dalam aktiviti pengurusan dan pengurusan hutan.

Yang Berhormat dan Ahli Mesyuarat semua, Sarawak memulakan penubuhan ladang hutan berskala besar sebagai strategi jangka panjang ke arah kelestarian bahan mentah yang mencukupi bagi industri berasaskan kayu di negeri ini sekali gus mengurangkan kebergantungan dan tekanan terhadap aktiviti pembalakan ke atas hutan aslinya. Seperti yang dilaporkan dan dibangkitkan dalam *AG Dashboard* bagi Laporan Ketua Audit Negara 2022 Siri 1 ini, 47.8 peratus atau bersamaan dengan keluasan 0.48 juta hektar kawasan lesen ladang hutan telah dilaporkan belum ditanam.

■1520

Antara faktor-faktor yang mempengaruhi kemajuan tanaman ladang hutan di Sarawak telah dikenal pasti adalah seperti berikut:

(i) penubuhan ladang yang tidak produktif terutama sekali pada awal penubuhan ladang ini iaitu pemilihan spesies yang kurang sesuai. Penubuhannya pada sekitar 1990-an;

(ii) kos operasi ladang hutan yang tinggi di mana ia melibatkan kos-kos penubuhan, penuaian, penebangan dan juga pengangkutan;

(iii) kekangan dalam penyelidikan iaitu kekurangan pakar penyelidik dalam melaksanakan penyelidikan kesesuaian spesies bagi sesuatu kawasan *(species matching)*;

(iv) kekurangan tenaga buruh. Pada peringkat awal penubuhan ladang-ladang hutan di Sarawak banyak bergantung kepada tenaga buruh asing dan sumber tenaga buruh asing. Ini telah berkurangan disebabkan polisi pengambilan pekerja asing di negara ini; dan

(v) konflik guna tanah yang mana isu-isu pertikaian mengenai tuntutan pemilikan kawasan oleh komuniti tempatan membantutkan kerja-kerja penanaman ladang hutan tersebut.

Yang Berhormat dan ahli-ahli mesyuarat sekalian, berdasarkan kekangan dan faktor-faktor yang menyumbang kepada isu-isu yang dibangkitkan tadi, Kerajaan Sarawak melalui Jabatan Hutan telah melaksanakan beberapa inisiatif dan tindakan semasa untuk penambahbaikan. Tindakan semasa yang telah diambil adalah seperti berikut:

(i) mempergiatkan usaha penanaman kawasan ladang hutan berdasarkan rekod keluasan penanaman ladang hutan telah meningkat 0.5 juta hektar pada tahun 2021 kepada 0.58 juta hektar pada tahun 2023;

(ii) membatalkan lesen yang gagal memenuhi syarat-syarat lesen ladang hutan. Setakat ini, empat lesen yang meliputi keluasan 0.33 juta hektar telah pun dibatalkan;

(iii) mengeluarkan surat amaran dan surat peringatan kepada pelesen yang gagal mencapai kurang daripada 40 peratus sasaran yang ditetapkan. Setakat ini, 22 pelesen telah pun diberi surat amaran dan peringatan serta tunjuk sebab;

(iv) menambah baik tadbir urus pengurusan ladang hutan di Sarawak dengan memantau dan mengaudit secara dekat melalui penggunaan teknologi terkini seperti *satellite imageries,* dan *hyperspectral;*

(v) penubuhan pusat penyelidikan khas bagi kerja-kerja kajian berkaitan dengan ladang hutan dan spesies pokok ladang hutan. Dengan itu, kita di Sarawak telah pun menubuhkan *Industrial Forest Research Centre* (IFRC) di Jabatan Hutan Sarawak; dan

(vi) mempergiatkan usaha mendapat dana tambahan untuk penyelidikan berkaitan dengan penubuhan ladang hutan seperti dana tambahan sebanyak RM2 juta yang telah pun disalurkan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 untuk kajian penggunaan teknologi IR 4.0 dan juga tambahan dana sebanyak RM4 juta untuk *establishment of Centre of Excellence for Planted Forest* R&D di bawah RMKe-12.

Jadi, dengan ini saya juga ingin merakamkanlah terima kasih kepada Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam sebab menyumbangkan dana-dana untuk pembangunan projek-projek ladang hutan di Sarawak ini.

Salah satu kajian di *centre of excellence* kita adalah mengenai *molecular genetic research*. Bagi mendepani cabaran berkaitan penubuhan ladang hutan, Kerajaan Sarawak melalui Jabatan Hutan juga telah menetapkan beberapa hala tuju seperti berikut:

(i) penggunaan spesies pokok ladang hutan yang sesuai *(high quality planting material)* setelah penyelidikan dan pemilihan yang tepat dilaksanakan terhadapnya;

(ii) penubuhan kilang berskala kecil *(mini mill)* ya, dalam kawasan lesen bagi mengurangkan kos operasi;

(iii) menggalakkan penglibatan komuniti di dalam sektor perladangan hutan dengan meminda undang-undang *the forest rule— The Forests (Planted Forests) Rules, 1997* bagi membenarkan kawasan kecil milik komuniti diberi lesen ladang hutan;

(iv) mempergiatkan lagi usaha *facilitate* pengilang untuk mengubahsuai mesin-mesin yang sedia ada milik mereka kepada mesin yang bersesuaian, ya— *retooling* bagi memproses kayu-kayu ladang; dan

(v) mencari idea dan inovasi baharu bagi mempercepatkan proses penanaman seperti penggunaan Sarabom dan juga *seed blaster*.

Ahli-ahli Yang Berhormat dan ahli mesyuarat sekalian, rangkaian ekologi *Heart of Borneo* (HoB). Bagi isu yang dibangkitkan di mana Pelan Strategik KETSA 2021-2025, pelaksanaan inisiatif HoB belum dikemas kini, perkara ini telah pun dibawa dan dibincangkan semasa *Heart of Borneo Technical Working Group* pada 11 November 2023. Mesyuarat tersebut telah membuat keputusan agar Sarawak *Heart of Borneo Project Initiative Framework* (HoBPIF) disemak semula agar selaras dengan *Post COVID-19 Development Sarawak 2030* (PCDS2030). Mesyuarat *HoB Technical Working Group* juga telah memutuskan agar semakan semula ke atas Sarawak HoBPIF ini disiapkan pada suku kedua tahun 2024.

Untuk makluman Yang Berhormat dan ahli mesyuarat, satu bengkel pemurnian akan dilaksanakan pada bulan Februari 2024 ini bagi mengemas kini serta melihat semula kandungan HoBPIF kita agar ia selaras dengan PCDS2030. Dalam Laporan Ketua Audit Negara 2022 Siri 2 ini, terdapat beberapa isu di bawah Rancangan Pengurusan Hutan di Sarawak telah dibangkitkan seperti berikut:

(i) kesemua *Forest Management Plan* (FMP) di peringkat FMU Wilayah Sarawak masih belum dikaji semula;

(ii) lima pelesen tidak menyatakan tempoh kajian FMP secara khusus; dan

(iii) tempoh FMP pelesen yang tidak dikaji semula antara 15 hingga 30 tahun.

Untuk makluman Yang Berhormat dan ahli-ahli mesyuarat, Jabatan Hutan Sarawak telah memberi maklum balas terhadap isu ini dalam *exit conference* dan juga secara bertulis kepada pihak Audit Negara (Prestasi) ya, melalui surat kami bertarikh 15 Jun 2023 di mana isu berkenaan Rancangan Pengurusan Hutan ini adalah disebabkan:

(i) setiap lesen pembalakan jangka panjang memiliki dokumen lesen yang mengandungi *Forest Management Plan* (FMP) dan sentiasa dikemas kini apabila terdapatnya keperluan dan maklumat atau penemuan baharu daripada penyelidikan semasa;

(ii) bagi kawasan pembalakan jangka masa panjang yang telah dikenal pasti sebagai *Forest Management Unit* (FMU) dan melaksanakan Pensijilan Pengurusan Hutan, pelesen ini adalah dikehendaki menyediakan satu rancangan pengurusan hutan yang lebih komprehensif dan dikaji semula setiap lima tahun; manakala

(iii) bagi lesen jangka panjang tidak memenuhi kriteria-kriteria di bawah pensijilan hutan, Kajian Semula Pelan Pengurusan Hutan adalah bergantung kepada keperluan dan arahan semasa daripada Jabatan Hutan Sarawak.

Sehubungan itu, berkenaan dengan isu tersebut, Jabatan Hutan juga telah mengambil tindakan semasa bagi memperkasakan Rancangan Pengurusan Hutan di Sarawak iaitu:

(i) semua pemegang lesen jangka panjang adalah diwajibkan untuk mendapatkan Pensijilan Pengurusan Hutan selewat-lewatnya 2030. Ini bermakna FMP mereka juga turut disemak dan dipinda setiap lima tahun; dan

(ii) bagi memastikan semua pelesen yang berkaitan mendapat pensijilan *Forest Management Certification* (FMC), Kerajaan Sarawak juga akan mengambil beberapa pendekatan iaitu tindakan untuk membatalkan lesen bagi yang gagal mendapatkan dan mengekalkan Pensijilan Pengurusan Hutan berkenaan.

Sekian sahaja pembentangan dari kami berkenaan isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak audit. Terima kasih.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ada lagi apa-apa tambahan untuk pembentangan?

Dr. Ching Thoo a/l Kim [Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam]: *So*, YB nak teruskan dengan Sabah ke, nak *Q&A* dulu?

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Kita *proceed* dengan soalan.

Dr. Ching Thoo a/l Kim [Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam]: Sabah ya? Oh, soalan dulu. Okey.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Saya bukakan pada Ahli Jawatankuasa PAC untuk bertanyakan soalan. Sarawak— kita Sarawak dulu, *then after* kita dah selesai bertanyakan soalan sebab tadi dalam waktu rehat tadi, saya nampak jawatankuasa banyak menelaah dan juga *prepare the* soalan-soalan *[Ketawa]*. Jadi, saya bagi ruang kepada ahli jawatankuasa untuk bertanyakan soalan. Saya nampak YB Betong dulu ya. Tak payah banyak ruang ini, boleh ini... *[Ketawa].* Tak perlu ini.

■1530

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi. Yang Berbahagia Dr. KSU, Yang Berbahagia Datuk Pengarah Jabatan Hutan Sarawak, Timbalan Ketua Konservator Hutan Sabah, pegawai-pegawai kanan, tuan-tuan dan puan-puan.

Selamat petang. Terima kasih di atas pembentangan mengenai auditan khas pengurusan hutan bagi Sarawak. Jadi, untuk mulakan persoalan mengenai ladang hutan, saya mulakan dengan satu soalan dulu. Nanti, rakan saya dari Saratok akan sambung lah dalam mengenai ladang hutan di Sarawak.

Soalan saya, berapakah jumlah pemegang lesen jangka panjang dan berapakah keluasan ladang hutan yang terlibat dan adakah keluasan tersebut menurun ataupun bertambah? Soalan tambahan, berapa banyak kah keluasan tersebut yang melibatkan tanah adat (NCR) ataupun berapa banyak yang di bawah *state land?*

Itu sahaja dahulu mengenai ladang hutan. Nanti saya tambah untuk isu-isu lain lah. Mohon didapatkan pencerahan mengenai persoalan tersebut dahulu. Sekian, terima kasih.

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: Terima kasih. Yang Berhormat dari Betong yang bertanyakan tentang ladang hutan di Sarawak. Setakat ini, sebenarnya kita telah pun mengeluarkan lesen sebanyak 56

lesen ladang hutan (LPF). Tetapi seperti yang saya maklumkan tadi, ada empat lesen yang telah pun kita batalkan.

Jadi keseluruhan lesen ladang hutan yang ada, yang masih sah beroperasi sehingga kini adalah 52 lesen LPF ya, *License for Planted Forest* yang meliputi keluasan sejumlah 2.28 juta hektar. Okey 2.28 juta hektar, di mana 52 peratus daripada kawasan LPF tersebut adalah terletak di kawasan tanah berstatus hutan simpan kekal dan selebihnya 1.19 juta hektar adalah kawasan tanah negeri.

Mengenai tanah NCR tadi, sebenarnya tidak ada kawasan tanah NCR yang termasuk dalam kawasan LPF. Jika terdapatlah kawasan tanah-tanah NCR yang disahkan oleh pihak kerajaan, terutama sekali pihak *Land and Survey*, terdapat dalam kawasan tersebut dan pihak pemilik tanah NCR tersebut dapat mengemukakan dokumen mengesahkan tentang pemilikan kawasan-kawasan tanah NCR di dalam kawasan ladang hutan.

Maka dari segi undang-undangnya, kita akan mengeluarkan kawasan-kawasan tersebut daripada kawasan LPF tersebut. Terima kasih.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Terima kasih. Saya ada soalan susulan. Dalam pemberian lesen balak yang asal itu, adakah syarat-syarat penanaman semula itu dimestikan dalam lesen pembalakan yang awal itu? Sebab yang saya nampak, trend dia adalah *company-company* ini dia tidak mahu tanam dan banyaklah alasan dia.

Mungkin salah satu daripada alasannya ialah kitaran semula pembalakan. 25 tahun kemudian, balak yang dia tak tebang itu dah tumbuh balik. Kenapa nak tanam? Itu adalah salah satu daripadanya lah. Saya dengarlah, tetapi itulah– soalan saya ialah adakah syarat-syarat penanaman semula itu dimestikan kepada syarikat yang mendapat pembalakan peringkat pertama itu?

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: Okey, terima kasih untuk soalan ini daripada Yang Berhormat Datuk Ali anak Biju, rakan saya. *[Ketawa]* Saya memang jangka soalan ini. Memang pada peringkat awal, pengeluaran lesen hutan– ini lesen hutan. Bukan ladang hutan ya.

Lesen pembalakan tidak diwajibkan pihak pelesen untuk menanam semula sebab dalam sistem percukaian yang telah pun kita buat daripada awal dulu, memang terdapat– ada satu komponen iaitu ses lah. Kita panggil ses, yang kerajaan mencukai pihak pelesen ini dan sumber kewangan daripada ses inilah yang digunakan untuk kerajaanlah terutama sekali untuk jabatan hutan untuk menanam semula kawasan-kawasan tersebut.

Akan tetapi, memang kita lihat kaedah ini tidak begitu efektif sebenarnya. Tidak begitu efektif sebab dari segi pembahagian semula *revenue* itu untuk kita melaksanakan tugas itu tidak seimbang. Disebabkan itu, *I think* pada tahun 2019–

apabila saya jadi pengarah lah. Kita telah mengeluarkan satu arahan. Kita panggil *DF Circular* kepada semua pelesen.

Semua pelesen sekarang ini– tak kiralah lesen yang telah dikeluarkan oleh pengarah dahulu ke ataupun yang baharu, mesti menanam. *So* sekarang ini, setiap pelesen– setiap pokok yang ditebang, kita ada formula lah. Setiap *volume* yang mana, berapakah *equivalent they have to plant back?*

Inilah pun kita laksanakan. Sekarang ini untuk kita melihat dari segi pembaharuan lesen ataupun juga untuk kita mengeluarkan permit untuk mereka berpindah ke blok-blok pembalakan yang lain. Ini ada teknikal lah.

Mereka mesti membuat penanaman ini terlebih dahulu dan pihak kami akan membuat pemeriksaan di lapangan untuk memastikan pihak-pihak pelesen ini telah pun melaksanakan tugasan mereka sebelum kita memberi kelulusan sama ada untuk pembaharuan lesen ataupun memberi *permit to enter coupe*-lah. Kita panggil *permit to enter coupe* untuk mereka beralih kepada blok-blok pembalakan yang lain. Itu jawapan saya.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Jadi, saya ada satu soalan kerana tadi menyebut bahawa sekarang lesen pembalakan yang masih ada, yang sah adalah 52. Jadi, boleh saya tahu berapa syarikat yang terlibat? Maksudnya, 52 syarikat ke ataupun ada syarikat yang memiliki beberapa keping lesen pembalakan?

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Parlimen Malaysia]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* GLC berapa banyak– individu atau syarikat?

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Juga, syarikat dan individu. Kalau ada senarai, lagi baik lah. Boleh bekalkan pada pihak PAC. Terima kasih.

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: Saya ada senarai di sini tetapi 52 lesen ini bukan bermakna ada 52 syarikat. Ada syarikat yang mempunyai dua ataupun tiga lesen. *So,* mungkin pelesen ataupun syarikat ini kurang daripada 52. *I have all the–* dia punya ini lah, *list* dia lah.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Jadi, ada *list* lah? Panjang tak?

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: Apa dia?

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Senarai itu panjang?

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: Sekejap ya.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Boleh fotostat sekarang? Boleh bagi PAC ya? Terima kasih.

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: Boleh. Nanti– pegawai kami, Encik Jeremy. *Can you give him?*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Macam tadi, ada dimaklumkan pemantauan dari segi penanaman semula sejak tuan mengambil alih sejak daripada 2019, betul? Pemantauan itu dijalankan oleh pegawai-pegawai di bawah agensi yang terbabit.

Jadi, mereka ada buat laporan dan siapa yang memantau dari segi laporan, maksudnya *counter-check* balik? Ada tak SOP ataupun prosedur untuk menyemak semula laporan yang diberikan oleh ini, *so that* macam ada– maksudnya, ada pemantauan yang sebenarnya dilakukan oleh pihak agensi ataupun kerajaan negeri terhadap tanaman semula ini.

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: Okey. Untuk menanam pokok-pokok di kawasan yang telah pun dibalak lah, *degraded area.* Ini adalah proses dalaman Jabatan Hutan Sarawak.

■1540

Kita, di Sarawak di peringkat ibu pejabat— dan juga di ibu pejabat kita mempunyai banyak bahagian, kita ada 12 bahagian ya. *So*, bahagian yang di dalam ibu pejabat kita selain daripada bahagian pelesenan, juga kita mempunyai bahagian perancangan dan pengurusan hutan, bahagian *industrial forest and restoration*. Ini adalah empat bahagian yang secara berurusan antara satu sama lain untuk memantau pelaksanaan program menanam semula inilah.

Tetapi di peringkat pelaksanaannya, ia dilaksanakan oleh pejabat hutan kami di wilayah— di wilayah-wilayah. Kita mempunyai banyak wilayah dari Kuching, Sibu, Miri, Bintulu, sampailah ke Limbang. Pelaksanaan untuk memeriksa di lapangan adalah dilaksanakan oleh pegawai-pegawai kami di wilayah dan ia akan dipantau di pihak ibu pejabat oleh bahagian-bahagian yang saya sebutkan tadi.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Pengerusi, terima kasih. Saya hendak tanya tentang— nampaknya di Sarawak ladang hutan adalah *2.28 million* dan *total* hutan adalah lebih kurang enam juta hektar. Ini bermaksud bahawa 38 peratus adalah hutan simpan kekal itu dah menjadi ladang hutanlah. Ini adalah satu *percentage* yang agak tinggi berbanding dengan Semenanjung. Semenanjung *about 10 percent* sahaja ladang hutan ya tetapi di Sarawak *about 38 percent*. Adakah ini *sustainable* ya? Soalan pertama, *sustainable*.

Kedua adalah tentang nilai pembalakan. Saya hendak tahu bahawa *for the past five* years, pembalakan jumlah nilai yang *approved* untuk pembalakan, berapa nilai tersebut? Sebab hutan yang dibalak itu membawa kekayaan kepada Sarawak kan? Membawa keuntungan kepada Sarawak. *So*, saya hendak tahu *for the past five years* berapakah nilai pembalakan yang telah dijalankan? Terima kasih.

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: Untuk keseluruhan kawasan hutan yang saya sebutkan pada awal pembentangan tadi 7.65

juta hektar. Itu semua sekali termasuk juga kawasan hutan-hutan *state land*, hutan tanah kerajaan. Jadi, daripada kawasan tersebut keseluruhan tadi 2.28 juta okey, 1.19 juta sahaja yang di dalam kawasan hutan simpan kekal.

Manakala 1.1 juta lagi adalah dalam kawasan *state land* sebab itu strategi kami di jabatan hutan. Kami berharap apabila kawasan-kawasan *state land* dijadikan kawasan hutan, jadi secara automatiknya ia dah dijadikan sebagai hutan simpan kekal kemudian. Ini akan menambah *target* pewartaan kami untuk mencapai enam juta hektar, okey. Saya harap ini dapat memberi gambaran tadi.

Tidak semua sebenarnya kawasan— sebenarnya daripada 2.28 juta hektar yang telah pun kita tetapkan untuk ladang hutan ini, *target* untuk ladang hutan untuk ditanam hanyalah satu juta hektar sebab tidak semua kawasan yang telah pun kita lesen itu, 2.28 juta hektar itu dapat ditanam. Kawasan-kawasan yang berkecerunan 45 *degree*, kawasan-kawasan yang sensitif, kawasan-kawasan yang berada di bersebelahan dengan sungai-sungai, kawasan-kawasan yang mungkin mempunyai nilai-nilai estetik seperti juga kawasan-kawasan *buffer zone* kita akan kenal pasti di dalam *Tree Planting Plan* (TPP) kita tidak akan dapat ditanam.

Maknanya, daripada 2.28 juta ini hanya satu juta hektar sahaja yang akan kita benarkan untuk ladang hutan. Ini adalah untuk kita memberi peluang sebenarnya kepada pelesen untuk mengenal pasti kawasan tersebut mana yang dapat ditanam daripada 2.28 juta hektar tersebut. Saya harap ini dapat memberi gambaran.

Puan Wong Shu Qi [Ahli PAC]: Boleh saya sahkan? Kerana saya *confuse* sikit. Jadi, 2.28 juta hektar diizinkan menjalankan aktiviti pembalakan.

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: Betul.

Puan Wong Shu Qi [Ahli PAC]: Tetapi hanya satu juta hektar yang boleh ditanam balik dan dijadikan sebagai kawasan ladang hutan, betul?

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: 2.28 juta adalah kawasan yang kita bagi lesen untuk ladang hutan, okey? Daripada 2.28 juta itu, hanya satu juta yang telah dikenal pasti *is plantable area*. Manakala selebihnya adalah kawasan yang *unplantable area*.

Puan Wong Shu Qi [Ahli PAC]: Jadi, pokok di sana masih boleh ditebang dan hasilkan sebagai balaklah?

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: Ya.

Puan Wong Shu Qi [Ahli PAC]: *So*, dia boleh jalankan pembalakan tetapi tidak payah tanam balik?

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: Tidak, tidak. Bukan. Maksudnya satu juta hektar ini adalah merupakan kawasan ladang hutan. Kalau kawasan ladang hutan sistem penebangannya adalah secara *clear-felling* sebab ia mewujudkan satu kawasan ladang. Manakala selebihnya yang tidak

dijadikan sebagai kawasan ladang tadi dalam kawasan tersebut, kita tidak benarkan. Dia kena ikut skim pembalakan bersistematik yang lain yang mana kita dah ada *Forest Management Plan, follow the Forest Management Plan* sendiri.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Helo. Ingin tanya juga berkenaan dengan pembalakan. Setahu saya, semasa pembalakan dijalankan ada *certain portion* ataupun sebahagian daripada hasil balak tersebut akan dibagi ataupun diperuntukkan untuk projek CSR komuniti setempat. Di Saratok ada saya rasa, mereka ada buat jambatan. Jadi, kalau pada keseluruhannya di Sarawak, berapa banyak kutipan khas ini yang telah dikutip? Adakah penduduk setempat ataupun komuniti setempat di kawasan tersebut pada keseluruhannya mendapat balik duit ataupun kutipan khas yang sepatutnya untuk mereka itu? Kutipan apa jenis nama saya pun tidak berapa pasti. Mungkin ses yang tadi. Saya pun tidak pasti. Tetapi macam manakah kutipan itu dibuat, berapa banyak dan adakah ia sudah dibagi semula kepada penduduk setempat?

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Di Sarawak, untuk pencukaian ia mempunyai banyak pecahan. Selain daripada yang royalti itu, yang besar itu cukai balak, kita juga mempunyai kita panggil ses lah, ses yang kita pungut. Apa yang dibangunkan oleh Yang Berhormat tadi adalah ses untuk pembangunan. Memang ada satu *portion* yang kita – RM10 ya? RM10 untuk setiap satu kubik. *I don't have a data here but* kita ada maklumat ini.

Di Sarawak ia ada satu jawatankuasa ses yang diketuai sendiri oleh Yang Amat Berhormat Premier dan juga ahli-ahli jawatankuasa. *I think* yang kebanyakannya Yang Berhormat ADUN lah yang duduk dalam jawatankuasa tersebut. Kita menerima semua projek pembangunan masyarakat setempat. Selalunya pihak residen dan juga pejabat daerah lah yang akan datang dengan cadangan-cadangan projek di kawasan masing-masing. Hasil daripada inilah yang akan dibahagikan kepada semua pejabat residen dan juga pejabat-pejabat daerah termasuk juga Jabatan Hutan untuk kita melaksanakan projek-projek pembangunan komuniti.

Di samping itu juga, dalam satu *portion* daripada cukai yang kita laksanakan, ada satu ses yang kita panggil ses pembelajaran, pembangunan pembelajaran. RM50 untuk satu kubik yang kita ambil untuk kita serahkan kepada Yayasan Sarawak. Ini agak besar sebenarnya, agak besar yang melibatkan sekarang ini mungkin pungutannya adalah mungkin dah RM1 bilion lah dalam tempoh beberapa tahun yang lalu. Kita dah mungkin menerima RM1 bilion yang mana hasil ini kita pulangkan balik kepada anak-anak Sarawak untuk pendidikan, *scholarship*. Apalagi

untuk memberi mungkin peluang *free education by* 2026 ya seperti yang diumumkan oleh YAB Premier kamilah.

■1550

So, hasilnya kita pulangkan balik *especially* untuk anak-anak Sarawak lah, untuk pelajaran mereka. Terima kasih.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Datu, saya tadi ada tanya tentang hasil yang didapat oleh kerajaan negeri dari segi pembalakan. Boleh bagi *for the past five years*?

Encik Semilan Anak Ripot [Jabatan Hutan Sarawak]: Boleh saya bantu?

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: *I don't have*– saya ada, tetapi mungkin *my* timbalan Encik Semilan mempunyai data ya.

Encik Semilan Anak Ripot [Jabatan Hutan Sarawak]: Untuk tahun 2020, kita mengutip kurang lebih– daripada RPC *(revenue premium cess)* yang dikutip dari balak yang dikeluarkan daripada kawasan PFE dan *state land*. *Total around* RM314 juta untuk tahun 2021. 2022 *is around* RM326 *million*, 2023 *is around* RM340 *million*. Okey yang 2019, 2018 saya tiada data sini. *But around* RM300 *million*.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Ini adalah kutipan hasil oleh kerajaan negeri, dia bukan nilai balak tersebut, kan?

Encik Semilan Anak Ripot [Jabatan Hutan Sarawak]: Bukan, ini adalah hasil daripada kutipan cukai dari balak yang dijual.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Kalau katakan nilai balak tersebut, agaknya berapa? Sebab *from the tax we should know, from the tax.*

Encik Semilan Anak Ripot [Jabatan Hutan Sarawak]: Okey, *there are since*– boleh Datu, saya jawab. Okey, *there are two categories when we do* cukai. *When* kita ambil cukai, kalau kegunaan tempatan, ianya kurang lebih untuk tahun 2023, kurang lebih RM121 per kubik meter, *all species. Another one is* kalau dia *export* adalah 146 per kubik meter untuk balak eksport. *So, last year we are produce around 2.26 million* kubik meter.

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: Saya ingat mungkin maksud Yang Berhormat adalah dari segi nilai hasil barangan tersebut, kan? Kami ada data sebenarnya tentang eksport *earning*, bila dia ada eksport. Ini dibuat oleh pihak STIDC. *It's about RM3.5 billion*. Kita punya *target by* 2030 dalam PCDS 2030, *we try to achieve RM8 billion* daripada hasil-hasil *timber* ini.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Cuma nak, saya tak berapa tahu fasal industri pembalakan ini. Boleh tak menerang sedikit, memberi gambaran proses perolehan pembalakan itu sendiri. Sekarang dimaklumkan bahawa ada 52 syarikat yang buat pembalakan. Jadi, proses perolehan untuk mendapat permit bab-bab industri pembalakan ini macam mana? Boleh cerita sedikit tidak?

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: Proses untuk mendapatkan lesen? Macam mana?

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: *How does the process works*? Kalau misalnya kat situ ada kawasan untuk pembalakan, adakah proses perolehan itu kerajaan akan pamerkan di surat khabar, contohnya? Ada 40,000 hektar untuk pembalakan ke, atau macam mana?

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: *Concession*, oh. Pemilikan konsesi balak lah. Sebab kita di Sarawak tidak mengamalkan sistem tender terbuka untuk pemilikan kawasan-kawasan konsesi di negeri Sarawak. Ianya terbuka kepada sesiapa sahaja– boleh memohon mereka mengetahui ada kawasan-kawasan yang kosong sebenarnya di Sarawak ini. Mereka boleh memohon dan kita di peringkat jabatan akan memproses semua data, dokumen yang ada dan juga kita merujuk kepada agensi-agensi lain juga lah yang berkenaan dengan pemilikan tanah, status tanah dan sebagainya diproses di peringkat jabatan. Sebab itu kita akan angkatkan permohonan tersebut kepada menteri. Ia banyak di peringkat menteri. Kami kalau untuk jabatan, kementerian kami adalah terus kepada Yang Amat Berhormat Premier sendiri lah. *So*, beliau mempunyai kuasa untuk menentukan kawasan-kawasan tersebut sama ada diberi lesen pembalakan ataupun sebagainya. Tetapi bagi kawasan-kawasan pemilikan sendiri, tanah sendiri, milik komuniti dan sebagainya, ada satu jawatankuasa khas yang dibentuk di kerajaan negeri yang mana ahli jawatankuasanya terdiri daripada kebanyakan semua agensi-agensi di negeri Sarawak. Mereka yang akan memberi komen tentang sesuatu kawasan tersebut, sama ada kawasan tersebut boleh diberi lesen pembalakan ataupun tidak.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Adakah itu membawa erti seseorang individu itu boleh memiliki tanah, hutan...

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: Boleh.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Boleh. Maknanya ada hutan-hutan simpan kekal dimiliki oleh individu?

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: Boleh.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Boleh dibelilah maknanya? Boleh dimiliki?

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: Boleh dimiliki. Boleh dimiliki dengan syarat ia memenuhi semua syarat yang ditetapkan oleh lesen dokumen tersebut dan juga mereka membayar semua percukaian dan juga yuran-yuran yang telah pun kita tetapkan. Boleh.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Soalan berikutnya, syarikat yang nak menjalankan pembalakan ini yang memohon konsesi itu ada syarat-syarat utama tak yang perlu dipenuhi sebelum kelayakan itu diberikan kepada mereka?

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: Ya, sudah pasti kita akan melihat keupayaan syarikat tersebut untuk melaksanakan. Kita akan melihat dari segi *financial year*, dari segi keupayaan *machineries,* dari segi pengalaman. Sebab kita sekarang ini– sebab ini sekarang peringkat dah lama pembalakan. Mungkin kita dah dapat mengenal pasti sebenarnya mana-mana syarikat yang mempunyai keupayaan. Sebab kita tidak mahu mana-mana syarikat yang tidak ada keupayaan, tak ada pengalaman bila melaksanakan operasi pembalakan ini, mereka akan merosakkan ekosistem hutan kawasan kita.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Ok, *last-last*. Dalam perancangan kerajaan negeri, berapa keluasan yang masih *available* untuk dipohon konsesi pembalakan?

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: *[Ketawa]*

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Oleh sebab setiap rakyat Malaysia itu berhak untuk memohonkan? Jadi, makluman ini berapa kawasan lagi yang *available* untuk rakyat Malaysia ataupun rakyat di negeri Sarawak untuk memohon.

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: *[Ketawa]* Okey, saya bagi *roughly* sebab *I don't have the figure.* Kawasan lesen kita lebih kurang empat juta yang telah pun dilesenkan sama ada untuk lesen jangka panjang, jangka pendek lesen yang telah pun dipersijilkan juga kawasan-kawasan ladang hutan. Dia banyak kategori lesen-lesen ini lah. *All in all is about four million. So,* kita ada 7.65 juta hektar. Tolak lah kawasan satu juta hektar NCR, mungkin tak boleh. Mereka juga boleh memohon sebenarnya NCR ini untuk di balak. *So,* maknanya *this is about balance is about two million.* Kat mana yang dia ada kosong itu, kena cari sendiri lah. *[Ketawa]*

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Terima kasih.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Susulan pembalakan tadi yang dikeluarkan lesen adalah sebanyak lebih kurang 4.09 juta hektar. Ini adalah kesemuanya 76 lesen yang dikeluarkan. Sebagai gambaran kita semua, keluasan negeri Kedah adalah kurang daripada satu juta hektar. Kawasan balak yang ada di Sarawak ini lebih empat juta hektar. Jadi yang saya faham hari itu, semasa PAC yang pertama kita mungkin mengurangkan kebergantungan kepada hasil balak untuk negeri Sarawak. Tetapi tadi Tuan Pengarah memberitahu bahawa kita *target* RM8 juta menjelang tahun 2030.

Seorang Ahli: RM8 bilion.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: RM8 bilion menjelang tahun 2030.

■1600

Jadi, banyak yang kita nak capai dalam masa lebih kurang enam tahun ini. Saya ingat hari itu kita makin berkurangan bergantung tetapi nampaknya *target* kita lebih tinggi lagi. Jadi, tidakkah itu menampakkan arah hala tuju yang saya rasa mungkin tidak— *not sustainable*. Minta komen *sustainability of the* RM8 bilion menjelang tahun 2030 itu.

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: Biar saya jelaskanlah tentang ini. Memanglah daripada awal dari dahulu lagi kawasan lesen. Kawasan yang telah pun dilesenkan *it's about RM2 million cubic meter* keseluruhannya. Memang daripada segi strategi Kerajaan Sarawak pada masa ini kita untuk mengurangkan kadar tebangan. *So*, kita lihat daripada segi rekod-rekod yang kita adapun. Kalau kita lihat pada 2020, kita boleh menghasilkan 6 hingga 8 juta *cubic meter*. Apabila kita membuat perancangan semula bahawa kita perlu nak seimbangkan balik dari segi pembangunan dan juga kelestarian alam ini dan kita telah pun merangka bahawa Sarawak perlu mengurangkan kebergantungan kepada hasil pembalakan menebang pokok dan sebagainya.

Juga kita melihat bagaimana kita melihat hutan untuk satu sumber yang lain selain daripada menebang pokok. Sebab itu kalau kita lihat daripada segi rekod kita, isi padu penebangan yang kita laksanakan sekarang ini sangat-sangat menurun. Daripada lapan juta, lima juta, empat juta. *Last year is only 2 million cubic meter*. Itu apabila kita membuat unjuran, *2 million cubic meter* adalah *sustainable* untuk paling awal pun 15 tahun. Kalau kita dapat RM320 juta *revenue* daripada hasil balak dengan 2 juta cubic meter. *That is very good also* untuk *sustainable*.

Selain daripada itu, bagaimana kita nak dapatkan RM8 billion? Kan *contradict. So*, kita melihat perhutanan ini dari segi *revenue* yang lain. *Forest beyond the timber*. Sebab itu kita sekarang lebih kepada *how we want to make a* hutan ini dari segi *ecotourism*. Banyak agensi sekarang ini mempromosikan kawasan-kawasan hutan untuk rekreasi dan juga bagaimana kita nak bawa pelancong-pelancong luar untuk melihat kawasan-kawasan hutan. *Is it* dari segi *tourism*?

Kedua, kita juga dari segi karbon inisiatif sekarang ini. *That is why* kita dah menggubal undang-undang kita. Menggubal Kanun Tanah dan juga sebagainya untuk membolehkan kita melaksanakan perdagangan karbon. Sekarang ini kita banyak dah berbincanglah tentang bagaimana kita nak menghasilkan hutan ini untuk hasil daripada karbon, dari kawasan-kawasan hutan ini. Kalau kita lihat daripada segi penebangan, walaupun kawasan kita luas untuk dah dilesenkan, hanya kita masih tertakluk juga *annual cutting limit*. AAC ya. *Annual Allowable Cut* yang telah pun ditentukan oleh Majlis Tanah Negara (MTN).

Di Sarawak *is 145,000 hectare* sahaja dibenarkan tetapi kami tak tebang pun sampai 145,000. *Last year (2022) only* 48,000 hektar daripada 145.000 ha ACC. Hanya kita buat 48,000 hektar sahaja sebab kita sekarang ini telah pun melaksanakan pensijilan hutan. Dulu kita benarkan. Kalau sebelum pensijilan mungkin dalam sembilan hingga 12 pokok dalam satu hektar. Apabila pelaksanaan pensijilan ini, kita hanya benarkan empat hingga lima pokok dalam satu hektar. Di samping itu, kita mempergiatkan proses-proses *enrichment planting* dan juga penanaman di kawasan-kawasan yang tersebut. Saya harap ini dapat menjawab soalan Yang Berhormat.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Tadi ada disebut mengenai RUU pasal *carbon trading* itu. Untuk makluman PAC, mungkin kita nak minta pencerahanlah daripada Sarawak pasal RUU yang dibuat itu*, carbon trading* itu sebab Semenanjung belum buat lagi. *Federal* belum buat lagi. Mungkin Sarawak boleh dijadikan sebagai satu contohlah supaya dia boleh ditambahkan di seluruh Malaysia. Saya rasa Sabah sudah tetapi nampaknya sebab isu tadi ada RM8 bilion itu. Macam mana boleh mendapat unjuran RM8 bilion itu padahal tebangan kita berkurangan?

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: Ya, betul. Kalau kita lihatlah. *That's why* kita nak *diversified* dia punya *revenue* itu dari segi perhutanan. Bukan hanya dari segi *timber* sahaja. Kita nak lihat juga dari segi *value added* daripada produk. Hasil-hasil yang kita dapat sekarang ini kebanyakannya mungkin dari segi *logs. Raw material logs*. *Sawn timber* juga *plywood*. Jadi, kita lihat Sarawak perlu mengubah strategi dan industrinya kepada *value added* yang lebih mahal. Produk-produk yang lebih mahal. Ini yang sekarang telah pun difikirkan oleh pihak industri di negeri Sarawak *all the value added*. Mungkin kalau kita jual yang *raw material* dalam RM2 bilion, mungkin apabila dah jadi *value added*. Mungkin boleh meningkat kepada RM4 bilion.

Seterusnya, daripada segi karbon. Sebabnya mungkin kita sekarang belum nampak sebenarnya *what is dollar and cents from carbon* ini lah. Tetapi kita lihat dia punya potensinya adalah sangat-sangat baik apabila kita melihat daripada segi keadaan semasa sekarang inilah yang telah pun banyak dibincangkan di peringkat antarabangsa bahawa karbon ini. Usaha-usaha, inisiatif-inisiatif karbon ini adalah merupakan salah satu daripada usaha untuk menangani *climate change,* mitigasi perubahan iklim. Di mana kawasan-kawasan hutan dipercayai boleh mengurangkan *[Disampuk]* karbon di udara. Jadi, mana-mana kawasan yang kita ada, kita cuba *preserve*. Cuba *preserve* supaya ia nya dapat menyerap karbon-karbon, menyimpan karbon ini dalam sama ada dalam pokok dan juga di bawah tanah. Ini yang kita dapat perdagangkan kepada pihak yang memerlukan terutama sekali negara-negara yang industri. *Even Singapore* sekarang, *they are very aggressive to come to* Sarawak.

Bertanya tentang *certificate carbon* ini. Cuma kami agak inilah sebab betullah seperti Yang Berhormat cakap, hanya Sarawak sahaja yang telah membina platform inilah.

Kita masih lagi berbincang di peringkat sama ada kerajaan negeri dan juga Persekutuanlah mengenai perkara ini. Kalau saya nak memberi penerangan tentang perdagangan karbon ini, *I think this is one of the subject matter*. Saya telah pun membincangkan. Kami telah memberi presentasi ini pada Jumaat yang lepas kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di kementerian beliau tentang *forest carbon project* di Sarawak. *I think it took us about one hour* lah untuk ini nak bagi. Kami boleh memberi secara— kalau dimintalah untuk memberi secara *detail* tentang apa *what is the carbon initiative*, perundangan dan juga sebagainya.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Kalau boleh Tuan Pengerusi, saya minta supaya Tuan Pengarah *share slide* tersebutlah kepada kami. Mungkin tak *dan* satu jam tetapi *at least we can read* lah.

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: Baik. Saya ada yang ini. Mungkin kita boleh *share* lah atau pun dapatkan ini nanti secara ini.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Tadi Tuan Pengarah ada *share* tentang *Annual Allowable Cut*. Boleh terangkan sedikit tentang polisi tersebut sebab kita nak tahulah bagaimana ia *how it works*?

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: *Annual Allowable Cut* ini adalah satu yang telah pun— bukannya satu yang inilah ketetapan yang dibuat oleh Majlis Tanah Negara di mana dalam Majlis Tanah Negara ini semualah semua negeri daripada Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Kita membuat pengiraan masing-masing tentang berapakah jumlah kawasan yang kita benarkan untuk dibuat pembalakan untuk jangka masa lima tahun. Selalunya dalam RMK lah. Untuk Sarawak *is* 145,000 hektar ACC. *I don't know the Peninsular is*— berapa ya?

Encik Semilan Anak Ripot [Jabatan Hutan Sarawak]: Sarawak, 120. *Can I add in...[Tidak jelas]*

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: 120? 120.

■1610

Encik Semilan Anak Ripot [Jabatan Hutan Sarawak]: *Can I add in? So,* konsep AAC yang ditanya Yang Berhormat, dia kurang lebih macam ini. *Total* PFE yang ada di Sarawak, yang *productive forest* dibahagi dengan kurang lebih 25 tahun. Dalam masa 25 tahun ada lah saiz suatu kawasan itu. Selepas suatu kawasan itu, ianya berbeza tentang produktiviti ataupun *Mean Annual Increment* ataupun dengan kata lain macam duit kita di bank lah. Kita ada RM1,000 duit di bank, *interest*-nya

sahaja yang kita ambil, yang kita tebang, Dengan harapan selepas 25 tahun lagi, *interest* itu akan ada lagi, kita akan tebang lagi. Itulah konsep dia. Okey. *Is it clear?* Kita tebang— kita tidak ambil *capital* dia. Kalaulah *take example* MAI di satu-satu kawasan adalah satu *cubic meter per hectare*. Kalau kita– kalau kawasan itu 1,000 kita akan ambil MAI *for harvestable tree*-nya 1,000 yang kayu yang boleh diambil daripada kawasan itu. Itulah konsep AAC itu. Kita hanya ambil *interest* dia sahaja. Bunga dia sahaja. *Capital* tidak ambil. Okey. *Thank you.*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Okey, YB Betong.

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi. Soalan tambahan seterusnya mengenai litupan hutan. *I think forest coverage of 62 percent.* Betul kah tidak ianya termasuk tiga komponen ini adalah kawasan hutan kekal, *state land* dan tanah NCR? Betul ya dan soalan saya mengenai— daripada itu, komponen NCR, berapa peratus kah yang *contribute* kepada litupan hutan ini sebab contoh macam kawasan saya, kawasan Saratok memang banyak tanah NCR yang lebih 50, 60 tahun memang tak pernah ditebang. Memang dah jadi *primary forest.* Balaknya besar kebanyakannya di sana. Soalannya, *how many percent contributed by* tanah NCR? Ini merujuk kepada soalan seterusnya yang mengenai RUU yang baru di– RUU Hutan (Pindaan) 2022 mengenai *carbon credit* itu tadilah.

Bagi tanah NCR tersebut, sekiranya saya rasa banyak lagi yang belum dikeluarkan permit, di-*survey* melalui seksyen 18 untuk mendapatkan surat tanah. Apakah implikasi dia nanti sekiranya satu-satu kawasan tersebut ingin dilaksanakan untuk *carbon storage* ataupun *carbon credit* itu? Sebab ianya banyak dia punya prosedur dan proses sekiranya pemilik-pemilik tanah tersebut ingin untuk melibatkan diri dalam *green energy* ini. *So,* mohon pencerahan dari segi itu. Terima kasih.

Datu Haji Hamden bin Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: Okey, betul. Dari segi keseluruhan kawasan berhutan, litupan hutan, memang kita juga mengambil kira tanah-tanah NCR. Mana-mana kawasan tanah-tanah NCR yang masih dalam kawasan litupan hutan juga meng-*contribute to 62 percent.* Saya tidak mempunyai data lah tentang tanah NCR yang telah dibuka tetapi saya dimaklumkan lebih kurang dalam *1.6 million hectare* tanah-tanah NCR yang dikenal pasti di negeri Sarawak. Tetapi saya tak begitu pasti berapa banyak kawasan yang telah pun ditanam untuk *oil palm. Oil palm plantation.* Mungkin dalam sekitar 800,000 hektar. Maknanya ada separuh lagi 800,000 hektar lagi yang belum dibuka seterusnya. *This is contributed to the forest cover* di negeri Sarawak.

Kita memang membenarkan kawasan-kawasan NCR untuk– *for green project*, projek-projek karbon kita. Sebab itu dalam perundangan yang kita hendak

buat ini, *at least* 100 hektar. Mana-mana tanah yang seluas 100 hektar boleh memohon untuk mendapatkan lesen karbon. Bawah daripada itu mungkin tak begitu *economical* sebab banyak proses yang perlu dilaksanakan. Dari segi pemilikan tanah tadi, bukan hanya seksyen 18 Kanun Tanah yang kita benarkan untuk projek-projek karbon ini. Mana-mana tanah yang masih dalam seksyen 6 pun kita pertimbangkan sebab kita telah pun mengenal pasti komuniti setempat yang memiliki kawasan-kawasan tersebut, walaupun belum disukat secara individu di bawah seksyen 16 seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat tadi.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Ini– soalan berkenaan dengan *socio economy benefit.* Keuntungan sosioekonomi penduduk setempat selama ini daripada aktiviti pembalakan, ladang hutan. Apakah pandangan Tuan Pengarah mengenai status pencapaian kita untuk mengangkatkan sosioekonomi penduduk setempat yang terlibat di dalam pembalakan ladang hutan, apa-apa yang terlibat dengan hutan di Sarawak ini. Sebab yang saya nampak lah, yang keuntungan untuk penduduk setempat memang mungkin tidak mencapai kepuasan kita lah.

Dalam *survey* tersebut mengatakan 89 peratus penduduk setempat memang tak puas hati. Jadi, hutan adalah *resources* yang besar untuk Sarawak dan yang pertama patut mendapat keuntungan daripada hutan tersebut adalah orang yang berdekatan dengan hutan tersebut. Itu pandangan saya. Jadi, apakah pandangan Tuan Pengarah mengenai apakah keuntungan kepada penduduk setempat, pembalakan balak ladang hutan yang kita telah buat selama ini? Itu soalan cepu emas itu. *[Ketawa]*

Datu Haji Hamden bin Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: Soalannya *direct* tetapi sangat sukar untuk dijawab sebenarnya. *[Ketawa]* Mengenai tentang keseluruhan bagaimana– adakah sektor perhutanan terutama sekali pembalakan memberi *benefit* kepada sosioekonomi penduduk tempatan. Kami di Jabatan Hutan sedaya upaya untuk mengurus kawasan-kawasan hutan ini dari segi tiga *pillar* itulah; untuk memastikan dari segi ekonomi, hasil-hasil ini dapat memberi manfaat kepada rakyat dan negeri Sarawak lah.

Keduanya adalah dari segi *environment* lah. Dari segi *environment,* keseimbangan, kita tak lah nak tebangkan kawasan hutan semua keseluruhannya. Kita nak *balance* supaya masyarakat ini dapat kelestarian untuk di masa akan datang. Yang ketiganya adalah dari segi sosial. Sosial tadi inilah. Adakah perhutanan ataupun sektor perhutanan yang kita uruskan ini dapat memberi *benefit* kepada sosial penduduk di kawasan tersebut. Memang kalau kita lihat secara keseluruhannya kita hendaklah mendapatkan hasil-hasil daripada hutan ini bukan sahaja dari segi hasil pembalakan itu sendiri tetapi juga hasil-hasil yang lain. Dari

segi *ecotourism*-nya, dari segi manfaat-manfaat yang lainnya. Dari segi kebaikan ekosistem hutan itu sendiri. Okey.

Kita lihatlah hasil yang telah pun dipungut oleh kerajaan telah pun dipulangkan balik kepada kerajaan negeri. Kerajaan negeri memberi balik hasil-hasil ini kepada pembangunan-pembangunan di sesebuah kawasan. Pembinaan jalan, pembinaan klinik dan sebagainya. Mungkinlah ia tidak sebegitu spesifik dan detil kepada penduduk sesuatu tempat sebab negeri Sarawak adalah sebuah negeri yang sangat besar. Kita boleh lihatlah bagaimana hasil-hasil ini kita dapat serahkan balik kepada penduduk Sarawak terutama sekali dari segi pendidikan lah.

■1620

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: Saya boleh nampak dari segi pendidikanlah yang kalau saya inilah sebab sekarang ini hasil-hasil ses hutan ini telah pun dapat dinikmati oleh anak-anak Sarawak sendiri. *I think almost all of them can get the*— kalau tidak *scholarships* sepenuhnya, *at least a* pinjaman— separuh pinjaman untuk pendidikan ke universiti. Seperti itulah yang telah pun dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Premier kami bahawa pada tahun depan— *no*, tahun 2026, semua anak Sarawak akan mendapat pendidikan percuma sehingga ke peringkat universiti. Itu adalah hasil yang kita yang dapat nak tengoklah.

Keduanya, dari segi infrastruktur yang telah pun dibina oleh pembangunan, sektor perhutanan inilah. Jalan-jalan pembalakan yang pada asalnya adalah jalan-jalan pembalakan yang digunakan untuk mengeluarkan hasil-hasil pembalakan. Sekarang ini merupakan jalan-jalan utama apabila ia telah pun di-*upgrade* ya, oleh pihak-pihak kerajaanlah— telah membuka kawasan-kawasan tersebut untuk pembangunan ekonomi yang lain. Sebab kawasan-kawasan yang belum dibuka untuk oleh jalan-jalan pembalakan kita boleh lihat memang agak lambat pembangunan di kawasan tersebut, memang agak lambat.

Apabila kawasan-kawasan itu telah dibuka oleh jalan pembalakan sebagainya, dan kita boleh lihat bagaimana kerajaan masuk ya, untuk membangunkan atau *upgrade* mana-mana kawasan tersebut untuk pembangunan keseluruhan Sarawak. Itu sahaja yang saya dapat jawab. Mudah-mudahan ia dapat sedikitlah memberi ini. Terima kasih.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Terima kasih Tuan Pengarah. Ini kerana keluhan daripada penduduk setempat yang terkesan daripada kegiatan aktiviti pembalakan tersebut, memang kita dengarlah di banyak tempat mereka mengeluh. Untung banyak, tapi tak sampai kepada orang yang terkesan daripada aktiviti pembalakan tersebut.

Jadi, pada pandangan sayalah, syarikat pembalakan mesti mengeluarkan kenyataan bahawa *employment* pekerjaan tersebut mesti mengutamakan orang yang terkesan itu. Jangan fikir nak ambil *labour,* buruh pada tempat luar dan gaji pun mestilah setaraf dengan gaji Malaysia. Jangan gaji dengan orang yang luar macam Indonesia sebab kadang-kadang orang tidak mahu kerja ni sebab gaji dia kecil. Jadi tak boleh *compare*-kan gaji orang luar ini dengan gaji kita.

Jadi, kita nak memastikan *benefit* yang maksimum kepada penduduk yang terkesan tersebut. Mungkin, mungkinlah sebahagian daripada ses ini— daripada RM1 bilion itu khas kepada mereka yang terkesan ini. Saya rasa ini boleh dibuat, dicadangkan. Memang kita pernah cadangkan pun di Dewan Undangan Negeri dulu masa saya jadi ADUN *[Ketawa]*. Tapi itulah. Daripada masyarakat setempat itu, memang mereka hendakkan sebahagian daripada hasil tersebut *directly* kepada mereka.

Memang keseluruhan Sarawak memang ada keuntunganlah. Itulah pandangan sayalah.

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: Saya bersetuju dengan pandangan ini Yang Berhormat bahawa hasil-hasil yang dikeluarkan daripada kawasan-kawasan ini dipulangkan balik kepada penduduk setempat. Memang saya setujulah. Kita— saya ingat Ahli-ahli Parlimen ataupun juga ADUN di Sarawak pun banyak menyuarakan perkara-perkara ini ke pucuk pimpinan negerilah dan bagaimana mereka hendak membangunkan kawasan luar bandar.

Sebab itu kalau kita lihat perbelanjaan bajet Sarawak pada tahun ini, 2024 ini kita lihat *I think more than 70 percent* adalah diunjurkan untuk pembangunan luar bandar ya, termasuk jugalah di kawasan-kawasan yang hulu ini *especially* di Baram lah. Kita boleh lihatlah YB, YB pun sendiri fahamlah kawasan Baram ini merupakan kawasan yang agak terpencil, agak mundur dan sebagainya. *How we want to* buka kawasan ini untuk membangunkan masyarakat di kawasan Baram ini. Tanpa pembangunan saya ingat bukan sahaja tidak ada *infrastructure*, dari segi pembangunan insaniah pun mungkin tidak akan tercapai.

Oleh sebab itu, pembangunan ini kena menyeluruhlah, menyeluruh. Itulah kita hasrat kerajaan negeri melalui kepimpinan yang adalah untuk pergi kepada kawasan-kawasan luar bandar.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Pengerusi, saya nak tanya Tuan Pengarah. Daripada tanah-tanah hutan yang ada, adakah kerajaan negeri dapat kesan REE ke tidak? *Rare Earth?*

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: *I am not aware of that-lah [Ketawa].* Saya tak pasti REE. Mungkin kalau adalah JMG sini daripada Jabatan Mineral mungkin boleh memberitahulah.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Boleh jawab ke?

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: Saya, saya...

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Sebab di Semenanjung memang kita terkesanlah ya, REE.

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: Ya?

Seorang Ahli: Balik?

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: Saya tak pasti. Saya tidak ada maklumat tentang itu, minta maaf. Kami pun tidak ada wakil daripada Jabatan Mineral dan Galian daripada Sarawak untuk memaklumkan. Tetapi kalau galian-galian yang lain banyak. Bauksit, macam arang batu dan sebagainya. *I think* banyak lagi sebenarnya di sana. Kalau REE itu, saya tak begitu pastilah.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Soalan terakhir kah?

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Jangan akhirlah Saratok. Saratok ini jangan terakhir.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Lepas Kubang Pasu, Saratok. Apa, Betong ada? Satu ada?

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: Ada, ada, ada.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Kau orang Sarawak, *last*-lah.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Bagi ini, *alright.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi. Saya nak bertanya dengan Datu Haji Hamden ya, Pengarah Jabatan Hutan Sarawak.

Saya nak menyentuh tentang isu nombor dua, penubuhan ladang hutan. Yang nombor satu itu mempergiatkan usaha penanaman ladang hutan, pertambahan kawasan daripada 50,000— 52,000 hektar ya? Tahun 2021? Betulkah 5.2? Ertinya 52,000 hektar lah ya, kepada 58 ataupun 580,000 – 2023, satu penambahan dekat banyak peratus itu.

Kenapa dia peningkatan begitu tinggi Datu? Itu pertama. Keduanya, saya nak bertanya tentang spesies yang akan ditanam ataupun pokok-pokok yang dia akan ditanam dalam ladang hutan ini. Disebutkan nombor lima itu, penubuhan pusat penyelidikan khas bagi kajian ladang hutan dan spesies pokok ladang hutan oleh *Industrial Forest Research Centre.*

Adakah kajian ini sedang berjalan ataupun belum berjalan ataupun sudah pun mendapat hasil daripada kajian berkenaan? Saya percaya dalam senarai spesies

yang mungkin akan dikenal pasti itu dia akan termasuk juga *Timber Latex Clone* (TLC) yang mana kita tanam pokok ni dia— batang dia luruslah. Dia tak banyak *branches*. *This is hard laboratory research* punya klon ya.

Dan, selepas enam, tujuh tahun dia boleh ditoreh, dapat susu. Kemudian 15 tahun, boleh ditebang dan dapat hasil yang baik daripada balaklah. Itu yang saya faham tentang TLC ini. Mohon pencerahan daripada Datu. Terima kasih.

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: Terima kasih Yang Berhormat. Tentang pertambahan kawasan penanaman yang saya sebutkan dalam pembentangan saya iaitu daripada 520,000 hektar pada tahun 2021 kepada 58,000— 580,000 hektar pada tahun 2023. Ada pertambahan dalam 60,000 hektar. Memang agak besar tapi disebabkan— inilah yang kita lihatlah hasil inisiatif kita secara agresif ya apabila kita memanggil semua pelesen untuk mereka membuat— melihat semula pelan penanaman mereka inilah dalam tempoh tiga tahun ini, kita telah pun memaklumkan kepada pelesen supaya mereka melaksanakan secara agresif penanaman di kawasan masing-masing.

Kalau tidak, kita akan mengambil tindakan sama ada kita gantungkan lesen mereka ataupun kita akan tarik balik lesen. Kita akan melihat *progress planting* pelesen-pelesen ini. Sebab itu kita lihat sekarang ini pelesen-pelesen ini agak giat melaksanakan penanaman pokok-pokok di kawasan masing-masinglah. Kita mempunyai kawasan yang luas daripada 52 lesen. Disebabkan itu, dia boleh *contribute...*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Datu, tambahan daripada situ. Selalunya lesen ini dia dapat keluasan besar mana untuk dibuat ladang hutan? Tentang lesen yang diberikan?

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad

[Jabatan Hutan Sarawak]: Dia pelbagai. Daripada— paling kurang *is* 20,000 hektar. Paling kurang. Ada yang 80,000 hektar, ada yang 100,000 hektar pun ada. 100,000 hektar pun ada. Okey, itu yang pertama. Yang kedua tadi ada spesies. Dari segi spesies, ladang hutan ini dia banyak spesies sebenarnya. Kalau di Semenanjung ada 11 spesies yang kita benarkan ya.

■1630

Begitu juga di Sarawak, banyak spesies. Yang paling popular adalah *Acacia Mangium, Eucalyptus,* kelempayan – apa lagi? Benuang dan banyak spesies-spesiesnya dan memang kita buat kajian. Kita buat kajian di pusat penyelidikan kami, *Industrial Forest Research Centre* (IFRC) dan juga kita berkolaborasi dengan pihak luar, dengan Vietnam; China dan; juga Indonesia.

Terutama sekali Vietnam ya. *Vietnam is very aggresive* dalam membuat penyelidikan ladang hutan ini dan kita dapati, ada spesies– di Vietnam ini adalah

spesies yang paling baik setakat ini. Ia membuat *cross-cutting,* yang membuat *cross-breeding*...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Acacia* dengan *Eucalyptus* itu dah ditanam ke ataupun masih dalam...

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: Sudah ditanam. Sudah ditanam.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Saya agak *familiar* dengan *Eucalyptus* ini sebab ada sebuah syarikat daripada negara China. Dia buat *flooring* di– kita punya kawasan industri di Sungai Petani *and* dia sendiri sedang tanam pokok-pokok ini, 500 ekar di ladang tertentu. Yang ini satu– saya rasa *demand,* permintaan yang agak tinggi..

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: *Eucalyptus.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Eucalyptus* sebab *flooring* dia cantik.

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: *Eucalyptus* adalah satu spesies yang sangat digemari oleh Jepun.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Ah, *yes.*

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: Sebab ia sangat baik untuk *plywood, especially Eucalyptus pellita (Ep)* yang mana ia memberi satu lapisan yang sangat putih, yang sangat digemari oleh pihak Jepun.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Kalau *you have problem in selling, you can tell me. I can tell them.* Dia tak cukup beli. *They can't import from China.* Dia *dok* tengah cari *supply*.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Bawa kilang pergi Sarawak lah.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *[Ketawa]* Kilang pergi ke Sarawak.

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: Yang satu lagi tentang *timber latex clone*. Memang ia merupakan salah satu spesies juga yang telah ditanam dalam ladang-ladang hutan kita dan banyak juga kawasan-kawasan di Sarawak yang sekarang ini dalam penanaman semula getah ini.

Pihak RISDA lah yang sekarang ini banyak menanam *timber latex clone* ini di kawasan-kawasan Sarawak, terutama sekali kawasan-kawasan NCR lah– menggunakan *timber latex clone species*.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, Betong. Selepas itu, Saratok.

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: Terima kasih, Datuk Wira Pengerusi. Terakhir daripada saya mengenai isu yang sama. Penubuhan ladang hutan telah dilaporkan bahawa penubuhan ladang hutan ini, nombor satu, ianya tidak produktif. Nombor dua, kos operasi tinggi. Nombor tiga, masalah buruh.

Maksudnya tadi, memang tidak *feasible and viable*-lah. Untuk meneruskan agenda ini, apakah strategi Sarawak bagi pastikan target-target yang telah dinyatakan tadi dapat dicapai dan mana-mana syarikat yang mendapat lesen untuk ladang hutan itu tadi, dia semuanya 100 peratus berjaya mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan? Itu satu.

Yang kedua ialah mengenai hasil hutan. Apakah polisi terkini? Adakah Sarawak masih membenarkan untuk mengeksport balak ataupun *sawn timber* ataupun produk hiliran? Saya nak pencerahan mengenai polisi terkini. *Thank you.*

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: Okey. Terima kasih, Yang Berhormat daripada Betong. Penubuhan ladang hutan yang tidak produktif. Inilah merupakan salah satu faktor yang saya sebutkan tadi, mengapa kita tidak mencapai peratusan ladang hutan, penanamannya. Penubuhan ladang yang tidak produktif.

Seperti yang saya sebutkan tadi, pada awal penubuhan 1990-an, kita bermula pada 1996, kalau di Sarawak. Memang pada ketika itu, penyelidikan dan pembangunan (R&D) tidak begitu dilaksanakan. Tidak ada. Kita pun tidak banyak penyelidikan dibuat terhadap spesies-spesies dan juga kawasan-kawasan untuk ditanam ini.

Disebabkan itu, pokok-pokok yang ditanam daripada awal 90-an, ia adalah satu pokok-pokok yang tidak begitu baik, tidak menghasilkan produktiviti yang kita harapkan. Sesuatu kawasan ladang hutan yang paling baik adalah boleh menghasilkan lebih kurang 150 hingga 200 kubik meter, seperti di China dan juga di Vietnam.

Akan tetapi apa yang berlaku di Sarawak pada awal penubuhan, kita hanya mendapati bahawa produktiviti kawasan ladang kita hanya 60 kubik meter, separuh sahaja. Kita– ini adalah disebabkan spesies yang kita pilih, adalah tidak sesuai dengan kawasan yang ada. Okey, iaitu penubuhan ladang yang tidak produktif pada awal peringkat ini merupakan faktornya.

Selepas daripada 10 tahun penubuhan, kita sangat giat melaksanakan penyelidikan dan juga pembangunan dan *alhamdulillah* setakat ini kita telah dapat tahu banyak spesies-spesies yang baik dan kita telah pun melaksanakan *site-matching.* Sebenarnya, spesies pokok ini, dia tidak boleh tumbuh di mana-mana lah. Kalau contohnya, *Eucalyptus* mungkin sesuai ditanam di kawasan Bintulu ataupun Miri, Sarawak tetapi ianya mungkin tidak sesuai ditanam di kawasan Betong ataupun kawasan Kuching sebab tanahnya adalah berbeza. *Thus, the site-matching* itu

sangat penting. Spesies dan juga *site*. Oleh sebab itu penyelidikan kami di Sarawak ini, institut kami melaksanakan penyelidikan ini mengenai tanah dan juga spesies-spesies yang sesuai untuk kawasan-kawasan tersebut. Okey? Itu satu.

Yang kedua tentang kos tadi, kos operasi. Memang kawasan-kawasan yang ditubuhkan ladang hutan pada awal dahulu adalah kawasan-kawasan yang jauh, pedalaman dan sebagainya. Memang jauh di pedalaman. Apabila sekarang ini proses untuk mengeluar– menuai kawasan ladang ini, ia memakan kos yang tinggi. Tidak *economic* untuk menghasilkan. Sebab itu, kita sekarang ini melihat bagaimana kita nak mengurangkan kos operasi apabila kita nak menuai hasil-hasil daripada ladang ini.

Itu yang kita cadangkan. Mungkin, kita nak benarkan *mill in the forest* ini. *Mobile machine* yang ditubuhkan di dalam kawasan ladang hutan ini untuk memproses kayu-kayu di dalam kawasan hutan tersebut. Tetapi kena fikir lah *on how* memantau supaya mesin-mesin ini tidak mem-*bulldoze* semua– *every trees* yang dalam kawasan tersebut.

Polisi eksport. Sekarang, memang Sarawak masih membenarkan eksport balak. Lebih-lebih lagi apabila selepas COVID-19– kita lihat aktiviti hiliran kita, *downstream* agak terjejas. Banyak kilang kita telah tutup, pekerja-pekerja dah lari daripada kilang-kilang tersebut. Sebab itu dari segi pemprosesan *domestic downstream* kita agak lemah dan harga pasaran untuk kayu-kayu balak sebab kita– kayu kita adalah bernilai tinggi daripada hutan asli kita. Sangat-sangat tinggi dan adalah tidak begitu bijak lah, kalau kita tidak menggunakan hasil daripada nilai yang tinggi ini.

Sebab itu, kita benarkan eksport kayu-kayu balak ini dikeluarkan daripada Sarawak. Sebab itu contohnya, kalau di tempatan mungkin hasil balak ini dalam RM600 setan tetapi kalau eksport, mungkin boleh mencapai bernilai dalam RM2,000 hingga RM2,000 lebih. Jadi, *there is a margin* terlalu besar di situ. Oleh itu, kita nak memberi peluang kepada pelesen-pelesen ini untuk mereka mendapatkan pulangan keuntungan dan sebagainya, untuk mereka memulakan balik. *Rebounce the economy of Sarawak* lah. Terima kasih.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. *Last question*.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Oh, Saratok *last,* ya. Ini berkenaan mengenai eksport balak tersebut. Okey. Sekiranya, sebahagian daripada *company* tersebut tidak memiliki FMC *certificate* tadi, adakah ia akan memberi kesan kepada nilai eksport pada keseluruhannya? Macam kita nak eksport ke pasaran Eropah di *European Union.* Mereka ini *very strict* dia orang. Saya fikir, kalau kita tak memiliki kesemua *company* yang ada FMC ini, mungkin mereka akan mengenakan sekatan.

Jadi, macam mana dengan pasaran Jepun pula? Adakah mereka *strict*? Sesiapa yang tak ada FMC ini, dia takkan beli. Kalau ada *certificate* ini, saya rasa nilai dia tadi di pasaran antarabangsa adalah jauh lebih tinggi daripada yang tak ada *certificate*.

■1640

Jadi, di manakah kedudukan Sarawak pada isu ini? *Does it affect the export value of our timber* FMC *certificate* tadilah?

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: Biar saya jawab. *[Ketawa]* Memang betul. Saya memang sependapat dengan pandangan Yang Berhormat bahawa pensijilan ini merupakan satu keperluan masa depan yang sangat-sangat diperlukan oleh *market*, pasaran ya. Mungkin pada satu ketika dahulu, ia bukan merupakan satu keperluan, mana-mana pihak boleh memperoleh balak-balak sama ada ia dipersijilkan ataupun tidak dipersijilkan. Tetapi untuk masa akan datang, *market* itu sendiri yang akan memberi satu tekanan kepada *loggers* untuk mereka mendapatkan persijilan. Di masa akan datang, mungkin kebanyakan negara terutama Eropah, *Japan* dan sebagainya, mereka akan memerlukan hanya produk-produk yang ada sijil untuk memasuki pasaran mereka. Sebab itu kita di Sarawak sangat selalu memberi maklumat ini kepada pembalakan kita supaya *have to be ready*. Kita telah tetapkan ada satu ini kita tetapkan *by 2030* semua mesti dipersijilkan. Sekarang ini mungkin ada pasaran yang masih tidak memerlukan persijilan, India, Taiwan dan sebagainya. Ada lagilah market-market ini tetapi mungkin masa akan datang ini tidak akan berlakulah. Tetapi bagi negeri kitalah di Sarawak, kita telah pun tetapkan dari segi mana-mana— untuk menggalakkan pensijilan inilah, mana-mana pihak yang membuat eksport kayu balak ini keluar daripada Sarawak yang tidak memiliki pensijilan ini kita kenakan *export rate* yang tinggi, RM130 per cubic meter.

Manakala yang ada sijil hanya macam biasa ya RM65, separuh. *So,* itu memberi satu tekananlah kepada pelesen. Kalau hendak eksport, *we have to pay more*. Sebab mereka sekarang ini dalam proses untuk mendapatkan pensijilan. Memang kita akui untuk memperoleh pensijilan ini *it's not easy work. It took them three to four years process* untuk mereka mendapatkan pensijilan. Di Sarawak, kita bukan juga melihat dari segi *market*-lah, dari segi untuk di-*market*-kan tetapi kita hendak lihat kawasan-kawasan hutan kita diurus dengan baik. Ada satu standard yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Sebab itu kita guna— *MTCC is affiliate to the PEFC* yang ibu pejabat di Geneva yang mana PEFC ini adalah satu sijil yang digunakan oleh kebanyakan negara di dunia ini. Apabila ia dah dipersijilkan maknanya negara tersebut diperakui mempunyai pengurusan hutan yang baik mengikut standard-standard yang telah pun

ditetapkan. Itu yang kalau kamilah di negeri Sarawak kita hendak dapatkan satu pengiktirafan tersebut bahawa hutan-hutan kita diiktiraf mengikut standard yang telah pun diguna pakai oleh skim pensijilan antarabangsa. Terima kasih.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Ya, ini *last, last*. Ini *last*. Ini bukan untuk hutan ini. Memandangkan ada wakil daripada NREB Sarawak ada, kenalah tanya soalan ini juga. *[Ketawa]* Macam mana dengan pandangan daripada NREB ya fasal isu buaya di Sarawak banyak sangat ya. *[Disampuk]* Buaya. Sebab di kawasan Saratok, Sungai Seblak, Sungai Kerian itu memang banyak buaya dan sehingga sekarang ini buaya itu makin bertambah. Jadi, macam mana menyelesaikan masalah isu buaya ini? Sebab saya pun sekarang ini takut mandi sungai, pergi memancing pun takut. Ini soalan yang *last* lah.

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: Untuk hidupan liar di Sarawak di bawah *Sarawak Forestry Corporation*.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Oh, okey. Okey.

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: Ia macam PERHILITAN lah di *Peninsular* ini ya. Mungkin ada Encik Nickson boleh membantu.

Encik Nickson Joseph Robi [Sarawak Forestry Corporation]: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Jadi, kalau bercakap fasal buaya dekat Sarawak memang...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Boleh perkenalkan diri dulu?

Encik Nickson Joseph Robi [Sarawak Forestry Corporation]: Okey, minta maaf. Nama saya Nickson Joseph Robi, merupakan seorang pegawai hidupan liar ya dari *Sarawak Forestry Corporation.*

Jadi, kalau kita bercakap berkenaan dengan konflik manusia-buaya ini, kalau dekat Sarawak itu memang dah jadi sinonimlah. Memang mana-mana pun orang cakap buaya juga. Jadi, kalau di kawasan Kerian itu kita ada data sebenarnya. Jadi, saya berkongsi sedikitlah ya data itu. Kalau di Kerian, dari *survey* yang kita buat dari tahun 2017 sampai tahun 2021 di kawasan Kerian sahaja terdapat ada peningkatanlah sebenarnya yang agak drastik juga. Sebab kalau Sungai Kerian kita ada peningkatan sebanyak 55 *percent* daripada jumlah yang ada. Kalau yang kita buat dulu 0.91 *population*, sekarang kita ada 55 *percent*.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Sarawak sebenarnya kita ada beberapa cara untuk kita menangani masalah tersebut. Ini termasuklah pengeluaran lesen memburu buaya. Jadi, data daripada tahun 2021 sampai tahun 2023 kita telah mengeluarkan sebanyak 38 lesen memburu buaya dan kita ada mengeluarkan lima lesen untuk perladangan buaya iaitu *commercial* dan *non-commercial*. Ini

merangkumi kawasan Kuching, Sibu, Mukah, Miri, Serian, Kota Samarahan, Simunjan, Engkelili, Lundu, Bintulu dan Sarikei. Jadi, kalau kita lihat sebenarnya dari statistik serangan buaya pula, kita sebenarnya kita ada penurunan daripada yang dulu.

Kalau dulu daripada tahun 2022 serangan yang ada cuma enam. Tahun 2023 kita ada lapan serangan buaya dan tahun ini malangnya awal tahun Januari kita ada satu serangan. Tetapi kebanyakan serangan daripada tahun tersebut kita cuma ada enam kematian sahaja daripada jumlah keseluruhan dan tiga kecederaan. *[Disampuk]* Sahaja. Kalau – kenapa saya cakap sahaja sebab kalau kita lihat dekat, kita bandingkan dengan negara-negara lain ya kalau di India sehari serangan buaya menyebabkan kematian lebih daripada lima. Jadi, kalau kita lihat dekat Sarawak masih kurang dari segi statistik.

Ada juga program yang kita lakukan untuk tahun lepas kita dah lakukan program yang kita kenali sebagai 3M Buaya iaitu mengenal, memahami dan memelihara buaya. *[Ketawa]* Kalau tidak kenal tidak cinta. *[Ketawa]* Kalau dah cinta, kita tahu perangai dia. Jadi, kita tahu apabila– tujuannya sebenarnya untuk mendidik masyarakat berkenaan dengan macam mana sebenarnya kelakuan buaya ini. Pukul berapa dia selalu main dekat air, pukul berapa dia selalu memburu, kawasan mana yang dia hendak, apa-apa cara yang kita perlu elakkan supaya kita tidak jadi sasaran buaya. Itu kita ada jalankan di seluruh Sarawak.

Pemasangan papan tanda amaran buaya sebanyak 195 di kawasan seluruh Sarawak. Ada juga aktiviti yang kita namakan aktiviti memindahkan buaya. Sepanjang tahun 2017 sampai tahun 2023, kita telah mengadakan operasi memburu buaya sebanyak 234 di mana 218 ekor buaya telah kita keluarkan. Kita ada– sepanjang tahun tersebut, kita telah mengeluarkan sebanyak 531 biji telur buaya yang kita ambil dari sarang yang ditemui dan kebanyakan buaya-buaya ini, telur-telur ini kita serahkan kepada ladang-ladang yang berlesen bagi tujuan komersial. Saya harap itu dapat menjawab sedikit.

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: Kalau saya boleh memberi sikit maklumatlah. Buaya ini kalau di Sarawaklah, selain daripada buaya daratlah, buaya ini *is protected species*. Itu yang masalahnya. Apabila satu spesies yg dilindungi, ia tidak boleh dibunuh dan sebagainyalah. Sebab itu, usaha telah pun dilaksanakan oleh pihak SFC. Sebab ia *under* – buaya ini *under Convention of International Trade of Endangered Species of Wild Fauna and Flora* (CITES). Maknanya kita tidak boleh hendak bunuh sebarang. Sebab kalau tidak kita akan di-*list* sebagai satu negara yang tidak mengikuti undang-undang antarabangsa. Apabila berlaku macam itu, itu yang menjadi masalah kepada negara kita pada ketika tersebut.

■1650

Tetapi usaha telah pun dilaksanakan oleh pihak SFC untuk *down-list* daripada– dulu Apendiks I. Apendiks I maknanya tak boleh langsung, dibunuh dan juga diperdagangkan. Sekarang ini dah dapat diturunkan kepada Apendiks II, maknanya boleh dibunuh tetapi menggunakan permit. Boleh bunuh tetapi kena minta permit lah. Sebelum kena gigit minta permit dulu. *[Ketawa]* Okey, sebab itu sekarang ini kita dah dapat keluarkan permit-permit ini dan satu lagi tahu-tahulah ini pandangan saya lah. Kalau– sebab apa banyak buaya sangat di Sarawak ini. Buaya ini kalau dia bertelur, banyak sekali. *I don't know,* beratus ke berpuluh. Sekali ia bertelur, berpuluh. Bayangkan kalau telur ini dapat membiak, memang banyak. Sebab itu peningkatan dia berganda-ganda. Kalau telur ini menentas. Jadi, kena cari cara lain lah. Sebab itu– telur ini biawak yang makan, biawak yang makan. Kalau kita dapat membiak biawak, tetapi masalahnya di Sarawak ramai yang makan biawak. *[Ketawa]*

Biawak yang kurang. Jadi, pusingan itu tidak betul. Kalau kita banyakkan biawak itu mungkin banyak telur tidak naik.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Jadi, boleh saya tahu adakah ini sebab peningkatan sebanyak 55 peratus antara 2017 hingga 2021? Apakah alasan di belakang peningkatan itu?

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: *You* boleh jawab? Saya lihat dari segi biologi itu, itulah. Rantaian dia dah terputus, satu. Banyak lagi faktor lain faktor lain sebenarnya. Banyak lagi sebab sekarang ini makanan buaya dah tak banyak, sebab manusia banyak berebut. Kita berebut. Udang-udang yang kita ada di sungai-sungai pun dah tak banyak. Buaya pun berebut dengan kita. Jadi, dia makan manusia lah. *So, they have to* tukar dia punya menu. Tetapi dari segi peningkatan mungkin pihak SFC ada lagi faktor-faktor lain.

Encik Nickson Joseph Robi [Sarawak Forestry Corporation]: Mungkin saya boleh tambah sedikit Yang Berbahagia Datu punya jawapan tadi. Sebenarnya faktor penambahan– dia buaya ini secara positif lah kita lihat ya, pada zaman pemerintahan Rajah Brooke, populasi buaya di Sarawak cuma 400 ekor sahaja. Ini disebabkan oleh lesen-lesen pemburuan yang dikeluarkan oleh Rajah terdahulu di mana seekor buaya dibayar 20 Dolar Sarawak, duit Sarawak. Jadi, disebabkan itu pemburuan menjadi berleluasa. Sehinggalah pada tahun 1998 apabila satu kajian dijalankan didapati populasi buaya di Sarawak cuma 400 ekor sahaja.

Disebabkan itu, kerajaan Sarawak telah menetapkan di bawah CITES untuk memasukkan buaya sebagai haiwan terlindung di Sarawak. Jadi, disebabkan buaya dimasukkan di dalam *schedule* tersebut, hasilnya kita boleh lihat sekarang populasi

tersebut telah kembali dan kembali dengan banyak. Tetapi kita lihat dari segi ekonominya sebenarnya buaya ini boleh dijadikan satu *business* yang cukup bagus. Saya ingin berkongsi, kalau di Jepun, buaya katak ya buaya yang kita ada di Sarawak, 1 sentimeter kulitnya berharga RM5.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Satu sentimeter?

Encik Nickson Joseph Robi [Sarawak Forestry Corporation]: Ah, satu sentimeter kulit dia berharga RM5 buaya kita dari Sarawak. Kalau telur dia di Australia, RM80 duit Malaysia. Jadi, masalahnya apabila kita mengeluarkan *Crocodile Management Plan* Sarawak 2020-2023 dan salah satu daripada perkara yang kita masukkan dalam *Crocodile Management Plan* adalah ekonomi berasaskan buaya. Tak ada *takers*. Tak ada orang yang berani mungkin disebabkan oleh kepercayaan, apa semua.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Jadi saya mahu menyampuk sedikit. Jadi isu buaya di Sungai Kerian, Sungai Seblak, terutama Sungai Seblak. Sungai Seblak saya difahamkan populasi buayanya per kilometer adalah yang paling banyak di Sarawak, kepadatan dia. Di mana kalau pergi ke sungai memang pasti nampak buaya. Itu biasa, perkara biasa. Jadi pada pandangan saya, peningkatan buaya ini sebenarnya adalah berpunca daripada kepercayaan kita.

Sebab di Sarawak sama ada Dayak ataupun Melayu, kita percaya buaya-buaya ini tak boleh disentuh, tak boleh dikacau, jangan lagi dibunuh. Itu saya rasa punca utama dia. Sebab dulu di Sungai Kerian, Seblak jarang kita nampak buaya. Tetapi sekarang ini memang takut lah ada buaya yang pergi bawah rumah kejar ayam, itu cerita betul. Kejar ayam dengan itik, di bawah rumah. *[Ketawa]* Itu bukan cerita main-main. Jadi, saya rasa lesen tersebut yang dipanggil tadi yang tak ada *taker, no taker.* Tak orang berani nak ambil lesen itu. Mungkin orang Cina sahaja lah. Saratok tak ada orang ambil ya?

Encik Nickson Joseph Robi [Sarawak Forestry Corporation]: Tak ada YB.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: *Aiyo*, masih open lah tu. Betong, boleh lah. Jadi itulah, buaya ini sebenarnya dia memang betul-betul. Seekor itu kalau dijual kulitnya memang lebih RM10,000 kadang-kadang. Tetapi itu pun orang tempatan tak berani, betapa kepercayaan dia. Jadi, itu sebagai selingan kita pada petang ini sebab tadi isu balak, ini kita isu buaya. Betong, apa komen pasal buaya? Jadi terima kasihlah kepada PERHILITAN Sarawak, memberi pandangan tersebut.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Terima kasih Yang Berhormat YB Saratok daripada pokok ke biawak, ke buaya. *So,* ada banyak peluang *business* itu, boleh *supply*. *[Ketawa]* Seterusnya, saya mengucapkan terima kasih untuk atas jawapan itu tadi daripada Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad,

Pengarah Jabatan Hutan Sarawak dan saya mempersilakan untuk pembentangan Sabah pula, terima kasih.

4.57 ptg

Encik Indra Purwandita bin Herry Sunjoto [Jabatan Perhutanan Sabah]: *Bismillahir Rahman-ir-Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Sama juga ya, maksudnya kita selesaikan pembentangan, *then* baru soalan. Jadi, Sandakan pun dah boleh *standby*.

Encik Indra Purwandita bin Herry Sunjoto [Jabatan Perhutanan Sabah]: Baik, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat petang. Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, Yang Berhormat Naib Pengerusi, Yang Berhormat Ahli-ahli PAC, Datuk, Dato', wakil kementerian dan agensi. Izinkan saya untuk membuat pembentangan dan sedikit *overview* mengenai pengurusan hutan di Sabah sebelum fokus kepada menjawab *AG Dashboard. Next*.

Baik. Sebelum membincangkan lebih lanjut, suka saya ingin berkongsi mengenai takrifan litupan hutan yang selepas ini kita akan bincang dengan panjang lebar . Jadi, sebagai salah satu *member state to the* UN, Malaysia telah pun *adopt* ataupun menerima pakai definisi hutan yang dikeluarkan oleh FAO. Walau bagaimanapun, di peringkat kebangsaan kita mengguna pakai peratusan kanopi *cover* ini 30 peratus *instead of 10 percent* seperti yang dinyatakan oleh FAO. Dengan mengambil kira definisi ini, di Sabah litupan hutan pada masa ini adalah berkeluasan 4.7 juta hektar. *Next*.

Baik. Berdasarkan definisi hutan tersebut, Sabah masih mempunyai 64 peratus litupan hutan daripada keluasan tanah dengan pecahan 3.8 juta hektar merupakan *permanent forest estate* terdiri daripada 3.6 juta hektar hutan simpan kekal yang diwartakan di bawah Enakmen Hutan 1968. 245,000 hektar lebih kurang diwartakan di bawah Enakmen Taman-taman Sabah dan 28,957 hektar diwartakan sebagai *sanctuary* hidupan liar di bawah Enakmen Hidupan Liar 1997.

Dari aspek fungsi, lebih kurang 2.01 juta ataupun 27 peratus daripada kawasan itu merupakan kawasan terlindung sepenuhnya di mana ianya selari dengan Dasar Hutan Sabah 2018 iaitu menetapkan kawasan litupan hutan di Negeri Sabah adalah 30 peratus daripada keluasan tanah ataupun 2.2 juta hektar. Sementara hutan produksi di mana pengusahasilan balak, ladang hutan, *agroforestry* adalah meliputi keluasan 1.9 juta hektar. *Next*.

Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, Ahli-ahli PAC. Sabah telah menerima pakai konsep *sustainable forest management* sejak tahun 1997, di mana amalan ini telah menggantikan kaedah pembalakan jangka masa pendek kepada sistem

pengurusan hutan berkonsepkan pelbagai guna dengan tempoh pengurusan 50 sehingga 100 tahun melalui penganugerahan *Sustainable Forest Management License Agreement* ataupun SFMLA.

■1700

Bagi tujuan pelaksanaan kawasan hutan simpan di Sabah telah pun dibahagikan kepada 27 Unit Pengurusan Hutan (FMU) yang mana diurus oleh Jabatan Perhutanan dan diurus oleh pihak swasta. Setakat Disember 2023, terdapat 43 lesen SFM yang telah diluluskan kepada pihak swasta dan lebih kurang 780,000 hektar adalah diurus terus oleh kerajaan negeri lah. *Next*.

Bagi tujuan pelaksanaan SFM, suatu kawasan FMU itu perlulah dizonkan dan kepada lima zon yang utama kalau di Sabah dan ini perlu menyediakan *Forest Management Plan* atau pun Pelan Pengurusan Hutan. Jadi secara keseluruhan bagi negeri Sabah, zon hutan asli atau pun NFM dipanggil meliputi kawasan 318,000 atau pun 25 *percent*. Di sini adalah berlakunya aktiviti penuaian hutan melalui pembalakan secara *Reduced Impact Logging* bagi kawasan yang terosot nilai, terosot vegetasi perlu dipulihkan melalui aktiviti *silviculture* dan restorasi hutan.

Zon selanjutnya adalah zon ladang hutan ataupun *Industrial Tree Plantation* berkeluasan secara kasar iaitu 600,000 hektar. Walau bagaimanapun, *net plantable area* adalah lebih kurang 445,000 hektar. Setakat ini keluasan yang telah pun ditanam adalah 175,255 hektar. Zon pengurusan selanjutnya iaitu zon konservasi berkeluasan 109,750 hektar di mana zon ini khas untuk perlindungan biodiversiti, perlindungan tadahan air dan juga perlindungan tanah. Zon ini tidak ditakrifkan sebagai kawasan terlindung sepenuhnya. Dia masih lagi hutan produksi. Zon seterusnya adalah zon komuniti berkeluasan 7,391 hektar atau pun lebih kurang 0.6 peratus. Zon ini khas untuk menyokong aktiviti perhutanan sosiallah bagi masyarakat setempat.

Last but not least is a zone agroforestry ataupun zon perhutanan tani. Berkeluasan lebih kurang 196,000 lah dan atau pun 16 *percent*. Masih lagi terdapat kawasan hutan simpan kelas dua ataupun *commercial forest* yang belum dizonkanlah. Lebih kurang 295,000 hektar. *Next*.

Dalam aspek pencapaian pengurusan hutan sebagaimana di Sarawak, di Sabah juga, kita telah pun menerokai *Forest Management Certification* (FMC). Bagi kawasan hutan asli yang dipersijilkan di bawah *Forest Stewardship Council* berkeluasan 55,000 hektar. Kawasan ladang hutan pula yang di bawah FSC ini adalah 40,000 hektar *and then* di bawah MTCS untuk hutan asli lebih kurang 192,000 dan kawasan ladang hutan yang dipersijilkan di bawah MTCS FSC 32,000 hektar. *So*, secara keseluruhan ada 280,000 hektarlah yang dipersijilkan di Sabah.

Di samping Sijil Pengurusan Hutan ini, sebenarnya di Sabah telah pun mencapai beberapa pengiktirafan seperti dalam pengurusan hutan ini iaitu seperti *Kinabalu Park World Heritage* 75,000 hektar. Yang terbaharu ini *Kinabalu UNESCO Global Geoparks* 475,000 hektar, *Crocker Range Biosphere Reserve 350,000 hektar, Lower Kinabatangan-Segama Wetland Ramsar site* 78,000 hektar dan *Important Bird Area* lah. Terdapat 15 *sides*, lebih kurang 870,000 hektar. Sama juga telah melaksanakan *due diligence* ke atas keluaran hutan melalui pelaksanaan *Sabah Timber Legality Assurance System* sejak tahun 2009 sehingga kini di mana pengauditan ini telah pun dilaksanakan oleh *accredited third party auditor*. Setakat Disember 2023, seluas 1.1 juta hektar operasi penuaian hutan ataupun pembalakan di hutan simpan produksi dan tanah kerajaan telah pun dipersijilkan di bawah *due diligence* ini dan sebanyak 141 kilang telah pun mematuhi *due diligence process.*

Produk keluaran Sabah ini yang mempunyai Sabah TLAS ini sebetulnya telah pun diterima secara meluas di pasaran Eropah, Amerika, *Japan*, Australia, China dan Korea. Pada masa ini, Sabah dalam proses untuk menaik taraf Sabah *check list* kita ini ke arah *deforestation regulation compatible* lah. Seterusnya, dalam aspek penguatkuasaan hutan, di Sabah ini mengikut takrifan Enakmen Hutan, kita telah pun mendefinisikan lima kategori kesalahan hutan yang umum. Dengan peningkatan kapasiti penguatkuasaan yang berterusan seperti yang ditunjukkan di diagram ini menunjukkan bahawa dari tahun 2014 sehingga sekarang terdapat trend penurunan.

Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi dan ahli mesyuarat, seterusnya adalah mengenai maklum balas ke atas *AG's Dashboard*. Bagi wilayah Sabah, kita mempunyai tiga isulah. Isu yang pertama berkaitan dengan ladang hutan di mana Laporan Ketua Audit Negara 2021 menyatakan terdapat 40 peratus kawasan yang telah di usaha hasil masih belum ditanam. Maklum balas dan tindakan jabatan adalah statistik yang dilaporkan itu merupakan *gross area* yang di-*captured* pada tahun 2021 dan tindakan penanaman sebetulnya selepas pengauditan sehingga 15 Disember 2023 mendapati kemajuan atau pun *progress* penanaman seluas 175,255 hektar. Jadi, terdapat peningkatan 12,000 hektarlah sejak laporan atau auditan oleh LKAN pada 2021.

Di samping itu, kerajaan negeri telah melancarkan *action plan* untuk *Forest Plantation Development* meliputi tempoh 2022 sehingga 2036 bagi memastikan 400,000 hektar kawasan hutan simpan yang telah pun dikenal pasti untuk ladang hutan boleh ditanam sepenuhnya. Jabatan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Pemandu yang khas bagi tujuan pemantauan dan penyelarasan kemajuan ladang hutan. Di samping itu juga, sesi konsultasi dengan pemegang taruh. Sebagai contoh dengan *Sabah Timber Industries Association, upstream* dan *downstream* dan juga

Timber Association of Sabah, upstream area dijalankan sebanyak dua kali setiap tahun. *Next*.

Selain itu juga, jabatan telah bekerjasama dengan pihak PERKESO pada tahun 2023 bagi menangani isu kekurangan pekerja di sektor ladang hutan. Jabatan juga telah pun memperkasakan *R&D* melalui kerjasama dengan institut penyelidikan tempatan seperti FRIM dan *Borneo Forestry Cooperative*. Kita juga telah pun menyediakan buku panduan pengurusan tapak semaian yang memberi panduanlah kepada semua pelesen SFMLA dalam menubuhkan ladang hutan. Antara tindakan yang terbaharu ini adalah melaksanakan transformasi sistem kutipan royalti balak yang dijalankan secara atas talian di mana ini telah pun memberi impak yang positif dari aspek kutipan hasil dan juga memudahkan pihak pelesen membayar royalti.

Sabah juga telah pun membatalkan dua lesen SFMLA yang gagal mematuhi syarat-syarat perjanjian iaitu pada tahun 2021 dan 2022 meliputi kawasan lebih kurang 500,000 hektar lah. *Way forward* akan memperkasakan *action* pelaksanaan *Action Plan on Forest Plantation Development* 2022 hingga 2036 dengan kerjasama dengan pelbagai pihak termasuk pihak swasta. Di samping itu juga, kita akan menilai dan memantau kemajuan penubuhan ladang hutan ini melalui Jawatankuasa Pemandu yang telah ditubuhkan secara *quarterly basis* dan Sabah juga telah pun melaksanakan sistem pemantauan penilaian melalui transformasi digital dengan mewujudkan aplikasi *iForSabah* dan juga *GeoForest*.

■1710

Bagi *GeoForest* ini kita ingin merakamkan– Sabah ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada kerajaan *federal* terutama melalui NRECC ataupun NRES yang telah pun meluluskan peruntukan sebanyak RM3.5 juta dalam RMKe-12 ini. Slaid ini menunjukkan taburan ataupun lokasi penubuhan ladang hutan, yang biru itu di kawasan hutan simpan dan yang putih itu di kawasan tanah kerajaan. *[Merujuk pada slaid pembentangan]*

Yang Berhormat Datuk Wira dan Yang Berhormat Ahli PAC, isu kedua selanjutnya seperti di perenggan 5.1.5.2 berkaitan Pencapaian Output *Heart of Borneo* di mana Laporan Ketua Audit Negara 2021 telah pun *highlight* tiga daripada lapan sasaran output tidak tercapai dan dua daripada lapan sasaran keberhasilan juga tidak tercapai. Bagi sasaran output tambahan 400,000 kawasan terlindung sepenuhnya, untuk mencapai 30 peratus kawasan terlindung sepenuhnya menjelang tahun 2025, laporan LKAN 2021 menyatakan bahawa hanya 163,366 hektar yang dicapai dalam RMKe-11. Setakat 2021.

Maklum balas dan status tindakan. Laporan LKAN merangkumi hanya mengambil kira pencapaian pada tahun 2021 iaitu di mana keluasan pada waktu itu hanyalah 1.9 juta. Sementara di dalam *Sabah Policy* 2018, pencapaian 30 peratus

itu adalah menjelang 2025. Bermaksud kita masih ada dua tahun lagi yang perlu dicapai.

Jadi, setakat Disember 2023, Kerajaan Negeri Sabah telah pun mewartakan kawasan terlindung sepenuhnya, kawasan tambahan seluas 69,607 hektar. Ini menjadikan jumlah keseluruhan KTS ataupun kawasan terlindung ini kepada 2.01 juta lah ataupun 27 *percent. Way forward* adalah Kerajaan Negeri Sabah akan meneruskan usaha mengenal pasti kawasan hutan yang mempunyai nilai biodiversiti kritikal ataupun BCA dengan meliputi kawasan hutan simpan dan juga tanah kerajaan bagi mencapai 30 peratus KTS menjelang tahun 2025. Seterusnya.

Bagi isu sasaran output yang enam pos kawalan luar, hanya empat yang dilaporkan telah pun dibina. Jadi, maklum balas dan status tindakan adalah seperti berikut. Ketidakcapaian ini berpunca daripada peruntukan *Heart of Borneo* yang diluluskan melalui KETSA pada RMKe-11 hanyalah RM28,700,900 berbanding permohonan asal berjumlah RM41,567,000. Justeru, ini telah pun menyebabkan terdapat kekurangan dana dan jabatan perlu memberi keutamaan kepada pelaksanaan aktiviti dan program dan menangguhkan aktiviti yang tidak menjadi keutamaan. Ini termasuk pembinaan pos kawalan luar dan pembelian kenderaan.

Setakat ini, JPS telah pun memohon baki peruntukan pada RMKe-12 ini dan telah pun diluluskan oleh pihak NRECC berjumlah RM12,866,000 dan kami ucapkan– ingin merakamkan terima kasih kepada pihak kementerian. Justeru, dua pos kawalan luar yang telah pun tertangguh itu telah dilaksanakan meliputi pos kawalan luar di Serudong yang bakal siap *insya-Allah* pada– yang telah siap pada bulan Ogos 2023 dan satu lagi pos kawalan luar di daerah Ulu Segama yang dijangka siap pada Mac 2024.

Way forward, jabatan sedang menyediakan satu kertas cadangan bagi kesinambungan pelaksanaan Program HoB dalam RMKe-13 ini menerusi NRES dan khasnya bagi pemuliharaan biodiversiti. Jadi, kita memohon kepada Kerajaan Persekutuan khususnya kepada kementerian bagi mempertimbangkan permohonan ini kelaklah. JPS juga sedang membangunkan sistem pemantauan untuk memperkasakan penguatkuasaan melalui aplikasi dan teknologi terkini seperti *Smart Patrol* dan ini akan membantu pelaksanaan penguatkuasaan. Ini untuk *share information* mengenai pos kawalan luar yang sedang dibina dan telah dibina. *[Merujuk pada paparan di skrin] Next.*

Selanjutnya, bagi sasaran output perolehan bagi enam unit kenderaan di mana hanya tiga unit yang telah dibuat perolehan pada RMKe-11. Ini sebagaimana juga yang telah dijelaskan, terdapat kekurangan dana. Walau bagaimanapun, pada tahun lepas, pada tahun 2023, jabatan telah membuat perolehan satu unit kenderaan. *Way forward,* pada tahun ini *insya-Allah* kita sedang merancang

membuat perolehan dua kenderaan tambahan. Walau bagaimanapun, ini tertakluk kepada ketersediaan baki peruntukan. Di samping itu juga, Jabatan Perhutanan Sabah (JPS) sedang meningkatkan kapasiti dengan keberkesanan rondaan lapangan dengan latihan risikan secara bersama dengan agensi seperti PDRM, Jabatan Hidupan Liar Sabah, WWF Malaysia, Panthera, TRAFFIC *Wildlife Justice Commission. Next.*

Bagi sasaran output dan keberhasilan lain iaitu dinyatakan dalam LKAN, hanya dua Pelan Pengurusan Konservasi Hutan yang disediakan berbanding tujuh pelan yang disasarkan. Maklum balas dan tindakan jabatan adalah bahawa pada RMKe-11 yang lepas, jabatan menghadapi kekangan untuk membuat pelantikan juru perunding tempatan yang berdaftar dengan Sistem ePerunding. Justeru, Jabatan Perhutanan telah menggunakan tenaga profesional dalaman untuk penyediaan dan pelan pengurusan tersebut. Jadi, ini telah dilaksanakan secara dalaman tetapi mengambil masa lah.

Status pencapaian. Setakat ini, bagi Hutan Simpan Ulu Segama — Malua, pelan itu telah pun tersedia. Untuk *northern* Gunung Rara dan juga Pensiangan, draf akhir sedang disediakan. Bagi Hutan Simpan Crocker Range dan Hampuan, pengumpulan maklumat sedang dijalankan dan *insya-Allah* dijangkakan akan dilengkapkan pada tahun 2025. *Next.*

Way forward, jabatan akan menganalisis terutamanya bagi data-data saintifik dan juga ekspedisi– data-data penyelidikan dan juga aktiviti saintifik bagi kawasan Crocker Range dan Hampuan. Kita jangkakan pada suku ketiga tahun 2025 ini akan dilengkapkan, *insya-Allah.* Sementara, bagi Pelan Pengurusan Gunung Rara dan Pensiangan, kita akan dimuktamadkan selepas mendapatkan input *peer review* daripada pihak berkepentingan di Sabah.

Secara umumnya bagi pelaksanaan HoB ini, jabatan melihat bahawa Sabah akan meneruskan pelaksanaan Pelan Strategi Tindakan Sabah 2021-2030 bagi pelaksanaan HoB ini dengan bantuan teknikal dan kewangan dari Kerajaan Persekutuan. Justeru, kita memohon bantuan yang berterusan lah dan juga sokongan daripada pihak persekutuan. Di samping itu juga, jabatan akan meluaskan kerjasama dengan *stakeholder* dan komuniti bagi melaksanakan pelan strategi tersebut dan ia dijangkakan akan memberikan impak lah terutamanya kepada pembangunan sosioekonomi di kawasan yang dikenal pasti mempunyai risiko. Jabatan juga akan melaksanakan *adaptive management approach* terutama bagi konservasi spesies terancam, selaras dengan hasil penyelidikan dan ekspedisi saintifik yang dibiayai melalui Program *Heart of Borneo* terutamanya sebagai contoh adalah *The Red List of Sabah Endemic Trees.*

Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi dan ahli mesyuarat, isu selanjutnya iaitu isu ketiga yang berkaitan Pelan Sektor Hutan bagi wilayah Sabah yang tidak disediakan. Maklum balas dan status tindakan adalah seperti berikut. Pada masa ini, JPS sedang merangka dan menyediakan *State-Wide 25 Years Master Plan* yang bersepadu dengan mengambil kira dan mengintegrasi *Forest Management Plan* yang disediakan oleh 43 SFMLA yang dinyatakan tadi.

■1720

Merujuk kepada maklumat penyelidikan terutama berkaitan dengan *biodiversity critical area.* Jadi, ini merupakan satu integrasi *management plan* untuk Sabah. Dijangkakan pelan ini akan disediakan, *insya-Allah* pada suku keempat tahun 2024.

Way forward, jabatan akan melaksanakan sepenuhnya *State-Wide 25 Years Master Plan* ini dengan konsep *Large Landscape Approach* dan membuat semakan dan penjajaran semula ke atas FMP yang telah pun disediakan oleh pihak SFMLA terdahulu bagi menjamin fungsi ekologi *biodiversity critical area* itu tidak terjejas oleh pembangunan sosioekonomi.

Slaid ini menunjukkan proses pembangunan *State-Wide 25 Years Management Plan* di mana mengintegrasikan semua maklumat penyelidikan dan ekspedisi saintifik yang dibiayai oleh Program *Heart of Borneo* dengan memasukkan elemen integrasi *high conservation value* meliputi kawasan yang mempunyai nilai biodiversiti yang kritikal dari aspek flora dan fauna. Selanjutnya terdapat melalui analisa yang telah dijalankan. Terdapat 10 *biodiversity critical area* yang telah dikenal pasti di Sabah yang akan diberikan tumpuan dan Sabah akan melaksanakan pengurusan hutan dengan *adaption of Large Landscape Approach.*

Datuk Wira Pengerusi dan ahli mesyuarat, terakhir adalah berkaitan dengan syor LKAN 2021 di mana berkait dengan isu pelaporan data hutan di mana Jabatan Audit Negara telah pun mengesyorkan pelaporan data hutan setiap tahun. Di sini jabatan secara operasional bersetuju untuk melaksanakan pelaporan setiap tahun tertakluk kepada tersedianya ataupun kesediaan pihak MYSA bagi membantu membuat penentusahan data *spatial* hutan bagi setiap tahun. Di mana sebelum ini, Sabah mengamalkan pelaporan setiap dua tahun sekali seiring dengan keperluan kementerian *NRES..*

Demikian pembentangan daripada Jabatan Perhutanan Sabah. Terima kasih dan *Assalamualaikum.*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Terima kasih saya ucapkan di atas pembentangan oleh Yang Berusaha Encik Indra Purwandita bin Henry Sunjoto, Timbalan Ketua Konservator Hutan Sabah. Jadi, saya bukakan kepada ahli PAC. Saya nampak Sandakan sudah bersedia. Teruskan.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: Terima kasih Datuk Pengerusi. Agak susah untuk tanya soalan sebab semua dia sudah ada maklum balas sama dia. Dia punya hala tuju. *So, it's difficult to query that they seem like* sudah tahu masalah dan puncanya dan sudah tahu *the way moving forward. So,* tetapi saya ada satu soalan mengenai perlombongan emas di Tawau yang merupakan salah satu *hot topic* di Sabah sekarang. Melalui SPRA ataupun daripada *news*, tempat tapak tersebut merupakan satu hutan simpanan. Jadi, saya ingin tanya bagaimana boleh ada— adakah kamu memberi lesen apabila untuk semua perlombongan tersebut? Saya nak tanya juga ini untuk tapak perlombongan emas di Tawau, Bukit Mantri kah? Apakah kelas hutan simpanan tersebut? Lepas itu saya akan tanya lebih soalan mengenai ini.

Encik Indra Purwandita bin Herry Sunjoto [Jabatan Perhutanan Sabah]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Sandakan. Sebagai pencerahanlah, kawasan lombong emas ini di kawasan Bukit Mantri sebetulnya Kunak, daerah Kunak. Cuma, dari segi administratif nya di bawah Tawau. Dia bukan hutan simpan pada waktu semasa lesen itu dikeluarkan, Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, *in the past* dia memang Hutan Simpan Kelas 1 lah— Hutan Simpan Mt. Wullersdorf. Dia telah pun dibubarkan— dinyahwarta pada 2014. Selepas pembubaran itu, kami tidak tahu proses seterusnya sebab apabila dibubarkan, dia menjadi tanah kerajaan dan tanah kerajaan ini telah pun dipohon oleh satu kompeni yang mana kompeni ini telah pun memohon untuk mendapatkan lesen perlombongan di tempat tersebutlah Yang Berhormat.

Jadi, apa yang diperdebatkan di Dewan Undangan Negeri Sabah, saya fikir ini yang Yang Berhormat memetik ya. Kawasan itu hutan simpan adalah sebetulnya tidak tepat. Kawasan itu adalah telah pun dinyahwarta dan dia telah menjadi satu— tanah bergeran, *country leased* (CL) selama 99 tahun.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: Untuk Hutan Simpanan Kelas 1, bagaimana boleh dipohon untuk menjadi satu tapak— *this is more my questions* sebab untuk kelas satu memang dia *we cannot do anything towards it, isn't it?*

Encik Indra Purwandita bin Herry Sunjoto [Jabatan Perhutanan Sabah]: *Correct, correct, YB. You absolutely correct. But actually,* lombong itu bukan dipohon daripada Hutan Simpan Kelas 1. Dia prosesnya pada tahun 2014, dia telah dibubarkan oleh kerajaan negeri arahan Kabinet, mungkin kita boleh semak *Hansard* dan selepas dia dibubar, dia telah menjadi tanah kerajaan. Jadi, apabila menjadi tanah kerajaan, dia *subject to be applied by anybody.* Jadi, *coincidently* pada waktu itu, dia telah dipohon oleh satu syarikat dan seterusnya dia telah pun mendapat kelulusan untuk *mining license*-lah (ML) ni oleh kelulusan daripada Jabatan Tanah dan Ukur.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: Boleh nyatakan syarikat yang telah memohon tapak perlombongan ini?

Encik Indra Purwandita bin Herry Sunjoto [Jabatan Perhutanan Sabah]: Baik. Nama syarikat itu adalah Southsea Gold Sendirian Berhad. Southsea Gold Sendirian Berhad.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: Okey, daripada maklumat mengenai perlombongan ini, saya pun *actually* ada *follow*. Sekarang dia sudah *split* kepada dua kompeni lagi oleh kerana ada masalah *you know* dan *what I know is* yang syarikat pertama yang memohon ini sedang di-*check* oleh SPRM mengenai RM25 juta yang telah dilombong— emas yang dilombong tetapi tidak di-*declare*-lah kepada kerajaan. Sekarang ada dua kompeni yang sedang *handle* tapak perlombongan ini.

Jadi, saya nak tanya tuan adalah ini dibenarkan selepas kamu *hand over* kepada *state,* jadi Kabinet ada dia punya walaupun ini jadi sudah tidak menjadi satu Hutan Simpanan Kelas 1, *so, you have no say at all to what's* berapa syarikat yang melombong— yang menjalankan kerja perlombongan di sana.

Encik Indra Purwandita bin Herry Sunjoto [Jabatan Perhutanan Sabah]: Betul YB. Sebenarnya, seperti yang YB sedia maklum, kes ini telah pun disiasat oleh pihak SPRM sejak tahun lalu. Jadi, mungkin saya tidak dapat— saya pun tidak tahu *detail of* penyiasatan dia lah. Walau bagaimanapun, kami pun telah pun menjadi *witness* kepada penyiasatan ini seperti soalan YB juga.

Daripada A, bagaimana dia dinyahwarta dan seterusnyalah tetapi dari segi *licensing* dan juga penyeliaan operasi itu bukan di bawah Jabatan Perhutanan, YB. Jadi, saya mohon maaf tidak dapat memberikan respons ini. Penyeliaan perlombongan ini adalah di bawah Jabatan Tanah dan Ukur dan juga Setiausaha— Pejabat Setiausaha Hasil Bumi.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: *What about the EIA report?* Adakah akan disediakan oleh pihak tuan untuk *all these* ataupun jabatan lain sudah sebab sudah *hand over?*

Encik Indra Purwandita bin Herry Sunjoto [Jabatan Perhutanan Sabah]: *Actually, EIA report* sudah disediakan awal sebelum ML keluar, dia kena buat seperti amalan yang biasalah di *Environmental Protection Department* (EPD). *Mining license* (ML) tidak akan dikeluarkan tanpa EIA-lah. Jadi, EIA ini memang yang kami mendapat maklum telah pun disediakan pada tahun 2015 sebab kita pun memberi input— Jabatan Perhutanan pun memberi input sebetulnya kepada laporan EIA ini dengan beberapa mitigasilah.

Contohnya, dia tidak boleh membuang sisa kumbahan ataupun cuci bahan lombong itu ke sungai yang menghala ke hutan simpan, sebagai contohlah, untuk

mengelakkan impak alam sekitar kepada sistem sungai di Hutan Simpan Mt. Wullersdorf.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: Okey, soalan saya seterusnya adalah mengenai itu Pelan Pengurusan Konservasi yang tujuh pelan itu. Apakah—sebab tidak di-*state* dalam sini?

■1730

Apakah itu tujuh pelan, sebab macam sangat *slow* mengenai– hanya dua *out of seven of the plan* hanya dapat di-*submit*-kan dan saya nak tanya untuk semua pembalakan haram, apakah dia punya– *what is the fine?* Sebab sekarang, apa yang saya dapati adalah kalau di Sabah, memang banyak pendatang asing.

Ada itu memang PATI dan *they always* menceroboh kepada kawasan hutan simpan untuk membalak. Beruti kah, kayu-kayu kah. *So, it's very difficult* untuk Jabatan Perhutanan untuk tangkap PATI-PATI yang membuat pembalakan haram. Jadi saya nak tanya, apakah kerja penguatkuasaan daripada Jabatan Perhutanan untuk *kasi stop*-kan dia punya peratusan pembalakan haram?

Encik Indra Purwandita bin Herry Sunjoto [Jabatan Perhutanan Sabah]: Baik. *First* mengenai FMP tadi YB ya, kalau saya tidak silap. Jadi, antara isu bagaimana – kenapa penyediaan FMP ini agak perlahan pada peringkat awal? Memandangkan kami menerima peruntukan daripada kementerian dan proses untuk melantik dan menggunakan peruntukan itu adalah perlu mematuhi tatacara Arahan Perbendaharaan dan juga garis panduan yang tertentu.

Jadi memandangkan peruntukan ini melalui *federal,* jadi kita perlu melantik juru perunding ini melalui ePerunding. Dia ada sistem *online* itu yang memang diwujudkan melalui sistem iGFMAS dan perunding-perunding kita di Sabah ini yang *competent* untuk menyediakan *management plan* ini kebanyakannya tidak berdaftar pada waktu itu.

Jadi, kita sebetulnya telah menggalakkan mereka untuk berdaftar dengan sistem ePerunding ini tetapi proses untuk mereka mendaftar ini pun mungkin mereka menghadapi kesukaran lah. Jadi sebab itu seperti yang dijelaskan tadi, kami Jabatan Perhutanan telah mengambil inisiatif perlu menyediakan secara *internal* (dalaman).

Ini yang agak melambatkan disebabkan pakar kami pun perlu menjalankan kerja rutin harian, tugasan dan pada masa yang sama, kami pun perlu menyediakan *management plan* yang merupakan– sepatutnya, kita melantik juru perunding lah. Jadi, dia memang agak lambatlah pada waktu– saya ingat pada tahun 2017-2018. Dia memang agak *slow* lah.

Bagaimanapun Yang Berhormat, pelan pengurusan konservasi ini dia berbeza dengan pelan pengurusan hutan bagi FMU atau SMFLA sebab ini lebih kepada *protected area.* Jadi, dia tidak mengambil kira isu-isu komersial. Dia lebih

kepada *environment* dan juga sosial. Jadi, di situ mengambil kira *social impact assesment* yang perlu kita lakukan, melihat dengan mengambil kira apakah *impact* kepada komuniti yang tinggal di dalam ataupun di sekitar dengan pelaksanaan projek pengurusan hutan tersebut lah.

Jadi, pada waktu ini ada satu yang *fully completed*, Ulu Segama dan dua, drafnya sudah kita terima. Hanya menunggu respons dari *peer review* sebab kita perlu edarkan kepada semua *stakeholder* dan contohnya, UMS, WWF, Jabatan Hidupan Liar, EPD. *In fact* dengan persatuan komuniti contohnya PACOS pun kita beri edaran juga untuk mereka komenlah. Jadi, pada waktu ini kita tengah menunggu komen lah daripada mereka. Itu mengenai FMP.

Kedua, mengenai pembalakan haram. Dari aspek perundangan, Yang Berhormat. Sebenarnya istilah pembalakan haram ini tidak wujud di dalam enakmen. Dia lebih kepada penebangan haram. Kalau di dalam enakmen kita lah, penebangan haram. Jadi, itu sebab kalau kita boleh tengok slaid tadi *[Merujuk kepada slaid]*, kita rujuk balik slaid yang berkenaan itu.

Takrifan mengenai kesalahan hutan itu mengikut Enakmen Hutan Sabah, kita – penebangan tanpa kelulusan lah. Dia bukan pembalakan haram. Saya fikir, perkara ini pun berlaku juga di JPSM dan juga di Sarawak. Takrifan pembalakan haram itu sebetulnya *a very general* dan agak susah untuk ditakrifkan lah. Tetapi dari segi perundangan untuk kami mengambil tindakan, apabila kita buat tangkapan dan pendakwaan di mahkamah YB, kita tak dakwa '*so and so telah pun melakukan kesalahan pembalakan haram'*.

So, apa yang– pertuduhan yang kita akan buat adalah dia melakukan penebangan secara haram di hutan simpan ini pada tarikh sekian dan melibatkan berapa jumlah batang yang ditebang lah. Jadi, apa yang– kegusaran, kerisauan Yang Berhormat tadi betul. Statistik kesalahan hutan itu bukan saja dilakukan oleh *local* tetapi juga oleh orang asing. Jadi, yang orang asing ini sebetulnya lebih kritikal, melibatkan kawasan hutan bakau.

Jadi, kita antara – Sabah ini merupakan wilayah yang mempunyai bakau yang agak luas lah di Malaysia. Saya rasa, antara yang terluas lah. Jadi, antara yang *prone area* dicerobohi ataupun dicuri kayu bakau adalah di pantai timur dan bersempadan dengan *directly open sea with Philippines.*

Isu kami adalah keselamatan, sebab mereka ini datang dengan senjata dan kita telah pun sebenarnya ada kerjasama ESSCOM, PDRM dan juga– itu sebab tadi, antara kerjasama kami adalah latihan risikan. Kalau YB *alert* dalam slaid tadi itu, latihan risikan dengan pihak PDRM. *In fact,* dengan Interpol sebab kita tidak tahu apa yang berlaku *beyond the boundary*. Sebab kayu-kayu bakau ini dia bukan ambil kayu sebetulnya. Dia ambil itu kulit.

Di Sabah, kita panggil 'tangar', kulit tangar. Dia *is colouring. Actually, Coca-Cola* itu, dia punya *colouring came from this* bakau *barks.* Jadi anehnya pula, kita di Malaysia kita tidak *leverage* teknologi ini. Maksudnya, menggunakan bahan-bahan ini ataupun *colouring* untuk *jeans.* Sebetulnya, kalau apa maklumat yang kami dapat dari Interpol, di sebelah Zamboanga, dia akan proses jadi bentuk *extract chemical* dan eksport ke US untuk *colouring Levi's.*

Jadi, itu yang kita sendiri pun di Sabah sekarang ini sedang – R&D kami sedang membuat *research*-lah, sama ada kita boleh *commercialize* tangar ini lah. Sebab di Sabah ataupun di Malaysia, kita tidak begitu *familiar with this kind of technology.* Tetapi di seberang, kita difahamkan, teknologinya sangat *simple.*

Dia rendam sahaja, tak tahu berapa lama *and then* dia *extract that* – ambil air itu, dia *extract*-lah. *So,* kita sedang buat kajianlah mengenai itu, YB.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Datuk Wira Pengerusi, terima kasih. Jadi, saya ada satu soalan. Jadi, untuk beberapa tahun ini ataupun kalau ada statistik terkini, berapa lesen yang masih aktif untuk pembalakan di Sabah dan berapa syarikat yang terlibat dalam aktiviti pembalakan ini?

Encik Indra Purwandita bin Herry Sunjoto [Jabatan Perhutanan Sabah]: Terima kasih, YB. Setakat ini, lesen jangka masa panjang yang beroperasi dan telah diluluskan berjumlah 43 lesen. *So,* ini yang *long term license* lah, *50 to 100 years.* Ya. Itu sebab pengurusan hutan ini di tiga wilayah mempunyai perbezaan lah. Mungkin di Semenanjung lain, di Sarawak lain dan di Sabah pun lain.

Jadi, di Sabah ini kita lebih kepada yang tadi itu, SMFLA. Dia dibahagikan kepada *management unit (FMU*) dan setiap FMU ini tadi telah pun di– itulah. Kalau ada permohonan dan disemak oleh jawatankuasa yang tertentu dan jika dibenarkan dan berpuas hati, kita memberi kelulusan lesen lah.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Jadi, berapa...

Encik Indra Purwandita bin Herry Sunjoto [Jabatan Perhutanan Sabah]: Setakat ini, ada 43 lah YB, yang jangka masa panjang.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Berapa hektar yang kita sudah memberi kelulusan untuk menjalankan aktiviti tersebut?

Encik Indra Purwandita bin Herry Sunjoto [Jabatan Perhutanan Sabah]: *Total licensed area,* 1.5 juta hektar. *Total licensed area.*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Bayan Baru.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Terima kasih, Pengerusi. Saya nak tanya Tuan Pengarah. Hutan simpan ya, 3.6 juta hektar, ada tujuh kelas hutan simpan. Boleh terangkan apa tujuh kelas tersebut? Itu soalan pertama.

■1740

Encik Indra Purwandita bin Herry Sunjoto [Jabatan Perhutanan Sabah]: Terima kasih Yang Berhormat. Jadi, betul. Ada tujuh kelas. Jadi yang kelas pertama itu kelas perlindungan, *totally protected*. Ia khas untuk tujuan perlindungan tadahan air, tanah dan juga untuk *microclimate. Then*, kelas dua ini adalah hutan produksi ataupun *commercial forest*. Ini, di sinilah pengurusan hasilan, pembalakan, lesen semua dikeluarkan di sini. Kelas tiga adalah *domestic forest*. Ini untuk tujuan kegunaan orang kampung, maksudnya orang kampung boleh ambil kayu api, dia boleh ambil herba dari situlah dengan *license*.

Hutan simpan keempat iaitu *amenity forest* untuk tujuan rekreasi dan riadah. Kelas kelima iaitu *mangrove* untuk tujuan perlindungan bakau dan juga terdapat kawasan tertentu hutan simpan bakau yang boleh dilesenkan kepada orang kampung. Ia *limited* kepada 50 batang satu kepalalah. *So*, ia lebih kepada *small scale licensing*. Seterusnya, hutan simpan kelas enam iaitu *virgin jungle*. Jadi, ini khas untuk tujuan penyelidikan. Terakhir, hutan simpan kelas tujuh iaitu *wildlife reserve* untuk pemuliharaan hidupan liar Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Terima kasih. Nampaknya ada dua kelas yang besarlah ya, Kawasan Terlindung Sepenuhnya (KTS) di mana *about two* – 2 juta hektar dan hutan pengeluaran *1.9 million hectare. So,* ini bermaksud bahawa di Sabah ini lebih kurang *50 percent* adalah hutan pengeluaran. *So*, apabila kita nampak *50 percent* hutan pengeluaran dan ada *40 percent* yang tidak ditanam dengan baik, maka *we have a bit problem* lah. Maksudnya, ada banyak kelemahan yang perlu diperbaiki untuk dari segi *productive forest*. Jadi, saya harap bahawa Kerajaan Negeri Sabah akan– wilayah Sabah untuk lebih bertungkus-lumus lagilah. Saya hendak tanya tentang hutan pengeluaran. Hutan pengeluaran, saya baca *somewhere* lah tadi ya, ada pula ditanam dengan kelapa sawit ya. Berapa peratus yang ditanam dengan kelapa sawit? Adakah itu dibenarkan oleh Kerajaan Wilayah Sabah?

Encik Indra Purwandita bin Herry Sunjoto [Jabatan Perhutanan Sabah]: Terima kasih Yang Berhormat. Betul itu, memang kita ada membenarkan penanaman kelapa sawit tetapi ia tidak *100 percent*. Ia dikenali sebagai *agroforestry*. Kalau kita lihat kepada ada satu slaid itu lebih jelas *agroforestry*. Jadi, di dalam zon *agroforestry* ini, ia perlu melaksanakan *integrated planting*. Ia ada kelapa sawit dan ia juga ada zon perhutanan. Jadi, bermaksud di situ ia tidak *purely* kelapa sawit Yang Berhormat. Tetapi ia perlu juga melaksanakan pengurusan hutan sebab *land use, overall land use still our forest. So, we did not allow 100 percent oil palm but instead* mereka perlu tanam ladang hutan juga dan *maintain some conservation area actually*.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Daripada data yang ditunjukkan, *more than 50 percent or even 60 percent* adalah kelapa sawit *because 112,000 hectare* berbanding dengan perhutanan *84,000 hectare*. Jadi, bermaksud bahawa *more than 50 percent* lah ya adalah kelapa sawit. Tetapi mengikut cadangan daripada Kerajaan Pusat daripada kementerian, kelapa sawit bukan *consider as species* yang dibenarkan untuk ditanam dalam ladang hutan.

Encik Indra Purwandita bin Herry Sunjoto [Jabatan Perhutanan Sabah]: Betul, betul Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *So*...

Encik Indra Purwandita bin Herry Sunjoto [Jabatan Perhutanan Sabah]: Walau bagaimanapun, kita perlu mengambil maklum bahawa pelaksanaan SFMLA ini 100 tahun, ia memerlukan satu tempoh yang panjang dan ia perlu *generate revenue. So, to enable SFMLA* ini sukses, kerajaan negeri telah membenarkan *one rotation only, one rotation to plant oil palm and after that they have to revert to the forest plantation. So, that is in the agreement* begitulah Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Okey, saya rasa soalan tambahan lagi adalah – *So*, sekarang saya tengah – lepas sesi Semenanjung, Sabah dan Sarawak, saya nampak bahawa hutan simpan kita ia macam melalui satu *cycle. Correct me if I am wrong,* ya. Hutan simpan kekal. *Maybe it's virgin forest*. KTS lah katakan atau *virgin forest* lah. *So*, ada syarikat yang akan minta dengan kerajaan negeri, kerajaan wilayah untuk pembalakan. Selepas pembalakan, ia akan *automatically* ditukar kepada hutan ladang. Adakah betul setakat ini prosesnya?

Encik Indra Purwandita bin Herry Sunjoto [Jabatan Perhutanan Sabah]: *Not 100 percent* betul. *So, means* contoh ya Yang Berhormat, kalau kita tengok *zoning* ini tadi, itu sebab dalam pengurusan hutan ini kami perlu – *is a must to have management plan*. Maksudnya pelan pengurusan hutan bagi *that particular area* lah sebab hutan di Sabah ini, kami mewarisi hutan bukan *virgin*. Kami telah pun di balak beberapa *cycle*, mungkin masuk kepada pusingan yang keempat sejak tahun 1960. Sekarang ini sudah masuk *fourth cycle* lah sebab satu *cycle* pun ia lebih kurang 25 hingga 30 tahunlah *actually*. Kan ada yang entrinya pun tidak sampai itu. Itu sebelum tahun 1997 sebab waktu itu kami melaksanakan pembalakan secara konvensional, *short-term*, tidak ada pelan, *simply enter, cut and chow*. Bahasa kasarnya begitulah Yang Berhormat ya. Tetapi selepas tahun 1997, kita telah melaksanakan SFM sepenuhnya, mungkin di Semenanjung dan juga di Sarawak sama juga, kita berkongsi *info* yang sama.

Jadi, setiap pelesen ini, sebelum dia membuat aktiviti, dia perlu buat *management plan*, dia perlu buat *zoning*. Jadi, apabila *area*— contoh 100,000 hektar ini dia buat inventori hutan, ada *40 percent still have a good forest. So,* ini kita jabatan

kerajaan negeri tidak benarkan dia untuk *convert to plantation either oil palm* ataupun *timber plantation*. *So*, yang *good forest* ini *they have to manage under sustainable forest management* ataupun *Natural Forest Management* (NFM) di mana dia membuat penuaian menggunakan kaedah *reduced impact logging*.

Tetapi bagi *area* yang *degraded* – sebab macam saya katakan hutan kami bukan lagi hutan yang *virgin*. Bagi hutan yang *degraded*, kerajaan negeri membenarkan untuk mereka sama ada ladang hutan ataupun kombinasi untuk mereka sama ada ladang hutan ataupun kombinasi ladang hutan dan kelapa sawit. Jadi, jangan tersalah *interpret that we allow deforestation, never. Actually,* yang kita *allow* untuk penanaman ladang hutan ini adalah yang dipanggil *degraded forest. Means* kalau diurus secara mampan pun ia akan mengambil *two cycle,* 40 tahun untuk kembali keadaan asal.

Jadi, kita di kerajaan negeri kita memerlukan *revenue. So, we have to generate revenue from our forestry sector. So, that's why we have to explore on this timber plantation* lah Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Kalau boleh saya hendak tanya KSU dan juga Datu Pengarah Sarawak. Adakah – perkara yang sama *because after the hearing three* wilayah, barulah *we have more clearer picture* lah, *at least for me* lah, *okay*. Bolehkah komen tentang ini? *Is it the same thing as Sabah?*

Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad [Jabatan Hutan Sarawak]: Kalau di Sarawak, mengikut polisi yang penubuhan ladang dulu, 30 tahun yang lampaulah, kita benarkan 20 peratus daripada keseluruhan *gross area* untuk ladang kelapa sawit, *20 percent*. Kalau kita lihat kalau 2*.1 million is mean* 500,000 sepatutnya boleh dibenarkan. Tetapi yang *actual figure that we have now is about 174,000* sahaja. Tidak sampailah *20 percent. So,* kita benarkan ini dulu apabila kerajaan melihat penubuhan ladang hutan ini memerlukan satu kos yang besar.

■1750

Kedua, *gestation period* untuk mendapatkan pulangan daripada ladang hutan mungkin dalam– paling lambat pun lapan tahun, 12 tahun ataupun 15 tahun. Bergantung kepada produk yang kita nak hasilkan daripada ladang hutan itu. Berbanding dengan kelapa sawit. Kelapa sawit mungkin dalam empat lima tahun dah dapat hasil. *So that's why* kerajaan negeri membenarkan *certain portion of these* kawasan ladang ini untuk dibuat ladang kelapa sawit dan hasil itu sepatutnya digunakan semula oleh pelesen untuk penubuhan ladang. *To plough back the investment to plough back* dia punya hasil untuk penubuhan ladang. Ini hanya dibenarkan untuk satu *cycle*, *25 years. After 25 years, they have to* kembali balik kepada– jadikan kawasan itu balik kepada ladang hutan. *That is the policy* yang telah ditubuhkan, kalau Sarawak.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *Maybe* Semenanjung, Dr. KSU.

Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang [Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia]: Terima kasih Yang Berhormat. Jadi, sebagaimana saya dah jelaskan pagi tadi, saya percaya sama *condition* di Semenanjung dengan Sarawak. Untuk Semenanjung, kalau kebenaran untuk tanaman sawit itu adalah *case by case*. Kes terpencil. Saya bagi contoh tadi di Johor. Tetapi ada juga bagi kes-kes di Semenanjung ini kawasan-kawasan terdapat sawit itu disebabkan kawasan itu asalnya diteroka, dan ditanam dengan sawit. Jadi, dalam keadaan kerajaan negeri untuk mempertimbangkan sebelum tindakan memusnahkan sawit itu dijalankan, kerajaan negeri ada yang memberi kebenaran supaya sawit itu dibenarkan tempoh tertentu. Ada juga dalam kes-kes tertentu, kerajaan negeri memberikan permit penggunaan. Sebab dalam akta sedia ada kita, Akta Perhutanan Negara (Akta 313) ada klausa di bawah seksyen 43 tidak silap saya, untuk membenarkan memberi permit penggunaan. Jadi, maknanya sawit itu dibenarkan dan ia melalui proses yang sah untuk permit penggunaan.

Jadi, ada juga kes di mana kawasan itu asalnya kawasan tanah kerajaan yang diteroka ada sawit dan kerajaan mewartakan kawasan itu kemudiannya sebagai hutan simpan kekal. Jadi, sawit itu ada awal lagi sebelum kawasan itu diwartakan sebagai hutan simpan kekal. Jadi itu kes-kes kita di Semenanjung terutamanya untuk sawit dalam hutan simpanan kekal, terima kasih.

Tetapi dalam hakikatnya, untuk program ladang hutan memang spesies sawit itu tidak termasuk dalam spesies yang kita ini. Dia lebih kepada tadi untuk membantu pihak-pihak pengusaha yang diberi kebenaran untuk menjalankan– kita namakan sebagai modal awal. Sama ada untuk tujuan penanaman atau membayar balik pinjaman yang telah dibuat oleh kerajaan negeri sebelum untuk penubuhan ladang sawit ataupun ladang hutan pada awal penubuhannya pada 1980-an, terima kasih.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Alright*. Kalau ada siapa lagi yang nak bertanya, Tampin ada? Tak ada. Okey. Ada *last question* daripada Kluang.

Puan Wong Shu Qi [Timbalan Pengerusi PAC]: Jadi, saja nak tahu pengutipan hasil aktiviti pembalakan di wilayah Sabah jumlahnya berapa setiap tahun agak-agaknya?

Encik Indra Purwandita bin Henry Sunjoto [Jabatan Perhutanan Sabah]: Okey untuk makluman YB, *in the past* kami *contribute* 50 *percent of the state revenue* until *mid* 90s. Tetapi apabila di hujung 90-an ini, kami *drop very drastically and for the past five years*, *actually we only contribute three percent of the state revenue* dan *consistently around* RM150 to RM170 *million per annum for the past five years*.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: Saya ada satu soalan. Jadi, itu untuk *revenue*. Jadi untuk itu *fine* berapa kes yang di mahkamah yang kamu berjaya untuk mendapatkan pampasan untuk semua hutan-hutan ini ya.

Encik Indra Purwandita bin Henry Sunjoto [Jabatan Perhutanan Sabah]: *Actually* kalau *fine* ini YB, *sorry to say here* lah. *Fine not to the state,* dia pergi ke federal, sebab mahkamah kita mahkamah federal. Jadi *actually* penalti kita tak banyak, saya rasa kalau ikut statistik ini pun nampak *various* lah. Dari RM1 juta sehingga ke RM168,000. Kebanyakan kita jatuh hukuman kebanyakan. Memang kalau penalti *fine* ini, terus terang kami sendiri pun agak kecewa sebab kita nak yang seberat-seberatnya. Tetapi yang memutuskan bukan pendakwa, yang memutuskan adalah Tuan Hakim ataupun Majistret.

Jadi ini lah sebetulnya mungkin di Sarawak dan juga di *Peninsular* mempunyai senario yang sama juga dan kalau di Sabah kami sebetulnya dipanggil Mahkamah Alam Sekitar sebetulnya. Mungkin YB pun ada dengar ini. Sekarang ini lebih fokus, kes-kes itu jarang yang tertangguh. Biasanya dua tiga kali tangguh selepas itu dia jatuh hukum. Terima kasih.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Cuma, bukan nak cuba *conclude* tetapi *conclude* daripada pemahaman saya, dari segi pengurusan hutan di Malaysia ini maknanya *there is no streamlining* lah, Semenanjung; Sabah dan; Sarawak. *Even the basic definition* pun beza. Apatah lagi dari segi pelesenan kelas hutan simpan, beza. *Basic definition* fasal litupan hutan pun beza. Jadi *if you go on like this*, dari segi *way forward* mungkin banyak cabaran yang begitu besar di hadapan kita dan mungkin ketiga-tiga wilayah ini pada pandangan saya *got to sit down and get our act together. At least the basic things got to be streamlined*. Cakap pasal litupan hutan, ini *definition* lain, ini *definition– how come we can manage as a country. So* pada pandangan saya *at least basic things* itu, *in terms of* pengurusan hutan *got to be streamlined for all these three* wilayah. *The details, all that* mungkin ada perbezaan keadaan dan sebagainya. Tetapi *now we are in the situation whereby even basic definition* pun berbeza, itu pandangan saya lah. Terima kasih.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Terima kasih Wangsa Maju. Pendapat yang saya rasa boleh kita tengok dan angkat juga nanti. Jadi, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat semua yang telah pun mengambil bahagian dalam bertanyakan soalan dan terima kasih kepada YBrs. Dr. Ching Thoo a/l Kim KSU Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam, YBhg. Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang, Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, YBhg. Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad, Pengarah Jabatan Hutan Sarawak dan Encik Indra Purwandita bin Herry Sunjoto yang mewakili

YBhg Datuk Frederick Kugan dan semua yang terlibat dalam mesyuarat pada petang ini.

Jadi, jam menunjukkan pukul 5.57. Jadi, kita tangguhkan kita punya mesyuarat ini pada waktu yang lain. Terima kasih semua yang turut terlibat dan juga memberikan komitmen pada petang ini. Terima kasih. Untuk Ahli PAC, tunggu sebentar ada beberapa perkara yang nak dibincangkan. Terima kasih.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 5.58 petang



DOKUMEN PEMBENTANGAN



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

MALAYSIA MADANI

PEMBENTANGAN PRA PROSIDING KEPADA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

PENGURUSAN HUTAN DAN IMPAK KEPADA ALAM SEKITAR

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2022: AUDITAN KHAS

KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM
JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA
JABATAN PERHUTANAN NEGERI
JABATAN PERHUTANAN SABAH
JABATAN HUTAN SARAWAK




TEMPAT: BILIK JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2
BLOK UTAMA BANGUNAN PARLIMEN
TARIKH: 12 DISEMBER 2023 (SELASA)
MASA: 10.00 PAGI

JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA


MALAYSIA MADANI

LATAR BELAKANG



DASAR PERHUTANAN MALAYSIA

- Mengekalkan **sekurang-kurangnya 50%** daripada keluasan tanah negara sebagai **hutan dan litupan pokok**



Skop Pengauditan

Tahun

2016 hingga 2021

- 9 Negeri,
- Data, fail & rekod


OBJEKTIF PENGAUDITAN

Menilai sama ada **pengurusan hutan** dilaksanakan dengan berhemat, cekap & berkesan untuk mengekalkan kawasan hutan yang mencukupi bagi:

- **Kepentingan Perkhidmatan Ekosistem**
- **Konservasi Kepelbagaian Biologi**
- **Perlindungan Alam Sekitar**
- **Penggunaan Sumber Secara Berkekalan**
- **Pembangunan Sosioekonomi**

JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

MALAYSIA MADANI



RUMUSAN AUDIT

Litupan hutan bagi tahun 2021 seluas **18.05 juta ha (54.6%)** selaras komitmen negara kekal **50%** litupan kawasan berhutan.

Wilayah	Semenanjung Malaysia	Sabah	Sarawak
	43.2%	**63.6%**	**61.4%**
Berhutan	5.73 juta ha	4.68 juta ha	7.65 juta ha
Tanah	13.26 juta ha	7.36 juta ha	12.45 ha

***Setakat 31 Disember 2021**

Kelemahan pengurusan aktiviti perhutanan di dalam HSK iaitu:


Pembalakan | **Pembangunan Ladang Hutan** | **Perlombongan** | **Pengkuarian**

memberi **impak negatif** kepada aspek **sosial** dan **alam sekitar**.

JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

MALAYSIA MADANI

PENCAPAIAN OUTPUT



Litupan Hutan:

2016		2021
55.2%	**0.6%** ▼	**54.6%**
18.24 juta ha		**18.05 juta ha**

Pewartaan:

39,868 ha
Lebihan Warta Masuk

Projek PLH:

53.7% Ditanam | **46.3%** **Belum Ditanam**

Rangkaian Ekologi:

(41%) 145/356 Strategi Central Forest Spine **belum laksana**

Strategi Heart of Borneo **9/22** **tidak tercapai**

*Setakat 31 Disember 2021

JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA


MALAYSIA MADANI

PENCAPAIAN KEBERHASILAN






- Impak **positif** kepada ekonomi terutamanya hasil negeri namun terdapat penurunan




- Konflik hidupan liar: **56,349 aduan**
- Roadkill: **2,562 kemalangan**



- **526** kes **pelanggaran** syarat Environmental Impact Assessment (EIA) di HSK
- **49** lesen aktiviti hutan di **Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)**

Kesan: pencemaran udara, pencemaran sumber air, runtuhan tanah & banjir.

ISU PENGURUSAN AKTIVITI PERHUTANAN (USAHASIL)



Sampel Audit

382 / **3,658** (**10.4%**)
Fail/Lesen/Aktiviti

0.51 / **4.27** (**11.9%**)
Keluasan (juta ha)


Penemuan Ketidakpatuhan:

- **25 kes - Syarat lesen/EIA/aktiviti selepas penuaian**
- **3 kes - Garis panduan** (Cth: Penggunaan Jentera Log Fisher dalam Pengusahasilan Hutan Darat Asli dalam HSK; Jalan Hutan; Pembungkusan, Pelabelan dan Penyimpanan Sisa Terjadual)
- **4 kes - Perintah/peraturan Kualiti Alam Sekeliling**
- **2 kes - Manual Perhutanan 2003 (Usahasil)**
- **1 kes - Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia**

Kesan:

- **Menjejaskan objektif Pengurusan Hutan Secara Berkekalan**

ISU PENGURUSAN AKTIVITI PERHUTANAN (PERLOMBONGAN)



Persampelan Audit

23 / 106 (21.7%) Fail/Lesen/Aktiviti

3,401.12 / 4,704.92 (72.3%) Keluasan (ha)


Penemuan:

- 9 pelanggaran (Akta 313 & Akta 525)
- Jenis Pelanggaran: Skim Pengendalian Melombong, EIA, kualiti air

Kesan:

- Impak negatif kepada alam sekitar serta kecacatan kekal kepada kualiti hutan & persekitarannya.

ISU PENGURUSAN AKTIVITI PERHUTANAN (PENGKUARIAN)



Persampelan Audit

14 /143 (9.8%)
Fail/Lesen/Aktiviti


3,652.44 / 12,599.71 (29%)
Keluasan (ha)

Penemuan:

- 18 pelanggaran (Akta 127, Akta 313 & Syarat Lesen)
- Jenis Pelanggaran: Kualiti alam sekeliling (udara, darat & air)

Kesan:

- impak ketara kepada persekitaran sosial, biologi serta fizikal tapak dan ianya sukar dipulihkan



SYOR AUDIT

- Mengkaji pencapaian **Projek Pembangunan Ladang Hutan:** aspek sumbangan ekonomi, risiko sosial & pemuliharaan alam sekitar untuk memulih kemerosotan ekosistem.
- Pengumpulan & verifikasi **Data Kawasan Berhutan Nasional secara tahunan**
- **Kerjasama Kerajaan Persekutuan & Negeri** bagi pelaksanaan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (PHSB)
- Meningkatkan **Penguatkuasaan bersepadu** & mengoptimumkan **Teknologi Perhutanan**

JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

MALAYSIA MADANI

STATUS AG's DASHBOARD (PERSEKUTUAN)



Dalam Tindakan
13

1. Pencapaian Output - Litupan Hutan
2. Pencapaian Output - Pewartaan Perkampungan Orang Asli
3. Pencapaian Output - Kelulusan Kawasan Tanaman Ladang Hutan
4. Pencapaian Output - Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (CFS)
5. Pencapaian Output - Rangkaian Ekologi Heart Of Borneo (HOB)
6. Pencapaian Keberhasilan - Konservasi & Konflik Hidupan Liar
7. Pencapaian Keberhasilan - Kadar Pencemaran
8. Pencapaian Keberhasilan - Bencana Alam (Tanah Runtuh & Banjir)
9. Pengurusan Sumber Hutan - Rancangan Pengurusan Hutan / Forest Management Plan
10. Pembangunan Hutan Asli – Perlombongan
11. Pembangunan Hutan Asli – Restorasi
12. Pembangunan Hutan Asli - Tapak Ramsar (Tasek Bera)
13. Sistem & Teknologi Perhutanan

Selesai
4

1. Pencapaian Output – Pewartaan Hutan Simpanan Kekal (HSK)
2. Pencapaian Output – Pengeluaran Kayu Balak Berbanding Catuan Tebangan Tahunan (CTT)
3. Pencapaian Keberhasilan - Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)
4. Pengurusan Aktiviti - Penguatkuasaan dan Pemantauan Sumber Hutan

AGD Persekutuan

AGD Negeri



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA


MALAYSIA MADANI

PEMBENTANGAN PRA PROSIDING KEPADA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

PENGURUSAN HUTAN DAN IMPAK KEPADA ALAM SEKITAR

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2022: AUDITAN KHAS

KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM
JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA
JABATAN PERHUTANAN NEGERI
JABATAN PERHUTANAN SABAH
JABATAN HUTAN SARAWAK



TERIMA KASIH

KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

MESYUARAT PROSIDING JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS BIL.10(A) 2023

AUDITAN KHAS PENGURUSAN HUTAN DAN IMPAK KEPADA ALAM SEKITAR

12 DISEMBER 2023 (SELASA) | 11.00 PAGI
BILIK JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2, BLOK UTAMA BANGUNAN PARLIMEN

KANDUNGAN TAKLIMAT



TUJUAN

Mengemukakan maklumat dan jawapan yang terkini mengenai isu-isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Siri 1 2022: Auditan Khas Pengurusan Hutan dan Impak kepada Alam Sekitar

Pencapaian Output		Pencapaian Keberhasilan		Pengurusan Aktiviti	
5.1.1	Litupan Hutan	5.2.2.2	Kesejahteraan Sosial dan Hidupan Liar - Konservasi dan Konflik Hidupan Liar	5.3.2.1.c	Pengurusan Sumber Hutan - Rancangan Pengurusan Hutan / *Forest Management Plan*
5.1.2.2	Pewartaan - Pewartaan Perkampungan Orang Asli	5.2.4.2	Kesan kepada Alam Sekitar - Kadar Pencemaran	5.3.3.2	Pembangunan Hutan Asli - Perlombongan
5.1.4.1	Penubuhan Ladang Hutan - Kelulusan Kawasan Tanaman Ladang Hutan	5.2.4.4	Kesan Kepada Alam Sekitar - Bencana Alam (Tanah Runtuh dan Banjir)	5.3.3.4	Pembangunan Hutan Asli - Restorasi
5.1.5.1	Rangkaian Ekologi - Central Forest Spine (CFS)			5.3.3.5	Pembangunan Hutan Asli - Tapak Ramsar (Tasek Bera)
5.1.5.2	Rangkaian Ekologi - Heart of Borneo (HOB)			5.3.6.4	Sistem dan Teknologi Perhutanan



LATAR BELAKANG

TADBIR URUS PERHUTANAN DI MALAYSIA

LATAR BELAKANG TADBIR URUS PERHUTANAN DI MALAYSIA

Perlembagaan Persekutuan

Perkara 74(2)
Perhutanan terletak di bawah bidang kuasa **Kerajaan Negeri**. Sehubungan itu, setiap negeri **mempunyai kuasa dan kebebasan** untuk **menguatkuasakan perundangan dan dasar perhutanan** di negeri masing-masing

Sabah

- Dasar Hutan Sabah 2018
- Enakmen Hutan Sabah 1968
- Enakmen Hutan (Kayu) Sabah 2015
- Enakmen Taman Sabah 1984
- Enakmen Perlindungan Alam Sekitar 2002
- Enakmen Biodiversiti Sabah 2000



Semenanjung Malaysia

- Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia
- Akta Perhutanan Negara 1984 [*Akta 313*]
- Akta Industri Berasas Kayu 1984 [*Akta 314*]
- Akta Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia 2016 [*Akta 782*]



Sarawak

- Dasar Hutan Sarawak 2019
- Ordinan Hutan Sarawak 2015
- Ordinan Taman Negara dan Rizab Semula Jadi Sarawak 1998
- Ordinan Perlindungan Hidupan Liar 1998

GARIS MASA PENGURUSAN HUTAN DAN ALAM SEKITAR DI MALAYSIA

Skop pengauditan: 2016-2021

Sebelum 2003

Kementerian Perusahaan Utama
Huluan dan Hiliran – (Sektor Perhutanan dan Kayu-kayan)

Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (MOSTE)
Pengurusan Alam Sekitar (termasuk Biodiversiti)

Mac 2003

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE)
Sektor Perhutanan dan Alam Sekitar

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC)
Sektor Kayu-kayan

Mei 2018

Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS)
Sektor Perhutanan

Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC)
Sektor Alam Sekitar

Kementerian Perusahaan Utama (MPI)
Sektor Kayu-kayan

Mac 2020

Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA)
Sektor Perhutanan

Kementerian Air dan Alam Sekitar (KASA)
Sektor Alam Sekitar

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC)
Sektor Kayu-kayan

Nov 2022

Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)
Sektor Perhutanan dan Alam Sekitar

Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK)
Sektor Kayu-kayan


MAJLIS TANAH NEGARA

Majlis Tanah Negara (MTN) diwujudkan sebagai platform kepada **Kerajaan Persekutuan dan Negeri** bagi membincangkan berkenaan dasar dan perundangan untuk memajukan dan mengawal penggunaan tanah bagi maksud **perhutanan** serta perlombongan, pertanian dan lain-lain dalam usaha meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesanan pentadbiran tanah negara. MTN diwujudkan selaras dengan Perkara 91(3) Perlembagaan Persekutuan yang menetapkan supaya mesyuarat MTN hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam setahun.



PENAMBAHBAIKAN PENGURUSAN HUTAN DI MALAYSIA (2021-2023)





Melancarkan Dasar Perhutanan Malaysia pada 21 Mac 2021	1
2	Pindaan Akta Perhutanan Negara 1984 [*Akta 313*] diluluskan di Palimen pada tahun 2022
Melancarkan Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan (DKBK) 2022-2030 pada 24 Oktober 2023	3
4	Terlibat secara aktif dalam penyediaan RFN-4, RFZPPN-2 dan PIRECFS 2022

Nota:

PIRECFS	Pelan Induk Rangkaian Ekologi Cental Forest Spine
RFN-4	Rancangan Fizikal Negara Keempat
RFZPPN-2	Rancangan Zon Pesisir Pantai Negara Kedua



PENEMUAN AUDIT

ISU, STATUS TINDAKAN DAN *WAY FORWARD*

ISU 1 LITUPAN HUTAN

ISU

- Terdapat **trend penurunan** bagi kawasan litupan hutan di Malaysia
- **Sasaran kawasan berhutan** yang ditetapkan di Johor, Perak dan Sarawak **tidak tercapai**
- Syor supaya **pelaporan hutan nasional** dibuat secara **tahunan**

STATUS TINDAKAN

Usaha meningkatkan kawasan litupan hutan di peringkat Kerajaan Persekutuan:

Memperkasakan perundangan perhutanan seperti pindaan Akta Perhutanan Negara 1984 [*Akta 313*]

Mempergiat usaha ke arah mewartakan kawasan berhutan sebagai HSK/HTA/KTS serta pewartaan kawasan CHSK khususnya yang terletak di kawasan CFS dan KSAS lain

Tidak meluluskan Skim Pengendalian Melombong bagi aktiviti perlombongan dalam HSK, kawasan hutan perlindungan dan KSAS

Menyediakan EFT kepada negeri-negeri yang mengambil usaha melindungi kawasan HTA dan kawasan perlindungan sedia ada serta menambah kawasan perlindungan yang baharu

Nota:

CFS	Cental Forest Spine
CHSK	Cadangan Hutan Simpanan Kekal
EFT	Insentif Kewangan bagi Konservasi Biodiversiti dan Hutan
HSK	Hutan Simpanan Kekal
HTA	Hutan Tadahan Air
KSAS	Kawasan Sensitif Alam Sekitar
KTS	Kawasan Terlindung Sepenuhnya

ISU 1 LITUPAN HUTAN (samb.)

PELAPORAN DATA HUTAN NASIONAL

1. Pengesahan data hutan dengan JPSM, JP Sabah dan JHS selaku pemilik data
2. Analisis perubahan keluasan hutan secara berterusan berdasarkan data yang dikemukakan oleh Jabatan Perhutanan ketiga-tiga wilayah
3. Perlu mematuhi prinsip *Transparency*, *Accuracy*, *Completeness*, *Comparability*, *Consistency* (TACCC) sebelum dimuktamadkan dan seterusnya diguna pakai sebagai data rasmi
4. Data hutan di peringkat NRECC disimpan dalam format Microsoft Excel untuk tujuan pelaporan di peringkat domestik dan antarabangsa
5. Proses verifikasi mengambil masa yang lama untuk dilaksanakan dan buat masa ini data hutan nasional tersebut dilaporkan setiap **2 tahun sekali**

WAY FORWARD

Pengumpulan data hutan sedia ada di peringkat wilayah:

Semenanjung	- setiap tahun
Sarawak	- 2 tahun sekali
Sabah	- 2 tahun sekali

NRECC mengambil perhatian ke atas syor LKAN supaya pelaporan data hutan nasional dibuat setiap tahun dengan mengambil kira kesediaan pemilik (*custodian*) data hutan daripada ketiga-tiga wilayah.

ISU 2 PEWARTAAN PERKAMPUNGAN ORANG ASLI

ISU

Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) **tidak menetapkan sasaran pewartaan Kawasan Orang Asli (KOA)** dalam pelan strategik Jabatan

STATUS TINDAKAN

JAKOA telah menyediakan pelan strategik yang baharu iaitu **Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli 2023-2026** yang berkuat kuasa pada bulan Mac tahun 2023.

WAY FORWARD

- Pelaksanaan Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli 2023-2026
- **Jawatankuasa Bersama JPSM dan JAKOA** yang telah diwujudkan sejak tahun 2012 untuk membincangkan isu berkaitan masyarakat Orang Asli dan pengurusan hutan di Semenanjung Malaysia

KERANGKA PELAN STRATEGIK JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI 2023-2026

TERAS STRATEGIK 1 Perlindungan

PERLINDUNGAN: MEMPERKUKUHKAN JATI DIRI, KEPERLUAN HIDUP, KEPIMPINAN TRADISI DAN NILAI KEHIDUPAN UNIK SERTA BUDAYA MASYARAKAT ORANG ASLI

Strategi 1: Memantapkan Pengurusan Tanah dan Kawasan Penempatan Masyarakat Orang Asli

Bil	Program/ Projek/ Aktiviti	Indikator Sasaran	Sasaran (Bilangan/ Peratusan)	Tahun/ Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
1	**Projek Penandaan Sempadan Kawasan Penempatan Orang Asli** Aktiviti: i. Kerja Ukur Perimeter/ Kerja Ukur Halus.	■ Bilangan KOA	■ 55 KOA	2023 - 2026	■ BPSE ■ JAKOA NEGERI ■ JAKOA DAERAH
2	**Permohonan Pewartaan di bawah Akta 134B** Aktiviti: i. Permohonan warta (PDT/ PTG). ii. Kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). iii. Siar Warta.	■ Bilangan Permohonan ■ Bilangan Lulus MMKN ■ Bilangan Siar Warta	■ 55 KOA ■ 55 Lulus ■ 55 Siar Warta	2023 - 2026	■ JAKOA NEGERI ■ JAKOA DAERAH

ISU 3 PENUBUHAN LADANG HUTAN

ISU

- **47.8% (0.48 juta hektar)** kawasan ladang hutan masih **belum ditanam**
- **Pembukaan kawasan hutan** bagi tujuan ladang **hutan tanpa aktiviti penanaman semula** didapati boleh **menjejaskan objektif** sebenar penubuhan ladang hutan.

STATUS TINDAKAN

Moratorium penubuhan ladang hutan sedang dilaksanakan bagi kelulusan baharu penubuhan ladang hutan dalam HSK di Semenanjung selaras dengan keputusan Majlis Tanah Negara Ke-79 pada tahun 2021

WAY FORWARD

Peruntukan sebanyak RM2 juta dipohon bagi melaksanakan **Kajian Impak Pembangunan Ladang Hutan di dalam Hutan Simpanan Kekal di Semenanjung Malaysia terhadap Ekonomi, Sosial dan Alam Sekitar** dalam **RP5 RMKe-12**.

ISU 4 CENTRAL FOREST SPINE

ISU: Terdapat strategi dan inisiatif yang digariskan di bawah Pelan Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (PIRECFS) 2010 **tidak tercapai**

Peruntukan yang terhad

Inisiatif dalam PIRECFS 2010 **kurang berdaya laksana**

Punca

Kebanyakan maklumat kawasan Rangkaian Ekologi dalam PIRECFS 2010 **tidak lagi menggambarkan keadaan sebenar di lapangan**

STATUS TINDAKAN

PIRECFS 2010 telah dikaji semula oleh PLANMalaysia dan **digantikan dengan PIRECFS 2022** yang telah diluluskan di Mesyuarat Majlis Rancangan Fizikal Negara pada 20 Julai 2022.

WAY FORWARD

PIRECFS 2022 merupakan kajian semula kepada pelan induk yang telah dihasilkan pada tahun 2010 dan merupakan **dokumen terkini yang dirujuk mulai tahun 2022**. Tempoh pelaksanaan PIRECFS 2022 adalah dari tahun **2022 hingga 2040**.



ISU 5 HEART OF BORNEO

ISU


Semakan semula ke atas Heart of Borneo Project Implementation Framework oleh Wilayah Sarawak **sedang dalam peringkat akhir** dan dijangka selesai pada tahun 2023

STATUS TINDAKAN

Mesyuarat Heart of Borneo Technical Working Group (TWG) pada 11 September 2023 telah memutuskan supaya Sarawak Heart of Borneo Initiative: Project Implementation Framework (Revised) **disemak semula** dengan **mengambil kira Sarawak Post-Covid Development Strategy 2030** dan **siap pada suku kedua 2024**

WAY FORWARD

Pelaksanaan Heart of Borneo di wilayah Sabah dan Sarawak dibuat berpandukan dokumen tindakan/pelaksanaan yang dibangunkan di peringkat Wilayah masing-masing



DECLARATION ON THE HEART OF BORNEO INITIATIVE
Three Countries, One Conservation Vision

We, the Governments of Brunei Darussalam, Indonesia and Malaysia, recognizing the importance of the Island of Borneo as a life support system, hereby declare that:

- With one conservation vision and with a view to promote people's welfare, we will cooperate in ensuring the effective management of forest resources and conservation of a network of protected areas, productive forests and other sustainable land-uses within an area which the three respective countries will designate as the "Heart of Borneo (HoB)", thereby maintaining Bornean natural heritage for the benefit of present and future generations, with full respect to each country's sovereignty and territorial boundaries, and also without prejudice to the ongoing negotiations on land boundary demarcation.
- The HoB Initiative is a voluntary trans-boundary cooperation of the three countries combining the stakeholders' interests, based on local wisdom, acknowledgement of and respect for laws, regulations and policies in the respective countries and taking into consideration relevant multilateral environmental agreements, as well as existing regional and bilateral agreements / arrangements.
- We are willing to cooperate based on sustainable development principles through research and development, sustainable use, protection, education and training, fundraising, as well as other activities that are relevant to trans-boundary management, conservation and development within the areas of the HoB.

To support this Declaration, we, the three countries will prepare our respective project documents incorporating the strategic and operational plans, which will form the basis for the development of our road map towards realizing the vision of the HoB Initiative.

Done at Bali, Indonesia on the twelfth day of February, two thousand and seven in three original copies.

For the Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam	For the Government of the Republic of Indonesia	For the Government of Malaysia
H.E. Pehin Dato Dr Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat Minister of Industry and Primary Resources, Brunei Darussalam	H.E. Mr. M. S. Kaban Minister of Forestry, Republic of Indonesia	H.E. Dato' Seri Azmi bin Khalid Minister of Natural Resources and Environment, Malaysia


ISU 6 KONSERVASI DAN KONFLIK HIDUPAN LIAR

ISU: Jabatan PERHILITAN akan **mewajibkan pematuhan kepada Wildlife Management Plan (WMP)** bagi sebarang projek yang melibatkan habitat hidupan liar


STATUS TINDAKAN

Jabatan PERHILITAN telah menyediakan dokumen yang diperlukan untuk menguatkuasakan WMP iaitu ***Guidance Document on Wildlife Impact Study for EIA* (WIS)** dan ***Guidance Document for Preparation and Submission of Wildlife Management Plan in EIA* (WMP)**

Penguatkuasaan mewajibkan pematuhan kepada WMP hanya boleh dilaksanakan setelah **penurunan kuasa** Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [*Akta 127*] diterima daripada Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar.



Guidance Document on Wildlife Impact Study for EIA (WIS)



Guidance Document for Preparation and Submission of Wildlife Management Plan in EIA (WMP)

WAY FORWARD

Penyediaan draf Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Perwakilan Kuasa kepada Agensi-agensi) dalam tindakan JAS

ISU 7 KESAN KEPADA ALAM SEKITAR – KADAR PENCEMARAN

ISU

- Pencemaran berlaku disebabkan oleh **projek pembangunan ladang hutan**, aktiviti **pembalakan** serta **perlombongan dan kuari**

- Punca utama pencemaran:
  - aktiviti **pembukaan hutan** untuk guna tanah yang **tidak terkawal**
  - **tidak mematuhi** syarat dan kelulusan laporan **EIA**

STATUS TINDAKAN

- Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [*Akta 127*] merupakan mekanisme undang-undang bagi mengawal pencemaran alam sekitar

- Pindaan Akta 127 sedang dilaksanakan - penekanan elemen:
  - pencegahan pencemaran
  - penguatkuasaan undang-undang
  - kawalan alam sekitar bersepadu melalui penggunaan teknologi terbaik
  - pemantauan prestasi dan pelaporan yang lebih telus
  - amalan pematuhan kendiri yang mantap

WAY FORWARD

- **Rang Undang-Undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023** yang merupakan pindaan Akta 127 Fasa 1 telah dibentangkan di Dewan Rakyat untuk Bacaan Pertama pada **16 November 2023**.

- Bacaan seterusnya dirancang pada tahun 2024.

ISU 8 KESAN KEPADA ALAM SEKITAR – BENCANA ALAM (TANAH RUNTUH DAN BANJIR)

ISU

- Kajian pemetaan terperinci bencana geologi banjir puing di Sungai Kupang sedang dilaksanakan
- Pemasangan tolok hujan automatik di satu lokasi yang sesuai di Gunung Inas sedang dipertimbangkan
- JAS Kedah telah membuka Kertas Siasatan pada 22 September 2022 di bawah subseksyen 34A (7) Akta 127 kerana berlaku peristiwa banjir puing yang berpunca dari tapak projek yang tidak diuruskan dengan betul

STATUS TINDAKAN

- Kajian pemetaan terperinci bencana geologi banjir puing di Sungai Kupang **telah selesai**
- **Pemasangan Early Warning System** (EWS) di 2 lokasi berhampiran Sungai Kupang - Masjid Al Falah Kampung Iboi dan Madrasah Al-Ittihadiah di Kampung Bok Bak. **Program kesedaran** melalui Program Pengurusan Risiko Bencana Berasaskan Komuniti (CBDRM) di Surau Ittifaqiyah, Kampung Iboi, Baling, Kedah pada 4 Disember 2022
- JAS Kedah telah membuka 1 kertas siasatan bagi pertuduhan di bawah seksyen 34A(7) Akta 127 berdasarkan siasatan pada 18 Januari 2023. **Kertas siasatan telah dilengkapkan** dan dalam **semakan Unit Pendakwaan, JAS Kedah** bagi mendapatkan **Izin Mendakwa** daripada Timbalan Pendakwa Raya Negeri Kedah.



Laporan Akhir Kajian Pemetaan Bencana Geologi Banjir Puing di Sungai Kupang





Pemasangan EWS di Masjid Al-Falah Sg. Iboi dan Madrasah Al-Ittihadiah di Kampung Bok Bak





Program kesedaran CBDRM di Surau Ittifaqiyah, Kampung Iboi, Baling, Kedah pada 4 Disember 2022

ISU 9 RANCANGAN PENGURUSAN HUTAN

ISU

Terdapat Jabatan Perhutanan Negeri/pemegang lesen Forest Management Unit (FMU) yang **tidak melaksanakan kajian SSP RPH/FMP** atau telah **menjalankan kajian tersebut melangkaui tempoh ditetapkan**

STATUS TINDAKAN

Semenanjung Malaysia

- Johor, Kedah, Kelantan, Pahang dan Terengganu telah **selesai** Kajian SSP 2016-2025
- **Selangor** telah menyediakan Rancangan Pengurusan Hutan (RPH) baharu 2021-2030
- **Pemantauan berterusan** dilaksanakan oleh JPSM terhadap penyediaan RPH dan Kajian SSP bagi semua JPN di Semenanjung Malaysia bagi memastikan matlamat dan objektif RPH dicapai dalam tempoh masa yang ditetapkan
- **Format** panduan penyediaan RPH yang **ditambah baik telah disediakan** untuk dimuktamadkan dalam Mesyuarat Khas Pengurusan pada awal tahun 2024

Sabah

Jabatan Perhutanan Sabah sedang merangka dan menyediakan ***State-Wide 25 Years Master Plan*** bersepadu dengan mengambil kira FMP yang disediakan oleh setiap FMU. Dijadualkan *State-Wide 25 Years Master Plan* tersebut akan dilengkapkan pada **suku ke empat tahun 2024**

ISU 10 PERLOMBONGAN DALAM HUTAN SIMPANAN KEKAL

ISU-ISU

Berlaku **pelanggaran** terhadap peraturan dan perintah berkaitan

Aktiviti perlombongan tanpa kawalan dan pemantauan yang berkesan memberi risiko berlakunya **pencemaran alur air**, **gangguan kestabilan tanah** dan **pengurangan kualiti litupan hutan**

Pembukaan aktiviti perlombongan tanpa kawalan pada kawasan berkecerunan tinggi dan berhampiran sungai - **hakisan berlebihan** dan masuk ke dalam sistem air sungai memberi **impak kepada hidupan akuatik**

Ketidakpatuhan terhadap perundangan - **menyukarkan pemulihan kawasan perlombongan** yang telah diteroka

JMG sedang menyediakan kertas cadangan bersama Certified Inspector of Sediment and Erosion Control (CISEC) Inc. untuk **mewujudkan garis panduan baharu** bagi pelan rekabentuk hakisan dan kawalan kelodak yang khusus untuk industri perlombongan

Akta 525 perlu dikaji dan ditambah baik selaras dengan perkembangan semasa dan prinsip SDG di peringkat global

ISU 10 PERLOMBONGAN DALAM HUTAN SIMPANAN KEKAL (samb.)

STATUS TINDAKAN

- Pengukuhan terhadap kawalan hakisan dan sedimentasi daripada aktiviti perlombongan dilaksanakan melalui **Skim Pengendalian Melombong** di bawah seksyen 10 Akta 525 dan Peraturan-Peraturan Pembangunan Mineral (Skim Pengendalian Melombong, Pelan dan Buku Rekod) 2007

- **Penyelarasan bersama JMG-JAS** mengenai bidang kuasa yang sepadan dengan kepakaran JMG bagi **kawalan pencemaran dan kerosakan alam sekitar akibat aktiviti perlombongan**

- **Penyediaan garis panduan baharu pelan rekabentuk hakisan dan kawalan kelodak untuk industri perlombongan** menggunakan perkhidmatan kepakaran tempatan melalui penyelarasan bersama agensi teknikal (JAS dan JPS), pemain industri perlombongan dan Pihak Berkuasa Negeri (PBN). Dijadual disiapkan dalam tempoh 2 tahun (2024-2025)

WAY FORWARD

Pindaan Akta Pembangunan Mineral 1994 [*Akta 525*]

- Draf rangka pindaan Akta 525 dan matriks perbandingan berkaitan urusan import eksport dalam semakan PUU NRECC

- Pindaan Akta 525 dijadualkan mengambil tempoh selama 3 tahun (2024-2026) kerana ia melibatkan kajian semula yang menyeluruh serta melalui pelbagai peringkat penggubalan undang-undang

ISU 11 RESTORASI HUTAN


ISU

- Pencapaian setakat 31 Disember 2021:
  - 827 ha/1,640 ha (50.4%) keluasan kawasan hutan terosot dipulihkan
  - 0.48 juta/1.03 juta (46.4%) pokok pelbagai spesies ditanam

- Isu mengikut negeri:
  - Pahang - **Kekangan kewangan negeri** dan keupayaan pegawai perhutanan
  - Johor - Terdapat perancangan program restorasi melibatkan 150 ha di HSK Gunung Arong melalui peruntukan Persekutuan atau negeri
  - Selangor - Aktiviti **rawatan dan penyenggaraan** di Kompt. 100 Raja Musa akan dilaksanakan pada 2023

- JPSM dan JPN perlu **memperbanyakkan program latihan** kepada kakitangan jabatan dan kontraktor pembangunan hutan

- Persediaan dalam **membangunkan Garis Panduan Regim Silvikultur Hutan Terosot** melalui Jawatankuasa Penyelidikan dan Pembangunan Program 3RSM dan cadangan pelaksanaan bengkel.



ISU 11 RESTORASI HUTAN (samb.)

STATUS TINDAKAN

2017 - November 2023:
1,103.9 ha/1,640 ha (67.3%) hutan terosot telah dipulihkan

Pahang:
Ibu Pejabat JPSM akan mengeluarkan tender bagi projek restorasi di negeri Pahang bagi tahun 2024

Johor:
Tender telah dikeluarkan pada bulan September 2023 melibatkan kawasan seluas 50 hektar di Hutan Simpan (HS) Gunung Arong melalui peruntukan Persekutuan

Selangor:
Aktiviti rawatan dan penyenggaraan di Kompt. 100 HS Raja Musa dilaksanakan pada **Disember 2023**

60 kursus berkaitan program restorasi telah dilaksanakan pada tahun 2023 oleh JPSM dan JPN untuk meningkatkan keupayaan serta kapasiti dalam melaksanakan program restorasi

JPSM telah melantik FRIM untuk **membangunkan Garis Panduan Regim Silvikultur Hutan Terosot**

ISU 12 TAPAK RAMSAR – TASEK BERA


ISU

- Terdapat **kelemahan dalam pengurusan** Tapak RAMSAR Tasek Bera (TRTB)
- TRTB telah menyediakan Pelan Pengurusan Bersepadu Tasek Bera 2016-2026. **Pelan Pengurusan ini akan disemak semula pada tahun 2023**

STATUS TINDAKAN

Semakan awal Pelan Pengurusan Bersepadu Tasek Bera 2016-2026 pada tahun 2023 **supaya selari** dengan Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan (DKBK) 2022-2030:

- Mengambil kira **Sasaran 8 DKBK 2022-2030**: Mengukuhkan keberkesanan pengurusan kawasan perlindungan termasuk kawasan berkepentingan biodiversiti antarabangsa seperti Tapak Ramsar
- Proses **semakan dibuat secara berterusan** sebelum dimuktamadkan pada tahun 2026



ISU 13 SISTEM DAN TEKNOLOGI PERHUTANAN

ISU	STATUS TINDAKAN
• Pengesahan keberkesanan aktiviti penggunaan bilik War Room tidak dapat dilakukan kerana **tiada rekod pemakluman atau maklum balas** secara rasmi daripada JPN terhadap laporan yang telah dikeluarkan • Sebarang maklum balas hasil daripada laporan pemantauan hanya dilakukan melalui medium sosial media iaitu aplikasi Whatsapp	• JPSM telah menggunakan **e-mel sebagai medium rasmi** kepada JPN untuk melaporkan penemuan awal kawasan terbuka dalam HSK • **JPN menjalankan semakan di lapangan** untuk pengesahan dan tindakan mengikut prosedur yang ditetapkan, dan **mengemukakan laporan kepada War Room** di IPJPSM untuk perekodan • Penambahbaikan pengurusan rekod melalui **pewujudan sistem perekodan laporan War Room** yang telah diguna pakai sejak awal tahun 2023

Sistem Perekodan Laporan War Room

REKOD PEMANTAUAN WAR ROOM BULAN NOVEMBER TAHUN 2023

PEMANTAUAN INSIDEN KEBAKARAN HUTAN DALAM HUTAN SIMPANAN KEKAL DI SEMENANJUNG MALAYSIA (TITIK PANAS)

HUTAN SIMPANAN KEKAL (HSK)	KOMPARTMEN	KEDUDUKAN DALAM HSK	NEGERI	TARIKH	TINDAKAN BPK	PELAPORAN JPN
HS Perias	109	5.06122,101.54552	Kelantan	11/1/2023	Sebanyak 13 titik panas telah dikesan . Walau bagaimanapun hasil semakan didapati hanya 3 titik panas berada di dalam kawasan HSK Negeri Kelantan dan Pahang. Telah dimaklumkan kepada pegawai penyelaras JPN. Laporan penuh telah disertakan	JPN mengambil maklum dan tiada insiden kebakaran dilaporkan. Berlaku kebakaran kecil di hutan Simpan Ulu Jelai dan telah dipadamkan. Kerja-kerja penanaman semula dijalankan oleh JPN Pahang.
HS Perias	110	5.05835,101.54819	Kelantan			
HS Ulu Jelai	739	4.17454,101.64217	Pahang			
T/B	T/B	T/B	Melaka,Negeri Sembilan, Selangor dan Kedah	11/2/2023	Sebanyak 6 titik panas telah dikesan . Walau bagaimanapun hasil semakan didapati semua titik panas tersebut berada di luar kawasan HSK. Telah dimaklumkan kepada pegawai penyelaras JPN. Laporan penuh telah disertakan	JPN mengambil maklum dan tiada insiden kebakaran dilaporkan didalam HSK. Walaubagaimanapun JPN bersiap siaga bagi menangani sekiranya kebakaran hutan berlaku


TERIMA KASIH

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

MESYUARAT PROSIDING JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS BIL.10(B) 2023

AUDITAN KHAS PENGURUSAN HUTAN DAN IMPAK KEPADA ALAM SEKITAR

29 JANUARI 2024 (ISNIN) | 10.00 PAGI
BILIK JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2, BLOK UTAMA BANGUNAN PARLIMEN

KANDUNGAN TAKLIMAT



TUJUAN

Mengemukakan maklumat dan jawapan yang terkini mengenai isu-isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Siri 1 2022: Auditan Khas Pengurusan Hutan dan Impak kepada Alam Sekitar melibatkan:

Butiran	
5.1.4	Penubuhan Ladang Hutan
5.2.2	Kesejahteraan Sosial dan Hidupan Liar
5.2.3	Kawasan Sensitif Alam Sekitar
5.3.2	Pengurusan Sumber Hutan
5.3.3	Pembangunan Hutan Asli
5.3.4	Pengurusan Projek Pembangunan Ladang Hutan (PLH)
5.3.5	Penguatkuasaan dan Pemantauan Sumber Hutan



LATAR BELAKANG

TADBIR URUS PERHUTANAN DI MALAYSIA


LATAR BELAKANG TADBIR URUS PERHUTANAN DI MALAYSIA

Perlembagaan Persekutuan

Perkara 74(2)
Perhutanan terletak di bawah bidang kuasa **Kerajaan Negeri**. Sehubungan itu, setiap negeri **mempunyai kuasa dan kebebasan** untuk **menguatkuasakan perundangan dan dasar perhutanan** di negeri masing-masing

Sabah

- Dasar Hutan Sabah 2018
- Enakmen Hutan Sabah 1968
- Enakmen Hutan (Kayu) Sabah 2015
- Enakmen Taman Sabah 1984
- Enakmen Perlindungan Alam Sekitar 2002
- Enakmen Biodiversiti Sabah 2000



Semenanjung Malaysia

- Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia
- Akta Perhutanan Negara 1984 [*Akta 313*]
- Akta Industri Berasas Kayu 1984 [*Akta 314*]
- Akta Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia 2016 [*Akta 782*]

Sarawak

- Dasar Hutan Sarawak 2019
- Ordinan Hutan Sarawak 2015
- Ordinan Taman Negara dan Rizab Semula Jadi Sarawak 1998
- Ordinan Perlindungan Hidupan Liar 1998

GARIS MASA PENGURUSAN HUTAN DAN ALAM SEKITAR DI MALAYSIA

Skop pengauditan: 2016-2021

Sebelum 2003

Kementerian Perusahaan Utama
Huluan dan Hiliran – (Sektor Perhutanan dan Kayu-kayan)

Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (MOSTE)
Pengurusan Alam Sekitar (termasuk Biodiversiti)

Mac 2003

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE)
Sektor Perhutanan dan Alam Sekitar

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC)
Sektor Kayu-kayan

Mei 2018

Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS)
Sektor Perhutanan

Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC)
Sektor Alam Sekitar

Kementerian Perusahaan Utama (MPI)
Sektor Kayu-kayan

Mac 2020

Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA)
Sektor Perhutanan

Kementerian Air dan Alam Sekitar (KASA)
Sektor Alam Sekitar

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC)
Sektor Kayu-kayan

Nov 2022

Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)
Sektor Perhutanan dan Alam Sekitar

Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK)
Sektor Kayu-kayan

Dis 2023

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)
Sektor Perhutanan dan Alam Sekitar

Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK)
Sektor Kayu-kayan

MAJLIS TANAH NEGARA

- Diwujudkan sebagai platform kepada **Kerajaan Persekutuan dan Negeri** bagi membincangkan berkenaan dasar dan perundangan untuk memajukan dan **mengawal penggunaan tanah bagi maksud perhutanan serta perlombongan, pertanian dan lain-lain** dalam usaha meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesanan pentadbiran tanah negara

- MTN diwujudkan selaras dengan Perkara 91(3) Perlembagaan Persekutuan yang menetapkan supaya mesyuarat MTN hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam setahun.

PENEMUAN AUDIT

ISU, STATUS TINDAKAN DAN *WAY FORWARD*

ISU 1 PENUBUHAN LADANG HUTAN

PENEMUAN

- Baki seluas **100,482.69 ha (47.1%)** masih belum dibuat penanaman
- Negeri **Kelantan, Pahang dan Johor** merekodkan **keluasan kawasan belum ditanam tertinggi**

STATUS TINDAKAN

Sehingga 31 Disember 2023, **61% (144,030.34 ha)** kawasan ladang hutan dalam hutan simpanan kekal (HSK) telah ditanam

- Menubuhkan **Pasukan Petugas Khas** untuk **mengemas kini SOP** Pembangunan Ladang Hutan dalam HSK di Semenanjung Malaysia bagi **mengatasi isu pembangunan ladang hutan**

- Kertas permohonan projek pembangunan RP5 RMKe-12 bertajuk **Kajian Impak Pembangunan Ladang Hutan di dalam HSK di Semenanjung Malaysia terhadap Ekonomi, Sosial dan Alam Sekitar** dengan jumlah peruntukan RM2 juta telah disediakan

WAY FORWARD

- **Draf SOP telah disediakan** dan dalam proses semakan perundangan. Seterusnya akan dibawa ke Persidangan PPN untuk pertimbangan bagi pemakaian di Semenanjung Malaysia

- Permohonan kajian RP5 RMKe-12 akan dibentangkan untuk pertimbangan Kementerian Ekonomi

- Kertas pertimbangan bertajuk "**Status Pembangunan Ladang Hutan dan Kesan Pengenaan Moratorium Kelulusan Baharu Penubuhan Ladang Hutan Terhadap Kerajaan Negeri**" akan dibentang pada MTN ke-81

ISU 2 KESEJAHTERAAN SOSIAL DAN HIDUPAN LIAR

PENEMUAN

A) TAHAP KEPUASAN KOMUNITI ORANG ASLI

- **89% responden kurang berpuas hati** terhadap pengurusan hutan kerana **menjejaskan kehidupan komuniti orang asli** daripada aspek bekalan dan kualiti air serta sungai, ekonomi tempatan dan sosiobudaya

STATUS TINDAKAN

- Setiap aktiviti pengusahasilan hutan perlu dilaksanakan **Penilaian Impak Sosial (SIA)** yang menjadi salah satu keperluan dalam Kriteria dan Petunjuk Malaysia untuk Pengurusan Hutan Mampan (MC&I SFM)

- Penilaian ini dilaksanakan sebelum, semasa dan selepas aktiviti pengusahasilan hutan bagi menilai impak terhadap sosial, ekologi, alam sekitar dan ekonomi

- **Jawatankuasa Bersama JPSM dan JAKOA** telah diwujudkan sejak tahun 2012 untuk membincangkan isu berkaitan masyarakat Orang Asli dan pengurusan hutan di Semenanjung Malaysia

WAY FORWARD

- Aspek ***due diligence*** bagi mengurangkan impak kepada kesejahteraan sosial dan hidupan liar diteruskan melalui pelaksanaan **SIA, Wildlife Management Plan (WMP) dan MC&I (SFM)**

- JPSM secara berterusan melaksanakan **pemantauan kualiti air sungai di dalam kawasan HSK** di Semenanjung Malaysia bagi mendapatkan maklumat berkaitan kualiti air sungai yang jelas dan terperinci. Pemantauan ini dilaksanakan melalui **kaedah automatik** dengan penubuhan Stesen Tetap Hidrologi (STH) dan **kaedah manual** dengan menggunakan peralatan hidrologi iaitu *multiparameter water quality probe* untuk menentukan Indeks Kualiti Air (IKA)

ISU 2 KESEJAHTERAAN SOSIAL DAN HIDUPAN LIAR

PENEMUAN

B) KONSERVASI DAN KONFLIK HIDUPAN LIAR

- Kes **aduan berkaitan gangguan hidupan liar** menunjukkan **trend meningkat** sebanyak 6,002 kes aduan (89%) iaitu daripada 6,741 kes aduan pada tahun 2016 kepada 12,743 kes aduan pada tahun 2021
- Sebanyak **2,562 kes *roadkill*** dari tahun 2016 hingga 2021

STATUS TINDAKAN

- Pasukan khas atau *taskforce* di peringkat negeri dan ibu pejabat Jabatan PERHILITAN telah ditubuhkan pada tahun 2017 bagi menangani isu-isu berkaitan konflik manusia-hidupan liar

- Membina **lintasan hidupan liar** atau *viaduct* di koridor ekologi yang dikenal pasti, **550 papan tanda** lintasan hidupan liar di **180 lokasi** hotspot, **37 set *transverse bar*** bagi tujuan memperlahankan kenderaan dan **24 unit *solar amber light*** untuk memberi peringatan kepada pemandu mengenai kawasan lintasan hidupan liar

WAY FORWARD

- Melaksanakan tindakan-tindakan yang digariskan dalam pelan-pelan tindakan bagi spesies-spesies hidupan liar ikonik seperti National Elephant Conservation Action Plan (NECAP) 2.0 dan Malayan Tapir Conservation Action Plan (MATCAP) sebagai mitigasi bagi pengurusan konflik hidupan liar

- Belanjawan 2024 memperuntukkan sebanyak **RM10 juta** bagi **inisiatif bantuan kerugian harta benda dan tanaman akibat serangan hidupan liar**

- **Penambahan pemasangan papan** tanda lintasan gajah di lokasi *hotspot* lintasan gajah

ISU 2 KESEJAHTERAAN SOSIAL DAN HIDUPAN LIAR

PENEMUAN

B) KONSERVASI DAN KONFLIK HIDUPAN LIAR

- **Kehilangan habitat asal** berikutan **perubahan guna tanah** dan **pencerobohan kawasan berhutan** merupakan punca yang menyebabkan hidupan liar menceroboh penempatan penduduk dan kawasan pertanian sehingga berpotensi mewujudkan konflik manusia-hidupan liar

STATUS TINDAKAN

- Jabatan PERHILITAN akan **mewajibkan pematuhan kepada *Wildlife Management Plan* (WMP)** bagi sebarang projek yang melibatkan habitat hidupan liar

- Jabatan PERHILITAN telah menyediakan dokumen yang diperlukan untuk menguatkuasakan WMP iaitu:
  - ***Guidance Document on Wildlife Impact Study for EIA* (WIS)**
  - ***Guidance Document for Preparation and Submission of Wildlife Management Plan in EIA* (WMP)**

WAY FORWARD

- Penguatkuasaan mewajibkan pematuhan kepada WMP boleh dilaksanakan setelah isu-isu perundangan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [*Akta 127*] dimuktamadkan

ISU 3 KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR

PENEMUAN

- **Garis Panduan KSAS 2017 tidak diguna pakai dan dilaksanakan sepenuhnya di peringkat negeri**
- Hal ini telah menyebabkan **wujudnya aktiviti hutan** seperti pembangunan ladang hutan, usahasil dan perlombongan di KSAS **tanpa mengambil kira tahap kesensitifan kawasan berkenaan**

STATUS TINDAKAN

- Status penerimapakaian Garis Panduan Perancangan (GPP) Pemuliharaan dan Pembangunan KSAS 2017 mengikut negeri sehingga Disember 2022 ialah **73%**:
  - **Menerima pakai tanpa pindaan**:
    3 negeri (Perlis, Pulau Pinang, Terengganu)
  - **Menerima pakai dengan pindaan**:
    5 negeri (Johor, Kelantan, Melaka, Perak, Selangor)
  - **Belum menerima pakai**:
    3 negeri (Kedah, Negeri Sembilan, Pahang)

Sumber: Laporan Status Pemakaian GPP PLANMalaysia kepada Mesyuarat Pengarah Negeri pada 2 Oktober 2023

- Di samping pemakaian GPP tersebut, penetapan kawasan KSAS telah diperincikan dalam **Rancangan Struktur Negeri** (RSN) dan **Rancangan Tempatan Daerah** (RTD).

- RSN dan RTD merupakan dokumen perancangan yang diwartakan sebagai panduan dan mengawal pembangunan termasuk di kawasan KSAS. Walau bagaimanapun, kuasa mentadbir tanah adalah di bawah Pihak Berkuasa Negeri (PBN), maka **garis panduan yang digubal peringkat Persekutuan ada kalanya tidak dipatuhi sepenuhnya**.

- Bidang kuasa Persekutuan hanya boleh mensyaratkan mana-mana pembangunan yang berlaku di kawasan KSAS perlulah merujuk kepada **Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN)** untuk mendapatkan **nasihat** selaras dengan peruntukan subseksyen 22 (2a) (c), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*].

ISU 3 KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR

PENEMUAN

- **Garis Panduan KSAS 2017 tidak diguna pakai dan dilaksanakan sepenuhnya di peringkat negeri**
- Hal ini telah menyebabkan **wujudnya aktiviti hutan** seperti pembangunan ladang hutan, usahasil dan perlombongan di KSAS **tanpa mengambil kira tahap kesensitifan kawasan berkenaan**

WAY FORWARD

- Memperkemas **pindaan aktiviti dalam KSAS** untuk mewujudkan **keseragaman tahap dan kriteria KSAS** dalam penyediaan Rancangan Fizikal Negara Kelima (RFN5) yang akan dijalankan pada 2024.

- Rangka Kerja KSAS sedang disediakan untuk penyelarasan tahap dan kawasan KSAS di semua negeri dan dijangka siap pada **Jun 2024**.

ISU 4 PENGURUSAN SUMBER HUTAN

PENEMUAN

Kelemahan dalam pengurusan RPH/FMP berlaku disebabkan perkara berikut:

- **kekangan peruntukan kewangan** yang diluluskan bagi tujuan pelaksanaan kajian SSP RPH Negeri
- **kaedah pengumpulan maklumat** dan cadangan aktiviti RPH/FMP yang **kurang berkesan**
- **mekanisme pengukuran aktiviti** RPH/FMP yang dinyatakan adalah **bersifat umum dan tidak jelas**
- tindakan **penyeliaan dan pemantauan** terhadap pencapaian RPH/FMP **tidak dibuat secara berkala dan teliti**

STATUS TINDAKAN

- JPSM telah menyediakan **Panduan Penyediaan Rancangan Pengurusan Hutan (Kemaskini 2023)**. Panduan ini telah dibentangkan di Persidangan Pengarah-pengarah Perhutanan Negeri Semenanjung Malaysia (PPNSM) Ke-43 pada 24-27 September 2023

- Dokumen ini akan digunakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri dalam penyediaan RPH yang baharu

WAY FORWARD

- Penyediaan RPH baharu oleh negeri menggunakan format RPH yang telah dikemas kini

ISU 5 PEMBANGUNAN HUTAN ASLI

PENEMUAN

A) USAHASIL

Berlaku pelanggaran terhadap syarat lesen/EIA/aktiviti selepas penuaian (25 kes), ketidakpatuhan garis panduan (3 kes), pelanggaran Perintah/Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (4 kes), ketidakpatuhan manual perhutanan (2 kes) dan pelanggaran Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (1 kes)

STATUS TINDAKAN

- Semakan audit bebas MC&I (SFM) telah dilakukan oleh pihak Sirim QAS International Sdn Bhd ke atas jabatan perhutanan negeri pada tahun 2023 dan **masih mengekalkan pensijilan di negeri masing-masing**. Ini menunjukkan **tahap pematuhan dan tindakan pembetulan telah dilaksanakan** oleh jabatan perhutanan negeri

- Pematuhan secara berkala dijalankan oleh jabatan perhutanan negeri

WAY FORWARD

- Semua skim pensijilan akan diteruskan pada tahun-tahun mendatang

- Pengekalan pensijilan MC&I (SFM) untuk 7 FMU telah dijadikan KPI JPSM bagi tahun 2024

ISU 5 PEMBANGUNAN HUTAN ASLI

PENEMUAN

B) PERLOMBONGAN

Penemuan Audit terhadap pengurusan aktiviti perlombongan di kawasan HSK negeri-negeri terlibat mendapati berlaku **9 pelanggaran** aktiviti tersebut terhadap Akta Pembangunan Mineral 1994 [*Akta 525*] (**8 kes**) dan Akta Perhutanan Negara 1984 [*Akta 313*] (**1 kes**)

STATUS TINDAKAN

- **Pengukuhan terhadap kawalan hakisan dan sedimentasi** daripada aktiviti perlombongan dilaksanakan melalui **Skim Pengendalian Melombong** di bawah seksyen 10 Akta 525 dan Peraturan-Peraturan Pembangunan Mineral (Skim Pengendalian Melombong, Pelan dan Buku Rekod) 2007

- **Penyediaan garis panduan baharu** pelan rekabentuk hakisan dan kawalan kelodak untuk industri perlombongan menggunakan perkhidmatan kepakaran tempatan **secara berfasa** yang dijangka siap pada **tahun 2025**

- Penambahbaikan proses kerja di JMG melalui **Surat Pekeliling Ketua Pengarah Bil.1/2018, 1/2020 dan 1/2021**

WAY FORWARD

- **Pindaan Akta Pembangunan Mineral 1994 [*Akta 525*]**
  Pindaan ini sedang dilaksanakan dan proses dijangka mengambil tempoh selama 3 tahun (2024-2026) kerana melibatkan kajian semula yang menyeluruh serta melalui pelbagai peringkat penggubalan undang-undang

- **Pengasingan sub-unit pelesenan dan penguatkuasaan** kepada 2 unit berasingan

ISU 5 PEMBANGUNAN HUTAN ASLI

PENEMUAN

C) KUARI

18 pelanggaran aktiviti pengkuarian di kawasan HSK terhadap ketetapan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [*Akta 127*] (14 kes), Akta Perhutanan Negara [*Akta 313*] (1 kes), Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 (1 kes) Syarat EIA (1 kes) dan Syarat Lesen Kecil Kuari (1 kes)

STATUS TINDAKAN

- Jabatan perhutanan negeri telah mengenakan syarat dalam Lesen Kecil Kuari dalam HSK supaya **pengusaha kuari mendapatkan kelulusan Skim Kuari oleh JMG** supaya aspek-aspek teknikal dapat dipantau oleh agensi teknikal yang berkaitan

- Bagi kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 yang melibatkan kegagalan menguruskan buangan terjadual (minyak terpakai) dan ketidakpatuhan syarat EIA, pihak pemaju telah dikeluarkan Notis Arahan dan Kompaun

- Penambahbaikan **Prosedur Tetap Operasi Penguatkuasaan EIA Edisi 2022** telah diguna pakai oleh JAS mengikut Arahan Pejabat 12/2022

WAY FORWARD

- Pemantauan berkala dilaksanakan dengan menyediakan program tahunan atau berdasarkan aduan yang diterima oleh JAS serta melalui pemantauan kendiri oleh pihak penggerak projek.

- Operasi bersepadu penguatkuasaan akan dilaksanakan secara bersama oleh JAS, JMG dan Jabatan Perhutanan Negeri.

ISU 5 PEMBANGUNAN HUTAN ASLI

PENEMUAN

D) RESTORASI

Setakat 31 Disember 2021, pencapaian keluasan kawasan hutan terosot yang dipulihkan hanya seluas **827 ha (50.4%)** berbanding sasaran 1,640 ha. Manakala, pencapaian tanaman pokok pelbagai spesies hanya sebanyak **0.48 juta pokok (46.4%)** berbanding sasaran 1.03 juta pokok

STATUS TINDAKAN

- Siling peruntukan persekutuan berjumlah **RM100 juta** telah diluluskan bagi **RMKe-11 dan RMKe-12** untuk penanaman pokok di kawasan terosot seluas **1,640 ha** di bawah Program Restorasi, Tebus Guna dan Pemulihan Kawasan Hutan Terosot di Semenanjung Malaysia (3RSM)

Sehingga 31 Disember 2023, **1,107.9 hektar (67.55%)** kawasan hutan terosot di Semenanjung Malaysia telah dipulihkan dengan penanaman sebanyak **650,779 pokok (63.18%)** di bawah Program 3RSM

WAY FORWARD

- Pelaksanaan bagi baki kawasan Program 3RSM seluas 532.1 hektar dijadual pada tahun 2024 (100 hektar) dan 2025 (432.1 hektar)

ISU 5 PEMBANGUNAN HUTAN ASLI

PENEMUAN

E) TAPAK RAMSAR TASEK BERA

Kelemahan dalam pengurusan TRTB berlaku disebabkan oleh:

- Tindakan **pemantauan dan penguatkuasaan** di kalangan ahli **UPTRTB tidak pernah dilaksanakan** bagi tahun 2016 hingga 2018
- Aktiviti pemantauan bagi tahun **2019 hingga 2021** hanya dijalankan sebanyak **18 kali**
- Mesyuarat Penyelarasan Aktiviti Penguatkuasaan TRTB hanya dilaksanakan **sekali** pada tahun **2020**

STATUS TINDAKAN

- Bagi tempoh **2016-2018**, sebanyak **67 rondaan dan pemantauan** telah dilaksanakan oleh UPTRTB (2016 – 25 kali, 2017 – 13 kali, 2018 – 29 kali)
- Aktiviti pemantauan bagi tahun **2019-2021** adalah sebanyak **52 kali** (2019 – 22 kali, 2020 – 0 kali (PKP), 2021 – 30 kali)
- Mesyuarat Penyelarasan Aktiviti Penguatkuasaan TRTB hanya dilaksanakan sekali pada tahun 2020 disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

WAY FORWARD

- Pemantauan dan penguatkuasaan TRTB sentiasa dilaksanakan dari semasa ke semasa dan diperkukuhkan melalui pewujudan **Markas Taktikal bagi Operasi Bersepadu Khazanah** (OBK) sejak **tahun 2022**
- Penempatan **6 orang Renjer Komuniti** di TRTB di bawah **Program Perlindungan dan Rondaan Biodiversiti (BP3)** untuk menjalankan kerja-kerja pemantauan dan rondaan di kawasan ini

ISU 6 PENGURUSAN PROJEK PEMBANGUNAN LADANG HUTAN (PLH)

PENEMUAN

- Berlaku **kelewatan memulakan penanaman** bagi negeri **Johor, Kelantan, Pahang dan Perak**. Kelewatan adalah bagi tempoh antara **1 bulan hingga 14 tahun** melibatkan keluasan **70,780.93 ha**
- Penanaman PLH **tidak mengikut spesies ladang hutan** di 6 negeri melibatkan **Johor, Kedah, Kelantan, Pahang, Sarawak dan Selangor**. Antara spesies bukan ladang hutan yang ditanam adalah **kelapa sawit, kelapa, nenas, durian dan buah-buahan**
- **Rawatan silvikultur** terhadap pokok ladang hutan **tidak memuaskan** di 3 negeri melibatkan **Kelantan, Perak dan Sarawak**
- Berlaku **ketidakpatuhan** terhadap **syarat lesen, syarat permit, syarat EIA dan peraturan lain** yang berkaitan perhutanan
- Berlakunya **impak negatif terhadap alam sekitar** akibat ketidakpatuhan kepada syarat penilaian kawasan

STATUS TINDAKAN

- Sama seperti Isu 1 (Perkara 5.1.4)
- Terdapat perbezaan spesies yang diluluskan di peringkat negeri oleh Kerajaan Negeri masing-masing kerana kelulusan bagi penanaman spesies di kawasan ladang hutan merupakan bidang kuasa Kerajaan Negeri. **Peranan Kerajaan Persekutuan adalah dalam memberi nasihat teknikal**

WAY FORWARD

- Sama seperti Isu 1 (Perkara 5.1.4)
- Selaras dengan Perlembangaan Persekutuan, Kerajaan Persekutuan melalui JPSM **meneruskan peranan dalam memberi nasihat teknikal dan menyelaraskan keseragaman pelaksanaan di lapangan** melalui SOP dan garis panduan

ISU 7 PENGUATKUASAAN DAN PEMANTAUAN SUMBER HUTAN

PENEMUAN

A) KERTAS SIASATAN BAGI KESALAHAN HUTAN

Daripada 3,586 kertas siasatan dibuka di 9 negeri diaudit bagi tempoh tahun 2016 hingga 2021 , bilangan kertas siasatan selesai adalah sebanyak 2,515 kes (70.1%) manakala **baki belum selesai sebanyak 1,071 kes (29.9%)**

STATUS TINDAKAN

- Di peringkat ibu pejabat, JPSM mewujudkan kaedah ***Management Team-based Investigation*** **(MTI)** bagi mempercepatkan penyempurnaan kertas siasatan termasuk kes-kes tertunggak yang belum selesai

- **Latihan berterusan** kepada pegawai serbuan dan penyiasat di JPN

WAY FORWARD

- Kadar penyelesaian kertas siasatan bagi kes kesalahan hutan akan meningkat selepas pelaksanaan MTI

ISU 7 PENGUATKUASAAN DAN PEMANTAUAN SUMBER HUTAN

PENEMUAN

B) PENCEROBOHAN

Sehingga 31 Disember 2021, kawasan seluas **35,789.59 ha dalam HSK** yang melibatkan **851 lokasi** di Malaysia direkodkan telah **diteroka secara haram** dengan pelbagai aktiviti.

STATUS TINDAKAN

- Pemantauan aktiviti pencerobohan:
  - menubuhkan **Bilik Pemantauan Sumber Hutan (*War Room*)**
  - pemantauan melalui sistem ***Forest Monitoring using Remote Sensing* (FMRS)**
  - **operasi bersepadu** di lapangan dengan agensi-agensi di peringkat negeri

WAY FORWARD

- Pemantauan dan pengekangan aktiviti pencerobohan HSK diteruskan setiap masa


TERIMA KASIH



JABATAN PERHUTANAN SABAH


MESYUARAT PROSIDING JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KELIMA BELAS BIL.10(C) TAHUN 2023


AUDITAN KHAS PENGURUSAN HUTAN DAN IMPAK KEPADA ALAM SEKITAR

LITUPAN HUTAN

*t the Rio Earth Summit in 1992, Malaysia is committed to aintain at least **50%** of its land mass under forest cover.*

orest: Land spanning more than 0.5 hectares with trees higher than 5 meters and a canopy cover of more than 10 percent, or trees able to reach these thresholds in situ. It does not include land that is predominantly under agricultural urban land use. *[FAO - GFRA 2020]*






4.7 juta ha (64%)
litupan hutan termasuk Taman-Taman Sabah dan Tanah Kerajaan


Source: Sabah Forestry Department 2024

STATUS SUMBER HUTAN TERKINI

LITUPAN HUTAN DI MALAYSIA
55% (2020)



KELUASAN TANAH SABAH: 7,362,000 HA



64%

LITUPAN HUTAN

4.7 juta ha

- PFE – 3,849,089 ha
- Tanah Kerajaan – 830,430 ha

49%

HUTAN SIMPAN

3.6 juta ha

7 Kelas Hutan Simpan

25%

HUTAN PENGELUARAN

1.9 juta ha

- HS (Kelas II,III,IV,V) - 1.8 juta ha
  - Lesen SFM – 1,527,833 ha
  - Tidak komited – 268,685 ha
  - Diurus oleh JPS – 55,507 ha
- Tanah Kerajaan – 14,940 ha

52%

PERMANENT FOREST ESTATES (PFE)

3.8 juta ha

- HS - 3,574,960 ha
- Taman-Taman Sabah – 245,172 ha
- Santuari Hidupan Liar & Kawasan Konservasi Hidupan Liar – 28,957 ha

27%

KAWASAN TERLINDUNG SEPENUHNYA (KTS)

2.0 juta ha

- HS (Kelas I,VI &VII) – 1,737,875 ha
- Taman-Taman Sabah – 245,172 ha
- Santuari Hidupan Liar & Kawasan Konservasi Hidupan Liar - 28,957 ha


Source: Sabah Forestry Department 2024

PENGURUSAN HUTAN MAMPAN (SFM)

Dasar SFM diterima pakai semenjak tahun 1997


- Penggantian Lesen Jangka Pendek dengan Lesen Jangka Panjang **SUSTAINABLE FOREST MANAGEMENT LICENSE AGREEMENT (SFMLA)**: 50 – 100 years tenure.
- Sabah dibahagi kepada **27 UNIT PENGURUSAN HUTAN (FMU)**
- Pengurusan hutan berubah daripada memberikan tumpuan kepada pembalakan kepada **PENGURUSAN HUTAN PELBAGAI GUNA**
- FMUs diurus oleh Kerajaan Negeri dan pihak swasta






Lesen SFM

- **43 Pelesen** (Jumlah keluasan: 1.5 juta ha)



PENGGUNAAN TANAH HUTAN KAWASAN LESEN SFM



Unzoned area: 295,714 ha



Hutan Asli (NFM) – 318,261 ha (25.7%)

- Penuaian di kawasan NFM
- *Reduced Impact Logging* (RIL)

Kawasan terosot – Rawatan Silvikultur & Penanaman Mengay



Ladang Hutan (ITP) – 600,000 ha (48.4%)

- Penanaman spesies *fast-growing* (10-25 years rotation);
- Kawasan boleh ditanam: 445,606 ha
- Kawasan ditanam: 175,255 ha (15 Disember 2023)



Konservasi – 109,750 ha (8.9%)

- Perlindungan untuk tadahan air, biodiversiti dan tanah



Komuniti – 7,361 ha (0.6%)

- Melaksanakan aktiviti perhutanan sosial dengan melibatkan masyarakat setempat



Perhutanan-Tani – 196,747 ha (15.9%)


- Zon Pertanian (kelapa sawit): 112,636 ha
- Zon Perhutanan: 84,111 ha

PENCAPAIAN PENGURUSAN HUTAN

PENSIJILAN HUTAN

Jumlah Kawasan hutan dipersijilkan (280,616 ha):-

- ❑ FSC Pensijilan Hutan Asli: 55,507 ha
- ❑ FSC Pensijilan Ladang Hutan: 40,281 ha
- ❑ MTCS-PEFC Pensijilan Hutan Asli: 152,815 ha
- ❑ MTCS-PEFC Pensijilan Ladang Hutan: 32,013 ha



PENCAPAIAN PENGURUSAN HUTAN

3) SABAH TIMBER LEGALITY ASSURANCE SYSTEM (SABAH TLAS)



2007
Rundingan EU mengenai FLEGT.

2009
Pembangunan Sabah TLAS.

2010
Sabah TLAS diwajibkan di Sabah

2009-2014
Meliputi operasi huluan berasaskan kayu (P1-P4)

2015-2023
Meliputi Operasi huluan dan hiliran (P1-P6)


2023 seterusnya
Dalam proses selaras dengan keperluan EUDR


Sabah Timber Legality Assurance System (TLAS)
Certificate of Compliance
This is to certify that

Jumlah Sijil Sabah TLAS yang dikeluarkan Tahun 2023

- **Industri Huluan berasaskan kayu**:
  Bil Sijil Sabah TLAS: **43**
  Jumlah keluasan: 1,160,054 ha
- **Industri Hiliran**
  Bil kilang mematuhi Sabah TLAS: **141**
  Bilangan kilang: 153


STATISTIK KESALAHAN HUTAN MENGIKUT KATEGORI (2014 – 2023)



Kes Kesalahan Hutan: 2014-2023



Total fines & Penalties Collection





ISU AUDIT
BERKAITAN WILAYAH SABAH
AUDITOR GENERAL'S DASHBOARD (PERSEKUTUAN)

ISU 1: PENCAPAIAN OUTPUT - PENUBUHAN LADANG HUTAN

Isu 1 : Perenggan 5.1.4.1

Seluas 567,384 ha telah diluluskan untuk pembangunan ladang hutan sehingga 31 Disember 2021.

Keluasan yang telah diusahasil seluas 272,246 ha. Daripada keseluruhan kawasan usahasil tersebut, sebanyak **163,143 ha telah ditanam (60%)**, dan **109,103 ha (40%) kawasan masih belum ditanam** sehingga 31 Disember 2021. Pembukaan kawasan adalah lebih besar berbanding kawasan yang ditanam.

Maklum Balas dan Status Tindakan:

1) Keluasan kawasan usahasil tersebut (272,246 ha) adalah keluasan kasar (*gross area*).
2) Keluasan kawasan yang telah ditanam setakat **15 Disember 2023 seluas 175,255 ha (peningkatan sebanyak 12,112 ha berbanding tahun 2021)**
3) *Action Plan on Forest Plantation Development* (2022 – 2036) telah dilancarkan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2022 dan dilaksanakan.
4) Penubuhan *Steering Committee on Forest Plantation Development* pada tahun 2022.
5) Mengadakan konsultasi pemegang taruh dengan Timber Association of Sabah (TAS) dan Sabah Timber Industries Association (STIA) dua kali setahun.

...

ISU 1: PENCAPAIAN OUTPUT - PENUBUHAN LADANG HUTAN

Maklum Balas dan Status Tindakan:

… sambungan

6) *Letter of Intent* (LoI) Kolaborasi Strategik antara PERKESO dan Jabatan pada tahun 2023 bagi mengatasi isu kekurangan pekerja.
7) Memperkasakan R&D dengan pihak institusi penyelidikan tempatan dan antarabangsa (FRC, FRIM, BFC)
8) Menyediakan buku panduan pengurusan tapak semaian (2023).
9) Transformasi sistem kutipan royalti balak secara atas talian (2023).
10) Membatalkan 2 pelesen yang gagal mematuhi syarat perjanjian (2021 & 2022).

Way Forward:


1) Memperkasakan pelaksanaan *Action Plan on Forest Plantation Development* (2022 – 2036).
2) Menilai dan memantau perkembangan penubuhan ladang hutan melalui Jawatankuasa *Steering Committee on Forest Plantation Development*.
3) Transformasi digital untuk pemantauan dan penilaian prestasi ladang hutan (i-For Sabah dan GeoForest).


ISU: PENCAPAIAN OUTPUT - PENUBUHAN LADANG HUTAN

Isu 1 : Perenggan 5.1.4.1

- **Thrust 4:** Economic Well-Being
- **Objective 1:** To ensure the sustainability and viability of the wood-based industry.

(Sabah Forest Policy 2018)





ISU 2: PENCAPAIAN OUTPUT – HEART OF BORNEO (HoB)

Isu 2: Perenggan 5.1.5.2

A) 3 daripada 8 sasaran output yang ditetapkan, tidak tercapai.
B) 2 daripada 8 sasaran keberhasilan yang ditetapkan, tidak tercapai.

1) **Sasaran output:** Tambahan 400,000 ha Kawasan Terlindung Sepenuhnya (KTS) bagi mencapai 30% KTS menjelang tahun 2025
   Pencapaian: Pertambahan KTS hanya seluas 163,366 ha dalam RMKe-11.

Maklum Balas dan Status Tindakan:


1) KTS 2015 = 1,779,030 ha dan KTS 2020 = 1,942,397 ha.
2) Sasaran tidak tercapai, memandangkan pengukuran pencapaian output hanya dibuat setakat RMKe-11.
3) Pada 2023, Kerajaan Negeri Sabah telah mewartakan kawasan KTS baharu seluas 69,607 ha.
4) Jumlah keseluruhan KTS adalah 2.01 juta hektar (27.3%). Terdapat peningkatan KTS seluas 238,974 ha (dari 2015 sehingga ke 2023).

Way Forward:

1) Kerajaan Negeri Sabah akan meneruskan usaha mengenal pasti kawasan hutan yang mempunyai nilai biodiversiti kritikal (BCA) meliputi hutan simpan dan tanah Kerajaan bagi mencapai 30% KTS (2.2 juta ha) menjelang tahun 2025.


ISU 2: PENCAPAIAN OUTPUT – HEART OF BORNEO (HoB)

KELUASAN KTS NEGERI SABAH




2015
1,779,030 ha

163,367 ha



2020
1,942,397 ha

69,607 ha



2023
2,012,004 ha

ISU 2: PENCAPAIAN OUTPUT – HEART OF BORNEO (HoB)

Isu 2: Perenggan 5.1.5.2

2) **Sasaran Output:** Pembinaan 6 pos lapangan luar untuk tujuan pemantauan
Pencapaian: Hanya 4 pos lapangan luar dibina dalam RMKe-11

Maklum Balas dan Status Tindakan:

1) Peruntukan yang disalurkan dalam RMKe-11 tidak mencukupi untuk melaksanakan sasaran tersebut.
2) Jumlah peruntukan yang dipohon dalam RMKe-11 adalah RM41,567,000. Jumlah peruntukan yang diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU,JPM) adalah RM28,700,900.
3) JPS telah memohon baki siling projek berjumlah RM12,866,100 dalam RMKe-12 dan telah diluluskan oleh Kementerian Ekonomi (KE)
4) Pos Lapangan Luar Serudong telah siap dibina pada Ogos 2023 dan Pos Lapangan Luar Ulu Segama-Malua sedang dibina dan dijangka siap pada Mac 2024.

Way Forward:

1) JPS sedang menyediakan kertas cadangan bagi kesinambungan pengurusan kawasan HoB dalam RMKe-13 melalui NRES khasnya dalam aspek perlindungan biodiversiti.
2) JPS akan membangunkan sistem pemantauan untuk membantu penguatkuasaan melalui penggunaan aplikasi dan teknologi terkini (SMART Patrol).

ISU 2: PENCAPAIAN OUTPUT – HEART OF BORNEO (HoB)



Pos lapangan luar di daerah Ulu Segama-Malua sedang dalam pembinaan dan dijangka siap dalam bulan Mac 2024



Pos lapangan luar di daerah Serudong telah siap pada Ogos 2023

ISU 2: PENCAPAIAN OUTPUT – HEART OF BORNEO (HoB)

Isu 2: Perenggan 5.1.5.2

3) **Sasaran Output:** Perolehan 6 unit kenderaan untuk tujuan pemantauan
Pencapaian: Hanya 3 unit kenderaan telah diperoleh dalam RMKe-11

Maklum Balas dan Status Tindakan:

1) Peruntukan yang disalurkan dalam RMKe-11 tidak mencukupi untuk melaksanakan sasaran tersebut.
2) Jumlah peruntukan yang dipohon dalam RMKe-11 adalah RM41,567,000. Jumlah peruntukan yang diluluskan oleh EPU, JPM adalah RM 28,700,900.
3) JPS telah memohon baki siling projek berjumlah RM12,866,100 dalam RMKe-12 dan telah diluluskan oleh KE.
4) 1 unit kenderaan telah diperolehi pada tahun 2023. Jumlah perolehan kenderaan setakat ini adalah 4 unit.

Way Forward:

1) JPS merancang membuat perolehan baki 2 unit kenderaan, tertakluk kepada ketersediaan baki peruntukan.
2) JPS akan meningkatkan kapasiti keberkesanan rondaan lapangan dengan melaksanakan Latihan Risikan bersama bantuan PDRM, Jabatan Hidupan Liar Sabah, WWF-Malaysia, Panthera, Wildlife Justice Commission (WJC).

ISU 2: PENCAPAIAN OUTPUT – HEART OF BORNEO (HoB)

Isu 2: Perenggan 5.1.5.2

4) **Sasaran Output & Keberhasilan:** Penghasilan 7 Pelan Pengurusan Konservasi (FMP)
Pencapaian: Hanya 2 Pelan Pengurusan Konservasi disediakan

Maklum Balas dan Status Tindakan:

1) JPS menghadapi kekangan untuk mendapatkan perkhidmatan juruperunding tempatan yang bertauliah bagi menyediakan FMP. Kebanyakan juruperunding tempatan tidak berdaftar melalui e-Perunding.
2) JPS menggunakan tenaga profesional dalaman untuk menyediakan FMP.
3) Status kemajuan terkini bagi penghasilan 5 Pelan Pengurusan Konservasi adalah seperti berikut:

No	Hutan Simpan	Status Terkini
1	Ulu Segama-Malua	Siap
2	Northern Gunung Rara	Draf akhir tersedia
3	Pensiangan	Draf akhir tersedia
4	Crocker Range	Pengumpulan maklumat lapangan sedang dilaksanakan dan dijangka lengkap pada 2025
5	Hampuan	Pengumpulan maklumat lapangan sedang dilaksanakan dan dijangka lengkap pada 2025

ISU 2: PENCAPAIAN OUTPUT – HEART OF BORNEO (HoB)

Way Forward:

1) JPS akan menganalisis data ekspedisi saintifik dan memuktamadkan penyediaan draf Pelan Pengurusan Konservasi Hutan Simpan Crocker Range dan Hampuan. Dijangka akan disiapkan dalam suku ketiga 2025.
2) Pelan Pengurusan Hutan Simpan Northern Gunung Rara, dan Pensiangan akan dimuktamadkan selepas proses *peer review* oleh pihak berkepentingan di Sabah.

Way Forward bagi keseluruhan pelaksanaan Inisiatif Heart of Borneo (HoB):

1) Kerajaan Negeri Sabah akan meneruskan pelaksanaan Pelan Tindakan Strategik HoB Sabah 2021 – 2030 dengan bantuan teknikal dan kewangan Kerajaan Persekutuan.
2) Meluaskan dan memperkasa kolaborasi dengan pihak berkepentingan lain dan komuniti bagi melaksanakan strategi HoB terutama di kawasan yang mempunyai risiko impak pembangunan sosioekonomi.
3) Melaksanakan *adaptive management* bagi spesies terancam dengan berpandukan kepada hasil penyelidikan dan ekspedisi saintifik seperti *The Red List of Sabah Endemic Trees.*

ISU 3: RANCANGAN PENGURUSAN HUTAN (FMP)

Isu 2: Perenggan 5.1.5.2

Pelan Sektor Hutan / FMP Wilayah Sabah yang menyeluruh tidak disediakan.

Maklum Balas dan Status Tindakan:


1) JPS sedang merangka dan menyediakan *State-Wide 25 Years Master Plan* bersepadu dengan mengambil kira FMP yang disediakan oleh pihak FMU serta maklumat penyelidikan dan ekspedisi saintifik terutama melibatkan kawasan yang dikategorikan sebagai *Biodiversity Critical Areas* (BCA).
2) Dijadualkan *State-Wide 25 Years Master Plan* tersebut akan dilengkapkan pada suku keempat tahun 2024.


Way Forward:


1) JPS akan melaksanakan sepenuhnya *State-Wide 25 Years Master Plan* melalui konsep *large landscape approach* dan membuat penjajaran semula *(realign)* semua FMP yang disediakan oleh pihak FMU untuk menjamin fungsi ekologi BCA tidak terjejas oleh pembangunan sosioekonomi.

ISU 3: RANCANGAN PENGURUSAN HUTAN (FMP)


- **Development of a STATE-WIDE 25-YEAR FOREST MANAGEMENT PLAN**








Biodiversity, Landscapes & Ecosystems Composite Map






Strategy: To ensure **no reduction** in the area under forest reserves

Action Plan: To **replace** any excised forest reserves with areas of comparable size and quality in line with the **Managed Retention Policy** towards achieving **No Net Loss/Net Gain (NNL/NG)**.

(Sabah Forest Policy 2018)

Source: FRC, Sabah Forestry Department 2023

LARGE LANDSCAPE APPROACH TOWARDS STATE-WIDE 25-YEAR FOREST MANAGEMENT PLAN



SYOR AUDIT 1: PROSES PENGUMPULAN DAN VERIFIKASI DATA

Syor Audit 1:

NRECC, JPSM, JHS dan JPS melaksanakan proses pengumpulan dan verifikasi data kawasan berhutan nasional secara tahunan dengan mewujudkan pangkalan data yang lengkap mengenai HSK, kawasan perlindungan dan hutan tanah Kerajaan.

Maklum Balas dari Jabatan Perhutanan Sabah:

- Setakat ini wilayah Sabah melaksanakan proses pengumpulan dan verifikasi data kawasan berhutan setiap 2 tahun sekali.
- Amalan ini merujuk kepada keperluan pelaporan data hutan nasional yang dikehendaki oleh NRES.
- Seiring dengan syor LKAN 2022, Jabatan bersedia melaksanakan proses pengumpulan dan pelaporan kawasan berhutan setiap tahun, tertakluk kepada proses verifikasi data yang dibantu oleh Agensi Angkasa Malaysia (MYSA).

Terima kasih

Call / Fax us:

Tel: (6-089) 242500
Fax: (6-089) 671303

Email us:

E-mail : htan@sabah.gov.my

Follow us:

Website: http://www.forest.sabah.gov.my
https://www.facebook.com/sabahforestrydepartment

Photo by Bryane Ernest, SFD

MESYUARAT PROSIDING JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KELIMA BELAS BIL. 10(C) TAHUN 2023

AUDITAN KHAS PENGURUSAN HUTAN DAN IMPAK KEPADA ALAM SEKITAR

29 JANUARI 2024 | 2.30 PETANG

BILIK JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2, BLOK UTAMA BANGUNAN PARLIMEN



KANDUNGAN TAKLIMAT

1. TUJUAN
2. TABIR URUS HUTAN DI SARAWAK
3. ISU DAN PEMASALAHAN
4. STATUS TINDAKAN SEMASA
5. WAY FORWARD

TUJUAN

Mengemukakan maklumat dan jawapan yang terkini mengenai isu-isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Siri 1 2022: **Auditan Khas Pengurusan Hutan dan Impak kepada Alam Sekitar** khusus bagi **Sarawak**

Pencapaian Output

5.1.1. Litupan Hutan
5.1.4.1 Ladang Hutan
5.1.5.2 Rangkaian Ekologi – Heart of Borneo
5.3.2.1 Rancangan Pengurusan Hutan

LATAR BELAKANG

TADBIR URUS HUTAN DI SARAWAK

KERANGKA INSTITUSI SEKTOR PERHUTANAN DI SARAWAK

MUDeNR
Kementerian Sumber Asli & Pembangunan Bandar

Menggubal Dasar Negeri: tanah, hutan, galian, kayu, alam sekitar dan sumber semula jadi lain

JABATAN TANAH DAN SURVEI SARAWAK (L&S)

- ✓ Berkaitan dengan perancangan, penilaian dan survei tanah
- ✓ Penguatkuasaan undang-undang Kanun Tanah Negeri Sarawak

JABATAN HUTAN SARAWAK (JHS)

- ✓ Pengurusan sumber hutan
- ✓ Pewartaan HSK
- ✓ Operasi perhutanan dan penguatkuasaan

LEMBAGA SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR (NREB)

- ✓ Melindungi dan menguruskan alam sekitar dan pemuliharaan sumber asli berdasarkan prinsip-prinsip pembangunan mampan

SARAWAK FORESTRY CORPORATION (SFC)

- ✓ Mengurus KTS dan pemeliharaan hidupan liar


PERBADANAN KEMAJUAN PERUSAHAAN KAYU SARAWAK (PUSAKA)

- ✓ Menyelaras dan mempergiat perkembangan yang dirancangkan bagi industri yang berasaskan kayu-kayan (*downstream*)


Harwood Timber Sdn. Bhd.


- ✓ Memantau pergerakan rantaian balak


PUNCA KUASA & DASAR PERHUTANAN SARAWAK



9








KOMITMEN MELESTARI KHAZANAH HUTAN

Malaysia komitmen untuk mengekalkan 50% (16.5 juta ha) kawasan berhutan



42.4%

Sarawak menyumbang litupan hutan di Malaysia




62%

(7.65 Juta ha)

***Sekarang**

LATAR BELAKANG - POLISI GUNA TANAH DI SARAWAK



PENEMUAN AUDIT DAN ISU BERBANGKIT

ISU, PEMASALAHAN, STATUS TINDAKAN DAN *WAY FORWARD*

ISU 1: PENCAPAIAN OUTPUT - LITUPAN HUTAN (5.1.1)

- Terdapat trend penurunan bagi kawasan liputan hutan di Sarawak.

(Penurunan tersebut masih dalam lingkungan sasaran hutan Sarawak)

FAKTOR PENGURANGAN LIPUTAN HUTAN

1. Penubuhan ladang-ladang pertanian bagi melonjakkan bagi memastikan bekalan sumber makanan sentiasa mencukupi
2. Pembinaan Projek Hidro Elektrik (HEP), kawasan perumahan baharu, penempatan semula dan perbandaran baru
3. Pewujudan dan kepesatan pembangunan kawasan industri

PENGHIJAUAN
MALAYSIA
KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK
2021 - 2025

100 juta pokok
5 tahun



PENGHIJAUAN MALAYSIA & GREENING SARAWAK CAMPAIGN



PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA & GREENING SARAWAK CAMPAIGN

Komited Menanam 35 juta Pokok

(2021-2025)

SARAWAK

32,234,313 pokok

setakat 31 Disember 2023

ISU 1: PENCAPAIAN OUTPUT - LITUPAN HUTAN (SAMB...)

- Terdapat trend penurunan bagi kawasan litupan hutan di Sarawak.

(Penurunan tersebut masih dalam lingkungan sasaran hutan Sarawak)

STATUS TINDAKAN

1. Mempergiatkan usaha pemantauan dan penguatkuasaan kawasan hutan
2. Mempergiatkan inisiatif mewartakan kawasan Hutan Simpan Kekal yang baharu (sehingga kini seluas **3.96 juta** ha telah diwartakan iaitu peningkatan sebanyak **21.3 ribu** ha dari tahun 2021 hingga 2023)
3. Memperkenalkan dasar ekonomi hijau (cth polisi perdagangan karbon, *renewable energy*)
4. Menambah baik Forests Ordinance Sarawak (Cap.71)
5. Mewajibkan pensijilan FMC bagi semua lesen jenis jangka panjang (F30)
   - (24 lesen @ 2.05 juta ha telah dipersijilkan)

WAY FORWARD

1. Menambah baik (meminda) Peraturan Hutan (Forest Rules) Sarawak.
2. Pengeluaran lesen ladang hutan di kawasan *stateland* supaya ia dapat diklasifikasikan sebagai kawasan berhutan
3. Menggalakkan penglibatan komuniti di ladang hutan
4. Memanfaatkan teknologi terkini dalam aktiviti pengurusan dan penguatkuasaan hutan (COMOS dan EFIMS)

ISU 2: PENCAPAIAN OUTPUT - LADANG HUTAN (5.1.4.1)

- 47.8% @ 0.48 juta ha kawasan lesen ladang hutan belum ditanam.

FAKTOR MEMPENGARUHI LADANG HUTAN YANG BELUM DITANAM

1. Penubuhan ladang yang tidak produktif

- Pemilihan baka spesies kurang sesuai dengan kawasan ladang

2. Kos operasi ladang hutan yang tinggi

- Kos operasi ladang hutan sangat tinggi (penubuhan, penebangan, pengangkutan)

3. Kekangan dalam penyelidikan

- Kekurangan pakar penyelidk dalam *species matching*

4. Kekurangan tenaga buruh

- Bergantung kepada buruh asing
- Sumber tenaga kerja asing berkurangan disebabkan polisi pengambilan pekerja asing

5. Konflik guna tanah

- Tuntutan pemilikan kawasan oleh komuniti membantutkan kerja-kerja perluasan tanaman ladang hutan

ISU 2: PENUBUHAN LADANG HUTAN (SAMB...)

- 47.8% @ 0.48 juta ha kawasan lesen ladang hutan belum ditanam.

STATUS TINDAKAN

1. Mempergiatkan usaha penanaman ladang hutan
   - Pertambahan kawasan penanaman daripada 52% @ 0.52 ribu ha (2021) ke 58% @ 0.58 juta ha (2023)

2. Pembatalan lesen yang gagal memenuhi syarat-syarat lesen ladang hutan
   - (4 lesen @ 0.33 juta ha)

3. Mengeluarkan surat amaran kepada pelesen yang gagal mencapai sasaran 40% (ditetapkan) sehingga kini

4. Menambah baik baik tadbir urus pengurusan hutan ladang
   - (mekanisme pemantauan, penambahan sesi libat urus, penggunaan teknologi dan lain-lain)

5. Penubuhan pusat penyelidikan khas bagi kajian ladang hutan dan spesies pokok ladang hutan
   - Industrial Forerst Research Central (IFRC)

6. Mempergiatkan usaha mendapat dana tambahan untuk penyelidikan ladang hutan (RMKe-12).

ISU 2: PENUBUHAN LADANG HUTAN (SAMB...)

WAY FORWARD

1. Penggunaan spesies pokok ladang hutan yang sesuai *(high quality planting material)*

2. Mencadangkan agar kilang (*mini mill*) dibina di dalam kawasan lesen

3. Meminda undang-undang *The Forests (Planted Forests) Rules* 1997 bagi menggalakkan penglibatan komuniti dalam ladang hutan

5. Mempergiat usaha penyeliaan pengilang mengubah suai mesin-mesin yang bersesuaian *(retooling)*

7. Mencari idea dan inovasi baharu
   - *Sarabom*
   - *Seed blaster*

ISU 3: RANGKAIAN EKOLOGI – HEART OF BORNEO (SAMB...)

- Pelan Strategik KeTSA 2021-2025 (pelaksanaan inisiatif HOB) belum dikemas kini.
  - HOB: PIF belum dikemas kini

STATUS TINDAKAN	Cadangan telah dibawa ke *HOB State TWG* dan telah memutuskan supaya Project Implementation Framework (PIF) disemak semula agar selaras dengan Post Covid Development Strategy (PCDS) 2030.
WAY FORWARD	Semakan semula PIF disiapkan pada suku kedua 2024.

ISU 4: RANCANGAN PENGURUSAN HUTAN

- Kesemua *Forest Management Plan* (FMP) di peringkat *Forest Management Unit* (FMU) wilayah Sarawak masih belum dikaji semula
- Lima pelesen tidak menyatakan tempoh kajian FMP secara khusus
- Tempoh FMP pelesen yang tidak dikaji semula adalah antara 15 hingga 30 tahun

FAKTOR

1. Semakan hanya dilakukan sekiranya terdapat keperluan (maklumat/ penemuan baharu dalam kawasan lesen yang memiliki pensijilan FMC dan mempunyai FMP
2. Hanya lesen pembalakan jangka panjang yang memiliki pensijilan FMC dikehendaki menyediakan satu FMP/RPH yang lebih komprehensif dan disemak semula FMP setiap lima tahun
3. Keperluan semakan hanya dilakukan sekiranya ada arahan daripada Jabatan Hutan Sarawak dari semasa ke semasa

ISU 4 : RANCANGAN PENGURUSAN HUTAN (SAMB...)

STATUS TINDAKAN

Semua pemegang Lesen Jangka Panjang diwajibkan untuk mendapatkan pensijilan pengurusan hutan **selewat-lewatnya pada tahun 2030**. Ini bermakna FMP juga turut disemak dan dipinda setiap lima tahun

WAY FORWARD

Tindakan untuk membatalkan lesen akan dikenakan kepada pemegang lesen yang gagal mendapatkan dan mengekalkan pensijilan pengurusan hutan


SEKIAN, TERIMA KASIH

MAKLUMAT TAMBAHAN

THE STATE TASK FORCE ON ILLEGAL LOGGING (STFIL)



Established on 1st April 2015 directive by CM,

Members: Government Agencies, Statuary bodies, and Licensees (Big 6)

Awang Tengah chairs meeting on illegal logging

KUCHING: Second Minister of Resource Planning and Environment, Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan chaired a meeting on illegal logging in Wisma Alam conference room, 20th Floor, Petra Jaya in Kuching yesterday morning.

The meeting which acts as a platform to coordinate the various agencies relating to logging activities was also to ensure the efficient enforcement of logging activities and at the same time to foster cooperation and increase awareness among industry players and the public in the fight against illegal logging in Sarawak as a whole.

Also present were Assistant Minister in the Chief Minister's Department (Promotion of Technical Education) Datu Len Talif Salleh, State Secretary, Tan Sri Datuk Amar Mohamad Morshidi Abdul Ghani, Director of Forestry Department, Sapuan Ahmad, head of government departments and agencies.



AWANG Tengah (left) about to hold a meeting on illegal logging at Wisma Alam, Petra Jaya yesterday morning. Seen on the right is Tan Sri Datuk Amar Mohamad Morshidi, the State Secretary. PHOTO: PENERANGAN

AKTIVITI PENGUATKUASAAN HUTAN

297
KES KESALAHAN (2021- Nov 2023)

RM4,398,786
nilai jualan kayu rampasan

RM1.3 juta
Kompaun kesalahan hutan









OPERASI PENGUATKUASAAN DARAT, AIR DAN UDARA

Operasi Pemeriksaan Kilang Papan



Pemeriksaan lori di jalan balak



Operasi Pemeriksaan Kilang Papan



Rondaan bersepadu bersama Polis Marin



Operasi bersepadu bersama SPRM



Pemeriksaan kayu balak dalam *barge*



Pemeriksaan di kolam balak



Pemeriksaan di kolam balak



Serbuan hasil risikan




Operasi Pemeriksaan Kilang Papan




Serbuan dikolam balak menggunakan helikopter



Pemeriksaan kayu balak dalam *barge*





VIDEO – THE GUARDIAN OF SARAWAK’S FORESTS

Contohi Perlis, Selangor terima pakai pindaan Akta Perhutanan 2022


Oleh SAIFULLAH AHMAD Follow

30 April 2024 05:09pm Masa membaca: 4 minit




Dengar cakap Tuk Ameer


Apa prioriti kita yang sebenar?


Mandatori isytihar kerusi kosong


PRK Sungai Bakap bagai buku bertemu ruas


Kenapa sampai bocor?

LAGI >

UNDIAN PEMBACA

Adakah pilihan raya kecil akan memberi indikasi sokongan terkini rakyat terhadap kerajaan?

Nik Nazmi (kanan) mengiringi Sultan Nazrin (dua dari kanan) menyempurnakan Majlis Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 di Bulatan Sultan Azlan Shah, Meru Raya di sini pada Selasa.

A- A A+

Untuk berita terkini Sinar Harian, ikuti di Telegram dan TikTok kami

IPOH - Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) menggesa semua kerajaan negeri mencontohi Perlis dan Selangor yang telah menerima pakai Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 2022 di negeri masing-masing.

Menterinya, Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, pindaan akta tersebut yang telah dua tahun dilaksanakan itu penting untuk dimasukkan di dalam enakmen sedia ada di negeri-negeri untuk memastikan semua menggunapakai piawaian sama berkaitan perhutanan.

Jelas beliau, antara perkara penting di dalam pindaan akta tersebut termasuklah mengadakan sesi pendengaran awam sebelum sebarang penyahwartaan kawasan hutan dibuat selain menggantikan secara serta-merta kawasan hutan yang sudah dinyahwarta.

> **"RUU (Rang Undang-Undang) itu telah meletakkan satu standard dan aspirasi supaya piawai ini dipenuhi oleh kerajaan-kerajaan negeri tetapi tanpa pindaan yang**

- Ya
- Tidak
- Hanya PRU

Email

Vote

News Hub

dibuat di peringkat negeri, jadi tidak ada kuasa undang-undang yang berkesan.

"Sebab itu kita perlu kerajaan negeri untuk buat pindaan yang ada. Saya percaya ada negeri-negeri lain sedang usahakan tapi kita harap lebih banyak lagi selain daripada Selangor dan Perlis dapat selesaikan pewartaan pindaan tersebut," katanya kepada pemberita selepas Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 di Bulatan Sultan Azlan Shah, Meru Raya di sini pada Selasa.



Nik Nazmi ditemui selepas Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 di Bulatan Sultan Azlan Shah, Meru Raya, pada Selasa.

Majlis tersebut disempurnakan Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dengan turut dihadiri Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim; Raja Muda Perak, Raja Jaafar Raja Muda Musa; Raja Puan Besar Perak, Raja Nazhatul Shima Idris Shah dan Raja Dihilir Perak, Raja Iskandar Dzurkarnain Idris Shah.

Turut hadir pada majlis itu, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad.

Artikel Berkaitan:

- **Sultan Selangor titah kerajaan negeri taja 36 jemaah haji**
- **Kumpulan Profesor Kesihatan dan Perubatan tak setuju cadangan pindaan Akta 50**
- **Polis Selangor terima peruntukan RM6.7 juta baiki, selenggara kuarters**

Nik Nazmi berkata, pihaknya akan sentiasa mendapatkan maklumat terkini daripada kerajaan negeri mengenai pindaan Akta Perhutanan tersebut sama ada telah diguna pakai di peringkat negeri atau sebaliknya.

Jelasnya, secara umum pengurusan hutan di negara ini menunjukkan perkembangan positif apabila ia diusahakan secara lestari dengan pewartaan mengikut piawaian yang telah ditetapkan.

Bagaimanapun, perkara itu tidak boleh diambil mudah kerana tekanan pembangunan sentiasa berlaku sehingga menyebabkan beberapa insiden penyahwartaan kawasan sensitif alam sekitar.

Sementara itu, Nik Nazmi berkata, kerajaan sedang meneliti pindaan terhadap Akta Pembangunan Mineral 1994 khususnya berkaitan unsur nadir bumi bukan radioaktif (NR-REE).

Menurutnya, perbincangan telah dilakukan bersama Kementerian Ekonomi, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi serta Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri minggu lalu mengenai perkara tersebut.

"Kita membincangkan apa perancangan seterusnya bagi NR-REE yang mana kita merasakan perlu melihat secara menyeluruh sebab kalau kita tengok Akta Pembangunan Mineral ini perlu kita perbaiki untuk memastikan kita tidak hanya eksport bijih mentah tetapi ada pemprosesan bijih strategik ini di dalam negara.

"Perlu ada beberapa penyesuaian, tetapi kita percaya ia boleh dibuat dalam kerangka perlembagaan sedia ada. Itu sedang diteliti," katanya lagi.

*Ikuti Channel rasmi Sinar Harian di WhatsApp supaya anda tidak terlepas berita-berita terkini daripada kami. Jom! **Klik di sini!***

www.parlimen.gov.my/pac



JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

Parlimen Malaysia, Jalan Parlimen, 50680 Kuala Lumpur

Tel: 03-2601 7263 / 2968 6852 (DL)

E-mel: pacparlimen@parlimen.gov.my

